

**SEJARAH PENGASASAN DAN ASAL USUL KERAJAAN
BRUNEI BERDASARKAN SUMBER LISAN**

HAJI ABDUL KARIM BIN HAJI ABDUL RAHMAN

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**SEJARAH PENGASASAN DAN ASAL USUL KERAJAAN
BRUNEI BERDASARKAN SUMBER LISAN**

HAJI ABDUL KARIM BIN HAJI ABDUL RAHMAN

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **HAJI ABDUL KARIM BIN HAJI ABDUL
RAHMAN**

No. Pendaftaran/Matrik: **AHA 060020**

Nama Ijazah: **DOKTOR FALSAFAH**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**SEJARAH PENGASASAN DAN ASAL USUL KERAJAAN BRUNEI
BERDASARKAN SUMBER LISAN**

Bidang Penyelidikan: **SEJARAH KESULTANAN BRUNEI**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabinya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

[REDACTED]
Tandatangan Calon

Tarikh **4 APRIL 2016**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

[REDACTED]
Tandatangan Sal

Tarikh **4 APRIL 2016**

Nama: **ABDULLAH ZAKARIA BIN GHAZALI**
Jawatan: **FEL0 PENYELIDIK KANAN**

ABSTRAK

Secara umumnya, tradisi lisan merupakan satu carabagi masyarakat menyalurkan maklumat yang diwarisi melalui percakapan. Sebagai disiplin akademik, ia merujuk kepada suatu bidang kajian dan kaedah ianya dikaji. Penulisan sejarah Kerajaan Brunei tidak akan lengkap tanpa sokongan daripada sumber tradisi lisan yang masih banyak tersimpan dalam kalangan penduduk peribumi Borneo. Secara tidak langsung ianya juga sebagai satu usaha untuk menyelamatkan maklumat-maklumat sejarah yang masih belum direkodkan sebelum ianya pupus bersama masyarakat penuturnya. Fokus utama dalam kajian ini ialah tentang sejarah awal Kerajaan Brunei yang diasaskan oleh Awang Alak Betatar pada abad ke-14 Masihi. Dengan menggunakan tradisi lisan etnik Lun Bawang dan Lundayeh yang mendiami Daerah Temburong, Daerah Lawas, Daerah Sapitang dan daerah-daerah di wilayah Bulungan Kalimantan Timur jelas menunjukkan bahawa Raja Brunei yang pertama berasal dari kerajaan di Kalimantan Timur. Faktor penghijrahan merupakan menjadi asas kepada lahirnya sejarah kaum peribumi di Borneo itu yang membawa kepada terbentuk kerajaan-kerajaan peribumi di kawasan pesisir Borneo seperti yang berlaku ke atas Brunei dan kaum-kaum yang lain. Penghijrahan tersebut berlaku atas faktor-faktor ekonomi (mencari kawasan baru untuk penanaman padi), peperangan, ayau (budaya memburu kepada musuh untuk tuntutan adat) dan tuntutan budaya (mencari penempatan baru yang lebih baik). Oleh itu ‘kebenaran’ sejarah yang dituturkan oleh masyarakat peribumi Borneo adalah lahir dari latar belakang kehidupan mereka yang suka berhijrah sehingga melahirkan cerita-cerita yang kita kenali sebagai cerita sejarah. Penulisan sejarah Kerajaan Brunei juga telah berjaya mencetuskan satu pemikiran tentang kehidupan masyarakat peribumi Borneo yang begitu unik dari kepelbagaian budaya penghuninya. Ini disebabkan menulis sejarah Brunei bermakna juga menulis sejarah Borneo itu sendiri yang meliputi tentang

budaya, kepercayaan dan alamnya. Oleh itu penulisan sejarah bukan semata-mata tentang peristiwa atau fakta tetapi yang lebih penting ialah memahami pemikiran penduduknya. Penulisan ini tidak akan berjaya jika hanya bermaksud untuk mendapatkan kebenaran sejarah berdasarkan kepada perspektif sekarang. Misalnya bagaimana kita menghubungkan kebenaran sejarah itu dengan peristiwa “kelahiran seorang raja dari sebiji telur yang digugurkan oleh seekor burung”. Bidang kajian ini sebenarnya mencabar keupayaan berfikir dalam mentafsir setiap makna di sebalik unsur-unsur mitos itu, kerana dalam penyelidikan tradisi lisan tidak ditemui kebenaran yang mutlak melainkan kebenaran persepsi masyarakat pada zamannya. Oleh itu kajian ini cuba memahami tafsiran sejarah dalam skop yang lebih luas bagi mendapatkan persepsi masyarakat peribumi Borneo terhadap apa yang mereka percayai sebagai satu kebenaran sejarah. Dalam penyelidikan tradisi lisan, mencari ketulenan cerita lebih utama daripada mencari kebenarannya. Apa yang dipaparkan dalam kajian ini adalah berupa suatu hipotesis yang boleh dibahaskan di kemudian hari.

ABSTRACT

In a general sense, oral tradition is a way for a society to transmit information across generations through vocal utterance. As an academic discipline, it refers both to a set of field of study and a method by which they are studied. The writing of history of the Kingdom of Brunei would not be complete without the support of the oral tradition sources that are still widely spoken amongst the indigenous people in Borneo. Indirectly, it is also an effort to document all the information of the history that still has not been recorded. This study mainly focuses on the origin of the Kingdom of Brunei, which was initially founded by Awang Alak Betatar in the 14th century AD. The inhabitation of ethnic Lun Bawang and Lundayeh in various areas which include Temburong, Lawas, Sapitang and the province of Bulungan of East Kalimantan is an oral tradition based theory that believes the first Sultan of Brunei came from the Kingdom of East Kalimantan. Migration factor is fundamental to the creation of the history of the indigenous people of Borneo, which led to the formation of 'native' governments of coastal Borneo like what happened in Brunei and other races. The migration occurred due to economic factors (finding new areas for rice cultivation), wars, *ayau* (the culture of head hunting of rivals for claiming customs) and cultural purposes (looking for new and better placement). Hence the 'truth' of history that is spoken by the natives of Borneo came from the background of lives of those who loved to migrate and produced stories that we know as the historical story. Writing the history of the Kingdom of Brunei has also sparked an idea about the lives of the natives in Borneo that is so unique in terms of their cultural diversity. This is because to write the history of Brunei also means to write the history of Borneo, which includes the cultures, beliefs and nature. Thus, the history is not simply about what had happened, or facts, but it is more important to understand the people's ways of thinking. This writing will

not succeed if it is only intended to seek the truth of history that is based on the current perspective. For example, how we connect the truth with the tale of "the birth of a king from an egg which was dropped by a bird". Indeed, this field of research challenges the ability to think and interpret the meaning behind the elements of the myth, as the research of oral tradition found no absolute truth but the truth of people's perceptions of that time. Therefore, this study attempts to grasp the interpretation of history in a broader scope to get the indigenous people's perception of what they believe to be a fact of history. In the traditional oral research, finding the authenticity of the story is more crucial than searching for the truth. What is presented in this study is simply a hypothesis that can be debated later.

PENGHARGAAN

BISMILAHI RAHMAN NIR-RAHIM

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Penyayang. Alhamdulillah saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahuwa Ta'ala, kerana dengan izin dan limpah rahmat serta ‘inayah-Nya akhirnya saya dapat menyelesaikan kajian ini. Sebagai manusia biasa, sudah tentunya usaha ini tidak dapat dilaksanakan tanpa adanya bantuan dan kerjasama dari berbagai pihak yang sama-sama ingin melihat usaha saya dalam kajian ini dapat disiapkan dengan sempurna. Di sini saya mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak-pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pertama sekali ucapan penghargaan dan terima kasih ini khusus saya tujukan kepada Penyelia saya Profesor Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali yang telah banyak meluangkan masa dalam membimbing, membantu dan menyemak kajian ini. Berkat kesabaran dan dorongan beliau akhirnya saya berjaya menyiapkan kajian ini. Penghargaan ini juga saya tujukan kepada ayah dan bonda tersayang Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Seruddin dan Dayang Hjh Banun binti Jambul yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dunia dan akhirat. Kepada isteri tercinta Dayang Hjh Hafidah binti BPTIDSP Hj Metassim dan anak-anak, Dayang Zati Yumni, Awang Mohd, Isham, Dayang Zati Bayani dan Dayang Zati Hazwani diucapkan berbanyak terima kasih kerana telah banyak memberi bantuan, dorongan dan memahami cita-cita saya. Kepada staf Jabatan Sejarah, Universiti Malaya iaitu Puan Salmiah binti Sulaiman dan Dr. Arbaiyah binti Mohd. Noor, Puan Habibah dari Institut Pengajian Siswazah, dan En. Nurizwanfaizi bin Nordin yang banyak membantu saya dalam berbagai urusan sepanjang saya berada di Universiti Malaya.

Akhirnya saya menyembahkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Peduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang telah berkenan mengurniakan Skim Latihan Dalam Perkhidmatan selama empat tahun untuk mengikuti kursus Phd di Universiti Malaya pada tahun 2007-2011. Pengurniaan ini amat besar ertiannya kepada saya dan kepada Pusat Sejarah Brunei tempat saya bertugas dalam meninggikan pendidikan dan pengetahuan saya dalam bidang penyelidikan sejarah.

Awang Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman,
Jabatan Sejarah,
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya.

JADUAL KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	v
PENGHARGAAN	vii
JADUAL KANDUNGAN	ix
SENARAI PETA	xvi
SENARAI CARTA SALASILAH	xvii
SENARAI JADUAL	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
CARTA SALASILAH RAJA-RAJA BRUNEI	xx
BAB 1: PENDAHULUAN	1-43
Pengenalan	1
Latar Belakang Kerajaan Brunei	7
Objektif Kajian	13
Persoalan Kajian	14
Skop Kajian	14
Metodologi Kajian	15
Limitasi Kajian	22
Kajian Lepas	23
Struktur Kajian/Tesis	31
BAB 2: PENGARUH SUMBER LISAN DALAM SUMBER KONTEMPORARI DAN KAJIAN ARKEOLOGI	44-105
Pengenalan	44
Bidang Kajian	46
Brunei Dalam Sumber Cina	47
Kerajaan Brunei Abad Ke-10	49
Kerajaan Brunei Abad Ke-14	55
Brunei Dalam Sumber Barat	63

Sumber Portugis	63
Sumber Sepanyol	66
Sumber Belanda	72
Sumber Inggeris	77
Brunei Dalam Sumber Arkeologi	85
Tapak Arkeologi Terusan Kupang	85
Tapak Arkeologi Sungai Limau Manis	87
Tapak Arkeologi Bukit Mas, Limbang	89
Tapak Arkeologi Kota Batu	90
Sumber Monumen dan Prasasti	96
Penemuan Arkeologi Maritim	99
Cabaran Bidang Arkeologi di Brunei	102
Kesimpulan	103

BAB 3: PENGARUH SUMBER LISAN DALAM SUMBER BERTULIS (MANUSKRIP) 106-177

Pengenalan	106
Bidang Kajian	107
Salasilah Raja-Raja Brunei	108
Ong Sum Ping	120
Kerajaan Johor	122
Sultan Berkat	125
Sultan Bolkiah	126
Perang Kastila	128
Sultan Tengah	129
Perang Saudara	136
Syair Awang Semaun	139
Asal-Usul Awang Alak Betatar	142
Pengasasan Kerajaan Brunei	143
Jajahan Takluk Brunei	145
Kehandalan Awang Senuai	147

Puteri Johor	150
Ong Sum Ping	152
Syarif Mufakih	154
Putera Awang Alak Betatar	154
Hikayat Datuk Merpati	156
Pandangan Rendah Terhadap Brunei	160
Sejarah Orang Melayu di Sarawak	162
Syair Tarsilah Saribas	163
Sultan Muhammad Mansur	164
Maragtas	165
Penghijrahan Kaum Bisaya ke Pulau Panay	167
Balas Dendam ke atas Raja Macatunao	168
Kehidupan di Pulau Panay	169
Wilayah Bisaya	174
Kesimpulan	175

BAB 4: SUMBER LISAN KAMPONG AYER, BRUNEI	178-256
Pengenalan	178
Bidang Kajian	179
Sejarah Orang Brunei di Kampong Ayer	181
Penyelidikan Tradisi Lisan di Kampong Ayer	186
Soalan Kaji Selidik dan Perolehan	188
Mukim Saba	190
Mukim Peramu	193
Mukim Sungai Kebun	198
Mukim Burong Pingai Ayer	203
Mukim Tamoi	205
Mukim Sungai Kedayan	210
Ulasan Hasil Penyelidikan	214
Sumber Pertama:	215
Asal-Usul Awang Alak Betatar	215

Awang Semaun	217
Mendirikan Negeri dan Kerajaan	218
Puteri Johor	218
Ong Sum Ping	219
Sumber Kedua:	220
Semaun	221
Puteri Johor	223
Sumber Ketiga:	223
Negeri Brunei	224
Puteri Johor	224
Wang Sunting (Ong Sum Ping)	225
Jerambak	225
Sumber Keempat:	226
Awang Alak Betatar	226
Puteri Johor	226
Semaun	227
Ong Sum Ping	227
Syarif Mufakih	227
Sumber Kelima:	228
Awang Alak Betatar dan Puteri Johor	228
Semaun	229
Sabung Ayam Brunei dan Jawa	229
Ong Sum Ping	230
Sharif Ali	230
Sumber Keenam:	231
Awang Alak Betatar	231
Jerambak	231
Bersabong Ayam	232
Puteri Johor	232
Ong Sum Ping	232
Syarif Mufakih	233

Sharif Ali	233
Sumber Ketujuh:	233
Awang Alak Betatar	234
Puteri Johor	234
Ong Sum Ping dan Syarif Mufakih	235
Perang Saudara (Sultan Abd. Mubin dan Sultan Muhyiddin)	235
Sumber Kelapan:	236
Awang Alak Betatar	237
Sumber Kesembilan:	239
Awang Alak Betatar Bersaudara	239
Sumber Rujukan Dalam Tradisi Lisan Brunei	241
Kesimpulan	251
BAB 5: SUMBER LISAN PERIBUMI PEDALAMAN BORNEO MENGENAI BRUNEI	257-330
Pengenalan	257
Latar Belakang Kajian	257
Etnik Lun Bawang dan Lundayeh	263
I-pai Semaring	264
Awang Semaun	276
Awang Alak Betatar	281
Temueng	282
Upai Kasan	283
Melanau-Kajang	285
Tugau	287
Bo' Tului	297
Kaum Kayan	303
Bo' Dian	305
Kemangkatan Pengiran Muda Tengah Ismail di Baram	316
Perkahwinan Raja Kayan dengan Puteri Brunei	317
Etnik Baram Hilir	318

Pengaruh Brunei di Long Bam	320
Peristiwa Ayau Babi	323
Kesimpulan	326
BAB 6: SUMBER LISAN PESISIR BORNEO MENGENAI BRUNEI	331-405
Pengenalan	331
Bidang Kajian	332
Penduduk Pesisir Pantai Barat Laut Borneo	334
Kaum Dayak di Sarawak	339
Pengaruh Datu Merpati Ke Atas Kaum Dayak	341
Awang Semaun Dalam Tradisi Lisan Kaum Dayak	343
Orang Melayu di Sarawak dan Brunei	345
Legenda Puteri Johor	349
Perkahwinan Nakhoda Ragam dengan Puteri Milau	352
Kerajaan-Kerajaan di Kalimantan, Indonesia	359
Kerajaan Tanjungpura di Sukadana	362
Perkahwinan Sultan Tengah dengan Puteri Surya Kesuma	365
Kerajaan Tanjungpura di Ketapang (Matan)	366
Perkampungan Orang Brunei	367
Labai	369
Serangan Brunei ke atas Labai	371
Sanggau	372
Surat Wasiat Tanah Watas dari Brunei	373
Kemerdekaan Sanggau dari Brunei	376
Sambas	378
Radin Sulaiman Ibni Sultan Tengah Pengasas Kesultanan Sambas	379
Mempawah	382
Pengiran Abdul Ghapur dari Brunei	384
Banjarmasin	384
Puteri Junjung Buih	385

Kutai	386
Awang Tempatu	387
Asal-Usul Gelaran Awang dan Aji	388
Perkahwinan Ratu Bunga Seruja dengan Sultan Kutai	389
Berau	390
Langkuda Tarawih Bangsawan Brunei	392
Bulungan	393
Datu Munchong Pengasas Kesultanan Bulungan	394
Tarakan	397
Sang Aji Brunei	399
I-pai Semaring	401
Aji Suria Sakti	402
Kesimpulan	403
BAB 7: KESIMPULAN	406-413
RUJUKAN	414-428

SENARAI PETA

Peta 5.1	Perjalanan I-pai Semaring dari Kalimantan Timur ke Brunei melalui Sungai Trusan, Lawas	288
Peta 5.2	Hubungan Kalimantan Timur dengan Sungai Rejang, Baram dan Trusan-Padas	330
Peta 6.1	Alam Melayu Abad ke-15-16	338
Peta 6.2	Kedudukan Negeri-negeri di Borneo-Kalimantan	405

SENARAI CARTA SALASILAH

Salasilah 1	Carta Salasilah Raja-Raja Brunei	xx
Salasilah 7.1	Salasilah Hubungan Raja-raja Tidung Dengan Raja-raja Brunei	413


SENARAI JADUAL

Jadual 7.1 Formula Analisis Fakta + Mitos = Nilai 409-410

SENARAI SINGKATAN

<i>AKTIF</i>	<i>Aktiviti Pusat Sejarah Brunei</i>
<i>ARRS</i>	<i>Asal Raja-Raja Sambas</i>
<i>BMJ</i>	<i>Brunei Museum Journal</i>
<i>JIAEA</i>	<i>The Journal of the Indian Archipelago Eastern Asia</i>
<i>JMBRAS</i>	<i>Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society</i>
<i>JSBRAS</i>	<i>Journal of the Singapore Branch of the Royal Asiatic Society</i>
<i>SMJ</i>	<i>Sarawak Museum Journal</i>
<i>SRB</i>	<i>Salasilah Raja-Raja Brunei</i>
<i>SAS</i>	<i>Syair Awang Semaun</i>
<i>SRS</i>	<i>Salasilah Raja-Raja Sambas</i>

SALASILAH 1: CARTA SALASILAH RAJA-RAJA BRUNEI



Sumber: Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam, Jabatan Pusat Sejarah, Brunei, 1990, hlm.55.

BAB 1: PENDAHULUAN

Pengenalan

Sumbangan sumber lisan dalam penulisan sejarah awal kerajaan Brunei begitu besar sekali kerana dalam tempoh tersebut tidak banyak sumber bertulis yang boleh dijadikan bahan rujukan. Tumpuan kajian ialah khusus kepada sejarah awal Kerajaan Brunei yang didirikan pada pertengahan abad yang ke-14 Masihi oleh Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah). Pemilihan tajuk ‘Sejarah Pengasasan dan Asal Usul Kerajaan Brunei Berdasarkan Sumber Lisan’ adalah merujuk kepada bahan-bahan sejarah Brunei yang masih tersimpan dalam bentuk lisan khususnya dalam kalangan etnik Brunei di Kampong Ayer, etnik Lun Bawang dan Lundayeh di Daerah Lawas dan di Willayah Bolongan, Kalimantan Timur. Sumber lisan akan lenyap bersama masyarakat penuturnya jika tidak ada usaha dilakukan, dengan cara menggunakannya sebagai bahan penulisan adalah cara yang paling baik untuk menyelamatkannya.

Sumber lisan dalam kajian ini khusus kepada cerita-cerita yang berunsur sejarah atau bernilai sejarah yang diwarisi secara turun temurun oleh seseorang individu atau kumpulan masyarakat yang dipercayai mempunyai hubungan dengan cerita yang dituturkan. Sumber lisan yang termasuk dalam kategori ini ialah tradisi lisan atau folklor lisan yang mempunyai nilai sejarah atau mempunyai latar belakang sejarah. Penggunaan istilah tradisi lisan adalah bagi membezakan dengan istilah sejarah lisan yang dikhpususkan kepada pelaku sejarah itu sendiri. Walaupun sumber ini dituturkan secara warisan tetapi sumbangannya terhadap penulisan sejarah masih dianggap penting di samping sumber-sumber bertulis.¹

¹ Menurut Kuntowijoyo, seorang ahli sejarah Indonesia, tradisi lisan adalah sumber sejarah kerana ianya merakam masa lampau masyarakat sebelum wujudnya tradisi bertulis. Tanpa tradisi lisan kita tidak mengetahui apa yang berlaku pada zaman lampau.

Dalam kerangka yang lebih besar tradisi lisan bukan semata-mata mengenai sejarah tetapi juga tentang falsafah, nilai-nilai moral, etika, agama dan kepercayaan, hukum adat, struktur dan organisasi sosial, sastera dan estetika.² Sebab itu untuk memahami sesebuah masyarakat harus dimulai dari memahami tradisi lisan mereka. Kepentingan tradisi lisan dalam kajian ini bukan semata-mata untuk mendapatkan maklumat atau cerita-cerita berunsur sejarah tetapi juga untuk memahami pemikiran masyarakat penuturnya berdasarkan nilai-nilai mereka. Dalam sejarah terlalu sukar mendapatkan kebenaran yang mutlak melainkan kebenaran persepsi yang sentiasa berubah.³ Kajian secara ilmiah ke atas sumber ini perlu dilakukan agar ianya setanding dengan sumber bertulis dan tidak dipertikaikan kewibawaannya.

Setakat ini bahan-bahan yang terdapat dalam tradisi lisan etnik Lun Bawang dan Lundayeh di Daerah Lawas, Sarawak dan Wilayah Bolongan, Kalimantan Timur tidak digunakan sepenuhnya dalam penulisan sejarah Raja-raja Brunei, walaupun diketahui Awang Alak Betatar bersama saudara-saudaranya berasal dari kawasan tersebut.⁴ Pergantungan kepada sumber-sumber bertulis (bahan terbitan) dan rekod-rekod arkib dalam penulisan sejarah Brunei telah mengakibatkan sumber tradisi lisan terus diabaikan. Sumber-sumber China (rekod-rekod China) menjadi satu-satunya bahan rujukan yang mampu melihat sejarah Brunei sehingga sejauh abad ke-6 ke belakang. Selain daripada itu sumber-sumber Barat seperti Portugis, Sepanyol, Belanda dan Inggeris yang datang ke Brunei sejak abad yang ke-16 telah membantu Brunei melihat dirinya sendiri di waktu zaman kegemilangan empayarnya. Sumber-sumber ini terus

Lihat, Kuntoejoyo, "MAKALAH Zaman Pra Aksara" <http://software-comput.blogspot.com/2013/04> (Tarikh diakses 15 September 2013, 8.00 a.m). Tradisi lisan juga tergolong dalam *folklore lisan* iaitu adat istiadat tradisional yang diwarisi turun temurun secara lisan.Lihat, James Danandjaja, "Pendekatan Folklor Dalam Penelitian Bahan-bahan Tradisi Lisan", Pudentia M.P.S.S., *Metodologi Kajian Tradisi Lisan*, Jakarta: Asosiasi Tradisi Lisan (ATL), 2008, hlm. 58.

² Stepanus Djuweng, "Tradisi Lisan Dayak dan Modernisasi Refleksi Metodologis Penelitian Sosial Positif dan Penelitian Partisipatoris", dalam Pudentia M.P.S.S., *Metodologi Kajian Tradisi Lisan*, Jakarta: Asosiasi Tradisi Lisan (ATL), 2008, hlm. 169.

³ Konsep ini sudah dikenalkan oleh Protagoras, seorang ahli falsafah Greece pada abad ke-5 SM yang menolak definisi kebenaran mutlak kerana apa yang benar bagi seseorang itu mungkin tidak benar orang lain. Ia tertakluk kepada latar belakang budaya dan nilai-nilai masyarakat tersebut. Lihat, *The Philosophy Book*, London: Dorling Kindersley Limited, 2011, hlm. 42-43.

⁴ Pehin Dato Haji Mohd. Jamil Al-Sufri dalam bukunya *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, telah menggunakan sumber tradisi lisan etnik Lun Bawang dan kaum Iban di Sarawak dalam membincangkan mengenai asal-usul Raja-raja Brunei, tetapi kedudukan sumber tersebut masih bersifat tradisi lisan bukan sumber sejarah. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, Jilid 1, Brunei: Jabatan Pusat Sejarah, 1990, hlm. 35-43.

digunakan sehingga abad ke-19. Di samping itu Brunei juga memiliki sumber-sumber tempatan yang ditulis dalam bentuk syair, kitab dan surat-surat perjanjian. Di antaranya ialah *Syair Awang Semaun (SAS)*, *Syair Rakis* dan *Salasilah Raja-Raja Brunei (SRB)*.

Walau bagaimanapun, sumbangan sumber-sumber yang dinyatakan itu masih belum cukup untuk melihat sejarah Brunei secara komprehensif. Masih banyak ruang-ruang kosong dalam sejarah Brunei yang belum dibincangkan disebabkan oleh kekurangan bahan rujukan dan fakta-fakta sokongan. Misalnya mengenai dengan sejarah awal Kerajaan Brunei yang diasaskan oleh Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah) pada pertengahan abad yang ke-14. Setakat ini para penulis sejarah hanya berpandukan kepada dua sumber tempatan iaitu *Salasilah Raja-Raja Brunei* dan *Syair Awang Semaun* yang menyentuh mengenai pembentukan kerajaan tersebut. Oleh itu terdapatnya kekosongan sumber dalam tempoh yang penting dalam sejarah Brunei kerana dalam tempoh tersebutlah Kerajaan Brunei didirikan. Di antara peristiwa penting yang berlaku pada zaman kekosongan sumber itu ialah pembentukan Kerajaan Brunei oleh Awang Alak Betatar, perkahwinan baginda dengan Puteri Johor (Singapura), kedatangan seorang putera Maharaja Cina bernama Ong Sum Ping ke Brunei, kedatangan seorang pendakwah Islam dari Taif bernama Sharif Ali dan perluasan Empayar Brunei di Borneo oleh Sultan Bolkiah. Peristiwa tersebut tidak terdapat dalam rekod-rekod bertulis kerana kuasa-kuasa Barat belum datang ke rantau ini. Dalam laporan Antonio Pigafetta seorang bangsa Itali yang menyertai rombongan Ferdinand Magellan datang ke Brunei pada tahun 1521 telah menggunakan sumber lisan dari orang Brunei dalam penulisannya mengenai sejarah Sultan-sultan Brunei. Ini menunjukkan bahawa kedatangan Pigafetta ke Brunei itu juga dianggap sudah terlambat untuk merakamkan peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Brunei itu.

Di sinilah peranannya sumber lisan itu dalam memenuhi kekosongan dalam sejarah Kerajaan Brunei. Banyak penemuan penting dalam sumber lisan yang perlu dibuat kajian semula tentang sejarah awal Brunei sendiri. Misalnya berdasarkan kepada tradisi lisan yang terdapat dalam kalangan etnik Lun Bawang dan Lundayeh di Kalimantan Timur dan daerah-daerah Lawas dan Sepitang Sabah terdapatnya kisah pengembalaan tokoh-tokoh penting dalam sejarah Kerajaan Brunei seperti I-pai Semaring, Awang Semaun dan Awang Alak Betatar ke Brunei dalam misi mereka untuk mendirikan Kerajaan di Brunei. Begitu juga tradisi lisan yang ditemui di Tarakan, Kalimantan Timur mengenai perselisihan dalam keluarga diraja Brunei sehingga membawa kepada penghijrahan salah seorang keluarga diraja yang bernama Datu Munchong ke Bolongan, Kalimantan Timur. Beliau dikatakan waris yang sah memerintah Brunei yang telah diketepikan haknya oleh Sang Aji Brunei. Cerita-cerita tersebut adalah sebahagian daripada berbagai versi mengenai sejarah awal Kerajaan Brunei yang ditemui dalam sumber lisan yang tidak disebut dalam *SRB* dan *SAS*. Oleh itu kajian terhadap sumber lisan ini merupakan suatu yang menarik untuk dibincangkan apabila kita menemui berbagai versi cerita mengenai dengan Kerajaan Brunei yang tidak terdapat dalam sumber-sumber bertulis.

Selain daripada itu sumber lisan juga dapat menyumbangkan fakta-fakta baru tentang perkembangan Empayar Brunei di Borneo pada abad yang ke-15 hingga 19. Perkembangan tersebut merupakan episod penting dalam sejarah Kerajaan Brunei yang sebelum ini dibincangkan berdasarkan maklumat-maklumat yang terdapat dalam sumber bertulis.⁵ Penyelidikan tradisi lisan yang dilakukan oleh Pusat Sejarah Brunei ke atas penduduk Borneo sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1982 mendapati bahawa

⁵ Penulisan sejarah Brunei pada abad ke-15 hingga abad ke-19 banyak bergantung kepada sumber Portugis, Sepanyol, Belanda dan Inggeris yang banyak melaporkan tentang Brunei, di samping sumber Cina dan sumber tempatan seperti *Salsilah Raja-Raja Brunei*. Sumbangan sumber-sumber tersebut dibincangkan dalam Bab 2.

banyak maklumat-maklumat sejarah yang terdapat dalam sumber lisan itu boleh dijadikan sebagai sumber sejarah.⁶

Antara penyelidikan yang telah dilakukan oleh Pusat Sejarah Brunei ialah melakukan pengumpulan maklumat-maklumat sejarah Brunei yang terdapat dalam kalangan orang Brunei di Sabah dan Sarawak yang diketuai sendiri oleh Pengetua Pusat Sejarah Brunei bermula pada tahun 1982.⁷ Pada tahun 1986 Pusat Sejarah Brunei telah mengadakan projek Pengumpulan Tradisi Lisan di Kampong Ayer Brunei yang melibatkan seramai 58 responan (pengkisah) dalam enam buah mukim. Hasil daripada projek tersebut telah berjaya mengumpul kisah-kisah megenai Awang Alak Betatar, I-pai Semaring, Awang Semaun, Ong Sum Ping, Sultan Sharif Ali, Sultan Bolkiah dan Sultan Muhammad Hasan.⁸ Penyelidikan yang berterusan yang dilakukan oleh Pusat Sejarah Brunei sejak penubuhannya itu telah berjaya menyelamatkan khazanah yang berharga ini dari kepupusan.

Kepentingan sumber lisan dalam pengkajian sejarah pada dasarnya sangat ditekankan oleh para sejarawan awal sebelum diperkenalkan penyelidikan sejarah sebagai bidang sains sosial. Al-Mas'udi seorang sejarawan Islam abad ke-10 mengatakan bahawa kebenaran sejarah adalah bergantung kepada tiga sumber utama iaitu tulisan, lisan dan pengalaman tokoh sejarah itu sendiri. Dalam sumber tulisan beliau mengambil tulisan dari ahli falsafah dan saintis Yunani seperti Aristotle untuk kajiannya terhadap alam semula jadi. Dalam sumber lisan beliau melakukan melalui

⁶ Terdapat tujuh perkara dalam dasar penubuhan awal Pusat Sejarah Brunei iaitu antaranya menyelidik dan menyusun susur galur keluarga diraja dan sejarah Sultan-sultan Brunei; menyelidik sejarah pembesar dan orang-orang ternama yang perwira di Brunei; mengadakan pemecutan semula kesan sejarah Brunei; menguatkan semangat rakyat dan penduduk Brunei untuk mengukuhkan taat setia kepada raja; dan memperkenalkan kemasyhuran Brunei melalui sejarah, lihat Awang Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim , “Peranan Pusat Sejarah Brunei Dalam Penyelidikan dan Penulisan Sejarah”, *Pustaka*, Berita Jabatan Pusat Sejarah, Brunei, Bil. 1, 1988, hlm. 6-7.

⁷ Pengetua Pusat Sejarah adalah Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar. Sejak tertubuhnya Pusat Sejarah Brunei pada tahun 1982 beliau telah mengetuai penyelidikan ke luar negara untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai susur-galur keluarga diraja Brunei dan sejarah Sultan-sultan Brunei. Lihat, Ibid., hlm.7.

⁸ *Bengkel Pengumpulan Sejarah Lisan, 6hb. Hingga 12hb. September 1986*, Brunei: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1986, hlm. 34-51.

perbahasan-perbahasan dengan orang-orang Kristian, Yahudi, Khuraniyya dari Iraq, Palestin dan Persia. Beliau juga melakukan melalui pertanyaan dengan pedagang-pedagang, pelaut, golongan cerdik pandai dan para pengembara, khususnya tentang maklumat mengenai keadaan sejarah dan ilmu alam sesebuah kawasan yang tidak pernah diperolehi oleh sejarawan terdahulu (yang tidak ditulis). Sementara melalui pengembaran beliau mendapat banyak pengetahuan tentang alam dan maklumat pensejarahan dari sejarawan terdahulu.⁹

Selain daripada itu al-Mas'udi juga menghubungkan penulisan sejarah itu dengan faktor-faktor persekitaran yang boleh mempengaruhi sifat-sifat manusia seperti faktor geografi dan iklim di suatu kawasan itu. Fenomena ini berlaku ke atas penduduk peribumi Borneo yang mana tradisi lisan mereka adalah berlatar belakangkan dengan kehidupan mereka pada zaman lampau. Dalam kajian ini jelas bahawa tradisi lisan mereka adalah berlatar belakangkan penghijrahan untuk mencari penghidupan yang lebih baik atas faktor-faktor ekonomi iaitu untuk mendapatkan kawasan yang subur bagi bertanam padi, dan faktor keselamatan dari peperangan atau ayau (memburu kepala) serta faktor adat yang menghendaki mereka berpindah ke tempat lain. Oleh itu cerita yang terkandung dalam tradisi lisan mereka adalah mengenai sejarah penghijrahan mereka.

Sementara Benedetto Croce, seorang ahli sejarah dan falsafah bangsa Itali pada abad ke-19 juga mengakui kepentingan sumber lisan (riwayat) ini dalam penyelidikan sejarah dengan syarat ianya hendaklah diubah menjadi sebuah dokumen.¹⁰ Ini bermaksud sumber lisan itu handaklah didokumentasi supaya dapat digunakan sebagai dokumen sejarah. Ahli-ahli sejarah sejak zaman dahulu lagi tidak mengenepikan

⁹ Tarif Khalidi, *Islamic Historiography, the Histories of Mas'udi*, Albany: State University of New York Press, 1975, hlm. 5.
¹⁰ Benedetto Croce, *History: Its Theory and Practice*, New York: Harcourt, Brace and Co. Inc. 1923, hlm. 12.

kepentingan sumber lisan dalam penyelidikan sejarah. Ini mempunyai hubungan dengan sejarah perkembangan awal bidang sejarah itu sendiri yang bermula dari sumber lisan. Penulisan sejarah bangsa Greek pada peringkat awalnya dipenuhi oleh unsur-unsur legenda dan mitos yang mempunyai kaitan dengan falsafah dan pandangan hidup orang Yunani. Keseluruhan penulisan sejarah pada masa itu adalah dalam bentuk puisi, prosa dan legenda yang menggambarkan unsur-unsur falsafah dan budaya hidup mereka.

Tradisi penulisan sejarah Yunani Kuno dikenali sebagai tradisi Homerus iaitu yang dipelopori oleh penulisan puisi Homeris yang terkenal iaitu *Iliad* dan *Odysssey*.¹¹ Penulisan berdasarkan puisi Homeris ini telah berjaya menarik minat orang ramai mendengarnya kerana ceritanya ialah tentang masa lampau yang menjadi kebanggaan orang Yunani.¹² Seperti mana juga dengan masyarakat Melayu zaman dahulu orang Yunani Klasik juga menganggap bahawa tujuan sejarah itu ialah untuk memberi pengajaran dan sebagai contoh dan teladan kepada masyarakat dalam menghadapi kehidupan dan bukannya tentang huraian rentetan peristiwa seperti yang dipelopori oleh sejarawan terkemudian. Di sinilah relevennya kajian ini kerana sejarah awal pengkajian sejarah itu sendiri adalah bermula dari kajian terhadap sumber lisan (tradisi lisan). Dengan kata lain sumber lisan telah menjadi asas kepada penulisan sejarah moden.

Latar Belakang Kerajaan Brunei

Negara Brunei Darusalam terletak di bahagian pesisiran barat laut Pulau Borneo bersempadan dengan Negeri Sarawak, Malaysia sebelah timur dan barat. Brunei merupakan sebuah negara yang kedua terkecil di Asia Tenggara selepas Singapura dengan keluasan 2,226 batu persegi (5,765 km persegi). Dari segi sejarahnya Brunei

¹¹ H.E. Barnes, *A History of Historical Writing 2nd ed.*, New York: Dover Publication, Inc., 1963, hlm. 26

¹² J.B. Bury, *The Ancient Greek Historian*, New York: Dover Publication Inc., 1958, hlm. 2

adalah negeri tertua di Borneo yang sudah wujud sebagai sebuah kerajaan sejak abad ke-6 Masihi. Sementara Kerajaan Brunei mula didirikan pada pertengahan abad ke-14 Masihi apabila runtuhnya kerajaan-kerajaan awal yang pernah didirikan di Sungai Brunei.¹³ Oleh itu Kerajaan Brunei adalah penerus kepada tamadun berkerajaan di Sungai Brunei. Sejak tertubuhnya Kerajaan Brunei pengaruh Brunei mula dikembangkan di seluruh pesisir Pulau Borneo dan Kepulauan Filipina. Buktinya nama Borneo itu sendiri adalah berasal daripada nama Brunei sebelum kuasa-kuasa Barat yang datang ke Alam Melayu pada abad ke-16 menyebutkan dengan panggilan Borneo.¹⁴

Kerajaan Brunei diasaskan oleh Awang Alak Betatar sekitar tahun 1363 apabila dilantik menjadi Raja Brunei yang pertama setelah runtuhnya Kerajaan Brunei awal yang berdiri di Sungai Brunei. Baginda menukarkan namanya kepada Sultan Muhammad Shah apabila memeluk agama Islam. Dalam sumber Cina menyebut bahawa pada tahun 1371 Sultan Brunei sudah menggunakan gelaran Muhammad Shah (Mahamosa),¹⁵ yang bermakna Awang Alak Betatar sudah beragama Islam sebelum atau pada tahun 1371 itu. Berdasarkan sumber-sumber Cina dan bukti-bukti arkeologi yang ditemui di Sungai Brunei menunjukkan bahawa Kerajaan Brunei bukanlah kerajaan yang pertama didirikan di Sungai Brunei. Walau bagaimanapun tidak ada maklumat yang lengkap tentang kerajaan yang pernah wujud sebelum itu yang dipercayai sudah ada sejak abad yang ke-6 Masihi. Kesukaran mendapat sejarah lengkap tentang Kerajaan Brunei awal itu adalah disebabkan masyarakat penuturnya yang mewarisi kerajaan tersebut sudah tidak ditemui lagi. Ini bermakna bukti-bukti dari sumber Cina dan sumber arkeologi tersebut tidak dapat dikesan melalui sumber tradisi

¹³ Ini adalah berdasarkan sumber-sumber Cina yang menyebut nama Brunei sebagai Pu-ni pada abad ke-10 masihi dan penemuan arkeologi di Sungai Brunei pada abad yang sama. Perkara ini dibincangkan dalam Bab 2 .

¹⁴ Sila rujuk peta Borneo pada tahun 1544 yang masih menggunakan Brunai bagi Pulau Borneo. Lihat, Jac. Corn. Van Neck *en Wybrant DE TWEEDDE SCHIPV NAAR O-INDINE 1598-1600*, Linschoten Vereeniging, 1940. (Simpanan Pusat Sejarah Brunei).

¹⁵ Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2010, hlm. 321.

lisian di Borneo. Ini berbeza dengan Kerajaan Brunei yang didirikan oleh Awang Alak Betatar yang masih boleh ditemui masyarakat penuturnya dalam kalangan etnik Lun Bawang dan Lundayeh di Daerah Temburong, Lawas dan Tauran serta beberapa tempat di Kalimantan Timur, di samping etnik Brunei sendiri yang mendiami Kampong Ayer Brunei.¹⁶ Dengan berdirinya Kerajaan Brunei pada tahun 1363 itu bermulanya dinasti kaum Kelabit-Melayu memerintah Brunei, iaitu campuran antara kaum peribumi Borneo dan orang Melayu apabila Awang Alak Betatar berkahwin dengan Puteri Johor (Kerajaan Melayu di Singapura).

Sumber rujukan utama tentang Kerajaan Brunei yang diasaskan oleh Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah) ialah *SRB*¹⁷ dan *SAS*¹⁸. Berdasarkan *SRB*, selepas Sultan Muhammad Shah, pemerintahan Brunei digantikan oleh saudaranya bernama Pateh Berbai yang bergelar Sultan Ahmad (memerintah antara tahun 1408-1425). Disebabkan baginda tidak mempunyai putera sebagai pengganti takhta kerajaan, dilantik menantu baginda Sharif Ali menjadi Sultan Brunei ketiga dengan gelaran Sultan Berkat. Baginda adalah berketurunan daripada Nabi Muhammad saw melalui cucunda baginda Saidina Hasan. Dari keturunan bagindalah lahir Sultan-sultan Brunei seterusnya yang diwarisi secara turun temurun sehingga sekarang sama ada kepada putera yang gahara atau kepada saudara tertua jika sultan berkenaan tidak mempunyai putera yang layak sebagai penggantinya.

Sepanjang pemerintahan Kerajaan Brunei sejak tahun 1363 banyak peristiwa penting telah berlaku yang mengancam kelangsungan politik kerajaannya khususnya dari kuasa-kuasa Eropah yang datang ke Asia Tenggara sejak abad ke-16. Portugis dan Sepanyol yang bertapak di Melaka dan Manila telah berusaha untuk menduduki Brunei

¹⁶ Perkara ini dibincangkan dalam Bab 4 dan Bab 5.

¹⁷ P.L.A. Sweeney (ed.), "Silsilah Raja-Raja Berunei", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, Vol. XLI, Pt. 2, 1968.

¹⁸ *Syair Awang Semaun*, versi Muzium Brunei, simpanan Pusat Sejarah Brunei, (tidak diterbitkan).

dalam usaha mereka untuk menguasai perdagangan rempah dan penyebaran agama Kristian. Percubaan Sepanyol di Manila untuk menjajah Brunei berlaku dalam Perang Kastila pada tahun 1578 yang membawa kepada kejatuhan ibu kota Brunei di Kota Batu kepada tentera Sepanyol selama 70 hari.¹⁹ Peristiwa tersebut telah membawa kepada kebangkitan semula Brunei dari ancaman kuasa Barat yang menjadi saingannya di Borneo dan Kepulauan Filipina.

Dengan kekuatan yang ada pada Brunei telah berjaya mempertahankan kerajaan dan wilayahnya di negeri-negeri barat laut hingga timur Borneo (Sabah dan Sarawak) dan pulau-pulau selatan Filipina sehingga pertengahan abad ke-19. Faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan ini ialah sistem pentadbiran wilayah yang teratur bagi mengawal penduduk di wilayah-wilayah jajahannya dengan mengenakan berbagai jenis cukai, ufti dan penggunaan tenaga manusia (buruh percuma) oleh pemilik-pemilik wilayah tersebut.²⁰ Terdapat tiga kategori wilayah jajahan yang berada di bawah penguasaan Brunei. Pertama kategori wilayah ‘Kerajaan’ yang dipunyai oleh Sultan, kedua wilayah ‘Kuripan’ yang dipunyai oleh kerabat Sultan berdasarkan jawatan yang dipegang, dan ketiga wilayah ‘Tulin’ yang dipunyai oleh kerabat-kerabat Sultan secara warisan.²¹ Sistem pentadbiran wilayah serupa ini telah memudahkan Sultan dan Wazir-wazir baginda mengawal tindak tanduk penduduk di wilayah-wilayah jajahan Brunei, kerana di wilayah itulah juga menjadi sumber kuasa politik dan ekonomi pemilik-pemiliknya. Semakin banyak wilayah ‘Tulin’ yang dimiliki oleh seseorang pembesar itu semakin besarlah pengaruh politik dan juga semakin banyak sumber pendapatannya.²²

¹⁹ Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, “Brunei di Tengah-Tengah Nusantara”, dalam Haji Muhammad bin Awang Abdul Latif , Haji Hashim bin Haji Mohd. Noor, Haji Rosli bin Haji Ampal (eds.), *Brunei di Tengah-Tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Brunei Darussalam, 1994, hlm. 20-24.

²⁰ Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman, *Keruntuhan Empayar Brunei KM-19: Satu Kajian Dari Sudut Ekonomi*, Negara Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei, 2008, hlm. 33-44.

²¹ D.E. Brown, “Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate”, *Monograph of the Brunei Museum Journal*, Vol. 2, No. 2, 1970, hlm. 51.

²² Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman, *Keruntuhan Empayar Brunei KM-19: Satu Kajian Dari Sudut Ekonomi*, hlm. 55-63.

Campurtangan keluarga Brooke di Sarawak dan Syarikat Inggeris Borneo Utara di utara Borneo (Sabah) pada pertengahan abad ke-19 secara tidak langsung telah melemahkan pegangan Brunei ke atas wilayah-wilayah jajahannya di Sarawak dan Sabah. Akibat dari dasar perluasan kuasa Brooke di Sarawak dan Syarikat Inggeris Borneo Utara di wilayah-wilayah jajahan Brunei di Sabah telah membawa keruntuhan kepada Empayar Brunei di Borneo apabila satu persatu wilayah-wilayah jajahannya dikuasai oleh dua kuasa Inggeris tersebut sama ada melalui perjanjian-perjanjian pajakan atau pun pengambilan secara paksa.²³ Bagi menyelamatkan kelangsungan kuasa politik Kesultanan Brunei dari terus hilang ke tangan Brooke di Sarawak, pada tahun 1906 Sultan Brunei terpaksa meletakkan kerajaannya di bawah naungan Kerajaan Inggeris. Bermula pada tahun 1906 itu Brunei telah menempuh era baru dalam pentadbiran kerajaannya dengan mengamalkan sistem pentadbiran Inggeris seperti mana Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Di bawah naungan Kerajaan British itu Brunei telah berjaya membangun semula negerinya dengan berbekal sumber ekonomi yang terhad akibat kehilangan wilayah-wilayah yang kaya seperti Mukah, Baram dan Limbang kepada Brooke di Sarawak.²⁴

Dalam sistem pentadbiran Inggeris di Brunei kedudukan Sultan sebagai ketua kerajaan telah dibayangi oleh kuasa Residen British yang dilantik sebagai penasihat baginda. Dalam perjanjian pernaungan tersebut Sultan dikehendaki menerima nasihat Residen British dalam semua perkara kecuali yang berkaitan dengan agama Islam. Walaupun dalam hierarki pentadbiran Inggeris itu kedudukan Sultan masih ditempatkan di kedudukan yang tertinggi tetapi kuasa mutlak baginda dalam pentadbiran negeri telah berpindah ke tangan Residen. Sultan secara terpaksa menerima perubahan-perubahan yang dibuat oleh Inggeris ke atas sistem pentadbiran Brunei semata-mata untuk

²³ Pengambilan wilayah secara paksa dilakukan oleh kerajaan Brooke ke atas Daerah Limbang pada tahun 1890. Lihat, A.V.M. Horton, *Report on Brunei by M.S.H. McArthur in 1904*, (Monographs in International Studies, Southeast Asia Series), Athen: Ohio University, 1987, hlm. 139.

²⁴ Ibid., hlm. 155-156.

menyelamatkan institusi Kesultanan itu sendiri. Lebih-lebih lagi Sultan-sultan Brunei yang memerintah selepas tahun 1906 itu tidak mempunyai pengalaman memerintah negeri akibat usia mereka yang terlalu muda. Misalnya Sultan Muhammad Jamalul Alam yang menggantikan ayahanda Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamadin yang mangkat pada tahun 1906 baru berusia 12 tahun dan Sultan Ahmad Tajuddin yang menggantikan baginda pada tahun 1924 baru berusia 17 tahun. Ini secara tidak langsung telah memberi kesempatan kepada Residen untuk menguasai sepenuhnya pentadbiran Brunei melalui Majlis Mesyuarat Negeri yang dibentuk oleh Inggeris.²⁵

Pada tahun 1959 Brunei telah berjaya membentuk sebuah perlembagaan bertulis yang dikenali sebagai Perlembagaan Negeri Brunei. Dengan terbentuknya perlembagaan ini bermakna kuasa Sultan dalam pentadbiran kerajaan telah dikembalikan. Perlembagaan ini membawa makna bahawa Brunei telah mendapat kemerdekaan di dalam negeri, sementara kerajaan British terus mengekalkan kuasanya dalam bidang pertahanan dan hal ehwal luar negeri.²⁶ Pada tahun 1984 Brunei telah mendapat kemerdekaan penuh dari Kerajaan British yang telah mengembalikan kuasa mutlak Sultan memerintah negara apabila baginda dengan rasminya mengambil alih tanggungjawab luar negeri daripada Kerajaan British. Dalam menerajui kerajaan yang baru merdeka itu, Sultan telah mengekalkan sistem pemerintahan beraja dengan memperkenalkan konsep Melayu Islam Beraja sebagai falsafah negara.²⁷

Dari segi politik negara Brunei mengamalkan sistem pemerintahan beraja yang diwarisi sejak abad ke-14. Sistem ini terus diamalkan apabila Brunei mencapai kemerdekaannya dari Kerajaan British pada tahun 1984. Dalam sistem tersebut Sultan dengan sendirinya menjadi Ketua Negara dan Ketua Kerajaan. Dengan kata lain dalam

²⁵ Ibid.

²⁶ Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *History of Brunei in Brief*, Bandar Seri Begawan: Brunei History Centre, 2000, hlm. 45.

²⁷ Ibid., hlm. 64.

menghadapi cabaran baru dalam era kemerdekaan Brunei tetap mengekalkan sistem politik tradisinya yang kaya dengan pengalaman sejak Kerajaan Brunei didirikan 700 tahun yang lalu. Namun sistem pentadbiran Brunei tetap mengalami perubahan sesuai dengan kehendak zaman dengan memperkenalkan sistem pentadbiran moden yang diamalkan di negara-negara maju sekarang.

Objektif Kajian

Pertama adalah bagi menempatkan sumber lisan sebagai sumber sejarah setanding dengan sumber kontemporari dan sumber arkeologi. Sejauh ini sumber lisan telah diabaikan peranannya dalam kajian sejarah dengan anggapan bahawa sumber lisan dipenuhi oleh unsur-unsur dongeng dan mitos sehingga kebenaran yang terkandung di dalamnya diabaikan.

Kedua bertujuan untuk membuat teori awal mengenai sejarah awal Kerajaan Brunei yang sebelum ini hanya berpandukan kepada sumber-sumber bertulis yang datang dari laporan-laporan Cina dan Barat. Dalam teori awal tersebut tidak menyatakan peranan penduduk peribumi Borneo dalam pembentukan Kerajaan Brunei. Ini disebabkan oleh bahawa dua sumber tersebut ditulis oleh orang luar Borneo yang berdasarkan kepada persepsi mereka. Oleh itu peranan sumber lisan adalah amat penting kerana ianya datang dari penduduk tempatan dan peribumi Borneo sendiri.

Ketiga bagi mengisi kekosongan dalam penulisan sejarah awal Kerajaan Brunei dengan menjadikan tradisi lisan sebagai sumber kajian selain daripada sumber bertulis (kontemporari) dan sumber arkeologi. Kekosongan yang dimaksudkan ialah mengenai

sejarah asal-usul Awang Alak Betatar yang sebelum ini tidak disebut dalam *SRB* dan *SAS*.

Keempat memelihara tradisi lisan Brunei yang dimiliki oleh penduduk peribumi Borneo dari kepupusan. Kajian ini juga secara tidak langsung dapat menyelamatkan khazanah warisan penduduk peribumi Borneo yang berbentuk lisan dari hilang begitu saja tanpa usaha dilakukan.

Persoalan Kajian

Persoalan utama dalam kajian ini ialah sejauh mana sumber tradisi lisan itu dapat dijadikan sebagai sumber rujukan penulisan sejarah setanding dengan sumber-sumber bertulis, dan seterusnya dapat membantu mengisi kekosongan sumber rujukan mengenai sejarah awal Kerajaan Brunei pada abad yang ke-14. Secara tidak langsung persoalan ini membawa kepada penyelidikan ke atas kerajaan-kerajaan peribumi di Kalimantan Timur yang berdiri sekitar abad ke-13 dan 14 yang mempunyai hubungan dengan Raja-raja Brunei seperti mana disebut dalam tradisi lisan etnik Lun Bawang dan Lundayeh di Daerah Lawas, Sarawak dan Wilayah Bolongan, Kalimantan Timur.

Skop Kajian

Skop kajian ialah pada zaman awal Kerajaan Brunei sekitar abad ke-14 Masihi iaitu mengenai asal-usul Raja-raja Brunei dan peristiwa yang berlaku pada zaman awal kerajaan tersebut. Kawasan kajian tertumpu kepada penduduk-penduduk peribumi Borneo yang mempunyai hubungan langsung dengan sejarah awal Brunei dalam sumber lisan mereka iaitu sumber lisan etnik Brunei di Kampong Ayer dan sumber lisan etnik

Lun Bawang dan Lundayeh di Sarawak, Sabah dan Kalimantan Timur. Di samping itu kajian juga dilakukan ke atas sumber lisan etnik Bisaya di Sabah dan etnik Kajang-Melanau dan Kayan-Kenyah serta etnik Iban di Sarawak yang mempunyai hubungan tidak langsung dengan sejarah Kerajaan Brunei, iaitu hubungan yang berlaku sebelum dan setelah berdirinya Kerajaan Brunei. Kajian juga dilakukan ke atas kerajaan-kerajaan di Kalimantan Indonesia yang mempunyai hubungan dengan Kerajaan Brunei seperti Kerajaan Bulungan, Kutai, Berau, Sukadana, Pontianak dan Sambas.

Metodologi Kajian

Penulis membahagikan metodologi kajian dalam tesis ini kepada dua bahagian iaitu pertama kerja lapangan dan kedua bidang kajian berdasarkan kepada perolehan daripada kerja lapangan tersebut. Dalam kerja lapangan penulis menggunakan kaedah yang diperkenalkan oleh Earl Babbie dalam *metode field research* (penelitian lapangan) yang telah mengemukakan lima tahap kajian dalam tradisi lisan. Pertama merumuskan gagasan, kedua melakukan kajian kepustakaan, ketiga membuat tinjauan literatur, keempat melakukan kegiatan lapangan (Kerja Lapangan) dan kelima menulis laporan.²⁸ Berdasarkan kaedah yang diperkenalkan oleh Earl Babbie itu penulis (digunakan oleh Pusat Sejarah Brunei) telah memperkembangkan pelaksanaan kaedah tersebut sesuai dengan kehendak kajian sesuatu projek itu. Dalam mengenal pasti informan yang sesuai dengan gagasan penyelidikan penulis (Pusat Sejarah) terlebih dahulu mendapatkan senarai nama individu-individu yang mempunyai pengetahuan dengan bidang kajian dengan kerjasama Ketua Kampung di sesebuah kawasan sasaran penyelidikan.

²⁸ Metodologi Earl Babbie ini sering digunakan oleh golongan akademik dan penyelidik dalam penyelidikan tradisi lisan kaum Dayak di Kalimantan dan Borneo, lihat Stepanus Djuweng, "Tradisi Lisan Dayak dan Modernisasi: Refleksi Metodologis Penelitian Sosial Positif dan Penelitian Partisipatoris" dalam Pudentia M.P.S.S.(ed.), *Metodologi Kajian Tradisi Lisan*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia dan Yayasan Asosiasi Tradisi Lisan, 1998, hlm. 171.

Kerja lapangan dilakukan dalam dua peringkat, pertama ialah perjumpaan dengan para informan (pengkisah) yang telah dipilih untuk mendapatkan biodata dan mengenal pasti bidang pengetahuan khusus mereka dalam tradisi lisan itu. Sebelum turun ke lapangan untuk peringkat kedua para penyelidik terlebih dahulu menghadiri bengkel pengumpulan tradisi lisan untuk memberi pengetahuan tentang asas penyelidikan wawancara dan asas penggunaan alat rakaman.²⁹ Kerja lapangan peringkat kedua diadakan melalui projek yang dinamakan Perkampungan Sejarah, di mana para penyelidik berkampung (tinggal) di kawasan atau di kampung tempat penyelidikan dijalankan selama beberapa hari untuk mengadakan sesi wawancara dengan para pengkisah.³⁰ Konsep Perkampungan Sejarah ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu suatu pendekatan yang bertujuan untuk memahami sesuatu fenomena di mana penyelidik terlibat secara langsung dalam pengumpulan data melalui kaedah wawancara dan pengamatan ke atas persekitaran tempat tinggal para pengkisah.³¹

Dalam kajian ini penulis telah memilih empat buah projek penyelidikan tradisi lisan yang telah dijalankan oleh Pusat Sejarah Brunei sejak tahun 1986 hingga tahun 2006 sebagai bahan kajian. Pertama ialah projek *Pengumpulan Tradisi Lisan di Kampong Ayer, Brunei* pada tahun 1986 yang melibatkan sebanyak 30 buah kampung dalam enam buah mukim sebagai kawasan penyelidikan. Mukim-mukim tersebut ialah Mukim Saba, Mukim Peramu, Mukim Sungai Kebun, Mukim Burong Pinggai Ayer, Mukim Tamoi dan Mukim Sungai Kedayan. Seramai 58 orang pengkisah telah berjaya diwawancara bagi mendapatkan maklumat tentang Raja-raja Brunei yang menjadi

²⁹ Kaedah ini mula diperkenalkan di Pusat Sejarah Brunei sewaktu Bengkel Pengumpulan Sejarah Lisan pada tahun 1986, lihat, Othman bin Haji Mohd. Don, “Laporan Bengkel Pengumpulan Sejarah Lisan Negara Brunei Darussalam”, *Pustaka*, Berita Jabatan Pusat Sejarah, Brunei, Bil.1, 1988, hlm. 37-40.

³⁰ Konsep “Perkampungan Sejarah” mula diperkenalkan pada tahun 2001, sebelumnya dikenali sebagai “Bengkel Pengumpulan Sejarah Lisan” pada tahun 1986, lihat HasHa, “Perkampungan Sejarah di Mukim Labi”, *Aktif*, Newsletter Pusat Sejarah Brunei, Bil. 33, Ogos 2001, hlm. 1 dan 8.

³¹ Yeap Keng Leng, “Kajian Kualitatif: Satu Pengenalan”, *Jurnal Keningau*, Bil. 3, 2000, hlm. 25-27.

pengasas Kesultanan Brunei iaitu Awang Alak Betatar, Pateh Berbai, Awang Semaun, Ong Sum Ping, Sultan Bolkiah dan Sultan Syarif Ali.³²

Kedua penyelidikan dalam projek *Menjejaki I-pai Semaring* pada tahun 1990 di kampung-kampung Long Bawan dan Long Midang di wilayah Bulungan Kalimantan Timur; Kampung Ba Kalalan, Buduk Nur, Long Langai, Long Lemutut, Long Semadu, Long Baluyu, Long Kebarangan, Long Rabungan, Long Lopeng, Punang Beratong, di Daerah Lawas Sarawak; dan Daerah Temburong, Brunei. Seramai 20 orang pengkisah telah berjaya diwawancara sepanjang penyelidikan tersebut yang berkisar mengenai tokoh legenda etnik Lun Bawang yang bernama I-pai Semaring. Kisah penghijrahan I-pai Semaring dari Kalimantan Timur ke Brunei mempunyai jalan cerita yang sama dengan kiisah penghijrahan Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya dari hulu Limbang ke Brunei.³³ Hasil penyelidikan dalam projek ini menjadi teras kepada kajian dalam tesis ini yang berupa pelengkap kepada penyelidikan di Kampong Ayer Brunei tahun 1986.

Ketiga penyelidikan dalam projek *Penyelidikan Orang Ulu di Sarawak* pada tahun 2002 di Sungai Baram dan Sungai Rejang ke atas etnik Kayan, Kajang dan Kiput di kampung-kampung Luagan Bunut, Long Laput, Long Lama, Sungai Asap, Belaga, Long Menjawa, Long Amo, Long Sagaham, Bandar Bintulu, Marudi dan Kuala Tutoh.³⁴ Fokus penyelidikan ialah mengenai dengan hubungan Raja-raja Brunei dengan kaum Kayan dan etnik dari kaum Kajang dan Melanau yang telah bermula sejak awal penubuhan Kerajaan Brunei.

³² Bengkel Pengumpulan Sejarah Lisan, 6hb. hingga 12hb. September 1986., Anjuran Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, 1986, hlm. 33-51.

³³ Abd. Karim Hj. Abd. Rahman, "Kesultanan Brunei: Warisan Seriwijaya?", *Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Bandar Seri Begawan: Persatuan Sejarah Brunei dan Universiti Brunei Darussalam, 1989, hlm. 4-7.

³⁴ Haji Abd. Karim Haji Abd.Rahman, "Penyelidikan 'Orang Ulu' di Sarawak", *Aktif*, Newsletter Pusat Sejarah Brunei, Bil. 55, Jun 2003, hlm. 1-10.

Keempat penyelidikan dalam projek *Jejak Kesultanan di Borneo* pada tahun 2006 di wilayah-wilayah Sanggau, Landak, Sambas, Mempawah, Pontianak, Sukadana, Ketapang, Banjarmasin, Berau, Bulungan dan Kutai.³⁵ Penyelidikan ini adalah bagi mengumpul bahan-bahan lisan mengenai hubungan kerajaan-kerajaan pesisir di Kalimantan dengan Brunei iaitu sebagai tambahan kepada bahan-bahan yang diperolehi dari penduduk peribumi di Sarawak.

Dalam bidang kajian hasil daripada kerja lapangan penulis menggunakan beberapa formula yang sering digunakan dalam kajian tradisi lisan atau *folklore*. Di antaranya ialah yang dikemukakan oleh Albert dan Djuweng mengenai tiga konsep asas dalam tradisi lisan iaitu tentang pola fikiran, pola perkataan dan pola perilaku masyarakat penutur.³⁶ Masyarakat penutur diumpamakan sebagai seorang pengarang buku sejarah kerana daripada mereka kita mendapat maklumat tentang sesuatu peristiwa itu. R.G Collingwood dalam karyanya *The Idea of History* mengatakan untuk mengenal karya sejarah kita perlu mengenal latar belakang pengarangnya.³⁷ Begitu juga Kern dalam pengkajian filologi menyebut bahawa untuk mengkaji teks-teks lama perlu dikenali pengarang serta diketahui kebudayaan dan tradisi yang mempengaruhi pengarang tersebut.³⁸ Oleh itu dalam bidang historiografi kita tidak terlepas dari perlunya mengenali mereka yang bertanggungjawab menyampaikan sesuatu maklumat sejarah itu. Dalam kajian ini penulis bukan saja berfungsi sebagai pengumpul cerita-cerita sejarah tetapi juga bergaul dengan masyarakat penutur itu sendiri bagi memahami budaya (cara hidup) dan pemikiran mereka.

³⁵ Haji Abd. Karim Haji Abd. Rahman, “Sejarah Brunei dari Perspektif Borneo: Penyelidikan dalam Jejak Kesultanan di Borneo”, *Pemuliharaan Sejarah dan Tamadun Borneo Ke Arah Pengukuhan Negara Bangsa*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2007, hlm. 577.

³⁶ Stepanus Djuweng, “Tradisi Lisan Dayak dan Modernisasi: Refleksi Metodologis Penelitian Sosial Positif dan Penelitian Partisipatoris”, hlm. 169.

³⁷ Teuku Iskandar, “Tradisi Lisan dan Historiografi Melayu dalam Penyelidikan Sejarah Brunei”, dalam Awang Haji Muhammad bin Abdul Latif, Awang Haji Hashim bin Haji Mohd. Noor & Awang Haji Rosli bin Haji Ampal (eds.), *Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Belia dan Sukan, Brunei Darussalam, 1994, hlm. 44.

³⁸ Ibid.

Dua unsur penting yang penulis gunakan dalam kajian ini ialah pertama menganai dengan fakta yang terdapat dalam sesebuah tradisi lisan dan kedua mengenai dengan nilainya dari kaca mata masyarakat penutur. Fakta yang ditemui dalam tradisi lisan adalah sesuatu yang berbentuk deskripsi iaitu dapat dilukis satu demi satu dan pada prinsipnya dapat diterima oleh semua orang. Sementara nilai adalah sesuatu yang sesuai dengan norma ideal menurut masyarakat pada masa tertentu. Misalnya sesuatu yang benar, yang indah atau yang baik menurut penilaian seseorang harus sesuai dengan masyarakat zamannya. Oleh itu penilaian terhadap sesuatu fakta tersebut berbeza-beza oleh pelbagai orang. Mengikut Bertens untuk memahami apa yang disebut nilai perlu dilakukan perbandingan dengan fakta.³⁹

Fakta yang terkandung dalam sesebuah tradisi lisan itu dianggap sebagai suatu maklumat sejarah kerana sifatnya tidak berubah dan boleh dibuktikan kewujudannya. Awang Alak Betatar yang disebut dalam tradisi lisan Brunei sebagai Raja Brunei yang pertama dalam Kerajaan Brunei adalah suatu fakta. Begitu juga asal-usul Raja-raja Brunei yang dikatakan berasal dari kerajaan di Kalimantan Timur. Sementara nilai-nilai umum dalam tradisi lisan Brunei mengenai Raja-raja Brunei dapat dilihat dalam sifat-sifat yang ideal seperti kemuliaan, kegagahan, kepintaran dan ketaatan yang diberikan secara berlebih-lebihan kepada tokoh-tokoh utama seperti Awang Alak Betatar, Awang Semaun dan Upai Semaring. Di sini penulis mengemukakan satu lagi unsur penting dalam kajian tradisi lisan itu ialah unsur mitos yang sering ditemui dalam sesebuah tradisi lisan.

³⁹ K.S. Zaimar, “Metodologi Penelitian Sastra Lisan”, dalam Pudentia M.P.S.S. (ed.), *Metodologi Kajian Tradisi Lisan*, Jakarta: Asosiasi Tradisi Lisan, 2008, hlm. 169.

Mitos adalah berasal daripada bahasa Yunani bermaksud sesuatu yang diungkapkan. Roland Barthes dalam *Mythologies* mentafsirkan mitos sebagai suatu jenis ungkapan atau ujaran (*a special type of speech*) yang mengandungi pesan, yang bukan terhad dalam bentuk lisan atau tulisan tetapi juga dalam bentuk gambar-gambar, filem dan pertunjukkan. Oleh itu mitos adalah suatu sistem komunikasi yang membawa pesan, asalkan saja dibawakan dalam wacana.⁴⁰ Pertunjukan wayang kulit juga dikira sebagai sebuah mitos. Sementara Mircea Eliade dalam teorinya mengenai mitos menghubungkan mitos itu dengan alam semesta seperti mitos kosmogoni (alam semesta), mitos asal-usul dan mitos mengenai dewa-dewa. Mitos jenis inilah yang terdapat dalam tradisi lisan mengenai Raja-raja Brunei. Mengikut beliau mitos tersebut berfungsi untuk memindahkan manusia keluar dari alam duniawi dengan mengadakan hubungan dengan alam ketuhanan atau dewa-dewa. Oleh itu ianya bukanlah berupa pemikiran intelektual dan logika tetapi lebih kepada orientasi spiritual untuk menceritakan bagaimana sesuatu realiti itu muncul dan wujud.⁴¹

Dalam histriografi Melayu tradisi unsur mitos ini merupakan unsur yang penting bagi memberi nilai yang kepada seseorang tokoh itu. Awang Semaun dalam SAS telah ditunjukkan sebagai seorang yang sangat kuat dan gagah berani melalui mitos-mitos yang diberikan. Di antaranya ialah kisah Awang Semaun memakan kepala ikan sumpit-sumpit yang memberi kekuatan luar biasa kepadanya. Kekuatan Awang Semaun digambarkan dengan kemampuannya memecahkan pulau-pulau yang dilanggar oleh perahunya dalam satu perlumbaan perahu di Sungai Brunei. Kisah Awang Semaun dalam tradisi lisan ini dengan jelas bertujuan untuk memberi nilai kegagahan kepada Awang Semaun. Dari sudut fakta sejarah dalam tempoh tersebut (sekitar abad ke-14) Brunei telah muncul sebagai sebuah kuasa politik yang baru di barat laut Borneo dengan

⁴⁰ Ibid., hlm. 344.

⁴¹ P.S. Hary Susanto, *Mitos Menurut Pemikiran Mircea Eliade*, Yogyakarta, Penerbit Kanisius, 1987, hlm. 121.

mempunyai jajahan takluk yang luas. Ini terbukti apabila pada tahun 1371 Brunei mula mengadakan hubungan diplomatik dengan Kerajaan China.⁴² Sejarah kebesaran Kerajaan Brunei banyak dilaporkan oleh sumber-sumber Portugis, Sepanyol dan Belanda pada abad ke-16 dan 17.⁴³ Oleh itu nilai kegagahan yang diberikan kepada Awang Semaun dalam tradisi lisan itu bersesuaian dengan keluasan Empayar Brunei pada abad ke-14 yang sudah tentunya menghendaki seorang panglima yang gagah berani. Dalam membuat penganalisaan kandungan tradisi lisan tersebut, penulis menggunakan kaedah Bertens untuk memahami unsur-unsur fakta dan nilai yang terkandung dalam tradisi lisan yang dipenuhi oleh unsur-unsur mitos itu. Menurut Bertens fakta ialah sesuatu yang boleh dijelaskan dan pada prinsipnya dapat diterima oleh semua orang. Sementara nilai adalah sesuatu yang sesuai dengan norma ideal menurut masyarakat pada masa tertentu.⁴⁴ Dalam kajian ini penulis memasukkan unsur mitos sebagai unsur yang penting dalam tradisi lisan sebagai tambahan kepada dua unsur yang dikemukakan oleh Bertens. Formula yang digunakan dalam menganalisa bahan kajian ialah dengan memisahkan ketiga unsur tersebut iaitu melalui kaedah fakta + mitos = nilai. Pemberian unsur mitos ke atas sesuatu fakta itu adalah semata-mata untuk memberi nilai yang ideal ke atas subjek yang diceritakan dalam tradisi lisan itu.

Selain daripada itu penulis juga menggunakan kaedah kajian perbandingan bagi menentukan nilai sejarah dalam fakta-fakta yang diperolehi dari tradisi lisan tersebut. Setiap fakta yang ditemui atau dipilih perlulah disokong oleh sumber bertulis atau sumber arkeologi bagi mendapatkan keseragaman fakta dari ketiga-tiga sumber tersebut. Ini merupakan suatu proses penyaringan bahan tradisi lisan yang bercampur aduk di antara fakta sejarah dan unsur-unsur mitos. Oleh itu maklumat tradisi lisan yang dianggap bernilai sejarah dalam kajian ini ialah tentang penghijrahan tokoh-tokoh

⁴² Hubungan Brunei dengan Kerajaan China pada abad ke-14 dibincangkan dalam Bab 2, halaman 47.

⁴³ Sumber-Sumber Portugis, Sepanyol dan Belanda dibincangkan dalam Bab 2, halaman 63-77.

⁴⁴ B.H. Hoed "Komunikasi Lisan Sebagai Dasar Tradisi Lisan", dalam Pudentia M.P.S.S., *Metodologi Kajian Tradisi Lisan*, Jakarta: Yayasan Obor dan Yayasan Asosiasi Tradisi Lisan, 1998, hlm. 338.

penting dalam masyarakat peribumi Borneo di Kalimantan Timur ke Brunei sehingga tertubuhnya Kerajaan Brunei pada abad ke-14.

Limitasi Kajian

Masalah utama dalam mendapatkan bahan-bahan yang berbentuk tradisi lisan ialah sumber yang terhad dan hampir pupus, iaitu pengkisah atau informan yang mewarisi sesebuah cerita berkurangan dan tidak dapat menceritakan dengan baik. Sementara itu terdapatnya sumber yang bercampur aduk dengan unsur-unsur mitos sehingga menghilangkan nilai sejarahnya seperti yang berlaku ke atas sejarah Awang Semaun dalam tradisi lisan etnik Brunei di Kampong Ayer. Uniknya perkara ini tidak berlaku ke atas penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman yang tidak menerima pengaruh luar khususnya pengaruh Hindu. Di samping itu pengkisah atau informan yang diwawancara didapati mendapatkan bahan cerita dari SAS, iaitu mereka membaca syair tersebut untuk menambahkan pengetahuan mereka sebelum diwawancara. Ini dengan sendirinya mengurangkan keaslian cerita yang diberikan oleh seseorang pengkisah itu.

Selain daripada itu berlakunya pengaruh budaya etnik terbesar ke atas etnik kecil telah turut mempengaruhi tradisi lisan mereka seperti pengaruh etnik Kayan ke atas etnik Penan dan Kajang di Belaga, Sarawak. Ini menyukarkan menentukan pemilik sebenar cerita tersebut. Begitu juga perkahwinan campur antara etnik di kawasan pedalaman telah mengakibatkan hilangnya atau bercampurnya tradisi lisan mereka. Pengaruh kehidupan moden atau desakan ekonomi menyebabkan nilai-nilai tradisi yang diwarisi oleh sesebuah etnik itu diabaikan. Ini berlaku ke atas generasi muda yang menjadi penerus tradisi tersebut. Keadaan ini secara tidak langsung telah menyukarkan penulis mencari informan yang benar-benar menguasai sesebuah cerita tersebut.

Kehilangan (kematian) generasi tua yang mewarisi cerita sejarah itu bermakna juga kehilangan sumber sejarah yang berharga tanpa adanya usaha untuk mewariskan cerita berkenaan kepada anaknya.

Kajian Lepas

Minat golongan akademik dan para penyelidik terhadap penyelidikan tradisi lisan penduduk peribumi Borneo adalah lebih tertumpu kepada pengkajian dalam bidang antropologi dan linguistik, tidak ramai yang menghubungkan kajian tersebut dengan bidang sejarah.⁴⁵ Walau apa pun tujuannya penulis mendapat manfaat dari usaha mereka itu kerana telah berjaya mengumpul dan menyelamatkan tradisi lisan peribumi Borneo dari hilang begitu saja. Oleh itu penulis banyak bergantung kepada kajian-kajian tersebut khususnya ke atas tradisi lisan etnik-etnik pedalaman Borneo yang mendiami Sungai Rejang, Sungai Baram dan Sungai Trusan sebagai latar belakang kepada kajian penulis.

Di antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Jerome Rousseau terhadap penduduk yang mendiami kawasan lembah Balui yang terletak di hulu Rejang (daerah Belaga, Sarawak). Lembah Balui merupakan penempatan terbesar berbagai etnik peribumi Borneo yang datang dari Apau Kayan di Kalimantan Timur.⁴⁶ Dalam kajian Rousseau telah memberi maklumat penting tentang penduduk-penduduk yang mendiami kawasan tersebut yang terdiri daripada kaum Kayan, Kenyah, Kajang dan Penan, di samping orang Melayu (Melayu Brunei) dan China sebagai masyarakat penghijrah iaitu pedagang yang mendiami Bandar Belaga. Mengikut Rousseau di kalangan penduduk

⁴⁵ Bagi kajian ini para penyelidik yang dimaksudkan ialah mereka yang menerbitkan hasil kajian mereka dalam buku-buku dan jurnal-jurnal akademik seperti *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, *The Sarawak Museum Journal*, *The Brunei Museum Journal*, *Borneo Research Bulletin*, *The Sarawak Gazette*. Stepanus Djaweng menamakan para penyelidik tradisi lisan di Kalimantan Borneo sebagai Para Peneliti yang terdiri daripada pensyarah di universiti dan badan-badan bukan kerajaan. Lihat, Stepanus Djaweng, "Tradisi Lisan Dayak dan Modernisasi", hlm. 171.

⁴⁶ Jerome Rousseau, "The Baluy Area", *SMJ*, Vol. XXII, No. 43, 1974.

peribumi di kawasan tersebut kaum Kayan mempunyai pengaruh ke atas sosial-budaya kaum Kajang dan Kenyah. Ini jelas dalam tradisi lisan dua kaum tersebut tokoh-tokoh legenda Kayan seperti Bo' Diandan Bo' Tului telah mendominasi tradisi lisan mereka. Ini berlaku akibat perkahwinan campur dalam kalangan mereka sehingga sukar mencari pemilik sebenar sesebuah cerita dalam tradisi lisan itu. Penulis telah menggunakan kajian linguistik untuk membezakan antara ciri-ciri persamaan kekerabatan bahasa dan ciri-ciri persamaan kerana pertembungan budaya, seperti yang berlaku di Lembah Balui.⁴⁷

Sementara dalam kajian beliau bertajuk “*Central Borneo: A Bibliography*”⁴⁸ adalah mengenai penempatan awal kaum-kaum dan etnik-etnik peribumi Borneo kaum Kayan-Kenyah, Kajang-Melanau dan Kelabitdi Apau Kayan dan Banjaran Kelabit yang terletak di tengah Borneo, Kalimantan Timur. Dari sini kaum-kaum tersebut berhijrah ke wilayah Sarawak, Sabah dan Brunei melalui Sungai Rejang, Sungai Baram, Sungai Trusan dan Padas. Kajian ini penting sebagai latar belakang sejarah penempatan etnik peribumi yang mendiami sungai-sungai tersebut. Rousseau telah membahagikan kaum peribumi yang mendiami tengah Borneo (di Apau Kayan dan di Apo Duat) kepada tiga kumpulan utama. Pertama kumpulan Kayanik dan Kenyah, kedua kumpulan Kajang (termasuk Melanau, Kajaman dan Meting) dan kumpulan Kelabitik yang mendiami di dataran tanah tinggi Krayan-Kelabit. Berdasarkan pembahagian ini memudahkan penulis mengenal pasti etnik-etnik yang berada dalam kumpulan Kelabitik yang menjadi fokus kajian penulis.

⁴⁷ Dalam kajian linguistik ini penulis menggunakan kajian Paul R. Kroeger, “Language Classification in Sarawak: A Status Report”, *SMJ* Vol. LIII, No. 74, December 1998.

⁴⁸ Jerome Rousseau, “Central Borneo: A Bibliography”, Special Monograph No. 5, *SMJ*, Vol. XXXVIII, No. 59, 1988.

Walaupun pengkaji-pengkaji sebelum ini tidak memberi perhatian terhadap kepentingan sejarah tetapi dengan adakan usaha mereka mengumpul dan membuat pendaftaran senarai tradisi lisan setiap kaum peribumi di Borneo secara tidak langsung telah membantu penulis mengenal pasti latar belakang tradisi lisan setiap kaum peribumi itu. Misalnya Allen R. Maxwell dalam kajiannya bertajuk “*A Survey of the Oral Traditions of Sarawak*” telah memasukkan kisah Opai Simaring (I-pai Semaring), Opai Temuing, Upai Kesan dan Tugau yang dimiliki oleh etnik Lun Bawang, Kelabit dan Melanau dalam senarai ‘klasifikasi tradisi lisan bukan kaum Iban di Sarawak’.⁴⁹ Sementara dalam rencananya bertajuk “*Ethnological Notes on the Muruts of the Sapulut River, Sabah*”, Maxwell telah menyertakan kisah seorang yang bernama Mering iaitu pengasas kepada sistem berketua dalam masyarakat Lun Bawang di Long Ladam, Kalimantan Timur.

Apa yang menarik ialah nama Mering itu serupa dengan nama Semaring (I-pai Semaring) yang banyak disebut dalam tradisi lisan Lun Bawang dan Lundayeh di Kalimantan Timur dan di Daerah Lawas, Sarawak dan Daerah Sepitang, Sabah. Walaubagaimanapun Maxwell tidak menghubungkan kisah I-pai Semaring (disebut juga Upai Semaring dan Mering) dalam kajiannya itu dengan sejarah awal Brunei seperti mana yang berlaku dalam tradisi lisan yang dikumpul oleh penulis pada tahun 1990 ke atas etnik yang sama di Daerah Lawas, dan di Long Midang dan Long Bawan Kalimantan Timur.

Sementara kisah I-pai Semaring versi Lundayeh di Long Pasia dan Long Mio, Sabah telah dikumpul dan diterbitkan oleh Lene Topp dan Lait Lakong dalam buku bertajuk “*The Lundayeh of Long Pasia and Long Mio, Their History and Legends*”.⁵⁰

⁴⁹ Allen R. Maxwell, “A Survey of the Oral Traditions of Sarawak”, *SMJ*, Vol. XL, No. 61. 1989.

⁵⁰ Lene Topp, *The Lundayeh of Long Pasia and Long Mio, Their History and Legends*, Denmark: WWF, 2006.

Kisah I-pai Semaring dalam sumber tersebut mempunyai jalan cerita yang sama dengan versi Lun Bawang di Daerah Lawas. Persamaan ini sudah tentu disebabkan oleh cerita tersebut berasal dari tempat yang sama iaitu di Long Bawan, Kalimantan Timur. Dengan adanya versi Lundayeh yang sudah diterbitkan itu secara tidak langsung telah menambah bahan kajian penulis menggunakan versi Lundayeh itu.

Selain daripada kisah I-pai Semaring, seorang lagi tokoh legenda Lun Bawang yang mempunyai hubungan dengan sejarah awal Brunei ialah Upai Kasan. Cerita ini diperolehi hasil penyelidikan James Deegan dan Robin Used ke atas etnik Lun Bawang di Long Tuma, Lawas, dan diterbitkan dalam rencana bertajuk “*Upai Kasan: a Lun Bawang Folktale*”.⁵¹ Pada dasarnya kisah Upai Kasan mempunyai jalan cerita yang sama dengan I-pai Semaring iaitu tentang pengembaraan sehingga membawa mereka ke Brunei. Kewujudan kisah Upai Kasan dalam tradisi lisan Lun Bawang ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa tokoh penting Lun Bawang yang mengembara ke Brunei selain I-pai Semaring. Jika berdasarkan tradisi lisan Brunei di Kampong Ayer menyebut bahawa pengembaraan tersebut dilakukan oleh 14 orang anak raja bagi mencari ayah mereka (I-pai Semaring) yang mengembara mencari seekor tembadau (kerbau liar) yang melarikan leming ayah mertuanya.

Sementara hubungan sejarah Brunei dengan kaum Melanau dan Kajang di Sungai Rejang adalah melalui seorang tokoh legenda Melanau yang bernama Tugau. A.L. Lawrence dalam rencananya “*Stories of the first Brunei Conquest on the Sarawak coast*” telah berjaya mengumpul cerita tentang Tugau berdasarkan tradisi lisan kaum Melanau yang menjadi pendiri Kerajaan Melanau di Sungai Igan, Sarawak. Sumber ini penting kepada sejarah awal Brunei sebagai sumber tambahan kepada tradisi lisan etnik Lun Bawang dan Lun Dayeh, dan tradisi lisan Brunei termasuk SAS yang menceritakan

⁵¹ J. Deegan and Robin Usad, “*Upai Kasan: a Lun Bawang Folktale*”, *SMJ*, Vol. XX, No. 40-41, 1972.

tentang kisah I-pai Semaing dan Awang Semaun. Sementara dalam sumber lain yang berdasarkan kepada tradisi lisan kaum Kajang di lembah Balui yang dikumpul oleh Iain Clayre telah memberi kisah yang lebih lengkap tentang Tugau berdasarkan tradisi lisan kaum Kajang (etnik-etnik Sekapan, Kajaman, Lahanan dan Punan Ba) yang mendiami Lembah Balui, hulu Rejang. Kisah tersebut diterbitkan dalam rencana-rencananya, iaitu “*The Kajang Kingdom: All the Melanau Peoples Where do they all come from?*” yang menceritakan tentang asal-usul Tugau daripada kaum Kajang di Sungai Linau (sebelum kaum ini berpindah ke Lembah Balui).⁵²

Sementara dalam rencananya bertajuk “*Punan Ba’: Melanau link with the Ulu Rejang*” menyebut bahawa kaum Melanau itu sendiri adalah berasal dari kaum Kajang yang terawal berpindah ke kawasan pesisir untuk mendirikan Kerajaan Melanau sebagai lanjutan daripada Kerajaan Kajang yang didirikan di Sungai Linau.⁵³ Sumber ini boleh dijadikan rujukan tentang sejarah awal Kerajaan Brunei yang didirikan oleh Awang Alak Betatar iaitu lanjutan daripada Kerajaan Tidung di Kalimantan Timur sepertimana yang diceritakan dalam tradisi lisan Lun Bawang dan kaum Tidung di Tarakan.⁵⁴

Kajian tentang sejarah kaum Kayan, kaum Kenyah dan etnik Kiput di Sarawak lebih banyak ditumpukan dalam soal sejarah penghijrahan mereka dari Kalimantan Timur ke Sungai Rejang dan Sungai Baram pada abad ke-18 dan 19. Hubungan kaum peribumi tersebut dengan Brunei berkisar dalam soal hubungan politik apabila sungai-sungai (daerah-daerah) tersebut berada di bawah pengaruh Brunei. Misalnya dalam rencana Belawing Tingang bertajuk ‘*Story of the Long Kiput Kenyah*’⁵⁵ telah membincangkan hasil penyelidikannya ke atas etnik Kiput di Long Bora (Batu Bora)

⁵² Iain Clayre, “The Kajang Kingdom: All the Melanau Peoples Where do they all come from?”, *Sarawak Gazette*, Vol. XCVII, No. 1362, 1971.

⁵³ Iain Clayre, “Punan Ba’: Melanau link with the Ulu Rejang”, *Sarawak Gazette*, Vol. XCVIII, No. 1368, 1972.

⁵⁴ Perkara ini dibincangkan dalam Bab 5, di bawah tajuk “I-pai Semaring” dan Bab 6 di bawah tajuk “Tarakan”.

⁵⁵ Belawing Tingang, “Story of the Long Kiput Kenyah”, Special Issue The People of Central Borneo, *SMJ*, January and Dec., 1974.

yang terletak di banjaran Usun Apau, hulu Baram dan hubungannya dengan Brunei apabila etnik tersebut berpindah ke Long Bam pada akhir abad ke-18. Hubungan tersebut berlaku dalam bentuk perdagangan dan politik apabila ketua etnik di Long Bam dilantik oleh Sultan Brunei sebagai wakil baginda pentadbir kawasan tersebut. Sementara Hang Nyipa dalam rencananya bertajuk, “*Migrations of the Kayan People*”⁵⁶ membincangkan tentang perpindahan kaum Kayan di Apau Kayan, Kalimantan Timur ke lembah Balui, hulu Rejang yang diketuai oleh Dian Ugu, cucu Dian Lulo, yang menjadi pengasas kaum Kayan di Kalimantan Timur.

Sejarah penghijrahan kaum Kayan ini juga dibincangkan oleh Benedict Sandin dalam rencananya bertajuk, “*The Traditional Folklores of the Kayan of Upper Rejang*”⁵⁷. Walaupun dua sumber tersebut mengemukakan jalan cerita yang berbeza tetapi penulis menganggap ianya penting dijadikan sebagai bahan rujukan dan perbandingan dengan apa yang penulis perolehi daripada Dato Sri Bo’ Tajang Laing dan Kebing Aran yang menjadi informan utama penulis dalam sejarah awal kaum Kayan.⁵⁸

Di samping itu penulis juga merujuk laporan-laporan Barat yang pernah datang ke Brunei pada abad ke-16 yang banyak membuat laporan tentang Brunei. Laporan-laporan tersebut adalah penting bagi menyokong keterangan dalam sumber tradisi lisan tentang kuasa geo-politik Brunei di Borneo pada abad ke-14 yang diasaskan oleh Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah) dan diteruskan oleh Sultan Bolkiah, Sultan Brunei kelima pada abad ke-15 dan 16. Di antaranya ialah laporan Antaneo Pigafetta pada tahun 1521 mengenai kewujudan Kerajaan Bisaya di Teluk Brunei.⁵⁹ Kenyataan Pigafetta ini mempunyai hubungan dengan sejarah awal kerajaan-kerajaan di

⁵⁶ Hang Nyipa, “Migrations of the Kayan People”, *SMJ*, VII, No.7, 1956.

⁵⁷ Benedict Sandin, “The Traditional Folklores of the Kayan of Upper Rejang”, *SMJ*, Vol. XXIII, No. 44, 1975.

⁵⁸ Kandungan transkrip wawancara penulis dengan Dato Sri Bo’ Tajang Laing dibincangkan dalam Bab 5 dalam tajuk “Bo’ Dian”.

⁵⁹ A. Pigafetta, *First Voyage Around the World*, Manila: Filipiniana Book Guild, 1969.

Brunei sebelum Awang Alak Betatar mendirikan kerajaannya di Sungai Brunei.⁶⁰ Ini menunjukkan bahawa kerajaan Brunei lama yang didirikan oleh kaum Bisaya masih berdiri sehingga abad ke-16 bersama-sama dengan Kerajaan Brunei baru yang didirikan oleh Awang Alak Betatar pada pertengahan abad ke-14.⁶¹ Kewujudan Kerajaan Bisaya ini telah direkodkan dalam peta-peta Borneo pada tahun 1563 dan 1598 di kawasan yang sama dengan Kerajaan Brunei di Teluk Brunei.⁶²

Kewujudan kaum Bisaya di Brunei juga disebut dalam sumber Sepanyol *Boxer Codex* yang ditulis pada tahun 1590.⁶³ Dalam laporan tersebut mengatakan bahawa kaum Bisaya adalah penduduk peribumi di Brunei, sementara penduduk negeri Brunei adalah pendatang dari luar dan beragama Islam. Suatu sumbang yang berharga dari sumber ini ialah mengenai sumbangannya terhadap salasilah Raja-raja Brunei bermula daripada Sultan Sulaiman, Sultan Brunei keempat hingga Sultan Shah Brunei, Sultan Brunei kelapan.⁶⁴ Ini menunjukkan bahawa *Boxer Codex* merupakan sumber terawal merekodkan nama sultan-sultan Brunei sebelum *SRB* ditulis pada tahun 1737.⁶⁵ Namun adalah suatu yang menghairankan mengapa sumber ini tidak menyebut nama Sultan Brunei yang pertama (Awang Alak Betatar), Sultan Kedua dan Sultan Ketiga. Seperti yang diakui sendiri oleh penulis *Boxer Codex* bahawa “raja-raja yang telah berkerajaan di Borneo (Brunei) tidak diketahui melainkan daripada maklumat yang dapat mereka ingati”⁶⁶ Ini bermakna cerita tentang Awang Alak Betatar (Sultan

⁶⁰ Keterangan mengenai kerajaan-kerajaan yang pernah berdiri di Teluk Brunei terdapat dalam sumber Cina pada tahun 977 dan 1082. Perkara ini dibincangkan pada Bab 2 di bawah tajuk “Kerajaan Brunei Abad ke-10”.

⁶¹ Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah) dianggarkan mendirikan kerajaannya pada tahun 1363. Ini berdasarkan kepada nama Negeri Brunei sudah dicatatkan dalam sumber Jawa iaitu *Nagarakretgama* yang ditulis pada tahun 1365 sebagai sebuah negeri naungan Jawa. Lihat, Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, 1990, hlm. 33.

⁶² Demy P. Sonza, “The Bisaya of Borneo and the Philippines: A New Look at the Maragtas”, *SMJ*, Vol. XX, No. 40-41, 1972, hlm. 35.

⁶³ Profesor Boxer percaya ‘Boxer Codex’ ditulis oleh Gomez Perez Dasmarinas, Gabenor Tanah Jajahan Sepanyol di Filipina pada tahun 1590-1593, ataupun anaknya, Luis. Lihat, J.S. Caroll, “Berunai in the Boxer Codex”, *JMBRAS*, Vol. LV, Pt. 2, 1982, hlm. 87.

⁶⁴ Ibid., hlm. 5.

⁶⁵ *Salasilah Raja-Raja Brunei* mula ditulis pada tahun 1737 oleh Datu Imam Ya’akub atas titah Sultan Muhyuddin dan Sultan Husin Kamaluddin, dan pada tahun 1807 salasilah ini disalin semula oleh Khatif Haji Abd. Latif. Lihat, P.L.A. Sweeney (ed), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 39.

⁶⁶ J.S. Caroll, “Berunai in the Boxer Codex”, hlm. 5.

Muhammad Shah) yang menjadi pengasas Kerajaan Brunei telah luput dari ingatan penduduk Brunei pada ketika itu.

Selain daripada itu laporan Galestien Moses pada tahun 1833, yang diterbitkan dalam “*Notices of the city of Borneo and its inhabitants, made during the voyage of the American brig Himmaleh in the Indian Archipelago, in 1837*”⁶⁷ banyak memberi maklumat penting kepada penulis mengenai sejarah awal orang Melayu dan Raja-raja Brunei. Galestien Moses ialah ‘*Commercial Agent*’ bagi pihak Armenian di Singapura ke Brunei telah berjaya mewawancara orang Brunei di Kampong Ayer mengenai sejarah asal-usul orang Melayu di Brunei yang dikatakan dari Sumatra dan sejarah Raja-raja Brunei.⁶⁸ Sumber ini penting kerana penulisnya telah berjaya mengumpul maklumat-maklumat mengenai Brunei pada tahun 1838 melalui wawancara dengan pembesar-pembesar Brunei. Walau bagaimanapun hasil daripada wawancara tersebut tidak menyatakan tentang asal-usul Raja-raja Brunei dari kerajaan-kerajaan di Borneo seperti yang terdapat dalam tradisi lisan etnik Lun Bawang dan etnik Brunei di Kampong Ayer. Hubungan Raja-raja Brunei dengan kerajaan Melayu di Sumatra yang disebutkan itu mungkin melalui isteri Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah) yang berasal dari Raja-raja Melayu di Singapura.⁶⁹

Berdasarkan kepada sumber-sumber Barat tersebut menunjukkan bahawa tidak pernah disebut dalam laporan mereka tentang asal-usul Raja-raja Brunei itu dari kerajaan-kerajaan di Kalimantan Timur atau sekurang-kurangnya berasal daripada Borneo. Malah orang Brunei sendiri pada zaman tersebut (abad ke-16) sudah tidak mewarisi tradisi lisan yang menceritakan tentang Awang Alak Betatar, Awang Semaun

⁶⁷ J.T. Dickenson, “*Notices of the city of Borneo and its inhabitants, made during the voyage of the American brig Himmaleh in the Indian Archipelago, in 1837*”, *The Chinese Repository*, Vol. VII, August, 1838, No. 4. hlm. 121-193.

⁶⁸ Ibid. hlm. 186.

⁶⁹ Dalam *Salasilah Raja-Raja Brunei* disebut Awang Alak Betatar telah memeluk agama Islam setelah berkahwin dengan Puteri Johor (Singapura tua). Dari sinilah bermulanya pengaruh Raja-raja Melayu masuk dalam Kerajaan Brunei. P.L.A. Sweeney (ed.), “*Silsilah Raja-Raja Berunai*”, hlm 52.

dan I-pai Semaring.⁷⁰ Ini menggambarkan bahawa pengetahuan tentang Raja-raja Brunei hanya diketahui sepenuhnya oleh pihak istana. Oleh sebab itu *SRB* juga ditulis oleh pihak istana, iaitu Sultan Muhyuddin dan Sultan Husin Kamaluddin. Dalam mukadimah *SRB* dinyatakan bahawa, “Kedua raja itu menyuratkan datu nene moyang mereka supaya diketahui oleh segala anak chuchunya sampai sekarang ini.”⁷¹ Ini menggambarkan bahawa sudah sampai masanya nasab Sultan-sultan yang memerintah Kerajaan Brunei pada waktu itu diselamatkan dari hilang begitu sahaja tanpa adanya dokumen yang sah sebagai rujukan generasi akan datang.

Struktur Kajian/Tesis

Bidang perbincangan dalam kajian ini dibahagikan kepada lima bab tidak termasuk Bab Pendahuluan dan Bab Kesimpulan. Pada bab kedua bertajuk “Pengaruh Sumber Lisan Dalam Sumber Kontemporari dan Kajian Arkeologi ialah tentang hubungan ketiga-tiga sumber tersebut dalam penyelidikan sejarah awal Kerajaan Brunei. Ketiga-tiga sumber ini saling membantu dan melengkapinya antara satu sama lain kerana kebenaran dalam sumber lisan itu hanya boleh dibuktikan melalui bukti-bukti yang terdapat pada sumber bertulis (kontemporari) dan data-data arkeologi.

Sumbangan sumber kontemporari terhadap sejarah Brunei bermula pada abad ke-10 yang datangnya daripada laporan-laporan Cina mengenai Brunei. Ini menunjukkan bahawa penggunaan sumber kontemporari dalam pengkajian sejarah Brunei lebih awal dibandingkan dengan sumber lisan yang hanya bermula setelah berdirinya Kerajaan Brunei pada pertengahan abad yang ke-14. Di samping itu laporan-laporan mengenai Brunei pada abad ke-10 itu mempunyai persamaan dengan

⁷⁰ Kenyataan penulis ini adalah berdasarkan apa yang disebut dalam *Boxer Codex* bahawa penduduk Brunei yang menjadi informan penulis sumber tersebut hanya mengingati nama Sultan-sultan yang memerintah Brunei sehingga Sultan Sulaiman sahaja. Lihat, J.S. Carroll, “Berunai in the Boxer Codex”, hlm. 5.

⁷¹ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 11.

penemuan-penemuan arkeologi yang bertarikh antara abad ke-10 hingga 14 iaitu suatu tempoh yang sama dengan kewujudan Brunei dalam sumber Cina itu. Dengan adanya sumber Cina dan data-data arkeologi itu sejarah Brunei sudah dapat dikenal pasti sejak abad ke-10 Masihi lagi. Sumber arkeologi yang terdapat di Brunei itu dengan sendirinya dapat memperjelaskan lagi kandungan sumber Cina itu.

Tapak arkeologi yang tertua di Teluk Brunei ialah di Terusan Kupang yang kaya dengan serpihan tembikar zaman Dinasti Sung (960-1290), Dinasti Ming (1368-1644), Dinasti Ching (1644-1911), dan juga tembikar dari Siam, Eropah dan buatan tempatan. Sementara penemuan arkeologi di Sungai Limau Manis membuktikan tentang kebenaran dalam tradisi lisan yang ditulis dalam SAS mengenai sebuah kerajaan peribumi yang berada di bawah jajahan Kerajaan Melanau yang terletak di Sungai Limau Manis. Berdasarkan kepada penemuan arkeologi di kawasan tersebut menunjukkan sudah ada sebuah kerajaan didirikan di Sungai Limau Manis sekitar abad ke-10 hingga abad ke-13 Masihi, sebelum berdirinya Kerajaan Brunei. Di samping itu di tapak arkeologi di Bukit Mas dan Jai-Jai Daerah Limbang ditemui barang-barang kemas yang dibuat daripada emas yang mempunyai pengaruh Hindu Jawa seperti cincin, rantai, alat perhiasan telinga dan hidung, kancing baju, kepala hok dan manik emas. Sementara tapak arkeologi di Kota Batu banyak ditemui artifak-artifak sejarah pada zaman sebelum dan selepas berdirinya Kerajaan Brunei pada pertengahan abad ke-14.

Tempoh kajian dalam bab ini ialah di antara abad ke-10 hingga abad ke-16 iaitu yang mewakili dua fasa dalam sejarah Brunei. Fasa pertama ialah pada zaman Kerajaan Brunei awal yang tersebut dalam laporan-laporan Cina pada abad ke-10 sebagai Kerajaan Pu-ni. Fasa kedua pada zaman pemerintahan Kerajaan Brunei pada pertengahan abad ke-14 dan perkembangan empayarnya pada abad ke-15 hingga abad

ke-16. Namun fokus kajian ini ialah bagi melihat latar belakang sejarah Kerajaan Brunei pada pertengahan abad ke-14 yang terdapat dalam sumber-sumber kontemporari dan arkeologi di sekitar Sungai Brunei. Dengan sokongan sumber-sumber tersebut dapat mengukur kebenaran sejarah yang terdapat dalam sumber lisan mengenai Kerajaan Brunei.

Berdasarkan kepada laporan-laporan Cina pada abad ke-10 jelas menunjukkan bahawa sudah wujudnya sebuah kerajaan besar di Teluk Brunei yang mempunyai tamadun yang tinggi. Laporan Cina itu dapat dibuktikan melalui penemuan arkeologi di sekitar Sungai Brunei yang bertarikh abad ke-10 hingga abad ke-17. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Brunei yang diasaskan oleh Awang Alak Betatar pada pertengahan abad ke-14 adalah kerajaan yang didirikan selepas keruntuhan kerajaan awal Brunei itu. Sumber lisan mengenai pengasas Kerajaan Brunei tidak pernah dihubungkan dengan Kerajaan Brunei awal itu. Dalam tradisi lisan Brunei mengatakan bahawa Awang Alak Betatar berasal dari luar Brunei yang dihubungkan dengan daerah di Kalimantan Timur. Oleh itu Awang Alak Betatar bukanlah pewaris atau penerus Kerajaan Brunei yang disebut dalam sumber Cina itu yang sudah wujud sejak abad ke-10.

Dalam kajian mengenai hubungan Brunei dengan China, penulis menggunakan buku bertajuk *Brunei Dalam Sejarah China*, terbitan Pusat Sejarah Brunei yang mengandungi sebanyak 114 buah manuskrip dan buku sejarah China kuno yang berjaya dikumpul dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Prof. Wu Zong Yu pada tahun 2010. Buku ini adalah projek Pusat Sejarah Brunei dalam usaha mengumpul bahan-bahan sejarah Brunei dalam sumber sejarah China.⁷² Di antara yang terkandung dalam buku tersebut ialah yang bertajuk *Zhu Fan Zhi* yang telah diterbitkan oleh Hirth dan Rockhill dalam buku bertajuk *Chua Ju-kua: His Work on the Chinese and Arab*

⁷² Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2010.

*Trade in the Twelfth and Thirteenth Centuries*⁷³, dan *Da Da Nan Hai Zhi* yang telah diterbitkan oleh C. Brown dalam rencananya bertajuk “*The Eastern Ocean in the Yung-Lo-Ta-Tien*”.⁷⁴ Oleh itu buku tersebut bolehlah dianggap sebagai suatu sumber rujukan yang lengkap mengenai Brunei dalam sejarah China.

Dalam bab ketiga iaitu “Pengaruh Sumber Lisan Dalam Sumber Bertulis (Manuskrip)” ialah kajian ke atas naskhah-naskhah lama Brunei iaitu *Salasilah Raja-Raja Brunei (SRB)* yang ditulis secara prosa riwayat⁷⁵ dan *Syair Awang Semaun (SAS)* yang ditulis menggunakan gaya syair.⁷⁶ Walaupun dua sumber ini dikategorikan sebagai sumber bertulis tetapi ianya tetap dianggap sebagai sumber lisan dan nilainya sebagai sebuah sumber sejarah adalah sama dengan sumber lisan yang masih berbentuk tuturan (oral). Dua sumber ini adalah bahan rujukan utama mengenai sejarah Kerajaan Brunei. Kandungan dua sumber tersebut ialah menceritakan tentang asal-usul Raja-raja Brunei iaitu Awang Alak Betatar bersama 13 orang saudaranya. *SRB* juga menceritakan tentang perjalanan sejarah Brunei sejak berdirinya Kerajaan Brunei pada ke-14 hingga abad ke-20.

Walaupun *SRB* sebahagian besarnya berdasarkan kepada sumber tradisi lisan tetapi ianya juga adalah sebuah dokumen sejarah yang dapat dibuktikan kebenarannya melalui laporan-laporan yang dibuat oleh Sepanyol dan Inggeris yang datang ke Brunei dalam tempoh tersebut. Ini berbeza dengan *SAS* yang mempunyai gaya penceritaan dengan unsur-unsur mitos yang menghubungkan Raja-raja Brunei dengan Raja Jawa. Sebahagian besar kandungan *SAS* ialah tentang pembukaan negeri Brunei oleh Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya iaitu Awang Semaun, Pateh Berbai dan Jerambak.

⁷³ F. Hirth, & W.W. Rockhill, *Chua Ju-kua: His Work on the Chinese and Arab Trade in the Twelfth and Thirteenth Centuries*, New York: Paragon Book Reprint Corp., 1966.

⁷⁴ C.C. Brown, “The Eastern Ocean in the Yung-Lo Ta-Tien”, *BMJ*, Vol. 4, No.2, 1978.

⁷⁵ P.L.A. Sweeney (ed.), “*Silsilah Raja-Raja Berunai*”.

⁷⁶ *Syair Awang Semaun*, versi Muzium Brunei.

Kandungan SAS ini mempunyai asas cerita yang sama dengan tradisi lisan etnik Lun Bawang dan Lundayeh di Daerah Lawas, Sarawak dan di Wilayah Bolongan, Kalimantan Timur yang masih dalam bentuk lisan (belum didokumentasi).

Di samping itu naskhah-naskhah lain yang menceritakan kisah Raja-raja Brunei juga dikira sebagai bahan kajian. Di antaranya ialah *Salasilah Raja-Raja Sambas*⁷⁷, *Hikayat Sambas*⁷⁸, *Hikayat Datuk Merpati*⁷⁹ dan *Syair Saribas*⁸⁰. Naskhah-naskhah tersebut membantu memberi maklumat tambahan kepada sejarah awal Kerajaan Brunei walaupun terdapatnya beberapa perbezaan dengan kandungan SRB dan SAS.

Salah sebuah sumber lisan yang bertulis dan sangat penting dalam kajian ini ialah *Maragtas* iaitu sebuah cerita lisan mengenai sejarah penghijrahan orang Bisaya di Borneo ke pulau Panay, Filipina pada abad ke-13. Terdapat dua naskhah manuskrip berbahasa Ilongo Bisaya yang ditulis menggunakan tulisan roman yang dipercayai disalin dari tradisi lisan penduduk di Pulau Panay oleh orang Sepanyol pada abad ke-16. Ini merupakan sumber lisan terawal mengenai Brunei dan Borneo yang disalin ke dalam bentuk manuskrip.⁸¹ Sumber *Maragtas* ini memberi sumbangan besar dalam kajian ke atas sejarah awal Kerajaan Brunei kerana di dalamnya terkandung cerita tentang Kerajaan Bisaya dan Kerajaan Melanau di barat laut Borneo yang pernah disebut dalam *Syair Awang Semaun* dan tradisi lisan Brunei.

Bab keempat iaitu “Sumber Lisan Kampong Ayer, Brunei” adalah menghuraikan tentang tradisi lisan yang dimiliki oleh orang Brunei (etnik Brunei) yang tinggal atau berasal daripada Kampong Ayer, Brunei. Fokus utama kajian ini ialah bagi

⁷⁷ Pabali H. Musa, *Sejarah Kesultanan Sambas Kalimantan Barat, Kajian Naskah Asal Raja-Raja dan Salsilah Raja Sambas*, Pontianak: Stain Pontianak Press, 2003.

⁷⁸ Ibid.

⁷⁹ Haji Mohammad Tahir bin Abdul Ghani, *Hikayat Datuk Merpati*, Kuala Lumpur: DBP, 1989.

⁸⁰ *Syair Saribas*, simpanan Pusat Sejarah Brunei, (tidak diterbitkan).

⁸¹ L.C. Manuel, “Maragtas: The Datus From Borneo (the earliest known Visayan Text)”, *SMJ*, Vol. VIII, No. 10, 1957.

melihat kandungan tradisi-tradisi lisan etnik tersebut yang mempunyai nilai sejarah khususnya sejarah awal Kerajaan Brunei. Kajian ke atas sumber ini tidak terhad kepada orang Brunei yang tinggal di Kampong Ayer tetapi juga ke atas mereka yang telah berhijrah ke Negeri Sabah dan Sarawak. Sejarah awal orang Brunei atau etnik Brunei adalah seiring dengan kewujudan Kampong Ayer sebagai Bandar Brunei dan juga pusat pemerintahan Kerajaan Brunei pada pertengahan abad yang ke-14.⁸²

Pada umumnya penduduk di Kampong Ayer dibahagikan kepada tiga kumpulan masyarakat yang mempunyai latar belakang sejarah dan sosioekonomi yang berbeza. Pertama penduduk asli Borneo iaitu puak Murut (Lun Bawang) yang menjadi pengikut Awang Alak Betatar dan Semaun yang turut berpindah daripada Garang ke Sungai Brunei pada zaman awal pembukaan Brunei. Kumpulan ini adalah penduduk terawal mendiami Kampong Ayer apabila terbentuknya kerajaan di kawasan tersebut.⁸³ Kedua ialah orang Jawa yang dibawa oleh Raja Jawa sebagai hadiah kepada Awang Alak Betatar setelah ayam Brunei berjaya mengalahkan ayam Jawa dalam satu persabungan ayam di Brunei. Selain daripada itu orang Jawa juga dibawa oleh Sultan Bolkiah pada abad ke-15 apabila baginda berkunjung ke Jawa.⁸⁴ Ketiga orang Melayu yang berasal daripada Sumatra (Minangkabau) dan Johor (Singapura). Kedatangan mereka ke Brunei dipercayai berlaku sesudah terbentuknya Bandar Brunei (Kampong Ayer) di Kota Batu.⁸⁵ Dalam *SRB* dan *SAS* diceritakan tentang perkahwinan Awang Alak Betatar dengan Puteri Johor (Singapura tua) dan dari perkahwinan itu bermulanya kedatangan orang Melayu dari Johor ke Brunei bersama-sama dengan Puteri Johor itu. Sementara itu kedatangan orang Melayu Minangkabau dihubungkan dengan Kerajaan Pagaruyung

⁸² Crawfurd dalam laporannya pada tahun 1824 mengatakan Orang Brunei yang mendiami Kampong Ayer asalnya adalah terdiri daripada berbagai bangsa, suku atau etnik tetapi akhirnya mereka menjadi Orang Brunei mengambil sempena nama bandar Brunei di Kampong Ayer. Lihat, "Borneo Proper", J.H. Moor, *Notices of the Indian Archipelago and Adjacent Countries*, Singapore, 1837, hlm. 2.

⁸³ Perpindahan orang-orang Murut (etnik Lun Bawang) ke Kampong Ayer Brunei bersama Awang Alak Betatar diceritakan dalam *Syair Awang Semaun*. Lihat, *Syair Awang Semaun*, versi Muzium Brunei.

⁸⁴ Orang-orang Jawa telah ditempatkan di Kampong Saba dan Kampong Peramu, Kampong Ayer. Lihat, *Syair Awang Semaun*.

⁸⁵ J.T. Dickenson, "Notices of the city of Borneo and its inhabitants, made during the voyage of the American brig Himmaleh in the Indian Archipelago," hlm. 186.

yang didirikan pada abad ke-17. Hubungan dua kerajaan tersebut dinyatakan dalam *SRB*.⁸⁶

Bab kelima iaitu “Sumber Lisan Peribumi Pedalaman Borneo Mengenai Brunei” adalah tradisi lisan yang datangnya daripada kaum peribumi Borneo yang mendiami kawasan pedalaman Borneo. Sumber lisan yang dimaksudkan ialah mengenai sejarah penghijrahan dan kedatangan ke Brunei tokoh-tokoh legenda yang terlibat dalam penubuhan Kerajaan Brunei seperti Awang Alak Betatar, I-pai Semaring dan Awang Semaun yang banyak terdapat dalam tradisi lisan kaum peribumi Borneo. Dalam kajian ini tumpuan hanya diberikan ke atas etnik peribumi yang berasal dari Kalimantan Timur yang sekarang mendiami kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, iaitu kaum Kelabitik yang awalnya mendiami dataran tanah tinggi Krayan-Kelabit terletak di sempadan di antara Kalimantan Timur dan Daerah Lawas, Sarawak. Mereka terdiri daripada etnik Lundayeh, Lun Bawang, Merau (Berau atau Sa’ban), Milau, Nyibun, Patuk dan Tring. Mereka berhijrah kebahagian kelima Sarawak seperti Daerah Lawas dan Pandaruan, dan Daerah Temburong (Brunei Darussalam), hulu Padas dan Mengalong, Sabah.⁸⁷

Dalam kajian ini sumber lisan etnik peribumi Borneo yang mempunyai hubungan dengan sejarah awal Kerajaan Brunei dibahagikan kepada dua kumpulan. Pertama kumpulan etnik kaum Kelabit yang mempunyai hubungan langsung dengan sejarah awal Brunei seperti etnik Lun Bawang dan Lundayeh yang tinggal di wilayah Bolongan Kalimantan timur, Daerah Lawas, Sapitang dan Temburong.⁸⁸ Kedua ialah etnik kaum Kayan-Melanau-Kajang di Daerah Rejang dan Baram, yang mendiami

⁸⁶ P.L.A. Sweeney, “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 11.

⁸⁷ Dalam pembahagian kumpulan peribumi di Borneo penulis menggunakan kajian Jerome Rousseau yang membahagikan kumpulan peribumi itu berdasarkan klasifikasi bahasa. Lihat, Jerome Rousseau, “Central Borneo: A Bibliography,” hlm. 7.

⁸⁸ Ibid.

lembah Balui, Belaga dan Luagan Bunut yang pernah menjadi daerah jajahan Brunei.⁸⁹

Etnik-etnik dalam kumpulan ini awalnya mendiami bahagian Tengah Borneo yang disebut Apau Kayan dan berhijrah ke Daerah Rejang dan Daerah Baram, Sarawak. Termasuk dalam kumpulan ini ialah etnik Kejaman, Sekapan, La'anan dan Punan bah, Berawan, Kiput, Narom, Lelak, Dali, Meting, Miri.⁹⁰

Bagi Etnik Lun Bawang di Daerah Lawas dan Daerah Pandaruan, Sarawak mereka mendiami kampung-kampung Bahkalan, Long Semadu, Beduk Nor dan Long Loping, serta di Daerah Bolongan, Kalimantan Timur khususnya di Long Bawan dan Long Midang. Di Negara Brunei mereka mendiami Daerah Temburong. Sementara etnik Lundayeh mendiami hulu Padas di Daerah Sipitang dan Daerah Mengalong, Sabah, serta di Sungai-sungai Sesayap, Raya, Krayan, Bahau dan Mentaran, Kalimantan Timur.⁹¹

Dalam penyelidikan di kawasan tersebut I-pai Semaring ialah seorang tokoh legenda bagi etnik Lun Bawang dan Lundayeh yang menghubungkan mereka dengan Brunei. I-pai Semaring dikatakan berhijrah ke Brunei dalam usahanya untuk mencari negeri baru kerana tidak mampu menghadapi tekanan hidup di tempat asalnya.⁹² Tradisi lisan ini juga secara tidak langsung menceritakan tentang sejarah penghijrahan masyarakat kaum Lun Bawang dan Lundayeh itu sendiri dari Kalimantan Timur ke kawasan pesisir barat laut Borneo termasuk ke Brunei, Sabah dan Sarawak. Legenda I-pai Semaring juga terdapat dalam kalangan etnik Tidung di Daerah Tarakan yang hanya

⁸⁹ Rousseau meletakkan kaum Kayan dan Kenyah berada dikumpulan yang berlain dengan Kajang dan Melanau berdasarkan klasifikasi bahasa. Sementara pembahagian penulis adalah berdasarkan kepada klasifikasi penempatan mereka iaitu di Lembah Balui. Lihat, J. Rousseau, "The Baluy Area", hlm. 18-21.

⁹⁰ Ibid.

⁹¹ Etnik Lun Bawang dan etnik Lundayeh adalah merujuk kepada kaum yang sama yang berasal dari daerah Krayan, Kalimantan Timur. Lihat, B. Clayre, "A Preliminary Comparative Study of the Lun Bawang (Murut) and Sa'ban Languages of Sarawak", *SMJ*, Vol. XX, No. 40-41, 1972, hlm. 145-146.

⁹² Kepentingan Brunei sebagai destinasi baru bagi etnik tersebut (termasuk I-pai Semaring) mempunyai hubungan dengan kedudukan Brunei sebagai pusat kerajaan dan perdagangan (pelabuhan) di barat laut Borneo pada waktu itu (abad ke-14). Lihat, Haji Abd. Karim Haji Abd. Rahman, "Yupai Semaring Manusia Misteri Dalam Sejarah Brunei", *Aktif*, Newsletter Pusat Sejarah Brunei, Bil. 50, Januari 2003, hlm. 6-9.

dikenali sebagai Upai. I-Pai Semaring juga dikatakan berketurunan daripada Raja-raja Tidung di Tarakan. Ini menunjukkan bahawa I-pai Semaring adalah tokoh penting bagi etnik Long Bawang, Lundayeh dan Tidung yang menghubungkan mereka dengan sejarah awal kerajaan di Brunei.

Sementara kaum Melanau dan Kajang di Daerah Rejang terkenal dengan kisah Tugau iaitu seorang Raja Melanau yang wujud lebih awal dari Kerajaan Brunei yang didirikan oleh Awang Alak Betatar.⁹³ Sumber ini begitu penting kepada sejarah awal Brunei sebagai sumber tambahan kepada tradisi lisan etnik Lun Bawang dan Lundayeh tentang Ipai Semaring dan sumber Brunei tentang Awang Semaun dan Awang Alak Betatar. Tradisi lisan tentang Tugau hanya tertumpu pada Kerajaan Melanau yang di dirikan di Sungai Igan dan mempunyai jajahan yang luas sehingga ke hulu Sungai Brunei di Limau Manis yang mengandungi Sungai Tutong, Belait, Rejang, Matu, Bintulu, Igan, Mukah, Oya dan Retus. Kewujudan Kerajaan Melanau pimpinan Tugau ini disebut dalam *Maragtas* iaitu sebuah manuskrip kuno kaum Bisaya di Pulau Panay, Filipina yang mengisahkan tentang kezaliman seorang raja bernama Macatunao ke atas kaum Bisaya yang tinggal di antara Sungai Rejang dan Tutong.⁹⁴ Raja Macatunao dalam manuskrip ini sudah tentunya merujuk kepada Tugau iaitu Raja Kerajaan Melanau di Igan.

Selain daripada itu kaum Kajang yang mendiami lembah Balui, hulu Rejang turut mewarisi legenda Tugau dalam tradisi lisan mereka dan menganggap Tugau adalah berasal daripada kaum Kajang. Istilah Kajang hanya digunakan untuk penduduk peribumi yang tinggal di Rejang dan Bintulu yang diambil daripada nama Sungai Kajang iaitu cabang daripada Sungai Linau. Etnik yang termasuk dalam kumpulan ini

⁹³ A.E. Lawrence, “Stories of the first Brunei conquests on the Sarawak coast”, *SMJ*, Vol. 1, No. 1, 1911, hlm. 120-122

⁹⁴ Father Santaren, “Bisayan Accounts of the early Bornean Settlement in the Philippines”, *SMJ*, Vol. VII, No. 22, 1956, hlm. 23-24.

ialah etnik Kejaman, Sekapan, La'anan dan Punan Bah. Dalam kajian Iain Clayre ke atas etnik Sekapan di Belaga menganggap bahawa kaum Melanau juga berasal daripada kumpulan etnik Kajang yang terawal berpindah ke pesisir dan seterusnya membentuk Kerajaan Melanau lanjutan daripada Kerajaan Kajang yang didirikan di Sungai Limau.⁹⁵

Iain Clayre telah mendapatkan sebuah cerita daripada etnik Sekapan di Belaga tentang kisah Tugau membawa etnik Sekapan melarikan diri ke hilir Sungai Rejang akibat merasa takut daripada musuhnya (mahluk ghaib). Ini menunjukkan bahawa Tugau adalah raja terakhir kaum Kajang yang turut berpindah ke kawasan pesisir akibat rasa takut kepada kuasa yang lebih kuat daripadanya di hulu Rejang. Mengikut sumber tersebut mereka telah membuat penempatan baru di Sungai Igan dan Tugau tinggal di Sungai Pasai, Retus. Tradisi lisan itu sebenarnya menceritakan tentang tekanan yang mereka hadapi daripada orang Kayan yang memaksa mereka berpindah ke hilir Balui (Belaga) dan seterusnya ke kuala Rejang.⁹⁶

Bab keenam iaitu “Sumber Lisan Pesisir Borneo Mengenai Brunei” ialah sumber lisan yang datang dari kawasan pesisiran Pulau Borneo iaitu sebagai sambungan kepada sumber peribumi yang datang dari kawasan pedalaman. Pada umumnya penduduk yang mendiami kawasan pesisiran dikenali sebagai Orang Melayu atau Orang Laut yang datang daripada Johor dan Minangkabau, Sumatra.⁹⁷ Tradisi lisan yang terdapat pada penduduk pesisir berbeza dengan tradisi lisan penduduk di kawasan pedalaman khususnya mengenai sejarah Brunei dan Borneo. Perbezaan tersebut ialah dari segi latar belakang dan kandungan ceritanya. Ciri khusus sumber pesisir ialah berpusat kepada istana, iaitu menceritakan mengenai dengan raja dan kerajaannya, serta aktiviti-aktiviti

⁹⁵ Ian Clayre, “Punan Ba’: Melanau link with the Ulu Rejang”, *Sarawak Gazette*, Vol. XCVIII, No. 1368, 1972, hlm. 24.

⁹⁶ Ian Clayre, “The Kajang Kingdom: All the Melanau Peoples Where do they all come from?”, *Sarawak Gazette*, Vol. XCVII, No. 1362, 1971, hlm. 121.

⁹⁷ J.H. Moor, “Borneo Proper”, hlm. 3.

yang melibatkan raja seperti perkembangan agama, budaya, perdagangan dan sebagainya yang bertunjang kepada institusi istana.

Selain daripada itu sumber ini juga mempunyai pengaruh luar yang dominan yang berada di sekeliling Pulau Borneo seperti Kerajaan Sriwijaya, Majapahit, Demak dan Johor (Singapura). Kerajaan-kerajaan tersebut secara jelas telah mempengaruhi perkembangan sejarah di kawasan pesisir apabila kuasa-kuasa besar itu khususnya Sriwijaya dan Majapahit mengembangkan pengaruh mereka di pesisiran Borneo sejak abad ke-7 Masihi sehingga kedatangan pengaruh Islam pada abad ke-14.⁹⁸ Oleh itu sumber pesisir berperanan sebagai penambah kepada sumber pedalaman yang bersifat bebas dari pengaruh luar khususnya pengaruh Hindu Jawa dan Islam.

Fokus utama kajian ialah mengenai dengan sejarah kerajaan-kerajaan yang didirikan di kawasan pesisir khususnya kerajaan-kerajaan Islam yang dikenali sebagai kesultanan di Kalimantan Borneo yang bersumberkan kepada penduduk-penduduk yang mendiami kawasan pesisir. Suatu yang menarik dalam kajian ini ialah kerajaan-kerajaan tersebut merupakan lanjutan daripada kerajaan-kerajaan peribumi yang didirikan di kawasan pedalaman. Oleh itu perbincangan mengenai sejarah awal kerajaan-kerajaan pesisir itu mempunyai hubungan langsung dengan penduduk peribumi seperti kaum Kayan dan Iban di Kalimantan Indonesia yang telah mengasaskan Kerajaan-kerajaan Sanggau, Mempawah, Sukadana, Banjar, Kutai, Berau dan Bolongan.

⁹⁸ Kebangkitan Kerajaan Sriwijaya pada abad ke-7 di Nusantara adalah disebabkan oleh penguasaannya dalam dunia maritim yang mampu mengendalikan perairan antara Samudra Hindia dan Laut China Selatan. Perkembangan Empayar Sriwijaya di Borneo bermula di Kerajaan Tanjung Pura, Sukadana pada abad ke-7. Lihat, Slamet Muliana, *Kuntala, Sriwijaya dan Sunwarnabhumi*, Jakarta: Yayasan Idayu, 1981, hlm. 30. Sementara dalam sumber Jawa *Nagarakretagama* menyebut bahawa negeri-negeri di Borneo Kalimantan iaitu Brunei, Mukah, Kalaka, Pasir, Kutai dan Tanjung Pura berada di bawah naungan Kerajaan Majapahit pada tahun 1365. Lihat, Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, hlm. 33.

Di samping itu melalui kajian ini dapat membantu memahami sejarah pembentukan Kerajaan Brunei yang terputus hubungannya dengan kerajaan sebelumnya di Brunei yang banyak disebut dalam sumber-sumber Cina. Dalam tradisi lisan Brunei dan etnik peribumi seperti etnik Lun Bawang dan Lundayeh tidak ditemui cerita tentang kerajaan awal Brunei iaitu kerajaan sebelum Kerajaan Brunei yang diasaskan oleh Awang Alak Betatar. Berdasarkan tradisi lisan di Brunei menunjukkan bahawa Kerajaan Brunei tidak mempunyai hubungan langsung dengan kerajaan yang wujud sebelum itu di Teluk Brunei. Melalui kajian ini dapat membantu meluaskan hipotesis tentang asal-usul Awang Alak Betatar yang disebut dalam tradisi lisan Brunei berasal dari hulu Limbang (Kalimantan Timur). Selain daripada itu kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana hubungan Awang Alak Betatar dengan kerajaan-kerajaan peribumi di Kalimantan Timur seperti Kerajaan Kutai, Kerajaan Bulungan dan Kerajaan Tarakan iaitu lanjutan dari Kerajaan Tidung.

Kajian dalam bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian yang berdasarkan kepada latar belakang penduduk dan kerajaan yang wujud di kawasan tersebut. Bahagian pertama ialah negeri-negeri di barat laut Borneo (Sabah dan Sarawak) yang menjadi negeri atau wilayah jajahan Brunei. Kedua kerajaan-kerajaan di Kalimantan Barat dan Selatan dan ketiga kerajaan-kerajaan di Kalimantan Timur. Berdasarkan kajian mendapati bahawa setiap kawasan mempunyai hubungan sejarah yang berlainan dengan Brunei. Di Kalimantan Barat dan Selatan hubungan tersebut terbentuk melalui hubungan di antara kuasa besar (Brunei) dengan wilayah-wilayah naungannya yang terdiri daripada Kerajaan-kerajaan Tanjungpura di Sukadana, kerajaan-kerajaan di Sungai Kapuas dan Kerajaan Banjarmasin. Sementara di Kalimantan Timur hubungan tersebut berlaku lebih awal daripada hubungan di barat laut Borneo dan di Kalimantan Barat kerana ianya melibatkan sejarah awal Awang Alak Betatar yang disebut dalam

tradisi lisan Brunei dan tradisi lisan etnik Lun Bawang dan Lundayeh di Daerah Lawas dan Kalimantan Timur. Oleh itu berdasarkan perbezaan hubungan tersebut menunjukkan bahawa sumber pesisir mempunyai sumbangan yang besar kepada sejarah awal Kerajaan Brunei.

BAB 2: PENGARUH SUMBER LISAN DALAM SUMBER KONTEMPORARI DAN KAJIAN ARKEOLOGI

Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang hubungan sumber tradisi lisan dengan sumber kontemporari dan sumber arkeologi dalam pengkajian sejarah awal Kerajaan Brunei. Ketiga-tiga sumber ini saling membantu dan melengkapinya antara satu sama lain kerana kebenaran dalam sumber tradisi lisan itu hanya boleh dibuktikan melalui bukti-bukti yang terdapat pada sumber bertulis dan data-data arkeologi. Sumber bertulis di sini adalah bermaksud sumber kontemporari iaitu sumber yang ditulis pada masa sesuatu peristiwa tersebut berlaku.¹ Sumber ini dianggap penting dalam kajian sejarah kerana iaanya ditulis berdasarkan kepada pengamatan penulis ke atas kejadian yang berlaku pada zamannya. Oleh itu maklumat yang terdapat dalam sumber ini dianggap sebagai sumber pertama.

Kebanyakan sumber kontemporari ditulis dalam bentuk laporan, surat, catatan harian dan dokumen rasmi.² Tidak semua cerita yang terkandung dalam tradisi lisan itu terdapat pada sumber bertulis (kontemporari) dan begitu juga sebaliknya kerana kedua-dua sumber ini mempunyai latar belakang yang berbeza. Sumber lisan bergantung kepada masyarakat penuturnya yang mewarisi sesuatu cerita itu sementara sumber

¹ Sumber kontemporari di sini bersesuaian dengan tafsiran sejarah Leopold Von Ranke seorang sejarawan Jerman abad ke-19 yang mengatakan bahawa sejarah haruslah ditulis hanya dari laporan saksi mata, sumber asli dan dokumen primer. Beliau mementingkan kebenaran dalam fakta sejarah dan menekankan bahawa sejarah itu haruslah ditulis seperti sebenarnya ia berlaku. Lihat, J.W. Thomson, *A History of Historical Writing*, New York: The MacMillan Co., 1945, hlm. 54.

² Ranke misalnya hanya membuat rujukan di perpustakaan dan arkib bagi mendapatkan fakta yang sebenarnya berlaku. Lihat, Butterfield Herbert, *Men on His Past*, London: Cambridge University Press, 1966, hlm. 100.

kontemporari adalah hasil pengamatan seseorang terhadap sesuatu peristiwa yang disaksinya.³

Sementara sumber arkeologi berperanan sebagai pendukung kepada sumber kontemporari dan tradisi lisan dengan menyediakan bahan-bahan bukti yang berbentuk *artifak*, *ekofak* dan *feature*. *Artifikat* ialah alatan batu, beliung, kapak, tembikar, gelang dan pisau yang diperbuat daripada batu dan tanah. Sementara *ekofak* ialah yang berupa fosil, tulang, krangka manusia, polen tumbuhan, sisa pembakaran dan arang, dan *feature* adalah terdiri daripada struktur bangunan, nisan, benteng perkotaan, asas pelapik tiang, bendul pintu dan bekas pembuangan sampah purba.⁴ Ketiga-tiga kategori ini penting dalam melihat perkembangan kebudayaan manusia di kawasan penemuan data arkeologi yang berguna dalam kajian sejarah dan juga antropologi.

Sumbangan sumber kontemporari terhadap sejarah Brunei bermula pada abad ke-10 yang datangnya daripada laporan-laporan China mengenai Brunei.⁵ Ini menunjukkan bahawa penggunaan sumber kontemporari dalam pengkajian sejarah Brunei lebih awal dibandingkan dengan sumber tradisi lisan yang hanya bermula setelah berdirinya Kesultanan Brunei pada pertengahan abad yang ke-14.⁶ Di samping itu laporan-laporan mengenai Brunei pada abad ke-10 itu mempunyai persamaan dengan penemuan-penemuan arkeologi yang bertarikh antara abad ke-10 hingga 14 iaitu suatu tempoh yang sama dengan kewujudan Brunei dalam sumber China itu. Dengan adanya sumber China dan data-data arkeologi itu sejarah Brunei sudah dapat dikenal pasti sejak abad ke-10 Masihi lagi. Sumber arkeologi yang terdapat di Brunei itu dengan sendirinya

³ Pendapat ini adalah berdasarkan kepada teori sejarah Mas'udi, seorang sejarawan Islam Iraq abad ke-10 yang mengatakan bahawa kebenaran sejarah itu bergantung kepada tiga sumber utama iaitu tulisan, lisan dan pengamatan sejarawan itu sendiri. Lihat, Tarif Khalidi, *Islamic Historiography, the Histories of Mas'udi*, Albany: State University of New York Press, 1975, hlm. 5.

⁴ Mohd. Supian Sabtu, 'Data Arkeologi dan Sumbangannya sebagai Data Sejarah: Satu Tinjauan terhadap Kronologi Zaman', *Sejarah Sumber dan Pendekatan*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006, hlm. 23.

⁵ Sumber kontemporari yang dimaksudkan ialah surat Raja Brunei (Pu Ni) kepada Maharaja China Dinasti Song pada tahun 977 Masihi. Kandungan surat tersebut dibincangkan dalam tajuk "Brunei Dalam Sumber China" halaman 49.

⁶ Tradisi lisan mengenai Kerajaan Brunei yang terdapat di Kampong Ayer, Brunei dan etnik Lun Bawang di Sarawak dan Kalimantan Timur hanya menceritakan tentang kisah asal-usul Raja-raja Brunei (Awang Alak Betatar) pada abad ke-14. Perkara ini dibincangkan dalam Bab 6.

dapat memperjelaskan lagi kandungan sumber China itu. Di sekitar Teluk Brunei terdapat lima buah kawasan arkeologi telah dibuat pengalian iaitu Terusan Kupang, Sungai Limau Manis, Bukit Mas, Jai-Jai dan Kota Batu. Kewujudan sumber China yang melaporkan tentang Brunei pada abad ke-10 Masihi telah menjadi panduan kepada para ahli arkeologi dalam kajian mereka ke atas tapak-tapak arkeologi tersebut kerana sebahagian besar penemuan di lima kawasan arkeologi itu adalah artifak-artifak dari China seperti tembikar dan wang syiling.⁷

Bidang Kajian

Lingkungan dalam kajian ini ialah pada abad ke-10 hingga abad ke-17 iaitu yang mewakili dua fasa dalam sejarah Brunei. Fasa pertama ialah pada zaman Kerajaan Brunei awal yang tersebut dalam laporan-laporan Cina pada abad ke-10 sebagai Kerajaan Pu-ni, dan fasa kedua pada zaman awal Kerajaan Brunei pada pertengahan abad ke-14. Namun fokus kajian ini ialah bagi melihat latar belakang sebelum berdirinya Kerajaan Brunei dengan memberi tumpuan kepada sejarah asal-usul Raja-raja Brunei. Dengan sokongan sumber-sumber kontemporari dan arkeologi yang terdapat di sekitar Sungai Brunei dapat mengukur ‘kebenaran sejarah’⁸ yang terdapat dalam sumber tradisi lisan mengenai asal-usul Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya. Sementara berdasarkan kepada laporan-laporan Cina pada abad ke-10 jelas menunjukkan bahawa sudah wujudnya sebuah kerajaan besar di Teluk Brunei yang mempunyai tamadun yang tinggi.

⁷ Perkara ini dibincangkan dalam tajuk “Sumber Arkeologi” dalam bab yang sama.

⁸ Kebenaran sejarah yang dimaksudkan dalam kajian ini bukanlah kebenaran yang mutlak, tetapi kebenaran berdasarkan kepada fakta-fakta yang ditemui dalam tradisi lisan itu disokong oleh sumber-sumber kontemporari dan arkeologi.

Laporan Cina itu dapat dibuktikan melalui penemuan arkeologi di sekitar Sungai Brunei yang bertarikh abad ke-10 hingga abad ke-17. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Brunei yang diasaskan oleh Awang Alak Betatar pada pertengahan abad ke-14 adalah kerajaan yang didirikan selepas keruntuhan kerajaan awal di Sungai Brunei itu. Mitos-mitos mengenai pengasas Kerajaan Brunei tidak pernah dihubungkan dengan kerajaan sebelumnya. Dalam tradisi lisan Brunei mengatakan bahawa Awang Alak Betatar adalah berasal dari luar Brunei yang dihubungkan dengan kerajaan-kerajaan di Kalimantan Timur. Oleh itu Awang Alak Betatar bukanlah pewaris atau penerus Kerajaan Brunei (Pu-ni) yang disebut dalam sumber Cina pada abad ke-10.

Brunei Dalam Sumber Cina

Dalam usaha untuk mendapatkan lebih banyak lagi laporan mengenai Brunei dan Borneo dalam sumber Cina, Pusat Sejarah Brunei telah menjalankan satu projek pengumpulan sejarah Brunei dalam sumber Cina yang dilakukan oleh Prof. Wu Zong Yu sehingga terbitnya sebuah buku yang bertajuk *Brunei Dalam Sejarah China* pada tahun 2010.⁹ Buku ini telah berjaya menterjemahkan 114 buah petikan tentang Brunei dan Borneo yang dikutip daripada manuskrip dan buku sejarah China kuno ke dalam bahasa Mandarin sebelum diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Dengan penerbitan buku ini telah berjaya menemukan fakta-fakta baru mengenai Brunei dalam sumber Cina. Prof Wu Zong Yu membahagikan terjemahannya kepada tiga fasa atau zaman pemerintahan China iaitu zaman Dinasti Tang dan sebelumnya (sebelum TM 907), kedua zaman Dinasti Song dan Dinasti Yuan (TM 960-1368), dan ketiga zaman Dinasti Ming dan Dinasti Qing (TM 1368-1911).¹⁰

⁹ Prof. Wu Zong Yu adalah penyusun dan penterjemah dari Bahasa Mandarin ke Bahasa Melayu, sementara Xie Fang adalah penterjemah dari Bahasa Cina kuno ke Bahasa Mandarin. Lihat, Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 2010.

¹⁰ Ibid., hlm. xxii.

Dalam fasa pertama nama Brunei atau Borneo disebut sebagai Po Li yang mula muncul pada abad ke-5 Masihi. Selain daripada itu Brunei atau Borneo juga disebut sebagai Ju Ji Zhou dalam buku *Fu Nam Tu Su* karya Kang Tai pada tahun 220-265 Masihi iaitu hasil lawatannya ke negeri-negeri di Laut China Selatan sekitar tahun 20-30 Masihi.¹¹ Ini merupakan laporan terawal mengenai Borneo dalam laporan Cina sebelum Borneo dikenali dengan nama Po Li pada abad ke-5 dalam laporan-laporan Cina zaman Dinasti Nan Song (TM 454-477).¹² Pada tahun pertama pemerintahan Yuan Hui (2 Mei 473), Po Li telah mengirim utusan untuk mempersembahkan hasil-hasil tempatan (ufti) kepada China.¹³ Di antara tahun 517 dan 907 Masihi maklumat mengenai negeri Po Li telah dijelaskan dengan lebih terperinci di antaranya ialah menguasai 136 buah kampung, beragama Buddha, menghasilkan tanaman padi, mempunyai sistem pemerintahan beraja secara turun temurun, pakaian rajanya memakai topi setinggi satu kaki lebih sama bentuknya dengan topi orang Cina zaman dahulu, mempunyai adat sama dengan orang Kemboja, hasilnya sama dengan Vietnam dan persenjataannya sama dengan China, penduduknya tidak ingat asal-usul mereka, orang tempatan berkulit hitam dan kaum lelakinya berambut keriting.¹⁴

Daripada maklumat tersebut menunjukkan negeri Po Li sudah mempunyai tamadun dan sistem pemerintahan yang teratur hasil daripada hubungannya yang sudah lama dengan China. Gambaran penduduknya yang berambut keriting itu berbeza dengan laporan Cina pada abad ke-10 yang mengatakan mempunyai rambut yang lurus dan digunting rata di depan. Ini menunjukkan bahawa pada abad ke-5 hingga abad ke-9 orang Negrito masih mendiami kawasan barat laut Borneo sebelum diambil alih orang Dayak yang berambut lurus.

¹¹ Ibid., hlm. 3.

¹² Ibid., hlm. 16. W.P. Groenveldt mengatakan Po Li itu terletak di Sumatera dan P. Wheatley terletak di Bali. Lihat, Slamet Muliana, *Kuntala, Sriwijaya dan Sunwarnabhumi*, Jakarta: Yayasan Idayu, 1981, hlm. 122.

¹³ Ibid., hlm. 20.

¹⁴ Ibid., hlm. 24-68. Lihat juga, W.P. Groeneveldt, *Notes on the Malay Archipelago and Malacca, Compiled from Chinese Sources*, Batavia: 1876, hlm.80.

Kerajaan Brunei Abad Ke-10

Fasa kedua dalam buku *Brunei Dalam Sejarah China* ialah pada zaman Dinasti Song dan Dinasti Yuan (TM 960-1368). Pada fasa ini mengandungi 15 petikan daripada laporan zaman Dinasti Song dan Yuan mengenai sejarah Brunei yang disebut sebagai Bo Ni dan Po Ni pada tahun 977 dan 1082 Masihi. Laporan mengenai Brunei pada zaman ini adalah penting kerana ianya mempunyai hubungan dengan sejarah Brunei pada abad ke-14 khususnya mengenai pengaruh Islam dan keluasan wilayah jajahan Brunei. Oleh itu sejarah Brunei yang lebih jelas adalah dimulai dengan laporan Cina pada tahun 977 itu. Dalam petikan daripada bahagian 8 ‘*Si Yi’ Tai Ping Huan Yu Ji*’ Jilid ke 179 memuatkan kandungan laporan mengenai Brunei seperti berikut:

“Sampai bulan ke-8 tahun ke-2 Tai-Ping-Xing-Gua iaitu bulan September tahun 977 Masihi, Raja Boni yang bernama Xiang Da telah mengirim utusan yang bernama Shi Nu [Sheikh Noh] dan pembantunya Pu Ya Li [Abu Ali] serta Pan Guan Ge Xin [Kadi Kassim] datang ke Negeri China. Surat raja ditulis pada sekeping kertas yang diperbuat daripada kulit pokok yang licin lagi nipis yang berwarna kehijau-hijauan, panjangnya beberapa kaki, lebarnya satu inci. Jika digolong boleh digenggam ke dalam tangan. Surat ini dibungkus dalam satu kantung kain kecil yang berlapis-lapis. Tulisannya tidak dapat dikenali (yang ditulis secara melintang) maka raja bertitah supaya orang Monggol menterjemahkan ke bahasa China.”¹⁵

Kandungan surat Raja Brunei yang dimuatkan ini adalah dipetik daripada Bahagian 5 *Bo Ni Song Shi*, Jilid 489 yang diterjemahkan seperti berikut:

“Raja Puni Xiang Ta menyembah dan semoga Maharaja panjang umur. Sekarang beta mengirim utusan untuk menghantar ufti. Beta pernah mendengar ada sebuah negeri besar tetapi beta tidak tahu bagaimana untuk sampai ke sana. Semalam ada sebuah kapal berlabuh di sini, seorang peniaga bernama Po-lo-shi yang membawa kapal itu. Beta mengirim orang untuk menjemputnya naik ke darat. Katanya dia datang dari negeri China dan akan belayar ke Jawa disebabkan di dalam pelayaran mereka ditimpa ribut taufan maka kapal mereka rosak dan tidak boleh meneruskan pelayaran. Pada masa itu rakyat dalam negeri mendengar ada orang datang dari negeri China, semuanya amat gembira. Kapal tersebut diperbaiki dan beta mengarahkan supaya Po-lo-shi sebagai pembimbing untuk membawa utusan beta datang ke

¹⁵ Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm.83.

negeri China untuk menghantar ufti. Beta berharap supaya utusan beta dapat mengadap Duli Yang Maha Mulia dengan selamat. Dengan demikian kami akan mengirim utusan setiap tahun untuk menghantar ufti. Beta bimbang kapal beta akan hanyut ke Champa disebabkan taufan. Maka beta berharap supaya Duli Tuanku mengirim surut kepada Raja Champa jika ada kapal Xiang-Ta hanyut ke Champa diharap mereka jangan menahannya. Negeri beta tidak ada hasil tempatan yang istimewa diharap Duli Tuanku jangan kecil hati.”¹⁶

Berkemungkinan surut tersebut ditulis dalam tulisan jawi kerana Raja Pu Ni telah menggunakan khidmat orang Islam (Arab) bernama Syekh Noh, Abu Ali dan Kadi Kasim sebagai utusannya ke Negeri China. Kandungan surat tersebut banyak memberi maklumat tentang Brunei pada abad yang ke-10 yang sehingga kini masih belum dapat dibuktikan dengan jelas melalui tradisi lisan. Berdasarkan sumber tersebut menunjukkan bahawa pengaruh Islam sudah berada di Brunei sejak abad ke-10 yang dibawa oleh orang Arab dari Negeri China. Selain daripada itu sumber ini juga memperlihatkan adanya pengaruh Sriwijaya di Brunei pada abad yang ke-10 itu berdasarkan kepada gelaran Thiang-Ta yang digunakan oleh Raja Brunei yang merupakan suatu gelaran yang sering digunakan oleh Raja-raja Sriwijaya,¹⁷ di samping wujudnya pengaruh Buddha dalam upacara-upacara keagamaan di Brunei pada ketika itu.

Selain daripada kandungan surat tersebut maklumat-maklumat mengenai Brunei juga diperolehi daripada utusan-utusan Raja Brunei yang dihantar ke China pada tahun 977 itu. Dalam sumber tersebut menceritakan tentang keadaan ibu kota Brunei, penduduk dan wilayah jajahannya yang menggambarkan ketinggian tamadun Brunei,

“Kota Brunei bertembokkan papan dengan jumlah penduduknya 10,000 orang lebih dan mempunyai 14 buah negeri jajahan. Perairannya dikawal oleh lebih 100 buah kapal perang. Jikalau raja keluar baginda akan duduk di atas sebidang kain besar yang dialaskan di atas kerusi dan diusung oleh orang

¹⁶ Ibid., hlm. 75-76. Lihat juga, F. Hirth. & W.W. Rockhill, *Chau Ju-kua: His Work on the Chinese and Arab Trade in the Twelfth and Thirteenth Centuries*, New York: Paragon Book Reprint Corp., 1966, hlm. 155-157.

¹⁷ Andai ini berdasarkan kepada nama gelaran Raja Sriwijaya yang terpahat pada prasasti Kedukan Bukit bertarikh tahun 682 Masih yang disebut sebagai Diputa Hyang. Gelaran tersebut hampir sama dengan gelaran Thiang Tha yang digunakan oleh Raja Brunei (Pu ni) dalam sumber China itu. Lihat, Slamet Muliana, *Kuntala, Sriwijaya dan Suwarnabhumi*, hlm. 71.

ramai, upacara ini dinamakan ‘ruan-nang’. Parajurit-parajurit memegang parang dan memakai baju pelindung yang dibuat daripada tembaga, bentuknya seperti tong panjang. Ianya digunakan untuk melindungi bahagian perut dan belakang ... Bila diadakan upacara perkahwinan, pinangan didahului dengan arak nyiur kemudian pinang, cincin, kain chi-pei atau diganti dengan emas perak. Dalam upacara pengkebumian pula digunakan peti mayat dan diusung dengan buluh menuju ke pergunungan dan diletakkan di situ dengan dibiarkan begitu sahaja.”¹⁸

Sementara dalam petikan bahagian ‘*Negeri Po-Ni*’, *Zhu Fan Zhi* maklumat mengenai Brunei telah ditambah. Di antara mengenai pakaian Raja Pu Ni yang dikatakan jika raja tidak memakai pakaian pada lengan baginda disarungkan gelang emas dan di pergelangan tangannya dililiti dengan rantai emas, manakala badan baginda dililiti dengan kain. Sementara kaum wanita meliliti pinggang mereka dengan kain yang berwarna-warni. Alat perkakas raja kebanyakannya diperbuat daripada emas dan perak. Selain dari beras, sagu turut menjadi antara makanan utama penduduk Pu Ni. Maklumat yang penting mengenai Brunei ialah mengenai amalan agama Buddha. Apa yang dikatakan Buddha itu sebenarnya tidak ada patung, mereka hanya membina rumah bertingkat yang diperbuat daripada rumput berbentuk seperti pagoda. Di bahagian bawah rumah itu diletakkan satu mutiara yang dianggap sebagai Buddha.¹⁹ Maklumat ini adalah suatu yang berguna bagi kajian arkeologi yang sehingga kini tidak menemui tinggalan-tinggalan pengaruh agama Buddha di Brunei seperti candi atau patung-patung Buddha.²⁰

Perkara yang menarik dalam laporan tersebut menunjukkan bahawa pada abad ke-10 Brunei merupakan sebuah kerajaan besar di Borneo (di barat laut Borneo) yang mempunyai 14 buah wilayah jajahan. Ini bersesuaian dengan kekuatan Brunei pada ketika itu yang mempunyai angkatan tentera lautnya yang besar dan kelengkapan yang

¹⁸ Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 77.

¹⁹ Ibid., hlm. 96-98.

²⁰ Petikan dari bahagian *Zhu Fan Zhi* ini diterbitkan juga dalam F. Hirth. & W.W. Rockhill, *Chau Ju-kua: His Work on the Chinese and Arab Trade in the Twelfth and Thirteenth Centuries*, hlm. 155.

dimiliki oleh perajurit-perajuritnya.²¹ Pada tahun 1082 Raja Brunei yang bergelar Seri Maharaja sekali lagi mengutus surut perutusan kepada Maharaja China tetapi malangnya sehingga kini surut tersebut belum ditemui. Kemungkinan kandungan surat tersebut dapat menjelaskan sejarah kerajaan di Brunei sebelum berdirinya Kerajaan Brunei pada pertengahan abad yang ke-14. Berdasarkan kepada gelaran tersebut menunjukkan bahawa Brunei telah menerima pengaruh wangsa Sailendra, kerana gelaran Seri Maharaja mula digunakan oleh Raja-raja Sailendra pada abad kelapan di Jawa Tengah. Gelaran ini menggantikan gelaran Diputa Yang yang digunakan oleh Raja-raja Sriwijaya sebelum itu.²² Apa yang menariknya ialah Raja-raja Brunei pernah menggunakan dua gelaran tersebut iaitu pada tahun 977 disebut sebagai Hiang Tha dan pada tahun 1082 disebut Seri Maharaja. Ini menunjukkan bahawa kemunculan nama Brunei dalam sumber Cina pada tahun 1082 sebagai tanda bahawa ianya telah diperintah oleh wangsa baru dalam Kerajaan Sriwijaya menggantikan wangsa Melayu yang memerintah Sriwijaya sebelum itu. Berdasarkan sumber Cina itu bahawa pada tahun 1082 itu Brunei masih menjadi kuasa besar di Borneo kerana kemampuannya mengadakan hubungan dengan China dan juga sebagai satu tanda bahawa Brunei adalah sebuah kerajaan yang merdeka yang bebas dari jajahan Srivijaya.

Selain daripada itu melalui sumber Cina ini juga ditemui keterangan-keterangan mengenai Brunei secara terperinci seperti bentuk muka buminya, cuaca, budaya dan rupa bentuk penduduknya. Ini disebut dalam petikan daripada ‘*Pasal Wan Nian Gang*’, *Dao Yi Zhi Lue*, mengenai dengan pelabuhan Brunei (Wan Nian Gang) pada sekitar abad yang ke-11 dan 13 Masihi yang merujuk kepada Teluk Brunei sekarang:

²¹ Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 96.

²² Gelaran Diputa Hyang yang digunakan oleh Raja-raja Sriwijaya adalah gelar Melayu yang tidak terdapat dalam Bahasa Sanskret. Semantara berdasarkan prasasti Nalanda dijadikan atas pamelayu penaklukan Sriwijaya oleh Jawa pada pertengahan abad ke-8. Dalam prasasti tersebut dipahatkan gelaran Sri Maharaja iaitu Raja Jawa dari Dinasti Sailendra. Lihat Slamet Muliana, *Kuntala, Sriwijaya dan Suwarnabhumi*, hlm. 87.

“Dari Ling Men Zheng Wan (Limbongan) masuk ke pelabuhan Wan Nian Gang boleh nampak tebing di sebelah kiri dan kanan, di tengah-tengah ada sebuah sungai yang lebarnya lebih kurang 70 meter dan airnya sangat dalam. Di sebelah pelabuhan itu ada bukit yang rendah, penduduk di situ mendirikan rumah di sekeliling bukit tersebut dan di tepi pantai tanahnya rata tetapi sempit, dan memang sesuai untuk ditanami padi atau gandum. Cuacanya sangat panas. Adat istiadatnya sederhana, bagi lelaki mahupun perempuan semuanya bersanggul dan memakai pakaian yang berwarna biru. Penduduknya membuat garam dengan cara memasak dan menjemur air laut dan memproses air tebu untuk dijadikan arak. Mereka juga menghasilkan kemenyan ‘jiang zhen xiang’, kapok dan madu lebah. Di sini mereka bermiaga dengan barang seperti batang besi, dawai tembaga, kain bercorak cetakan kampung, genting, botol dan lain-lainnya.”²³

Gambaran mengenai penduduk yang mendiami pelabuhan Brunei agak sederhana jika di bandingkan dengan laporan mengenai penduduk yang mendiami Gunung Kinabalu. Dalam *disebut bahawa:*

“Gunung Long Shan (Gunung Naga) terletak di sebelah kanan Bo Ni [Brunei]. Di situ tanahnya rata lagi luas dan cuacanya sejuk nyaman. Adat penduduknya suka berhias. Baik lelaki mahupun perempuan rambut mereka disanggul dan pinggang dililiti dengan kain yang berwarna-warni dan mereka juga memakai pakaian yang berwarna-warni juga. Mereka menganut agama Budha dan menyukai orang Cina. Jikalau berjumpa dengan orang Cina yang mabuk, mereka mesti memapah orang itu pulang ke rumahnya. Di situ ada ketua kampung dan beliau akan melantik seorang yang pandai mengira untuk memegang bahagian kewangan, bahagian pemungutan cukai dan jawatan kerani, dan kewangan diteliti dengan jelas sekali. Hasil tempatan ialah sejenis kemenyan, madu lebah, penyu sisik, dan kapur barus. Barang-barang perniagaan lain ialah seperti perak putih, emas tulin, kain sutera, beg kulit kecil, dan alat-alat besi.”²⁴

Gambaran yang diberikan menunjukkan bahawa penduduk yang mendiami kawasan Gunung Kinabalu adalah berketurunan Cina. Ini boleh dilihat dari segi pentadbiran perniagaan penduduknya sama ada dari segi pengurusan kewangan dan barang perniagaannya yang berasal dari negeri China seperti kain sutera. Ini menunjukkan kawasan Gunung Kinabalu adalah sebahagian wilayah jajahan Brunei yang didiami oleh penduduk yang berasal dari China yang sekarang dikenali sebagai

²³ Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 118.

²⁴ Ibid., hlm. 120.

etnik Kadazan-Dusun. Hubungan etnik ini dengan bangsa Cina masih boleh ditemui dalam tradisi lisan etnik tersebut. Laporan China itu telah menyokong kebenaran sumber lisan tersebut tentang sejarah awal etnik tersebut.²⁵

Maklumat yang sangat penting dalam sumber China yang dikumpul dalam buku *Brunei Dalam Sejarah China* ialah tentang wilayah jajahan Brunei sekitar abad yang ke-12 dan 13 Masihi. Maklumat ini terdapat dalam petikan daripada *Da De Nan Hai Zhi*, Jilid 7 yang menyatakan *Dong Yang*:

“kawasan Xiao Dong Yang di bawah penguasaan Negeri Fu Ni, termasuk Ma Li Lu [Manila], Ma Ye [Luzun], Mei Kun [?], Pu Duan [Panay], Su Lu [Sulu], Sha Hu Zhong [Marudu], Ya Chen [Igan], Ma Na Luo Nu [Melanau] dan Wen Du Ling [Bintulu].”²⁶

Mengikut Joa Tsung-i, *Nan Hai Zhi* (dalam tulisan Joa Tsung-i disebut *Nan-hai Chih*) ditulis oleh Chen Ta-chen dalam tahun 1304. Buku ini mengandungi senarai negeri-negeri yang berdagang dengan China zaman Dinasti Sung termasuk Brunei (Foni) dan Tanjungpura di Kalimantan Barat. Senarai yang diberikan oleh Joa Tsung-i menunjukkan bahawa pada zaman Dinasti Sung itu terdapatnya dua kuasa besar di Borneo iaitu Tung-yang Fo-ni (Brunei) dan Tan-chung-pu-lo (Tanjungpura). Negeri-negeri yang berada di bawah jajahan Tanjungpura ialah bermula dari Sambas hingga ke Kutai dan pulau-pulau yang berdekatan Pulau Borneo.²⁷

²⁵ C.F., Skinner, “Mt Kina Balu (A Dusun Legend of its name)”, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, Vol. VI. Pt. IV, 1928, hlm. 63-65.

²⁶ Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 116.

²⁷ C.C. Brown, “The Eastern Ocean in the Yung-Lo Ta-Tien”, *Brunei Museum Journal (BMJ)*, Vol. 4, No. 2, 1978, hlm. 46-56.

Kerajaan Brunei Abad Ke-14

Laporan mengenai Kerajaan Brunei yang didirikan oleh Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah) dalam sumber Cina bermula setelah Dinasti Ming berkuasa di China pada abad ke-14. Perhubungan di antara China dan negeri-negeri di Asia Tenggara telah dikembangkan semula melalui hubungan pedagangan dan diplomatik. Perkembangan ini turut menyumbangkan laporan-laporan tentang Brunei pada akhir abad ke-14. Utusan dari Maharaja China Dinasti Ming telah berkunjung ke Brunei pada tahun 1371. Kedatangan utusan tersebut secara tidak langsung telah menghasilkan laporan tentang Kesultanan Brunei yang baru didirikan oleh Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar). Dalam sebuah buku China bertajuk *Ming Jiang Shi Bian*, Jilid 2 terdapat sebuah laporan tentang Brunei yang ditulis oleh Song Lian mengenai pengalaman seorang pegawai Kerajaan Hokkian bernama Shen-Chi ketika berkunjung ke Brunei pada tahun 1371. Dalam laporan tersebut mengatakan:

“Pada bulan September T.M. 1370, saya dengan pegawai saya bernama Chang-Jhing-Chi membawa surat maharaja untuk dibacakan di negeri Poni. Kami bertolak pada bulan November dari Quan-Chau. Pada 18hb Mac T.M 1371 kami telah tiba di negeri Jawa, selepas satu bulan barulah sampai ke negeri Poni. Raja Poni bernama Mohamad Shah. Letak negerinya di tempat yang jauh di lautan yang terpencil. Sikap rajanya sangat angkuh, baginda tidak tahu tata-susila bagaimana menghadap utusan maharaja.”²⁸

Mengikut laporan itu Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar) mengambil sikap yang dingin terhadap utusan China itu dan memberi berbagai alasan untuk tidak mengaku tunduk kepada ketuanan China. Ada dua perkara utama yang dilaporkan dalam sumber China itu mempunyai persamaan dengan apa yang diceritakan dalam sumber tradisi lisan Brunei khususnya yang terkandung dalam *Syair Awang Semaun (SAS)* dan *Salsilah Raja-Raja Brunei (SRB)*. Pertama mengenai serangan daripada orang Sulu ke atas Brunei, “baru-baru ini negeri Solo telah mencerobohi negeri

²⁸ Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 283.

beta, anakanda beta dan harta benda beta beta semuanya dirampas”.²⁹ Kedua pengaruh Jawa (Majapahit) dan pernaungannya ke atas Brunei:

“Masa kerajaan Solo menyerang Duli Tuanku kami telah membawa tentera melawan mereka sehingga mereka mundur, sekarang saya mendengar khabar bahawa Duli Tuanku akan taat setia kepada negeri China. Jika begitu di mana kedudukan Kerajaan Jawa”³⁰

Dalam *SAS* terdapat cerita tentang serangan orang Sulu ke atas Brunei tetapi akhirnya berjaya dipatahkan oleh Brunei tanpa bantuan daripada Jawa.³¹ *SAS* telah menyembunyikan kelemahan Brunei akibat serangan daripada Sulu itu kerana tujuan syair ini ditulis adalah untuk menaikkan nama raja dan kerajaannya dengan memasukkan unsur-unsur mitos tentang kekuatan Brunei. Ini berlainan dengan *SRB* yang lebih objektif penceritaannya iaitu dalam menyatakan bahawa, “sebelum Brunei lagi kafir ia tunduk di bawah Jawa dengan terpaksa membayar unfi tahunan berupa setempayan pinang muda”.³² *SRB* juga mengatakan bahawa Brunei telah memerdekaan dirinya dari Jawa apabila rajanya Awang Alak Betatar memeluk agama Islam.³³ Berdasarkan sumber Cina itu menunjukkan bahawa pada tahun 1371 itu Awang Alak Betatar sudah beragama Islam apabila baginda disebut dengan nama Sultan Muhammad Shah. Namun berdasarkan sumber Cina itu juga menunjukkan Brunei masih berada di bawah pengaruh Jawa dan pada masa yang sama Brunei juga terpaksa meletakkan dirinya di bawah naungan China.

Brunei pada zaman awal pemerintahan Sultan Muhammad Shah Brunei terpaksa membayar ufti kepada dua kuasa besar Asia itu iaitu Jawa dan China. Perkembangan yang berlaku ke atas Brunei ini mempunyai hubungan dengan dasar Dinasti Ming yang baru memerintah China pada tahun 1368 menggantikan Dinasti Yuan. Sebagai sebuah

²⁹ Ibid., hlm. 284.

³⁰ Ibid.

³¹ *Syair Awang Semaun*, versi Muzium Brunei.

³² P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, *JMBRAS*, Vol. XLI, Pt. 2, 1968, hlm. 16.

³³ Ibid.

dinasti yang baru, Maharaja Ming telah menghantar utusan-utusannya ke kerajaan-kerajaan di Laut Selatan seperti Majapahit di Jawa, Kerajaan Suwarnabhumi, Paggaruyung dan Malayupura di Sumatra bermula pada tahun 1370 hingga 1375. Berikutan dengan kunjungan utusan China itu negeri-negeri tersebut masing-masing menghantar utusan ke Negeri China pada tahun 1371 hingga 1375 walaupun pada masa yang sama negeri-negeri berkenaan masih di bawah jajahan Jawa. Perkembangan ini secara tidak langsung telah mencabar kewibawaan Jawa yang menganggap bahawa negeri-negeri tersebut termasuk Brunei telah mengisyiharkan kemerdekaan mereka dari Jawa.³⁴

Dalam sumber China itu juga menyatakan tentang wilayah jajahan Brunei pada tahun 1371 itu. Dalam *Ming Tai Zu Shi Lu*, Jilid 67 menyebut bahawa Brunei menguasai 14 buah negeri walaupun pada masa yang sama masih menjadi negeri naungan Jawa.³⁵ Jumlah ini sama dengan apa yang pernah Brunei kuasai pada abad ke-10 seperti yang dilaporkan dalam *Zhu Fan Zhi* pada tahun 977.³⁶ Apa yang menarik tentang laporan Cina ini ialah jumlah wilayah jajahan Brunei itu sama dengan apa yang diceritakan dalam tradisi lisan Brunei. Dalam tradisi lisan tersebut mengisahkan tentang pengembaraan seorang putera raja mencari lembingnya yang dilarikan oleh seekor tembadau (kerbau hutan) yang terpacak dibadannya. Dalam pengembaraan itu putera raja tersebut berkahwin di setiap kampung yang disinggahinya sehingga berjumlah 14 buah kampung. Setiap isterinya di kampung-kampung tersebut melahirkan seorang anak lelaki yang berjumlah 14 orang. Kesemua 14 orang anak raja itu dilantik oleh ayah mereka menjadi raja di 14 buah kampung di Borneo.³⁷ Walaupun cerita tersebut dipenuhi dengan unsur-unsur mitos tetapi dengan adanya laporan China itu membuktikan bahawa tradisi lisan mengenai Raja-raja Brunei (Awang Alak Betatar)

³⁴ Slamet Muliana, *Kuntala, Sriwijaya dan Suwarnabhumi*, hlm. 309.

³⁵ Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 177.

³⁶ Ibid., hlm. 96.

³⁷ Cerita tersebut dibincangkan dalam Bab 6.

mempunyai asas sejarahnya. Oleh itu tradisi lisan Brunei atau Borneo tidak boleh diabaikan dalam pengkajian sejarah Borneo, kerana ianya mempunyai nilai-nilai sejarah yang tinggi yang perlu dikaji dari sudut simboliknya.

Begitu juga dengan jumlah wilayah Brunei yang disebut dalam *Nan Hai Zhi*, Jilid 7 yang berjumlah sembilan buah pada abad ke-13 dan 14,³⁸ adalah bertepatan dengan apa yang diceritakan dalam *SRB* yang menyebut bahawa setelah Awang Alak Betatar berjaya meluaskan jajahannya sehingga ke Sungai Igan baginda telah berjaya mendapatkan lima buah wilayah lagi di pantai barat Borneo daripada Johor (Singapura tua) iaitu Sarawak, Samarahan, Sadong, Mukah dan Kalaka.³⁹ Kemasukan lima buah wilayah tersebut dengan sendirinya melengkapkan wilayah jajahan Brunei kepada 14 buah. Ini bermakna jumlah wilayah Brunei yang disebut dalam *Nan Hai Zhi*, Jilid 7 itu adalah tidak termasuk wilayah-wilayah yang diserahkan oleh Sultan Johor itu. Namun secara tradisinya wilayah jajahan Brunei sejak abad ke-10 adalah berjumlah 14 buah itu termasuk Sarawak, Samarahan, Sadong, Mukah dan Kalaka. Pada abad yang ke-13 dan 14 lima buah wilayah tersebut telah terlepas dari penguasaan Brunei akibat daripada peluasan pengaruh Kerajaan Sriwijaya di Borneo. Apabila Awang Alak Betatar mendirikan kerajaannya di Brunei pada pertengahan abad ke-14 baginda berjaya mendapatkan kembali lima buah wilayah tersebut dari Johor (Singapura) bagi melengkapkan kembali jumlah wilayah Brunei kepada 14 buah. Oleh itu sumber Cina zaman Dinasti Sung dan Ming adalah signifikan dengan tradisi lisan Brunei mengenai dengan sejarah asal-usul kerajaan dan Raja-raja Brunei yang juga diceritakan dalam *SAS* dan *SRB*.

³⁸ Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 116

³⁹ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 52.

Penemuan yang paling berharga daripada *Ming Jiang Shi Bian*, Jilid 2 itu ialah dua pucuk surat dari Sultan Muhammad Shah kepada Maharaja China yang dibawa oleh utusan Sultan ke Negeri China pada tahun 1371. Surat yang pertama ialah surat perutusan dari Sultan Muhammad Shah kepada Maharaja Ming sebagai tanda ketuanan Brunei kepada China yang dikenali sebagai Surat Emas (disebabkan ianya diukir dengan tulisan emas) dan surat kedua dikenali sebagai Surat Perak (yang diukir dengan tulisan perak) yang mengandungi daftar nama-nama ufti yang disembahkan oleh Sultan kepada Maharaja Ming. Kedua-dua surat tersebut ditulis dalam tulisan jawi dan dibawa oleh seorang utusan Sultan bernama Ismail bersama rombongan Cina Zhang-Jing-Zhi pada bulan September 1371. Di antara kandungan surat tersebut berbunyi, “Negeri beta adalah sebuah tempat yang sangat kecil diperintah oleh She-po (Jawa), sangat berkehendakkan perhatian dari Seri Paduka Baginda”⁴⁰ Surat ini adalah suatu sumber kontemporari yang sangat penting dalam melihat sejarah awal Kerajaan Brunei yang sebelum ini hanya berpandukan kepada *SRB* dan *SAS*.

Namun begitu terdapat juga laporan-laporan mengenai Brunei dalam sumber Cina itu yang mengelirukan dan bertentangan dengan sumber *SRB* dan *SAS*. Misalnya disebut dalam sejarah China itu bahawa seorang Raja Brunei bernama Ma Na Re Jia Na Nai telah pergi ke Negeri China untuk menghadap Maharaja Tung-Lo bersama kaum kerabat baginda pada tahun 1408.⁴¹ Sikap raja tersebut terhadap China begitu bertentangan dengan Sultan Muhammad Shah yang dilaporkan oleh Shen-chi pada tahun 1371. Ma-na-je-chia-na begitu menghormati Maharaja China sehingga Brunei mendapat pengiktirafan sebagai *State Mountain* daripada Maharaja China dan berjaya mendapatkan bantuan China untuk membebaskan diri dari naungan Jawa.⁴²

⁴⁰ Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 323.

⁴¹ W.P. Groeneveldt menyebut nama Raja Brunei itu ‘Maradja Kala’. Lihat, W.P. Groeneveldt, *Notes on the Malay Archipelago and Malacca, Compiled from Chinese Sources*, hlm. 11, sementara dalam Brown disebut Ma-na-je-chia-na. Lihat, C.C. Brown, “Two Ming Texts Concerning King Ma-na-je-chia-na of Po-ni”, *BMJ*, Vol. 3, No. 2, 1974, hlm. 222.

⁴² Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 217.

Sumber tersebut begitu penting dalam melihat sejarah awal Kerajaan Brunei walaupun terdapatnya percanggahan dengan sumber tempatan mengenai latar belakang Raja Brunei yang berkunjung ke China itu. Pertentangan tersebut ialah mengenai diri Raja Brunei itu sendiri yang tidak disebut dalam sumber tempatan seperti *SRB* dan beberapa perkara yang berkaitan dengan waris pengganti baginda. Malah nama Raja Ma-na-ja chia-na dan puteranya tidak dinyatakan dalam *SRB* sebagai salah seorang Raja Brunei. Dalam sumber tempatan seperti *SRB* dan *SAS* atau tradisi lisan di Brunei tidak pernah disebut tentang kemangkatan Raja Brunei di Negeri China pada tahun 1408. Begitu juga dengan putera Raja Ma-na-je-chia-na yang bernama Hsia wang (Raja Kecil) yang dikatakan ditabalkan menjadi Raja Brunei dalam usia empat tahun setelah ayahandanya mangkat di China.⁴³

Dalam sumber China itu juga mengatakan bahawa Hsia Wang memerintah Brunei sehingga tahun 1425 yang dibantu oleh bapa saudaranya bernama Ismail dan datuk bapa saudaranya bernama Mahmud. Dalam *SRB* menyatakan bahawa Sultan Muhammad Shah tidak mempunyai putera dan apabila baginda mangkat takhta kerajaan diberikan kepada saudara baginda Pateh Berbai yang bergelar Sultan Ahmad.⁴⁴ Jika Raja Ma-na-je-chia-na itu adalah salah seorang Sultan Brunei mengapa namanya atau cerita mengenainya tidak disebut dalam *SRB*. Adakah *SRB* terlupa untuk menyenaraikan nama raja tersebut kerana *SRB* yang ditulis pada tahun 1735 adalah juga berdasarkan kepada tradisi lisan. Mungkin juga nama Raja Ma-na-je-chia-na sengaja diketepikan oleh penulis *SRB* seperti mana nama Sultan Hakkul Mubin (Sultan Brunei yang ke-13) yang hanya dimasukkan dalam *SRB* oleh penyalin-penyalin *SRB* yang terkemudian.

⁴³ Berdasarkan batu nisan yang ditemui di perkuburan Islam Jalan Residensi, Brunei bertarikh tahun 1422 tercatat nama Rokayah binti Sultan Abd Majid Hasan ibni Muhammad Shah Al-Sultan yang menunjukkan bahawa Sultan Muhammad Shah (AwangAlakBetatar) mempunyai putera yang mengantikkan baginda menjadi Sultan Brunei yang kedua. Mengikut Pehin Dato Awang Mohd Jamil Al-Sufri bahawa Raja Brunei yang bergelar Ma-na-je-chia-na dalam sumber Cina itu adalah Sultan Abd Majid Hasan ibni Muhammad Shah. Lihat, Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *History of Brunei in Brief*, Bandar Seri Begawan: Brunei History Centre, 2000, hlm. 12.

⁴⁴ P.L.A. Sweeney (ed.), "Silsilah Raja-Raja Berunai", hlm. 52.

Dalam *SRB* sendiri terdapat dua versi mengenai Sultan Ahmad iaitu Sultan Brunei yang kedua. *SRB* versi Datu Imam Yaakub dan Khatib Haji Abdul Latif menyatakan bahawa Sultan Ahmad adalah Pateh Berbai iaitu saudara Sultan Muhammad Shah. Sementara *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong Imam Aminuddin dan *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin menyatakan bahawa Sultan Ahmad ialah Ong Sum Ping iaitu menantu Sultan Muhammad Shah.⁴⁵ Adakah Ma-na-je-chia-na itu adalah Ong Sum Ping seperti yang dinyatakan oleh *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong Imam Aminuddin itu atau ia adalah seorang raja lain. Ini menunjukkan bahawa sejarah awal Kerajaan Brunei adalah suatu yang masih terbuka untuk diperbincangkan khususnya tentang kedudukan Sultan-sultan Brunei sebelum Sultan Sulaiman, iaitu Sultan Brunei ke-4.⁴⁶ Berdasarkan sumber Sepanyol dalam *Boxer Codex* pada tahun 1590 menyatakan bahawa orang Brunei hanya mampu mengingati Sultan-sultan Brunei sehingga ke Sultan Sulaiman dan tidak pasti tentang nama Sultan-sultan Brunei sebelum itu. Dalam *Boxer Codex* juga menyebut tentang nama seorang Sultan Brunei bernama Yusuf yang dikatakan menjadi pengasas kerajaan Islam di Brunei.⁴⁷

Namun begitu suatu yang menarik mengenai laporan Cina ini ialah wujudnya nama Ismail dalam dua sumber Cina itu, iaitu dalam tahun 1371 Ismail disebut sebagai ketua utusan Sultan Muhammad Shah ke China, sementara dalam tahun 1421 Ismail disebut sebagai datuk bapa saudara Hsia Wang (putera Ma-na-je-chia-na) telah mengetuai utusan Brunei ke China.⁴⁸ Kewujudan nama Ismail dalam dua laporan itu menandakan bahawa adanya hubungan di antara Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar) dan Ma-na-je-chia-na yang disebut dalam kedua-dua sumber Cina itu. Dalam

⁴⁵ Pada *Batu Tarsilah Brunei* yang dibuat oleh Haji Abdul Latif pada tahun 1807 menyatakan bahawa Sultan Brunei yang kedua ialah saudara Sultan Muhammad Shah bernama Pateh Berbai dan bergelar Sultan Ahmad. Sementara dalam *Salasilah Raja-Raja Brunei* disebut bahawa menantu Sultan Muhammad Shan bernama Ong Sum Ping diangkat menjadi Sultan Brunei kedua bergelar Sultan Ahmad. Lihat, H. Low, "Selesilah (Book of the Descent) of the Rajas of Brunei", *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society (JSBRAS)*, Vol. 5, June 1880, hlm. 2 dan hlm. 38.

⁴⁶ Perkara ini dibincangkan dalam Bab 4 dalam tajuk kecil "Salasilah Raja-Raja Brunei".

⁴⁷ Ibid.

⁴⁸ Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 240.

pada itu suatu yang menarik untuk dibincangkan tentang kewujudan nama Ma-na-je-chia-na dalam sumber Cina itu ialah sejauh mana ianya boleh dihubungkan dengan sebuah tradisi lisan yang terdapat di Terakan, Kalimantan Timur yang menceritakan tentang seorang putera Sang Aji yang bernama Aji Suria Sakti yang terlepas peluang menggantikan ayahandanya menjadi Raja Brunei kepada Awang Alak Betatar. Berdasarkan sumber tersebut raja yang lebih berhak menduduki tahta Kerajaan Brunei ialah Aji Suria Sakti dan bukannya Awang Alak Betatar yang hanya menjadi cucu kepada Sang Aji. Namun Aji Suria Sakti terlepas peluang menggantikan ayahnya disebabkan semasa Awang Alak Betatar diangkat menjadi Raja Brunei menggantikan nendanya Sang Aji, Aji Suria Sakti belum lagi lahir.⁴⁹

Jika berdasarkan sumber Cina itu Ma-na-je-chia-na lahir pada tahun 1380 iaitu sewaktu Awang Alak Betatar sudah memerintah Brunei sejak tahun 1363. Oleh itu tindakan Maharaja China melantik Ma-na-je-chia-na menjadi Raja Brunei pada tahun 1405 bolehlah dilihat sebagai tindak balas China terhadap Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah) yang menunjukkan sikap berbelah bagi kepada China akibat tekanan daripada Jawa sewaktu utusan Maharaja China datang ke Brunei pada tahun 1371. Sementara di pihak China pula sikap yang diambil ke atas Brunei itu pernah dilakukan ke atas Kerajaan Suwarnabhumi di Sumatra apabila pada tahun 1377 Maharaja China mengangkat Raja Dharmasraya menjadi Raja Suwarnabhumi menggantikan ayahnya tanpa pengetahuan Jawa yang berkuasa ke atas kerajaan tersebut.⁵⁰ Tindakan China ini menunjukkan dasar luarnya yang ingin menjadi sebuah kuasa yang berpengaruh di negeri-negeri di Laut Selatan China.

⁴⁹ Hj Awang Mohd Jamil Al-Sufri, *Rampai Sejarah: Meniti Sejarah Silam*, Brunei: Pusat Sejarah Brunei, 2005, hlm. 26.

⁵⁰ Slamet Muliana, *Kuntala, Sriwijaya dan Suwarnabhumi*, hlm. 309.

Brunei Dalam Sumber Barat

Kedatangan orang Barat ke Brunei pada abad yang ke-16 telah banyak menghasilkan laporan-laporan yang lengkap mengenai Brunei pada zaman keagungan empayarnya. Oleh itu sumber ini dianggap sebagai penyambung kepada sumber Cina yang banyak melaporkan mengenai Brunei pada abad ke-5 hingga abad ke-15, iaitu zaman Kerajaan-kerajaan Brunei lama dan zaman pembentukan Kerajaan Brunei. Sementara laporan Barat dibuat pada waktu Brunei berada di kemuncak kuasanya di Borneo pada abad ke-16 dan 17.

Sumber Portugis

Laporan yang terawal datangnya daripada orang Portugis di Melaka pada awal abad ke-16 yang banyak melaporkan tentang hubungan dagang Brunei dengan Portugis di Melaka. Di antaranya ialah laporan Tome Pires pada tahun 1515 yang menyebut tentang kedatangan kapal-kapal dagang Brunei ke Melaka bersama-sama dengan kapal-kapal dagang dari Tanjungpura dan Labai (terletak di Kalimantan Barat).⁵¹ Berdasarkan laporan tersebut menunjukkan bahawa selain Brunei terdapatnya dua buah lagi kuasa perdagangan di Borneo pada awal abad ke-16 itu iaitu Tanjungpura dan Labai yang terletak di Kalimantan Barat (barat Borneo). Laporan Tome Pires ini mempunyai hubungan dengan laporan Antonio Pigafetta pada tahun 1521 mengenai penaklukan semula Brunei ke atas Labai yang dikatakan telah mengalihkan pertuanannya kepada Jawa.⁵²

⁵¹ A. Cortesao (ed.), *The Suma Oriental of Tome Pires and the Book of Francisco Rodrigues*, Vol. 1/11, Nendeh Leichtenstein: Kraus Reprint Ltd., 1956, hlm. 268.

⁵² A. Pigafetta, *First Voyage Around the World*, Manila: Filipiniana Book Guild, 1969, hlm. 11.

Berdasarkan dua laporan itu menunjukkan kepentingan negeri Labai yang terletak di kuala Sungai Kapuas kepada Brunei dan Jawa. Laporan Antonio Pigafetta adalah sumber kontemporari pertama mengenai Brunei dalam sumber Barat kerana beliau menyaksikan sendiri peristiwa yang berlaku di Brunei pada tahun tersebut semasa kunjungannya bersama rombongan Magellan ke Brunei pada tahun 1521. Tulisan Antonio Pigafetta itu memberi maklumat berharga mengenai keluasan pengaruh Brunei di Borneo yang mencapai sehingga ke Sungai Kapuas serta pulau-pulau Filipina. Dalam laporannya mengenai serangan ke atas Kerajaan Labai itu diceritakan:

“Pada pagi Isnin 29 Julai 1521 kami nampak lebih seratus buah perahu yang terbahagi kepada tiga pasukan kapal perang ... dan sebuah daripada pasukan itu diketuai oleh putera raja Luzon yang menjadi kaptan-general raja Brunei baru pulang dari kota besar bernama Laoe (Labai) yang terletak di hujung Pulau Borneo berhadapan dengan Pulau Jawa (Jawa Besar). Mereka menghancurkan dan merampas negeri tersebut kerana mengalihkan pertuanannya kepada Jawa.”⁵³

Akibat daripada serangan tersebut negeri Labai berjaya diletakkan kembali di bawah naungan Brunei. Keterangan dalam laporan Pigafetta ini menyokong apa yang disebut dalam tradisi lisan Brunei mengenai keluasan Empayar Brunei zaman Sultan Bolkiah, Sultan Brunei ke-5.⁵⁴ Namun dalam tradisi lisan Brunei tidak pernah disebut nama Kerajaan Labai atau kerajaan-kerajaan di Sungai Kapuas. Laporan Pigafetta ini sebenarnya menambah kandungan tradisi lisan itu bahawa Brunei juga pernah menguasai kerajaan-kerajaan di barat Borneo itu selain daripada kerajaan di barat laut dan timur Borneo (Sarawak dan Sabah) serta Kepulauan Filipina. Selain daripada itu dilaporkan juga tentang kewujudan sebuah kota (bandar) yang dihuni oleh orang kafir (bukan Islam) yang berada di Teluk Brunei:

⁵³ Ibid.,

⁵⁴ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 52-54.

“In the same port is another city inhabited by heathens, which is larger than that of the Moros (Brunei), and built like the latter in salt water. On that account the two peoples have daily contacts together in the same harbour. The heathens king is as powerful as the Moro king ...”⁵⁵

Apa yang dimaksudkan dengan kota kafir itu ialah merujuk kepada penduduk Bisaya yang tinggal berjiran dengan Brunei. Nampaknya pada awal abad ke-16 itu Raja Bisaya masih mempunyai kekuatan sehingga menjadi ancaman kepada Brunei yang tinggal di pelabuhan yang sama. Laporan Pigafetta ini menyokong apa yang diceritakan dalam tradisi lisan tentang Raja Lumbi (Raja Bisaya) yang berkerajaan di sekitar Teluk Brunei (Junjungan). Pedagang-pedagang Portugis di Melaka dalam kunjungan mereka ke Brunei pada tahun 1526 telah menyaksikan kemakmuran Brunei dan mengakui bahawa Brunei adalah sebuah kerajaan yang besar dan kuat. Dalam laporan George de Menezes mengenai kekuatan Brunei pada tahun 1526 itu mengatakan bahawa:

“... orang Brunei ... adalah orang-orang yang gagah berani kerana mereka telah biasa belayar ke Melaka, Pegu (Burma) dan lain-lain tempat membawa barang-barang dagangan, dan Brunei sebuah kerajaan yang kuat.”⁵⁶

Laporan mereka mengenai Brunei lebih tertumpu kepada peranan Brunei dalam perdagangannya dengan Melaka. Sementara dalam laporan Goncalo Pereira pada tahun 1530 menyebut tentang kekayaan dan kekuasaan Sultan Brunei di Borneo. Dalam laporan itu disebut nama Sarawak dan Marudu sebagai pelabuhan utama di Borneo selain daripada Tanjungpura dan Labai.⁵⁷ Ini menunjukkan kebangkitan Sarawak sebagai sebuah pelabuhan perdagangan baru dalam jajahan Brunei pada abad ke-16 itu. Oleh itu tidak hairan mengapa Sultan Muhammad Hasan melantik puteranya Raja Tengah sebagai Sultan Sarawak pada akhir abad ke-16 apabila berlakunya perselisihan

⁵⁵ A. Pigafetta, *First Voyage Around the World*, hlm. 102.

⁵⁶ E.H. Blair & J.A Robertson (eds.), *The Philippine Islands*, Vol. I, IV, VII, & XXXII, Manila: Chachos Hermanos Ins., 1973, hlm. 1221.

⁵⁷ R. Nicholl (ed.), *European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century*, Bandar Seri Begawan: Brunei Muzium, 1975, hlm. 28.

faham dalam keluarga diraja Brunei.⁵⁸ Sudah tentu pelantikan Raja Tengah menjadi Sultan Sarawak itu mempunyai hubungan juga dengan kedudukan Sarawak sebagai pusat perdagangan yang penting dalam jajahan Brunei. Mengikut laporan tersebut mengatakan bahawa Sarawak pada waktu itu (1530) sudah didiami oleh ramai pedagang kaya yang menjalankan hubungan dagang dengan Melaka, Sumatra, Siam, China dan lain-lain.⁵⁹

Sumber Sepanyol

Selain daripada sumber Portugis, Brunei juga banyak disebutkan dalam sumber Sepanyol yang bertapak di Manila pada tahun 1571. Hubungan Brunei dan Sepanyol di Manila sejak pendudukan mereka ke atas Manila sentiasa dalam keadaan tegang kerana pihak Sepanyol bercita-cita untuk mengembangkan agama Kristian di wilayah-wilayah Brunei di Filipina. Kemuncak daripada permusuhan dua pihak itu ialah Sepanyol berjaya menduduki Brunei (bandar Brunei di Kota Batu) pada 16 April 1578 hingga 26 Jun 1578.⁶⁰ Dalam tempoh pendudukan yang singkat itu Dr. Francisco de Sande, Kapten-Jeneral Sepanyol yang mengetuai pendudukan tersebut telah menghasilkan laporan-laporan mengenai Brunei khususnya tentang Sultan Abdul Kahar (disebut Sultan tua kerana sudah turun takhta) dan putera baginda Sultan Saiful Rijal.

Dalam laporan tersebut Dr. Francisco de Sande telah mendapatkan maklumat-maklumat mengenai dua orang Sultan Brunei itu yang meninggalkan bandar Brunei di Kota Batu semasa pendudukan tersebut. Sultan Abdul Kahar telah berpindah ke Sungai Baram dan mangkat di sana akibat demam dan jenazah baginda telah dibawa ke Brunei

⁵⁸ Haji Mohd Jamil Al-Sufri, *Sultan Tengah*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2000, hlm. 2.

⁵⁹ R. Nicholl (ed.), *European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century*, hlm. 28.

⁶⁰ E.H. Blair & J.A. Robertson (eds.), *The Philippine Islands*, Vol. IV, hlm. 160-172.

untuk dimakamkan di Brunei.⁶¹ Berdasarkan kenyataan ini menunjukkan bahawa hubungan Brunei dengan penduduk peribumi di Sungai Baram sudah lama wujud dan hubungan ini berterusan sehingga abad ke-19 apabila kaum Kayan yang mendiami sungai tersebut sering membantu Sultan menbanteras pemberontakan yang dilakukan oleh penduduk-penduduk yang tinggal di Daerah Limbang, Tutong dan Belait.⁶² Sementara Sultan Saiful Rijal dikatakan melarikan diri ke Sungai Bisaya yang terletak di daerah Melanau, Sarawak.⁶³ Nama Sungai Bisaya di daerah Melanau sudah tidak ditemui lagi, dan kenyataan ini adalah suatu penemuan yang berharga dalam kajian sejarah awal Brunei yang menjadi bukti tentang kewujudan Kerajaan Bisaya di Sungai Igan, Sarawak yang diceritakan dalam tradisi lisan kaum Bisaya di Pulau Panay, Filipina.⁶⁴

Laporan yang lengkap mengenai sejarah Kerajaan Brunei yang ditulis oleh Sepanyol ialah terdapat di dalam *Brunei in the Boxer Codex*.⁶⁵ Kandungan manuskrip ini adalah mengenai sejarah awal Kerajaan Brunei tiga ratus tahun dahulu iaitu berdasarkan anggaran penulis dari tarikh ianya ditulis. Tarikh terakhir dalam munuskip tentang Brunei ialah tahun 1590, manakala tarikh-tarikh tahun 1588 dan 1589 juga ada dicatat. Ini bererti peristiwa yang diceritakan itu berlaku pada tahun 1300. Pengarangnya tidak pergi ke Brunei tetapi mendapatkan maklumat tentang Brunei daripada seseorang yang pernah menetap atau berdagang di Brunei. Oleh itu sumber ini dikategorikan sebagai sumber tradisi lisan yang ditulis pada tahun 1590.⁶⁶ Di antara

⁶¹ R. Nicholl (ed.), *European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century* hlm. 63.

⁶² Capt. R.H.N. Keppel, *A Visit to the Indian Archipelago in H.M. Ship Meander with Portions of the Private Journal of Sir James Brooke, K.C.B.*, Vol. II, London: 1848, hlm. 100.

⁶³ R. Nicholl, *European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century*, hlm. 64.

⁶⁴ P. Sonza Demy, “The Bisaya of Borneo and the Philippines: A New Look at the Maragtas”, *Sarawak Museum Journal*, Vol. 20 (40-41), 1972, hlm. 36-38.

⁶⁵ J.S. Carroll, “Brunei in the Boxer Codex”, *JMBRAS*, Vol. LV, Pt. 2, 1982, hlm. 2.

⁶⁶ *Boxer Codex* adalah mengambil nama C.R Boxer iaitu Profesor Cameno Portugis, King College, Universiti London yang telah membeli satu koleksi menuksrip berbahasa Sepanyol yang tersimpan di perpustakaan Lord Ilchester di Holland House London pada tahun 1947. Oleh itu perolehan ini dikenali sebagai *Boxer Codex*. Pada tahun 1960-an John S. Carrol telah menterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris folio 71-86 manuskrip tentang Kesultanan Brunei di Pulau Borneo pada akhir abad ke-16. Sungguhpun nama pengarangnya tidak dinyatakan tetapi Profesor Boxer percaya bahawa ia mungkin telah ditulis oleh Gomez Perez Dasmarinas, Gabenor Tanah Jajahan Sepanyol di Filipina pada tahun 1590-1593, ataupun anaknya, Luis. Lihat, Haji Mohamad Amin bin Hassan,

kandungan manuskrip tersebut yang berkaitan dengan sejarah Kerajaan Brunei adalah seperti berikut:

“Menurut cerita mereka (orang Brunei), ianya bermula lebih kurang tiga ratus tahun yang lalu, apabila seorang pembesar sebuah kota yang dipanggil Cauin, yang terletak di bahagian wilayah-wilayah yang berbahasa Melayu dan yang menghala ke arah Makkah telah datang (ke sini). Namanya Sultan Yuso (Yusuf), yang menurut mereka ialah Raja Kota Cauin itu. Dia bersama-sama rakyatnya telah meninggalkan negeri dan tanah airnya di dalam banyak kapal dan telah menemui banyak tanah. Dia sentiasa menggelar dirinya Raja dan ketua kepada semua orang yang dibawanya yang dipanggil hamba sahaya. Ekoran daripada pelayarannya dia telah sampai di Pulau Borney (Brunei) dan bertempur beberapa kali dengan puak Usaya (Bisaya) untuk menduduki tanah mereka. Setelah mengalahkan mereka, Raja itu telah menetap di sana selama beberapa hari. Dalam jangka masa ini dia telah menguasai sejulur panjang tanah dan hasil-hasilnya, dan telah mendapatkan kapur barus, suatu bahan yang tidak didapati di tempat-tempat lain dan sangat berharga kepada mereka dan orang-orang di negeri lain. Dia juga telah menemui beberapa buah lombong dan tempat-tempat yang terdapat emas di utara sempadan bahagian selatan (Sambas) dan beberapa tempat mutiara di selamambil (Sulu). Namun sebagai seorang pemuda dia masih belum puas dengan segala ini. Dia masih mahu mencari, menjumpai dan menduduki lebih banyak tanah. Sekali lagi bersama-sama semua orang-orangnya dia telah belayar ke arah timur laut. Setelah beberapa hari, kapalnya telah berlabuh di Negeri China dan dia terus meminta kebenaran untuk mendarat. Sesudah memperolehi kebenaran, dia pun mendarat dan pergi mengadap Raja China yang telah diakui olehnya sebagai Raja Ulung (Maharaja). Raja China itu telah mengesahkan gelaran Raja ke atasnya dengan menganugerahkannya alat-alat kebesaran dan lambang Diraja, yang hingga kini masih dimiliki oleh Raja Borney yang tersebut itu dan melihatkan Sultan Yuso masih bujang, dikahwinkannya dengan seorang perempuan Cina. Kononnya dia (Sultan Yuso) menetap seketika di negeri tersebut (China) adalah kerana perempuan itu ialah kerabat Raja China. Perempuan Cina itu juga ialah tuan punya sebuah kota di Negeri China yang dipanggil Namtay. Setelah berkahwin, Sultan Yuso memohon izin meninggalkan Raja China dan membawa isteri dan orang-orangnya pulang ke Borney. Dia telah meninggalkan seorang petugas di Bandar Namtay untuk mengutip sewa dan menjadi harta benda isterinya; dan pada masa kini sunggupun orang-orang pribumi Namtay tidak datang membawa sebarang apapun untuk Raja-Raja Borney, ini bukan kerana Ketua Bandar Namtay tidak lagi mempunyai hak mengutip hasil cukai di kota itu, tetapi menurut mereka cukai dan harta peninggalan itu masih dikutip, disimpan dan dijaga dan menanti masa sahaja bila masa seorang Raja Borney mungkin pergi ke sana untuk menuntut pusakanya.

Sultan Yuso itu telah pergi ke Borney. Dia menetap di sana bersama hamba dan pembesar yang dibawanya itu. Dia menjadikan orang-orang Uisaya takluk kepada pemerintahannya dan mengarahkan mereka membayar

“Boxer Codex: Rakaman Sejarah Brunei di Akhir Abad ke-XV1”, *Jurnal Darussalam*, Bil. 5, Pusat Sejarah Brunei, 2004, hlm. 107-108.

ufti. Dia mempunyai beberapa orang anak dengan isteri Cinanya itu dan meninggal dunia dalam usia yang tersangat tua. Semasa mati, dia telah meninggalkan suatu kepingan emas yang menurut cerita mereka, berukuran satu fathom persegi dan nipis. Di atasnya terukir amanat untuk mereka menuliskan nama Raja-Raja yang berketurunan daripadanya. Kepingan emas itu disimpan oleh Raja tersebut yang telah mengukir namanya sendiri pada kepingan itu. Kepingan itu telah hilang semasa Doktor Francisco de Sande, Gabenor kepulauan ini (Filipina), datang merompak dan memusnahkan Borney. Adalah difahamkan bahawa Raja Tua, bapa kepada Raja (Borney sekarang ini) yang menyimpannya, telah sama ada menanamkannya atau membuangkannya ke dalam laut; dan oleh sebab Raja tersebut telah mati pada waktu itu, dia tidak meninggalkan keterangan yang jelas tentang apa yang telah dibuat kepada kepingan emas tersebut.

Raja-raja yang telah berkerajaan di Borney tidak diketahui melainkan daripada maklumat yang dapat mereka ingat, iaitu seperti berikut – moyang kepada Raja yang sedang memerintah ketika ini dipanggil Sultan Soliman dan datuknya dipanggil Sultan Salan dan bapanya yang telah menghilangkan kepingan emas itu dipanggil Sultan Aril Lula dan Raja masa kini seperti yang saya telah katakan bernama Nula Alam dan anaknya yang bakal menggantikannya memerintah negeri dipanggil Raja Borney. Raja-raja yang telah memerintah Borney biasanya telah mewarisi kerajaan melalui hak keturunan yang sah tanpa putus-putus dan sering kali anak lelaki yang sulung. Maka dengan secara langsung, mereka adalah keturunan Sultan Yuso dan isteri Cinanya itu.”⁶⁷

Kandungan *Boxer Codex* itu adalah suatu yang baru yang tidak pernah diceritakan sama ada dalam tradisi lisan Brunei ataupun manuskrip-manuskrip lama Brunei seperti SRB dan SAS. Berdasarkan latar belakang Sultan Yuso (Yusuf) itu sudah tentunya ianya bukanlah termasuk di dalam keluarga atau dinasti Kesultanan Brunei yang didirikan oleh Awang Alak Betatar. Peristiwa tersebut berlaku sekitar pada tahun 1300 mengikut perkiraan penulis *Boxer Codex* sedangkan Awang Alak Betatar mendirikan kerajaannya sekitar pada tahun 1363. Jika berdasarkan kepada sumber Cina *Nan-hai cha* (ditulis pada tahun 1304) Kerajaan Brunei pada ketiga itu adalah sebuah kuasa besar di Borneo yang menguasai negeri-negeri di barat laut Borneo. Selain daripada itu manuskrip *Boxer Codex* itu sama usianya dengan *Maragtas* iaitu manuskrip kuno yang mengandungi tradisi lisan kaum Bisaya di Pulau Panay, Filipina yang ditulis pada abad ke-16. Manuskrip tersebut mengisahkan tentang penghijrahan 10 orang Datu

⁶⁷ Ibid., hlm. 107-108. Teks asal manuskrip terjemahan ke bahasa Inggeris terdapat dalam, J.S. Carroll, “Berunai in the Boxer Codex”.

beserta segala hamba rakyatnya bangsa Bisaya di Sungai Igan, Sarawak ke Pulau Panay, Filipina akibat berlakunya kezaliman Raja Melanau bernama Makatanaw (Tugau) ke atas penduduk Bisaya. Persamaan dua manuskrip tersebut ialah pada tempoh peristiwa itu berlaku sekitar tahun 1300 dan penglibatan kaum Bisaya dalam kedua-dua peristiwa tersebut.

Agak sukar menghubungkan kisah Sultan Yusuf itu dengan kerajaan Awang Alak Betatar walaupun dari segi salasilahnya Sultan-sultan Brunei pada waktu itu dikatakan berketurunan daripada Sultan Yusuf itu. Suatu yang menghairankan ialah mengapa orang Brunei pada waktu itu (pemberi maklumat kepada penulis *Boxer Codex*) hanya mengetahui salasilah Sultan-Sultan Brunei sehingga Sultan Sulaiman, Sultan Brunei ke-4, dan tidak mengetahui nama-nama Sultan sebelum itu iaitu Sultan Syarif Ali, Sultan Ahmad dan Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar). Di antara tiga orang Sultan ini hanya Sultan Syarif Ali datang dari luar Borneo sedangkan Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar) dan Sultan Ahmad (Pateh Berbai) berasal dari Borneo. Adakah Sultan Yusuf yang dimaksudkan itu Sultan Syarif Ali kerana baginda berasal dari luar Borneo (Negeri Taif) dan dianggap sebagai pengasas sistem pentadbiran Islam di Brunei.⁶⁸

Baginda juga telah memindahkan bandar Brunei ke Kota Batu dengan pertolongan orang Cina. Hubungan baginda dengan orang Cina begitu rapat disebabkan isterinya adalah puteri Sultan Ahmad yang berkahwin dengan anak raja Cina di Kinabatangan, Sabah.⁶⁹ Oleh itu dari sebelah isterinya adalah berketurunan campuran Cina dan tempatan (Lun Bawang). Disebabkan manuskrip *Boxer Codex* itu bukannya sumber kontemporari iaitu yang ditulis berdasarkan peristiwa yang berlaku pada

⁶⁸ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 54.

⁶⁹ Ibid.

zamannya maka nilainya manuskrip ini sama dengan sumber tradisi lisan. Untungnya sumber ini ialah ianya telah menyelamatkan maklumat sejarah Brunei yang begitu berharga yang terdapat dalam sumber lisan Brunei pada abad ke-16 dahulu.

Kandungan *Boxer Codex* ini boleh membantu kita memahami sejarah awal Kerajaan Brunei pada zaman peralihan iaitu yang berlaku dalam tempoh di antara zaman Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah), Sultan Brunei yang pertama dan zaman Sultan Syarif Ali, Sultan Brunei yang ketiga yang berasal dari Negeri Taif. Dalam tempoh tersebut muncul nama Raja-raja Brunei yang tidak disebut dalam *SRB*. Misalnya Sultan Ma-na-je-chia-na yang terdapat dalam sumber China pada tahun 1405 dan nama Sultan Abdul Majid Hasan yang ditulis pada batu nisan di Brunei. Oleh itu nama Sultan Yusuf dalam *Boxer Codex* ini muncul dalam tempoh tersebut iaitu pada zaman hubungan baik Brunei dengan Negeri China. Pada zaman tersebut juga (tahun 1370-an) adalah suatu jangka masa Brunei didatangi ramai mubaligh Arab termasuklah mereka yang menetap di Acheh, Palembang, Minangkabau dan Melaka.

Dalam sejarah Sulu diceritakan mengenai seorang putera Raja Minangkabau bernama Raja Baginda berhijrah ke Sulu untuk mendirikan kerajaan Islam di sana pada abad ke-14 (tahun 1390).⁷⁰ Dalam perjalanan ke Sulu Raja Baginda telah singgah di Brunei. Selain dari itu Syaid Abu Bakar yang datang dari Melaka dalam perjalannnya ke Sulu pada tahun 1450,⁷¹ diikuti oleh kedatangan Syarif Kebungsuan dalam perjalannnya ke Mindanao sekitar tahun 1515.⁷² Mereka ini adalah pengasas kerajaan-kerajaan Islam di Sulu dan Mindanao, dan kisah Sultan Yusuf dalam *Boxer Codex* itu adalah gambaran tentang perjalanan perjuangan mereka dalam mendirikan kerajaan

⁷⁰ Najeeb M. Saleeby, *The History of Sulu*, Manila: The Philippine Book Guild Inc., IV, 1963, hlm. 3.

⁷¹ Ibid., hlm. 46.

⁷² Najeeb M. Saleeby, *Studies in Moro History Law and Religion*, Manila: The Philippine Book Guild, 1976, hlm. 42-43.

Islam termasuklah Sultan Syarif Ali yang telah berjaya mendirikan kerajaan Islam di Brunei sekitar tahun 1375.

Sumber Belanda

Sementara bagi pihak Belanda pula laporan terawal mengenai Brunei dibuat oleh Admiral Olivier van Noort pada tahun 1600.⁷³ Beliau berada di Brunei selama 10 hari atas urusan perdagangan. Walaupun beliau kecewa dengan peluang-peluang perdagangan yang ada di Brunei tetapi tulisannya mengenai Brunei merupakan sumbangan besar terhadap persejarahan Brunei pada awal abad ke-17 itu. Laporan tersebut menyebut tentang penguasaan orang Cina di Brunei dalam perdagangan lada hitam serta mengenai sikap baik Sultan Brunei terhadap orang Belanda pada ketika itu. Ini mempunyai hubungan dengan permusuhan Brunei dengan Sepanyol di Manila.

Dalam laporan Noort mengenai Sultan Brunei menyebut bahawa Sultan pada ketika itu adalah seorang yang masih muda sehingga pemerintahan kerajaan dijalankan oleh bapa saudaranya.⁷⁴ Berdasarkan *SRB* sultan yang dimaksudkan ialah Sultan Abdul Jalilul Akbar yang menaiki takhta pada tahun 1598 menggantikan ayahanda baginda Sultan Muhammad Hasan. Dalam *SRB* tidak dinyatakan tentang usia Sultan Abdul Jalilul Akbar dan begitu juga tentang adanya pemangku Sultan pada zaman baginda. Kemungkinan Sultan yang dimaksudkan itu ialah Sultan Abdul Jalilul Jabar iaitu putera Sultan Abdul Jalilul Akbar kerana Sultan Brunei selepas baginda ialah bapa saudaranya Sultan Muhammad Ali. Dalam *SRB* tidak dinyatakan usia Sultan Abdul Jalilul Jabar menaiki takhta tetapi keterangan van Noort itu perlu diambil kira kerana ianya berupa sumber kontemporari yang boleh melengkapkan lagi sumber *SRB* itu.

⁷³ Ronald F.Lach and Edwin J. Van Kley, *Asia in the Making of Europe*, Vol. III, Chicago: The University of Chicago Press, 1981, hlm. 1384.

⁷⁴ Ibid., hlm. 1385.

Selain daripada Olivier van Noort, tulisan mengenai Brunei dalam sumber Belanda juga terdapat dalam *Begin en de voortgang* iaitu sebuah laporan tentang aktiviti-aktiviti Belanda di Sukadana dan Sambas pada tahun 1609 hingga 1610. Penulisnya ialah Samuel Bloemaert, seorang pegawai Belanda yang ditugaskan untuk membuat perjanjian-perjanjian perdagangan dengan Sultan Brunei, Ratu Sukadana dan Sultan Banjarmasin pada tahun 1607 dan 1608. Dalam laporannya mengenai Brunei diberitakan tentang keluarnya wilayah-wilayah Kalaka, Saribas dan Melau dari Brunei untuk berlindung di bawah Kerajaan Johor.⁷⁵ Peristiwa ini kemungkinan berlaku pada akhir abad ke-16 kerana dalam *Boxer Codex* mengenai keluasan wilayah Brunei pada tahun 1590 menyebut bahawa Brunei masih menguasai negeri-negeri di barat laut Borneo sehingga bersempadan dengan Sambas.

Sementara dalam *SRB* menyebut bahawa pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalilul Akbar (1598-1659), saudara baginda Raja Muda Tengah telah dilantik menjadi raja Sarawak sekitar akhir abad ke-16. Pelantikan tersebut mungkin mempunyai kaitan dengan pengukuhan kuasa Brunei di Sarawak dan wilayah-wilayah sekitarnya. Bloemaert menyebut bahawa pada tahun 1609 berlakunya serangan Brunei ke atas negeri-negeri di barat laut Borneo sehingga Raja Sambas yang merasa takut dengan serangan itu terpaksa mengikat perjanjian dengan Belanda. Laporan tersebut menyebut:

“Di Sambas pada masa itu (1609) timbul ketakutan akan serangan dari Brunei, sehingga Raja Kerajaan tersebut Saboa Tangan Pengiran ayde Paty Sambas, pada 1hb Oktober 1609 mengikat perjanjian dengan pihak Belanda dengan pengharapan pertolongan dalam menghadapi musuh. Sementara itu penyerangan itu tak pernah berlaku, memang ada Sultan Brunei melaut dengan sebanyak 150 buah perahu, tetapi terhalang oleh angin ribut memaksa mereka kembai ke darat.”⁷⁶

⁷⁵ L.C.D. Van Dijk, *Neerland's Vroegste Betrekkingen Met Borneo, Solo-Archipel, Comodja: Siam en Cochin-China*, Amsterdam: J.H. Scheltema, 1862, hlm. 214.

⁷⁶ Ibid., hlm. 102.

Walaupun peristiwa ini tidak pernah dilaporkan dalam sumber Brunei tetapi kemungkinan ianya mempunyai hubungan dengan pelantikan Raja Tengah ibni Sultan Muhammad Hasan menjadi Raja Sarawak. Laporan Belanda itu juga mungkin mempunyai kaitan dengan keberangkatan Sultan Muhyiddin ke Kalaka yang diceritakan dalam *SRB*, “berangkatlah ia ke negeri Kalaka di sebelah tanah Sarawak dengan membawa rakyat tenteranya yang di dalam Berunei”.⁷⁷ Keberangkatan Sultan Muhyiddin ke Kalaka bersama tenteranya itu sudah tentunya mempunyai hubungan dengan pengukuhan kuasa Brunei ke atas negeri tersebut.

Apabila Brunei menjalin hubungan persahabatan dengan Belanda di Betawi pada awal abad yang ke-17 secara tidak langsung hasil daripada hubungan itu telah dicatat dalam rekod-rekod Belanda. L.C.D. van Dijk telah mengumpul laporan-laporan mengenai hubungan tersebut yang dibuat sejak tahun 1600 hingga 1721 dan diterbitkan dalam buku *Neerland's Vroegste Betrekkingen Met Borneo, Solo-Archipel, Cambodja, Siam en Cochin-China* tahun 1862. Dalam laporan tersebut menceritakan tentang hubungan perdagangan di antara dua belah pihak, di mana orang Brunei dikatakan sudah biasa melakukan perniagaan di Betawi (Jakarta). Pihak Belanda juga telah memberi jaminan persahabatan ke atas Brunei dalam menghadapi serangan-serangan dari Sepanyol dan Sulu. Apa yang menarik dalam laporan van Dijk itu ialah mengenai bantuan Brunei ke atas Pahang mengalahkan Johor dalam peperangan yang berlaku pada tahun 1612 hingga 1615. Peristiwa ini mungkin mempunyai hubungan dengan serangan Johor ke atas wilayah-wilayah Brunei di barat laut Borneo dan pembebasan wilayah-wilayah Kalaka, Saribas dan Melanau dari Brunei pada akhir abad ke-15 seperti yang dilaporkan oleh Bloemaert.⁷⁸

⁷⁷ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Brunei”, hlm. 132.

⁷⁸ L.C.D. Van Dijk, *Neerland's Vroegste Betrekkingen Met Borneo, Solo-Archipel, Cambodja: Siam en Cochin-China*, hlm. 214

Berdasarkan kepada laporan Bloemaert dan van Dijk itu menunjukkan bahawa pada akhir abad ke-16 dan awal abad ke-17 merupakan suatu tempoh bergolak dalam Empayar Brunei, kerana pada waktu tersebut Brunei sedang berperang dengan Sepanyol di Manila. Oleh itu kekuatan Brunei lebih banyak ditumpukan ke atas peperangan dengan Sepanyol dan secara tidak langsung memberi kesempatan kepada wilayah-wilayah jajahannya membebaskan diri dari Brunei. Dalam sumber Brunei sama ada *SRB* atau tradisi lisan tidak diceritakan secara jelas tentang apa yang sebenarnya berlaku dalam tempoh tersebut. Kewujudan laporan-laporan Belanda ini telah memperjelaskan lagi tentang cerita yang terdapat dalam sumber Brunei itu. Terdapat empat peristiwa penting yang terdapat dalam *SRB* yang boleh dikaitkan dengan laporan Belanda itu. Pertama ialah mengenai langkah pengukuhan kembali Empayar Brunei pada zaman Sultan Muhammad Hasan yang memerintah di antara tahun 1582 -1598 yang menggambarkan wujudnya perpecahan dalam Empayar Brunei. Kedua pelantikan Raja Muda Tengah ibni Sultan Muhammad Hasan menjadi Raja Sarawak sekitar tahun 1599. Dalam *SRB* dinyatakan bahawa pelantikan Raja Tengah menjadi Raja Sarawak adalah bagi menghindar berlakunya perebutan kuasa di Brunei. Dari Sarawak Raja Tengah pergi ke Pahang untuk berjumpa Raja Bonda iaitu bonda saudaranya yang berkahwin dengan Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah ibnu Sultan Abdul Kadir Alauddin Shah. Raja Tengah juga berjaya mendirikan kerajaan Islam di Sambas apabila puteranya bernama Radin Sulaiman mengasaskan kerajaan Islam bagi menyaingi kerajaan Hindu yang sudah lama bertapak di Sambas.⁷⁹

Kedatangan Raja Tengah dalam Kerajaan Sambas begitu disenangi oleh Ratu Sambas sehingga putera Raja Tengah Radin Sulaiman dikahwinkan dengan puterinya dan dilantik menjadi Wazir kedua Sambas. Namun begitu kewujudan pengaruh Brunei ini tidak disenangi oleh menantu Raja Sambas yang juga menjadi Wazir pertama

⁷⁹ Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, *Sultan Tengah*, hlm. 4.

Sambas bernama Pengiran Mengkurat. Apabila Pengiran Mengkurat diangkat menjadi Raja Sambas dengan gelaran Ratu Anum Kesukma Yudha permusuhan dengan Raden Sulaiman semakin bertambah tegang. Di sinilah mungkin berlakunya hubungan Sambas dengan Belanda yang disebut dalam sumber Belanda pada tahun 1609 itu kerana Raja Sambas sememangnya mempunyai perasaan takut dengan pengaruh Brunei yang mula bertapak di Sambas pada masa itu.⁸⁰

Pada masa yang sama juga pengaruh Brunei di Sarawak turut terjejas apabila Raja Tengah dibunuh oleh pengawal peribadinya dan keadaan ini menyebabkan berlakunya kekosongan kuasa di Sarawak. Keadaan ini juga menggambarkan terdapatnya perasaan tidak senang penduduk di Sarawak terhadap Raja Tengah yang ingin menduduki Sarawak. Pada jangka masa inilah mungkin wilayah-wilayah Kalaka, Saribas dan Melanau keluar dari Brunei dan menempatkan diri mereka di bawah perlindungan Johor. Ketiga keberangkatan Sultan Muhyiddin ke Kalaka, dalam *SRB* menyebut, “berangkatlah ia ke negeri Kalaka di sebelah tanah Sarawak dengan membawa rakyat tenteranya yang di dalam Berunei”.⁸¹ Namun keterangan dari *SRB* ini bertentangan dengan tahun peristiwa itu berlaku. Sultan Muhyiddin memerintah di antara tahun 1673 hingga 1690 sedangkan dalam laporan Bloemaert peristiwa itu berlaku pada tahun 1609.

Selain daripada itu keadaan ini juga mungkin mempunyai hubungan dengan orang Melayu yang sudah lama bertapak di Sarawak iaitu keturunan daripada Datu Merpati. Ini disebabkan wilayah-wilayah Sarawak, Samarahan, Saribas, Sadong dan Kalaka adalah kawasan yang diduduki oleh orang Melayu dari Minangkabau dan Johor sejak zaman sebelum berdirinya Kerajaan Brunei. Dalam *SRB* tidak pernah disebutkan

⁸⁰ Ibid., hlm. 8.

⁸¹ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunei”, hlm. 65.

pergolakan yang berlaku di pantai barat laut Borneo pada zaman tersebut. Mungkin pergolakan yang berlaku di Sarawak itu dapat di atasi dengan mudah oleh Brunei sehingga *SRB* merasakan tidak perlu membesarluan peristiwa tersebut. Oleh itu sumber Belanda ini amat penting dalam melihat sejarah Brunei pada awal abad ke-17, iaitu suatu zaman Brunei mula menerima tekanan dari Sepanyol di Manila.

Sumber Inggeris

Sementara laporan terawal orang Inggeris mengenai Brunei ditulis oleh Kaptain Cowley pada tahun 1685 dalam “*Capt. Cowley’s Voyage Round the Globe*”, dan diterbitkan dalam *A Collection of Original Voyage* oleh Kaptain William Hacke pada tahun 1699.⁸² Beliau adalah bangsa Inggeris yang pertama datang ke Brunei dalam misinya mengelilingi dunia melalui Lautan Pasifik. Laporan beliau mengenai Brunei pada tahun 1685 itu begitu berharga sekali kerana di dalamnya terkandung cerita tentang kewujudan dua orang raja di Brunei sepertimana yang diceritakan dalam *SRB* mengenai perang saudara yang berlaku di antara Sultan Muhyuddin dan Sultan Hakkul Mubin pada tahun 1666 hingga 1686.⁸³ Selain daripada itu Kaptain Cowley juga melaporkan tentang kewujudan raja perempuan di Borneo utara:

“Kami menghampiri sebuah daripada perahu mereka di mana dipenuhi oleh wanita, di antara mereka ialah permaisuri bagi negeri tersebut dan pengiring-pengiringnya. Apabila mereka melihat wajah kami, mereka melompat ke dalam air, tetapi kami dapat menyuruh mereka kembali keluar dan menjadikan mereka lebih mesra. Sebelum kami berpisah kami berbaik-baik dengan mereka dan mereka akhirnya berminat dengan kami.”⁸⁴

⁸² Capt. W. Hacke, *A Collection of Original Voyage*, London: The Grows, 1876, hlm. 24.

⁸³ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 62-64.

⁸⁴ Capt. W. Hacke, *A Collecction of Original Voyage*, hlm. 8.

Kewujudan sekumpulan wanita berperahu ini menyamai dengan legenda puteri Milau di Daerah Kudat, Sabah yang terdapat dalam tradisi lisan masyarakat Brunei di daerah tersebut. Dalam tradisi lisan tersebut mengisahkan tentang seorang puteri dari Milau bergelar Puteri Milau telah berkahwin dengan Sultan Bolkiah, Sultan Brunei ke-5 apabila baginda terjumpa puteri tersebut dalam perjalanannya dari Brunei ke utara Borneo.⁸⁵ Sementara dalam tradisi lisan kaum Bajau di Daerah Kudat mengisahkan tentang seorang puteri dari Johor bernama Dayang Bulan berkahwin dengan Sultan Bolkiah semasa puteri tersebut menetap di Kudat.⁸⁶ Dalam *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin, menyebut bahawa Sultan Bolkiah (Nakhoda Ragam) juga berkahwin dengan Puteri Kinabatangan, iaitu saudara Ong Sum Ping.⁸⁷ Oleh itu berdasarkan laporan Kapten Cowley mengenai penemuannya dengan sekumpulan wanita bersama seorang permaisuri itu menunjukkan bahawa tradisi lisan mengenai Puteri Milau dan Dayang Bulan yang terdapat dalam tradisi lisan masyarakat Brunei dan Bajau di Daerah Kudat Sabah mempunyai asas sejarahnya.

Sedikit maklumat mengenai Brunei juga terdapat dalam laporan Kapten Daniel Beeckman pada tahun 1714 yang diterbitkan dalam buku beliau *A Voyage To and From the Island of Borneo, in the East-Indies* terbitan pada tahun 1718. Dalam laporan tersebut dikatakan bahawa Brunei adalah salah sebuah daripada empat buah perlabuhan utama di Borneo dan dikatakan juga bahawa sebelum itu negeri-negeri di Kalimantan iaitu Pasir, Sukadana dan Banjarmasin pernah berada di bawah perintah Sultan Brunei.⁸⁸ Maklumat ini sudah tentunya diperolehnya dari penduduk-penduduk di Banjarmasin kerana Inggeris pada ketika itu sudah bertapak di Banjarmasin. Laporan beliau telah menguatkan lagi apa yang diceritakan dalam tradisi lisan Brunei mengenai

⁸⁵ Haji Abd Karim Haji Abd Rahman, "Legenda Nakhoda Ragam dan Puteri Milau Dalam Tradisi Lisan Masyarakat Brunei di Kudat, Sabah", Seminar Sejarah Borneo Ke-2, Pusat Sejarah Brunei, 2012, hlm. 231-232.

⁸⁶ Ibid., hlm. 233.

⁸⁷ Alamat Zaman Ketakhtaan Di Negeri Brunei, karangan Pengiran Sabtu Kamaluddin ibni Pengiran Bendahara Muhammad pada 2 September 1938, simpanan Pusat Sejarah Brunei.

⁸⁸ Capt. D. Beeckman, *A Voyage to and from the island of Borneo in the East Indies*, London, 1718, hlm. 46.

perkembangan Empayar Brunei pada zaman Sultan Bolkiah, Sultan Brunei yang ke-5 pada abad ke-15 hingga abad ke-16.⁸⁹ Selain daripada itu ianya juga menyokong laporan Antonio Pigafeta mengenai kemampuan Brunei menawan kembali Negeri Labai yang terletak di Sungai Kapuas pada tahun 1521. Begitu juga laporan Sepanyol dalam *Boxer Codex* pada tahun 1590 mengenai penguasaan Brunei ke atas Negeri Sambas sebelum terlepas ke tangan Jawa pada akhir abad ke-16.

Laporan Inggeris yang lebih lengkap mengenai Brunei dibuat oleh John Jesse pada tahun 1775 iaitu seorang pegawai Inggeris dari Syarikat Hindia Timur yang dilantik menjadi Residen Inggeris di Brunei pada tahun 1774. Laporan beliau diterbitkan oleh Dalrymple pada tahun 1808 dalam *Oriental Repertory Vol. II*. Dalam laporan tersebut menceritakan tentang sistem pentadbiran Kerajaan Brunei dan kedudukan Brunei sebagai pusat perdagangan terpenting di Borneo. Di samping itu John Jesse juga sempat mencatatkan perbualannya dengan orang Brunei mengenai sejarah kedatangan orang Brunei. Mengikut laporan beliau orang Brunei mengakui berasal daripada Johor tetapi tidak tahu kronologi kedatangan mereka ke Brunei. Mereka tidak menyimpan rekod tentang sejarah awal mereka dan hanya bergantung kepada ingatan secara umum sahaja.⁹⁰

Selain daripada itu Dalrymple dalam tulisannya mengenai Brunei dan Sulu telah mencatatkan nama Sultan-sultan Brunei dari Sultan Muhammad Ali, Sultan Brunei ke-12 hingga Sultan Omar Ali Saifuddin I, Sultan ke-18 dengan menggunakan nama gelaran Sultan-sultan tersebut, iaitu *Marahom Toombang Deroompoot* (Marhum Tumbang Di Rumput) untuk Sultan Muhammad Ali, *De Poolow* (Di Pulau) bagi Sultan Hakkul Mubin, *Bongso* (Bungsu) bagi Sultan Muhyiddin, *Abdool* (Abdul) bagi Sultan

⁸⁹ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 52.

⁹⁰ J. Hunt Esq., “Sketch of Borneo, or Pulo Kalamantan”, dalam H. Keppel, *The Expedition to Borneo of HMS Dido for the Suppression of Piracy: with Extracts from the Journal Sir James Brooke Esq of Sarawak*, Vol. 1 & 2, Singapore: Oxford University Press, 1991, Appendix II, hlm. xxix.

Nassudin, *Ussen atau De Looba* (Hussin atau Di Luba) bagi Sultan Husin Kamaluddin, *Di Bornai atau Appoong* (Di Brunei atau Di Apong) bagi Sultan Mohammad Alauddin dan *De Patooan* (Di Pertuan) bagi Sultan Omar Ali Saifuddin I. Catatan Dalryample ini dibuat pada masa pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin I dan senarai ini boleh dijadikan rujukan tambahan kepada salasilah Sultan-sultan Brunei yang dinyatakan dalam *SRB* kerana Dalryample membuat senarai tersebut pada tahun 1763 iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin (1740-1795) iaitu lewat sedikit daripada penulisan *SRB* oleh Datu Imam Yaakub pada tahun 1735 yang dibuat pada waktu pemerintahan Sultan Muhammad Alauddin.⁹¹

Sebuah lagi laporan Inggeris mengenai Brunei ditulis pada tahun 1776 oleh Thomas Forrest yang singgah di Brunei dalam perjalanannya dari Calcutta ke New Guinea dan Maluku. Dalam laporan beliau menceritakan tentang kerancakan hubungan perdagangan di antara Brunei dan China pada ketika itu yang disifatkannya sama besarnya seperti perdagangan di antara Eropah dan Amerika. Dalam laporan beliau juga menyebut tentang sistem pentadbiran Kerajaan Brunei dan perundangan Brunei yang diamalkan pada waktu itu.⁹²

Apabila Inggeris bertapak di Alam Melayu pada awal abad yang ke-19 mereka mula mengambil perhatian yang serius ke atas Borneo khususnya setelah Stamford Raffles dilantik menjadi Leftenan Gabenor Inggeris di Jawa. Beliau telah menghantar John Hunt seorang saudagar dan pengembara Inggeris ke Borneo pada tahun 1812 untuk meninjau perkembangan negeri-negeri di pantai barat Pulau Borneo. Laporan John Hunt mengenai Brunei termuat dalam *Sketch of Borneo, or Pulo Kalamantan*. Dalam laporan itu disebut tentang batas pengaruh Brunei di utara Borneo yang terletak di Teluk

⁹¹ Dalam tulisan Dalryample disebut bahawa senarai Sultan-sultan Brunei itu diperolehinya di Sulu yang diserahkan kepadanya. Lihat, A. Dalrymple, *Oriental Repertory*, Vol. 1, London: G. Biggs, 1793, hlm. 577.

⁹² Thomas Forrest, *A Voyage to New Guinea and the Moluccas 1774-1776*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969, hlm. 380-381.

Marudu. John Hunt juga banyak memetik laporan-laporan dari sumber Portugis, Belanda dan Inggeris. Di samping itu beliau juga banyak mendapatkan sumber tradisi lisan dalam laporannya itu namun kandungannya berbeza dengan apa yang terdapat dalam tradisi lisan Brunei atau *SRB*.

Ini jelas dalam laporan John Hunt mengenai bantuan Sulu kepada Brunei bagi menghadapi pemberontakan orang Cina dan Murut. Akibat daripada bantuan ini Brunei terpaksa menyerahkan wilayah-wilayahnya di utara Borneo dari Sungai Kimanis hingga Tapean-Durian kepada Sultan Sulu.⁹³ Dalam *SRB* kisah ini berlaku pada zaman Perang Saudara di Brunei pada abad ke-17 di antara Sultan Muhyiddin dan Sultan Hakkul Mubin. Dalam peperangan tersebut Sultan Muhyiddin meminta bantuan Sulu bagi menghadapi Sultan Hakkul Mubin. Oleh itu tidak pernah disebut dalam *SRB* atau tradisi lisan Brunei tentang pemberontakan orang Cina dan Murut seperti yang dilaporkan oleh John Hunt itu. Ini menunjukkan bahawa John Hunt mendapatkan cerita tersebut daripada sumber tradisi lisan di luar Brunei yang sudah tentunya berbeza dengan kandungan *SRB*.

Apabila Inggeris bertapak di Singapura pada tahun 1819 hubungan di antara Brunei dan Inggeris menjadi bertambah rapat, dan sehubungan dengan itu laporan-laporan mengenai Brunei lebih banyak ditulis oleh pegawai-pegawai Inggeris di Singapura. Misalnya pada tahun 1833 seorang bangsa Armenian bernama Galestien Moses telah dihantar ke Brunei selaku *Commercial Agent* bagi pihak Armenian di Singapura. Sejauh ini belum ditemui laporan-laporan agen perdagangan Armenian itu mengenai Brunei, namun sebuah laporan yang lengkap mengenai Brunei telah dibuat hasil daripada kunjungan kapal-kapal Inggeris di Singapura pada tahun 1837. Walaupun kunjungan tersebut adalah urusan perdagangan dan agama (Kristian) tetapi kandungan

⁹³ J. Hunt Esq., "Sketch of Borneo, or Pulo Kalamantan", hlm. xxiii.

laporan tersebut meliputi berbagai bidang mengenai Brunei.⁹⁴ Laporan tersebut dibuat pada waktu Brunei masih bebas daripada pengaruh Barat khususnya Inggeris dan Belanda. Oleh itu kedatangan rombongan Inggeris itu begitu diragui oleh Sultan Brunei yang beranggapan untuk menjajah kerajaan baginda.

Namun pada masa yang sama baginda berkeyakinan tinggi dapat menandingi kekuatan Inggeris dengan sokongan tentera-tenteranya yang terdiri daripada penduduk-penduduk peribumi Borneo khususnya yang tinggal di Sungai Baram. Di antara maklumat mengenai Brunei dalam laporan pada tahun 1837 itu ialah tentang peribadi Sultan Omar Ali Saifuddin dan kerabat baginda iaitu Pengiran Muda Hassim, Pengiran Yusuf dan Pengiran Mumin yang dianggap sebagai orang yang berpengaruh di Brunei dan terlibat dalam perdagangan dengan Inggeris di Singapura. Pandangan Inggeris terhadap mereka telah mencorakkan hubungan Inggeris di Singapura dengan Brunei yang sudah bermula pada tahun 1824. Dalam laporan itu juga memberi maklumat mengenai penduduk Kampong Ayer yang sudah mempunyai seramai lebih 200 orang haji (pernah menunaikan fardu haji); hubungan Sultan dengan kaum Dayak dari Sungai Baram dan peranan mereka sebagai tentera Sultan menghadapi kemungkinan pencerobohan Inggeris dan Belanda; dan pengetahuan orang Brunei tentang sejarah awal orang Melayu Brunei dan Kerajaan Brunei. Mengikut laporan tersebut orang Brunei (khususnya yang bergelar Pengiran) tidak mempunyai rekod yang lengkap mengenai jumlah Sultan yang memerintah Brunei dan mereka hanyalah bergantung kepada daya ingatan tanpa menyimpannya dalam bentuk rekod bertulis. Oleh itu timbulnya maklumat yang tidak jelas mengenai jumlah Sultan-sultan Brunei ada yang mengatakan berjumlah 24, 29 dan 30 orang Sultan. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan orang Brunei (Pengiran-pengiran) pada waktu itu (tahun 1837) terhadap

⁹⁴ J.T. Dickenson, "Notices of the city of Borneo and its inhabitants, made during the voyage of the American brig Himmaleh in the Indian Archipelago, in 1837", *The Chinese Repository*, Vol. VII, August, 1838, No. 4., hlm. 121-193.

sejarah Brunei berada ditahap yang rendah akibat tiadanya rekod bertulis yang boleh dijadikan bahan rujukan.⁹⁵

Selain daripada itu dilaporkan juga mengenai dengan asal-usul orang Melayu di Brunei yang dikatakan berasal daripada Johor dan Minangkabau. Sementara keluarga diraja Brunei di samping berasal dari Johor juga berasal dari bangsa Syarif dari negeri Taif dan dari bangsa China. Apa yang menghairankan ialah mereka langsung tidak menyebut tentang hubungan Raja-raja Brunei dengan kaum Murut atau Lun Bawang seperti yang diceritakan dalam tradisi lisan Brunei. Di samping itu mereka tidak mengetahui bila penghijrahan tersebut berlaku, dan oleh itu mereka hanya berpandukan kepada daya ingatan saja.

Laporan Inggeris ini amat berguna dalam melihat kekuatan Brunei sebagai sebuah kuasa politik di pantai barat Borneo sebelum kejatuhan Sarawak ke tangan James Brooke pada tahun 1846.⁹⁶ Penggunaan kaum Kayan sebagai tentera Brunei juga ada dilaporkan oleh Henry Keppel pada tahun 1848.⁹⁷ Oleh itu laporan-laporan ini sangat membantu sumber tradisi lisan yang diperolehi di kalangan kaum Kayan di Baram mengenai peranan mereka sebagai tentera Brunei dalam membantu Sultan mengamankan pentadbiran wilayah jajahan Brunei. Hubungan Sultan Brunei dengan penduduk peribumi di Sungai Baram sudah terjalin sejak abad ke-16 seperti yang dilaporkan dalam sumber Sepanyol pada tahun 1576 mengenai perlindungan Sultan Abd. Kahar di Sungai Baram semasa pendudukan tentera Sepanyol ke atas bandar Brunei di Kota Batu.⁹⁸ Laporan Inggeris mengenai hubungan Sultan Brunei dengan

⁹⁵ Ibid.

⁹⁶ Pada 2 Ogos 1846 James Brooke telah mendapat hak memerintah Sarawak dari Sultan Brunei mengikut kehendaknya tanpa campur tangan Sultan dan berhak mewariskan pemerintahan tersebut kepada keluarganya dengan syarat mereka membayar kepada Sultan sebanyak \$4,000.00 (nilai wang Sepanyol). Lihat, G.W. Maxwell & W.S. Gibson (eds.), *Treaties and Engagements Affecting the Malay State and Borneo*, Suffolk: Jas. Truscoott & Sons Ltd., 1924, hlm. 186.

⁹⁷ Capt. R.H.N. Keppel, *A Visit to the Indian Archipelago in H.M. Ship Meander with Portions of the Private Journal of Sir James Brooke, K.C.B.*, Vol. II, London: Richard Bently, 1853, hlm. 100.

⁹⁸ R. Nicholl (ed.), *European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century* hlm. 63.

kaum Kayan di Baram menunjukkan bahawa betapa kukuhnya hubungan tersebut yang terjalin sejak abad ke-16.⁹⁹

Apabila James Brooke berjaya bertapak di Sarawak (Kuching) pada tahun 1841¹⁰⁰, laporan-laporan mengenai Brunei mula ditulis secara terpeinci dan meluas khususnya perkara-perkara yang melibatkan kepentingan Inggeris. Pegawai-pegawai Inggeris yang terlibat dalam operasi Brooke di Brunei adalah juga pencatat-pencatat sezaman yang akhirnya menghasilkan penulisan mengenai Brunei yang berdasarkan kepada pengamatan dan pengalaman mereka. Antaranya ialah Capt. R.H.N. Keppel, Capt. R. Mundy, W.H. Treacher, R.E. Stubb, Dr. P. Leys dan lain-lain. Hasil penulisan dan laporan mereka telah menjadi bahan rujukan asas dalam pengkajian sejarah Brunei pada pertengahan abad ke-19.

Walaupun sumber-sumber Barat ini ditulis pada abad yang ke-16 hingga abad ke-19 dan terkeluar dari tempoh kajian mengenai sejarah awal Kerajaan Brunei tetapi sumber-sumber tersebut juga penting bukan sahaja menyediakan bahan daripada sumber kontemporari tetapi juga sebagai penyelamat kepada sejarah Brunei yang bersifat tradisi lisan apabila penulis-penulis bangsa Barat itu memasukkan juga sumber lisan dalam penulisan mereka. Oleh itu mereka juga dianggap sebagai pengumpul sumber lisan Brunei dan penyelamat daripada hilang begitu saja. Ini terbukti dalam *Brunei in the Boxer Codex*, laporan John Hunt dalam *Sketch of Borneo, or Pulo Kalamantan* tahun 1812, dan laporan Galestien Moses dalam *Native of the city of Borneo and its inhabitants* tahun 1837.

⁹⁹ Haji Abd. Karim Haji Abd. Rahman, *Lipan Baram: Hubungan Brunei dengan ‘Orang Ulu’ di Sungai Baram, Belaga dan Bintulu pada abad ke-19*, Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei, 2013, hlm. 1-2.

¹⁰⁰ Pada 24 September 1841 James Brooke telah dilantik sebagai Gabenor Sarawak oleh Pengiran Muda Hassim dan pada 1 Ogos 1842 pelantikan tersebut disahkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddin II. Ini merupakan langkah awal pengaruh James Brooke dalam politik Brunei setelah Sultan memberi kepercayaan kepadanya sebagai wakil baginda mentadbir Sarawak (Kuching). Lihat, G. Irwin, *Borneo Abad kesembilan Belas: Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik*, (ter.) Mohd. Nor Ghani & Noraini Ismail, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1986, hlm. 111.

Brunei Dalam Sumber Arkeologi

Berdasarkan sumber China menunjukkan bahawa sudah ada sebuah kerajaan besar di Brunei sebelum berdirinya Kerajaan Brunei pada abad ke-14 Masihi. Walaupun kewujudan kerajaan ini tidak pernah disebut dalam sumber lisan di Brunei tetapi bukti-bukti arkeologi yang ditemui di sekitar Teluk Brunei menunjukkan bahawa kawasan tersebut pernah menjadi pusat pemerintahan dan perdagangan sejak abad ke-10 Masihi. Ini telah dibuktikan oleh penemuan arkeologi di tapak-tapak arkeologi di sekitar Teluk Brunei seperti di Terusan Kupang, Sungai Limau Manis, Bukit Mas, Jai-Jai dan Kota Batu serta di tebing-tebing Sungai Brunei.¹⁰¹

Tapak Arkeologi Terusan Kupang

Tapak arkeologi yang tertua di Teluk Brunei ialah di Terusan Kupang yang terletak di tepi Sungai Mendaun iaitu lebih kurang lima kilometer daripada Bandar Seri Begawan. Kawasan ini kaya dengan serpihan tembikar zaman Dinasti Sung (960-1290), Dinasti Ming (1368-1644), Dinasti Ching (1644-1911), dan juga tembikar dari Siam, Eropah dan buatan tempatan. Selain daripada itu ditemui juga wang syiling China zaman Dinasti Ching (1644-1911), barang-barang tembaga, manik, besi, bahan kayu, damar dan tulang-tulang binatang. Usaha penggalian ke atas kawasan tersebut dimulakan pada tahun 1977, dan sehingga kini belum dapat ditentukan sejauh manakah hubungan Terusan Kupang dalam pembentukan sejarah awal Brunei.¹⁰²

¹⁰¹ Pg. Karim Pg. Haji Osman, “Brunei Sebagai Kuasa Politik Di Kepulauan Borneo Abad ke-13-17 Masihi”, dalam *Pemulihian Sejarah dan Tamadun Borneo Ke Arah Pengukuhan Negara Bangsa*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2007, hlm. 122-123.

¹⁰² Haji Metussin Omar, “Arkeologi Sebagai Alat Menggali Sejarah Brunei Tua: Kes Kota Batu dan kawasan Sekitarnya”, Haji Muhammad bin Awang Abdul Latif , Haji Hashim bin Haji Mohd. Noor, Haji Rosli bin Haji Ampal (eds.), *Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Brunei Darussalam, 1994, hlm. 94.

Dalam tradisi lisan Brunei tidak pernah disebut tentang kewujudan kerajaan di Terusan Kupang khususnya dalam *SAS* yang menceritakan tentang kedatangan Awang Alak Betatar (pengasas Kerajaan Brunei) dan saudara-saudaranya dari hulu Limbang ke Brunei pada pertengahan abad ke-14 untuk membuka negeri baru di Sungai Brunei.¹⁰³ Kemungkinan kerajaan tersebut sudah runtuh sebelum kedatangan Awang Alak Betatar berdasarkan kepada analisis bahan tembikar yang ditemui di kawasan tersebut yang hanya mewakili tembikar China pada zaman Dinasti Sung (tahun 960-1290). Ini menunjukkan bahawa Terusan Kupang hanya didiami sekitar abad ke-10 hingga abad ke-13. Pada zaman Dinasti Sung, Terusan Kupang pernah menjadi pusat kerajaan awal Brunei sebelum kedatangan Awang Alak Betatar dan mendirikan kerajaannya di Sungai Brunei dan berpindah ke Kota Batu pada abad ke-14.¹⁰⁴

Berdasarkan terdapatnya tembikar buatan tempatan di kawasan ini dipercayai penduduk yang mendiami Terusan Kupang adalah terdiri daripada berbagai bangsa dan etnik seperti orang Melayu dari Johor (Johor lama), etnik-etnik Dusun, Idahan, Murut (Lun Bawang) dan Bisaya.¹⁰⁵ Bagaimanapun kepentingan Terusan Kupang kembali berfungsi sebagai pusat perdagangan pada abad ke-17 apabila di kawasan tersebut ditemui juga tembikar-tembikar China pada zaman Dinasti Ching (1644-1911) bersama-sama tembikar Eropah pada bertarikh abad ke-18 dan 19. Kemunculan semula Terusan Kupang ini terbukti apabila nama Terusan Kupang yang disebut sebagai Quela Cupan dicatatkan dalam peta Belanda pada tahun 1710.¹⁰⁶

¹⁰³ *Syair Awang Semaun*.

¹⁰⁴ Haji Metussin Omar, "Arkeologi Sebagai Alat Menggali Sejarah Brunei Tua: Kes Kota Batu dan kawasan Sekitarnya" hlm. 95.

¹⁰⁵ Peter Bellwood & Matussin Omar "Trade Patterns and Political Developments in Brunei and Adjacent Arean, A.D. 700-1500", *BMA*, Vol. 4, No.4, 1980, hlm. 175.

¹⁰⁶ *Ibid.*, hlm. 96.

Tapak Arkeologi Sungai Limau Manis

Sebuah lagi kawasan arkeologi yang baru ditemui pada tahun 2002 ialah Sungai Limau Manis yang terletak 22 kilometer dari Bandar Seri Begawan. Walaupun tempat ini terletak jauh dari Teluk Brunei tetapi ianya merupakan suatu penemuan yang sangat penting dalam sejarah awal kerajaan-kerajaan yang pernah berdiri di sekitar Teluk Brunei. Berdasarkan kepada penemuan arkeologi di kawasan tersebut menunjukkan sudah ada sebuah kerajaan didirikan di Sungai Limau Manis sekitar abad ke-10 hingga abad ke-13 Masihi. Hipotesis ini adalah berdasarkan kepada penemuan tembikar-tembikar dan wang-wang syiling China yang bertarikh pada zaman Dinasti Sung (960 - 1296 Masihi) dan Dinasti Yuan (1296 - 1368 Masihi), serta berdasarkan kepada tinggalan-tinggalan atau artifak-artifak “*material culture*” penduduk yang mendiami kawasan tersebut.

Hasil daripada penyelidikan di sungai ini telah menemui pecahan-pecahan tembikar dan wang syiling China yang menjadi bukti bahawa Sungai Limau Manis pernah menjadi pusat perdagangan terpenting di Brunei sebelum kemunculan Kota Batu sebagai pusat pemerintahan Kesultanan Brunei pada abad ke-15 Masihi. Berbagai jenis tembikar China zaman Dinasti Sung dan Dinasti Yuan telah ditemui dalam kuantiti yang banyak yang terdiri daripada tembikar jenis porselin, batuan (*stoneware*) dan tanah (*earthenware*) yang berbentuk mangkuk, pinggan, botol, gusi dan tempayan. Selain daripada tembikar China ditemui juga tembikar Siam dan Vietnam dalam kuantiti yang terlalu kecil. Keseluruhan tembikar yang berjaya dikutip di Sungai Limau Manis oleh pihak Jabatan Muzium-Muzium Brunei pada tahun 2002 ialah berjumlah 50,979 pecahan iaitu 96.85 % daripada jumlah keseluruhan kutipan. Sementara wang syiling China zaman Dinasti Sung dan Yuan adalah kutipan kedua terbesar ditemui di Sungai

Limau Manis yang berjumlah 1,047 keping iaitu jumlah terbesar yang pernah ditemui di kawasan arkeologi Brunei sejauh ini. Anehnya semua wang syiling tersebut hanya ditemui pada satu lokasi secara berlonggok di tebing Sungai Limau Manis.¹⁰⁷

Selain daripada itu di Sungai Limau Manis juga ditemui tinggalan-tinggalan dan artifak-artifak yang menggambarkan ketinggian tamadun penduduk yang mendiami sungai tersebut. Ini dapat dibuktikan dengan penemuan alat-alat pertukangan seperti peralatan tenunan kain dan juga peralatan perusahaan logam seperti bekas acuan-acuan tanah untuk membuat tembaga, perak dan emas.¹⁰⁸ Hasil penggalian di tebing Sungai Limau Manis telah menemui alat-alat perhiasan yang diperbuat daripada emas seperti cincin, subang, gelang dan kepingan emas (*gold leaf*) di samping berbagai jenis manik dan gelang yang diperbuat daripada kaca. Selain daripada itu di Sungai Limau Manis juga ditemui alat-alat kegunaan harian yang dibuat dari kayu seperti lesung, pengisar padi, gegawi dan sudu serta alat-alat perhiasan dan permainan seperti anting-anting dan gasing.¹⁰⁹

Berdasarkan kepada penemuan arkeologi di Sungai Limau Manis itu menunjukkan bahawa penduduk yang mendiami kawasan tersebut mempunyai gaya hidup yang mewah sesuai dengan kedudukannya sebagai pusat bandar (pelabuhan). Adakah penduduk yang mendiami kawasan tersebut mempunyai hubungan dengan laporan *Zhu Fan Zhi* mengenai penduduk bandar Brunei (Puni) pada abad ke-10 yang dikatakan mempunyai alat-alat perhiasan dan peralatan rumah yang diperbuat daripada emas.¹¹⁰ Walaupun lokasi sebenar Kerajaan Brunei yang dilaporkan dalam *Zhu Fan Zhi*

¹⁰⁷ *Rahsia Dari Sungai*, Buku Panduan Pameran Tapak Arkeologi Sungai Limau Manis, Kota Batu, Brunei Muara: Jabatan Muzium-Muzium Brunei, 2004, hlm. 1-3.

¹⁰⁸ Ibid.

¹⁰⁹ Pg. Karim bin Pg. Haji Osman (ed.), *Sungai Limau Manis Tapak Arkeologi Abad ke-10 Masihi*, Kota Batu, Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium-Muzium Brunei, 2004, hlm. 123-159.

¹¹⁰ Dalam *Zhu Fan Zhi* disebut bahawa lengan Raja Pu Ni (Brunei) disarung dengan gelang emas dan di pergelangan tangannya dililiti dengan rantai emas. Disebut juga alat perkakas mereka kebanyakannya diperbuat daripada emas dan perak, termasuk dulang emas. Lihat, Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 96.

itu belum dapat dipastikan tetapi memandangkan kepada penemuan arkeologi di Sungai Limau Manis itu jelas membuktikan bahawa sudah adanya kerajaan didirikan ditempat tersebut sejak abad ke-10 hingga abad ke-13 Masihi. Mungkin juga Sungai Limau Manis adalah menjadi salah sebuah wilayah jajahan Brunei pada abad ke-10 itu sepermula yang disebut dalam *Zhu Fan Zhi* bahawa pada tahun 977 Pu Ni mempunyai 14 buah wilayah jajahan.

Penemuan arkeologi di Sungai Limau Manis itu juga membuktikan kebenaran dalam tradisi lisan Brunei khususnya yang ditulis dalam SAS mengenai sebuah kerajaan peribumi yang berada di bawah jajahan Kerajaan Melanau. Syair tersebut menceritakan bahawa sebelum Awang Alak Betatar mengembangkan Empayar Brunei di Borneo, Sungai Limau Manis sudah berdiri sebagai sebuah wilayah yang penting di Brunei yang diperintah oleh seorang yang bernama Basiong yang mengaku taat kepada Kerajaan Melanau.¹¹¹

Tapak Arkeologi Bukit Mas, Limbang

Selain daripada itu Daerah Limbang yang terletak di bahagian pedalaman Teluk Brunei juga merupakan kawasan arkeologi yang penting yang mempunyai hubungan dengan sejarah awal Brunei. Sebuah kawasan tapak arkeologi yang penting di Daerah Limbang ialah di Bukit Mas. Di Bukit tersebut telah ditemui barang-barang kemas yang diperbuat daripada emas yang mempunyai pengaruh Hindu Jawa seperti cincin, rantai, alat perhiasan telinga dan hidung, kancing baju, kepala hok dan manik emas.¹¹² Artifak-artifak tersebut mempunyai persamaan dengan penemuan di Sambas, Sarawak,

¹¹¹ Perbincangan tentang perkara ini dalam Bab 3, "Syair Awang Semaun".

¹¹² Tom. Harrisson, "Gold & Indian Influences in West Borneo", *JMBRAS*, Vol. XXII, Pt. IV, 1919, hlm. 60.

Sentubung dan Samarahan.¹¹³ Persamaan tersebut menunjukkan penyebaran pengaruh Kerajaan Majapahit Jawa di negeri-negeri pantai barat laut Borneo pada abad yang ke-14 Masihi seperti mana yang dinyatakan dalam babad Jawa *Nagarakretagama* pada tahun 1368. Dalam babad tersebut menyebut Negeri-negeri Sambas, Sarawak, Sadong, Kalaka dan Brunei pernah tunduk di bawah Majapahit pada abad ke-14 itu. Penemuan yang menarik di Bukit Mas ialah wang syiling emas Parsi bertarikh tahun 960 Masihi,¹¹⁴ dan sebentuk cincin berukiran ikan yang menjadi lambang Kerajaan Sailendra Jawa.¹¹⁵ Penemuan ini menggambarkan bahawa Bukit Mas sudah lama menerima pengaruh Jawa dan Islam sekurang-kurangnya abad ke-10 Masihi iaitu sesuai dengan perkembangan yang berlaku di Brunei dalam tempoh tersebut. Penemuan lambang Kerajaan Sailendra di Limbang itu bertepatan dengan laporan Cina pada tahun 1082 yang menyebut Raja Pu-ni (Brunei) pada masa itu menggunakan gelaran Seri Maharaja iaitu suatu gelaran yang digunakan oleh Raja-raja Sailendra, Jawa sejak abad ke-8.

Tapak Arkeologi Kota Batu

Sementara usaha penggalian di Kota Batu yang dimulakan oleh Tom Harrisson pada tahun 1952-1953 telah banyak menemui artifak-artifak sejarah pada zaman sebelum dan selepas berdirinya Kerajaan Brunei pada pertengahan abad ke-14. Di antaranya ialah wang syiling Cina bertarikh antara tahun 723 hingga 1425 iaitu pada zaman Dinasti Tang, Sung dan Ming, dan wang syiling Islam selepas tahun 1425. Wang syiling Islam ini tidak mempunyai pertarikan dan pengeluarnya, cuma memiliki keterangan ‘Al-Adil’ dipermukaannya yang menandakan ianya mata wang Islam.¹¹⁶ Adalah tidak mustahil wang syiling tersebut dikeluarkan di Brunei sendiri kerana mengikut laporan

¹¹³ Ibid., hlm. 61.

¹¹⁴ Ibid., hlm. 70.

¹¹⁵ Ibid., hlm. 67.

¹¹⁶ Tom Harrisson and Barbara Harrisson, “Kota Batu in Brunei (Introductory Report)”, *SMJ*, Vol. 7, No. 8, 1956, hlm. 292.

Sepanyol dalam *Boxer Codex* pada tahun 1590 menceritakan tentang kewujudan kilang mata wang di Brunei yang mengeluarkan dua jenis wang syiling yang bernama Paku dan Pitis, iaitu dengan nisbah nilai kedua-duanya ialah satu Paku bersamaan 32 Pitis. Wang syiling Paku diperbuat daripada campuran tembaga dan perak, sementara wang syiling Pitis dibuat daripada campuran timah dan plumbum. Kedua-dua mata wang ini khusus digunakan untuk urus niaga di dalam negeri saja dan tidak dibenarkan dibawa keluar dari Brunei. Mengikut laporan *Boxer Codex* lagi sebelum Sultan Brunei memperkenalkan dua mata wang syiling tersebut Brunei sudah memiliki mata wang syilingnya yang dibuat daripada perak. Wang ini diberi nama ‘Batguin’ dan mengandungi cap mohor Raja. Disebabkan mata wang ini digunakan untuk urusan perdagangan Brunei dengan pedagang-pedagang asing di Brunei telah mengakibatkan Brunei kehabisan wang apabila mereka sering membawa keluar wang tersebut. Sebagai gantinya Brunei telah memperkenalkan mata wang syiling baru yang bernama Paku dan Pitis khusus untuk kegunaan dalam negeri sahaja.¹¹⁷

Selain daripada penemuan wang syiling itu ditemui juga bahan-bahan kaca seperti manik, butang dan rantai, bahan-bahan logam seperti besi dan gangsa, bahan-bahan kayu seperti peralatan harian dan struktur binaan purba, bahan-bahan batu seperti batu yang dipahat dan struktur batu-batu bersusun dan tembikar jenis *porcelain* dan *stoneware* buatan Cina bertarikh zaman Dinasti Sung (960-1279 Masihi) dan Dinasti Ming (1368-1644 Masihi) selain daripada tembikar buatan Siam, Indo-China dan Brunei.¹¹⁸ Penemuan artifak-artifak tersebut menggambarkan tentang peranan Brunei sebagai pusat perdagangan yang utama di barat laut Borneo. Apa yang menarik tentang tembikar buatan Brunei itu ialah kaedah pembuatannya yang pernah dilaporkan oleh Pigafetta pada tahun 1521, “tembikar yang dibuat dari tanah liat ditanam di dalam tanah

¹¹⁷ J.S. Carroll, “Berunai in the Boxer Codex”, hlm. 13.

¹¹⁸ Tom Harrisson and Barbara Harrisson, “Kota Batu in Brunei (Introductory Report)”, hlm. 311-316.

selama 50 tahun untuk mendapatkan kualiti tembikar yang baik”.¹¹⁹ Ini memperlihatkan ketinggian seni pembuatan tembikar di Brunei dan kemampuannya menghasilkan tembikar sendiri yang juga menjadi barang-barang keperluan harian Brunei pada abad ke-16 itu.

Penggalian yang berterusan dan lebih tersusun yang dilakukan oleh Jabatan Muzium-Muzium Brunei di Kota Batu pada tahun 1960-an, 1970-an dan 1980-an telah berjaya menemui maklumat-maklumat baru tentang peranan Kota Batu sebagai pusat kerajaan awal Brunei. Di antaranya ialah penggalian dan kajian ke atas struktur batu-batu yang terdapat di bahagian tebing sungai iaitu lanjutan daripada penggalian yang telah dilakukan oleh Tom Harrisson. Hasil daripada penggalian tersebut mendapati bahawa susunan batu-batu itu merupakan suatu tambak (*causeway*) yang menghubungkan bahagian tinggi kawasan Kota Batu dengan Pulau Trindak yang terletak berhadapan dengan tebing sungai. Tambak ini telah dibentuk dengan begitu rapi yang mengandungi timbusan-timbusan tanah dan susunan-susunan batu bagi membentuk sebuah tambak yang lebih kukuh.¹²⁰ Berdasarkan kepada kajian ke atas struktur batu-batu itu jelas menunjukkan bahawa pembinaan tambak tersebut mempunyai dua fungsi iaitu sebagai benteng pertahanan (kota) bagi melindungi bahagian utara dan timur Kota Batu daripada serangan luar dan sebagai tambak atau jalan yang menghubungkan Pulau Trindak dengan daratan Kota Batu. Kemungkinan pulau tersebut dijadikan sebagai pusat peninjau setiap kapal yang masuk dari Teluk Brunei.¹²¹

¹¹⁹ A. Pigafetta, *First Voyage Around the World*, hlm. 103.

¹²⁰ Haji Metussin Omar, “Arkeologi Sebagai Alat Menggali Sejarah Brunei Tua: Kes Kota Batu dan kawasan Sekitarnya”, hlm. 93.

¹²¹ Mengikut John Crawfurd menganai sejarah Kota Batu mengatakan segara urusan perdagangan adalah dilakukan di Sungai Brunei yang dibina dengan pagar kayu. Antaranya ialah kayu kapur yang dibuat orang Cina dan dimiliki oleh residen Cina. Lihat, John Crawfurd, *A Descriptive Dictionary of the Indian & Adjacent Countries*, Kuala Lumpur, Singapore Oxford University Press, 1971, hlm. 69.

Dalam laporan Pigafetta mengenai Kota Batu mengatakan bahawa “di hadapan istana Raja ada sebuah tembok yang diperbuat daripada batu-batu besar dengan menara-menara kubu seperti benteng pertahanan dipasang 56 laras meriam tembaga dan enam laras meriam besi”.¹²² Keterangan tersebut telah memberi gambaran awal rupa bentuk benteng pertahanan Kota Batu. Kemungkinan Kota Batu dibina menyerupai bentuk Tembok Besar China kerana Sultan Sharif Ali telah menggunakan orang Cina untuk mendirikan kota tersebut.¹²³ Ini bersesuaian dengan gambaran yang diberikan oleh Pigafetta dan penemuan tambak yang menunjukkan bahagian atas kota tersebut telah dijadikan sebagai laluan pengawal-pengawal Brunei untuk meninjau apa yang berlaku di luar tembok.

Sebenarnya banyak lagi penemuan arkeologi di Kota Batu yang belum berjaya ditafsirkan bentuknya seperti penemuan struktur batu empat segi di bahagian tepi bukit. Struktur ini berukuran 25.8 meter x 25.4 meter dan mempunyai 13 buah lapik tiang (*pillar base*) di beberapa bahagian keliling struktur tersebut dengan jarak kedudukan antara satu lapik tiang dengan lapik tiang yang lain lebih kurang 3.5 meter. Hipotesis awal tentang struktur ini ialah sebuah kompleks makam kerana ditemui patahan sebuah batu nisan yang berukiran di tepi struktur tersebut, atau sebuah masjid atau balai kerana reka bentuknya yang bersesuaian dengan bangunan tersebut. Berdasarkan kepada kronologi relatif daripada 33 serpihan tembikar daripada luar negeri terutamanya daripada China zaman Dinasti Ming dan peninggalan batu nisan yang ditemui semasa penggalian struktur tersebut menunjukkan bahawa ianya dibina pada abad ke-15 Masihi.¹²⁴

¹²² R. Nicholl (ed.), *European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century*, hlm. 11.

¹²³ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm.54.

¹²⁴ Haji Metussin Omar, “Arkeologi Sebagai Alat Menggali Sejarah Brunei Tua: Kes Kota Batu dan kawasan Sekitarnya”, hlm. 93-94.

Data-data daripada penemuan arkeologi di Kota Batu terutamanya tinggalan-tinggalan struktur batu dan kayu, serta artifak-artifak dapat memberikan gambaran tentang kronologi sejarah di kawasan tersebut yang pernah menjadi pusat Kerajaan Brunei sejak abad yang ke-10 Masihi. Misalnya struktur kayu yang ditemui di kawasan tebing sungai mungkin mempunyai hubungan dengan laporan China mengenai kota Brunei (Pu-ni) pada tahun 977 Masihi yang dikatakan bertembokkan papan,¹²⁵ sebelum tembok tersebut diganti dengan batu oleh Sultan Sharif Ali pada abad ke-15.¹²⁶ Penemuan artifak-artifak berbentuk tembikar dan wang syiling Cina sejak zaman Dinasti Sung membuktikan kewujudan sebuah kerajaan di Kota Batu pada ke-10 itu. Sementara penemuan struktur batu yang dikenal pasti sebagai benteng pertahanan Brunei yang dibina oleh Sultan Sharif Ali, Sultan Brunei yang ketiga (1425-1432) merupakan suatu penemuan yang besar ertinya dalam bidang arkeologi di Brunei. Jika struktur batu itu berjaya dibina semula mengikut keadaan asalnya sudah tentu ianya menjadi mercu tanda kegemilangan sejarah Brunei sebagai sebuah empayar terbesar di Borneo pada abad ke-15 hingga ke-19.

Silsilah Raja-Raja Brunei (SRB) menceritakan tentang pembinaan Kota Batu oleh orang Cina apabila Sultan Sharif Ali memindahkan pusat pemerintahan Kerajaan Brunei ke Kota Batu.¹²⁷ Oleh itu *SRB* merupakan sumber rujukan utama tentang sejarah Kota Batu zaman awal Kerajaan Brunei. Namun begitu sumber yang lebih lengkap mengenai Kota Batu terdapat dalam laporan Pigafetta pada tahun 1521 dan *Boxer Codex* pada tahun 1590 yang menyatakan dengan jelas tentang topografi Kota Batu berdasarkan kedudukan rumah-rumah penduduk, para pembesar dan istana Sultan serta kilang-kilang yang terdapat di Kota Batu. Misalnya dalam laporan Pigafetta mengatakan bahawa, "... Kota (Brunei) itu keseluruhannya didirikan di atas air masin kecuali istana

¹²⁵ F. Hirth. & W.W. Rockhill, *Chau Ju-kua: His Work on the Chinese and Arab Trade in the Twelfth and Thirteenth Centuries*, New York: Paragon Book Reprint Corp., 1966, hlm. 157.

¹²⁶ P.L.A. Sweeney (ed.), "Silsilah Raja-Raja Berunai", hlm. 54.

¹²⁷ Ibid.

Raja dan kediaman beberapa orang pembesar,” dan “... di hadapan istana Raja ada sebuah tembok yang diperbuat daripada batu-batu besar dengan menara-menara kubu seperti benteng pertahanan ...”¹²⁸ Sementara dalam *Boxer Codex* menyebut tentang kedudukan kilang mata wang Brunei yang berada di kawasan istana.¹²⁹ Keterangan tersebut telah dijadikan panduan dalam menentukan lokasi penggalian di dalam kawasan benteng pertahanan (kota batu) di mana dibangunkan istana, kilang-kilang mata wang dan tembikar.

Namun begitu setakat ini belum ditemui tinggalan-tinggalan yang berbentuk tapak-tapak bangunan istana dan rumah para pembesar Sultan. Ini sudah tentunya mempunyai hubungan dengan tamadun kayu dan buluh dalam seni bina bangunan di Alam Melayu yang mudah musnah dan sukar untuk dikesan. Walau bagaimanapun penemuan wang-wang syiling dan pecahan tembikar tempatan di kawasan tinggi di Kota Batu telah membantu para ahli arkeologi mencari lokasi tapak kilang-kilang mata wang dan tembikar yang dinyatakan oleh Pigafetta dan *Boxer Codex* itu. Berpandukan kepada penemuan artifak-artifak tersebut sudah tentunya tapak istana Sultan terletak tidak jauh dari serpihan wang-wang syiling itu. Dalam tradisi lisan Brunei tidak pernah diceritakan tentang istana Sultan di Kota Batu kecuali istana Sultan Muhammad Hasan, Sultan Brunei yang ke-9 (1589-1609) yang dibina di Tanjung Chandana iaitu yang terletak di Pulau Berambang, Sungai Brunei.¹³⁰

¹²⁸ A. Pigafetta, *First Voyage Around the World*, hlm. 14.

¹²⁹ J.S. Carroll, “Berunai in the Boxer Codex”, hlm. 13.

¹³⁰ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 56.

Sumber Monumen dan Prasasti

Selain daripada itu monumen-monumen lama seperti batu nisan, Batu Tersilah, bangunan lama dan sebagainya memainkan peranan penting dalam pengkajian sejarah Brunei. Di Perkuburan Jalan Residensi yang merupakan kawasan perkuburan yang paling tua di Brunei telah ditemui sebuah prasasti stupa yang dijangkakan sudah wujud sejak abad ke-6 Masihi lagi. Prasasti ini merupakan suatu tanda kedatangan pengembang ajaran Buddha di Brunei. Di bahagian bawah stupa itu ditulis kata-kata falsafah agama tersebut yang menyatakan tentang konsep kehidupan semula setelah mati.¹³¹ Kewujudan stupa itu menunjukkan bahawa Brunei juga tidak terlepas dari menerima pengaruh agama Buddha dari Kerajaan Sriwijaya di Sumatra,¹³² walaupun sejauh ini belum ditemui kesan-kesan peninggalan yang berupa tempat-tempat ibadat agama tersebut di sepanjang pantai barat laut Borneo. Penemuan ini memerlukan penjelasan tentang sejauh mana kewujudan pengaruh Buddha di Brunei khususnya mengenai hubungannya dengan kerajaan-kerajaan awal di Brunei. Adakah prasasti ini sebahagian daripada tinggalan Kerajaan Brunei pada abad ke-10 kerana berdasarkan kepada sumber-sumber China mengenai Kerajaan Brunei pada tahun 977 jelas memperlihatkan bahawa Raja Brunei telah mengamalkan kepercayaan Buddha dalam adat-istiadat dan upacara kerohanian. Dalam laporan *Zhu Fan Zhi* mengenai Brunei pada tahun 977 menjelaskan mengapa di Brunei tidak wujudnya tinggalan-tinggalan agama Buddha:

“Apa yang dikatakan Buddha itu sebenarnya di sana [Brunei] tidak ada patung. Mereka cuma membina rumah bertingkat yang diperbuat daripada rumput, bentuknya seperti pagoda dan bahagian bawah diletakkan satu kotak yang dimuatkan dengan dua butir mutiara: mutiara inilah yang dianggap sebagai Buddha.”¹³³

¹³¹ Bentuk stupa yang ditemui di Perkuburan Jalan Rasidensi itu bertingkat-tingkat menyerupai sebuah pagoda dan dibahagian bawahnya ditulis aksara Sanskrit. Lihat, Awang Haji Mohamad bin Salim, *Ragam Hias Batu Nisan dan Makam Satu Pengenal*, Kota Batu, Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium-Muzium Brunei, 2003, hlm. 43.

¹³² Sriwijaya merupakan kerajaan beragama Buddha dan pusat pengajian agama Buddha di Alam Melayu pada abad ke-7 Masihi. Lihat, Slamet Mulainia, *Kuntala, Sriwijaya dan Sunwarnabhumi*, hlm. 30.-33.

¹³³ Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 98.

Berdasarkan laporan Cina itu menunjukkan bahawa penerimaan Brunei ke atas agama Buddha hanyalah dalam bentuk falsafah agama tersebut yang diamalkan sebagai suatu kepercayaan tanpa imej Buddha seperti patungnya. Pengaruh agama ini masih boleh ditemui sehingga abad ke-15 apabila tulisan sanskrit yang berupa falsafah Buddha ditulis pada sebuah batu nisan kepunyaan Sulaiman Abd. Rahman yang bertarikh pada tahun 1418.¹³⁴ Penemuan nisan yang bertulisan sanskrit ini telah menimbulkan berbagai persoalan tentang mengapa tulisan sanskrit itu ditulis pada nisan kepunyaan orang Islam. Adakah ini menunjukkan bahawa tulisan sanskrit di Brunei masih berpengaruh pada abad ke-16 atau pengaruh agama Buddha di kalangan masyarakat Brunei pada abad tersebut masih tebal sehingga falsafah Buddha mengenai alam kematian sering digunakan pada nisan orang Islam. Ini juga menggambarkan toleransi budaya pada zaman awal perkembangan agama Islam di Brunei yang masih berakar umbi dalam masyarakat Melayu Islam hingga ke hari ini.

Selain daripada itu di Perkuburan Jalan Residensi ditemui juga sebuah batu nisan Cina bertarikh 1264 Masihi yang dipunyai oleh Pu Zong-min iaitu seorang Pegawai Penyiasat China yang meninggal dunia semasa bertugas di Brunei.¹³⁵ Seperti juga dengan prasasti stupa itu batu nisan Cina ini juga tidak pernah disebut dalam sumber-sumber tempatan khususnya tradisi lisan di Brunei. Apa yang menariknya ialah batu nisan tersebut menyokong apa yang dilaporkan dalam sumber Cina *Xi Shan Za Zhi* yang menyebutkan bahawa, “pada tahun ketujuh pemerintahan Chun You iaitu TM 1247 Pu Zong Min telah diutus ke Bo ni [Brunei], kemudian beliau meninggal di sana.”¹³⁶ Sebenarnya banyak lagi nisan-nisan lama yang bertarikh abad ke-15 belum berjaya dikenal pasti pemiliknya seperti nisan ‘Maharaja Brunei’ yang tidak bertarikh

¹³⁴ Simat bin Angas, Suhaili bin Haji Hassan dan Haji Ismail bin Ibrahim (eds.), *Tokoh-Tokoh Agama di Brunei Darussalam: Pengenalan Ringkas*, Penerbitan Khas Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Bil. 23, 1992, hlm. 9-11.

¹³⁵ Awang Abd. Karim bin Hj. Abd. Rahman, “P'u-Kung Chih-Mu”, *PUSAKA*, Berita Jabatan Pusat Sejarah Brunei, Bil. 2, 1988, hlm. 57-58.

¹³⁶ Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 426

dan tidak diketahui identiti Maharaja Brunei itu. Batu nisan ini dipercayai berusia abad ke-15 berdasarkan kepada jenis batu yang digunakan iaitu jenis batu pasir laut dan bentuknya yang serupa dengan nisan-nisan Islam di China abad ke-14 hingga 16.¹³⁷

Selain daripada itu ditemui juga nisan kepunyaan seorang puteri Sultan bernama Rokayah binti Sultan Abd. Majid ibni Muhammad Shah al-Sultan yang bertarikh TM 1422.¹³⁸ Nama Sultan Abd. Majid tidak pernah disebut dalam *SRB* dan *SAS* atau sumber tradisi lisan sebagai di antara Sultan-sultan Brunei. Dalam hipotesis Pehin Datu Haji Mohd. Jamil Al-Sufri menyebut bahawa Sultan Abd. Majid adalah merujuk kepada Ma-na-je-chia-na iaitu Raja Brunei yang disebut dalam sumber Cina zaman Dinasti Ming.¹³⁹ Hipotesis ini masih memerlukan bukti-bukti sokongan terutamanya dari sumber-sumber kontemporari Cina yang masih banyak belum diterjemahkan. Sebenarnya penemuan batu nisan Rokayah ini telah menambah lagi persoalan tentang zaman awal Kerajaan Brunei itu. Persoalan tersebut sebagai tambahan kepada persoalan identiti Sultan Yusuf dalam *Boxer Codex*,¹⁴⁰ Ma-na-je-chia-nadalam *Ming-shih*¹⁴¹ dan batu nisan ‘Maharaja Brunei’.¹⁴² Persoalan siapakah Sultan-sultan tersebut dalam Kerajaan Brunei masih terus diperbincangkan sementara menunggu penemuan-penemuan baru yang boleh membantu menyelesaikan persoalan tersebut.

Suatu perkara yang tidak dinafikan ialah maklumat yang tercatat pada nisan itu dianggap sebagai fakta sejarah yang tidak diragui seperti keterangan mengenai nama pemiliknya dan tarikh kematiannya yang diukir pada nisan-nisan tersebut. Penentuan

¹³⁷ Awang Hj Abd. Karim bin Hj Abd. Rahman, “Batu Nisan Orang Islam di China dan Pengaruhnya ke atas Nisan Maharaja Brunei”, *PUSAKA*, Berita Jabatan Pusat Sejarah Brunei, Bil. 9, 1999, hlm. 34-45.

¹³⁸ Awang Hj Matussin bin Omar, “Batu Nisan: Inskripsi dan Fakta Dalam Pengkajian Sejarah Brunei”, *Masa Silam Sarana Masa Depan: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei II*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan 1999, hlm. 87-88.

¹³⁹ Hj. Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, Jilid 1, Brunei: Jabatan Pusat Sejarah, 1990, hlm. 50.

¹⁴⁰ J.S. Carrol, “Berunai in the Boxer Codex”, hlm. 4.

¹⁴¹ C.C. Brown, “Two Ming Texts Concerning King Ma-Na-Je-Chia-Na of Po-Ni”, hlm. 222-225.

¹⁴² Awang Hj Abd. Karim bin Hj Abd. Rahman, “Batu Nisan Orang Islam di China dan Pengaruhnya ke atas Nisan Maharaja Brunei”, hlm. 34-45.

tarikh berdirinya Kerajaan Brunei adalah berdasarkan kepada sumber batu nisan Sultan Sharif Ali, Sultan Brunei ke-3 yang mencatatkan tahun kemangkatan baginda pada tahun 1425.¹⁴³ Tarikh ini disesuaikan dengan zaman pemerintahan Sultan Muhammad Shah yang dicatat dalam sumber-sumber Cina zaman Dinasti Ming pada tahun 1371.¹⁴⁴ Dua sumber ini dengan sendirinya menolak teori Barat yang mengatakan bahawa agama Islam mula berkembang di Brunei pada abad yang ke-15.¹⁴⁵ Ini menunjukkan bahawa sumber batu nisan memainkan peranannya yang penting dalam penentuan pertarikhkan pemerintahan seseorang Sultan itu dan juga sebagai menyokong keterangan dalam sumber kontemporari dan tradisi lisan.

Penemuan Arkeologi Maritim

Satu lagi bidang penyelidikan arkeologi yang baru diterokai di Brunei ialah penyelidikan arkeologi di dalam air atau di dasar laut. Bidang ini bermula sejak berlakunya peristiwa bersejarah dalam dunia arkeologi di Brunei apabila syarikat Elf Petroleum Asia b.v. secara tidak disengajakan telah menemui bangkai kapal karam di perairan laut Brunei pada tahun 1997 yang berusia 500 tahun.¹⁴⁶ Lokasi kapal karam tersebut ialah berada di kedalaman 62 meter di dasar laut Padang Minyak Champion, Brunei. Kapal tersebut adalah milik Kerajaan China zaman Dinasti Ming yang membawa muatan barang dagangan ke Asia Tenggara sekitar abad ke-15 hingga awal abad ke-16 Masihi. Berdasarkan laporan penyelidikan ke atas artifak-artifak yang terdapat dalam kapal tersebut menganggarkan bahawa lebih 10,000 biji artifak yang

¹⁴³ Ibid., hlm. 93-94.

¹⁴⁴ Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 283.

¹⁴⁵ Antara ahli sejarah Barat tersebut ialah Ludovico Varthema yang mengatakan agama Islam di Brunei datangnya dari negeri Sukadana pada tahun 1550, dan mengatakan ketika dia melawat Brunei pada tahun 1505, penduduk Brunei masih lagi kafir. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, "Islam in Brunei", *BMJ*, Vol. 4, No. 1, 1977, hlm. 35.

¹⁴⁶ Elf Petroleum Asia b.v. adalah sebuah syarikat cari gali minyak yang telah melakukan kajian untuk pemasangan paip minyak dasar laut di perairan Brunei bermula dari Padang Minyak Maharaja Lela dan Jamalul Alam ke Lumut, Daerah Belait pada tahun 1997. Pada 24 Mei 1997 mereka menjumpai bangkai kapal karam, dan pada Oktober 1997 kerja-kerja arkeologi mula dilakukan ke atas artifak-artifak yang terdapat di dalam kapal tersebut. Sebanyak 150 contoh artifak telah dikumpul untuk dibuat kajian tentang pertarikhkan dan pemiliknya. Dari jumlah tersebut 131 adalah seramik dan jar. Pada tahun 1998 penggalian peringkat kedua mula dilakukan secara sebesar-besaran yang melibatkan seramai 130 pakar dari Eropah dan Brunei. Lihat, *A Catalogue of Selected Artefacts from the Brunei Shipwreck*, Brunei: Brunei Museum, 2000, hlm. xiii-1.

terdiri daripada tembikar, seramik, kaca, manik, besi dan sebagainya telah ditemui bertebaran di sekitar 100 meter persegi dalam keadaan yang sempurna.¹⁴⁷

Di antara yang berjaya dikumpul ialah sebanyak 4,870 biji artifak yang tergolong dalam kategori tembikar jenis biru dan putih (*blue-and-white ware*) yang berasal daripada wilayah Jiangxi, China. Antaranya ialah pinggan, piring (*dish*), kendi, cawan, alas cawan, mangkuk, tempayan, ketil, botol dan belanga. Selain daripada itu ditemui juga jenis tembikar putih sebanyak 190 biji yang terdiri daripada piring, mangkuk dan cawan yang berasal daripada wilayah Fujian, China. Jenis tembikar yang seterusnya ialah *celadon* atau tembikar hijau (*greenware*) yang berasal dari wilayah Guangdong, China. Di samping itu dikumpul juga tembikar jenis seramik (*stoneware*) dari Thailand yang dibuat pada abad ke-14 Masihi. Seramik ini disebut sebagai tembikar *Sawankhalok* atau *Si Satchamlai* kerana ianya berasal dari Wilayah Si Satchanalai, di bahagian Tengah Thailand. Antaranya ialah piring (*dish*), mangkuk, tempayan dan berbagai bentuk botol yang diperbuat daripada tanah liat. Selain daripada itu seramik dari Vietnam juga ditemui dalam kapal karam tersebut yang dibuat pada abad ke-15 hingga abad ke-16 Masihi yang terdiri daripada tembikar jenis *biru-dan-puteh*, tembikar jenis *puteh*, pasu bunga, mangkuk, dan tempayan (*stoneware*). Lain-lain artifak yang berjaya dikumpul ialah manik yang diperbuat daripada batu, kaca dan timah, gelang kaca, batu asah (*grindstone*) yang diperbuat daripada batu granit. Semua barang-barang tersebut dipercayai berasal daripada China dan juga Vietnam.¹⁴⁸

Dengan penemuan kapal karam itu bererti Brunei telah berjaya mengumpul satu koleksi tembikar China, Thailand dan Vietnam bertarikh abad yang ke-15 dan 16 dengan jumlah yang banyak dan berkeadaan yang sempurna bentuknya. Ini berbeza

¹⁴⁷ Sharon Perrin, *The Brunei Shipwreck*, Bandar Seri Begawan: Elf Petroleum Asia B.V., Brunei, 2000, hlm. 21.

¹⁴⁸ *A Catalogue of Selected Artefacts from the Brunei Shipwreck*, hlm. 1-91.

dengan artifak yang dijumpai di tapak-tapak arkeologi di Kota Batu, Terusan Kupang dan Sungai Limau Manis yang kebanyakannya berbentuk serpihan-serpihan tembikar. Penemuan khazanah sejarah dari kapal karam ini sudah tentunya menguatkan lagi bukti tentang peranan Brunei sebagai pusat perdagangan terpenting di barat laut Borneo khususnya pada abad yang ke-15 dan 16 seperti mana yang banyak dilaporkan oleh sumber China dan Barat.¹⁴⁹ Ini menunjukkan sebelum pedagang-pedagang China sampai ke Brunei mereka singgah terlebih dahulu di negeri-negeri Vietnam dan Thailand.¹⁵⁰ Di samping itu berbagai hipotesis telah dikemukakan untuk mencari sebab karamnya kapal tersebut. Berdasarkan kepada artifak-artifak yang ditemui itu masih berkeadaan baik para pakar yang terlibat dalam penemuan tersebut mengemukakan tiga kemungkinan yang menimpa kapal itu sewaktu memasuki perairan Brunei. Pertama disebabkan oleh angin kencang atau ribu, kedua berlakunya kebakaran ke atas kapal tersebut dan ketiga angkara lanun.¹⁵¹

Berikut dengan penemuan kapal karam tersebut pada tahun 2013 Jabatan Muzium-Muzium Brunei cawangan Muzium Maritime telah melakukan kajian tentang potensi adanya kapal karam di persiran Tanjung Batu, Daerah Brunei Muara berdasarkan penemuan pecahan-pecahan seramik di kawasan tersebut. Pada tahun 1975 pihak Muzium telah memulakan projek pengumpulan pecahan-pecahan seramik di Pantai Tanjung Batu berikutan penemuan pecahan pertama di kawasan tersebut oleh Bob Hewitt pada tahun 1974. Projek ini telah berjaya mengumpul sebanyak 193 keping seramik zaman Dinasti Song jenis Tongan “greenware” iaitu suatu jenis yang memang terkenal di pasaran Asia Tenggara sejak abad ke-12. Dengan penemuan tersebut

¹⁴⁹ Mengikut Chan-fan-chi, pada tahun 977 Brunei sudah mempunyai sistem perdagangan yang teratur seperti undang-undang perdagangan yang dikenakan ke atas pedagang-pedagang Brunei yang berurusan dengan pedagang-pedagang Cina di Brunei. Brunei juga dikatakan mempunyai kemudahan membaiki kapal dan jadual waktu pelayaran yang disediakan untuk pedagang-pedagang Cina. Lihat, F. Hirth. & W.W. Rockhill, *Chau Ju-kua: His Work on the Chinese and Arab Trade in the Twelfth and Thirteenth Centuries*, hlm. 156.

¹⁵⁰ Pada sekitar abad ke-15-16 kapal-kapal dagang China biasanya menggunakan dua jalan dari Negeri China ke Brunei iaitu pertama melalui Vietnam, Thailand, Semenanjung Tanah Melayu dan Jawa, kedua melalui Manila, Sulu baru ke Brunei setelah itu ke Maluku dan Jawa. Lihat, John M. Chin, *The Sarawak Chinese*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1981, hlm.3.

¹⁵¹ Michel L'Hour (ed.), *The Sunken Treasures of Brunei Darussalam*, Paris: Éditions Textuel, 2001, hlm. 35.

berkemungkinan terdapatnya kapal karam zaman Dinasti Song di kawasan perairan Tanjung Batu sekitar abad ke-12-13.¹⁵²

Cabaran Bidang Arkeologi di Brunei

Oleh itu sumber arkeologi yang terdapat di Brunei adalah faktor penting dalam pembuktian kebenaran sejarah yang terdapat dalam sumber tradisi lisan dan kontemporari mengenai kerajaan awal Brunei. Walau bagaimanapun sejauh ini bidang arkeologi di Brunei masih belum berjaya membongkar sepenuhnya khazanah sejarah yang masih terpendam di Kota Batu dan di tempat-tempat lain sekitar Teluk Brunei. Penggalian di Kota Batu misalnya masih berada di peringkat permulaan dengan membiarkan khazanah sejarah terus terpendam dalam lapisan tanah yang merosakkan artifak-artifak tersebut. Jika tiada usaha segara dilakukan oleh ahli arkeologi sudah tentu Brunei akan kehilangan suatu tempoh sejarah yang gemilang dalam sejarahnya yang pernah berlaku pada abad ke-14 hingga 18. Ini merupakan suatu cabaran yang perlu dilakukan dalam menjadikan Kota Batu sebagai tapak sejarah yang pernah menjadi pusat pembinaan tamadun Brunei pada abad ke-15 hingga 18 Masihi.¹⁵³

Gambaran tentang ketinggian tamadun Brunei yang dibina di Kota Batu yang dilaporkan oleh Antonio Pigafetta dan *Boxer Codex* pada abad ke-16 masih belum berjaya dikesan oleh ahli arkeologi. Setakat ini para ahli arkeologi hanya menemui tinggalan-tinggalan yang berupa serpihan tembikar, wang syiling, struktur-struktur batu dan kayu dan batu-batu nisan yang belum dapat memberi gambaran yang jelas tentang tamadun yang pernah dibina di sana. Misalnya pembinaan kota batu sebagai benteng

¹⁵² Jeremy Green and Jun Kimura, "Preliminary Report on Maritime Archaeological Survey in Brunei Darussalam", *Report-Department of Maritime Archaeological*, Western Australian Museum, No. 300, 2013, hlm. 4-7.

¹⁵³ Kota Batu ialah pusat pemerintahan Kerajaan Brunei pada abad ke-14 hingga abad ke-18 iaitu sebelum berpindah ke Kampong Ayer sekarang. Dua sumber Barat yang melaporkan kegemilangan Kota Baru pada abad ke-16 ialah Antonio Pigafetta (1521) dan Boxer Codex (1590). Lihat, A. Pigafetta, *Magellan's Voyage*, hlm. 102-105, dan J.S. Carroll, "Berunai in the Boxer Codex", hlm. 1-16.

pertahanan Brunei pada zaman Sultan Sharif Ali yang sempat dirakamkan oleh Pigafetta pada tahun 1521 masih belum berjaya dibuktikan oleh ahli-ahli arkeologi. Berdasarkan laporan Pigafetta itu menggambarkan bahawa benteng pertahanan (Kota Batu) itu menyerupai Tembok Besar China kerana Sultan Sharif Ali telah menggunakan kepakaran orang Cina di Brunei untuk membina kota tersebut. Penggalian di Kota Batu yang dilakukan sejak tahun 1953 hanya berjaya menemui sebahagian struktur batu yang menyerupai sebuah tambak yang dihubungkan dengan Pulau Trindak. Penemuan ini belum dapat memberi gambaran jelas seperti mana yang dilaporkan oleh Pigafetta itu.¹⁵⁴

Kesimpulan

Hubungan sumber kontemporari dan sumber arkeologi dalam kajian sumber lisan (tradisi lisan) adalah begitu signifikan kerana tanpa sokongan daripada dua sumber tersebut sudah tentu cerita-cerita sejarah yang berbentuk lisan tidak dapat dibuktikan kebenarannya. Ini jelas terbukti banyak kandungan tradisi lisan tentang sejarah awal Kerajaan Brunei terdapat dalam laporan-laporan China zaman Dinasti Ming. Di antaranya ialah mengenai hubungan Brunei dengan Jawa dan Sulu pada zaman awal Kerajaan Brunei. Begitu juga tentang jumlah wilayah jajahan Brunei yang disebut dalam laporan China pada tahun 1371 sebanyak 14 buah negeri di mana jumlah ini sama dengan yang diceritakan dalam tradisi lisan Brunei yang mengisahkan tentang pengembalaan Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah) bersama saudara-saudaranya sehingga mereka berjaya menguasai 14 buah kampung.

¹⁵⁴ Pada tahun 1952/1953 Tom Harrisson telah mengenal pasti struktur batu-batu bersusun di Kota Batu. Pada tahun 1979 barulah informasi yang lebih lengkap mengenai struktur batu-batu tersebut dibuat kajian oleh pihak Jabatan Muzium-Muzium Brunei. Lihat, Haji Metussin Omar, “Arkeologi Sebagai Alat Menggali Sejarah Brunei Tua: Kes Kota Batu dan Kawasan Sekitarnya”, hlm. 93.

Oleh itu sumber China ini berperanan sebagai penyokong kepada kandungan dalam tradisi lisan Brunei itu. Ini disebabkan bahawa sumber China zaman dinasti Ming itu ditulis bertepatan dengan zaman awal Kerajaan Brunei yang masih wujud dalam tradisi lisan etnik Brunei dan etnik-etnik peribumi Borneo sehingga ke hari ini. Sementara sumber Barat yang mula melaporkan tentang Brunei pada abad ke-16 berperanan sebagai perakam peristiwa pada zaman perkembangan Empayar Brunei. Dari sumber-sumber Barat inilah dapat dibuktikan apa yang diceritakan dalam tradisi lisan tentang kisah Nakhoda Ragam, iaitu Sultan Bolkiah, Sultan Brunei yang kelima yang terkenal sebagai pembina Empayar Brunei di Borneo dan Kepulauan Filipina. Oleh itu tradisi lisan Brunei itu sendiri sebenarnya tidak lari dari apa yang dilaporkan dalam sumber-sumber kontemporari. Di sinilah uniknya hubungan sumber lisan (tradisi lisan mengenai Brunei) dengan sumber-sumber kontemporari dan arkeologi yang saling melengkapi antara satu sama lain.

Selain daripada itu berdasarkan kepada sumber China dan penemuan arkeologi di Sungai Brunei jelas membuktikan kewujudan kerajaan-kerajaan besar di kawasan tersebut sejak abad ke-10 Masihi, iaitu sebelum berdirinya Kerajaan Brunei pada pertengahan abad ke-14. Ketiadaan sumber lisan tentang kerajaan-kerajaan awal di Sungai Brunei itu menunjukkan bahawa masyarakat penutur yang menjadi penduduk pada zaman kerajaan-kerajaan tersebut telah berpindah dari Brunei. Sementara etnik Brunei dan etnik Lun Bawang dan Lundayeh di daerah Lawas dan Kalimantan Timur adalah masyarakat penutur bagi Kerajaan Brunei. Adalah tidak menghairankan apabila mereka tidak mewarisi kisah kerajaan-kerajaan awal Brunei itu. Dalam bab seterusnya akan dibincangkan hubungan kaum Bisaya yang berada di Pulau Panay, Filipina dengan kerajaan awal Brunei pada abad ke-10 yang terdapat dalam *Maragtas* iaitu

sebuah manuskrip kuno yang mengisahkan tentang penghijrahan kaum Bisaya dari Borneo ke Pulau Panay sekitar abad ke-13.

University Of Malaya

BAB 3: PENGARUH SUMBER LISAN DALAM SUMBER BERTULIS

(MANUSKRIP)

Pengenalan

Kajian sumber tradisi lisan tidak saja terhad dalam lingkungan bahan-bahan yang berbentuk lisan tetapi juga melibatkan kajian ke atas sumber-sumber bertulis seperti naskhah-naskhah lama Brunei sama ada yang sudah diterbitkan atau masih dalam bentuk manuskrip. Ini disebabkan bahawa naskhah-naskhah Brunei itu juga adalah bersumberkan daripada tradisi lisan. Sumber ini dikategorikan sebagai sumber lisan yang telah didokumentasikan dan fungsinya adalah sama dengan sumber tradisi lisan yang diperolehi daripada kaedah wawancara. Bezanya ialah sumber tradisi lisan yang didokumentasi itu mempunyai nilai sejarah yang lebih tinggi daripada tradisi lisan yang didapati melalui wawancara.

Ini disebabkan semakin awal sesebuah tradisi lisan itu dikumpul atau di dokumentasi semakin kurang unsur-unsur penambahan yang terkandung dalam sesebuah cerita itu. Selain daripada itu ianya juga boleh menghindar dari pupusnya warisan sejarah Brunei yang berbentuk tradisi lisan. Misalnya maklumat mengenai sejarah Brunei yang dikumpul oleh Sepanyol pada abad ke-16 sudah hilang dari ingatan orang Brunei pada waktu ini. Malah generasi tua Brunei masa kini tidak mewarisi apa yang dimuatkan dalam laporan Sepanyol itu. Ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya naskhah-naskhah lama Brunei dibuat kajian sebagai sokongan kepada cerita yang masih berbentuk lisan.

Bidang Kajian

Naskhah-naskhah lama Brunei yang dijadikan bahan kajian ialah *Salasilah Raja-Raja Brunei* (SRB) yang ditulis secara prosa riwayat dan *Syair Awang Semaun* (SAS) yang ditulis menggunakan gaya syair. Walaupun dua sumber ini dikategorikan sebagai sumber bertulis ianya tetap dianggap sebagai sumber tradisi lisan dan nilainya sebagai sebuah sumber sejarah adalah sama dengan sumber tradisi lisan yang masih berbentuk tuturan. Dua sumber ini adalah bahan rujukan utama mengenai sejarah Kerajaan Brunei. Di samping itu naskhah-naskhah lain yang menceritakan kisah Raja-raja Brunei juga dikira sebagai bahan kajian. Di antaranya ialah *Salasilah Raja-Raja Sambas*, *Hikayat Sambas*, *Hikayat Datu Merpati*, *Hikayat Dato Godam* dan *Syair Saribas*. Naskhah-naskhah tersebut membantu memberi maklumat tambahan kepada sejarah awal Kerajaan Brunei walaupun terdapatnya beberapa perbezaan dengan kandungan SRB dan SAS. Salah sebuah sumber bertulis yang sangat penting dalam kajian ini ialah *Maragtas* iaitu sebuah tradisi lisan mengenai sejarah penghijrahan orang Bisaya di Borneo ke pulau Panay, Filipina pada abad ke-13.

Bidang kajian ialah mengenai sejarah awal Kesultanan Brunei iaitu sejarah awal penubuhannya dan Raja-raja Brunei yang mengasaskan kerajaan tersebut. Ini termasuklah Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah, Sultan Brunei yang pertama) dan saudara-saudaranya. Selain daripada itu ialah cerita yang berkisar dalam zaman awal Kerajaan Brunei seperti kisah Awang Semaun, Ong Sum Ping dan Sultan Bolkiah.

Salasilah Raja-Raja Brunei

SRB adalah sebuah karya historiografi tradisional mengenai Kerajaan Brunei yang bersumberkan daripada tradisi lisan dan juga sejarah lisan. Ini disebabkan kandungan yang terdapat dalam *SRB* bukan sahaja mengenai Raja-raja Brunei tetapi juga menceritakan tentang perjalanan sejarah Brunei sejak berdirinya Kerajaan Brunei pada abad ke-14 hingga ke zaman Brunei di bawah penaungan Kerajaan British pada awal abad ke-20. Walaupun *SRB* sebahagian besarnya berdasarkan kepada sumber tradisi lisan tetapi ianya juga adalah sebuah dokumen sejarah yang dapat dibuktikan kebenarannya.¹ Di antaranya ialah tentang perperangan di antara Brunei dan Sepanyol pada abad ke-16, Perang Saudara pada abad ke-17, kedatangan Inggeris di wilayah Brunei abad ke-19 dan beberapa peristiwa penting mengenai Brunei yang sebelum ini tidak pernah ditulis dengan begitu lengkap oleh mana-mana naskhah Brunei. Oleh itu *SRB* boleh dianggap sebagai sebuah naskhah sejarah Brunei yang lengkap seperti mana juga naskhah-naskhah Salasilah Raja-raja Melayu yang lain.²

Maklumat terawal mengenai kewujudan *SRB* di Brunei terdapat dalam laporan Sepanyol pada tahun 1590 yang menyebut tentang sebuah kepingan emas berukuran sedepa persegi dan nipis yang terukir mandat-mandat dan nama raja-raja yang berketurunan daripada Sultan Yusuf. Adalah tidak diketahui siapakah nama raja-raja yang diukir pada kepingan emas itu kerana mengikut laporan tersebut kepingan emas itu telah dihilangkan oleh Sultan Abdul Kahar (Raja Tua) pada waktu Brunei ditawan oleh

¹ Salasilah yang dikarang oleh Pengiran Sabtu Kamaluddin pada tahun 1938 adalah mengandungi peristiwa-peristiwa bersejarah yang berlaku ke atas Brunei sehingga tahun 1906. Lihat, *Alamat Zaman Ketakhtaan Di Negeri Brunei*, karangan Pengiran Sabtu Kamaluddin, tidak diterbitkan, simpanan Pusat Sejarah Brunei.

² Prof. Teuku Iskandar meletakkan *SRB*, *Syair Awang Semaun (SAS)* dan *Syair Rakis* sebagai sebuah hasil historiografi tradisional yang dapat digunakan sebagai sumber sejarah. Lihat, Teuku Iskandar, “Tradisi Lisan dan Historiografi Melayu dalam Penyelidikan Sejarah Brunei”, dalam Awang Haji Muhammad bin Abdul Latif, Awang Haji Hashim bin Haji Mohd. Noor & Awang Haji Rosli bin Haji Ampal (eds.), *Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Bandar Seri Begawan, Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Brunei Darussalam, 1994 hlm. 45.

Sepanyol pada tahun 1578.³ Dalam laporan itu juga menyebut bahawa sejak kehilangan kepingan emas itu tidak terdapat rujukan khusus tentang nama raja-raja yang pernah memerintah Brunei. Apa yang direkodkan oleh Sepanyol mengenai Raja-raja Brunei pada tahun 1590 itu adalah berdasarkan kepada daya ingatan penduduk Brunei pada ketika itu yang menyebut bahawa:

“Moyang kepada raja yang sedang memerintah ketika ini (Sultan SaifulRizal) dipanggil Sultan Soliman (Sultan Sulaiman, Sultan Brunei ke-4) dan datuknya dipanggil Sultan Salan (Sultan Bolkiah?) dan bapanya yang telah menghilangkan kepingan emas itu dipanggil Sultan Aril Lula (Sultan Abdul Kahar) dan raja masakini dipanggil Sultan Nula Alam (Sultan Saiful Rizal) dan anaknya yang bakal menggantikannya memerintah negeri ini dipanggil Raja Borney (Brunei).”⁴

Sejak Brunei kehilangan salasilah yang diukir di atas kepingan emas itu tidak pernah ditemui tulisan-tulisan berbentuk salasilah Raja-raja Brunei menggantikan kepingan emas itu sehingga selepas berlakunya Perang Saudara di Brunei pada abad ke-17 iaitu di antara Sultan Abdul Hakkul Mubin dan Sultan Muhyiddin. Dalam peperangan tersebut Sultan Muhyiddin telah berjaya mengalahkan Sultan Abdul Hakkul Mubin dan akibat daripada itu barulah timbul usaha untuk menulis salasilah raja-raja yang memerintah Brunei supaya diketahui oleh anak cucu mereka. Oleh itu pada tahun 1735 sebuah naskhah yang disebut sebagai *Salasilah Raja-Raja Brunei* mula ditulis oleh Datu Iman Ya’akub bin Haji Abdul Rahman, yang berjawatan Kadi dan Penyurat Dagang di Istana di atas titah Al-Marhum Sultan Muhyuddin, Sultan Brunei ke-14 (1673-1690) dan Maulana Sultan Husin Kamaluddin, Sultan Brunei ke-16 (1710-1730 dan 1737-1740). Tulisan beliau telah disalin semula oleh Khatif Haji Abd. Latif pada tahun 1807 atas titah Sultan Muhammad Tajuddin. Dalam mukadimah *SRB* salinan Khatif Haji Abdul Latif dinyatakan sumber penulisan naskhah tersebut:

³ J.S. Carroll, “Berunai in the Boxer Codex”, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, Vol. LV, Pt. 2, 1982, hlm. 5.

⁴ Ibid.

“Bawa inilah silsilah raja2 yang kerajaan asal dinegeri Berunai dinyatakan oleh Datu Imam Ya’akub, ia mendengar daripada Marhum Bongsu yang bernama Sultan Muhiuddin dan paduka Maulana Sultan Kamaluddin. Kedua raja itu menyuratkan datu nene moyang mereka supaya diketahui oleh segala anak chuchunya sampai sekarang ini, wa ‘Llahu a’lam. Maka Paduka Seri Sultan Muhammad Tajuddin menitahkan kepada tuan Haji Abdul Latif menyuratkan silsilah ini, maka ketahui oleh segala anak chuchunya raja2 yang mempunyai tahta makota dan kerajaan dalam kandang daerah negeri Berunai daru’l-amam yang turun temurun ...”⁵

Dalam *SRB* itu juga menyatakan bahawa Datu Imam Ya’akub menulis *SRB* ini pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Alauddin, Sultan Brunei yang ke-17 (1730-1737) “... kerajaan pada masa ini yang bernama Paduka Seri Sultan Muhammad Ala’uddin”.⁶ Begitu juga tentang tarikh berakhirnya penulisan beliau dinyatakan pada “kepada hijrah nabi s.a.w., seribu seratus empat puluh delapan tahun 1148, kepada enam haribulan Jumadulakhir, kepada hari Ahad waktu dzohor itulah selesai Datu Imam Ya’akub menyurat ini ...”⁷ Ini bererti Datu Imam Ya’akub mengambil masa yang lama untuk mengumpul segala cerita yang diperolehinya daripada Al-Marhum Sultan Muhyuddin, Sultan Brunei ke-14 (1673-1690) dan Maulana Sultan Husin Kamaluddin, Sultan Brunei ke-16 (1710-1730 dan 1737-1740) sebelum selesai menulis *SRB* ini pada tahun 1735. Setakat ini belum ditemui *SRB* tulisan Datu Imam Ya’akub itu, kerana *SRB* yang digunakan dalam kajian ini adalah *SRB* yang disalin semula oleh Khatif Haji Abdul Latif pada tahun 1807. Dalam *SRB* salinan Khatif Haji Abdul Latif ini dinyatakan dengan jelas peranan beliau sebagai penerus kepada penulisan *SRB* Datu Imam Ya’akub dan seterusnya memberi tambahan senarai Sultan-sultan Brunei hingga ke Sultan Muhammad Tajuddin, Sultan Brunei yang ke-19. Selain daripada itu Khatif Haji Abdul Latif juga menyalin *SRB* tersebut pada batu yang dinamakan Batu Tersilah.⁸

⁵ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, *JMBRAS*, Vol. XLI, Pt. 2, 1968, hlm. 11.

⁶ Ibid., hlm. 12.

⁷ Ibid., hlm. 39.

⁸ Hugh Low, “Selesilah (Book of the Descent) of the Rajas of Brunei”, *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society (JSBRAS)*, Vol. 5, June 1880, hlm. 34-39.

Naskhah *SRB* salinan dan tulisan Khatif Haji Abdul Latif ini telah menjadi rujukan kepada penulis-penulis *SRB* terkemudian sehingga melahirkan beberapa versi *SRB* dengan beberapa tambahan dan perubahan kandungannya daripada teks asal. Walaupun *SRB* Datu Imam Ya'akub ini telah disalin semula 72 tahun kemudian oleh Khatif Haji Abdul Latif iaitu atas titah Sultan Muhammad Tajuddin tetapi beliau tetap mengekalkan keaslian tulisan Datu Imam Ya'akub itu dengan cara menyalin sepenuhnya tulisan Datu Imam Ya'akub tanpa mengubah ayat dalam tulisannya sehingga dapat dilihat dengan jelas perbezaan di antara penulisan asal Datu Imam Ya'akub dan tambahan yang dibuat oleh Khatif Haji Abdul Latif. Di antaranya ialah ungkapan, "... Paduka Seri Sultan Muhammad Ala'uddin yang kerajaan sekarang ini dinegeri Berunei" dan "... kerajaan pada masa ini yang bernama Paduka Seri Sultan Muhammad Ala'uddin".⁹

SRB salinan dan tulisan Khatif Haji Abdul Latif itu penulis namakan sebagai *SRB* versi Datu Imam Ya'akub dan Khatif Haji Abdul Latif. Secara umumnya ianya mempunyai tiga bahagian iaitu bahagian pertama menyenaraikan nama Sultan-sultan Brunei bermula daripada Sultan Muhammad (Sultan Muhamad Shah) hingga ke Sultan Muhammad Tajuddin; bahagian kedua menceritakan tentang kisah Sultan-sultan Brunei; dan bahagian ketiga menceritakan mengenai adat istiadat diraja Brunei pada zaman Sultan Hasan (Sultan Muhamad Hasan), Sultan Brunei yang ke-9 yang dinamakan sebagai *Kitab Risalah Al-Marhum fi Adat'l-Marhum*.¹⁰ Bahagian pertama iaitu mengenai Sultan-sultan Brunei dimulai dengan kenyataan bahawa:

"adalah yang bernama kerajaan Berunei membawa agama Islam dan mengikut shari'at nabi kita Muhammad salsa Llalu 'alaihi wa sallama, iaitu Paduka Seri Sultan Muhammad dan saudaranya Sultan Ahmad".¹¹

⁹ Ibid., hlm. 12.

¹⁰ Ibid., hlm. 39.

¹¹ Ibid., hlm. 11.

SRB ini tidak menyatakan bagaimana Sultan Muhammad Shah dan Sultan Ahmad itu memeluk agama Islam dan hubungan Brunei dengan Majapahit dan Johor pada zaman awal Kerajaan Brunei seperti mana yang kita temui pada *SRB* versi yang terkemudian. Dalam *SRB* ini juga jelas mengatakan bahawa Sultan Brunei yang kedua ialah saudara Sultan Muhammad Shah bernama Pateh Berbai dan kemudian bergelar Sultan Ahamad. Sementara nama Sultan Abdul Hakkul Mubin yang disebut dalam *SRB* versi terkemudian sebagai Sultan Brunei yang ke-13 selepas Sultan Muhammad Ali juga tidak disenaraikan. Ini mungkin mempunyai hubungan dengan permusuhan di antara Sultan Muhyiddin dan Sultan Abdul Hakkul Mubin yang berlaku dalam Perang Saudara di Brunei pada abad ke-17. Sultan Muhyiddin selaku pelopor kepada penulisan *SRB* ini sudah tentunya tidak memasukkan nama Sultan Abdul Hakkul Mubin dalam senarai Sultan-sultan Brunei kerana baginda sendiri tidak mengiktiraf kedudukan Sultan Abdul Hakkul Mubin selaku Sultan Brunei semasa berlakunya Perang Saudara itu.¹²

Bahagian kedua ialah mengenai dengan kisah Sultan-sultan Brunei yang diceritakan secara ringkas seperti cerita tentang kehebatan Sultan Bolkiah, Sultan Brunei ke-5 yang telah berjaya mengalahkan Negeri Sulu dan Seludong (Luzon); kekerasan dan kebijaksanaan pemerintahan Sultan Muhammad Hasan, Sultan Brunei ke-9 yang disamakan dengan Sultan Mahkota Alam, Aceh; kisah Sultan Abdul Kahar dan Sultan Saiful Rizal semasa Perang Kastila (perang antara Brunei dan Sepanyol di Mania); kisah kegagahan Pengiran Bendahara Sakam semasa Perang Kastila; dan kisah perkahwinan puteri Sultan Saiful Rizal bernama Raja Dungu dengan Pengiran Muhammad Panjang. Bahagian ketiga ialah tentang Kitab *Risalah Al-Marhum fi Adat'l-Marhum*, iaitu mengenai adat istiadat Raja-raja Brunei pada zaman Sultan Muhammad Hasan. Kitab ini ditulis oleh Datu Imam Ya'akub dan diteruskan oleh Khatif Haji Abd

¹² Ini dapat dilihat dalam *SRB* tersebut yang menyatakan, “Kemudian saudaranya Marhum Tuha dinaikkan kerajaan bernama Paduka Seri Sultan Muhammad Ali ... Maka wafatlah baginda itu. “Maka kemudian pula kerajaan pula anak saudaranya bernama Paduka Seri Sultan Muhiuddin”. Ibid., hlm. 12.

Latif pada tahun 1807. Dalam menghasilkan kitab ini Datu Imam Ya'akub telah mengklasifikasi nilai sumbernya kepada tiga kategori iaitu yang didengar, yang dikhabar dan yang diceritakan kepadanya sepetimana yang dijelaskan dalam mukadimah beliau:

“... didengarnya daripada Datu Perdana Menteri dan khabar Marhum Bongsu, iaitu Paduka Seri Sultan Muhiuddin dan cherita daripada Paduka Seri al-Sultan Kamaluddin, mencheritakan itu pun mana2 sedapatnya, wallahu a'lam.”¹³

Kitab ini mengandungi fasal-fasal yang menerangkan tentang gelaran, adat dan tanggungjawab Raja-raja Brunei yang diperkenalkan oleh Sultan Muhammad Hasan. Datu Imam Ya'akub sebagai penulis asal *SRB* ini telah menulis fasal mengenai gelaran raja-raja dan pegawai istana, fasal pegangan (pentadbiran wilayah dan hamba) raja-raja, fasal menobatkan raja, fasal berbuat (melantik) Manteri dan Hulubalang, fasal mengarak Wazir-wazir, fasal kerja membuat istana dan masjid, fasal pesembahan segala Manteri, fasal hamba, fasal pelantikan Duta, fasal adat kematian Diraja, fasal bersukaan (perkahwinan) dan fasal adat berasek (tarian asek). Seterusnya Khatif Haji Abdul Latif menambah kandungan kitab ini dengan memasukkan fasal-fasal mengenai adat dagang (berniaga), adat cukai, adat champor raja-raja (buah tangan berupa makanan) dan fasal gelar raja-raja.¹⁴

SRB yang ditulis oleh Datu Iman Ya'akub dan Khatif Haji Abd. Latif itu telah menjadi asas kepada penulisan *SRB* seterusnya yang telah melahirkan berbagai versi *SRB* yang mempunyai beberapa tambahan dan perubahan daripada teks asalnya. Ini berkemungkinan penulis-penulis *SRB* terkemudian memperolehi cerita-cerita baru yang berlainan dengan apa yang dinyatakan dalam teks asal itu. Umpamanya *SRB* versi Pehin

¹³ Ibid., hlm. 39.

¹⁴ Ibid., hlm. 13-50.

Orang Kaya Digadong Imam Aminuddin yang ditulis pada tahun 1841 dan disalin semula oleh Haji Abdul Ghaffar bin Abdul Mumin pada tahun 1936 mempunyai beberapa perbezaan daripada teks asal walaupun ianya bersumberkan daripada *SRB* Datu Imam Yaakub dan Khatif Haji Abdul Latif. Dalam *SRB* tersebut dinyatakan bahawa Pehin Orang Kaya Digadong menjunjong (meminta) kepada Sultan Omar Ali Saifuddin untuk menyalin *SRB* salinan Khatif Haji Abdul Latif pada 5 November 1841.

Ini bererti bahawa Pehin Orang Kaya Digadong berhasrat untuk melakukan perubahan ke atas teks asal *SRB* salinan Khatif Haji Abdul Latif itu apabila beliau memasukkan cerita-cerita baru dalam penulisannya sehingga wujudnya perbezaan dengan teks asal *SRB* itu. Di antaranya ialah mengenai Sultan Ahmad, Sultan Brunei ke-2 yang dikatakan Ong Sum Ping. Seterusnya *SRB* salinan dan tambahan Pehin Orang Kaya Digadong ini telah disalin oleh Haji Abdul Ghaffar bin Abdul Mumin pada 10 November 1936 di Sandakan. Peranan Haji Abdul Ghaffar dalam penyalinan *SRB* tersebut adalah untuk merekodkan pengalaman beliau mengenai perihal adat istiadat perpuspaan Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sultan Brunei ke-26 (memerintah tahun 1906-1924). Oleh itu penulisan Haji Abdul Ghaffar ini bolehlah dianggap sebagai sumber kontemporari mengenai Brunei pada zaman Sultan Muhammad Jamalul Alam:

“Sebermula aku tulis didalam silsilah ini jadi peringatan aku sendiri dari hal ‘adat masa Sultan Muhammad Jamalul Alam pada waktu berpuspa, pada haribulan Sha’ban tahun 1336, bersamaan pada tahun 1919.”¹⁵

¹⁵ Ibid., hlm. 78.

Haji Abdul Ghaffar juga telah mencatatkan tahun 1476 sebagai bermulanya Sultan Muhammad (Sultan Brunei pertama) memerintah Brunei.¹⁶ Ini menunjukkan bahawa beliau telah menggunakan sumber-sumber Inggeris dalam penyalinan dan penulisan *SRB* tersebut.¹⁷

Sebenarnya selain daripada *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong terdapat sebuah lagi *SRB* yang ditulis pada zaman Sultan Omar Ali Saifuddin itu. Namun *SRB* ini tidak menyatakan nama penulis dan sumbernya. Teks asal *SRB* ini belum ditemui dan apa yang dikemukakan di sini ialah terjemahan dalam bahasa Inggeris yang telah diterbitkan oleh Hugh Low dalam *JSBRAS* tahun 1888 Vol. 5 dalam tajuk “*Selesilah (Book of the Descent) of the Rajas of Brunei*”. Hugh Low dalam nota kakinya menyatakan bahawa beliau mendapatkan *SRB* ini daripada Pengiran Kesuma yang juga memberi maklumat-maklumat tambahan tentang kandungan *SRB* itu kepadanya. Dalam kajian ini penulis namakan *SRB* ini sebagai *SRB* versi terbitan Hugh Low. Penulis *SRB* ini tidak menyatakan sama ada ianya menyalin daripada *SRB* tulisan Datu Imam Ya’akub dan Khatif Haji Abdul Latif tetapi kandungan *SRB* ini tidak jauh berbeza dengan *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong khususnya dalam soal mengenai Sultan Ahmad yang dikatakan sebagai Ong Sum Ping.¹⁸

Selain daripada itu terdapat juga *SRB* yang tidak menyatakan nama Datu Iman Ya’akub dan Khatif Haji Abd. Latif sebagai sumber asal penulisan mereka. *SRB* tersebut ialah *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin yang ditulis pada tahun 1938 dan *SRB* versi Pengiran Johor bin Pengiran Israel yang ditulis pada zaman pemerintahan Sultan Hashim akhir abad ke-19. Dalam *SRB* Pengiran Sabtu Kamaluddin menyatakan

¹⁶ Ibid., hlm. 70.

¹⁷ Dalam teks asal *SRB* ini menyatakan “inilah Salsilah Raja-Raja Kerajaan Negeri Brunei Darussalam”, simpanan Pusat Sejarah Brunei. Namun dalam kajian ini penulis menggunakan *SRB* yang telah dikaji oleh Amin Sweeney. Lihat, P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunei”, hlm. 51-82.

¹⁸ Hugh Low, “Selesilah (Book of the Descent) of the Rajas of Brunei”, hlm. 1-35.

bahawa *SRB* tersebut ditulis atas kehendak Pengiran Muda Tengah ibni Almarhum Seri Paduka Bawah Duli Yang Dipertuan Maulana Al-Sultan Muhammad Jamalul Alam.¹⁹ Oleh itu berdasarkan kepada kehendak Pengiran Muda Tengah itu terhasilnya *SRB* ini yang ditulis berdasarkan kepada cerita orang tua-tua dan juga dokumen rasmi seperti mana yang dinyatakan oleh penulis *SRB* sendiri:

“Maka tiadalah disebutkan panjang ceritanya sekadar diambil sedikit-sedikit riwayatnya yang mana diketahui dan didengar dari segala orang tua-tua dan di mana-mana yang terbaca dalam surat-surat peringatan.”²⁰

Ini menunjukkan bahawa penulis *SRB* juga menggunakan dokumen-dokumen rasmi seperti surat-surat perjanjian dan sumber bertulis yang lain untuk melengkapkan penulisannya. Ini terbukti dengan wujudnya tarikh-tarikh dalam *SRB* berkenaan seperti tarikh pajakan wilayah-wilayah Brunei di Sarawak kepada James Brooke pada 1 Jamadil Akhir Fisanah 1249 (1846) dan pajakan wilayah-wilayah Brunei di Sabah kepada Baron de Over Beck pada 29 Disember 1877. Sementara *SRB* yang ditulis oleh Pengiran Johor bin Pengiran Israel tidak menyatakan sumber penulisannya sama ada penulisnya menyalin daripada *SRB* Datu Imam Ya’akub dan Khatif Haji Abdul Latif walaupun dalam mukadimah *SRB* tersebut memuatkan kisah Sultan Muhammad Ali dan Sultan Kamaluddin:

“Inilah salasilah segala raja-raja adapun Sultan Muhammad Ali Ibn Seri Sultan Hasan ... inilah berperang dengan marhum di pulau dan tempat istananya dalam Kota Batu negeri Berunai dan nama anak beginda itu Seri Paduka Sultan Kamaluddin disebutkan orang marhum di Luba.”²¹

¹⁹ Dalam teks asal *SRB* ini bertajuk *Alamat Zaman Ketakhtaan Di Negeri Brunei* dan dalam mukadimahnya dinyatakan, “bahawa inilah dikutip daripada salsilah dengan peringatan bagi segala raja-raja khalifah dan sultan yang mempunyai takhta kerajaan di dalam negeri Brunei Darussalam...” Dalam kajian ini penulis menggunakan teks terjemahan ke dalam tulisan rumi yang dibuat oleh Pusat Sejarah Brunei, hlm. 1. (Belum diterbitkan).

²⁰ Ibid., hlm. 127.

²¹ *SRB* ini belum diterbitkan dan diterjemahkan ke dalam tulisan rumi. Dalam kajian ini penulis menggunakan teks salinan simpanan Pusat Sejarah Brunei dan bagi tujuan rujukan penulis menamakannya sebagai *Salasilah Segala Raja-Raja*.

Penulis *SRB* ini tidak menyatakan tarikh beliau menulis seperti mana *SRB* yang lain, tetapi dipercayai ianya ditulis pada akhir abad ke-19 kerana cerita dalam *SRB* ini berakhir sehingga Sultan Hashim Sultan Brunei yang ke-25 (1885-1906). Di akhir *SRB* ini diceritakan tentang usaha Sarawak memujuk Sultan Hashim untuk menjual daerah Limbang kepada Sarawak. Oleh itu *SRB* ini sudah tentunya ditulis sebelum tahun 1890 kerana daerah tersebut sudah berjaya dirampas oleh Sarawak pada tahun itu. Berdasarkan kepada keterangan dalam *SRB* ini yang menyebut, “dan tersebut ... raja pancir daripada Sultan Syarif Ali ... itulah yang dikhabarkan marhum tua”²² menunjukkan bahawa penulis *SRB* ini bersumberkan kepada cerita turun-temurun yang diwarisi dari Sultan Abdul Jalilul Akhbar, Sultan Brunei yang ke-10 (1598-1659) yang terkenal dengan panggilan Marhum Tua. Apa yang menarik mengenai *SRB* ini ialah penulisnya menggunakan Sultan Syarif Ali sebagai titik tolak keturunan Sultan-sultan Brunei dan bukannya Sultan Muhamad Shah, Sultan Brunei yang pertama. Namun penulisan *SRB* ini mengandungi beberapa perbezaan besar dari segi fakta dengan *SRB* yang lain yang mungkin disebabkan oleh kesilapan penulisan atau disebabkan oleh penulisannya hanyalah bergantung kepada sumber lisan tanpa merujuk kepada *SRB* yang sebelumnya. Di antaranya ialah mengenai Sultan Ahamad yang ditulis sebagai anak Sultan Muhammad (Sultan Brunei yang pertama) dan Sultan Muhammad Ali disebut Aji (haji) Sultan Muhammad Ali, baginda juga dikatakan berperang dengan Marhum di Pulau Chermin (Sultan Abdul Hakkul Mubin).²³

Selain daripada itu *SRB* juga menjadi rujukan kepada penulisan *Salasilah Raja-Raja Sambas* (*SRS*) yang ditulis oleh Sultan Muhammad Shafiyuddin pada tahun 1903. Salasilah tersebut telah menyalin kandungan *SRB* Datu Imam Ya’akub dan Khatif Haji Abdul Latif untuk menyusun susur galur keturunan Sultan-sultan Sambas yang berasal

²² Ibid.

²³ Ibid.

dari Sultan Tengah ibni Sultan Abdul Jalilul Akbar. Walaupun *SRS* ini menyatakan nama Datu Imam Ya'akub sebagai sumber awal penulisannya tetapi kandungan *SRS* ini lebih menyerupai *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong khususnya mengenai Sultan Ahmad yang dikatakan sebagai Ong Sum Ping, sementara ayahanda Sultan Tengah dikatakan Sultan Abdul Jalilul Akbar (bukannya Sultan Muhammad Hasan seperti mana dalam *SRB*).²⁴

Berdasarkan kepada kandungan *SRB* yang terdiri daripada berbagai versi itu jelas menunjukkan bahawa penulis-penulis *SRB* telah melakukan penyalinan ke atas *SRB* yang sedia ada di samping menambah kandungannya berdasarkan cerita-cerita baru yang diperolehi daripada tradisi lisan. Semua tambahan dan perbezaan dalam setiap versi *SRB* itu adalah disebabkan oleh latar belakang sumbernya yang diperolehi pada zaman penulisannya. Walaupun sebahagian penulis *SRB* itu menyalin daripada teks asal *SRB* Datu Imam Imam Ya'akub dan Khatif Haji Abdul Latif tetapi mereka juga menokok tambah dengan cerita-cerita baru berdasarkan kepada sumber lisan yang baru. Ini dengan sendirinya mewujudkan pertentangan di antara versi-versi *SRB* tersebut.

Dalam kajian ini penulis membahagikan *SRB* itu kepada dua versi utama iaitu yang berdasarkan kepada perbezaan asas yang terdapat dalam setiap versi *SRB* tersebut mengenai Sultan Brunei kedua yang bergelar Sultan Ahmad. Versi pertama ialah yang menyebut bahawa Sultan Ahmad adalah Pateh Berbai iaitu saudara Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar) dan versi kedua yang menyebut Sultan Ahmad ialah Ong Sum Ping iaitu menantu Sultan Muhammad Shah. Walaupun teks asal *SRB* yang ditulis oleh Datu Imam Ya'akub dan Khatif Haji Abd. Latif mengatakan bahawa Sultan Ahmad itu adalah saudara Sultan Muhammad Shah tetapi penyalin-penyalin *SRB*

²⁴ Pabali H. Musa, *Sejarah Kesultanan Sambas Kalimantan Barat: Kajian Naskah Asal Raja-Raja dan Salsilah Raja Sambas*, Pontianak: Stain Pontianak Press, 2003, hlm. 71-76.

terkemudian telah mengubah kenyataan tersebut dengan memasukkan nama Ong Sum Ping sebagai Sultan Ahmad.

Dalam *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong Imam Aminuddin, *SRB* terbitan Hugh Low, *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin dan *SRS* versi Sultan Muhammad Shafiyuddin menyebut bahawa Ong Sum Ping telah diangkat menjadi pengganti ayahanda mertuanya Sultan Muhammad Shah menjadi Sultan Brunei ke-2 dengan gelaran Sultan Ahmad. Satu-satunya *SRB* yang masih mengekalkan apa yang dinyatakan dalam *SRB* Datu Imam Ya'akub dan Khatif Haji Abdul Latif itu ialah *SRB* versi Pengiran Johor. Adalah tidak jelas mengapa penulis *SRB* terkemudian menamakan Ong Sum Ping sebagai Sultan Ahmad sedangkan sebahagian besar daripada penulis tersebut menyalin daripada *SRB* Datu Imam Yaa'kub dan Khatif Haji Abdul Latif. Adakah penulisan *SRB* yang terkemudian itu bertujuan untuk membetulkan keterangan yang terdapat dalam *SRB* asal itu. *SRB* terkemudian bukan sahaja menamakan Ong Sum Ping sebagai Sultan Ahmad tetapi juga memasukkan cerita sejarah awal kedatangan Ong Sum Ping ke Borneo dan Brunei.²⁵

Satu ciri penting tentang *SRB* ialah ianya ditulis di atas titah Sultan. Oleh itu *SRB* adalah milik Istana di mana tidak sesiapa pun dibenarkan menulis atau menyalin *SRB* itu tanpa kebenaran Sultan. Namun begitu disebabkan *SRB* ini ditulis sebahagian besarnya bersumbernya tradisi lisan secara tidak langsung telah mengundang kepada banyak pertentangan cerita antara versi-versi *SRB* tersebut. Di antara cerita-cerita yang bertentangan dalam *SRB* tersebut ialah mengenai dengan Ong Sum Ping yang disebut sebagai Sultan Brunei kedua dalam *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong dan *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin.

²⁵ Ini dapat dilihat dalam semua *SRB* versi terkemudian sedangkan *SRB* asal yang ditulis dan disalin oleh Datu Imam Yaakub dan Haji Abdul Latif tidak menceritakan kisah Ong Sum Ping. Lihat, P.L.A. Sweneey (ed.), "Silsilah Raja-Raja Berunai", hlm. 11.

Ong Sum Ping

Sejarah Ong Sum Ping ke Brunei telah diceritakan dengan begitu panjang oleh *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong dan *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin. Kedatangan Ong Sum Ping ke Brunei dikaitkan dengan legenda Gunung Kinabalu yang terletak di utara Borneo. Ong Sum Ping ialah seorang Menteri Maharaja China Dinasti Ming yang diutus khas untuk mengambil sebuah kemala naga di atas bukit China Balu (Gunung Kinabalu) bersama dengan seorang Menteri China bernama Ong Bong Kong. Bagi mendapatkan kemala tersebut Ong Sum Ping telah mencipta sebuah peti kaca bagi menyimpan sebatang lilin besar yang menyerupai kemala. Peti kaca tersebut dibawa oleh Ong Sum Ping ke puncak gunung menggunakan sebuah kikek (layang-layang) dan menuarkannya dengan kemala.²⁶

Apabila naga tersebut menyedari kehilangan kemalanya ia telah mengejar wangkang (kapal) mereka yang melarikan kemala tersebut. Ong Sum Ping sekali lagi menggunakan kepintarannya dengan membakar beberapa biji besi seakan peluru dan dimasukkannya ke dalam mulut naga itu sehingga mati. Setelah berjaya mendapatkan kemala tersebut timbul pula perselisihan faham antara Ong Sum Ping dan Ong Bong Kong yang masing-masing ingin mendapatkan kemala tersebut. Ong Bong Kong telah mengancam Ong Sum Ping untuk merosakkan kapal mereka jika dia tidak menyerahkan kemala itu kepadanya. Akhirnya Ong Sum Ping menyerahkan kemala itu untuk dibawa oleh Ong Bong Kong ke Negeri China dan dia sendiri membawa diri ke Brunei. Di Brunei Ong Sum Ping telah berkahwin dengan puteri Sultan Muhammad Shah dan mendapat seorang anak perempuan. Tidak lama selepas itu dia telah diangkat menjadi

²⁶ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 52.

Sultan Brunei menggantikan Sultan Muhammad Shah dengan menggunakan gelaran Sultan Ahmad.²⁷

Dalam *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin terdapat beberapa tambahan dan perbezaan penceritaan mengenai Ong Sum Ping khususnya sewaktu mengambil kemala di Gunung Kinabalu. Di antaranya disebut bahawa Ong Sum Ping dan Ong Kang telah menyediakan beberapa banyak lembu dan kerbau untuk dijadikan makanan naga di kaki Gunung Kinabalu tetapi usaha mereka gagal mendapatkan kemala itu. Akhirnya Ong Sum Ping mencipta sebuah tanglung untuk ditukar dengan kemala itu dengan cara menerbangkan menggunakan dadaran. Tetapi tanglung tersebut tidak dihantar oleh Ong Sum Ping tetapi oleh seorang rakyat Cina biasa. Dalam *SRB* ini juga disebut bahawa apabila Ong Sum Ping membatalkan niatnya untuk kembali ke China setelah merajuk dengan temannya Ong Kang dia tidak merancang untuk ke Brunei tetapi kembali ke Gunung Kinabalu bersama pengikutnya. Namun dalam perjalanan ke Gunung Kinabalu dia telah tersesat ke Brunei apabila menyangka Gunung Mulu yang terletak di hulu Sungai Brunei itu sebagai Gunung Kinabalu. Akhirnya dia terus menetap di Brunei sehingga berkahwin dengan puteri Sultan Muhammad Shah dan seterusnya diangkat menjadi Sultan Brunei kedua dengan gelaran Sultan Ahmad.²⁸

Kisah Ong Sum Ping ini juga dimuatkan dalam *SRS* dengan mengubah nama Ong Sum Ping kepada Awang Santing dan meninggalkan kisah-kisah menggunakan layang-layang untuk mendapatkan kemala di Gunong Kina Balu dan kisah Ong Sum Ping dikejar oleh naga apabila ketahuinya kemalanya telah diganti dengan peti kaca. Pengurangan cerita dan perubahan nama Ong Sum Ping dalam *SRS* ini mungkin disebabkan oleh penulisnya tidak merasakan begitu penting untuk meriwayatkan dengan

²⁷ Ibid. hlm. 52-54.

²⁸ *Alamat Zaman Ketakhtaan Di Negeri Brunei*, hlm. 7-12.

panjang lebar kisah tersebut.²⁹ Apa yang jelas ialah kemunculan kisah Ong Sum Ping dalam *SRB* adalah disebabkan oleh kedudukannya sebagai Sultan Brunei ke-2.

Oleh sebab itulah nama Ong Sum Ping tidak pernah disebut dalam *SRB* versi Datu Imam Ya'akub dan Khatif Haji Abdul Latif dan *SRB* versi Pengiran Johor kerana Sultan Brunei ke-2 dalam *SRB* tersebut bukannya Ong Sum Ping tetapi Pateh Berbai, saudara Sultan Muhammad Shah. Cerita mengenai Ong Sum Ping terdapat juga dalam *Syair Awang Semaun (SAS)* yang disebut sebagai Wang Sunting. Dalam *SAS* Wang Sunting juga berkahwin dengan puteri Sultan Muhammad Shah tetapi tidak diangkat menjadi Sultan Brunei dan hanya diberi gelaran Pengiran Maharaja Lela.³⁰

Kerajaan Johor

Dalam kebanyakan *SRB* nama Sultan Johor telah dikaitkan dengan pengislaman Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah) dan saudaranya Patih Berbai. Walaupun *SRB* versi Datu Imam Ya'akub dan Khatif Haji Abdul Latif tidak menyatakan tentang pengislaman Awang Alak Betatar oleh Sultan Johor, tetapi penulis *SRB* yang terkemudian seperti *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong, *SRB* versi terbitan Hugh Low dan *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaludin mengatakan bahawa Sultan Johor telah memanggil Awang Alak Betatar dan saudaranya itu ke Johor untuk diislamkan dan seterusnya dikahwinkan dengan puteri Johor.³¹ Peranan kerajaan Johor dalam sejarah awal Kesultanan Brunei dilihat begitu penting sekali kerana dalam *SRB* dinyatakan

²⁹ Pabali H. Musa, *Sejarah Kesultanan Sambas Kalimantan Barat: Kajian Naskhah Asal Raja-raja dan Salsilah Raja Sambas*, hlm. 72-73.

³⁰ Sejauh ini terdapat tiga versi *Syair Awang Semaun* yang masih belum diterbitkan iaitu pertama versi koleksi Muzium Brunei yang terdiri daripada dua naskhah yang mempunyai empat jilid, kedua Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei yang terdiri enam naskhah yang berlainan dan mengandungi sebanyak sembilan jilid, dan ketiga ialah koleksi Pusat Sejarah Brunei yang merupakan satu naskhah yang tidak lengkap. Ketiga-tiga versi *SAS* ini banyak mempunyai persamaan, tetapi tidak dapat dipastikan usia setiap versi itu kerana ianya tidak menyebut nama pengarang dan tarikh ianya ditulis seperti mana *SRB*. Dalam kajian ini penulis menggunakan *Syair Awang Semaun*, koleksi Pusat Sejarah Brunei yang belum diterbitkan.

³¹ P.L.A. Sweeney (ed.), "Silsilah Raja-Raja Berunai", hlm. 52, Hugh Low, "Selesilah (Book of the Descent) of the Rajas of Brunei", hlm. 2, *Alamat Zaman Ketakhtaan Di Negeri Brunei*, hlm. 6-7.

tentang warisan ‘tahta singgahsana mahkota kerajaan’ Brunei adalah mengambil pusaka ‘nobat negara genta alamat’ dari Negeri Johor dan Minangkabau.

Sudah tentu Kerajaan Johor yang dimaksudkan oleh *SRB* itu adalah kerajaan yang berdiri pada abad ke-14 kerana berdasarkan sumber China *Ming Shih* mengatakan bahawa Awang Alak Betatar (Mahamosa) sudah memeluk agama Islam pada tahun 1371.³² Adalah tidak jelas bagaimana penulis *SRB* itu mendapatkan cerita tentang pengislaman Raja Brunei itu oleh Sultan Johor kerana dalam teks asal *SRB* versi Datu Imam Ya’akub dan Khatif Haji Abdul Latif tidak menyebut perkara tersebut, melainkan hanya disebut tentang warisan daripada Kerajaan Johor dan Minangkabau dalam penubuhan Kerajaan Brunei.³³

Dalam *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong juga menyatakan bahawa nama Sultan Johor adalah Sultan Bahteri³⁴ sementara dalam *SRB* versi terbitan Hugh Low menyebut Sultan Bahkei.³⁵ Kemungkinan nama Sultan Bahteri dan Bahkei itu bermaksud Batara iaitu gelaran raja-raja Hindu yang digunakan oleh Kerajaan Majapahit, Jawa. Dalam *SAS* gelaran Raja Batara telah digunakan untuk Raja-raja Brunei dan Johor yang dikatakan mempunyai hubungan kekeluargaan. Dalam *SAS* mengatakan bahawa Raja Johor itu adalah Raja Suran yang berkerajaan di Johor.³⁶ Mungkin juga penulis *SRB* ini terpengaruh dengan *SAS* yang banyak menyatakan tentang hubungan Brunei dengan kerajaan Johor.

³² C. C. Brown, “An Early Account of Brunei by Sung Lien”, *Brunei Museum Journal (BMJ)*, Vol. 2, No. 4, 1972, hlm. 219.

³³ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 11.

³⁴ Ibid., hlm. 52.

³⁵ Hugh Low, “Selesilah (Book of the Descent) of the Rajas of Brunei”, hlm. 2.

³⁶ *Syair Awang Semaun*.

Adalah tidak mustahil SAS telah dijadikan rujukan penulis-penulis *SRB* terkemudian memandangkan syair ini ditulis lebih awal dari *SRB* yang ditulis pada abad ke-19 dan 20. Sementara dalam *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin menyebut bahawa Kerajaan Johor itu adalah Ratu Malaka.³⁷ Disebabkan *SRB* ini ditulis pada tahun 1938 sudah tentu penulisnya membuat kajiannya berdasarkan kepada rujukan-rujukan yang sudah ada pada masa itu. Berbeza dengan *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong dan *SRB* versi terbitan Hugh Low yang ditulis pada tahun 1841 dimana penggunaan rujukan bertulis begitu terhad membuatkan mereka menyalin dan menulis berdasarkan pengetahuan yang ada pada masa itu khususnya tradisi lisan dan SAS.

Selain daripada itu Sultan Johor juga dikatakan menganugerahkan lima buah negeri di pantai barat laut Borneo kepada Sultan Muhammad Shah sebagai tanda pengiktirafan ke atas kerajaan yang baru ditubuhkannya. Dalam *SRB* terdapat perbezaan nama-nama dan jumlah negeri yang diberikan itu, seperti *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong menyatakan negeri-negeri tersebut ialah Kalaka, Saribas, Samarahan, Sarawak dan Mukah,³⁸ sementara *SRB* versi terbitan Hugh Low ialah Kalaka, Saribas, Sadong, Samarahan dan Sarawak,³⁹ iaitu perbezaan di antara Negeri Mukah dengan Negeri Sadong. Jumlah negeri ini telah ditambah dalam *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin kepada tujuh buah negeri iaitu Kalaka, Saribas, Rajang, Sadong, Sabangan, Samarahan dan Sarawak.⁴⁰ Berdasarkan kepada keterangan ini menggambarkan bahawa pengaruh Empayar Johor pada abad ke-14 meliputi negeri-negeri di pantai barat laut Borneo, iaitu suatu kawasan yang sememangnya didiami oleh orang Melayu yang

³⁷ *Alamat Zaman Ketakhtaan Di Negeri Brunei*, hlm. 3.

³⁸ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 52.

³⁹ Hugh Low, “Selesilah (Book of the Descent) of the Rajas of Brunei”, hlm. 2.

⁴⁰ *Alamat Zaman Ketakhtaan Di Negeri Brunei*, hlm. 4.

berasal dari Sumatra dan Johor. Pengaruh Kerajaan Johor ke atas negeri-negeri di pantai barat laut Borneo itu terdapat dalam laporan Belanda pada abad ke-17.⁴¹

Sultan Berkat

Sultan Sharif Ali atau lebih dikenali sebagai Sultan Berkat adalah Sultan Brunei ke-3 yang juga menjadi menantu Sultan Ahmad. Penulis-penulis *SRB* tidak mempunyai pengetahuan atau cerita yang banyak tentang Sharif Ali dimana baginda hanya disebut berasal dari Negeri Taif ‘iaitu panchir silsilah daripada Amirul Mu’minin Hassan, chuchu Rassullah s.a.w.’ Selain daripada itu Sultan Berkat juga disebut sebagai pendiri masjid dan Kota Batu di Brunei,⁴² kecuali *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin yang menyatakan bahawa Syarif Ali hanya mendirikan masjid sementara Kota Batu dibina oleh Ong Sum Ping (Sultan Ahmad).⁴³ Dalam *SRB* versi Pengiran Johor menampakkan kekeliruan tentang keturunan Syarif Ali apabila disebut sebagai panchir daripada Saidana Husin dan Hasan.⁴⁴

Namun *SRS* versi Sultan Muhammad Shafiyuddin (Sambas) telah memberikan keterangan yang lebih lengkap mengenai jurai keturunan baginda iaitu Sharif Ali bin Hasan bin Abi Unmi ibni Barakat.⁴⁵ Adalah tidak pasti bagaimana penulis *SRS* ini mendapatkan maklumat tersebut sedangkan penulisnya menggunakan *SRB* versi Datu Imam Ya’akub dan Khatif Haji Abdul Latif sebagai sumber rujukan. Memandangkan *SRS* ini ditulis pada tahun 1903, kemungkinan penulisnya melakukan kajian tentang

⁴¹ Dalam laporan Bloemaert mengatakan bahawa pada tahun 1609 Negeri-negeri Kelaka, Saribas dan Melanau telah keluar dari penguasaan Brunei dan meletakkan negeri mereka di bawah perlindungan Johor, ini menunjukkan kewujudan pengaruh Johor ke atas negeri-negeri di barat laut Borneo itu. Lihat Donald F. Lach and Edwin J. Van Kley, *Asia in the Making of Europe*, Vol. III, Chicago: University of Chicago Press, 1981, hlm. 1388-1389.

⁴² P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 11.

⁴³ *Alamat Zaman Ketakhtaan Di Negeri Brunei*, hlm. 12-13.

⁴⁴ *Salasilah Segala Raja-Raja*, (belum diterbitkan), simpanan Pusat Sejarah Brunei.

⁴⁵ Pabali H. Musa, *Sejarah Kesultanan Sambas Kalimantan Barat, Kajian Naskah Asal Raja-Raja dan Salsilah Raja Sambas*, hlm. 73.

keturunan Sultan Barkat ini sebelum menyalin *SRB* versi Datu Imam Ya'akub dan Khatif Haji Abdul Latif itu.

Sultan Bolkiah

Sultan Bolkiah, Sultan Brunei ke-5 disebut dalam semua *SRB* sebagai seorang Sultan yang gagah sehingga berjaya menakluki Negeri Sulu dan Luzon. *SRB* versi Datu Imam Ya'akub dan Khatif Haji Abdul Latif menyebut Sultan Bolkiah mengalahkan negeri Sulu dan Seludong, nama rajanya Datu Gamban.⁴⁶ Sementara *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong menyebut Sultan Bolkiah berperang dengan bangsa Suluk dan mengalahkan Negeri Suluk dan Negeri Seluang, nama rajanya Datu Kemin. Sultan Bolkiah juga digelar sebagai 'Nahoda Ragam' dan beristerikan Puteri Lela Manjani.⁴⁷

Kisah Sultan Bolkiah juga diceritakan dengan panjang lebar dalam *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin. Baginda dikatakan membawa segantang lada hitam ketika dalam pelayaran mengelilingi Pulau Borneo dan menanam sebiji lada itu di setiap pulau yang dijumpainya sehingga lada tersebut habis. Selain daripada itu Sultan Bolkiah juga dikatakan mengambil isterinya Puteri Lela Menchanai ketika terapung dalam buih di rumpun kampai di kuala Negeri Makasar. Sultan Bolkiah juga beristerikan seorang anak orang besar-besar Cina di Kinabatangan.⁴⁸ Kisah Sultan Bolkiah mengahwini puteri Sulu terdapat dalam tradisi lisan orang Sulu yang menamakan puteri tersebut sebagai Pengiran Lanai iaitu puteri raja di Maimpong, Sulu.⁴⁹

⁴⁶ P.L.A. Sweeney (ed.), "Silsilah Raja-Raja Berunai", hlm. 12.

⁴⁷ Ibid., hlm. 54.

⁴⁸ *Alamat Zaman Ketakhtaan Di Negeri Brunei*, hlm. 14-15.

⁴⁹ Haji Abd. Karim Haji Abd. Rahma, "Penyelidikan Kesultanan di Selatan Filipina", *Aktif*, Bil. 6, Nov. 1997, Pusat Sejarah Brunei, hlm. 2.

Sementara dalam tradisi lisan yang ditemui di Kebupaten Berau, Kalimantan Timur terdapat sebuah kisah tentang seorang bangsawan Brunei bernama Langkuda Tarawih berkahwin dengan seorang puteri raja Kerajaan Berau bernama Puteri Kenik Berau Senifah yang dijumpainya hanyut di lautan.⁵⁰ Walaupun nama Sultan Bolkiah tidak disebut dalam cerita tersebut tetapi jalan ceritanya sama dengan kisah Sultan Bolkiah mendapatkan Puteri Lela Menchanai yang terapung di lautan. Kisah Sultan Bolkiah juga ditemui dalam kalangan masyarakat Brunei di Daerah Kudat Sabah yang mengisahkan tentang seorang Raja Brunei bergelar Nakhoda Ragam mengahwini Puteri Milau yang ditemuinya di perairan Utara Borneo (di perairan daerah Kudat, Sabah) sewaktu baginda dalam pelayaran mengelilingi Pulau Borneo.⁵¹

Sementara dalam tradisi lisan kaum Iban di Kampong Tembawang Sauh, Sarawak pula mengisahkan tentang seorang anak daripada keluarga miskin bernama Ismail diberi gelaran oleh Raja Sambas menjadi Nakhoda Ragam apabila dia berjaya membayar hutangnya kepada anak Raja Sambas menggunakan pasir emas yang didapatinya di kuala Sambas.⁵² Walaupun kisah tersebut berbeza dengan apa yang terdapat dalam *SRB* dan tradisi lisan yang lain tetapi kewujudan nama Nakhoda Ragam dalam tradisi kaum Iban di Sarawak itu menunjukkan kekuatan pengaruh cerita tersebut ke atas penduduk-penduduk peribumi Borneo yang pernah menjadi negeri jajahan Brunei.

⁵⁰ Haji Abd. Karim Haji Abd. Rahman, “Sejarah Brunei Dari Perspektif Borneo: Penyelidikan Dalam Jejak Kesultanan di Borneo”, *Pemuliharaan Sejarah dan Tamadun Borneo Ke Arah Pengukuhan Negara Bangsa*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2007, hlm. 592.

⁵¹ Kisah ini diceritakan oleh Haji Abd. Majid bin Mohammad Noor, tinggal di Daerah Kudat Sabah, yang mendengar dari ibunya bernama Siti Hajar yang mendapatkan cerita tersebut dari suaminya bernama Tamin.

⁵² Alexander Bolang and Tom Harrisson, “Nakoda Ragam: from Sambas to Brunei”, *Sarawak Museum Journal (SMJ)*, Vol. VI, No. 4, December 1954, hlm. 57-60.

Perang Kastila

Kisah Perang Kastila iaitu peperangan antara Brunei dan Sepanyol di Manila pada tahun 1578 telah menjadi bab penting dalam *SRB*. Semua *SRB* menceritakan tentang pembelotan dua orang Wazir Sultan yang bernama Pengiran Seri Lela dan Pengiran Seri Ratna kepada Sepanyol di Manila sehingga memudahkan Sepanyol menakluki Brunei. Pada waktu inilah munculnya watak Pengiran Bendahara Sakam yang berjaya menghalau Sepanyol dari Brunei dan membunuh dua orang wazir tersebut di Daerah Belait.⁵³ Namun terdapat juga perbezaan tentang nama tempat Sultan Brunei berlindung daripada buruan pihak Sepanyol ketika mereka berjaya menduduki Bandar Brunei di Kota Batu. Dalam *SRB* versi Datu Imam Ya'akub dan Khatif Haji Abdul Latif menyebut bahawa dalam peperangan tersebut Sultan Abdul Kahar telah mangkat di Sungai Budu dan Sultan Saiful Rizal dibawa lari ke suatu empat yang tidak dinyatakan namanya.

Diceritakan juga mengenai Pengiran Bendahara Sakam yang tinggal di Brunei bagi menghadapi Sepanyol telah berbuat kota di Pulau Ambok bersama dengan orang Kadayan dan Bisaya.⁵⁴ Dalam *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong menyatakan bahawa Sultan Saiful Rizal dibawa lari ke dalam hutan dan sementara Pengiran Bendahara Sakam bersama rakyatnya mempertahankan Brunei dengan berbuat kota di Pulau Ambok.⁵⁵ *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin menyebut bahawa Sultan Saiful Rizal membawa ayahandanya Sultan Abdul Kahar melarikan diri ke Meragang. *SRB* ini tidak menyatakan tentang penglibatan orang Kedayan atau Bisaya dalam peperangan dengan Sepanyol, cuma dikatakan Pengiran Bendahara Sakam dibantu oleh seribu orang

⁵³ Hugh Low, “Selesilah (Book of the Descent) of the Rajas of Brunei”, hlm. 10.

⁵⁴ P.L.A. Sweneey (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 49-50.

⁵⁵ Ibid., hlm. 55.

lelaki yang gagah berani.⁵⁶ *SRB* versi Pengiran Johor menceritakan dengan lebih panjang peranan kaum Kadayan ini yang dikatakan membantu Pengiran Bendahara Sakam membunuh askar-askar Sepanyol, “berperang Kastila dengan orang Kadayan dan banyaklah mati Kastila dibunuh oleh orang Kadayan.”⁵⁷ Peristiwa peperangan antara Brunei dan Sepanyol di Manila itu memang berlaku dalam sejarah Brunei pada tahun 1578. Pihak Sepanyol yang menduduki Bandar Brunei selama tiga bulan telah menceritakan dengan panjang lebar tentang peristiwa tersebut.⁵⁸

Sultan Tengah

Sultan Tengah adalah putera Sultan Muhammad Hasan yang telah dilantik menjadi Sultan Sarawak. Cerita mengenai baginda telah ditulis oleh semua *SRB* dengan mempunyai beberapa perbezaan dan tambahan. Dalam *SRB* versi Datu Imam Ya’akub dan Khatif Haji Abdul Latif, Sultan Tengah adalah putera Sultan Muhammad Hasan dan selain daripada menjadi Sultan Sarawak baginda juga dilantik sebagai raja di Sambas.⁵⁹ Cerita tentang Sultan Tengah diceritakan dengan panjang lebar dalam *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong tetapi baginda disebut sebagai putera Sultan Abdul Jalilul Akhbar ibni Sultan Muhammad Hasan. Baginda telah dilantik menjadi Raja Sarawak oleh saudaranya Sultan Muhyiddin. Baginda membawa bersama seribu orang hamba rakyat ke Sarawak dan membangun istana, setelah itu baginda belayar ke Johor bertemu dengan saudaranya iaitu puteri Sultan Abdul Jalilul Akbar yang bergelar Raja Bendahara (Raja Bonda) yang berkahwin dengan Yang Dipertuan Johor Sultan Abdul Jalil. Semasa berada di Johor, Sultan Tengah telah berselisih faham dengan Maharaja Johor yang berpunca daripada majlis tari menari sehingga Raja Tengah terpaksa bergegas pulang ke Sarawak. Dalam perjalanan pulang baginda telah singgah di Negeri

⁵⁶ Alamat Zaman Ketakhtaan Di Negeri Brunei, hlm. 17-18.

⁵⁷ Salasilah Segala Raja-Raja.

⁵⁸ E.H. Blair & J.A. Robertson (eds.), *The Philippine Islands*, Vol. IV, Manila: Chachos Hermanos Inc., 1973, hlm. 160-172.

⁵⁹ P.L.A. Sweneey (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 13.

Matan dan berkahwin dengan puteri Sultan Matan dan seterusnya mendapat seorang putera yang digelar Pengiran Mangkunegara.

Setelah itu baginda meneruskan perjalanan di Negeri Sambas dan berkahwin dengan puteri Ratu Sambas dan seterusnya mendapat seorang putera yang digelar Radin Bilam. Dalam perjalanan pulang ke Sarawak baginda singgah di sebuah tempat bernama Kebabu dekat Sarawak untuk membuang air besar dan pada ketika itu seorang pengawalnya (sakai) telah menikam baginda dengan tempuling (lembing) tetapi tikaman itu tidak mencederakan baginda. Dalam *SRB* itu kemangkatan Raja Tengah tidak dikaitkan dengan tikaman tersebut kerana selepas peristiwa itu baginda dikatakan masih memerintah Sarawak untuk beberapa lama. Selain daripada itu dua orang putera Raja Tengah di Matan dan di Sambas telah dipanggil oleh Sultan Muhyiddin ke Kalaka dan membawa mereka ke Brunei untuk diberi gelaran dan kuasa memerintah. Pengiran Mangkunegara digelar Sultan Anum dan Radin Bilam diberikan batasan tanah sempadan kuasanya di Sambas.⁶⁰

Dalam *SRB* versi terbitan Hugh Low juga menyebut bahawa Raja Tengah adalah putera Sultan Abdul Jalilul Akbar dan dirajakan di Sarawak oleh saudaranya Sultan Abdul Jalilul Jabar. Di Johor baginda berselisih faham dengan Maharaja Adinda yang membawanya segera pulang ke Sarawak dan sebelum itu baginda singgah dan berkahwin di Matan sehingga mendapat seorang putera bernama Pengiran Mangku Negara dan perkahwinan baginda di Sambas telah mendapat seorang putera bernama Radin Bima. Tempat Raja Tengah terkena lembing di Sarawak ialah di Batu Buaya dan akibat daripada itu baginda mangkat setibanya di istana. *SRB* ini menyebut bahawa putera Raja Tengah di Matan sudah menjadi Penambahan (Sultan) sebelum ke Brunei

⁶⁰ Ibid., hlm. 65-68.

dan Radin Bima digelar Sultan Anum di Brunei oleh Sultan Muhyiddin.⁶¹ Sementara dalam *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin menyatakan bahawa Raja Tengah adalah putera Sultan Muhammad Hasan dan dilantik menjadi Sultan Sarawak oleh saudaranya Sultan Abdul Jalilul Akbar.

Sultan Tengah membawa seramai seribu orang lelaki berbangsa Sakai Laut iaitu Orang Pebalat (orang Brunei yang tinggal di Kampong Saba, Kampong Ayer Brunei). Dalam masjlis tari menari di Johor Sultan Tengah telah memecahkan mata Maharaja Dinda yang memaksanya menari, akhirnya Raja Bonda mengarahkan Sultan Tengah melarikan diri. Dalam pelayaran pulang ke Sarawak kapalnya terdampar di Matan. Di Matan baginda berkahwin dan mendapat seorang putera dan semasa singgah di Sambas baginda sekali lagi berkahwin dan mendapat seorang putera bergelar Radin Bima. Semasa pulang ke Sarawak baginda singgah di Batu Buaya untuk buang air besar di mana seorang sakai menikam baginda dengan tempuling dirusuk dan tidak berapa lama baginda pun mangkat dan dimakamkan di Semantan, Sarawak. Diceritakan juga mengenai dua putera Sultan Tengah di Matan bergelar Pengiran Mangku Negara yang sudah menjadi penambahan di Matan dan seorang puteranya di Sambas bergelar Radin Bima datang ke Brunei mengadap Sultan Abdul Jalilul Akbar. Radin Bima dilantik menjadi Sultan Sambas bergelar Sultan Anum.⁶²

Kisah Sultan Tengah yang terdapat dalam *SRB* itu berbeza antara satu sama lain terutamanya tentang perkara dasar mengenai diri baginda seperti ayahandanya yang dikatakan Sultan Muhammad Hasan dan juga Sultan Abdul Jalilul Akbar dan juga putera-putera baginda di Matan dan Sambas. Cerita tentang Sultan Tengah yang lebih lengkap terdapat dalam *SRS* versi Sultan Muhammad Shafiyuddin. Pada bahagian awal

⁶¹ Hugh Low, “Selesilah (Book of the Descent) of the Rajas of Brunei”, hlm. 18-21.

⁶² *Alamat Zaman Ketakhtaan Di Negeri Brunei*, hlm. 28-34.

mengenai salasilah Sultan Tengah penulis *SRS* telah menyalin daripada *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong termasuklah tentang ayahanda Sultan Tengah yang disebut sebagai Sultan Abdul Jalilul Akbar. Tetapi kisah Sultan Tengah di Matan dan Sambas ditulis berdasarkan sumber tradisi lisan yang terdapat di Sambas. Oleh itu kisah baginda jauh lebih lengkap dan berbeza dengan *SRB* yang bersumberkan kepada tradisi lisan di Brunei.

Dalam *SRS* dinyatakan nama isteri Sultan Tengah bernama Ratu Surya dan anak-anak baginda yang terdiri daripada tiga orang putera dan dua orang puteri, iaitu Raden Sulaiman, Raden Badaruddin, Raden Abdul Wahab, Raden Rasmi Puri dan Raden Rantawati. Berdasarkan kepada jumlah anak Sultan Tengah itu menunjukkan bahawa baginda menetap lama di Matan (juga disebut Sukadana) sekurang-kurangnya 10 tahun. Setelah itu Sultan Tengah berpindah ke Sambas bersama keluarganya dan membuat perkampungan di Kota Bangun. Putera Sultan Tengah bernama Raden Sulaiman akhirnya berkahwin dengan puteri Ratu Sepaduk yang berkerajaan di Kota Lama, Sambas bernama Mas Ayu Bungsu. Dalam perjalanan Sultan Tengah ke Sarawak baginda telah singgah di Batu Buaya untuk membuang air di mana baginda ditikam menggunakan sejenis senjata tempuliang dan setelah sampai di istana baginda pun mangkat.

Dengan kemangkatan itu isteri Sultan Tengah bersama empat orang anaknya pulang ke Sukadana. Raden Badaruddin digelar oleh Sultan Sukadana menjadi Pengiran Mangkunegara dan akhirnya menjadi Penambahan Sukadana. Pada waktu itulah Raden Badaruddin ke Brunei mengadap Sultan Muhyiddin.⁶³ Disebabkan penulis *SRS* ini adalah Sultan Sambas sendiri adalah tidak menghairankan kisah Raden Sulaiman di

⁶³ Pabali H. Musa, *Sejarah Kesultanan Sambas Kalimantan Barat: Kajian Naskah Asal Raja-raja dan Salsilah Raja Sambas*, hlm. 75-103.

Sambas telah diceritakan dengan panjang lebar dan begitu lengkap. Di antaranya ialah kisah Raden Sulaiman dilantik menjadi Wazir kedua di bawah perintah Ratu Anum Kesukma Yudha. Akibat perselisihan yang berlaku antara Raden Sulaiman dan Pengiran Mangkurat iaitu Wazir pertama Sambas, Raden Sulaiman akhirnya berpindah di Kota Bandir dan mendirikan kerajaan Islam di sana dengan menggunakan gelaran Sultan Muhammad Shafiyuddin. *SRS* ini juga menceritakan tentang putera Raden Sulaiman bernama Raden Bima mengadap Sultan Brunei iaitu Sultan Muhyiddin di Gelagak (Kalakah) dan seterusnya dibawa ke Brunei untuk ditabalkan menjadi Sultan Sambas mengantikan ayahandanya dengan gelaran Sultan Anom.⁶⁴

Kandungan *SRS* ini berbeza dengan *SRB* yang ditulis di Brunei kerana penulisan *SRB* itu sendiri adalah bersumberkan tradisi lisan di mana peristiwa itu berlaku. Misalnya kedatangan Raden Bima ke Brunei telah diceritakan dengan panjang lebar oleh *SRB* kerana peristiwa tersebut berlaku di Brunei. Mungkin penulis-penulis *SRB* tidak mempunyai pengetahuan tentang putera-putera Sultan Tengah di Sukadana dan Sambas sehingga timbulnya kekeliruan tentang Raden Bima yang dikatakan sebagai putera Sultan Tengah. Ini sebabkan penulis-penulis *SRB* tidak mengetahui tentang adanya putera Sultan Tengah yang bernama Raden Sulaiman. Nama Raden Sulaiman tidak pernah disebut dalam *SRB* kecuali dalam *SRB* versi Pengiran Johor. *SRB* itu juga menyenaraikan nama Sultan-sultan Sambas bermula dari Sultan Sulaiman sehingga ke Sultan Umar Aqamaddin II, Sultan Sambas ke-5 yang disebut sebagai anak cucu Sultan Muhammad Hasan.⁶⁵

⁶⁴ Ibid.

⁶⁵ *Salasilah Segala Raja-Raja*.

Oleh itu penulisan *SRB* dan *SRS* jelas menunjukkan keterbatasan pengetahuan penulisnya tentang apa yang berlaku di luar kawasan mereka. Ini jelas dalam cerita tentang Sultan Tengah yang begitu terbatas penceritaannya dalam *SRB* sedangkan baginda begitu terkenal dalam tradisi lisan di Sukadana dan Sambas sebagai seorang Sultan yang berjaya mendirikan kerajaan Islam di Sambas. Di samping itu penulis *SRB* juga keliru tentang kisah Sultan Tengah di Matan dan Sambas sehingga dikatakan baginda berkahwin di Sambas, sedangkan berdasarkan *SRS* baginda hanya berkahwin dengan puteri Matan (Ratu Surya). Penulis atau pencerita dalam *SRB* keliru tentang perkahwinan Raden Sulaiman iaitu putera Sultan Tengah di Sambas. Oleh sebab itu nama Raden Sulaiman tidak pernah di sebut dalam *SRB* dan hanya disebut nama Raden Bima yang dianggap sebagai putera Sultan Tengah sedangkan dia adalah cucu Sultan Tengah. Selain daripada itu adalah tidak pasti bagaimana *SRB* mendapat cerita tentang kedatangan seorang putera Sultan Tengah di Sukadana bergelar Pengiran Mangku Negara ke Brunei bersama Raden Bima sedangkan kisah tersebut tidak pernah diceritakan dalam *SRS*. Adakah penulis *SRS* tidak mengetahui cerita tersebut kerana Pengiran Mangku Negara tidak menetap di Sambas.

Selain daripada itu kisah Sultan Tengah juga diceritakan dalam sebuah naskhah lama Sambas bernama *Asal Raja-Raja Sambas* (*ARRS*) yang ditulis pada abad ke-18 iaitu lebih awal daripada *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong (1841) dan *SRS* (1903). Oleh itu kisah Sultan Tengah dalam *ARRS* adalah lebih awal ditulis dibandingkan dengan dua sumber tersebut dan kemungkinan cerita mengenainya diperolehi daripada tradisi lisan yang terdapat di Sambas. Ini jelas apabila terdapatnya perbezaan yang nyata tentang sejarah awal Sultan Tengah di Brunei apabila dikatakan bahawa:

“... Raja Tengah orang Brunei ia berpindah dari Brunei sebab berselisih dengan saudaranya Raja Abdullah maka disuruhnya diam di Gelagak maka diamlah di sana dua musim maka keluar pula dari Gelagak lalu masuk ke Sukadana.”⁶⁶

Cerita ini begitu berbeza dengan cerita yang terdapat dalam *SRB* dan *SRS* yang menunjukkan cerita ini bukannya bersumberkan tradisi lisan di Brunei atau dikutip dari *SRB* versi Datu Imam Ya’akub dan Khatif Haji Abd Latif kerana nama Raja Abdullah yang disebutkan itu adalah merujuk kepada Sultan Abdul Jalilul Akbar atau Sultan Muhyiddin. Di samping itu tempat yang bernama Gelagak juga sudah tentunya merujuk kepada Sarawak. Selain daripada itu *ARRS* juga tidak menyebut tentang pelayaran Raja Tengah ke Johor sebelum baginda ke Sukadana dan juga tidak menceritakan mengenai kemangkatan baginda di Sarawak seperti yang diceritakan dalam *SRB* dan *SRS*. Mengenai dengan putera Raden Sulaiman yang bernama Raden Bima diceritakan dalam *ARRS* telah pergi ke Brunei dan mendapat gelaran Sultan Muhammad Tajuddin daripada Sultan Brunei.⁶⁷ Cerita ini berbeza dengan *SRS* yang mengatakan bahawa Sultan Brunei memberi gelaran Sultan Anom kepada Raden Bima. Perbezaan-perbezaan yang terdapat dalam setiap versi *SRB* dan juga *SRS* dan *ARRS* mengenai sejarah Sultan Tengah adalah disebabkan oleh sumbernya (tradisi lisan) yang berlainan. Penulisan *SRB* lebih banyak bergantung kepada sumber lisan yang terdapat di Brunei dan Sarawak, sedangkan *SRS* dan *ARRS* lebih tertumpu kepada tradisi lisan di Sambas dan juga di Matan.

⁶⁶ Pabali H. Musa, *Sejarah Kesultanan Sambas Kalimantan Barat: Kajian Naskah Asal Raja-Raja dan Salsilah Raja Sambas*, hlm. 52.

⁶⁷ Ibid., hlm. 61.

Perang Saudara

Dalam sejarah Brunei terdapat suatu peristiwa hitam yang menggugat keutuhan Kesultanan Brunei apabila berlakunya Perang Saudara di antara Sultan Muhyiddin dan Sultan Abdul Hakkul Mubin pada tahun 1661-1673 yang mengakibatkan wujudnya dua orang Sultan di Brunei. Peristiwa ini telah diceritakan dalam *SRB* kecuali *SRB* versi Datu Imam Ya'akub dan Khatif Haji Abdul Latif. Walaupun Sultan Muhyiddin adalah pelopor kepada penulisan *SRB* yang ditulis oleh Datu Imam Ya'akub pada tahun 1735 tetapi baginda seakan-akan mahu melupakan peristiwa tersebut malah Sultan Muhyiddin dan Sultan Husin Kamaludin juga tidak menyenaraikan nama Sultan Abdul Hakkul Mubin sebagai salah seorang Sultan Brunei. Ini mungkin mempunyai hubungan dengan tujuan penulisan *SRB* itu sendiri yang jelas mengatakan bahawa, “kedua raja itu menyuratkan datu nene moyangnya supaya diketahui oleh segala anak chuchunya sampai sekarang ini”.⁶⁸

Ini bermaksud supaya generasi kemudian hanya mengakui kedudukan Sultan Muhyiddin sebagai Sultan yang sah dalam perebutan kuasa itu. Namun begitu peristiwa penting ini tidak dilupakan oleh Sultan-sultan selepas baginda apabila penulis-penulis *SRB* terkemudian memasukkan peristiwa Perang Saudara itu dalam *SRB* mereka dan seterusnya memasukkan nama Sultan Abdul Hakkul Mubin sebagai Sultan Brunei sebelum Sultan Muhyiddin. Ini dapat dilihat dalam *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong dan Haji Abdul Ghaffar, *SRB* versi terbitan Hugh Low, *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin dan *SRB* versi Pengiran Johar. Ini bermakna peristiwa Perang Saudara itu hanya ditulis pada tahun 1841 iaitu lebih seratus tahun selepas peristiwa itu berlaku.

⁶⁸ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 11.

Dalam kajian ini penulis membuat perbandingan ke atas dua buah versi *SRB* yang menceritakan peristiwa tersebut yang ditulis pada tahun yang berlainan, iaitu pertama *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong yang ditulis pada tahun 1841 dan *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin pada tahun 1938. Jarak masa yang begitu panjang di antara dua *SRB* itu menceritakan peristiwa yang sama telah mendorong kepada berlaku beberapa pengurangan atau tambahan ke atas jalan cerita tersebut. Dalam *SRB* versi Pehin Orang Kaya Digadong dan Haji Abdul Ghaffar menceritakan peristiwa tersebut dimulai dengan tindakan Pengiran Bungsu Muhyiddin iaitu anak Sultan Muhammad Ali membunuh anak Pengiran Bendahara Abdul Hak dan akibat kematian anak Pengiran Bendahara Abdul Hak itu telah berlaku peristiwa membala dendam sehingga membawa kepada pembunuhan Sultan Muhammad Ali. Dengan kematian Sultan Muhammad Ali, Bendahara Abdul Hak melantik dirinya sebagai Sultan Brunei dengan gelaran Sultan Abdul Hakkul Mubin dan melantik Pengiran Bungsu Muhyiddin menjadi Pengiran Bendahara. Namun disebabkan berlakunya hasutan dari seorang pembesar kaum Kedayan di Subuk bergelar Orang Kaya Besar Emas kepada Pengiran Bendahara Bungsu (Muhyiddin) untuk membala dendam ke atas kematian ayahandanya maka dicetuskan keadaan huru hara di Brunei.

Di atas muslihat Pengiran Bendahara Bungsu, Sultan Abdul Hakkul Mubin telah dinasihatkan berpindah ke Pulau Chermin untuk mengelak daripada keadaan huru hara itu. Dengan perpindahan tersebut Pengiran Bendahara Bungsu mengisyiharkan dirinya menjadi Sultan Brunei dengan gelaran Sultan Muhyiddin yang membawa kepada wujudnya dua orang Sultan di Brunei. Keadaan ini telah mencetuskan perperangan di antara Sultan Muhyiddin dan Sultan Hakkul Mubin yang berjalan selama 12 tahun termasuk perang di Kinarut, Sabah. Dalam perperangan tersebut Sultan Muhyiddin telah meminta bantuan Sultan Sulu dan berjanji untuk menyerahkan daerah Kimanis kepada

mereka. Akhirnya Sultan Abdul Hakkul Mubin dapat ditewaskan dan dibunuh oleh orang Sulu yang juga merampas segala harta yang ditinggalkan di Pulau Chermin.⁶⁹

Dalam *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin peristiwa Perang Saudara ini diceritakan dengan lebih panjang. Di antaranya ialah pertama mengenai pembunuhan anak Pengiran Bendahara Abdul Hak oleh anak Sultan Muhammad yang dikatakan berpunca daripada peristiwa bersabung ayam. Dalam kejadian itu anak Pengiran Bendahara Abdul Hak telah bersorak ke atas kekalahan ayam Pengiran Bungsu yang akhirnya membawa kepada pembunuhan tersebut. Kedua mengenai kekacauan di Brunei yang dicetuskan oleh orang Pengiran Bendahara Muhyiddin. Ketiga perpindahan Sultan Hakkul Mubin ke Pulau Chermin bagi menyelamatkan diri dari kekacauan tersebut. Keempat Pengiran Bendahara Muhyiddin mengisyiharkan dirinya sebagai Sultan Brunei sebaik saja Sultan Hakkul Mubin berangkat ke Pulau Chermin. Kelima mengenai pesanan Pehin Orang Kaya Digadong yang menjadi utusan Sultan Hakkul Mubin menghadap Sultan Muhyiddin kepada keluarganya supaya tetap tinggal di Brunei dan taat kepada Sultan Muhyiddin sementara beliau kembali ke Pulau Chermin. Keenam mengenai bantuan orang Sulu yang dikatakan tidak menyertai Sultan Muhyiddin menyerang Pulau Chermin, mereka hanya menunggu sehingga tamat peperangan barulah mereka masuk ke Pulau Chermin untuk merampas segala harta benda yang ditinggalkan termasuk seorang gundik Sultan dan putera baginda.⁷⁰

Dalam *SRB* ini juga telah ditambah dengan kisah putera Sultan Hakkul Mubin yang dibawa lari oleh orang Sulu semasa mereka merampas segala harta di Pulau Chermin. Putera Sultan ini telah digelar oleh Batara Sulu menjadi Datu Dakula. Sementara seorang lagi putera Sultan Hakkul Mubin bernama Pengiran Amir telah

⁶⁹ Ibid., hlm. 57-65.

⁷⁰ *Alamat Zaman Ketakhtaan Di Negeri Brunei*, hlm. 41-66.

dipelihara oleh Sultan Muhyiddin dan setelah dewasa digelar menjadi Pengiran Bendahara. Kedua-dua putera Sultan Hakkul Mubin ini akhirnya bertemu dalam suatu perperangan antara Brunei dan Sulu yang diketuai oleh Pengiran Amir di pihak Brunei dan Datu Dakula di pihak Sulu. Pengiran Amir telah berjaya menangkap Datu Dakula dan membawanya mengadap Sultan Muhyiddin dan seterusnya memberi gelaran kepada Datu Dakula menjadi Pengiran Temenggung Dakula.⁷¹

Syair Awang Semaun

Selain daripada *SRB* tradisi lisan juga diriwayat dalam bentuk syair iaitu yang lazim digunakan dalam gaya penulisan bangsa Melayu tradisional. Salah sebuah naskhah historiografi Brunei yang ditulis dalam bentuk syair naratif ialah *Syair Awang Semaun (SAS)*. Syair ini tidak terdapat dalam mana-mana katalog manuskrip Melayu. Besar kemungkinan Brunei terlepas daripada intaian pemungut-pemungut menuskrip seperti Marsden, Klinkert, Von de Wall, Raffles dan Crawfurd kerana kedudukan geografi Brunei yang terpencil daripada arus perdana perkembangan sastera Klasik Melayu pada abad ke-19 itu.⁷² Oleh itu syair ini masih belum diterbitkan dalam bentuk sebuah yang lengkap. Kajian mengenai kandungan syair ini hanyalah diperingkat kesarjanaan dan perbincangan dalam kertas-kertas kerja seminar.⁷³

Syair ini ditulis berdasarkan tradisi lisan yang menceritakan tentang sejarah pembukaan Negeri Brunei oleh Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya iaitu Awang Semaun, Pateh Berbai dan Jerambak. Penceritaannya penuh dengan unsur-unsur mitos mengenai Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya yang dikatakan berasal

⁷¹ Ibid., hlm. 66-71.

⁷² Hajah Siti Hawa Haji Salleh, “Karya Historiografi Melayu Tradisional Dalam Bentuk Puisi: Sorotan Khas Syair Awang Semaun”, dalam Awang Haji Muhammad bin Abdul Latif, Awang Haji Hashim bin Haji Mohd. Noor & Awang Haji Rosli bin Haji Ampal (eds.), *Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Brunei Darussalam, 1994, hlm. 56.

⁷³ Kajian peringkat sarjana telah dilakukan oleh Awang Haji Abd Hamid bin Jaluddin dalam tajuk ‘Syair Awang Semaun Sebagai Epik Bangsa Melayu Brunei’, (Disertasi M.A.), Universiti Malaya, 1995/1996.

daripada anak Raja Jawa yang diturunkan dari kayangan. Kegagahan Kerajaan Brunei yang didirikan oleh Awang Alak Betatar begitu ditonjolkan sehingga berjaya menakluki negeri-negeri di pantai barat Borneo. *SAS* dianggap sebagai sebuah dokumen sejarah kerana penulisannya adalah berdasarkan kepada peristiwa bersejarah iaitu yang pernah berlaku ke atas Brunei. Adalah tidak diketahui bila *SAS* ini mula ditulis kerana penulisnya tidak menyatakan tarikh penulisannya. Oleh kerana bentuk syair dalam penulisan sastera Melayu mula-mula dicipta oleh Hamzah Fansuri dalam akhir abad ke XVI maka dapatlah dianggarkan *SAS* mula dikarang sekitar abad tersebut.⁷⁴ Dalam *SAS* hanya dinyatakan dalam rangkap-rangkap syair seperti berikut:

“Bismillah itu mula dikenang
Zaman dahulu cerita orang
Sampai ini sudahlah terang
Jadi hikayat kepada dagang

Sepuluh hari bilangan bulan
Bermalam Muharram yang kebetulan
Di dalam hisab adil bilangan
Kepada rakyat empunya jalan

Pukul sembilan hari selasa
Waktu malam kepada masa
Dikehendaki oleh Tuhan yang esa
Tergeraklah hati kepada pengrasa

Masa itu berbuat rancana
Akan penghibur bimbang gulana
Supaya mendengar barang di mana
Jadi ingatan dengan sempurna”⁷⁵

Karya-karya historiografi Melayu dalam bentuk syair dapat dibahagikan kepada dua iaitu syair sejarah dan syair hikayat. Golongan pertama ialah yang menumpukan perhatian sepenuhnya kepada istana, menyanjung golongan raja dan keluarga serta kerajaannya. Pengarang syair biasanya terdiri daripada raja sendiri, pembesar istana, pembantu raja ataupun seorang pujangga istana. Misalnya *Syair Rakis* dikenang oleh

⁷⁴ Teuku Iskandar, “Tradisi Lisan dan Historiografi Melayu dalam Penyelidikan Sejarah Brunei”, hlm. 45.

⁷⁵ *Syair Awang Semaun*.

Pengiran Shahbandar Mohammad Selleh, seorang kerabat diraja Brunei pada abad ke-19.⁷⁶ Walaupun *SAS* tidak dinyatakan nama penulisnya tetapi adalah dipercayai ianya dikarang oleh orang istana, kerana kandungan ceritanya adalah mengenai raja dan keluarganya.

Daripada segi masa penciptaan, beberapa syair tertulis agak terkemudian daripada masa hasil-hasil historiografi dalam bentuk prosa ditulis iaitu dengan maksud syair-syair sejarah kebanyakannya terkarang selepas berakhirnya pemerintahan Raja-raja Melayu. Syair-syair ini kebanyakannya dikarang setelah kedatangan Belanda dan Inggeris di Nusantara. Mungkin hanya *Misa Melayu* sahaja dapat dikatakan dengan pasti bahawa bahagian prosa dan puisinya terkarang pada masa yang sama. Syair sejarah memperlihatkan keahlian dan kehalusan pengarangnya menggunakan bahasa berseni indah, jitu, kemas dan padat dengan makna. Kebanyakan peristiwa yang dibentangkan tetap mengekalkan hubungan dengan istana atau tokoh-tokoh tertentu yang ada hubungan dengan istana baik secara kekeluargaan maupun secara pentadbiran.⁷⁷

Naskhah *SAS* terdiri daripada beberapa versi yang mempunyai beberapa perbezaan dari segi jalan ceritanya. Sejauh ini terdapat tiga versi *SAS* yang masih belum diterbitkan iaitu pertama versi koleksi Muzium Brunei yang terdiri daripada dua naskhah yang mempunyai empat jilid, kedua Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei yang terdiri enam naskhah yang berlainan dan mengandungi sebanyak sembilan jilid dan ketiga ialah koleksi Pusat Sejarah Brunei yang merupakan satu naskhah yang tidak lengkap. Ketiga-tiga versi *SAS* ini banyak mempunyai persamaan, tetapi tidak dapat dipastikan usia setiap versi itu kerana ianya tidak menyebut nama pengarang dan

⁷⁶ Hajah Siti Hawa Haji Salleh, “Karya Historiografi Melayu Tradisional Dalam Bentuk Puisi: Sorotan Khas Syair Awang Semaun”, hlm. 52.

⁷⁷ Ibid., hlm. 53.

tarikh ianya ditulis seperti mana *SRB*. Dalam kajian ini penulis menggunakan *SAS* versi Muzium di samping membuat perbandingan dengan *SAS* versi Pusat Sejarah Brunei. Jalan cerita dalam *SAS* versi Muzium dibahagikan kepada empat bahagian iaitu pertama mengenai asal-usul Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya; kedua mengenai pembukaan negeri Brunei; ketiga peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kerajaan Brunei; dan keempat perluasan Empayar Brunei.⁷⁸

Asal-Usul Awang Alak Betatar

Awang Alak Betatar bersama 13 orang saudara kandungnya adalah putera Jin Seri Betara yang berasal dari kayangan. Ayah mereka bersaudara dengan Raja Johor, Raja Jawa dan lain-lain tempat di Alam Melayu. Awang Alak Betatar bersama saudara-saudaranya apabila sudah dewasa diturunkan ke dunia untuk ditempatkan di kawasan yang berlainan yang terletak di sekitar Sungai Brunei. Awang Alak Betatar ditempatkan di Garang, Awang Semaun dan Demang Seri di Labu dan di Tanjung Puan.⁷⁹ Walaupun dalam *SRB* tidak pernah dinyatakan nama ayah Awang Alak Betatar, tetapi dalam tradisi lisan di Brunei menyebut nama ayah Awang Alak Betatar sebagai Sultan Ahmad Amas Keyangan.⁸⁰ Sementara dalam tradisi lisan yang lain menyebut Awang Alak Betatar mempunyai nenda bernama Sang Aji.⁸¹ Sang Aji adalah gelaran bagi Raja-raja Jawa yang pernah digunakan oleh Kerajaan Kutai sejak abad ke-4 Masihi dan Kerajaan Tarakan (Tidung) pada abad ke-14.⁸²

⁷⁸ *Syair Awang Semaun*.

⁷⁹ Ibid.

⁸⁰ Tradisi lisan ini diperolehi oleh D.E. Brown daripada Awang Salleh Muhammad bin Pateh Jalil pada tahun 1967. Lihat, D.E. Brown, "Hiranyagarbha, The Hindu Cosmic Egg-and Brunei's Royal Line", *BMJ*, Vol. 4, No.4, 1980, hlm. 30.

⁸¹ Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, Jilid 1, Brunei: Jabatan Pusat Sejarah, 1990, hlm. 37-38.

⁸² Hubungan Brunei dengan Raja-raja Kutai dan Raja-raja Tidung dibincangkan dalam Bab 6 di bawah tajuk kecil "Kutai" dan "Tarakan".

Ini menunjukkan bahawa tradisi lisan mengenai Awang Alak Betatar yang terdapat dalam *SAS* itu adalah lebih tua usianya dibandingkan dengan tradisi lisan yang ditulis dalam *SRB*. Dalam *SAS* menyatakan tentang saudara-saudara Awang Alak Betatar yang berjumlah 13 orang, iaitu Pateh Berbai, Pateh Mambang, Pateh Tuba, Pateh Sangjuna, Pateh Manggurun, Pateh Malakai, Pateh Pahit, Demang Seri, Pateh Sindyung, Demang Lebar Daun, Hapu Awang, Pateh Laila Langgung dan Awang Semaun. Di samping itu baginda juga mempunyai saudara sepupu yang bernama Awang Jerambak dan anaknya bernama Awang Senuai. Di antara mereka itu Awang Semaun adalah tokoh yang lebih menonjol disebabkan kegagahannya. Kegagahan Awang Semaun ini adalah berpunca daripada memakan ikan sumpit-sumpit bersama saudaranya Demang Seri. Sejak itulah Awang Semaun dan Demang Seri memperolehi kekuatan yang luar biasa sehingga berjaya mengalahkan lanun-lanun dari Sulu yang cuba menyerang mereka di Sungai Brunei.⁸³

Pengasasan Kerajaan Brunei

Dalam *SAS* menceritakan apabila Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya tiba di Brunei mereka telah mencari tempat tinggal sementara di sekitar hulu Sungai Brunei. Awang Alak Betatar mendiami Garang dan Awang Semaun dan Demang Seri tinggal di Labu (sekarang berada di Daerah Temburong, Brunei). Dalam pada itu mereka terus mencari tempat yang sesuai untuk dibuat negeri sehingga akhirnya Pateh Berbai menemui Sungai Brunei sebagai tempat yang sesuai untuk dijadikan negeri. Dalam *SAS* telah diceritakan tentang kesesuaian Sungai Brunei sebagai negeri baru mereka:

⁸³ *Syair Awang Semaun*, Lihat juga, Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Brunei Darussalam Negara Melayu Islam Beraja*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2007, hlm. 40-42.

“Awang Alak bersebda ke Damang Sari
Serta Pateh kanan dan kiri
Jikalau suka adinda bistari
Ke dalam Brunei kita bernegeri

Bisainya tiada lagi terperi
Bukit mendinding yang kanan kiri
Tiadalah payah tempat mencari
Di bawah tangga duwai tengiri (ikan)

Bisainya itu tiada berbanding
Di darat rumah bukit menyinding (mendinding)
Beratur rumah sebarang tebing
Tiadalah jauh mengambil ayeng (ayer)

Mengambil ayer pun kanak-kanak
Bukannya ayer di dalam semak
Tiada terkena angin dan omak
Ayernya hampir dapat berlumak (berpijak)”⁸⁴

Rangkap-rangkap syair tersebut menggambarkan keadaan sebenar Sungai Brunei yang dikelilingi oleh bukit dan terlindung daripada gangguan angin Monsun Timur Laut yang datang dari Laut China Selatan dan angin Monsun Barat Daya yang datang dari Laut Jawa. Dengan perpindahan tersebut sebahagian besar saudara-saudara Awang Alak Betatar juga ikut berpindah dari tempat kediaman mereka ke Sungai Brunei. Awang Semaun yang sebelumnya tinggal di Labu telah berpindah ke Kota Batu, sementara Pateh Mambang dan Pateh Tuba pindah ke Luba, Pateh Sangkuna berpindah ke Saba, Pateh Malakai pindah ke Bukit Panggal, Pateh Pahit berpindah ke Labuan dan Pateh Sindsayung pindah ke Panchor Papan.⁸⁵ Dengan penempatan ini mereka telah memulakan sebuah kerajaan baru memerintah Brunei menggantikan kerajaan yang sebelumnya.⁸⁶

⁸⁴ Syair Awang Semaun.

⁸⁵ Ibid., lihat juga, Haji Abd. Karim bin Haji Abd.Rahman, *Keruntuhan Empayar Brunei KM-19: Satu Kajian Dari Sudut Ekonomi, Brunei Darussalam*: Pusat Sejarah Brunei, hlm. 106.

⁸⁶ Berdasarkan kepada laporan *Boxer Codex*, kaum Bisaya pernah mendirikan kerajaan di Sungai Brunei sebelum kedatangan orang Brunei (Awang Alak Betatar). Lihat, J.S. Caroll, “Berunai in the Boxer Codex”, hlm. 34.

Tokoh yang paling penting dalam kalangan saudara-saudara Awang Alak Betatar itu ialah Awang Semaun yang terkenal dengan kegagahannya. Oleh itu tidak hairanlah syair ini dinamakan sebagai *Syair Awang Semaun* kerana kandungannya banyak menceritakan tentang kepahlawanan Awang Semaun dalam membantu kerajaan adindanya Awang Alak Betatar meluaskan Empayar Brunei. Ketokohan Awang Semaun telah digandingkan dengan seorang saudara sepupu mereka bernama Awang Jerambak yang datang setelah berdirinya Kerajaan Brunei. Sebelum itu Awang Jerambak adalah seorang pemerintah di Bukit Berayung (yang sekarang terletak di Daerah Lawas, Sarawak) dan tidak mahu tunduk kepada Kerajaan Brunei. Namun akhirnya Awang Semaun dan Demang Seri berjaya mengalahkan Awang Jerambak dan mengaku tunduk di bawah perintah Brunei. Ia juga diaturkan berpindah ke Butir, yang terletak di hulu Sungai Brunei bersama-sama pengikutnya. Dengan kehadiran Awang Jerambak ini memperkuatkan lagi kedudukan Brunei apabila dia dilantik menjadi panglima Brunei bersama-sama dengan Awang Semaun dan Demang Seri bagi mengetuai angkatan Brunei meluaskan jajahannya di Borneo.⁸⁷

Jajahan Takluk Brunei

Setelah terbentuk kerajaan Brunei, Pateh Berbai selaku Pengiran Bendahara telah mencadangkan untuk meluaskan jajahan takluk Brunei yang diketuai oleh Awang Semaun, Awang Jerambak dan Demang Seri. Negeri-negeri yang berjaya mereka tunduki ialah Limau Manis, Tutong, Belait, Miri, Mukah, Oya, Igan, Sambas, Saba, Tungku, Bugis, Banjar, Utai, Bolongan, Sadungan, Sulu, Cinabatangan dan lain-lain. Kisah yang menarik dalam SAS mengenai penaklukan tersebut ialah tentang seorang ketua di Limau Manis bernama Semoga yang pada mulanya enggan tunduk di bawah

⁸⁷ *Syair Awang Semaun*, versi Muzium Brunei. Lihat juga, Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Brunei Darussalam Negara Melayu Islam Beraja*, hlm. 11-22.

Brunei kerana negeri mereka sudah berada di bawah kuasa Kerajaan Basiong dan Tagau di Igan. Kekuatan kerajaan tersebut digambarkan oleh SAS:

“Sangat berani hatinya keras
Habis tunduk Sarawak Sambas
Sekalian negeri habis dirampas
Langis seperti telus dikupas

Tidak masuk oleh pedang keris
Jauh sekali namanya ngingis (luka)
Berani itu hatinya habis
Anak buah orang diambilnya langis (habis)

Baik kita ke negeri Igan
Jangan lagi berhingan-hingan (berhenti-henti)
Jikalau ia mengakun ampuan
Kami inilah mengikut akan.”⁸⁸

Apa yang diceritakan mengenai Kerajaan Basiong dan Tagau itu menunjukkan bahawa kerajaan tersebut adalah sebuah kuasa besar yang menguasai daerah-daerah pesisiran di sepanjang pantai barat laut Borneo sebelum berdirinya kerajaan Awang Alak Betatar di Sungai Brunei. Keluasan jajahan kerajaan ini meliputi negeri-negeri Limau Manis, iaitu yang terletak di hulu Sungai Brunei hingga ke Sambas. Apa yang diceritakan oleh SAS ini ialah mengenai dengan Kerajaan Melanau di Igan yang diceritakan dalam tradisi lisan kaum Melanau sebagai sebuah kerajaan yang wujud sebelum berdirinya Kerajaan Brunei zaman Awang Alak Betatar. Kewujudan kerajaan itu disebut dalam sumber China *Nan-hai chih*⁸⁹ dan sumber Jawa *Nagarakretagama*⁹⁰ pada abad ke-14 dengan nama Kerajaan Melanau. Ini membuktikan bahawa kandungan SAS adalah berdasarkan kepada sejarah yang sebenarnya berlaku. SAS selanjutnya menceritakan tentang kejayaan Brunei menakluki semua negeri jajahan Kerajaan Basiong dan Tagau termasuklah Negeri-negeri Sambas, Mukah, Sadong dan Suanga.⁹¹

⁸⁸ Syair Awang Semaun.

⁸⁹ C.C. Brown, “The Eastern Ocean in the Yung-Lo Ta-Tien”, hlm. 46-56.

⁹⁰ Satyawat Suleiman, *The Ancient History of Indonesia*, Jakarta: Archaeological Foundation, Indonesia, 1960, hlm. 47.

⁹¹ Mengenai Kerajaan Melanau akan dibincangkan dalam Bab 5.

Setelah menakluki negeri-negeri di pantai barat laut Borneo Awang Semaun, Awang Jerambak dan Demang Seri meneruskan peluasan wilayah Brunei ke negeri-negeri utara dan timur laut Borneo yang diperintah oleh orang Ilanun dan Bugis dan juga Negeri Sulu dan Manila yang diperintah Datu-datu. Berdasarkan SAS Brunei telah berjaya menakluki Negeri-negeri Kinabatangan, Makasar, Bulungan, Sadungan, Sulu dan Manila. Kemungkinan SAS memasukkan peluasan Empayar Brunei yang dilakukan oleh Sultan Bolkiah, Sultan Brunei yang ke-5 ke dalam zaman Awang Alak Betatar, kerana dalam SAS ini kisah Sultan Bolkiah juga diceritakan apabila baginda menerima bantuan dari Awang Asmara (anak Awang Senuai) yang membawanya ke Selangor untuk meminang Puteri Lela Mencanai. Kemasukan kisah Sultan Bolkiah ke dalam SAS menggambarkan kekeliruan periwayat (pencerita) tentang jangka masa peluasan wilayah Brunei itu dilakukan.⁹²

Kehandalan Awang Senuai

Awang Senuai ialah anak Awang Jerambak yang mempunyai kebolehan yang luar biasa walaupun sifat-sifat fizikalnya tidak sempurna. Malah bentuk badannya diumpamakan ‘hantu rupa dan parasnya’ seperti diceritakan dalam rangkap syair SAS:

“Batis damit telinganya lebar
Sepatut dengan perutnya besar
Kepalanya damit matanya besar
Langan kecil seperti agar-agar

Lama setahun besarnya sudah
Pipinya burong dadanya merah
Kirainya panjang matanya berdarah
Rambutnya puteh sampah galagah.”⁹³

⁹² Sultan Bolkiah ialah Sultan Brunei yang ke-5 memerintah di antara tahun 1485-1524.

⁹³ *Syair Awang Semaun*.

Walaupun mempunyai rupa badan yang tidak sempurna (menakutkan) tetapi Awang Senuai mempunyai kebolehan yang luar biasa dalam bermain gasing dan bersabung ayam. Kehandalan Awang Senuai juga ditunjukkan dalam perlawanan gasing apabila ia berjaya mengalahkan gasing seorang anak raja yang bernama Mambang Dewa. Dalam perlawanan itu pertaruhannya ialah 1,000 gantang intan dan firus serta 100 orang laskar. Selain daripada itu Awang Senuai juga mempunyai seekor ayam jantan bernama Mutiara yang telah berjaya mengalahkan ayam anak Raja Bulkis dan ayam Raja Jawa dalam perlawanan bersabung ayam bagi menguji kehebatan ayam Brunei. Persabungan ayam ini dianggap sebagai simbolik bagi melihat kejantanan (kepahlawanan) orang Brunei yang diterjemahkan dalam persabungan itu. Dalam perlawanan tersebut ayam Awang Senuai telah berjaya mengalahkan ayam anak Raja Bulkis yang bernama Pandan Berduri, iaitu dengan pertaruhan 10 buah kapal yang menjadi kenaikan anak Raja Bulkis itu. Kehebatan ayam Mutiara juga telah menjadi penyelamat kepada Brunei dari ditakluki oleh Majapahit apabila ayam Awang Senuai itu berjaya mengalahkan ayam Raja Jawa, Raden Angsuka Dewa yang bernama Asmara dalam perlawanan bersambung ayam yang bertaruhkan negeri, “Bukakan pertaruhan intan baiduri, petaruhan bertupa samanya negeri”. Dengan kekalahan itu Negeri Jawa (Majapahit) takluk di bawah Brunei.

Dalam sejarah hubungan di antara Brunei dan Majapahit pada zaman awal penubuhan kerajaan Awang Alak Betatar, Brunei tidak pernah menakluki Jawa malah berdasarkan *SRB*, Brunei pernah mengaku tunduk kepada Majapahit dengan membayar ufti tahunan serupa setempayan air pinang muda.⁹⁴ Oleh itu kekalahan ayam Raja Jawa di tangan ayam Brunei ini dilihat sebagai suatu simbolik yang menggambarkan bahawa Brunei telah bebas daripada naungan Majapahit. Dalam *SRB* kemerdekaan Brunei dari

⁹⁴ Hugh Low, “Selesilah (Book of the Descent) of the Rajas of Brunei”, hlm. 2

naungan Jawa berlaku setelah Awang Alak Betatar memeluk agama Islam.⁹⁵ Sementara dalam sumber Jawa *Nagarakretagama* nama Brunei juga tercatat sebagai salah sebuah negeri naungan Majapahit.⁹⁶

Dengan kekalahan ayam Majapahit itu, Raja Jawa terpaksa menyerahkan segala pertaruhannya kepada Brunei yang berupa hamba rakyatnya yang mempunyai berbagai kepakaran dan kebolehan. Mereka adalah dikenali sekarang sebagai puak Brunei dan Kedayan. Puak Brunei yang mempunyai berbagai kebolehan bertukang seperti emas, tembaga dan besi di tempatkan di Kampung Ayer. Sekarang tempat tinggal mereka dikenali sebagai Kampong Siamas dan Kampong Pandai Besi dan lain-lain. Sementara bagi mereka yang berkebolehan berkebun ditempatkan di darat yang akhirnya dikenali sebagai orang Kedayan. Berdasarkan SAS mereka telah ditempatkan di Kampong Limau Manis, di Bukit Lahurai dan di Menjawa (Sengkurong). Dalam SAS ini juga disebut nama Kamaruddin yang menjadi raja orang Kedayan. Cerita mengenai Kamaruddin juga ditemui dalam tradisi lisan orang Kedayan yang dianggap sebagai raja mereka.⁹⁷ Dalam SAS dijelaskan dengan begitu menarik sekali:

“Raden bersabda manis suaranya
Ampun tuanku seri batara
Empar puluh tukang adalah segera
Serta seribu rakyat tentera

Awang Alak bersabda perlahan-lahan
Aku terimalah persembah tuan
Barang berpadi diam di hutan
Barang menempa berbuat pidayan

Beribu orang masing tukangnya
Tukang tembaga lain tempatnya
Pidayan emas lain tempatnya
Pidayan basi masing jalannya

⁹⁵ Ibid.

⁹⁶ Satyawat Suleiman, *The Ancient History of Indonesia*, hlm. 47.

⁹⁷ Rahim Dulani, *Hikayat Awang Kamaruddin (Siri Sastera Klasik)*, Brunei: DBP, 2002, hlm. xii.

Pandai tembaga diaku tentu
Pandai besi dipatajian itu
Pandai emas junjongan siatu
Lain masuk kukang kayu batu

Seribu naik ke dalam hutan
Di Limau Manis tempat ketetapan
Setengah dituju kabirnya
Sekalian itu jadi Kedayan

Adalah lagi sembilan puluh
Wasir Semarang anak jara sangoh
Pancirnya raja si Raden Galoh
Di Bukit Lahurai di taroh

Berkebun berpadi pekerjaannya
Kalah bersabung itu mulanya
Menjadi Kedayan semua-muanya
Bangsanya raja itu awalnya

Kerana anak ratu Kedayan
Di gunong Mejawa bermain-main
Semuanya berbini seorang lain
Ada yang beranak akan Kamaruddin.”⁹⁸

Puteri Johor

Kisah Puteri Johor telah diceritakan dengan menarik dalam SAS yang sekali lagi menggambarkan kehandalan Awang Semaun, Awang Jerambak dan Demang Seri. Cerita mengenai Puteri Johor bermula dengan seekor burung yang dinamakan burung hagai yang menceritakan tentang kecantikan Puteri Johor kepada Awang Alak Betatar. Oleh itu Awang Alak Betatar menghantar tiga orang saudaranya itu ke negeri Johor untuk melarikan puteri tersebut untuk dijadikan isteri baginda. Kejayaan mereka melarikan puteri itu ke Brunei telah menggemparkan kaum keluarganya di Johor. Tetapi seekor burung peliharaan puteri itu bernama Burong Pingai telah mengetahui di mana puteri itu berada dan memberitahu kepada ayahandanya. Akhirnya Sultan Johor berserta rombongannya datang ke Brunei untuk mengahwinkan puteri baginda dengan Awang Alak Betatar. Bersempena dengan perkahwinan itu juga diadakan upacara ‘Berpuspa’

⁹⁸ Syair Awang Semaun.

bagi Awang Alak Betatar dan permaisurinya dan bermula pada hari itu Awang Alak Betatar menggunakan gelaran Sultan Yang Dipertuan. Upacara tersebut diadakan dengan penuh adat istiadat iaitu Awang Alak Betatar memakai mahkota, Keris Sinaga, usungan dan pembacaan ‘ciri gelaran’.⁹⁹

Seterusnya diadakan upacara pengurniaan gelaran kepada saudara-saudaranya iaitu bagi gelaran Wazir Empat ialah Pateh Berbai dilantik sebagai Pengiran Bendahara, Pateh Mambang menjadi Pengiran Digadong, Pateh Sangkuna menjadi Pengiran Temenggong dan Pateh Manggurun menjadi Pengiran Pemancha. Bagi Gelaran Ceteria dan Manteri ialah Awang Semaun dilantik sebagai Malik Panglima, Awang Jerambak menjadi Orang Kaya Digadung, Demang Seri menjadi Demang Temenggong, Pateh Malakai menjadi Pengiran Shahbandar, Pateh Pahit menjadi Pengiran Seria Raja, Pateh Sindsayung menjadi Pengiran Sutera Negara, Demang Lebar Daun menjadi Juru Shahbandar, Hapu Awang menjadi Pengarah Laila Muda, Pateh Laila Langgung menjadi Damong Laila Langgong dan Pateh Tuba menjadi Pengiran Paduka Tuan.¹⁰⁰ Dalam *SRB* gelaran dua orang Wazir itu iaitu Pengiran Digadong dan Pengiran Pemancha baru diadakan oleh Sultan Muhammad Hasan, Sultan Brunei ke-9 (1582-1598).¹⁰¹ Sementara dalam laporan Sepanyol *Boxer Codex* (1590) tidak menyebut tentang kewujudan jawatan Pengiran Pemancha dalam Majlis Negeri Brunei yang dibentuk pada tahun tersebut.¹⁰² Ini menunjukkan bahawa *SAS* ditulis pada zaman atau selepas zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hasan.

⁹⁹ Ibid., Lihat juga, Haji Kassim Haji Omar, *Unsur-Unsur Dakwah dalam Syair Awang Semaun*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, 2009, hlm. 48.

¹⁰⁰ Ibid.

¹⁰¹ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 56.

¹⁰² Dalam *Boxer Codex* menyebut empat orang Wazir yang paling kanan pada tahun 1590 ialah Shahbandar, Bendahara, Temenggong dan Digadong. Lihat, J.S. Carroll, “Brunei in the Boxer Codex”, hlm. 18.

Ong Sum Ping

Kisah Ong Sum Ping telah diceritakan dengan panjang lebar dalam *SAS* dan mempunyai perbezaan dengan *SRB*. Dalam *SAS* Ong Sum Ping disebut sebagai Ong Sunting sementara saudaranya bernama Ong Wangkang. Mereka berdua adalah putera Maharaja China yang diaturkan mengambil kemala naga di Bukit Cinabalu. Ong Sunting telah berjaya mencipta sebuah tanglung yang disimpan dalam kaca seakan-akan kemala dan dinaikkan ke Bukit Cinabalu menggunakan layang-layang untuk digantikan dengan kemala naga yang berada di atas gunung itu. Naga tersebut yang menyedari kehilangan kemalanya itu telah mengejar kapal Ong Sunting dan Ong Wangkang hingga jauh ke tengah laut. Mereka telah membakar besi hingga merah menyala dan dibuang ke laut yang disangka oleh naga itu kemalanya. Akhirnya naga itu mati akibat memakan besi yang panas itu. Setelah berjaya mereka mendapat kemala itu timbul perselisihan di antara Ong Sunting dan Ong Wangkang apabila Ong Wangkang berebut kemala itu dari Ong Sunting untuk diserahkan kepada Maharaja China. Perbuatan Ong Wangkang ini membuatkan Ong Sunting merasa merajuk dan enggan pulang ke Negeri China tetapi sebaliknya menuju ke Brunei. Di Brunei Wang Sunting berkahwin dengan puteri Awang Alak Betatar dan seterusnya diberi gelaran Pengiran Maharaja Lela.¹⁰³

Dalam *SAS* juga menceritakan tentang kedatangan Maharaja China ke Brunei untuk mencari puteranya itu. Namun kedatangan Ong Wangkang ke Brunei untuk meminta maaf kepada Ong Sunting telah disambut dengan serangan dari Ong Sunting yang dibantu oleh Awang Semaun bagi membala dendamnya di atas perbuatannya merampas kemala daripadanya. Ong Wangkang telah melarikan diri ke Sulu seterusnya berkahwin dengan anak Datu Brundai yang bernama Si Dayang Dada dan kemudian ditabalkan menjadi Raja Sulu. Bagi membala dendamnya ke atas Ong Sunting, Ong

¹⁰³ *Syair Awang Semaun*. Lihat juga, Haji Kassim Haji Omar, *Unsur-Unsur Dakwah dalam Syair Awang Semaun*, hlm. 49.

Wangkang bersahabat dengan Sepanyol di Manila untuk menyerang Brunei. Angkatan Ong Wangkang telah ditentang dengan hebatnya oleh Awang Semaun, Awang Jerambak dan Ong Sunting. Akhirnya angkatan perang Sulu itu berundur balik ke negerinya. Dengan pertolongan Sultan Bolkiah dan kebijaksanaan Awang Alak Betatar kedua putera Maharaja China itu berdamai semula. Anak Ong Wangkang yang bernama Datu Kilau telah berkahwin dengan puteri Wang Sunting.

Kisah Ong Sum Ping dalam *SAS* ini sangat berbeza dengan *SRB* kerana dalam cerita ini Ong Sum Ping tidak diangkat menjadi Raja Brunei (Sultan Ahmad) seperti mana yang dinyatakan dalam *SRB*.¹⁰⁴ Selain daripada itu kisah yang tidak disebut dalam *SRB* ialah tentang kedatangan Maharaja China dan Ong Wangkang ke Brunei untuk bertemu dengan Ong Sum Ping. Begitu juga tentang peperangan antara Ong Sum Ping dan Ong Wangkang dan seterusnya pertabalan Ong Wangkang menjadi Raja Sulu.¹⁰⁵ Sebenarnya jalan cerita mengenai Ong Sum Ping dalam *SAS* menunjukkan kekeliruan pencerita tentang peristiwa-peristiwa yang hampir serupa yang pernah berlaku di Brunei pada zaman yang berlainan.

Pertama ialah mengenai bantuan pihak Sepanyol di Manila dan kedua mengenai Sultan Bolkiah. Pencerita telah menghubungkan serangan Sepanyol ke atas Brunei pada tahun 1578 dengan peperangan di antara Ong Wangkang dan Ong Sum Ping di Brunei yang sebenarnya belum berlaku pada zaman Ong Sum Ping itu. Begitu juga kewujudan Sultan Bolkiah yang memerintah pada akhir abad ke-15 telah memainkan peranan penting dalam cerita ini sedangkan Sultan Bolkiah belum wujud pada zaman tersebut.

¹⁰⁴ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 54.

¹⁰⁵ *Syair Awang Semaun*. Lihat juga, Haji Kassim Haji Omar, *Unsur-Unsur Dakwah dalam Syair Awang Semaun*, hlm. 49.

Kemasukan dua kisah tersebut adalah disebabkan oleh adanya persamaan peristiwa tersebut dengan kisah Ong Sum Ping sehingga mengelirukan pencerita dalam SAS.¹⁰⁶

Syarif Mufakih

Syarif Mufakih telah datang ke Brunei untuk membawa agama Islam dan seterusnya berkahwin dengan puteri Awang Alak Betatar. Syiar Islam yang dibawa oleh Syarif Mufakih itu telah menarik perhatian Awang Alak Betatar dan pembesar-pembesar dan sekalian hamba rakyat baginda untuk memeluk agama Islam. Syarif Mufakih juga mendirikan masjid, melantik Khatif dan Mudim serta mengajar resam dan syarak, nahu dan mantik dan membuat tersilah yang mengandungi adat istiadat. Dalam SRB peranan yang dimainkan oleh Syarf Mufakih ini sama dengan Sharif Ali yang dikatakan berkahwin dengan puteri Sultan Ahmad dan mengasaskan pembinaan masjid di Brunei.¹⁰⁷ Perbezaan di antara keduanya ialah Sharif Ali akhirnya diangkat menjadi Sultan Brunei sementara Syarif Mufakih hanyalah seorang ulama yang juga menjadi menantu Awang Alak Betatar.

Putera Awang Alak Betatar

Dalam SAS Awang Alak Betatar mempunyai dua orang putera, iaitu seorang berkahwin dengan puteri Sultan Melaka. Rombongan peminangan ke Melaka diketuai oleh Pengiran Bendahara dengan membawa berbagai persembahan untuk Sultan Melaka yang bernama Sultan Arifah. Putera kedua Awang Alak Betatar bernama Sultan Jalilul Alam yang pergi ke Johor untuk menemui datuknya. Di Johor baginda telah diberikan

¹⁰⁶ Mengikut Hajah Siti Hawa Haji Salleh, SAS ditulis dalam lingkungan pada tahun 1700-1799 iaitu sezaman dengan Hamzah Fansuri sekitar tahun 1640-an. Berdasarkan jangka waktu penulisan SAS ini sudah tentu penulisnya terpengaruh dengan peristiwa yang berlaku ke atas Brunei pada abad ke-15 dan 16. Lihat, Hajah Siti Hawa Haji Salleh, "Karya Historiografi Melayu Tradisional Dalam Bentuk Puisi: Sorotan Khas Syair Awang Semaun", hlm 66.

¹⁰⁷ Hugh Low, "Selesilah (Book of the Descent)", hlm. 3.

oleh datuknya Keris Sinaga, Tungkat Alamat, azimat dan harta benda. Sebelum balik ke Brunei Sultan Jalilul Alam telah pergi ke negeri dalam laut dan berjaya menyelamatkan seorang puteri daripada tawanan seekor naga berkepala tujuh. Selepas itu baginda berjaya mengalahkan Raja Mambang Pahlawan iaitu tunang puteri itu di dalam peperangan. Akhirnya Sultan Jalilul Alam berkahwin dengan puteri tersebut.

Kisah ini begitu bertentangan dengan *SRB* yang mengatakan bahawa Awang Alak Betatar tidak mempunyai putera.¹⁰⁸ Sekali lagi pencerita *SAS* ini mungkin terkeliru dengan kisah putera Sultan Bolkiah bernama Adipati Sulu yang diceritakan dalam *Sejarah Melayu* pernah dibawa oleh Hang Tuah ke Melaka.¹⁰⁹ Begitu juga mengenai dengan Sultan Jalilul Alam yang mempunyai persamaan dengan kisah Sultan Tengah yang diceritakan dalam *SRB*.¹¹⁰

SAS adalah sebuah sastera sejarah yang diceritakan menggunakan gaya syair. Oleh itu penceritaannya lebih mementingkan hiburan dengan cara mengagung-agungkan watak utamanya iaitu Awang Semaun. Walaupun cerita dalam *SAS* diakui kebenaran sejarahnya tetapi disebabkan ianya bersifat hiburan maka kandungan ceritanya bercampur aduk dengan peristiwa-peristiwa lain yang berlaku pada zaman yang berlainan. Awang Semuan digambarkan sebagai seorang pahlawan agung yang tiada tolok banding pada zamannya sehingga pencerita menggunakan segala peristiwa yang berlaku di Brunei yang dapat membantu kehebatan Awang Semaun telah digunakan seperti ketokohan Sultan Bolkiah, Maharaja China, Sepanyol dan lain-lain. Penulis atau pencerita dalam *SAS* tidak menghiraukan tentang kronologi peristiwa yang berlaku dalam sejarah Brunei semata-mata untuk menghidupkan watak Awang Semaun yang ditonjolkan sebagai seorang yang agung. Semua kisah yang ditulis dalam *SAS*

¹⁰⁸ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 54.

¹⁰⁹ J.R. Logan, “Notices of European Intercourse with Borneo Proper Prior to the Establishment of Singapore in 1819”, *Journal of the India Archipelago and Eastern Asia (JIAEA)*, Vol. 11, Pt. XXIII, 1848, hlm. 520.

¹¹⁰ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 20.

adalah peristiwa yang pernah berlaku di Brunei tetapi sebagai sebuah hasil karya sastera sejarah segala peristiwa bersejarah itu telah digunakan untuk kepentingan tokoh yang diagungkan itu sehingga diabaikan faktor-faktor kronologi peristiwa tersebut. Namun SAS masih dianggap sebagai sebuah naskhah historiografi Brunei kerana kandungannya adalah tentang sejarah Brunei zaman Awang Alak Betatar dan Awang Semaun. Oleh itu, untuk memahami SAS dari aspek nilai sejarahnya adalah perlu juga memahami sejarah Brunei secara mendalam kerana nilai-nilai sejarah yang terkandung dalam SAS itu sarat dengan unsur-unsur mitos bagi mewarnai penceritaan dalam syair tersebut.

Hikayat Datuk Merpati

Hikayat Datuk Merpati ialah sebuah tradisi lisan masyarakat Melayu Sarawak mengenai Datu Merpati dan kerabatnya yang berasal daripada anak Raja Jawa yang membuka penempatan di Sarawak sekitar abad ke-14 Masihi. Tradisi lisan ini mempunyai berbagai versi yang bukan sahaja dipunyai oleh orang Melayu di Sarawak tetapi juga kaum-kaum peribumi di Sarawak seperti kaum Bidayuh dan Iban. Dalam kajian ini penulis menggunakan sebuah versi yang telah diterbitkan dalam buku bertajuk *Hikayat Datuk Merpati* oleh Datuk Haji Safri Awang Zainell pada tahun 1989.¹¹¹ Mengikut beliau manuskrip asal *Hikayat Datuk Merpati* dikarang oleh Haji Muhammad Tahir Abdul Ghani pada tahun 1939. Di samping itu Tom Harrison juga telah menerbitkan secara ringkas dua versi kisah Datu Merpati dalam bukunya *The Malay of South-West Sarawak Before Malaysia*, pada tahun 1970.¹¹² Satu versi dinamakan sebagai versi Serian (Dayak) dan yang kedua versi Melayu yang kandungannya mempunyai persamaan dengan yang diterbitkan dalam buku *Hikayat Datuk Merpati*. Sementara dalam satu versi yang lain bernama *Hikayat Sarawak* mempunyai perbezaan tentang

¹¹¹ Haji Muhammad Tahir Abdul Ghani, *Hikayat Datuk Merpati*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.

¹¹² Tom Harrison, *The Malay of South-West Sarawak Before Malaysia: A Socio-Ecological Survey*, Glasgow: Robert Mac Lehose and Co. Ltd., The University Press, 1979.

asal-usul Datu Permaisuri iaitu isteri Datu Merpati yang dikatakan berasal dari Minangkabau. Ini berbeza dengan *Hikayat Datuk Merpati* dan versi-versi yang lain yang mengatakan berasal dari Johor:

“Daripada Datu Undi asal Minangkabau menurun di dalam Sarawak. Adapun Datu Undi bakal Raja Jarum, dia mempunyai anak tujuh orang dan anak yang tua sekali Datu Permaisuri diperisteri anak raja Jawa yang bergelar Datu Merpati atau Adipati ...”¹¹³

Ini menunjukkan nama Johor yang disebut dalam *Hikayat Datuk Merpati* itu bukanlah Kerajaan Johor sekarang yang muncul pada abad ke-17 setelah kejatuhan Kerajaan Melaka. Berdasarkan *Hikayat Sarawak* itu jelas menunjukkan bahawa Johor yang dimaksudkan itu ialah Minangkabau selain Singapura yang diasaskan oleh Sri Tri Buana pada abad yang ke-12 Masihi. Dalam sebuah salasilah Raja-raja Brunei menyebut tentang Raja Johor zaman kerajaan Singapura diperintah Raja-raja Melayu dari Palembang. Antara kandungan salasilah tersebut berbunyi, “Sebab itulah maka digelar ‘Singapura’ negeri itu. Baginda pun bergelar Sri Tri Buana, berbuat istana di Johor.”¹¹⁴ Dalam salasilah tersebut nama Johor bukanlah dimaksudkan kepada sebuah kerajaan tetapi adalah tempat Raja Singapura bersemayam. Oleh itu raja-raja yang memerintah Singapura disebut sebagai Raja Johor iaitu merujuk kepada tempat tinggal Raja-raja Singapura. Nama Raja Johor yang sering disebut dalam sejarah Brunei dan Sarawak sudah setentunya tidak mempunyai hubungan dengan Kesultanan Johor yang didirikan pada tahun 1528 oleh Raja Ali, Putera Sultan Mahmud Shah (Sultan terakhir dari Kesultanan Melaka).

¹¹³ Sophian bin Rambli dan Tuan Haji Musa bin Haji Bohari, “Sejarah Orang Melayu di Sarawak Mengenai Orang-Orang Pegu (Masyarakat Burma) di Samarahan”, *Prosiding Seminar Sejarah Borneo ke-3*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2013, hlm. 343.

¹¹⁴ Salasilah ini disimpan oleh Pengiran Di Gadong Sahibul Mal Pengiran Haji Muhammad Salleh yang dianggarkan ditulis pada zaman Sultan Muhammad Hasan abad ke-16. Lihat, Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, hlm. 44.

Sementara dalam *Silsilah Raja-Raja Berunai (SRB)* menyebut apabila Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar) mendirikan kerajaannya baginda telah, “mengambil pusaka nobat negara dan genta alamat dari Negeri Johor Kamalul-maqam dan mengambil nobat negara dan genta dan alamat dari Minangkabau iaitu Negeri Andalas.”¹¹⁵ Berdasarkan kenyataan *SRB* ini menunjukkan Kesultanan Brunei mengambil pusaka lambang kebesaran Raja-raja Melayu dari dua buah kerajaan Melayu yang wujud pada masa itu iaitu Negeri Johor (Kerajaan Singapura) dan Kerajaan Pagaruyung di Minangkabau.¹¹⁶ Adalah tidak menghairankan dalam kisah Datu Merpati ini nama Johor dan Minangkabau disebut dalam versi yang berbeza bagi menunjukkan besar pengaruh dua kerajaan tersebut dalam sejarah awal orang Melayu dan dalam Kesultanan Brunei.

Semua versi mengenai kisah Datu Merpati itu mengandungi hubungan dengan Raja Brunei apabila dikatakan puteri Datu Merpati berkahwin dengan Sultan Brunei pertama, di samping menonjolkan watak Awang Semaun sebagai seorang pahlawan Brunei. Namun terdapat perbezaan kisah Datu Merpati dengan *SRB* dan *SAS* mengenai asal-usul Sultan Brunei yang dikatakan sebagai anak Raja Johor dalam versi Serian,¹¹⁷ dan anak Raja Selangor dalam *Hikayat Datu Merpati*.¹¹⁸ Sejarah Datu Merpati dengan Brunei yang dikenang oleh Haji Muhammad Tahir Abdul Ghani menceritakan tentang kisah Datu Merpati bersama isterinya yang bernama Datu Permaisuri iaitu anak Raja Johor serta dua orang saudaranya mengembawa untuk mencari negeri baru. Dalam pengembawaan itu Datu Merpati telah memilih Sentubong, Sarawak sebagai tempat

¹¹⁵ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, *JMBRAS*, Vol. XLI, Pt. 2, 1968, hlm. 11.

¹¹⁶ Nobat Negara dan Genta Alamat ialah alat muzik tradisi yang khusus dimiliki oleh Istana yang terdiri daripada beberapa alat seperti Nakara, Gendang Labek, Chanang, Gong dan Serunai. Dalam *Syair Awang Semaun* menceritakan Sultan Johor telah mengurniakan Nobat Negara (dan Gunta Alamat) kepada Awang Alak Betatar sewaktu baginda dipuspakan yang membawa gelaran Yang Dipertuan. Lihat, Shariffuddin P.M. dan Abdul Hj. Latif Ibrahim, “The Royal Nobat of Brunei”, *BMJ*, Vol. 4, No. 1, 1977, hlm. 7-8.

¹¹⁷ Tom Harrision, *The Malay of South-west Sarawak Before Malaysia A Socio-Ecological Survey*, Glasgow: Robert Maclehole and Co. Ltd., The University Press, 1970, hlm. 124-126.

¹¹⁸ Haji Mohammad Tahir bin Abdul Ghani, *Hikayat Datuk Merpati*, hlm.88.

tinggal mereka, sementara seorang saudaranya menetap di Sukadana dan seorang menetap di Sambas.¹¹⁹

Di Sentubong, isteri Datu Merpati melahirkan seorang putera yang diberi nama Merpati Jepang bersama seekor naga. Selepas itu Datu Merpati mendapat lagi seorang puteri yang diberi nama Dayang Seri Bulan. Semasa Datu Merpati meninggalkan isteri dan puterinya itu di Sentubong lanun-lanun dari Pegu telah menculik isteri dan puterinya itu. Semasa dalam pelayaran ke Pegu Datu Permaisuri berjaya menewaskan lanun tersebut dan seterusnya melarikan diri di tengah-tengah lautan tanpa arah haluan. Akhirnya mereka diselamatkan oleh seekor naga (puteranya) yang membawa mereka ke Brunei. Pada masa itu di Brunei belum mempunyai raja kecuali seorang lelaki yang gagah bernama Semaun. Datu Permaisuri dan anaknya dijaga dengan baik orang Brunei. Akhirnya Datu Merpati datang ke Brunei berjumpa dengan isteri dan puterinya itu dan mereka tinggal untuk beberapa lama di Brunei. Pada suatu hari Datu Merpati mengarahkan Semaun untuk mencari jodoh puterinya Dayang Seri Bulan. Bagi memenuhi hajat tersebut Semaun telah pergi ke Selangor untuk menculik seorang putera Raja Selangor yang sedang mandi untuk dibawa ke Brunei. Apabila putera Raja Selangor dan Dayang Seri Bulan meningkat dewasa mereka pun dikahwinkan oleh Datu Merpati. Tidak lama selepas itu Datu Merpati dan isterinya pulang semula ke Sentubong dan mengangkat putera Raja Selangor menjadi Raja Brunei dengan gelaran Sultan Bungsu Selangor dan juga melantik Semaun menjadi panglimanya. Sultan Bungsu Selangor juga berkahwin dengan puteri Raja China di Bukit Balu (Gunung Kinabalu) yang bernama Puteri Bintang Tujuh. Hasil perkahwinan itu mereka mendapat dua orang anak.¹²⁰

¹¹⁹ Ibid., hlm. 76.

¹²⁰ Ibid., hlm. 82-108.

Dalam versi kedua iaitu versi Serian (kaum Dayak) menceritakan kisah Datu Merpati dengan beberapa perbezaan dengan versi Melayu karangan Haji Mohd. Tahir. Dalam versi tersebut mengisahkan tentang isteri Datu Merpati iaitu Dayang Permaisuri mandi di sungai dalam keadaan masih haid (datang bulan). Disebabkan keadaan ini melanggar pantang maka darah haidnya yang terdapat di sungai telah bertukar menjadi seekor naga yang bersisikan emas. Semasa Dayang Permaisuri sedang hamil Datu Merpati mengembara ke Sungai Sadong untuk melihat-lihat penduduk di sana dengan meninggalkan isterinya di Tanjung Sipang. Akhirnya ia berkawin dengan seorang perempuan Dayak bernama Suhom di sebuah kampung bernama Temewang Tuah. Hasil daripada perkahwinan itu mereka mendapat seorang anak yang diberi nama Datu Nyikot. Melihat akan anaknya ini telah mengingatkan ia akan isterinya yang sedang mengandung semasa ditinggalkannya. Oleh itu dia terpaksa meninggalkan isteri dan anaknya itu untuk bertemu dengan isterinya Dayang Permaisuri. Sekembalinya di Tanjung Sipang isteri dan anaknya Dayang Bulan telah dilarikan oleh Raja Pigor. Semasa dalam pelayaran Dayang Permaisuri telah berjaya membunuh Raja Pigor dan anak-anak kapal kecuali dua orang nakhodanya yang membawa mereka ke Brunei. Di Brunei, Datu Permaisuri telah dilayan dengan baik oleh seorang nelayan dengan membuat sebuah rumah untuk mereka.¹²¹

Pandangan Rendah Terhadap Brunei

Sementara itu kecantikan Dayang Bulan telah menjadi tarikan kepada orang di Brunei tetapi tiada seorang pun berani meminangnya kerana merasa bahawa mereka tidak merasakan setaraf dengannya. Bagi mencari jodoh yang setaraf dengan Dayang Bulan telah diaturkan pemain gendang Brunei pergi seluruh negeri untuk mencari mereka yang layak berkahwin dengan Dayang Bulan, namun tiada seorang pun yang berani

¹²¹ Tom Harrisson, *The Malay of South-West Sarawak Before Malaysia: A Socio-Ecological Survey*, hlm. 124-126.

meminangnya. Oleh itu orang Brunei mencari satu jalan untuk menculik putera Raja Johor dengan cara menghantar sekumpulan pemain gendang yang terbaik ke negeri Johor dengan menyamar untuk mengadakan permainan di sana. Putera Sultan Johor telah menyambut dengan baik kedatangan pemain gendang Brunei itu dan membawa mereka untuk bermain di rumahnya. Pemain gendang itu menyatakan bahawa bunyi gendang itu lebih sedap bila dimainkan di dalam kapal. Putera raja itu bersetuju mengikut mereka ke kapal untuk mendengar mereka bermain dan akhirnya ia terlena mendengar bunyi gendang yang dimainkan itu dan pada masa yang sama kapal tersbut belayar ke Brunei tanpa disedarinya. Apabila sampai di Brunei putera raja itu terpandang Dayang Bulan dan terus jatuh hati. Akhirnya mereka berkahwin dan kemudian putera raja Johor itu menjadi Sultan Brunei.¹²²

Watak Semaun tidak terdapat dalam versi Serian ini dan juga suami Dayang Bulan adalah putera Raja Johor. Namun kedua-dua versi kisah Datu Merpati ini adalah kepunyaan orang Melayu di Sarawak yang mempunyai hubungan keluarga di Johor. Oleh itu kedudukan Datu Merpati telah dipandang lebih tinggi daripada Raja-raja Brunei sehingga tidak disebut tentang kewujudan raja di Brunei, kecuali Semaun. Malah Raja Brunei juga terpaksa didatangkan raja-raja dari Selangor dan Johor disebabkan di Brunei pada masa itu tidak mempunyai pemimpin yang berdarah raja. Perkara ini berbeza dengan SAS yang menyebut bahawa Awang Semaun telah diarahkan oleh Awang Alak Betatar (Raja Brunei) untuk melarikan Puteri Johor ke Brunei untuk dikahwinkan dengan Awang Alak Betatar. Walau bagaimanapun peranan Awang Semaun sebagai seorang panglima untuk menjalankan titah raja tetap sama iaitu untuk

¹²² Ibid.

melarikan putera Raja Selangor dalam *Hikayat Datu Merpati*¹²³ dan menculik Puteri Johor dalam SAS.¹²⁴

Sejarah Orang Melayu di Sarawak

Hikayat Datu Merpati dan isterinya Datu Permaisuri adalah menjadi milik orang Melayu Sarawak kerana mereka dianggap sebagai pengasas kepada kewujudan masyarakat Melayu di Sarawak. Melalui hikayat ini memperlihatkan kedatangan pengaruh Jawa dan pengaruh Melayu Johor (Minangkabau). Datu Merpati adalah putera Raja Jawa sementara Datu Permaisuri adalah anak Raja Johor (Minangkabau). Adalah tidak pasti bilakah jangka waktu kedatangan Datu Merpati dan isterinya itu ke Borneo dan Brunei. Disebabkan nama Semaun juga disebut dalam hikayat tersebut menunjukkan bahawa kedatangan Datu Merpati ke Borneo adalah sezaman dengan sejarah awal Brunei pada pertengahan abad ke-14.

Selain daripada itu *Hikayat Datuk Merpati* juga tidak terlepas daripada pengaruh cerita-cerita yang terdapat dalam SRB dan SAS seperti cerita tentang naga, Raja dan Puteri Cina di Gunung Kinabalu dan adat (tradisi) melarikan putera raja untuk dikahwinkan dengan Puteri Bulan. Ini menggambarkan bahawa *Hikayat Datuk Merpati* juga terpengaruh dengan ciri-ciri khusus dalam tradisi lisan Borneo. Malah hikayat berkenaan telah menjelaskan lagi sejarah orang Melayu di Sarawak yang mempunyai kedudukan yang istimewa dalam jajahan Brunei. Dalam SRB negeri-negeri Sarawak, Samarahan, Kalaka, Saribas dan Mukah disebut sebagai hadiah dari Sultan Johor kepada Awang Alak Betatar,¹²⁵ sementara dalam laporan Belanda pada tahun 1607 menyebut tentang keluarnya Negeri-negeri Kalaka, Saribas dan Melanau dari jajahan

¹²³ Haji Mohammad Tahir bin Abdul Ghani, *Hikayat Datuk Merpati*, hlm. 96.

¹²⁴ *Syair Awang Semaun*.

¹²⁵ P.L.A. Sweeney, "Silsilah Raja-Raja Berunai", hlm. 34.

Brunei untuk berlindung di bawah Kesultanan Johor.¹²⁶ Gambaran tentang Brunei yang terdapat dalam *Hikayat Datuk Merpati* jelas bermaksud untuk merendah-rendahkan kedudukan Brunei yang diperintah oleh Awang Alak Betatar yang berasal dari raja-raja peribumi Borneo yang dianggap tidak setaraf dengan kedudukan orang Melayu yang berasal dari Kerajaan Minangkabau dan Jawa.

Syair Tarsilah Saribas

Syair Tarsilah Saribas ialah sebuah syair yang mengisahkan tentang dua orang kerabat diraja iaitu Dato Godam yang berasal dari Kerajaan Minangkabau dan Temenggong Abdul Kadir seorang pembesar Brunei pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Kahar, Sultan Brunei ke-6 (1524-1530). Di bahagian awal syair ini dinyatakan nama syair ini sebagai *Syair Raja Syahkandar*, yang bermaksud Sultan Iskandar Zurkarnain.

Di awal syair ini menceritakan tentang Sultan Brunei pertama yang disebut Sultan Muhammad Mansur yang berasal daripada Jawa. Syair ini mula ditulis (disalin) oleh Abang Abd. Rahman bn Abang Daud pada 7 Jun 1965.¹²⁷ Sehingga kini ianya masih dalam bentuk manuskrip bertulisan jawi yang belum dibuat terbitkan. Berdasarkan kandungannya itu syair ini boleh dianggap sebagai suatu dokumen sejarah mengenai Kesultanan Brunei dan orang Melayu Sarawak kerana penceritaannya lebih bersifat sejarah kerana tidak ada unsur-unsur mitos dalam penceritaannya seperti mana dalam SAS dan *Hikayat Datuk Merpati*. Sebagai sebuah hikayat yang berdasarkan tradisi lisan syair ini memang tidak terlepas daripada tokok tambah. Ini diakui sendiri oleh pencerita dalam syair ini:

¹²⁶ L.C.D. Van Dijk, *Neerland Vroegste Betrekkingen Met Borneo, Solo-Archipel, Comodja: Siam en Cochin-China*, Amsterdam: J.H. Scheltema, 1862, hlm. 214.

¹²⁷ *Syair Tarsilah Saribas*, (tidak diterbitkan), simpanan Pusat Sejarah Brunei.

“Tiada lagi berbanyak kata
Sebab tiada dipandang mata
Orang yang tua empunya cerita
Entah benar entahkan dusta.”

Sultan Muhammad Mansur

Dalam menceritakan mengenai sejarah awal Kesultanan Brunei terdapat 24 rangkap yang menyebut tentang Sultan Brunei yang pertama yang disebut Sultan Muhammad Mansur:

“Di Negeri Brunei khabarnya pasti
Rajanya Pateh bersukalah hati
Adapun Pateh orang bestari
Di tanah Jawa dahulunya negeri

Pulang ke Brunei katanya khabari
Itulah kata khabar dan peri
Pateh itu khabarnya masyhur
Dianya dipanggil ke Johor

Bergelar Sultan Muhammad Mansur
Ke sana sini limpah dan makmur
Adapun Sultan Muhammad yang puta
Di Negeri Brunei menjadi mahkota

Berputera dua khabar dan warta
Anaknya laki-laki yang tua nyata
Seorang konon khabarnya perempuan
Parasnya elok sukar dilawan

Usul majlis lagi bangsawan
Lagi budiman serta dermawan
Putera perempuan khabarnya baina
Bersuami anak rajanya China¹²⁸

Itulah ganti Duli yang ghana
Memerintah orang khabarnya sempurna
Anaknya seorang laki-laki bestari
Ialah jadi Perdana Menteri.”¹²⁹

¹²⁸ Ibid., hlm. 6.

¹²⁹ Ibid., hlm. 11.

Sultan Muhammad Shah yang disebut sebagai Sultan Muhammad Mansur dalam syair ini mempunyai persamaan dengan keterangan dalam *SRB* dan *SAS* kecuali tentang putera Sultan yang dilantik menjadi Perdana Menteri (Bendahara). Dalam *SRB* jawatan Bendahara pada zaman Sultan Muhammad Shah ialah saudara baginda bernama Pateh Berbai, sebelum diangkat menjadi Sultan Brunei ke-2. Kekeliruan ini mungkin disebabkan oleh syair ini dikarang adalah khusus untuk menceritakan tentang sejarah Temenggong Abdul Kadir dan Dato Godam. Keterangan mengenai Sultan Brunei itu hanyalah sebagai mukadimah dalam syair ini. Oleh itu jelas bahawa penulis syair ini tidak merujuk kepada *SRB* dalam menghasilkan syair ini.

Maragtas

Maragtas ialah sebuah manuskrip kuno yang mengisahkan tentang penghijrahan kaum Bisaya dari Borneo (Bornay) ke Pulau Panay, Filipina yang ditulis berdasarkan tradisi lisan masyarakat Bisaya di Pulau Panay. Penghijrahan ini diketuai oleh sepuluh orang Datu bersama dengan kaum keluarga dan pengikut-pengikut mereka. Terdapat dua buah naskhah manuskrip berbahasa Ilongo Bisaya yang ditulis menggunakan tulisan roman telah ditemui di wilayah Iloilo, Pulau Panay, Filipina oleh Father Tomas Santaren semasa beliau ditugaskan di wilayah tersebut pada tahun 1858. Naskhah asal bahasa Ilongo Bisaya itu dipercayai disalin daripada tradisi lisan penduduk di Pulau Panay oleh orang Sepanyol pada zaman awal kedatangan mereka ke Kepulauan Filipina pada abad ke-16. Oleh itu tidak hairanlah terdapatnya beberapa perkataan dari bahasa Sepanyol di dalam manuskrip tersebut seperti Negritos dan Moros (panggilan ke atas orang Islam).

Pada tahun 1858 Father Santaren telah menterjemahkan salah satu manuskrip tersebut ke dalam bahasa Sepanyol dan diterbitkan pada tahun 1902 oleh Tather Angel Oerez.¹³⁰ Manuskrip yang lebih lengkap yang disalin menggunakan bahasa asal iaitu bahasa Ilongo Bisaya dilakukan oleh Pedro Alcantara Monteclaro pada tahun 1901, diterbitkan pada tahun 1907 dalam suratkhabar *Hiligaynon*.¹³¹ Manuskrip Monteclaro tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa English oleh Manuel L. Carreon pada tahun 1956.¹³² Sementara Gregorio F. Zaide dalam bukunya *Sejarah Politik dan Kebudayaan Filipina* telah mendalami kandungan *Maragtas* ini dengan melihat peristiwa penghijrahan datu-datu dari Borneo itu sebagai suatu gelombang kedua kedatangan orang Melayu ke Kepulauan Filipina yang berlaku pada pertengahan abad ke-13.¹³³ Namun begitu kandungan manuskrip *Maragtas* ini belum dikaji secara mendalam tentang hubungannya dengan kerajaan-kerajaan yang pernah wujud di pantai barat laut Borneo dan Kerajaan Brunei yang didirikan oleh Awang Alak Betatar.

Kajian ke atas kandungan *Maragtas* ini adalah berdasarkan kepada versi Father Santaren yang diterbitkan dalam rencana Fred Eggan¹³⁴ dan versi Pedro Monteclaro yang diterjemahkan oleh Manuel Carreon.¹³⁵ Kandungan cerita dalam versi Father Santaren bolehlah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pertama mengisahkan tentang penghijrahan Datu-datu dari Borneo ke Pulau Panay dan perundingan mereka dengan ketua kaum di Pulau Panay untuk membeli pulau tersebut; kedua mengisahkan tentang pembunuhan Raja Macatunao di Borneo oleh Datu-datu berkenaan; dan ketiga ialah tentang kehidupan Datu-datu tersebut di Pulau Panay dan sekitarnya. Sementara versi Pedro Monteclaro selain daripada mengandungi apa yang terdapat dalam versi Father

¹³⁰ Father Santaren, “Bisayan Accounts of early Bornean Settlements in the Philippines”, *SMJ*, Vol. VII, No. 22, 1956, hlm. 23-24.

¹³¹ Demy P. Sonza, “The Bisaya of Borneo and the Philippines: A new look at the Maragtas”, *SMJ*, Vol. XX, No. 40-41, 1972, hlm. 33.

¹³² Manuel L. Carreon, “Maragtas: The Datus From Borneo (The Earliest Known Visayan Text)”, *SMJ*, Vol. VIII, No. 10, 1957, hlm. 52-99.

¹³³ Gregorio F. Zaide, *Sejarah Politik dan Kebudayaan Filipina*, Kuala Lumpur: DBP, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1972, hlm. 32-35.

¹³⁴ Father Santaren, “Bisayan Accounts of early Bornean Settlements in the Philippines”, hlm. 24-42.

¹³⁵ Manuel L. Carreon, “Maragtas: The Datus From Borneo (The Earliest Known Visayan Text)”, hlm. 61-98.

Santaren dilengkapkan lagi dengan *Tatasusila Maragtas* (*The Maragtas Code*) yang merupakan suatu kod undang-undang yang diamalkan di Pulau Panay.

Maragtas merupakan sumber tradisi lisan yang tertua mengenai Borneo dan Brunei berjaya dikumpul dan diterbitkan. Sumber ini lebih tua daripada SAS kerana ianya menceritakan tentang peristiwa yang berlaku pada zaman sebelum berdirinya Kesultanan Brunei. Mengikut G. F. Zaide peristiwa ini berlaku pada abad ke-13 iaitu zaman kejatuhan Kerajaan Bisaya di tangan kaum Melanau di barat laut Borneo.¹³⁶ Kisah yang diceritakan dalam *Maragtas* ini tidak lagi ditemui di Borneo dan ianya sudah tentu lenyap begitu saja jika tiada usaha pihak Sepanyol untuk mengumpulnya. Oleh itu, kesedaran untuk mengumpul peristiwa bersejarah yang terdapat dalam tradisi lisan adalah begitu penting bagi menyelamatkan khazanah sejarah yang begitu penting ini. Peristiwa-peristiwa penting yang diceritakan melalui sumber ini adalah seperti berikut:

Penghijrahan Kaum Bisaya ke Pulau Panay

Menceritakan tentang penghijrahan sepuluh orang Datu (kaum Bisaya) dari Borneo ke Pulau Panay yang terdiri daripada Datu Pute (ketua), Datu Lubay, Datu Bangcaya, Datu Paiburong, Datu Somacuel, Datu Domangsil, Datu Domalog, Datu Padoginog, Datu Domongsol dan Datu Balensusa. Di samping itu disebut juga nama-nama kaum keluarga para Datu tersebut seperti nama isteri, anak dan hamba yang menyertai penghijrahan itu. Mereka meninggalkan Borneo menggunakan perahu yang diberi nama Beniday. Setelah belayar beberapa hari menuju ke utara mereka sampai ke Pulau Panay. Pada masa itu Pulau Panay didiami oleh orang Ati (Negrito) dibawah perintah Penghulu Datu Marekudo dan isterinya Maniuantiuan. Datu Pute telah bertemu Datu Marekudo di

¹³⁶ Gregorio F. Zaide, *Sejarah Politik dan Kebudayaan Filipina*, hlm. 32-35.

sebuah kampung bernama Sinugbuhan untuk merundingkan penjualan tanah-tanah di kawasan tersebut. Dalam perundingan itu Datu Marekudo bersetuju menjualnya dengan menawarkan harga kepada Datu Pute sebanyak satu saduk emas (topi yang lebar tepinya) dan seutas rantai emas yang panjang untuk isterinya. Setelah selesai urusan penjualan itu Datu Marekudo dan orang-orangnya berundur ke kawasan pergunungan meninggalkan orang Borneo itu berkuasa di Pulau Panay. Setelah itu Datu Pute, Datu Domangsil dan Datu Balensusa meneruskan pelayaran mereka lagi ke utara dan sampai ke Tasik Taal dekat Luzon dan menjadi tempat tinggal Datu Dumangsil dan Datu Balkasusa.¹³⁷

Balas Dendam ke atas Raja Macatunao

Setelah selesai menguruskan penempatan baru di Pulau Panay dan sekitarnya, Datu Pute dan keluarganya kembali semula ke Borneo untuk membalas dendam ke atas Raja Macatunao. Raja Macatunao adalah seorang raja yang yang memerintah Borneo (di pantai barat laut Borneo) yang disebut dalam manuskrip ini sebagai Sultan Macatunao (beragama Islam). Raja ini berlaku zalim ke atas rakyatnya termasuklah ke atas para pembesarnya yang bergelar Datu yang juga menjadi menteri dalam kerajaannya. Di sebabkan kezaliman inilah para pembesarnya (Datu-datu tersebut) meninggalkan Borneo (Bornay). Walau bagaimanapun mereka kembali semula ke Borneo untuk membalas dendam ke atas Raja Macatunao dan dengan kekuatan yang ada mereka berjaya membunuh Raja Macatunao dan seluruh kaum keluarganya di daerah Odtojan (Tutong?) yang menjadi pusat pemerintahannya. Peristiwa pembunuhan raja tersebut merupakan suatu peperangan besar yang berlaku di Borneo yang melibatkan 5,000 orang panglima Raja Macatunao di mana semuanya berjaya dibunuh oleh angkatan Datu-datu tersebut. Dengan pembunuhan Raja Macatunao itu berakhirnya pemerintahan

¹³⁷ Father Santaren, "Bisayan Accounts of Early Bornean Settlements in the Philippines", hlm. 26.

Dinasti Macatunao di Borneo. Rakyat Raja Macatunao yang terselamat dalam perperangan itu telah di bawa oleh Datu-datu berkenaan ke Pulau Panay.¹³⁸

Kehidupan di Pulau Panay

Penghijrahan Datu-datu dari Borneo ke Pulau Panay itu juga turut membawa tamadun yang diwarisi oleh mereka ke kawasan tersebut. Mereka telah memperkenalkan sistem pentadbiran wilayah (pulau) berdasarkan kepada corak pentadbiran berpusat yang amalkan di Borneo. Tanah-tanah jajahan yang mereka duduki itu telah dikumpulkan kepada tiga wilayah utama iaitu pertama disebut wilayah Hantik (sekarang Antique) di bawah perintah Datu Sumakwel, kedua wilayah Aklan (sekarang Capiz) di bawah perintah Datu Bangcaya dan ketiga wilayah Irong-Irong (sekarang Iloilo) di bawah perintah Datu Paiburong. Bagi tujuan perlindungan bersama dan pemerintahan yang lebih baik semua wilayah tersebut disatukan di bawah satu pertubuhan politik yang dinamakan Pengabungan Madya-as, iaitu di bawah perintah menyeluruh Datu Sumakwel. Dengan itu seluruh pulau yang diperintah oleh para Datu itu diperintah menggunakan suatu sistem pentadbiran yang mereka warisi di Borneo.¹³⁹

Kisah yang terdapat dalam manuskrip *Maragtas* ini tidak pernah diceritakan dalam tradisi lisan di Borneo khususnya dalam kalangan penduduk peribumi di pantai barat laut Borneo seperti kaum Melanau dan Bisaya. Kemungkinan cerita ini berlaku pada zaman awal sebelum berdirinya Kerajaan Brunei yang diasaskan oleh Awang Alak Betatar pada abad ke-14. Mengikut Zaide kejadian tersebut berlaku pada abad ke-13 Masihi.¹⁴⁰ Ini bermakna *Maragtas* merupakan satu-satunya sumber tradisi lisan yang terawal menceritakan tentang kerajaan dan masyarakat di pantai barat laut Borneo pada

¹³⁸ Ibid., hlm. 34-35.

¹³⁹ Manuel L. Carreon, "Maragtas: The Datus from Borneo (The Earliest Known Visayan Text)", hlm. 83.

¹⁴⁰ Gregorio F. Zaide, *Sejarah Politik dan Kebudayaan Filipina*, hlm. 32-35.

abad ke-13 dengan begitu lengkap yang berjaya didokumentasi sebagai sebuah manuskrip tertua di Borneo dan Filipina. Kewujudan sumber ini bukan saja menunjukkan adanya kerajaan di pantai barat laut Borneo sebelum berdirinya Kerajaan Brunei tetapi juga membantu memperjelaskan tentang Kerajaan Melanau yang diceritakan dalam *SAS* yang sudah berdiri sebagai sebuah kuasa besar di pantai barat laut Borneo sebelum Awang Alak Betatar mendirikan kerajaannya di Brunei.¹⁴¹ Sudah tentunya Raja Macatunao yang diceritakan dalam *Maragtas* itu ialah Raja Tugau yang disebut dalam *SAS* dan tradisi lisan orang Melanau. Ini bermakna Kerajaan Bisaya sudah wujud lebih awal daripada Kerajaan Melanau.

Jika penghijrahan ini berlaku pada abad yang ke-13 bermakna Kerajaan Bisaya sudah berdiri selewat-lewatnya pada abad yang ke-10 atau lebih awal daripada itu. Adakah Kerajaan Pu Ni yang disebut dalam sumber Cina pada abad yang ke-10 itu sebenarnya Kerajaan Bisaya yang disebut dalam *Maragtas* itu? Dari segi tamadun dan budaya yang diamalkan oleh Datu-datu yang diceritakan dalam *Maragtas* itu mempunyai persamaan dengan apa yang diceritakan oleh sumber Cina mengenai masyarakat Pu Ni pada abad ke-10. Antaranya ialah pakaian dan barang kemas yang mereka gunakan. Dalam *Maragtas* kaum keluarga Datu-datu yang berhijrah ke Pulau Panay digambarkan kaya dengan emas sehingga mampu membeli Pulau Panay dengan emas dari kaum asli di pulau tersebut. Kekayaan dengan emas ini juga disebut dalam laporan Cina pada tahun 977 yang menyebutkan bahawa, “alat perkakas mereka kebanyakannya diperbuat daripada emas dan perak”. Sementara mengenai Raja Pu Ni disebut, “jika raja tidak memakai pakaian, pada lengan baginda disarungkan dengan emas dan di pergelangan tangannya dililiti dengan rantai emas”.¹⁴² Oleh itu laporan

¹⁴¹ Dalam *SAS* menceritakan tentang Kerajaan Melanau di Igan yang sudah menguasai sebahagian besar wilayah barat laut Borneo bermula dari Limau Manis (sekarang terletak di Daerah Brunei) hingga ke Sambas. Perkara ini dibincangkan dalam Bab 3 dalam tajuk kecil “Jajahan Takluk Brunei”.

¹⁴² Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 96.

Cina mengenai Pu Ni pada abad ke-10 dapat dibuktikan melalui kemewahan keluarga Datu-datu yang berhijrah ke Pulau Panay yang disebut dalam *Maragtas*.

Selain daripada itu persamaan juga terdapat dalam pembuatan kain yang diceritakan dalam kedua-dua sumber berkenaan. Dalam laporan Cina menyebut bahawa Negeri Pu Ni, “tidak memelihara ulat sutera tetapi memproses bunga ‘ji-bei’ sebagai kain”.¹⁴³ Perkara ini disebut dalam *Maragtas* bahawa penduduk Pulau Panay membuat benang dari bunga tumbuhan-tumbuhan. Sebelum sutera digunakan, pakaian mereka juga diperbuat daripada nyaman daun kelapa yang diwarnakan hitam. Ini menunjukkan bahawa *Maragtas* telah menjelaskan lagi keterangan dalam sumber Cina itu. Selain daripada itu orang Bisaya di Pulau Panay juga sudah mempunyai kemahiran membuat tembikar dari tanah liat, perahu besar, peralatan muzik dan sebagainya yang menggambarkan ketinggian tamadun mereka.¹⁴⁴

Kedatangan semula Datu-datu yang berhijrah ke Pulau Panay sudah tentu berlaku selepas kejatuhan Kerajaan Melanau ke tangan Brunei. Kesempatan ini telah digunakan oleh Datu-datu tersebut untuk membunuh Raja Macatunao dan seluruh kaum keluarganya di sebuah daerah yang disebut Odtojan (Tutong?). Selain daripada itu kewujudan Kerajaan Melanau ini juga disebut dalam sumber Jawa *Nagarakretagama* (ditulis pada tahun 1365) sebagai salah sebuah kerajaan di pantai barat laut Borneo yang berada di bawah naungan Majapahit selain daripada Kerajaan Brunei dan Kalaka.¹⁴⁵ Nama Kerajaan Bisaya tidak terdapat dalam sumber Jawa itu kerana kerajaan tersebut sudah lenyap pada awal abad ke-14 dan digantikan oleh Kerajaan Melanau dan Brunei.

¹⁴³ Ibid.

¹⁴⁴ Manuel L. Carreon, “Maragtas: The Datus from Borneo (The Earliest Known Visayan Text)”, hlm. 90-97.

¹⁴⁵ Satyawat Suleiman, *The Ancient History of Indonesia*, hlm. 47.

Sumber *Maragtas* ini merupakan satu-satunya maklumat yang menceritakan tentang kewujudan Kerajaan Bisaya di pantai barat laut Borneo. Kerajaan ini dipercayai menguasai sebahagian besar wilayah-wilayah di kawasan tersebut. Bukti daripada penguasaan tersebut ialah nama Sungai Bisaya masih wujud di Rejang dan nama Igan yang terdapat di kuala Rejang juga digunakan untuk menamakan tempat di Pulau Panay oleh Datu-datu tersebut.¹⁴⁶ Sumber *Maragtas* ini secara tidak langsung telah memberi suatu maklumat tentang kerajaan tersebut yang diperintah oleh Datu-datu yang melarikan diri ke Pulau Panay itu. Akibat daripada perpindahan para pembesar kaum Bisaya ini menandakan keruntuhan kerajaan tersebut di Borneo dan bermulanya golombang perhijrahan kaum Bisaya ke Kepulauan Filipina. Mengikut P.S. Shim orang Bisaya yang berpindah itu ada yang singgah dan menetap di utara Borneo (Sabah) sehingga mewujudkan masyarakat kaum Bisaya di kawasan tersebut. Di samping itu ada juga penduduk yang berpindah itu kembali semula ke Borneo.¹⁴⁷ Ini termasuklah kaum Bisaya yang mendiami Daerah Limbang sekarang.

Berdasarkan sumber Sepanyol mengenai penduduk-penduduk di Kepulauan Filipina yang direkodkan pada tahun 1570 menunjukkan bahawa gelaran Bisaya (Viseys) ke atas penduduk-penduduk di Pulau Panay dan orang Negros sudah digunakan dalam laporan tersebut. Begitu juga dalam laporan Provedano pada tahun 1572 telah menulis tentang masyarakat ‘Visayos’ yang berada di Pulau Panay.¹⁴⁸ Kewujudan gelaran ini sudah tentunya dibawa oleh orang Bisaya yang berpindah dari Borneo. Para ahli sejarah telah mengaitkan kerajaan ini dengan Kerajaan Sri Vijaya yang pernah mengembangkan pengaruhnya di bahagian barat laut Borneo sejak abad ke-7 Masihi. Oleh itu nama Bisaya itu sendiri dikatakan berasal daripada nama Sri

¹⁴⁶ Demy P. Sonza, “The Bisaya of Borneo and the Philippines: A New Look at the Maragtas”, hlm. 35-36.

¹⁴⁷ Ibid., hlm. 37.

¹⁴⁸ Ibid., hlm. 34.

Vijaya.¹⁴⁹ Namun begitu walaupun Kerajaan Bisaya di Borneo sudah lenyap pada abad ke-14 itu tetapi nama kerajaan ini telah direkodkan dalam peta-peta Borneo pada tahun 1563 dan 1598.

Dalam peta-peta tersebut Kerajaan Bisaya telah diletakkan di Teluk Brunei dengan menamakannya sebagai Kota Bisaya (Bacanja).¹⁵⁰ Adalah tidak pasti sejauh manakah hubungannya Kota Bisaya yang dicatatkan dalam peta tersebut dengan orang Bisaya yang berpindah ke Pulau Panay. Adakah kota Bisaya yang disebutkan itu mempunyai hubungan dengan laporan Antonio Pigafetta pada tahun 1521 yang menyebut tentang kewujudan sebuah kerajaan kafir di Teluk Brunei.¹⁵¹ Kemungkinan kerajaan tersebut dimiliki oleh orang Bisaya di Limbang kerana di daerah tersebut masih didiami oleh etnik Bisaya sehingga sekarang. Bukti-bukti arkeologi yang ditemui di Daerah Limbang dan yang terbaru di Limau Manis menunjukkan adanya penempatan besar-besaran di kawasan tersebut. Namun hasil kajian ke atas orang Bisaya di Daerah Limbang dan Daerah Brunei Muara mendapati bahawa mereka sudah kehilangan kisah penghijrahan 10 orang Datu itu. Dalam laporan Sepanyol *Boxer Codex* pada tahun 1590 menyebut bahawa kaum Bisaya (kaum ‘Bagangan’ dalam bahasa Bisaya) di Brunei mengaku tunduk kepada Brunei.¹⁵²

Mengikut laporan tersebut kaum Bisaya yang tinggal di Brunei (termasuk Daerah Limbang) tidak mempunyai raja kecuali dipimpin oleh ketua-ketua masyarakat. Ini berbeza dengan kaum-kaum peribumi yang lain seperti Melanau, Kayan dan Murut (Lun Bawang) yang mempunyai sistem hierarki dalam masyarakat mereka. Ini membuktikan bahawa kaum Bisaya di Brunei dan Daerah Limbang adalah pendatang

¹⁴⁹ Ibid., hlm. 32.

¹⁵⁰ Ibid., hlm. 35. (Peta-peta Borneo pada abad ke-16 masih meletakkan nama Kota Bisaya di Teluk Brunei, misalnya dalam peta yang dibuat oleh Belanda pada tahun 1598, lihat Jac. Corn. Van Neck, en Wybrant Warwijck DE TWEED SCHIPV NAAR OINDIE 1598-1600, Linschoten Vereeniging: Linschoten-Vereeniging Deel L, 1940. (Simpanan Pusat Sejarah Brunei.)

¹⁵¹ A. Pigafetta, *Magellan's Voyage*, New Haven: Yale University Press, 1969, hlm. 102.

¹⁵² J.S. Carroll, “Berunai in the Boxer Codex”, hlm. 3.

baru yang terpisah dari kumpulan yang berhijrah ke Pulau Panay,¹⁵³ atau yang datang semula ke Brunei setelah melarikan diri dari kekejaman Raja Makatunao seperti yang diceritakan dalam *Maragtas*.¹⁵⁴ Berdasarkan laporan *Boxer Codex* ini menunjukkan penghijrahan semula kaum ini ke Brunei berlaku sebelum pada abad ke-16.

Wilayah Bisaya

Perpindahan Datu-datu Bisaya ke Pulau Panay telah berjaya mengembangkan pengaruh kaum Bisaya di beberapa buah pulau di Pulau Filipina dan utara Borneo apabila mereka mula meneroka kawasan-kawasan baru untuk didiami. Dalam *Maragtas* diceritakan tentang peranan yang dimainkan oleh Datu Bangkaya dan Datu Somacuel dalam mencari penempatan baru bagi kaum keluarga mereka. Dalam suatu kisah apabila Datu Bangcaya diminta untuk memilih sama ada emas atau perak oleh penduduk di Pulau Rere-anon sebagai ganjaran setelah ia berjaya membantu menyelesaikan masalah mereka. Datu Bangcaya sebaliknya hanya meminta diberikan biji-biji benih, buah dan tunas yang terdiri daripada berbagai jenis pokok dan sayur-sayuran. Setelah diberikan dengan berbagai jenis benih dan tumbuh-tumbuhan itu Datu Bangcaya bersama Datu Somacuel telah mengembara ke merata tempat untuk menanam biji-biji benih dan tumbuhan tersebut di setiap tempat yang mereka singgahi.¹⁵⁵

Peranan yang dimainkan oleh Datu Bangkaya dan Datu Sumacuel itu serupa dengan apa yang dilakukan oleh Sultan Bolkiah, Sultan Brunei yang kelima ketika meluaskan Empayar Brunei dengan membawa segantang lada hitam ketika dalam pelayaran mengelilingi Pulau Borneo dan menanam sebiji lada itu di setiap pulau yang

¹⁵³ Mengikut R.A. Bewsher, kaum Bisaya di Daerah Limbang adalah berasal dari hulu Daerah Tutong dan Belait, dan berpindah ke Limbang setelah berjaya mengalahkan kaum Lun Bawang. R.A. Bewsher, "Bisayan Accounts of Early Bornean Settlements in the Philippines Recorded by Father Santaren", *SMJ*, Vol. VII, No. 7, 1956, hlm. 50, lihat juga P.S. Shim, *Inland People of Sabah*, hlm. 13-22.

¹⁵⁴ Father Santaren, "Bisayan Accounts of early Bornean Settlements in the Philippines", hlm. 26.

¹⁵⁵ Ibid., hlm. 30-31.

dijumpainya sehingga lada tersebut habis.¹⁵⁶ Ini menunjukkan bahawa tradisi menanam tumbuh-tumbuhan atau benih ke tempat-tempat yang baru diduduki sudah lama diamalkan oleh kaum Bisaya sebelum Sultan Bolkiah.

Kesimpulan

Sumbangan naskhah-naskhah lama seperti *Syair Awang Semaun (SAS)* dan *Silsilah Raja-Raja Brunei (SRB)* yang mengandungi berbagai versi telah berjaya menyelamatkan khazanah sejarah Brunei yang berbentuk tradisi lisan dari pupus ditelan zaman. Dua naskhah tersebut menjadi sumber utama dalam penyelidikan sejarah Kerajaan Brunei walaupun penulisannya berasaskan kepada tradisi lisan. Oleh itu nilai sejarah yang terkandung dalam dua sumber tersebut tidak berbeza dengan sumber lisan yang belum ditulis atau direkodkan, kerana keduanya dikategorikan sebagai sumber lisan. Tidak menghairankan jika masih banyak lagi ditemui cerita-cerita mengenai Kerajaan Brunei yang tidak terkandung dalam *SAS* dan *SRB* khususnya yang terdapat dalam kalangan etnik Lun Bawang dan etnik Lundayeh di Lawas, Sarawak dan Kalimantan Timur.

Selain daripada itu sumbangan *Maragtas* iaitu sebuah manuskrip kuno yang mengisahkan tentang penghijrahan kaum Bisaya dari Borneo ke Pulau Panay, Filipina begitu besar sekali dalam pengumpulan tradisi lisan kaum Bisaya di Borneo yang dianggarkan berusia 800 tahun (abad ke-13). Tanpa sumbangan sumber ini sudah tentu tidak diketahui peristiwa yang berlaku ke atas kaum Bisaya yang berhijrah dari Borneo ke Pulau Panay, Filipina pada abad ke-13 itu. Peristiwa ini sudah luput dari ingatan masyarakat Bisaya yang berada di Brunei dan di Sabah, dan kaum Bisaya di Pulau Panay sekarang hanya mempunyai pengetahuan yang sedikit tentang sejarah awal

¹⁵⁶ *Alamat Zaman Ketakhtaan Di Negeri Brunei*, hlm. 14-15.

mereka. Kandungan *Maragtas* ini belum dibuat kajian tentang hubungannya dengan kerajaan awal Brunei yang terdapat dalam sumber China pada abad ke-10. Oleh itu sumber ini begitu penting dibuat kajian untuk mengisi kekosongan sumber rujukan dalam sejarah Brunei sebelum berdirinya Kerajaan Brunei pada pertengahan abad ke-14. Berdasarkan sumber *Maragtas* ini bolehlah dibuat kesimpulan bahawa Kerajaan Brunei yang memerintah pada abad ke-10 hingga abad ke-14 adalah kerajaan yang didirikan oleh kaum Bisaya, sementara kerajaan Brunei lepas itu adalah kerajaan yang didirikan oleh kaum Kelabit etnik Lun Bawang sebelum bertukar menjadi kerajaan Melayu apabila masuknya orang Melayu dari Sumatra dan Singapura ke dalam kerajaan tersebut sehingga ianya bertukar menjadi sebuah kerajaan Kesultanan.

Selain daripada itu sebuah lagi manuskrip lama yang mengandungi sejarah awal orang Idaan di Lahad Datu, Sabah telah berjaya ditemui. Manuskrip tersebut ditulis dalam bahasa Idaan menggunakan tulisan jawi. Penulisannya dianggarkan sekitar abad yang ke-15 iaitu mengambil kira kedatangan pengaruh Islam ke atas puak tersebut yang dipelopori oleh seorang puak Idaan bernama Abdullah. Abdullah adalah generasi kesepuluh daripada pengasas puak Idaan yang diceritakan dalam manuskrip tersebut. Cerita yang terkandung dalam manuskrip ini adalah tentang sejarah awal puak Idaan yang ditulis berdasarkan tradisi lisan. Namun dokumen yang tersimpan di tangan Imam Injar di Kampong Sapagaya yang diwarisinya daripada ayah dan datuknya adalah berupa salinan daripada teks asal. Mengikut Barbara Harrisson yang menterjemahkan dokumen ini ke dalam bahasa Inggeris bahawa dokumen tersebut telah melalui beberapa proses penyalinan dengan memasukkan unsur-unsur Islam. Sudah tentu terdapat perubahan kandungan daripada teks asal yang dianggap mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam. Dokumen terjemahan Barbara Harrisson ini memperlihatkan unsur-unsur mitos dalam menceritakan tentang asal-usul kejadian

orang Idaan di Kinabatangan, Sabah. Berdasarkan sumber Idaan menyebut bahawa Abdullah telah pergi ke Sulu untuk berjumpa dengan Sultan Sulu dan menganut agama Islam sebelum ia pulang ke Borneo untuk mengembangkan agama Islam dalam kalangan kaumnya. Selain daripada itu Sultan Sulu telah mengarahkan kerabatnya bernama Datu Sapiuddin pergi ke Borneo untuk mencari seorang perempuan yang cantik untuk dijadikan isterinya. Dalam pencariannya itu ia berjumpa seorang perempuan Idaan yang cantik bernama Sapaila anak seorang ketua Idaan bernama Raja Tun Sarang. Datu Sapiuddin berjaya mengahwini perempuan tersebut. Daripada perkahwinan itu melahirkan Datu Dakula, seorang tokoh terkenal di Sulu.¹⁵⁷

Sudah tentu sumber ini berguna dalam membincangkan hubungan Brunei dengan etnik Tidung di Kalimantan Timur yang juga mempunyai hubungan yang rapat dengan Kesultanan Sulu pada abad ke-17. Raja Tidung ke-6 bernama I Bengawan dikatakan dalam sumber Tidung adalah beragama Islam iaitu hasil daripada hubungan etnik tersebut dengan Kesultanan Sulu. Hubungan Brunei dengan etnik Tidung akan dibincangkan dalam Bab 4 dan Bab 5.

¹⁵⁷ S. Holly, "The Origin of the Idahan People", *SMJ*, July 1955, hlm. 259.

BAB 4: SUMBER LISAN KAMPONG AYER, BRUNEI

Pengenalan

Bab ini menghuraikan tentang tradisi lisan yang dimiliki oleh orang Brunei (etnik Brunei) yang tinggal atau berasal daripada Kampong Ayer, Brunei. Fokus utama kajian ini ialah bagi melihat kandungan tradisi-tradisi lisan etnik tersebut yang mempunyai nilai sejarah khususnya sejarah awal Kesultanan Brunei. Kajian ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu pertama bahagian pendahuluan yang membincangkan tentang apa yang dimaksudkan dengan sumber Brunei itu dan ruang lingkup kajian dalam tradisi lisan Brunei. Kedua mengenai dengan latar belakang dan sejarah awal penduduk Kampong Ayer di Brunei yang terdiri daripada etnik peribumi (Lun Bawang), Jawa dan orang Melayu dari Johor dan Sumatra. Ketiga ialah mengenai hasil penyelidikan dan pengumpulan tradisi lisan di Kampong Ayer yang melibatkan 58 orang pengkisah dari 30 buah kampung pada tahun 1986 dan juga penyelidikan-penyelidikan tambahan tahun 1990 hingga 2008.

Keempat kajian dan analisis bahan (hasil wawancara) yang dilihat dari perspektif sejarah dan sumbangannya terhadap sejarah awal Kerajaan Brunei pada pertengahan abad ke-14 seperti sejarah penghijrahan Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya daripada Kalimantan Timur ke Brunei, sejarah pengasasan kerajaan Brunei di Kampong Ayer dan sejarah pemerintahan, perluasan Empayar Brunei di Borneo dan peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Kerajaan Brunei zaman pemerintahan Awang Alak Betatar.

Bidang Kajian

Sumber Brunei ialah sumber yang datang daripada orang Brunei iaitu penduduk Brunei yang berasal atau menetap di Kampong Ayer, Brunei. Mereka juga dikenali sebagai etnik Brunei (disebut juga puak Brunei) mengambil sempena nama negeri Brunei yang berpusat di Kampong Ayer. Kajian ke atas sumber ini tidak terhad kepada orang Brunei yang tinggal di Kampong Ayer tetapi juga ke atas mereka yang telah berhijrah dari Kampong Ayer akibat daripada perpindahan penduduk dari Kampong Ayer ke kawasan darat. Oleh itu tafsiran sumber Brunei dalam kajian ini ialah merujuk kepada tradisi lisan yang diwarisi oleh orang Brunei (etnik Brunei) yang berasal dari Kampong Ayer. Sumber ini merupakan sumber sejarah terpenting dalam kajian ini kerana orang Brunei adalah menjadi teras kepada pembinaan tamadun awal Brunei dan juga nadi kepada kekuatan kerajaan pada zaman awal pembentukannya.¹

Ini mempunyai hubungan dengan kehidupan mereka di Kampong Ayer iaitu Bandar Brunei yang menjadi pusat pemerintahan serta perdagangan. Oleh itu mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan kehidupan istana yang juga didirikan di Kampong Ayer dan terlibat secara langsung dalam pentadbiran kerajaan. Dalam kalangan mereka dilantik para aristokrat Brunei seperti Manteri, pemimpin agama, hulubalang, pegawai Istana, penulis diraja dan pengasuh Istana. Oleh itu sumber Brunei juga dianggap sebagai sumber Istana kerana mereka adalah pendukung kepada institusi Istana itu sendiri. Tradisi lisan mereka juga bersumberkan daripada Istana kerana Istana itu sendiri merupakan gedung ilmu dan tamadun Melayu yang menyimpan segala khazanah ilmu seperti kitab-kitab dan naskhah-naskhah lama. Di samping itu orang Brunei juga berperanan sebagai penyumbang kepada sumber tersebut kerana daripada

¹ Etnik Brunei adalah salah satu etnik atau puak yang termasuk dalam takrif bangsa Melayu di Brunei mengikut *Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei 1961*. Selain daripada puak Brunei ialah puak Tutong, Belait, Kedayan, Bisaya, Dusun dan Murut. Penggunaan istilah etnik Brunei dalam kajian ini adalah merujuk kepada etnik Brunei mengikut undang-undang tersebut. Lihat, *Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei 1961*, Brunei, Bab 4 (1) dan (5), hlm. 12.

merekalah lahirnya penulis-penulis Istana dan pencerita-pencerita tentang sejarah Brunei sehingga tertulisnya *Salasilah Raja-Raja Brunei* dan *Syair Awang Semaun*. Peranan yang bersifat timbal balik di antara Istana dan rakyat yang terdiri daripada orang Brunei ini telah menjadikan sumber Brunei itu suatu yang penting dalam kajian ini.

Sumber Brunei juga sudah lama digunakan oleh orang Barat yang datang ke Brunei untuk menulis tentang Brunei dan Borneo sejak abad ke-16 lagi. Misalnya *Boxer Codex* yang ditulis pada tahun 1590 telah menceritakan tentang sejarah Raja Brunei yang diberi nama Sultan Yusuf yang dikatakan datang ke Brunei 300 tahun dahulu iaitu sebelum laporan tersebut ditulis. Ini bermakna *Boxer Codex* adalah bersumberkan tradisi lisan orang Brunei. Dalam laporan ini dengan jelas menyebut bahawa berdasarkan ‘maklumat yang dapat mereka ingati’ mengenai Raja-raja Brunei yang bermaksud bahawa orang Brunei pada ketika itu telah digunakan oleh penulis *Boxer Codex* untuk melengkapkan penulisannya mengenai raja-raja yang pernah memerintah Brunei.² Nampaknya orang Brunei pada ketika itu hanya dapat mengingati nama-nama Sultan Brunei bermula daripada Sultan Sulaiman, Sultan Brunei yang ke-4 (memerintah di antara tahun 1432-1485) diikuti oleh Sultan Bolkiah yang disebut Sultan Salam dan Sultan Abdul Kahar yang disebut Sultan Aril Lula.³ Sumbangan orang Brunei dalam sejarah Brunei terus digunakan dalam laporan-laporan Barat seperti Belanda dan Inggeris yang datang ke Brunei pada abad ke-17. Dari orang Brunei wujudnya cerita tentang sejarah kedatangan orang Melayu ke Brunei dalam laporan Crawfurd pada tahun 1824,⁴ dan dalam laporan Tradescant Kay pada tahun 1837.⁵ Semua maklumat yang mereka perolehi mengenai Brunei adalah berdasarkan kepada

² J.S. Carroll, “Berunai in the Boxer Codex”, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, Vol. LV, Pt. 2, 1982, hlm. 4.

³ Ibid., hlm. 5.

⁴ J.H. Moor, (ed.), “Borneo Proper”, *Notice of the Indian Archipelago and Adjacent Countries*, Singapore, 1837, hlm. 2.

⁵ J.T. Dickenson, “Notices of the city of Borneo and its inhabitants, made during the voyage of the American brig Himmaleh in the Indian Archipelago, in 1837”, *The Chinese Repository*, Vol. VII, August, 1838, No. 4. hlm. 186.

tradisi lisan yang diberikan oleh orang Brunei di Kampong Ayer. Oleh itu sumbangan tradisi lisan daripada orang Brunei sudah lama digunakan oleh orang Barat dalam penulisan mereka mengenai sejarah Brunei.

Namun masih banyak tradisi lisan orang Brunei belum didedahkan kepada pengetahuan umum khususnya kepada penulis-penulis Barat. Oleh itu penulisan mereka mengenai sejarah Brunei masih bersifat selektif dan memerlukan kajian yang lebih menyeluruh ke atas tradisi lisan yang dippunyai oleh orang Brunei. Misalnya cerita mengenai penghijrahan Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah) dari Kalimantan Timur ke Brunei pada abad ke-14 yang diwarisi oleh orang Brunei di Kampong Saba dan Peramu tidak pernah ditulis dalam laporan Barat. Malah kajian mengenai tradisi lisan ini tidak pernah dilakukan oleh orang Brunei sendiri. Oleh itu kajian mengenai tradisi lisan tersebut begitu penting dalam membentuk suatu hipotesis mengenai asal-usul Raja-raja Brunei.

Sejarah Orang Brunei di Kampong Ayer

Sejarah awal etnik ini adalah seiring dengan kewujudan Kampong Ayer itu sendiri sebagai Bandar Brunei dan juga pusat pemerintahan Kesultanan Brunei pada pertengahan abad yang ke-14 hingga awal abad yang ke-20. Etnik ini terdiri daripada orang Melayu yang berasal daripada negeri-negeri Melayu seperti Johor dan Sumatra di samping orang Jawa dan etnik-etnik peribumi Borneo seperti Murut (Lun Bawang) dan Bisaya. Mengikut laporan Inggeris pada tahun 1824 bahawa etnik-etnik Sulu, Bajau, Dusun, Ilanun, Kadayan, Bisaya, Murut, Kalamut, Tutong, Kyayao, Kayan, Iban, Tatao, Kanawit dan Melando yang menjadi penghuni Kampong Ayer juga dikenali sebagai orang Brunei kerana mereka menetap di Bandar Brunei, “mereka menjadi orang-orang

Brunei bersempena nama bandar itu”.⁶ Ini menunjukkan bahawa sejarah awal orang Brunei di Kampong Ayer mempunyai latar belakang yang berbeza dan tidak terhad kepada orang Melayu yang berasal dari Johor dan Sumatera.

Kewujudan Kampong Ayer sebagai sebuah Bandar Brunei mempunyai hubungan dengan penubuhan kerajaan di Sungai Brunei oleh Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah) sekitar abad ke-14 Masihi. Dalam *Syair Awang Semaun* (SAS) menceritakan tentang perpindahan kerajaan Awang Alak Betatar dari Garang (terletak di Daerah Temburong) ke Sungai Brunei apabila baginda dilantik menjadi Raja Brunei.⁷ Bermula daripada itulah wujudnya perkampungan di atas air yang didiami oleh rakyat dan penduduk Brunei. Kewujudan Kampong Ayer sebagai sebuah perkampungan yang teratur mula dibina Sultan Syarif Ali, Sultan Brunei yang ke-3 apabila baginda membina kota pertahanan menggunakan batu yang mengelilingi bahagian darat bandar Brunei dengan bantuan orang Cina.⁸

Kewujudan kota ini (yang akhirnya diberi nama Kota Batu) telah dilaporkan oleh Antonio Pigafetta pada tahun 1521. Begitu juga dengan perkampungan di atas air yang dikatakan mengandungi 25,000 buah rumah.⁹ Keramaian penduduk Brunei pada waktu itu mempunyai hubungan dengan kedudukan Brunei sebagai pusat perdagangan terpenting di barat laut Borneo. Sudah tentu penghuni Kampong Ayer pada masa itu bukan saja dalam kalangan rakyat Brunei tetapi juga terdiri daripada para pedagang luar yang datang ke Brunei. Lama kelamaan mereka terus menetap di Brunei apabila keadaan kehidupan di sana lebih baik dan secara tidak langsung menambahkan bilangan orang Brunei itu.

⁶ J.H. Moor (ed.), “Borneo Proper”, hlm. 2.

⁷ *Syair Awang Semaun*, versi Muzium Brunei.

⁸ P.L.A. Sweneey (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, *JMBRAS*, Vol. XLI, Pt. 2, 1968, hlm. 54.

⁹ R. Nicholl, *European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century*, Bandar Seri Begawan: Brunei Muzium, 1975, hlm. 11.

Pada umumnya penduduk di Kampong Ayer dibahagikan kepada tiga kumpulan masyarakat yang mempunyai latar belakang sejarah dan sosial-ekonomi yang berbeza. Pertama penduduk asli Borneo iaitu etnik Murut (Lun Bawang) yang menjadi pengikut Awang Alak Betatar dan Semaun yang turut berpindah daripada Garang ke Sungai Brunei pada zaman awal pembukaan Brunei. Kumpulan ini adalah penduduk terawal mendiami Kampong Ayer apabila terbentuknya kerajaan di kawasan tersebut. Mereka juga disebut sebagai Rakyat atau Sakai iaitu pengikut setia Awang Alak Betatar yang bersama-sama baginda berhijrah ke Sungai Brunei. Dari segi sejarahnya mereka adalah berbangsa Lun Bawang yang berasal daripada Daerah Temburong, Lawas dan Kalimantan Timur. Apabila mereka menetap di Kampong Ayer identiti tersebut beransur lenyap dan bertukar menjadi etnik Brunei iaitu mengambil nama Bandar Brunei di Kampong Ayer.

Kedua ialah orang Jawa yang dibawa oleh Raja Jawa sebagai hadiah kepada Awang Alak Betatar setelah ayam Brunei berjaya mengalahkan ayam Jawa dalam satu persabungan ayam di Brunei.¹⁰ Selain daripada itu orang Jawa juga dibawa oleh Sultan Bolkiah pada abad ke-15 apabila baginda berkunjung ke Jawa. Ketiga ialah orang Melayu yang berasal daripada Sumatra dan Johor. Kedatangan mereka ke Brunei dipercayai berlaku sesudah terbentuknya bandar Brunei (Kampong Ayer) di Kota Batu. Tidak ada maklumat yang tepat tentang tarikh kedatangan mereka kerana sejauh ini hubungan orang Brunei dengan kerajaan-kerajaan Melayu di Sumatra dan Johor hanyalah berdasarkan kepada tradisi lisan yang diwarisi oleh penduduk Kampong Ayer.

Crawfurd dalam tulisannya mengenai orang Melayu di Brunei pada tahun 1824 telah mendapatkan maklumat dari orang Brunei sendiri yang mengakui berasal dari Sumatra. Mengikut beliau penghijrahan pertama orang Melayu Brunei yang berasal dari

¹⁰ Syair Awang Semaun.

Sumatra itu adalah melalui daerah-daerah Palembang, Deli, Melaka, Kemboja. Kedatangan mereka ke Brunei dianggarkan berlaku pada pertengahan abad ke-13 Masihi iaitu berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh orang Brunei bahawa Brunei yang pada waktu itu sudah diperintah oleh 29 orang raja dan mengikut Crawfurd jika seorang raja memerintah selama 20 tahun bermakna kerajaan Melayu di Brunei sudah didirikan pada tahun 1244 (580 tahun dahulu). Mengikut beliau lagi iaitu berdasarkan maklumat yang diberikan oleh orang Brunei bahawa kedatangan generasi pertama orang Melayu ke Brunei berlaku sebelum mereka memeluk agama Islam.¹¹ Berdasarkan pentarikhan tersebut menunjukkan bahawa orang Brunei yang berasal daripada Sumatra sudah berada di Brunei sebelum berdirinya Kerajaan Brunei yang diasaskan oleh Awang Alak Betatar. Kemungkinan mereka adalah orang Melayu yang berhijrah lebih awal daripada orang Brunei yang ada sekarang.

Sementara dalam laporan Tradescant Kay seorang bangsa Inggeris yang datang ke Brunei pada tahun 1837 yang telah berjaya mendapatkan maklumat mengenai sejarah awal orang Brunei daripada seorang Pengiran di Kampong Ayer. Berdasarkan maklumat tersebut mengatakan bahawa orang Brunei adalah berasal daripada orang Melayu Minangkabau yang berhijrah ke Johor. Sebelum tiba ke Brunei orang Melayu di Johor berhijrah ke Melaka, ke Riau, ke Lingga dan Brunei. Dari Brunei orang Melayu tersebar ke Sambas dan Matan. Kemungkinan penghijrahan ini berlaku pada zaman kejatuhan Kerajaan Melayu di Singapura pada akhir abad ke-14, iaitu tempoh yang sesuai dengan pembentukan Kerajaan Brunei oleh Awang Alak Betatar pada pertengahan abad ke-14.¹²

¹¹ J.H. Moor, "Borneo Proper", hlm. 3.

¹² J.T. Dickenson, "Notices of the city of Borneo and its inhabitants, made during the voyage of the American brig Himmaleh in the Indian Archipelago, in 1837", hlm.186.

Selain daripada itu kedatangan orang Melayu dari Johor (Singapura) ke Brunei juga dikaitkan dengan Puteri Johor yang berkahwin dengan Awang Alak Betatar pada zaman awal baginda mendirikan kerajaan di Brunei.¹³ Sementara hubungan Brunei dengan Sumatra dikaitkan dengan Kerajaan Pagaruyung di Minangkabau.¹⁴ Namun begitu kedua-dua tempat ini mempunyai asal-usul yang sama iaitu berasal daripada Kerajaan Sriwijaya yang pernah berdiri di Singapura sebelum dijatuhkan oleh Kerajaan Majapahit pada abad ke-14.

Dengan latar belakang sejarah yang berbeza itu telah menjadikan penduduk di Kampong Ayer sebagai sebuah perkampungan yang unik, kerana masyarakatnya kaya dengan kepelbagai budaya yang dibawa dari negeri asal mereka. Ini termasuklah tradisi lisan yang mereka warisi yang mempunyai berbagai versi mengikut latar belakang sejarah awal penduduknya. Bagi mereka yang tinggal di bahagian kuala Kampong Ayer seperti Kampong Saba dan Kampong Peramu penduduknya mewarisi cerita tentang sejarah awal Brunei seperti asal-usul Brunei, Awang Alak Betatar, Awang Semaun dan sebagainya. Tradisi lisan mereka ini tidak pernah dibuat kajian dari perspektif sejarah, kerana selama ini tradisi lisan tersebut hanyalah dilihat sebagai sebuah cerita rakyat yang diragui nilai sejarahnya.

¹³ Dalam *Silsilah Raja-Raja Berunai* disebut tentang perkahwinan di antara Awang Alak Betatar dan Puteri Johor setelah Awang Alak Betatar diislamkan oleh Sultan Johor di Johor. Sementara dalam *Syair Awang Semaun* menceritakan tentang kisah Awang Semaun melarikan Puteri Johor ke Brunei dan seterusnya kisah kedatangan keluarga diraja Johor ke Brunei untuk mengkahwinkan Awang Alak Betatar dengan Puteri Johor. Perkahwinan tersebut menjadi asas kepada hubungan Brunei dan Johor. Lihat, P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 52, Hugh Low, “Selesilah (Book of the Descent) of the Rajas of Brunei”, hlm. 2, *Alamat Zaman Kesultanan Di Negeri Brunei*, hlm. 6-7 dan *Syair Awang Semaun*.

¹⁴ Hubungan ini dikaitkan dengan perkahwinan Datu Godam yang berasal dari Minangkabau dengan puteri Temenggong Abdul Kadir yang berasal di Brunei pada abad ke-16. Keturunan dari mereka yang menurunkan orang Brunei yang menggunakan gelaran Awang. Lihat, *Syair Tarsilah Saribas* dan Hj Mohd Jamil Al-Sufri, *Datu Godam*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2008, hlm. 5.

Penyelidikan Tradisi Lisan di Kampong Ayer

Pengumpulan tradisi lisan mengenai sejarah awal Brunei di Kampong Ayer telah dilakukan oleh Pusat Sejarah Brunei pada tahun 1986. Dalam projek tersebut seramai 58 orang respondan (pengkisah) telah berjaya diwawancara yang melibatkan 30 buah kampung dalam enam buah mukim. Individu-individu yang telah dikenal pasti mempunyai pengetahuan tentang sejarah awal Brunei telah diwawancara oleh penemubual yang dilatih khusus untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting mengenai sejarah Brunei dari berbagai sudut. Sebuah kertas soalan kaji selidik telah disediakan untuk menjadi panduan kepada para pewawancara mengajukan soalan-soalan kepada pengkisah. Kampung-kampung dan pengkisah yang terlibat dalam projek tersebut ialah:

Mukim Saba:

Kampong Saba Tengah (2 orang pengkisah),
Kampong Saba Laut (1 orang pengkisah),
Kampong Saba Darat B (1 orang pengkisah).

Mukim Peramu:

Kampong Peramu (3 orang pengkisah),
Kampong Pekilong Muara (2 orang pengkisah),
Kampong Lurong Sekuna (1 orang pengkisah).

Mukim Sungai Kebun:

Kampong Sungai Kebun (2 orang pengkisah),
Kampong Setia A (4 orang pengkisah),
Kampong Setia B (3 orang pengkisah),
Kampong Sungai Siamas (2 orang pengkisah),
Kampong Klinik (1 orang pengkisah),
Kampong Tarab Bau (1 orang pengkisah).

Mukim Burong Pinggai Ayer:

Kampong Burong Pinggai Ayer (5 orang pengkisah),
Kampong Pandai Besi A (1 orang pengkisah),
Kampong Pandai Besi B (4 orang pengkisah),
Kampong Sungai Pandan A (2 orang pengkisah),
Kampong Pengiran Setia Negara (1 orang pengkisah),
Kampong Pekan Lama (1 orang pengkisah).

Mukim Tamoi:

Kampong Tamoi Ujong (1 orang pengkisah),
Kampong Tamoi Tengah (2 orang pengkisah),
Kampong Pengiran Tajuddin Hitam (1 orang pengkisah),
Kampong Pengiran Kerma Indera Lama (1 orang pengkisah),
Kampong Limbongan (1 orang pengkisah),
Kampong Ujong Bukit (1 orang pengkisah).

Mukim Sungai Kedayan:

Kampong Sungai Kedayan A (2 orang pengkisah),

Kampong Sungai Kedayan B (6 orang pengkisah),

Kampong Sultan Lama (1 orang pengkisah),

Kampong Bukit Salat (1 orang pengkisah),

Kampong Kuala Peminyak (2 orang pengkisah),

Kampong Ujong Tanjong (2 orang pengkisah).

Soalan Kaji Selidik dan Perolehan

Soalan kaji selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu pertama mengenai sejarah am Brunei, kedua soalan mengenai sejarah kampung, ketiga soalan mengenai sejarah Islam di Brunei, keempat mengenai riwayat hidup pengkisah. Dalam kajian ini penulis hanya memberi tumpuan ke atas sejarah am Brunei iaitu mengenai sejarah awal Kerajaan Brunei dan cerita-cerita penting yang terkandung dalam tempoh tersebut. Namun begitu jawapan yang terdapat dalam soalan sejarah kampung, sejarah Islam dan riwayat pengkisah yang mengandungi maklumat-maklumat mengenai sejarah awal Brunei juga diambil kira sebagai bahan kajian. Setiap soalan kaji selidik telah disediakan dalam sebuah kertas soalan untuk dijadikan panduan kepada para pewawancara mengajukan soalan kepada pengkisah. Dalam soalan mengenai Sejarah Am Brunei terdapat tiga bahagian utama iaitu pertama mengenai sejarah awal Brunei (Kerajaan Brunei) iaitu sejarah Awang Alak Betatar dan peristiwa yang berlaku zaman baginda yang menjadi asas kepada penubuhan Kerajaan Brunei. Kedua sejarah Sultan-sultan dan zaman kegemilangan Brunei (Sultan Bolkiah) dan ketiga peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Brunei seperti Perang Kastila dan Perang Saudara.

Hasil daripada penyelidikan tersebut mendapati bahawa cerita-cerita mengenai sejarah awal Kerajaan Brunei adalah berdasarkan kepada komposisi penduduk di Kampong Ayer. Pengkisah yang tinggal di Mukim Saba dan Mukim Peramu masih mewarisi cerita-cerita mengenai sejarah awal Brunei seperti sejarah Awang Alak Betatar, Awang Semaun, Awang Jerambak, Ong Sum Ping, Syaraif Mufakih dan Puteri Johor. Ini adalah disebabkan bahawa mereka mempunyai hubungan langsung dengan tokoh-tokoh tersebut khususnya Awang Semaun. Oleh sebab itu asal-usul Raja-raja Brunei dan Awang Semaun terdapat dalam sejarah kampung mereka. Begitu juga apabila bercerita tentang sejarah Islam tidak terlepas dari menyentuh sejarah Awang Alak Betatar. Ini disebabkan bahawa di kampung-kampung tersebutlah sejarah Brunei itu diasaskan. Ini berlainan dengan pengkisah yang tinggal di kampung-kampung dalam Mukim Burong Pinggai dan Mukim Sungai Kedayan yang tidak mempunyai hubungan sejarah dengan Awang Alak Betatar dan oleh itu mereka sudah tentunya tidak mewarisi cerita mengenai tokoh tersebut. Pengkisah dari Mukim Burong Pinggai lebih tertumpu dalam cerita-cerita mengenai perkembangan agama Islam dan Sultan-sultan Brunei selepas Awang Alak Betatar. Sementara pengkisah dari Mukim Sungai Kedayan tertumpu pada cerita mengenai sejarah Sultan-sultan, kesenian, kebudayaan, adat-istiadat dan agama Islam.

Kandungan tradisi lisan berdasarkan komposisi penduduk ini memperlihatkan tentang stratifikasi sosial penduduk di Kampong Ayer yang tinggal berdasarkan kepada latar belakang sejarah awal mereka. Namun terdapat juga pengkisah yang tinggal di luar Mukim Saba dan Mukim Peramu mewarisi tradisi mengenai sejarah awal Kerajaan Brunei seperti yang ditemui di Mukim Tamoi dan Sungai Kebun. Ini disebabkan oleh berlakunya perpindahan penduduk atau individu dari Kampong Saba dan Kampong Peramu ke kampung lain atas faktor-faktor perkahwinan atau berpindah tempat tinggal.

Berikut adalah ringkasan kandungan hasil wawancara mengikut tajuk-tajuk yang diberikan yang menyentuh tentang sejarah awal Kerajaan Brunei khususnya zaman awal kerajaan tersebut. Data perolehan ini tidak termasuk maklumat-maklumat lain diluar daripada fokus kajian.

Mukim Saba

Pengisah: Damong Awang Haji Maidin bin Abdul Latif.

Alamat: Kampong Saba Tengah, Mukim Saba.

Tarikh Lahir: Tahun 1911.

Pendidikan: Sekolah Melayu, Pekan Brunei.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Saba Tengah, Sejarah Am Brunei (Sultan Omar Ali Saifuddien III) dan Sejarah Islam di Brunei.

Pewawancara: Awang Haji Abd. Hashim bin Abd. Hamid.

Tarikh: 7 September 1986.¹⁵

Sejarah Am Brunei

Sejarah awal Raja-Raja Brunei; sejarah Kampong Saba; asal-usul (gelaran) Pateh; Penglima Raja dan Penglima Askar; jajahan Brunei; Raja Pulau Chermin; Air Berkunci (tempat bersejarah yang terletak di Kampong Ayer); dan kedatangan Jepun di Brunei.

Sejarah masjid dan balai di Brunei; pelajaran agama Islam di Brunei.

Pengisah: Awang Haji Chuchu bin Mudim Haji Yahya.

Alamat: No. 5, Kampong Saba Tengah, Mukim Saba.

¹⁵ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0002/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Tarikh Lahir: Tahun 1920.

Pendidikan: Pelajaran agama secara persendirian.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Saba Tengah dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Nayan bin Muhammad.

Tarikh: 22 Disember 1986.¹⁶

Sejarah Kampong Saba Tengah

Sejarah awal Raja-Raja Brunei; sejarah Kampong Saba; asal-usul gelaran Pateh, Penglima Raja dan Penglima Askar; jajahan Brunei; Raja Pulau Chermin; Air Berkumci (tempat bersejarah); dan kedatangan Jepun di Brunei.

Sejarah Am Brunei

Tapak awal Brunei; perkahwinan Alak Betatar; asal-usul Pateh Berbai; asal-usul Mejawa (orang Jawa); asal-usul Ong Sum Ping, Sharif Ali dan para aulia; Sultan Bolkiah (Sultan Brunei ke-5); Sultan Abdul Kahar dan gundik baginda; kedatangan orang Cina dan Arab ke Brunei; serangan Sepanyol ke atas Brunei; Sultan Kanzul Alam; duit Brunei; Labuan Kapal; James Brooke; Perkelahian Pengiran Muda Hashim; Damong; penyerahan Labuan kepada British; dan Perpuspaan Sultan Ahmad Tajuddin; kedatangan Jepun ke Brunei; Sultan Ahmad Tajuddin dilarikan ke Kampong Tantaya; Sultan Omar Ali Saifuddien III dilarikan ke Kampong Berbunut; beras bau tahi, sekolah dan penyakit masa Jepun; tentera Jepun meninggalkan Brunei; asal-usul dundang dan syaer, yadan, menari dan silat; pegukir makan Sultan Bolkiah; perpindahan penduduk Kampong Ayer ke darat.

¹⁶ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0003/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Pengkisah: Penglima Raja Awang Haji Mohiddin bin Pengarah Perseh.

Alamat: Kampong Saba Laut, Mukim Saba.

Tarikh Lahir: Tahun 1932.

Pendidikan: Sekolah Melayu Pekan Brunei.

Pekerjaan: Manteri Darat (Pegawai di Istana)

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Saba Laut dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Nayan bin Muhammad.

Tarikh: 23 Disember 1986.¹⁷

Sejarah Am Brunei

Sultan Bolkiah (Sultan Brunei ke-5); Orang Kaya Digadong; asal-usul Semaun; Syarif Mufakih; peristiwa bersabung ayam (zaman Alak Betatar); Dang Ayang dan Dang Serbanun; Sejarah Kampong Saba; Sultan Hashim; Sultan-Sultan Brunei; cerita si Damit (Penglima Askar).

Pengkisah: Awang Haji Ismail bin Othman.

Alamat: Kampong Saba Barat B, Mukim Saba.

Tarikh Lahir: Tahun 1930.

Pendidikan: Sekolah Melayu Pekan Brunei.

Pekerjaan: Guru Sekolah.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Saba Darat B, Sejarah Islam di Brunei, Sejarah Am Brunei (riwayat hidup Sultan Omar Ali Saifuddien III) dan Riwayat hidup pengkisah.

Pewawancara: Dayang Norhani binti Haji Ismail.

¹⁷ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0001/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Tarikh: 22 Disember 1986.¹⁸

Sejarah Kampong Saba Darat B

Sejarah Kampong Saba, Awang Semaun; perbezaan Kampong Saba dahulu dengan sekarang; zaman Jepun; pemberontakan di Brunei tahun 1962.

Sejarah Islam Di Brunei

Kedatangan Islam di Brunei; Awang Alak Betatar; peranan balai dan masjid dalam perkembangan Islam; kitab-kitab dan guru-guru agama; batu nisan berunsurkan keIslamam di Brunei.

Mukim Peramu

Pengkisah: Awang Damit Merali.

Alamat: Kampong Pekilong Muara, Mukim Peramu.

Tarikh Lahir: Tahun 1921.

Pendidikan: Sekolah Melayu, Pekan Brunei.

Pekerjaan: Guru Sekolah.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Pekilong Muara dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Rosli bin Haji Morni.

Tarikh: 7 September 1986.¹⁹

Sejarah Am Brunei (Kesultanan Brunei)

Awang Alak Betatar, Awang Semaun dan saudara-saudaranya; peristiwa Puteri Johor dilarikan oleh Awang Semaun; Awang Alak Betatar memeluk agama Islam; hubungan

¹⁸ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0004/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

¹⁹ Ibid.

Awang Semaun dengan Pasu Gadong; peristiwa sabung ayam antara ayam Mutiara dan Asmara; asal-usul Lumut Lunting dan Pulau Chermin; Ong Sum Ping mengambil kumala naga di Gunung Kinabalu; Ong Sum Ping datang ke Brunei; kedatangan Sharif Ali dan perkahwinannya di Brunei.

Pengkisah: Awang Haji Jeludin bin Hussain.

Alamat: Kampong Pekilong Muara, Mukim Peramu.

Tarikh Lahir: Tahun 1930.

Pendidikan: Pelajaran agama secara tidak formal.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Pekilong Muara, Sejarah Am Brunei dan Sejarah Islam di Brunei.

Pewawancara: Awang Jumat bin Salleh

Tarikh: 21 Disember 1986.²⁰

Sejarah awal Islam di Brunei

Perkembangan awal pelajaran Islam di Kampong Pekilong Muara; sejarah masjid dan iman-imam; adat dan pergaularan penduduk kampung dulu dan sekarang.

Sejarah Am Brunei (Kesultanan Brunei)

Peristiwa-peristiwa penting dalam pemerintahan Sultan Mohammad Jamalul Alam II, Sultan Ahmad Tajuddin dan Sultan Omar Ali Saifuddien III.

²⁰ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0007/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Pengisah: Pengarah Awang Haji Naim bin Jaafar.

Alamat: Kampong Peramu, Mukim Peramu.

Tarikh Lahir: Tahun 1920.

Pendidikan: Sekolah Melayu, Pekan Brunei.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Peramu, Sejarah Islam di Brunei, Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Adanan bin Haji Abdul Latif.

Tarikh: 21 Disember 1986.²¹

Sejarah Am Brunei (asal-usul Brunei)

Asal-usul Brunei; kisah Pasu Gadong; Lumut Lunting; Kota Batu; Ayer Berkunci; keturunan Awang Semaun; Awang Alak Betatar; Ong Sum Ping; Pateh Berbai; dan Awang Jerambak.

Pengisah: Awang Haji Matassan bin Kassim.

Alamat: Kampong Peramu, Mukim Peramu.

Tarikh Lahir: Tahun 1933.

Pendidikan: Belajar agama secara tidak formal.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Peramu dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Dayang Siti Norhani binti Haji Amai.

Tarikh: 21 Disember 1986.²²

²¹ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0005/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

²² Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0008/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Sejarah Am Brunei

Asal-usul Brunei; Awang Alak Betatar; Awang Semaun; Pateh Berbai; Awang Jerambak; Awang Senuai; Ong Sum Ping; kedatangan dan perkembangan agama Islam; kedatangan orang Cina, Arab, British dan Jepun; kisah Raja Brooke; Pengiran Muda Hashim; Sultan Abdul Momin dan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin; Sultan Jamalul Alam; Sultan Ahmad Tajuddin dan Sultan Omar Ali Saifuddien III.

Pengisah: Awang Haji Ahmad bin Munaf.

Alamat: Kampong Peramu, Mukim Peramu.

Tarikh Lahir: Tahun 1916.

Pendidikan: Pelajaran agama secara persendirian.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Islam di Brunei dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Dayang Siti Norhani binti Haji Amai.

Tarikh: 24 Disember 1986.²³

Sejarah Am Brunei

Orang Brunei zaman awal; Sang Aji; Sang Aji mendapat telur; anak Telur bertunang dengan anak penghulu; kelahiran Awang Alak; Awang Alak mencari bapanya; Awang Alak menjadi raja; Awang Semaun ke Johor (Singapura); cerita Burung Pinggai; Raja Johor ke Brunei; perkahwinan Awang Alak dengan Puteri Johor; Awang Alak bergelar Sultan Ahmad; Ong Sum Ping ke Brunei; Ong Sum Ping digelar Pengiran Maharaja Lela; Ong Sum Ping menjadi raja bergelar Sultan Muhammad; Syarif Mufakih dan perkahwinanya dengan puteri Ong Sum Ping; Syarif Mufakih bergelar Sultan Ali; Brunei mula Islam.

²³ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0063/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Pengisah: Awang Haji Ibrahim bin Khatib Muhammad.

Alamat: Kampong Lurong Sekuna, Mukim Peramu.

Tarikh Lahir: Tahun 1930.

Pendidikan: Sekolah Melayu, Pekan Brunei.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Lurong Sekuna, Sejarah Am Brunei dan Sejarah Islam di Brunei.

Pewawancara: Awang Saili bin haji Chuchu.

Tarikh: 21 Disember 1986.²⁴

Sejarah Am Brunei

Asal-usul Brunei; kisah Awang Alak Betatar, Awang Semaun, Pateh Berbai, Awang Jerambak, Awang Sinuai; kisah persabungan ayam antara ayam Brunei dan Raja Majapahit; Ong Sum Ping mengambil kumala naga di Gunung Kinabalu; kedatangan dan perkembangan agama Islam di Brunei; zaman Sharif Ali; kisah Sultan Sulaiman dan Raja Ayang; zaman Sultan Bolkiah (1485-1524); Puteri Laila Menchanai; asal-usul Ampuan dan Karambunai; kisah Bu Awasa; kisah Datu Dakula; zaman Sultan Kamaluddin; kedatangan orang Cina, Portugis dan Sepanyol; kisah Bukit Marikan; kedatangan British, Jepun; dan zaman Sultan Muhammad Jamalul Alam II (1906 – 1924).

²⁴ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0062/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Mukim Sungai Kebun

Pengisah: Pengarah Awang Haji Besi bin Pateh Jalil.

Alamat: Kampong Setia A, Mukim Sungai Kebun.

Tarikh Lahir: Tahun 1930.

Pendidikan: Sekolah Melayu, Pekan Brunei.

Pekerjaan: Hulubalang Istana (Pegawai Istana).

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Setia A dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Haji Hambali bin Tengah.

Tarikh: 7 September 1986.²⁵

Sejarah Am Brunei

Asal-usul Brunei; kedatangan dan perkembangan agama Islam di Brunei; Sultan Bolkiah; Laila Menchanai; asal-usul Ampuan; Harimau Padang; Perang Kastela.

Pengisah: Awang Haji Salleh Mohammad bin Pateh Jalil.

Alamat: Kampong Setia A, Mukim Sungai Kebun,

Tarikh Lahir: 1923.

Pendidikan: Pelajaran agama secara persendirian.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Saba, Sejarah Kampong Setia A dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Haji Hambali bin Haji Tengah.

Tarikh: 24 Disember 1986.²⁶

²⁵ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0010/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986

²⁶ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0011/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Sejarah Am Brunei

Asal-usul Awang Semaun.

Pengkisah: Pengarah Awang Haji Jair bin Jaafar.

Alamat: Kampong Setia B, Mukim Sungai Kebun.

Tarikh Lahir: 1935

Pendidikan: Sekolah Melayu, Pekan Brunei.

Pekerjaan: Hulubalang Istana (bertugas di Istana)

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Setia B, Sejarah Am Brunei dan Sejarah Pemburisan Perahu dan Riwayat Hidup Sultan Omar Ali Saifuddien III.

Pewawancara: Awang Deli bin Abdul Kadir.

Tarikh: 7 September 1986.²⁷

Sejarah Am Brunei

Kisah Awang Semaun; Tembadau; Si Jerambak bertemu Semaun; Si Jerambak bertengkar dengan Awang Alak; nama tempat Garang; Awang Alak menjadi raja; perlumbaan perahu dan bersuwar antara Semaun dan saudara-saudaranya; kisah ikan sumpit-sumpit; Jerambak dan Semaun menjadi kuat; Jerambak dan Semaun pergi ke Johor mengambil Puteri Johor untuk dikahwinkan dengan Awang Alak; anak Raja China ke Brunei; kisah Ong Sum Ping mengambil kumala naga di Gunong Kinabalu; Ong Sum Ping bergelar Seri Maharaja laila; Ong Sum Ping berkahwin dengan anak Awang Alak; Ong Sum Ping memerintah Brunei; dan cerita Pasu Gadong.

²⁷ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0013/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Pengkisah: Awang Haji Metali bin Sabtu.

Alamat: Kampong Setia B, Mukim Sungai Kebun.

Tarikh Lahir: Tahun 1917.

Pendidikan: Pelajaran agama secara persendirian.

Pekerjaan: Persendirian

Tajuk Wawancara: Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awangku Johani bin Pengiran Pungut.

Tarikh: 23 Disember 1986.²⁸

Sejarah Am Brunei

Kisah anak muda keluar daripada telur matahari; anak muda beristeri; isterinya mengidam makan daging tembadau; kisah anak muda berburu tembadau yang melarikan senumpit ayat mertuanya; kisah anak muda berkahwin di setiap kampung yang disinggahinya semasa berburu tembadau; kisah 40 orang putera anak muda yang mencari ayah mereka dan akhirnya berkumpul di Tawaran; anak muda dan anak-anaknya naik ke Awan Irak (kayangan) dengan Betara; kisah Awang Alak Betatar, Pateh Mambang, Pateh Setia,Lela Langgong dan Semaun; kisah Awang Sunting; Semaun menakluki Negeri Igan tempat tinggal si Jerambak; kisah si Jerambak; kisah Sinuai mendapat ayam dan Burong Agai; kisah Puteri Johor (isteri Alak Betatar) dengan Burong Agai; Burong Agai terbang ke Johor; Semaun dan Jerambak meluaskan jajahan Brunei hingga ke Sulu dan menangkap Raja Sulu; Awang Semaun dengan ikan sumpit-sumpit; Semaun dengan ilanun; Garang; Semaun tinggal di Labu; asal Raja Brunei (Alak Betatar); Negeri Brunei bernama Sang Kanai; Semaun mencari tempat membuat istana; Alak Betatar berkahwin dengan Puteri Johor; Raja Johor mencari puterinya; Burong bernama si Pinggai mencari Puteri Johor; asal nama Kampong Burong Pinggai

²⁸ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0014/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

daripada si Pinggai; puteri Alak Betatar bersama Puteri Johor; kisah Nakara Naubat, Pendayongan, Tambak, Banjur, Pisang, Mengalong dan buah Kerupit; kisah Ong Sum Ping.

Pengkisah: Awang Haji Latif bin Kassim.

Alamat: Kampong Setia B, Mukim Sungai Kebun.

Tarikh Lahir: Tahun 1917.

Pendidikan: Pelajaran agama secara persendirian.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Mohd. Deli bin Abdul Kadir.

Tarikh: 24 Disember 1986.²⁹

Sejarah Am Brunei

Asal-usul raja Brunei; kisah tembadau kena sanupit; Sanupit dijadikan alat kebesaran di Raja Brunei; Betara Sari beristeri ke Brunei (isteri ke-12); Sebelas bersaudara mencari ayah mereka (Betara Sari); asal nama Junjungan; sebelas bersaudara mencari tempat tinggal (berasingan); nama anak-anak Betara Sari (Berbai, Sang Kuna,Si Tuba); Awang Alak menjadi Penghulu (raja); Jerambak orang gagah di Limbang; kisah Semaun dan Damang mengambil Puteri Johor; Awang Alak berkahwin dengan Puteri Johor (Laila Menchanai); kisah Burong Pinggai; anak-anak Awang Alak; kisah Syarif Mufakih; kisah Awang Semaun bersabung ayam; asal-usul Lumut Lunting, Mahkota dan istana di Pulau Chermin.

²⁹ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0015/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Pengkisah: Awang Haji Muhammad bin Haji Halim.

Alamat: Kampong Sungai Siamas, Mukim Sungai Kebun.

Tarikh Lahir: Tahun 1920.

Pendidikan: Pelajaran agama secara persendirian.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Sungai Siamas dan Sejarah Islam di Brunei.

Pewawancara: Awang Ahmad bin Haji Hassan.

Tarikh: 7 September 1986.³⁰

Sejarah Islam di Brunei

Kisah Sultan Sharif Ali, Sultan Bolkiah dan Sultan-sultan yang memerintah Brunei; sejarah Brunei tua; kisah Sang Aji, Awang Alak Betatar, Awang Semaun dan Pateh Merbai; kisah Ong Sum Ping dan asal-usul Gunung Kinabalu.

Pengkisah: Awang Salleh bin Bakar.

Alamat: Kampong Ujong Klinik, Mukim Sungai Kebun.

Tarikh Lahir: Tahun 1935.

Pendidikan: Sekolah Melayu, Pekan Brunei.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Ujong Klinik dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Dayang Rosmah binti Sulaima.

Tarikh: 24 Disember 1986.³¹

³⁰ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0016/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

³¹ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0017/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Sejarah Am Brunei

Kisah Puteri Lela Menchanai; sejarah Lumut Lunting; Nakhoda Ragam; Asal-usul Pulau Siamas; Pateh Merbai; Pasu Gadong.

Mukim Burong Pingai Ayer

Pengkisah: Pehin Khatib Awang Haji Moksin bin Khatib Othman.

Alamat: Kampong Burong Pingai Ayer, Mukim Burong Pingai Ayer.

Tarikh Lahir: Tahun 1898.

Pendidikan: Sekolah agama secara persendirian.

Pekerjaan: Guru agama.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Burong Pingai, Sejarah Am Brunei, Sejarah Islam di Brunei.

Pewawancara: Awang Adnan bin Muhammad dan Awang Ramlil bin Muhammad.

Tarikh: 7 September 1986.³²

Sejarah Am Brunei

Asal-usul Raja-raja Brunei (Awang Alak Betatar); Semaun; kisah Lumut Lunting; Sultan Bolkiah; Ong Sum Ping mencari kumala; Brunei tua sebelum Puni; Brunei tua ke Kota Batu.

Sejarah Islam di Brunei

Islam di Brunei; hukum orang melakukan dosa; sekolah ugama; cara berpakaian dahulu; penyebaran Islam; masalah penyebaran; masjid di Brunei; Imam-Imam di Brunei; Balai; pelajaran ugama; kitab-kitab ugama; sekolah ugama; dan batu-batu nisan Islam.

³² Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0020/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Pengkisah: Awang Haji Hidup bin Mohammad.

Alamat: Kampong Pandai Besi B, Mukim Burong Pingai Ayer.

Tarikh Lahir: Tahun 1930.

Pendidikan: Pelajaran agama secara persendirian.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Pandai Besi B.

Pewawancara: Awang Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman.

Tarikh: 22 Disember 1986.³³

Sejarah Kampong Pandai Besi B

Permainan tradisi (kuit, gasing, radi), seni (bersyair, bersilat), adat dan pantang larang (perkahwinan), pendidikan (sekolah), agama Islam (berzikir, berkhatan, ulama) Sultan-sultan Brunei selepas Awang Alak Betatar khususnya setelah Sultan Muhammd Jamalul Alam dan peristiwa penting dalam sejarah Brunei seperti sejarah ampuan, zaman Jepun, pemberontakan 1962 dan British.

Pengkisah: Awang Haji Othman bin Yaakub.

Alamat: Kampong Pekan Lama, Mukim Burong Pingai Ayer.

Tarikh Lahir: 1935.

Pendidikan: Sekolah Melayu, Pekan Brunei.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Pekan Lama dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Haji Makhbar bin Haji Puting.

Tarikh: 7 September 1986.³⁴

³³ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0024/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Sejarah Am Brunei

Brunei tua dan asal nama Brunei; Awang Alak Betatar membuka negeri; Raja Ayang; sejarah kemasukan agama Islam di Brunei; kisah bersabung ayam; asal-usul Kampong Mejawa (Kedayan); Sultan Bolkiah; Ong Sum Ping; Gunung Kinabalu; sejarah awal masjid; Pulau Chermin; Dato Ahmad; Sultan Saiful Rizal; asal Ampuan; Dato Godam; sejarah Awang-Awang Damit, Awang Menaras dan Awang Melanggar; Brunei zaman Brooke di Sarawak; isu Limbang; kematian Pengiran Muda Hassim dan Pengiran Indera Mahkota; Labuan; Residen Inggeris di Brunei; Sultan Jamalul Alam; Sultan Ahmad Tajuddin; Sultan Omar Ali Saifuddien III; zaman Jepun di Brunei.

Mukim Tamoi

Pengkisah: Awang Metassan bin Bakar.

Alamat: Kampong Tamoi Ujong, Mukim Tamoi.

Tarikh Lahir: Tahun 1917.

Pendidikan: Pelajaran agama secara persendirian.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Tamoi Ujong dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Remang bin Jambu.

Tarikh: 25 Disember 1986.³⁵

Sejarah Am Brunei

Asal-usul Brunei; asal-usul Raja-raja Brunei; Awang Alak Betatar enam orang bersaudara; Awang Semaun; Pateh Merbai; Puteri Johor; Pasu Gadong; Ianun Sulu; Ong

³⁴ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0030/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

³⁵ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0033/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Sum Ping; Syarif Mufakih; kedatangan dan perkembangan agama Islam di Brunei; zaman kegembilangan Sultan-sultan Brunei.

Pengkisah: Awang Haji Besar bin Osman.

Alamat: Kampong Tamoi Tengah, Mukim Tamoi.

Tarikh Lahir: Tahun 1922.

Pendidikan: Pelajaran agama persendirian.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Tamoi Tengah dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Ismail bin Ibrahim.

Tarikh: 24 Disember 1986.³⁶

Sejarah Am Brunei

Asal-usul Brunei; Awang Semaun di Garang; Pasu Gadong di ulu Duau; kisah Awang Semaun, Damang Sari dan Jerambak dan saudara-saudara mereka; bersabung ayam; tiang rumah Jerambak di Rajang, Sarawak; Awang Alak Betatar; Awang Sinuai; Ong Sum Ping dan kuburnya di Kota Batu; Istana Raja China di Brunei; Syarif Mufakih dan Sultan Muhammad; Sultan Sharif Ali; Sultan Abdul Momin; Mahkota; Sultan Bolkiah dan kemasyhurannya; Istana Sultan Bolkiah; Ampuan; Karambunai di Sabah; Pengiran Bendahara Sakam; Orang Kaya Harimau Padang; ufti Limbang ke Brunei; Belacu bertulis kelimah; Sultan Omar Ali Saifuddien III.

³⁶ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0035/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Pengisah: Awang Haji Jeluddin bin Nayan.

Alamat: Kampong Pengiran Tajuddin Hitam.

Tarikh Lahir: Tahun 1930.

Pendidikan: Sekolah Melayu, Pekan Brunei.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Pengiran Terjuddin Hitam dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Jawawi bin Ahmad.

Tarikh: 23 Disember 1986.³⁷

Sejarah Am Brunei

Asal-usul Brunei; asal-usul Raja-raja Brunei (Awang Alak Betatar); asal-usul Awang Semaun, Pateh Berbai, Awang Jerambak, Awang Sinuai dan Ong Sum Ping; kedatangan dan perkembangan agama Islam di Brunei; Sultan Sharif Ali; Raja Chermin; Sultan Sulaiman; Sultan-sultan Brunei dan wali-wali yang berkeramat; Sultan Bolkiah; Pulau Daratan Bini dan Segantang Lada; Puteri Lela Menchanai; bentuk Istana Sultan Bolkiah; kedatangan orang Cina, Arab, India, Portugis, Sepanyol, Belanda, Amerika, British dan Jepun; Sultan Omar Ali Saifuddien I; Sultan Muhammad Tajuddin; dan Sultan Muhammad Kanzul Alam.

Pengisah: Pengiran Jaya Perkasa Pengiran Anak Md. Hassan bin Pengiran Sabtu Kamaluddin.

Alamat: Kampong Pengiran Bendahara Lama, Mukim Tamoi.

Tarikh Lahir: Tahun 1930.

³⁷ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0036/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Pendidikan: Sekolah Melayu, Pekan Brunei.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Pengiran Bendahara Lama dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Muhammad bin Damit.

Tarikh: 7 September 1986.³⁸

Sejarah Am Brunei

Asal-usul Brunei (tempat letak awal Brunei dan nama asalnya); Brunei Tua; perpindahan dari Puni ke Kota Batu; asal-usul Raja-raja Brunei; Awang Alak Betatar; Awang Semaun mendapatkan kegagahan; Pasu Gadong; Raja Ayang; Sultan-sultan Brunei yang berkeramat; Sultan Bolkiah; Sultan Kahar; Ampuan; Karambunai; Sultan Saiful Rizal; Sultan Hasan; Sultan Abdul Jalilul Akbar; Sultan Muhammad Ali; Sultan Abdul Hakkul Mubin; Sultan Muhyiddin; Pehin Orang Kaya Di Gadong Seri Nara; Dato Godam; Sultan Kamaluddin; kedatangan orang Arab, India, Portugis, Sepanyol, Belanda, Amerika, British; kisah beras bau tahi zaman Perang Kedua di Brunei; pemerintahan Jepun di Brunei; Barisan Pemuda; Sultan Omar Ali Saifuddin; Sultan Muhammad Tajuddin; Sultan Muhammad Kanzul Alam; Sultan Muhammad Alam; Sultan Omar Ali Saifuddien II; Sultan Abdul Momin; Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin; Sultan Muhammad Jamalul Alam II; Sultan Ahmad Tajuddin dan Sultan Omar Ali Saifuddien III.

Pengkisah: Awang Haji Mohd. Noor bin Khatib Abdul Razak.

Alamat: Kampong Limbongan, Mukim Tamoi.

Tarikh Lahir: Tahun 1930.

³⁸ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0031/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Pendidikan: Pelajaran agama secara persendirian.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Limbongan, sejarah Islam di Brunei dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Jawawi bin Haji Ahmad.

Tarikh: 23 Disember 1986.³⁹

Sejarah Am Brunei

Asal-usul Raja-raja Brunei; Awang Alak Betatar; Awang Semaun; Pateh Berbai; Awang Jerambak; Awang Sinuai; Ong Sum Ping; kedatangan dan perkembangan Islam di Brunei; Syarif Ali; bentuk masjid zaman Sharif Ali; Syarif digelar Berkat; Raja Ayang; Sultan Bolkiah; Sultan Abdul Kahar; Sultan Saiful Rizal; Sultan Muhammad Hasan; Sultan Abdul Jalilul Akbar; Sultan Muhammad Ali; Sultan Abdul Hakkul Mubin; Sultan Muhyiddin; Sultan Nasruddin; Sultan Kamaluddin; Sultan Omar Ali Saifuddin I; Sultan Muhammad Tajuddin; Sultan Muhammad Kanzul Alam; Sultan Omar Ali Saifuddin II; Sultan Abdul Momin; Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin; Sultan Muhammad Alam; Sultan Ahmad Tajuddin; Sultan Haji Omar Ali Saifuddien III; kedatangan orang Cina, Arab, India, Portugis, Sepanyol, Belanda, Amerika, Inggeris dan orang Jepun ke Brunei.

Sejarah Islam

Islam bertapak di Brunei; orang yang pertama memeluk Islam; perkembangan Islam; kitab-kitab agama; masjid tertua di Brunei; guru agama; sekolah-sekolah.

³⁹ Ibid.

Mukim Sungai Kedayan

Pengkisah: Awang Ahmad bin Jeludin.

Alamat: Kampong Sungai Kedayan A, Mukim Sungai Kedayan.

Tarikh Lahir: Tahun 1933.

Pendidikan: Pelajaran agama secara persendirian.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Sungai Kedayan A dan Sejarah Islam di Brunei.

Pewawancara: Awang Yusof bin Haji Murni.

Tarikh: 24 Disember 1986.⁴⁰

Sejarah Kampong Sungai Kedayan A

Bertukangan perak; membuat makanan; Perang Dunia I dan II; darurat 1962; pencak silat, hadrah dan zikir; cerita rakyat; diang dangan; syair; pantun; kitab; permainan tradisi; pakaian tradisi; perubatan tradisi.

Sejarah Islam di Brunei

Kedatangan dan perkembangan Islam di Brunei; masjid tertua; balai; sekolah; batu nisan.

Pengkisah: Awang Haji Omar bin Daud.

Alamat: Kampong Sungai Kedayan B, Mukim Sungai Kedayan.

Tarikh Lahir: Tahun 1935.

Pendidikan: Pelajaran agama secara persendirian.

Pekerjaan: Persendirian.

⁴⁰ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0040/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Tajuk Wawancara: Sejarah Islam di Brunei.

Pewawancara: Awang Haji Moksin bin Abu Bakar.

Tarikh: 25 Disember 1986.⁴¹

Sejarah Islam di Brunei

Masjid tertua di Brunei; perkembangan agama Islam; imam, balai; pelajaran agama; ulama dan guru; kaedah pengajaran Islam di Brunei.

Pengkisah: Awang Haji Ibrahim bin Ahmad.

Alamat: Kampong Sungai Kedayan B, Mukim Sungai Kedayan.

Tarikh Lahir: 1933.

Pendidikan: Pelajaran agama secara persendirian.

Pekerjaan: Persendirian.

Pengkisah: Sejarah Kampong Sungai Kedayan B, Sejarah Islam di Brunei

Pewawancara: Awang Haji Zainuddin bin Haji Hassan.

Tarikh: 25 Disember 1986.⁴²

Sejarah Islam di Brunei

Kedatangan dan perkembangan Islam di Brunei; masjid lama; masjid dan imam; balai; pelajaran agama; guru; ulama dan kitab-kitab.

⁴¹ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0043/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

⁴² Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0046/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Pengkisah: Awang Haji Naim bin Durahim.

Alamat: Kampong Sultan Lama, Mukim Sungai Kedayan.

Tarikh Lahir: Tahun 1933.

Pendidikan: Pelajaran agama secara persendirian.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Sultan Lama dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Dayang Norsinah binti Tuah.

Tarikh: 25 Disember 1986.⁴³

Sejarah Am Brunei (Brunei Tua)

Pasu Gadong; Awang Alak Betatar; Ong Sum Ping mengambil kumala naga.

Pengkisah: Pehin Bendahari Awang Haji Mat Serudin bin Pehin Tuan Imam Haji Abdul Rahman.

Alamat: Kampong Bukit Salat, Mukim Sungai Kedayan.

Tarikh Lahir: Tahun 1935.

Pendidikan: Sekolah Melayu, Pekan Brunei.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Bukit Salat dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Yussof bin Haji Murni.

Tarikh: 25 Disember 1986.⁴⁴

⁴³ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0051/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

⁴⁴ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0039/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Sejarah Am Brunei

Asal-usul Brunei; Sultan Bolkiah; Sultan Muhammad Jamalul Alam; Sultan Ahmad Tajuddin; pendudukan Jepun; Barip; pergaduhan Melayu dan Cina.

Pengkisah: Awang Haji Tengah bin Zainal.

Alamat: Kampong Kuala Peminyak, Mukim Sungai Kedayan.

Tarikh Lahir: Tahun 1935.

Pendidikan: Pelajaran secara persendirian.

Pekerjaan: Persendirian

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Kuala Peminyak dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Dayang Norsinah binti Haji Tuah.

Tarikh: 25 Disember 1986.⁴⁵

Sejarah Am Brunei (Orang Bergelar)

Brunei Tua; asal-usul Raja-raja Brunei dan Awang Semaun.

Pengkisah: Awang Haji Kalong bin Arshad.

Alamat: Kampong Ujong Tanjung, Mukim Sungai Kedayan.

Tarikh lahir: Tahun 1936.

Pendidikan: Pelajaran agama secara persendirian.

Pekerjaan: Persendirian.

Tajuk Wawancara: Sejarah Kampong Ujong Tanjung dan Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Haji Zainuddin bin Haji Hassan.

Tarikh: 24 Disember 1986.⁴⁶

⁴⁵ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0068/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Sejarah Am Brunei

Brunei Tua (asal Brunei di Kota Batu berhampiran makam Sultan Bolkiah); Awang Alak Betatar menjadi raja; Awang Alak Betatar berkahwin dengan Puteri Jawa; persabungan ayam; kedatangan agama Islam ke Brunei; Syarif Mufakih pengembang agama; Raja Pulau Chermin; Sultan-sultan Brunei: Sultan Muhammad Jamalul Alam; Sultan Hashim; Sultan Tajuddin; zaman Jepun; Sultan Omar Ali Saifuddien III.

Ulasan Hasil Penyelidikan

Daripada 58 orang pengkisah yang diwawancara hanya seramai 32 orang daripadanya boleh menceritakan tentang sejarah awal Brunei khususnya mengenai Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya. Sementara 26 orang pengkisah tidak dapat menceritakan dengan baik tentang sejarah awal Brunei zaman Awang Alak Betatar disebabkan oleh mereka tidak mewarisi cerita tersebut di samping tidak pernah membaca *Syair Awang Semaun (SAS)* seperti yang dilakukan oleh pengkisah-pengkisah yang lain. Namun begitu dari jumlah tersebut sebanyak lapan orang pengkisah mempunyai pengetahuan yang cukup untuk membina sebuah cerita yang lengkap mengenai bidang kajian yang dilakukan itu.

Mereka telah menghidangkan sebuah cerita yang dapat menggambarkan kewujudan tokoh legenda tersebut yang disertai dengan penemuan-penemuan yang dikatakan barang milik Awang Semaun seperti Pasu Gadong di Sungai Garang, Daerah Temburong. Walaupun kisah yang diperolehi itu adalah sebuah tradisi lisan yang penuh dengan unsur-unsur mitos dan legenda seperti kewujudan alam kayangan dan Betara Dewa tetapi pada asasnya jalan cerita tokoh-tokoh yang diceritakan masih berada pada skop kajian. Di antara kriteria utama pemilihan bahan wawancara untuk dikaji selidik

⁴⁶ Rakaman Kaset, PS/PY/SL/0047/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

ialah mempunyai cerita lengkap tentang sejarah awal Kerajaan Brunei (yang akhirnya menjadi Kesultanan Brunei) dengan berlatar belakangkan tokoh-tokoh utama yang menjadi pengasas kepada pembentukan kerajaan tersebut. Di antaranya tokoh yang dimaksudkan ialah Sang Aji, Awang Alak Betatar, Awang Semaun, Awang Jerambak, Pateh Berbai, Sinuai, Damang Sari, Puteri Johor dan Ong Sum Ping.

Sumber Pertama:⁴⁷

Pengkisah: Awang Haji Metali bin Sabtu.

Alamat: Kampong Setia B, Mukim Sungai Kebun.

Tajuk: Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awangku Johani bin Pengiran Pungut.

Tarikh: 2 Disember 1986.

Asal-Usul Awang Alak Betatar

Mengisahkan tentang seorang Anak Muda (tidak diberikan nama) yang berasal dari kayangan turun ke dunia di hulu Limbang, Sarawak. Di hulu Limbang dia berkahwin dengan seorang gadis puak Murut dan apabila isterinya mengandung dia telah mengidam untuk memakan daging tembadau (kerbau hutan) yang dilihatnya berada di bawah rumah mereka. Bagi memenuhi hajat isterinya Anak Muda itu telah meminjam sinupit (lembing) ayah isterinya untuk membunuh binatang tersebut. Namun dia telah gagal membunuh binatang tersebut dan lembing yang terpacak di badan binatang itu telah dibawa lari ke dalam hutan. Oleh itu dia terpaksa mengembara meninggalkan isterinya untuk mendapatkan kembali lembing tersebut.

⁴⁷ Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0014/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Sebelum Anak Muda itu meninggalkan isterinya dia telah berpesan kepada isterinya sekiranya anaknya yang bakal lahir itu seorang lelaki dimintanya mencarinya (mengikut kesan darah tembadau yang diburunya). Sebagai tanda ingatan pesanannya itu dia telah membuat simpul-simpulan (rotan yang disimpul-simpul yang dijadikan diari pada zaman dahulu) untuk isterinya supaya tidak lupa dengan pesanannya itu apabila anak itu mencapai dewasa. Dalam perjalanan mencari tembadau tersebut Anak Muda itu telah beristeri di setiap kampung yang disinggahinya sehingga dia mempunyai seramai 39 orang isteri di 39 buah kampung (termasuk isterinya yang pertama). Setiap kali dia meninggalkan isteri-isterinya (yang sedang mengandung) untuk meneruskan perjalanan mencari tembadau tersebut dia telah memberi simpul-simpulan untuk peringatan kepada anak-anaknya yang bakal lahir untuk mencarinya seperti mana yang dipesankan kepada isterinya yang pertama. Akhirnya setiap seorang isterinya itu melahirkan seorang anak lelaki sehingga semuanya menjadi 39 orang.

Pencarian Anak Muda itu akhirnya berjaya menemui tembadau tersebut yang telah mati di hulu Tuaran. Di sana terdapat sepohan pokok membangun yang sangat besar dan mempunyai tiga cabang dahan iaitu satu cabang menuju ke hulu Limbang, satu cabang menuju ke Banjarmasin dan satu cabang menuju ke hulu Tuaran. Di hulu Tuaran Anak Muda itu beristeri lagi bagi menggenapkan isterinya menjadi 40 orang dan juga melahirkan anaknya yang ke-40.

Berbalik kepada anaknya dari isterinya yang tua di hulu Limbang apabila sudah dewasa dia telah mencari ayahnya mengikut kesan darah tembadau seperti mana yang dipesankan kepadanya. Dalam perjalanan itu dia telah singgah di setiap kampung yang pernah disinggahi oleh ayahnya dan bertemu dengan saudara-saudaranya yang lahir dari isteri-isteri ayahnya itu. Seperti yang dipesankan, mereka telah mencari ayah mereka

sehingga ke hulu Tuaran tempat persinggahan terakhir ayah mereka. Dengan kedatangan anak-anaknya itu maka lengkaplah jumlah anak orang muda itu menjadi 40 orang. Setelah semua anaknya itu berkumpul di hulu Tuaran diberikannya semua anaknya itu kepada nenek betaranya di kayangan dan mereka akhirnya dimasukkan ke dalam kawah yang terbakar. Dari jumlah tersebut hanya 14 orang daripada anak-anak itu dibuangkan ke dunia. Bermula daripada itu mereka menjalani kehidupan baru di dunia dan terpisah di antara satu dengan lain. Di antara 14 orang bersaudara itu dikenali dengan nama Awang Alak Betatar dan Pateh Setia Laila Langgong yang tinggal di Garang, Temburong, Semaun dan Damang Sari tinggal di Labu dan Pateh Mambang di Pengkalan Mambang.

Awang Semaun

Awang Semaun atau Semaun adalah saudara sebapa dengan Awang Alak Betatar merupakan tokoh utama dalam kerajaan Awang Alak Betatar. Keistimewaan Semaun ialah terletak pada kekuatannya yang luar biasa yang diperolehinya setelah memakan kepala ikan sumpit-sumpit. Pada suatu hari sewaktu Semaun tidur di tepi sungai di kuala Kina Benua datang ikan sumpit-sumpit menyumpitnya sehingga dia terjatuh ke dalam sungai. Dengan perasaan marah Semaun telah berusaha untuk menangkap ikan tersebut dengan memagar kuala sungai tempat laluan ikan tersebut dengan kayu mengaris dan nibung simburunai. Namun disebabkan kekuatan ikan tersebut semua pagar kayu itu dapat diroboh. Pada suatu hari Semuan bermimpi mengajarnya cara menangkap ikan itu dengan menggunakan tulang daun. Disebabkan kelembutan tulang daun itu maka ikan itu tidak dapat merobohnya sehinggalah air sungai tersebut surut dan ikan itu terus terperangkap di kuala sungai itu. Melihat keadaan ini Semaun dan Damang Sari pun mengambil ikan tersebut dan memakannya bagi melepaskan perasaan marah mereka

terhadap perbuatan ikan itu. Setelah memakan ikan tersebut Semaun mendapat kekuatan yang luar biasa dengan mempunyai nafas yang deras sehingga mampu menerbangkan atap rumahnya sewaktu dia tidur.

Mendirikan Negeri dan Kerajaan

Negeri Brunei yang terletak di kuala sungai Brunei ditemui oleh Semaun apabila mendapati tempat tersebut sangat elok (bisai) untuk dibuat negeri baru mereka. Pada mulanya tempat tersebut dinamai Sang Kanai yang bermaksud tempat yang besai dan permai. Maka dibawalah berpindah Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya ke Brunei untuk menubuhkan kerajaan dengan melantik Awang Alak Betatar menjadi raja mereka kerana dia adalah saudara yang tua.

Puteri Johor

Awang Semaun melarikan Puteri Johor untuk dijadikan isteri Awang Alak Betatar apabila dilihatnya Awang Alak Betatar memerlukan seorang isteri untuk mendampingnya memerintah Brunei. Bagi melarikan puteri tersebut Semaun telah melakukan satu helah dengan mendapatkan seberapa banyak sabut kelapa dan kajang di Kuala Baram sebelum bertolak ke Johor. Setelah mereka sampai di kuala Johor pada waktu malam Semaun dan orangnya meletakkan sabut-sabut tersebut di sepanjang tebing sungai kuala Johor dan membakarnya bagi mengelirukan orang Johor yang menyangka mereka didatangi oleh lanun-lanun untuk menyerang negeri mereka. Apabila melihat keadaan ini seluruh panglima dan perajurit Sultan Johor bersiap untuk berperang dengan lanun-lanun tersebut di Kuala Johor dengan meninggalkan Puteri Johor berseorangan di istana tanpa dikawal oleh pengawal istana. Pada waktu inilah

Semaun memasuki istana untuk mlarikan puteri tersebut ke Brunei. Puteri tersebut disembahkan kepada Awang Alak Betatar untuk dijadikan isterinya.

Tersebut kisah ayahanda Puteri Johor mencari puterinya yang hilang dari istana. Dengan bantuan seekor burung peliharaan puteri tersebut yang bernama Burong Pinggai akhirnya dapat menemui puteri itu di Brunei. Setelah berjaya menemui Puteri Johor di dalam istana Sultan, ia pun balik ke Johor menghabarkan perihal puteri tersebut yang berada di Brunei. Raja Johor dan permaisuri berserta menterinya berangkat ke Brunei menemui puteri mereka. Tidak lama setelah Raja Johor pulang ke Johor puteri tersebut melahirkan seorang puteri hasil perkahwinannya dengan Awang Alak Betatar. Anak puteri itulah yang menjadi perantaraan di antara Brunei dan Johor dalam mengangkat Kerajaan Brunei sebagai sebuah kerajaan yang diiktiraf oleh Johor apabila dia meminta dianugerahkan alat-alat kebesaran kerajaan Johor kepada Brunei untuk perpuspaan Awang Alak Betarar. Alat kebesaran tersebut ialah Nakara Naubat, Pedayangan (Dayang-Dayang), Tumbak dan Ganjur (Senipit), Pisang dan Kuripat. Cara anak puteri ini mendapatkan alat kebesaran itu ialah dengan cara menangis untuk meminta mendapatkan barang tersebut dari Johor, lalu didapatkan barang tersebut satu persatu mengikut permintaannya sehingga cukup peralatan tersebut untuk digunakan oleh Awang Alak Betatar berpuspa.

Ong Sum Ping

Tersebut kisah seorang putera Raja China bernama Ong Sum Ping yang datang ke Brunei untuk mendapatkan sebuah kumala di Gunong Kina Balu yang dijaga oleh seekor naga besar. Bagi mendapatkan kumala tersebut Ong Sum Ping telah menggunakan layang-layang sebagai tunggangnya untuk mendapatkan kumala tersebut

yang berada dikemuncak Gunong Kina Balu. Dengan kepintarannya dia berjaya melarikan kumala itu dan membawanya ke Negeri China menggunakan wangkang (kapal). Apabila naga tersebut menyedari kehilangan kumalanya ia telah mengejar kapal Ong Sum Ping tetapi sekali lagi dia berjaya memperdayakan naga itu dengan menembakkan peluru-peluru besi yang terbakar ke arah naga itu yang disangka kumalanya. Naga itu akhirnya terbakar akibat terlalu banyak menelan biji peluru tersebut dan tenggelam di laut Singapura. Dalam perjalanan pulang ke negeri China membawa kumala tersebut Ong Sum Ping telah berselisih faham dengan saudaranya bernama Wangkang yang juga mahu mendapatkan kumala itu. Ong Sum Ping terpaksa menyerahkan kumala itu kepada saudaranya itu bagi mengelakkan berlakunya perkelahian. Disebabkan rasa kesalnya di atas sikap saudaranya itu dia telah membatalkan niatnya untuk pulang ke China dan membawa diri ke Brunei. Di Brunei Ong Sum Ping telah dikahwin dengan puteri Awang Alak Betatar yang kedua dan seterusnya diberi gelaran Kapitan Maharaja Laila.

Sumber Kedua⁴⁸

Pengkisah: Awang Haji Latif bin Kassim.

Alamat: Kampong Setia B, Mukim Sungai Kebun.

Tajuk: Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Mohd. Deli bin Abdul Kadir.

Tarikh: 24 Disember 1986.

⁴⁸ Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0015/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Semaun

Tersebut kisah seorang raja kayangan bergelar Betara Sari yang mempunyai empat orang anak lelaki yang semuanya bercita-cita mahu menjadi raja. Oleh itu sewaktu anak-anaknya sedang tidur raja tersebut membuang mereka ke dunia. Seorang anaknya jatuh ke negeri orang putih (Eropah), seorang jatuh ke Negeri China, seorang jatuh ke Negeri Istanbul (Turki) dan seorang jatuh di Hulu Tuaran. Tentang putera raja yang jatuh ke hulu Tuaran pada mulanya disangkakan oleh orang yang tinggal di kuala Sungai Tuaran sebagai musuh apabila mereka mendapati banyaknya daun-daun apong (daun rumbia) yang dibersihkannya mengalir ke kuala sungai. Apabila menyedarinya hanya seorang pemuda yang tinggal di sana mereka pun membawanya ke kampung mereka dan berkahwin dengan penduduk di sana. Isterinya yang sedang mengandung telah mengidam untuk memakan daging tembadau (kerbau liar) yang dilihatnya memakan remah di bawah rumah mereka. Oleh itu suaminya terpaksa meminjam sinipit (lembing) bapa isterinya (mertuanya) untuk membunuh tembadau tersebut tetapi binatang itu berjaya melarikan diri ke dalam hutan bersama sinipit itu. Suaminya terpaksa mengejar binatang tersebut bagi mendapatkan sinipit ayah mertuanya yang dibawa lari itu.

Sebelum suaminya meninggalkan isterinya dia telah berwasiat (disebut menulis surat) untuk anaknya yang bakal lahir nanti apabila ianya seorang lelaki diarahkannya untuk mencarinya. Dalam pengembaraannya itu dia telah berkahwin di setiap kampung yang disinggahinya sehingga dia mempunyai 11 orang isteri di sebelas buah kampung. Apabila isteri-isterinya mengandung mereka semuanya mengidam untuk memakan daging temdabau. Sebelum dia meninggalkan setiap isterinya itu yang sedang mengandung dia juga berwasiat seperti mana isterinya yang pertama. Akhirnya semua

isterinya melahirkan seorang anak lelaki. Setelah dia sampai ke hulu Tutong barulah ia berjumpa sinipit yang ditinggalkan oleh tembadau tersebut lalu membawa sinipit itu ke Brunei. Di Brunei dia beristeri lagi dan melahirkan dua orang anak lelaki yang menjadi semua anaknya berjumlah 13 orang.

Kisah anaknya dari isterinya yang pertama apabila sudah dewasa dia bertanya tentang ayahnya dan apabila diceritakan oleh emaknya maka ia pun menuntut ayahnya seperti yang diwasiatkan dalam surat itu. Dalam pengembaraannya itu dia telah berjumpa dengan saudara-saudaranya di setiap kampung yang pernah disinggahi oleh ayahnya. Seperti juga yang diwasiatkan kepada saudara-saudaranya itu mereka bersama-sama mencari ayah mereka. Akhirnya mereka berjumpa ayah mereka di Brunei di sebuah kampung bernama Junjungan. Kesemua anak tersebut dibawa oleh ayah mereka ke kayangan untuk menjadikan mereka kuat dan kebal dan setelah itu diturunkan semula ke dunia di di Kampong Junjungan. Di sana mereka masing-masing mencari tempat yang sesuai untuk dijadikan tempat tinggal. Di antara tempat tinggal mereka ialah di Sultan Lama, Kampong Butir dan Kampong Saba.

Kisah seorang yang gagah tinggal di Limbang yang menakutkan mereka dan sukar ditewaskan. Namanya ialah Jerambak yang juga berkurunan dari kayangan anak Betara Guru. Dengan tipu helah mereka akhirnya berjaya menangkap Jerambak lalu dibawa ke Brunei apabila diketahui bahawa mereka adalah bersaudara. Dengan kehadiran Jerambak ini dia telah menjadi saudara mereka yang ke-14.

Puteri Johor

Kisah Awang Alak beristerikan Puteri Johor yang dilarikan oleh Semaun dari Istana Johor. Semaun telah mencari helah untuk mendapatkan puteri tersebut dengan cara membakar sabut kelapa di sepanjang lubuk dan tanjung Johor untuk mengelirukan orang Johor yang menyangkakan mereka diserang oleh lanun. Apabila sabut itu dibakar lalu dikhabarkan oleh Semaun bahawa Johor diserang musuh dan tentera-tentera Johor termasuk rajanya meninggalkan istana untuk berperang dengan lanun-lanun tersebut. Pada masa itulah Semaun melarikan Puteri Johor ke Brunei untuk disembahkan kepada Awang Alak. Nama puteri tersebut ialah Lela Menchnai yang mempunyai seekor burung peliharaan bernama Burong Pinggai tetapi tidak ikut bersamanya ke Brunei.

Disebabkan puteri itu sangat rindukan burung tersebut maka Semuan terpaksa pergi ke Johor untuk berjumpa Raja Johor memberi tahu perihal puterinya berada di Brunei. Burung peliharaan puteri itu telah dibawa ke Brunei untuk berjumpa dengan tuannya. Bermula dari nama burung tersebut lahirlah nama sebuah kampung di Kampong Ayer yang bernama Kampong Burong Pinggai. Hasil perkahwinan Awang Alak dengan Puteri Johor itu telah melahirkan dua orang puteri yang akhirnya menjadi isteri Awang Sunting (Ong Sum Ping) dan Syarif Mufakih (pengembang agama Islam di Brunei).

Sumber Ketiga⁴⁹

Pengkisah: Pahlawan Awang Haji Khamis bin Abdul Rahman.

Alamat: Kampong Sungai Pandan A, Mukim Burong Pinggai Ayer.

Tajuk: Sejarah Am Brunei.

⁴⁹ Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0022/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Pewawancara: Awang Haji Latif bin Haji Ahmad.

Tarikh: 25 Disember 1986.

Negeri Brunei

Kisah Awang Semaun dan Patih Berbai menemui Negeri Brunei di Kota Batu yang terletak di Sungai Brunei. Sebelum itu Awang Alak Betatar tinggal di Garang dan apabila ditemui tumpat baru di Kota Batu dia pun berpindah ke sana.

Puteri Johor

Kisah Puteri Johor yang bernama Laila Menchanai yang dilarikan oleh Semaun untuk dijadikan isteri Awang Alak Betatar. Semaun telah melakukan tipu hela dengan cara membakar sabut kelapa di kuala sungai Johor untuk memperdayakan orang Johor yang menyangka negeri mereka diserang oleh lanun. Pada masa itulah Semaun melarikan Puteri Johor ke Brunei. Kehilangan puteri itu telah menggemparkan Raja Johor. Akhirnya burung peliharaan puteri itu bernama Menchanai telah berjaya menemui puteri tersebut di istana Awang Alak Betatar yang telah menjadi isterinya. Setelah dikhabarkan oleh burung tersebut kepada Raja Johor tentang puterinya itu raja tersebut pun pergi ke Brunei. Hasil daripada perkahwinan Awang Alak Betatar dengan Puteri Johor itu telah mendapat seorang anak lelaki yang diberi nama Sultan Jamalul Alam. Sementara seorang puterinya berkahwin dengan Syarif Mufakih (pengembang agama Islam dari Tanah Arab) dan seorang lagi berkahwin dengan Wang Sunting (anak Raja China).

Wang Sunting (Ong Sum Ping)

Kisah Wang Sunting yang berasal daripada Negeri China bersama saudaranya bernama Wang Wangkang mengambil kumala naga di Gunong Kina Balu. Semasa mereka melalui Pulau Borneo dalam perjalanan sewaktu berdagang mereka telah ternampak satu cahaya di Gunong Kina Balu iaitu cahaya kumala yang dipunyai oleh seekor naga. Oleh itu Wang Sunting mencari akal untuk mendapatkan kumala tersebut dari naga itu dengan menggunakan kikik (layang-layang). Bila Wang Sunting berjaya mendapatkan kumala tersebut timbul perselisihan dengan saudaranya apabila Wang Wangkang merebut kumala itu dari Wang Sunting. Disebabkan rasa kecewa dengan sikap saudaranya itu Wang Sunting membawa diri ke Brunei dan akhirnya berkahwin dengan puteri Awang Alak Betatar. Namun akhirnya Wang Wangkang kembali berjumpa Wang Sunting untuk mengembalikan kumala tersebut.

Jerambak

Jerambak berasal dari Bukit Seguntang (kayangan) tinggal dan memerintah daerah Igan (terletak di Sarawak) yang sebelumnya diperintah oleh Basiong. Kegagahan Jerambak telah diketahui oleh Awang Alak Betatar dan menghantar Semaun dan Patih Berbai untuk menangkapnya. Walaupun Jerambak seorang yang gagah dan sukar untuk ditewaskan tapi akhirnya mereka berjaya juga menangkapnya dengan tipu helah.

Sumber Keempat⁵⁰

Pengkisah: Awang Metassan bin Bakar.

Alamat: Kampong Tamoi Ujong, Mukim Tamoi.

Tajuk: Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Remang bin Jambu.

Tarikh: 23 Disember 1986.

Awang Alak Betatar

Awang Alak Betatar mempunyai enam orang saudara (tujuh orang termasuk dirinya) berasal dari kayangan turun ke dunia dan tinggal di sekitar Brunei seperti di Junjungan, Kota Batu dan Garang. Mereka ialah Awang Alak Betatar, Semaun, Pateh Merbai, Pateh Sengkuna, Jerambak dan lain-lain. Semaun adalah saudara yang tua sementara Awang Alak Betatar yang bongsu. Awang Alak Betatar telah dilantik menjadi Raja Brunei tetapi tidak mempunyai anak (keturunan).

Puteri Johor

Semaun melarikan Puteri Johor untuk dijadikan isteri Awang Alak Betatar dengan tipu helah iaitu dengan cara membakar sabut kelapa di kuala Sungai Johor untuk mengelirukan orang Johor yang menyangka mereka diserang oleh lanun. Pada masa orang Johor (di Istana Johor) sibuk melarikan diri dari serangan itu Semaun telah melarikan Puteri Johor ke Brunei.

⁵⁰ Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0033/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Semaun

Semun mempunyai kekuatan yang luar biasa dan bertubuh besar sehingga mempunyai kelebaran dadanya sehingga tujuh hasta. Sementara Awang Alak Betatar bertubuh kecil seperti orang biasa. Kegagahan Semaun digambarkan dalam peristiwa semasa lanun-lanun Sulu melanun di kuala Brunei di mana mereka terlebih dahulu memastikan Semaun tidak berada di dalam perahu yang hendak mereka serang itu. Ini disebabkan mereka merasa takut dengan kegagahan Semuan. Namun mereka tertipu oleh orang Semaun yang menggunakan nama Semaun setiap kali ditanya oleh lanun-lanun tersebut sehingga pada giliran perahu terakhir barulah mereka menyedari tipu muslihat tersebut tetapi malangnya perahu tersebut benar-benar kepunyaan Semaun. Oleh itu lanun-lanun itu dengan mudah dapat ditewaskan oleh Semaun.

Ong Sum Ping

Ong Sum Ping mengambil kumala di Gunong Kina Balu menggunakan kikik dadaran. Kumala itu dibawa ke Negeri China dan setelah itu Ong Sum Ping kembali semula ke Brunei dan akhirnya dilantik menjadi Bendahara. Ong Sum Ping tidak beristeri di Brunei tapi mati di Brunei di Kota Batu.

Syarif Mufakih

Pengembang agama islam di Brunei yang mula-mula mengembangkan agama islam. (Nama Sultan Syarif Ali tidak diketahui oleh pengkisah).

Sumber Kelima⁵¹

Pengkisah: Awang Damit bin Merali.

Alamat: Kampong Pekilong Muara, Mukim Peramu.

Tajuk: Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Jumat bin Salleh.

Tarikh: 24 Disember 1986.

Awang Alak Betatar dan Puteri Johor

Awang Sinuai telah mencadangkan kepada Awang Alak Betatar untuk beristeri. Pada suatu malam sewaktu Sinuai dan Semaun tidur mereka bermimpi tentang seorang puteri yang cantik di sebuah negeri tetapi tidak diketahui letak negeri tersebut, lalu dikhabarkan kepada Awang Alak Betatar. Sementara Awang Alak Betatar juga bermimpi puteri yang sama dan mengetahui letaknya negeri itu di Johor. Akhirnya Semaun dan Sinuai diarahkan mengambil puteri tersebut. Mereka menggunakan tipu helah dengan menghimpun segala sabut kelapa dan diletakkan di sepanjang pantai Johor dan pada waktu malam sabut itu dibakar supaya disangka penyamun datang menyerang Johor. Pada waktu itulah Semaun dan Sinuai membawa lari puteri Johor itu ke Brunei dan diserahkan kepada Awang Alak Betatar untuk dijadikan isterinya. Pada waktu itu Awang Alak Betatar belum Islam, lalu disuruh oleh puteri itu berjumpa ayahnya di Johor untuk diislamkan. Maka Awang Alak Betatar dan Semaun pun ke Johor untuk diislamkan.

⁵¹ Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0006/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Semaun

Pada awalnya Semaun hanyalah orang biasa tapi setelah memakan kepala ikan Sumpit-Sumpit barulah ia menjadi kuat. Sementara Sinuai memakan ekor ikan itu. Kedua mereka menjadi kuat dan kekuatan Semaun berada pada nafasnya. Mereka menangkap ikan Sumpit-Sumpit itu dengan cara memagar kuala sungai dengan tulang daun setelah gagal dalam percubaan awal mereka yang menggunakan pagar kayu. Jerambak telah mengajar Semaun cara menyumpit menggunakan batang nibong menggunakan kekuatan nafasnya itu. Dengan kekuatan itu Semaun dapat menewaskan lanun-lanun Sulu yang tersalah menangkapnya semasa mereka melanun di Brunei. Dengan kegagahan Semaun itu ia akhirnya dijadikan panglima Brunei.

Sabung Ayam Brunei dan Jawa

Ayam Sinuai yang bernama Mutiara berjaya mengalahkan ayam Ratu Majapahit bernama Asmara. Pada mulanya Ratu Majapahit mencabar ayam Mutiara yang diketahuinya gagah untuk bersabung ayam dengan pertaruhan negeri. Pada awal perlawanan ayam Asmara dapat mengalahkan ayam Mutiara sehingga terpaksa dijampi oleh Sinuai. Akhirnya ayam Asmara tewas dan melarikan diri ke Pulau Pilong-Pilongan (terletak di kuala Brunei). Sementara ayam Mutiara disumpah oleh Ratu Majapahit menjadi Pulau Lumut Lunting (terletak di kuala Brunei). Dengan kekalahan ayam Majapahit itu negeri tersebut berada dibawah kuasa Brunei. Mengikut Pengkisah Pulau Lumut Lunting sehingga kini menjadi petanda atau alamat kepada Brunei iaitu apabila pulau tersebut tenggelam bererti ada peristiwa buruk berlaku ke atas Brunei. Seingat pengkisah sudah lima kali pulau itu tenggelam iaitu pertama semasa Sultan Ahmad

Tajuddin mangkat, pemberontakan pada tahun 1962, Raja Isteri lindung dan Sultan Omar Ali Saifuddien lindung pada tahun 1986.

Ong Sum Ping

Ong Sum Ping dan Wang Kang semasa berlabuh di laut Sabah ternampak cahaya di puncak Gunung Kinabalu yang dimain-mainkan oleh naga yang mempunyai kumala itu. Cahaya itu hanya dimain-mainkannya setiap malam jumaat. Mereka berdua berusaha untuk mendapatkan kumala itu dengan cara membuat kikik dadaran. Akhirnya Ong Sum Ping naik ke gunung tersebut menggunakan kikik untuk mendapatkan kemala itu dari mulut naga itu yang sedang tidur. Apabila naga itu tersedar dari tidurnya didapatinya kumalanya sudah hilang dan dibawa lari, lalu ia mengejar kapal Ong Sum Ping yang membawa lari kumala itu. Mereka menembak naga itu dengan peluru sehingga naga itu tenggelam dan mati. Setelah itu mereka mempersembahkan kumala itu kepada Awang Alak Betatar dan sebagai ganjarannya Awang Alak Betatar mengahwinkan puterinya dengan Ong Sum Ping (akhirnya ia dilantik menjadi Raja Brunei bergelar Sultan Ahmad).

Sharif Ali

Sharif Ali adalah keturunan dari Nabi Muhammad saw berasal dari negeri Mekah. Dia mengembangkan agama Islam di Brunei dan berkahwin dengan puteri Sultan Brunei (Ong Sum Ping). Apabila Sultan Brunei mangkat akhirnya dia dilantik sebagai Sultan Brunei ketiga.

Sumber Keenam⁵²

Pengkisah: Awang Haji Besar bin Osman.

Alamat: Kampong Tamoi Tengah, Mukim Tamoi.

Tajuk: Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Ismail bin Ibrahim.

Tarikh: 24 Disember 1986.

Awang Alak Betatar

Awang Alak Betatar mempunyai 14 orang saudara berasal dari kayangan turun ke merata tempat di Borneo, Semaun di Garang dan Jerambak di Rejang. Awang Alak Betatar dilantik menjadi Raja Brunei tinggal di Luba dan berkawin dengan Puteri Johor. Awang Alak Betatar tidak mempunyai anak lelaki tapi mempunyai anak perempuan. Saudara-saudara baginda yang lain ialah Pateh Merbai, Pateh Sengkuna, Pateh Lebar Daun, Penglima Kicah dan Damang Seri.

Jerambak

Jerambak bersama saudara perempuannya tinggal di Rejang. Bekas tiang-tiang rumah Jerambak masih ada di Rejang. Ini dilihat sendiri oleh pengkisah semasa beliau di Selalang, Sarawak pada tahun 1940 di mana terdapat empat batang bekas tiang rumah. Mengikut cerita orang ditemuinya mengatakan tiang itu adalah bekas tiang rumah Jerambak. Tersebut kisah peperangan antara Jerambak dengan Semaun dan Damang Seri yang sama-sama gagah tapi akhirnya Jerambak dapat dikalahkan dengan tipu helah.

⁵² Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0036/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Setelah itu barulah diketahui bahawa mereka adalah bersaudara (sepupu sekali). Jerambak akhirnya dibawa pindah ke Butir.

Bersabong Ayam

Sinuai ialah anak Jerambak mempunyai seekor ayam yang didapatnya di dalam hutan. Ayamnya itu bersabung dengan ayam Jawa. Pada mulanya ayam Sinuai hampir tewas kepada ayam Jawa tapi apabila Semaun menghentak tanah barulah ayam Sinuai itu menjadi gagah dan dapat menewaskan ayam Jawa.

Puteri Johor

Semain melarikan puteri Johor untuk Awang Alak Betatar dengan cara membakar sabut dan kajang untuk mengelirukan orang Johor.

Ong Sum Ping

Ong Sum Ping pada mulanya bermimpi tentang suatu benda yang berada di Gunong Balu, lalu berbekalkan segala peralatan seperti besi dan kikik dadaran yang diberi tahu dalam mimpi itu ia bersama saudaranya Wang Kang pergi mendapatkan kumala di Gunong Balu. Ia mendapatkan kumala itu menggunakan kikik dadaran semasa naga menjaga menjaga kumala itu keluar makan. Apabila naga itu mengetahui kumalanya dilarikan ia pun mengejar wangkang Ong Sum Ping tapi akhirnya naga itu dapat ditewaskan apabila mereka melemparkan peluru-peluru besi yang merah menyala yang ditelan oleh naga tersebut yang menyangka kumalanya sehingga ia mati.

Ong Sum Ping membawa diri ke Brunei dan berkahwin dengan puteri Awang Alak Betatar. Bapa Ong Sum Ping datang ke Brunei untuk mencari anaknya dan di Brunei Raja China membuat istana di Pulau Bedukang yang terkenal dengan nama Pasir Istana. Ong Sum Ping berkubur di Kota Batu dekat makam Sultan Bolkiah tapi nisannya sudah tiada.

Syarif Mufakih

Dia mengembangkan agama Islam di Brunei dan berkahwin dengan puteri Awang Alak Betatar.

Sharif Ali

Syarif Ali juga pengembang agama Islam di Brunei dan berkahwin dengan puteri Awang Alak Betatar, tetapi pengkisah tidak pasti siapa Syarif Ali itu.

Sumber Ketujuh⁵³

Pengkisah: Haji Ahmad bin Munaf.

Alamat: Kampong Peramu, Mukim Peramu.

Tajuk: Sejarah Am Brunei.

Pewawancara: Awang Markandi bin Haji Kuris.

Tarikh: 25 Disember 1986.

⁵³ Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0005/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Awang Alak Betatar

Setelah 14 orang bersaudara puas mencari bapa mereka akhirnya mereka pulang ke Brunei bertemu Saja Aji iaitu tempat tinggal Awang Alak Betatar. Mereka melantik Awang Alak Betatar menjadi Raja Brunei kerana ia tinggal di Brunei dan dianggap sebagai anak Brunei. Setelah itu Awang Alak Betatar melantik saudara-saudaranya menjadi Wazir dengan menggunakan gelaran-gelaran Pateh, Damang, Pengarah, Malik dan Penglima. Mereka ialah Pateh Berbai, Pateh Sangkuna, Pateh Pahit, Pateh Hitam, Damang Lebar Daun dan Penglima Semaun. Setelah itu Awang Alak Betatar diarak menjadi Raja Brunei dan digelar sebagai Sultan Ahmad.

Puteri Johor

Awang Alak Betatar berhajat hendak meminang Puteri Johor tapi dilarang oleh Semaun kerana mengikutnya darjat mereka tidak sama dan beranggapan sudah tentu pinangan itu ditolak. Oleh itu Semaun sanggup melarikan puteri tersebut untuk dijadikan isteri Awang Alak Betatar. Bagi menjalankan rancangan itu Semaun telah membuat kajang dan mengambil damar salang sebelum ke Johor. Perjalanan dari Brunei ke Johor hanya memakan masa setengah hari, mereka berhenti di Pulau Salat (Singapura) menunggu waktu malam untuk menjalankan rancangannya melarikan Puteri Johor. Bila tiba waktu malam Semaun mendirikan kajang (menyerupai perahu) di sepanjang pantai Singapura yang seakan-akan perahu lanun hendak menyerang Johor. Melihat keadaan ini orang Johor menyangka negeri mereka diserang oleh lanun yang ramai.

Semasa orang Johor dan rajanya sibuk mengemaskan barang untuk melarikan diri Semaun telah masuk ke dalam Istana Johor untuk melarikan Puteri Johor ke Brunei dan menyerahkannya kepada Awang Alak Betatar. Kehilangan puteri itu telah dicari oleh Burong Pinggai iaitu burung peliharaan Puteri Johor sehingga sampai ke Brunei dan akhirnya bertemu dengan puteri tersebut. Burung itu telah diarahkan balik ke Johor oleh Puteri tersebut untuk memberitahu kepada ayahandanya tentang dirinya dan mengarahkan mereka ke Brunei. Rombongan Raja Johor terdiri daripada 40 orang lelaki dan 40 orang perempuan untuk dijadikan isi istana Awang Alak Betatar. Akhirnya Awang Alak Betatar dikawinkan dengan Puteri Johor dengan adat istiadat (diarak).

Ong Sum Ping dan Syarif Mufakih

Ong Sum Ping datang ke Brunei setelah berselisihan faham dengan saudaranya Wang Kang yang merebut kumalanya. Di Brunei dia berkahwin dengan puteri Awang Alak Betatar dan digelar menjadi Pengiran Maharaja Lela. Apabila Awang Alak Betatar meninggal dunia Ong Sum Ping diangkat menjadi Raja Brunei yang ke-2 dengan gelaran Sultan Muhammad. Puteri Ong Sum Ping dikawinkan dengan Syarif Mufakih iaitu seorang ulama Arab keturunan Rasulullah yang menjalankan dakwah di Brunei. Setelah Sultan Muhammad mangkat Syarif Mufakih diangkat menjadi Raja Brunei ke-3 dengan gelaran Sultan Sharif Ali.

Perang Saudara (Sultan Abd. Mubin dan Sultan Muhyiddin)

Peristiwa Perang Saudara di Brunei yang berpunca daripada bersabung ayam di antara ayam anak Sultan Abdul Hakkul Mubin dan ayam anak Pengiran Bendahara Muhyiddin. Dalam persabungan itu ayam anak raja telah kalah lalu disorak oleh orang

anak Bendahara. Di sebabkan rasa malu lalu anak raja itu menikam anak Bendahara itu hingga mati. Peristiwa ini disembahkan oleh Bandahara kepada Sultan lalu baginda menitahkan anaknya dibunuh tetapi Bendahara tidak mahu membunuhnya kerana anak raja itu adalah bakal Sultan. Tapi disebabkan oleh desakan daripada isteri Bendahara maka Bendahara pun berubah fikiran untuk membalas dendam tapi anak raja itu telah melarikan diri ke Subuk tinggal di rumah Orang Kaya Besar Subuk. Disebabkan tidak dapat mencari anak raja itu bendahara pun membuat huru hara dengan mengaruk istana raja. Disebabkan tidak tahan dengan kekacauan itu Orang Kaya Digadong pun meminta Sultan berpindah ke Pulau Chermin. Setelah Sultan berpindah ke Pulau Chermin Bendahara Pengiran Muhyiddin pun menaikkan bendera kuning di Brunei iaitu mengisytiharkan menjadi raja di Brunei.

Dalam peperangan itu Raja Sulu bercadang untuk memberi pertolongan Sultan Abdul Hakkul Mubin tetapi akhirnya berubah fikiran apabila Sultan tidak menghormatinya selaku seorang raja. Setelah itu Raja Sulu mengadap Pengiran Bendahara Muhyiddin di istananya dan menerima layan yang istimewa dengan diberi duduk di atas tilam tempat tidur raja. Oleh itu Raja Sulu pun memberi pertolongan kepada Pengiran Bendahara Muhyiddin dalam peperangan itu.

Sumber Kelapan⁵⁴

Pengkisah: Awang Haji Duraman bin Sudin.

Alamat: Kampong Setia Pahlawan.

Tajuk: Sejarah Awang Semaun.

Pewawancara: Haji Abd. Hamid bin Jaludin.

Tarikh: 1995.

⁵⁴ Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0018/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Awang Alak Betatar

Ayah Awang Alak Betatar ialah orang Murut di hulu Limbang bekerja berhuma padi dan menarah gubang (perahu). Pada suatu hari dia terjumpa seorang anak perempuan semasa ia menebang kayu. Anak itu dipeliharanya dan diberikannya nama Dang Mariam. Setelah beberapa lama selepas itu semasa Si Murut itu menebang kayu di hulu Limbang tiba-tiba jatuh sebiji telur burung helang bugang (sejenis burung helang) pecah dua dan keluar seorang anak lelaki, lalu diambilnya sebagai anaknya dan diberikannya nama sebagai Si Muda. Setelah kedua anak angkatnya itu dewasa mereka pun dikahwinkan. Sewaktu isteri anak Muda itu mengandung tiga bulan dia mengidam memakan daging tembadau, lalu anak muda itu meminjam sinipit (lembing) bapanya untuk membunuh tembadau itu. Malangnya tembadau tersebut membawa lari sinupit itu ke dalam hutan. Disebabkan bapanya sayangkan sinipit tersebut maka anak muda itu terpaksa mengejar tembadau itu untuk mendapatkan kembali sinipit tersebut. Sebelum anak muda itu meninggalkan isterinya untuk mengejar binatang tersebut dia terlebih dulu memesan kepada isterinya jika anak mereka lelaki hendaklah diberikan nama Awang Alak Betatar dan juga sebuah cop diberikan kepada isterinya untuk diberikan kepada anaknya nanti.

Dalam perjalanan mengikut kesan-kesan darah tembadau itu Si Muda telah singgah di beberapa buah kampung dan berkahwin dengan penduduk disetiap kampung yang disinggahinya. Si Muda meneruskan perjalanannya apabila setiap isterinya itu mengandung tiga bulan dan meninggalkan sebuah cop untuk anaknya yang bakal lahir nanti. Akhirnya Si Muda bertemu tembadau yang dicarinya itu di hulu Tuaran. Tembadau itu disembelihnya untuk dibuat salaian dan kepala tembadau itu pula

digantung pada sepohon pokok membangan. Akhirnya Si Muda itu naik atas pokok tersebut dan terus ke kayangan.

Tersebut kisah anak Si Muda itu (Awang Alak Betatar) pada suatu hari bertanyakan kepada ibunya mengenai ayahnya. Disebabkan rasa ingin tahu akhirnya Awang Alak Betatar mencari ayahnya mengikut kesan darah tembadau itu. Dalam perjalanan itu dia singgah di kampung-kampung yang pernah disinggahi oleh ayahnya. Di sana dia bertemu dengan saudara-saudaranya yang masing-masing mempunyai cop peninggalan ayah mereka. Setelah sudah bertemu kesemua 14 orang saudaranya itu mereka pun meneruskan perjalanan mencari ayah mereka dengan mengikut kesan-kesan darah tembadau sehingga sampai ke hulu Tuaran. Di sana mereka berjumpa salaian daging tembadau bekas ayah mereka dan juga sepohon pokok membangan yang mempunyai buah yang sangat besar.

Awang Semaun diarahkan oleh saudara-saudaranya untuk menaiki terlebih dahulu pokok tersebut. Di kemuncak pokok itulah beradanya sebuah kayangan yang menjadi tempat tinggal bapa mereka. Di kayangan itu Awang Semaun bertemu ayahnya yang sedang membuat tali daripada timbaran dan memberitahu bahawa mereka 14 orang bersaudara sedang mencari ayah mereka mengikut kesan-kesan darah tembadau sehingga membawa mereka ke tempat ini. Apabila mendengar penerangan Semaun itu ayahnya pun menghulurkan tali ke bawah dan menyuruh semua saudaranya naik ke atas pokok membangan (kayangan). Setelah melihat cop yang terdapat pada semua mereka itu ayah mereka itu pun mengaku bahawa mereka adalah anak-anaknya. Awang Alak Betatar adalah anak yang tua dan Semaun anak yang bongsu. Ayah mereka mengatakan bahawa dia tidak mahu lagi turun ke dunia kerana merajuk kepada ayahnya. Akhirnya semua 14 orang bersaudara itu turun semula ke dunia. Awang Alak Betatar menjadi raja

di Brunei, Pateh Berbai disuruh tinggal di Sinarubai, Pateh Sendayung di Selirung, Pateh Tuba di Kampong Saba dan Pateh Sangguna di Kampong Lurong Sekuna.

Sumber Kesembilan⁵⁵

Pengkisah: Awang Mohd. Ali Nordin bin Mohd. Zain.

Alamat: Kampong Saba Laut.

Tajuk: Awang Alak Betatar bersaudara.

Pewawancara: Awang Haji Abd. Hamid bin Jaludin.

Tarikh: 1995.

Awang Alak Betatar Bersaudara

Kisah sepasang suami isteri bangsa Murut yang tinggal di Pasu Gadung (Temburong) berjumpa dengan sebiji telur yang digugurkan oleh burung gagang semasa mereka berpadi di hutan. Apabila telur itu dibawa pulang ke rumah keluar seorang anak lelaki yang kemudiannya diberi nama Si Muda. Tidak lama kemudian mereka terjumpa seorang anak perempuan di dalam hutan dan dipelihara bersama-sama dengan Si Muda sebagai anak mereka. Apabila kedua anak itu dewasa mereka pun dikahwinkan. Tidak lama setelah itu isteri Si Muda mengandung dan mengidam makan daging tembadau. Si Muda pun meminjam garayang (lembing kebesaran kaum Murut) daripada ayahnya untuk membunuh tembadau yang diidamkan oleh isterinya itu. Namun dia telah gagal membunuh binatang tersebut dan lembing yang terpacak di badan binatang itu telah dibawa lari ke dalam hutan. Disebabkan ayahnya lebih sayangkan lembingnya itu Si Muda terpaksa memburu tembadau tersebut untuk mendapatkan kembali lembing tersebut. Dalam perjalanan mencari garayang dan tembadau itu Si Muda telah mengikuti

⁵⁵ Ibid.

bekas-bekas darah yang ditinggalkan oleh tembadau itu. Dalam perjalanan itu juga dia singgah di setiap kampung yang dilaluinya dan berkahwin dengan penduduk di sana sehingga ia memperolehi tiga belas orang isteri di tiga belas buah kampung. Akhirnya dia berjumpa dengan tembadau itu di hulu Tarakan dan terus menetap di sana dengan bertapa.

Anak-anaknya yang berjumlah 14 orang yang diperolehi dari isteri-isterinya itu apabila dewasa mencari ayah mereka dengan cara mengikut jejak kesan darah tembadau yang diburu oleh ayah mereka. Akhirnya mereka sampai di hulu Tarakan dan bertemu dengan sepohon pokok membangun tempat ayah mereka bertapa. Pada waktu mereka berehat di bawah pokok tersebut terdengar satu suara yang menyuruh mereka naik ke atas pokok tersebut. Awang Alak Betatar selaku anak yang yang lebih tua telah disuruh naik terlebih dahulu dan diikuti oleh saudara-saudaranya yang lain. Di atas pokok itu mereka bertemu dengan ayah mereka dan tinggal untuk beberapa lama di sana. Apabila cukup waktunya mereka dikembalikan semula ke dunia oleh ayah mereka dengan cara menerbangkan mereka ke udara. Akhirnya mereka jatuh di Temburong (Puni) dan di sana mereka memulakan kehidupan baru dengan cara berpadi dan bersaur (berperahu). Tidak lama setelah itu Pateh Berbai berjumpa sebuah tempat yang indah dan aman di Sungai Brunei, lalu membawa pindah Awang Alak Betatar ke tempat tersebut. Setelah berpindah mereka mencari penempatan masing-masing, Awang Alak Betatar tinggal di Pirasung, pateh Tuba di Saba, Pateh Sendayung di Selirung, Pateh Sangkuna di Lurong Sekuna dan Pateh Malakai di Malikai (Sabah) dan lain-lain.

Sumber Rujukan Dalam Tradisi Lisan Brunei

Penggunaan sumber rujukan dalam tradisi lisan merupakan suatu yang memberi kekuatan kepada seseorang pengkisah dalam menguatkan penceritaannya. Secara umumnya seseorang pengkisah mendapatkan bahan ceritanya daripada seseorang atau mendapatkan bahan tersebut secara tidak langsung iaitu mendengar daripada cerita masyarakat umum. Sumber ini dinamakan sebagai sumber pertuturan yang diwarisi secara turun temurun. Sumber kedua ialah sumber bertulis yang dibaca oleh seseorang pengkisah dan dijadikan bahan ceritanya. Dalam masyarakat Brunei di Kampong Ayer mereka secara umumnya pernah membaca *Syair Awang Semaun* atau mendengar syair tersebut dibacakan di khalayak umum.

Dalam penyelidikan ke atas tradisi lisan mengenai sejarah awal Brunei para pengkisah yang diwawancara pernah membaca *Syair Awang Semaun* (SAS) selain daripada menokok tambah dengan cerita-cerita lisan yang diwarisi daripada datuk nenek mereka. Namun begitu walaupun mereka pernah membaca syair tersebut tetapi jalan cerita dan kandungan cerita yang mereka berikan ada yang bertentangan dengan syair. Ini mungkin disebabkan oleh mereka sudah lama membaca syair tersebut dan timbul kekeliruan dengan cerita yang mereka warisi secara pertuturan (lisan). Pada umumnya pengkisah yang ditemui (diwawancara) mengakui berpandukan kepada dua sumber tersebut iaitu SAS dan pertuturan. Pertuturan yang dimaksudkan ialah cerita yang mereka warisi daripada generasi awal mereka iaitu datuk, nenek dan bapa. Dalam mukadimah penceritaan mereka dengan jujur mengakui tentang penggunaan dua sumber tersebut.

Hasil daripada analisis bahan mendapati bahawa pengkisah yang pernah membaca SAS lebih jelas dan yakin dengan penceritaan mereka di bandingkan dengan mereka yang tidak pernah membaca syair tersebut. Mereka yang hanya bergantung kepada sumber tuturan tidak dapat memberi maklumat yang jelas ke atas soalan yang diberikan. Malah mereka sering keliru dengan jalan cerita sejarah Brunei dan secara jujur menyatakan kekurangan mereka tentang soalan yang diajukan. Misalnya Awang Metassan bin Kassim sering menggunakan ungkapan, “mun ditutorkan karang bersalahan kitani, baik masa berlurus” (jika diceritakan juga ditakuti tidak berapa tepat) apabila ditanya mengenai sejarah awal Brunei. Seperti yang diakui oleh beliau sendiri pengetahuannya tentang sejarah awal Brunei hanyalah bergantung kepada pertuturan dan beliau mengakui bahawa semuanya boleh didapati dalam SAS.

Beliau mengakui bahawa maklumat yang diperolehinya hanyalah, “mendengar-dengar pertutoran orang tua-tua” (mendengar cerita orang tua-tua). Oleh itu timbul beberapa kekeliruan maklumat yang diberikannya yang bertentangan dengan kandungan SAS. Misalnya mengenai Ong Sum Ping yang dikatakannya saudara Awang Alak Betatar. Namun beliau telah berjaya memberi maklumat tambahan tentang beberapa perkara penting. Misalnya tentang Pasu Gadong (pasu Awang Semaun) yang dikatakan satu biji berada di Sungai Garang dan satu biji lagi di Bukit Timun Tulang (di hulu Sungai Brunei di Sanarubai Bukit).⁵⁶ Maklumat ini tidak diperolehi daripada pengkisah-pengkisah lain atau SAS. Namun begitu pengetahuan Awang Metassan dalam sejarah awal Brunei tidak begitu terserlah dibandingkan dengan pengetahuannya dalam sejarah moden Brunei khususnya pada zaman Perang Dunia Pertama dan Kedua di Brunei.

⁵⁶ Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0008/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Selain daripada itu pengkisah Awang Metassan bin Bakar juga bergantung kepada sumber pertuturan dan berdasarkan kandungan ceritanya itu tidak menunjukkan beliau merujuk kepada SAS. Oleh itu timbul percanggahan fakta dengan SAS seperti jumlah saudara Awang Alak Betatar yang dikatakan seramai enam orang (tujuh bersaudara), tidak begitu jelas jalan cerita awal penubuhan kerajaan Awang Alak Betatar seperti mana yang diceritakan dalam SAS. Kemungkinan beliau hanya berpandukan kepada sumber pertuturan atau tidak mengingati kandungan SAS yang pernah dibacanya. Apabila beliau diaju pertanyaan mengenai siapa Sang Aji, bila Awang Alak Betatar memeluk Islam dan siapa Puteri Johor beliau sering mengatakan, “atu inda ku mendangar”(itu saya tidak mendengar), tetapi apabila diaju soalan yang serupa berulang kali dengan diberi panduan sejarah ringkas mereka barulah beliau dapat mengingati cerita tersebut. Ini menggambarkan bahawa dengan ingatan yang kurang ke atas isi kandungan SAS pengkisah biasanya tersasar dari jalan cerita sebenarnya dan keliru dengan kandungan SAS itu.⁵⁷

Penggunaan sumber pertuturan ini tidak dapat dinafikan kebenarannya kerana pengkisah mempunyai rujukan khusus dalam mendapatkan sesuatu cerita itu. Misalnya Haji Ahmad Munaf dalam penceritaannya walaupun beliau tidak berani mengesahkan kebenaran ceritanya tapi pada masa yang masa mempunyai kekuatan sumbernya. Ini jelas dalam pengakuannya, “Tapi cerita juu ni ah, ganya datuk nini ganya. Datuk ku ganya ingat ia turut ke pulau Chermin ani ah. Datuk ku Pengarah Mukim Abdul Kangsar” (tapi ini hanyalah cerita dari datuk ninik ku yang turut serta ke Pulau Chermin. Datuk ku Pengarah Mukim Abdul Kangsar). Walaupun sumber tradisi lisan begitu terdedah kepada tokok tambah tetapi pengkisah biasanya bersikap jujur terhadap kebolehan mereka dalam bercerita. Kata-kata seperti: “atu inda tah ku bertanya ... barang inda ada atau inda ku berani ...” (itu tidaklah aku bertanya ... perkara yang tidak

⁵⁷ Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0033/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

ada tidak aku berani ...) sering diungkapkan apabila diajukan soalan-soalan yang mereka tidak mengetahuinya atau cerita yang tidak pasti sumbernya.⁵⁸ Oleh itu sebuah tradisi lisan bukanlah suatu yang bebas dari sumber rujukannya khususnya tentang dari mana cerita tersebut diperolehi. Seseorang pengkisah bukanlah pereka cerita tetapi pewaris sesebuah cerita itu yang mana mereka dianggap berperanan sebagai penerus kepada sebuah tradisi lisan itu. Tugas ini merupakan suatu amanah yang perlu dipikul supaya sesebuah cerita itu tidak lenyap atau hapus begitu saja tanpa penerusnya. Ini adalah suatu media tradisi sebelum wujudnya budaya penulisan dalam masyarakat Melayu.

Bagi sesetengah pengkisah kekuatan sumber pertuturan itu bergantung kepada dari mana sumber itu diperolehi. Pengkisah Haji Besar bin Osman mengakui bahawa sumbernya adalah berdasarkan cerita turun temurun dari datuk neneknya seperti datuknya Awang Tamit dan neneknya Awang Salleh yang dikatakannya begitu rapat dengan istana. Boleh dikatakan bahawa cerita yang diberikannya itu adalah datangnya dari istana atau disebut sumber istana yang diperolehi oleh datuk neneknya yang berkerja di istana. Selain daripada itu beliau juga bersumberkan neneknya bernama Dayang Maimunah yang pernah menjadi Inang Diraja zaman Sultan Hashim (1885-1906). “Iatah mulanya tu,maka kami dapat fahami sedikit-sedikit cerita atu, inda ada kami tahu” (itulah mulanya kami dapat fahami sedikit-sedikit cerita itu kalau tidak ada kami tidak tahu).⁵⁹

Selain daripada itu beliau juga mendapatkan sumber ceritanya daripada orang biasa seperti mengenai letak istana Awang Alak Betatar yang diperolehnya dari orang di Bukit Karak Nasi dan Bukit Kerimbunan. Bila ditanya beliau mengatakan: “atu mendangar ku pulang tu se penggal ganya. Apanya orang Bukit Kerak Nasi, Bukit

⁵⁸ Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0005/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

⁵⁹ Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0036/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Kerimbunan Tulang. Ia kahwin tu di Luba atau istananya” (yang itu saya mendengar tapi separuh saja daripada orang di Bukit Kerak Nasi dan Bukit Kerimbunan Tulang yang mengatakan ia berkahwin di Luba tempat letak istananya). Begitu juga tentang letak istana Jerambak yang terletak di Rejang apabila beliau sendiri masih sempat melihat bekas tiang rumah Jerambak pada tahun 1940. Beliau mendapat cerita mengenai kewujudan tiang tersebut dari seorang tua di Selalang:

“Macam Jerambak bertanyakan waktu kami ke Selalang tahun 40 atu ke sana bekerja Sarawak bah ... Berjumpa ku orang sana, orang tua-tua, Pakcik, Pakcik nyangku tu tiang apa, apa mahu bikin. Eh! Itu Awang nya, itu tiang lama sudah itu nya, banyak tu dulu nya. Ini saja ada tinggal empat nya. Nyangku saja tiga dapa tingginya bah. Iatah padahkan nya, ini nya, Awang nya tempat Jerambak. Atu tah orang tua-tua cerita tempat Jerambak nya (seperti mengenai Jerambak, sewaktu kami bekerja di Sarawak tahun 40-an, aku pernah bertanya kepada orang tua-tua tentang tiang (tingginya tiga depa) yang ada di Salalang. Kata mereka itu adalah tiang lama, dulu tiang tersebut banyak tetapi sekarang tinggal empat batang saja. Mengikut mereka di sana adalah tempat tinggal Jerambak).”⁶⁰

Mengenai dengan Pasu Gadong iaitu pasu yang pernah digunakan oleh Semaun, mengikut Haji Besar masih boleh ditemui di Sungai Garang jika seseorang itu berasas baik. Apa yang diceritakan oleh beliau mengenai pasu ini adalah berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh ayahnya yang pernah menemui pasu tersebut. Mengikut beliau, “cerita mulah bapa sendiri ani sendiri meliat, besar bibir pasu sedepa dan luas buka mulutnya lebih tiga depa dan di dalamnya mengandungi kayu, langir dan tuba” (cerita almarhum bapanya yang melihat sendiri, besar bibir pasu tersebut sedepa dan luas mulutnya lebih tiga depa dan di dalamnya mengandungi kayu, langir dan tuba). Namun Haji Besar sendiri tidak pernah berjumpa walaupun beberapa kali ke tempat tersebut. Beliau hanya pernah menemui bekas padi dan hampa padi yang dikatakannya masih kelihatan baru. Beliau mempercayai bahawa kesan-kesan yang ditemui itu hanyalah sesuatu yang sementara yang hanya ditunjukkan kepada yang diberikan tetapi

⁶⁰ Ibid.

bukan kepada mereka yang berhajat untuk melihatnya. Umpamanya Pasu Gadong yang pernah ditemui oleh ayahnya gagal ditemui oleh beliau apabila beliau berhajat melihatnya.⁶¹

Selain daripada itu Haji Besar juga mempunyai maklumat tentang letak batu nisan Ong Sum Ping di Kota Batu. Beliau pernah melihat batu nisan tersebut sebelum hilang. Mengikut beliau batu nisan Ong Sum Ping terletak berdekatan dengan makam Sultan Bolkiah di Kota Batu:

“ani kubur Sultan Bolkiah sini ani, ia disering bukit ani mengurinding, ada ni orang mengambil ni, orang kerajaan polis suruhnya menganu, menanam ia sendiri berpindah-pindah, atu tu berbuang nisan atu, berganti dengan nisan lain, jangan kedapatan bah! (di sini kubur Sultan Bolkiah, di sana sedikit mengurinding di tepi bukit, nisan itu telah diambil (dibuang) atas arahan pihak Polis dan diganti dengan nisan lain).”⁶²

Cerita mengenai batu nisan Ong Sum Ping ini memang diketahui oleh sebilangan masyarakat Brunei tetapi sehingga kini tidak ditemui dimana batu tersebut disembunyikan. Bagi generasi muda yang tidak pernah melihat kewujudan batu nisan Ong Sum Ping itu sudah tentunya menjadikan kisah Ong Sum Ping dalam sejarah Brunei masih bersifat legenda seperti juga kisah Awang Semaun dan Awang Alak Betatar yang tidak dapat dibuktikan melalui batu nisan mereka. Walau bagaimanapun kisah Ong Sum Ping bukan sebuah legenda kerana cerita mengenainya terdapat dalam sumber China.

Pengkisah juga mempunyai sumber pertuturan yang kuat dalam menceritakan kisah Sultan Abd Momin yang mempunyai kekebalan, “tidak mati dipujak [ditikam], tidak mati dibunuh”. Mengikut pengkisah bahawa sumber rujukannya ialah, “mengikut datok nenek kami yang bercerita kepada mulah [almarhum] nenek, mulah [almarhum]

⁶¹ Ibid.

⁶² Ibid.

nenek bercerita kepada mulah [almarhum] bapa". Mengikut cerita yang diwarisinya itu mengatakan bahawa Sultan Abd Momin mengamalkan ilmu hitam dengan memakan hati manusia untuk membolehkannya terbang. Baginda sudah memakan sebanyak 39 hati manusia iaitu kurang satu 40 yang menjadi syarat untuknya terbang. Namun begitu walaupun baginda mempunyai kekebalan dan hampir menamatkan amalannya itu baginda juga memberi tahu rahsia untuk membunuhnya iaitu dengan menggunakan benang tujuh warna. Dengan cara itu baginda berjaya dimatikan.⁶³ Kisah ini tidak pernah diceritakan oleh pengkisah lain malah tidak pernah diketahui tentang ilmu yang diamalkan oleh Sultan Abd Momin itu. Cerita tersebut menyerupai dengan kisah Sultan Muhammad Alam atau dikenali sebagai Raja Api. Apakah pengkisah keliru dengan persamaan cerita tersebut kerana sejauh ini Sultan Abd Momin terkenal dengan cerita-cerita yang baik.

Dalam penceritaan sesuatu cerita itu para pengkisah biasanya menyertakan sumber dan bukti kebenaran cerita mereka. Misalnya mengenai kisah persabungan ayam di antara ayam Ratu Majapahit dan ayam Brunei yang menjadi legenda Pulau Lumut Lunting. Pulau tersebut dikatakan berasal daripada seekor ayam kepunyaan Si Sinuai yang disumpah oleh Ratu Majapahit setelah mengalahkan ayamnya dalam satu persabungan ayam. Sehingga kini pulau tersebut akan tenggelam apabila berlaku kemangkatan keluarga diraja Brunei. Ini pernah disaksikan oleh ramai orang Brunei apabila kemangkatan Paduka Seri Begawan (Sultan Haji Omar Ali Saifuddien III pada tahun 1986). Mengikut pengkisah keganjilan yang berlaku ke atas pulau itu adalah bukti kebenaran cerita legenda mengenainya. Namun adalah perkara biasa bahawa unsur-unsur mitos dalam sesebuah cerita dihubungkan dengan peristiwa-peristiwa ganjil yang berlaku ke atas sesuatu tempat itu. Misalnya kewujudan pulau-pulau di Teluk Brunei dikaitkan dengan kehebatan Awang Semaun yang berjaya memecahkan pulau-pulau

⁶³ Ibid.

besar menjadi dua. Oleh itu terbentuklah Pulau Badukang dan Pulau Keingaraan yang asalnya hanya sebuah pulau apabila dilanggar oleh perahu Awang Semaun.⁶⁴ Kewujudan sesebuah tempat itu biasanya dihubungkan dengan sesuatu peristiwa yang dijadikan bukti kebenaran cerita mereka.

Sementara Pengkisah Pahlawan Haji Kamis dengan jelas mengatakan bahawa beliau bersumberkan *Syair Awang Semaun (SAS)* walaupun terdapat perbezaan dengan kandungan SAS dalam beberapa perkara. Mengikut beliau:

“Atu inda lagi ada kisahnya tu. Tinggalam tia tu semua sekali dalam syair, atu inda lagi ada anunya bah mani ... mani ... mani banyak tia berlaku amparannya bah. Zaman dahulu atu mana lagi teputik kadang-kadang ah kalau kan mengikut ceritanya banar-banar raja-raja ada menaroh bukunya (itu tidak ada lagi kisahnya. Semuanya ada dalam syair, ... Zaman dahulu tidak lagi terkutip ceritanya jika mahukan cerita yang sebenar raja-raja ada menyimpan bukunya).”⁶⁵

Pengkisah tidak menceritakan suatu yang tidak pasti sumbernya dan amat berhati-hati dalam bercerita kerana beranggapan bahawa cerita mengenai Raja-raja Brunei bukanlah sebuah cerita rakyat biasa. Ianya perlulah berdasarkan kepada sumber yang sah seperti SAS.

Oleh sebab itu tidak semua pengkisah yang diwawancara dapat bercerita tentang sejarah awal Brunei, malah mereka menganggap bahawa mereka tidak layak bercerita mengenai sejarah tersebut. Daripada 58 pengkisah yang diwawancara hanya 28 orang sahaja yang mampu bercerita tentang sejarah awal Brunei khususnya mengenai Kesultanan Brunei. Daripada jumlah tersebut lapan orang sahaja (setakat kajian penulis) yang benar-benar boleh bercerita dengan baik. Ini menunjukkan bahawa cerita tentang sejarah bukanlah suatu yang mudah untuk dituturkan jika tanpa sumber yang

⁶⁴ *Syair Awang Semaun*.

⁶⁵ Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0022/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

kuat. Pengkisah biasanya amat berhati-hati dalam bercerita tentang sejarah dan secara jujur mengakui kekurangan mereka dalam perkara tersebut.

Sementara seorang pengkisah iaitu Haji Othman bin Yaakub dengan jelas menggunakan rujukan daripada buku-buku sejarah terkini kerana pengetahuannya tentang sejarah Brunei begitu *up to date* dibandingkan dengan pengkisah yang lain yang lebih banyak merujuk daripada SAS dan tuturan. Ini dapat dibuktikan dengan kenyataan beliau, “dulu Brunei dikenali Puli atau Puni kemudian bertukarlah namanya kepada Brunei”. Pengetahuan tentang kewujudan nama Puli dan Puni untuk Brunei hanya terdapat dalam sumber China dan tidak pernah disebut dalam tradisi lisan Brunei atau SAS dan *Salsilah Raja-Raja Berunai (SRB)*. Begitu juga tentang Puteri Johor yang dikatakan sebagai Puteri Singapura, “sama ada Puteri Johor atau Singapura, yang benarnya ia kawin dengan Puteri Singapura”.

Teori ini tidak pernah disebut dalam sumber-sumber tempatan tetapi adalah hasil kajian berdasarkan kepada negeri Johor belum wujud pada waktu tersebut. Penggunaan sumber rujukan ini dinyatakan sendiri oleh beliau apabila sering menyebut perkataan “dalam sejarah tidak pernah disebut” yang bererti beliau mempunyai sumber rujukan yang khusus. Namun keterangan beliau mengenai sesuatu perkara bertentangan dengan apa yang dinyatakan dalam sejarah sama ada yang berbentuk syair atau yang telah diterbitkan seperti *Tarsilah Brunei*. Di antaranya mengenai jumlah saudara Awang Alak Betatar yang berjumlah tujuh orang, asal Awang Alak Betatar daripada Palembang, Perang Saudara antara Bendahara Sakam dan Abdul Bubin.⁶⁶

⁶⁶ Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0030/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

Haji Metali bin Sabtu tidak menyebut secara khusus penggunaan SAS sebagai rujukannya tetapi berdasarkan pengakuannya yang mengatakan apa yang diceritakannya itu terdapat juga dalam syair menunjukkan beliau juga pernah membaca SAS. Namun secara keseluruhannya pengetahuan beliau mengenai apa yang diceritakan itu adalah berdasarkan sumber pertuturan walaupun tidak dinyatakan siapakah sumbernya.⁶⁷

Awang Damit bin Merali dengan jelas mengakui merujuk SAS dalam mengkisahkan sejarah Brunei awal dengan mengatakan “mengikut cerita dalam syair Semaun” setiap kali menerangkan sesuatu cerita. Seterusnya beliau dengan jujur mengatakan:

“saya ani selalu jua membaca syair Semaun atau dulu. Tapi lama sudah lebih kurang 20 tahun lebih sudah aku inda melihat-lihat Awang Semaun. Jadi apa yang isi-isinya atau banyak sudah ku terlupa jua. Yang mana yang ku kenali ani boleh tah aku ceritakan sedikit-sedikit (sudah lama lebih kurang 20 tahun lebih aku tidak membaca *Syair Awang Semaun*. Oleh itu sudah banyak cerita yang ku lupa).”⁶⁸

Selain daripada itu beliau juga berpandukan kepada sumber pertuturan terutamanya ke atas cerita-cerita yang tidak terkandung dalam SAS. Apabila diajukan soalan mengenai Syarif Ali beliau mengatakan, “mengikut apa yang saya tahu dan pendengaran saya”. Namun apabila ditanya mengenai sejarah Brunei zaman Sultan Omar Ali Saifuddin II beliau menggunakan ungkapan “yang sebenarnya” yang menunjukkan keyakinannya terhadap apa yang diceritakannya itu. Beliau tidak menerangkan sumbernya kerana kisah tersebut berlaku bukan pada zamannya (1840-an). Apabila soalan yang melibatkan zaman beliau seperti kisah Sultan Ahmad Tajuddin beliau sering menggunakan ungkapan “setahu saya, seingat-ingat saya” dan “kalau saya

⁶⁷ Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0014/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

⁶⁸ Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0006/86, simpanan Pusat Sejarah Brunei, 1986.

tidak silap”.⁶⁹ Tiga jenis ungkapan ini menunjukkan tahap pengetahuan pengkisah terhadap ceritanya, iaitu yang didengar, yang dibaca dan yang dilihatnya. Tiga jenis itu juga adalah tiga ciri utama sumber lisan yang dimiliki oleh seseorang pengkisah sejarah.

Kesimpulan

Walaupun para pengkisah mengakui bahawa mereka pernah membaca SAS tetapi terdapat beberapa perbezaan dalam isu-isu penting tentang sejarah awal mengenai tokoh-tokoh dan tempat-tempat yang dihubungkan dengan sejarah pembentukan Kerajaan Brunei. Tradisi lisan daripada etnik Brunei ini memperlihatkan wujudnya pengaruh mitologi Hindu dalam kisah Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya yang menjadikan cerita sejarah tersebut kaya dengan unsur-unsur mitos. Di antaranya ialah kemunculan Raja Brunei melalui telur burung yang dijatuhkan oleh burung helang dan kehidupan di alam kayangan. Namun jalan cerita dalam tradisi lisan itu masih berlatar belakangkan kepada sejarah mengenai asal-usul Raja-raja Brunei hingga berdirinya Kerajaan Brunei di Sungai Brunei. Ruang lingkup tradisi lisan ini hanyalah berkisar dalam negeri Brunei dan sekitarnya. Berdasarkan tradisi lisan orang Brunei ini menunjukkan bahawa mereka tidak mewarisi cerita yang berlaku di luar Brunei. Oleh itu mereka telah menggunakan unsur-unsur mitos apabila menceritakan sejarah awal Raja-raja Brunei yang berada di luar daripada pengetahuan mereka. Di sinilah unsur-unsur mitologi Hindu itu mencampuri cerita tersebut seperti konsep raja keluar dari telur dan kehidupan di alam kayangan.

Hipotesis tentang asal-usul Awang Alak Betatar daripada kerajaan-kerajaan awal di Kalimantan Timur begitu jelas dalam tradisi lisan etnik Brunei ini. Cerita tentang telur runduk atau gugur di hulu Limbang (juga dikatakan di hulu Tarakan dan hulu

⁶⁹ Ibid.

Tuaran) menunjukkan mereka berasal dari bahagian pedalaman Sarawak yang bersempadan dengan Kalimantan Timur. Persoalan yang menarik ialah mengapa telur tersebut jatuh di hulu Limbang iaitu di bahagian pedalaman Borneo iaitu suatu tempat yang menjadi pintu masuk pendatang-pendatang dari Kalimantan Timur ke daerah-daerah Sarawak, Sabah dan Brunei. Ini menunjukkan bahawa walaupun sejarah asal-usul Raja-raja Brunei diceritakan menggunakan unsur-unsur mitos tetapi ianya mempunyai nilai sejarah berdasarkan tempat kemunculannya itu. Bukti tentang penggunaan hulu Limbang atau hulu Lawas sebagai laluan Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya ke Brunei dapat dibuktikan dari tradisi lisan etnik Lun Bawang yang mendiami kawasan pedalaman tersebut.⁷⁰

Berdasarkan tradisi lisan Brunei itu tokoh utama yang menjadi pengasas Kerajaan Brunei ialah yang hanya diberi nama Anak Muda yang keluar dari telur di hulu Tuaran. Anak Muda ini berkahwin dengan perempuan etnik Murut dan hasil dari perkahwinan ini melahirkan Awang Alak Betatar yang akhirnya menjadi Raja Brunei yang pertama. Selain daripada itu Anak Muda ini juga berkahwin dengan perempuan-perempuan lain yang menjadikan isterinya berjumlah 14 orang. Kisah tentang perkahwinannya ini merupakan babak penting dalam sejarah awal kerajaan Brunei yang menarik untuk dibuat kajian. Seperti yang diceritakan dalam tradisi lisan Brunei isteri Anak Muda yang sedang hamil telah mengidam hendak makan daging tembadau (seladang atau kerbau liar) yang berkeliaran di kawasan istana. Dengan menggunakan sebelah lembing (Sinipit) Anak Muda tersebut telah merejam lembing itu ke badan tembadau tetapi malangnya tembadau tersebut membawa lari lembing tersebut sehingga ia terpaksa meninggalkan isterinya yang sedang hamil bagi mendapatkan kembali lembing itu. Dalam kisah tersebut menunjukkan peranan lembing dan tembadau yang dijadikan simbol pembinaan sebuah kerajaan oleh Awang Alak Betatar. Lembing adalah

⁷⁰ Tradisi lisan etnik Lun Bawang mengenai Raja-raja Brunei akan dibincangkan dalam Bab 5.

lambang kuasa bagi kaum peribumi Borneo seperti mana juga dengan keris dalam masyarakat Melayu.

Sementara tembadau adalah lambang kegagahan kerana binatang tersebut hidup secara bebas dan liar di hutan. Dalam kisah tersebut secara semboliknya memberitahu tentang peranan leming sebagai asas kepada penubuhan kerajaan Awang Alak Betatar. Sementara tembadau yang melarikan tembing tersebut merupakan suatu proses pembinaan Empayar Brunei apabila leming yang terpacak di badan binatang tersebut dibawa lari ke merata tempat di Borneo. Proses pembinaan empayar jajahan itu diteruskan oleh kisah pengembalaan Anak Muda mengikuti jejak tembadau tersebut (berpandukan kesan darah binatang tersebut) bagi mendapatkan kembali tembing kepunyaan ayah mertuanya (Sang Aji). Ini diikuti oleh perkahwinan Anak Muda itu disetiap kampung yang disinggahinya yang berjumlah 14 buah sehingga berjaya melahirkan zuriatnya seramai 14 orang anak melalui perkahwinan itu, iaitu setiap seorang isterinya melahirkan seorang anak lelaki.

Jumlah kampung dan putera Anak Muda yang lahir di kampung-kampung yang pernah disinggahinya yang berjumlah 14 buah adalah simbol jumlah wilayah jajahan Brunei. Jumlah ini sama dengan yang dilaporkan dalam sumber Cina zaman Dinasti Ming.⁷¹ Ini bermakna bahawa kisah pengembalaan Anak Muda itu ke 14 buah kampung itu adalah suatu yang mempunyai asas sejarahnya. Dalam *Ming Tai Zu Shi Lu* menyebut, “Bo Ni [Brunei] terletak di lautan besar di sebelah barat daya, ia menguasai 14 buah negeri”.⁷²

⁷¹ Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 2010, hlm. 177.

⁷² Ibid.

Laporan Cina itu ditulis pada tahun 1371 apabila rombongan Maharaja China berada di Brunei dan sudah tentu maklumat mengenai jumlah jajahan Brunei itu diperolehi dari orang Brunei sendiri. Ini bermakna tradisi lisan Brunei itu dibuat berpandukan kepada jumlah jajahan Brunei yang sudah ada pada waktu itu. Oleh itu unsur-unsur mitos dalam tradisi lisan Brunei mengenai jumlah negeri jajahan Brunei adalah semata-mata bertujuan untuk menjadi bahan hiburan atau penglipur lara sesuai dengan tujuan tradisi lisan itu dihasilkan. Mengikut Prof. Teuku Iskandar memang pengarang atau penutur mengenai sejarah zaman lampau menganggap bahawa mitos dan legenda adalah sebagai fakta sejarah.⁷³ Oleh itu tradisi lisan (kemudiannya ditulis menjadi sebuah hikayat seperti SAS) bukanlah semata-mata sebagai bahan hiburan tetapi juga adalah sebagai bahan rujukan dan kajian kerana ianya sarat dengan maklumat sejarah. Di sinilah uniknya tradisi lisan Brunei ini kerana ianya dapat dibuktikan kebenarannya berpandukan sumber China.

Anak-anak dari isteri-isteri Anak Muda yang ditinggalkan sejak dalam kandungan ibu mereka telah mencari ayah mereka (Anak Muda) yang berada di hulu Tauran (disebut juga di hulu Tarakan). Awang Alak Betatar yang lahir di hulu Limbang telah memulakan pengembaran itu apabila mencari ayahnya (Anak Muda) mengikut jejak tembadau dan secara tidak langsung telah bertemu saudara-saudaranya di tempat-tempat yang pernah disinggahi oleh ayahnya. Pengembalaan Awang Alak Betatar ini telah berjaya mengumpul saudara-saudaranya untuk mencari ayah mereka yang berada di hulu Tauran. Pertemuan tersebut adalah bagi mendapatkan restu daripada ayah mereka untuk dilantik menjadi raja di Brunei. Berdasarkan tradisi lisan ini menunjukkan bahawa sejarah awal kerajaan Awang Alak Betatar bermula di hulu Limbang iaitu di pedalaman Borneo. Dari hulu Limbang Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya

⁷³ Teuku Iskandar, "Tradisi Lisan dan Historiografi Melayu dalam Penyelidikan Sejarah Brunei", dalam Awang Haji Muhammad bin Abdul Latif, Awang Haji Hashim bin Haji Mohd. Noor & Awang Haji Rosli bin Haji Ampal (eds.), *Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Belia dan Sukan, Brunei Darussalam, 1994, hlm. 43-44.

melakukan pengembalaan lagi menuju ke Brunei untuk mencari tempat baru bagi mendirikan kerajaan. Dalam tradisi lisan yang lain menyebut tentang asal-usul ini dengan lebih jelas seperti berikut:

“Cerita bermula runduk (turun) satu telor di hulu Limbang, lama kelamaan telor itu berbelah empat mengeluarkan seorang Muda (anak muda). Inilah ayah Awang Alak Betatar bernama Sultan Ahmad Dewa Kayangan. Dia beristerikan dengan seorang Murut (Lun Bawang) di hulu Limbang.”⁷⁴

Dalam SAS nama putera-putera Anak Muda itu (disebut Jin Seri Betara) ialah Awang Alak Betatar, Awang Semaun, Pateh Pahit, Pateh Sangkuna, Hapu Awang, Pateh Tuba, Pateh Mambang, Pateh Menggarun, Pateh Laila Langgong, Pateh Malaikai, Demang Lebar Daun, Pateh Sindayong dan Demang Sari.⁷⁵ Tradisi lisan ini telah memberi petunjuk yang berguna dalam melakukan penyelidikan tentang sejarah awal pembentukan Kerajaan Brunei pada abad ke-14. Berdasarkan tradisi lisan ini menunjukkan bahawa Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah) adalah berasal dari Kalimantan Timur yang berhijrah ke Brunei melalui hulu Limbang. Kemunculan Kerajaan Brunei yang didirikan oleh Awang Alak Betatar pada pertengahan abad ke-14 bertepatan dengan laporan Cina pada tahun 1371 mengenai kemunculan Brunei sebagai sebuah kerajaan baru.⁷⁶ Sementara dalam *Nagarakretagama* menyebut bahawa Brunei adalah menjadi negeri nauangan Jawa. Ini bermakna pada zaman awal penubuhan kerajaan Awang Alak Betatar, baginda terpaksa bernaung di bawah Jawa bagi mendapatkan perlindungan kerajaan Majapahit dari ancaman musuh-musuhnya seperti dari Sulu. Berdasarkan kepada sumber Cina dan Jawa ini jelas menunjukkan kemunculan kerajaan baru di Brunei iaitu kerajaan yang didirikan oleh Awang Alak

⁷⁴ Tradisi lisan ini diperolehi daripada Awang Salleh Mohammad bin Pateh Jalil oleh D.E Brown dan Haji Abd Latif bin Hj Ibrahim pada tahun 1967. Lihat, D.E. Brown, “Hiranyagarbha: The Hindu Cosmic Egg and Brunei’s Royal Line”, *BMJ*, Vol. 4, No. 4, 1980, hlm. 35.

⁷⁵ Awang Haji Abdul Hamid bin Jaluddin, ‘Syair Awang Semaun: Sebagai Epik Bangsa Melayu Brunei’, (Disertasi M.A.), Universiti Malaya, 1995/1996, hlm. 34.

⁷⁶ Dalam *Shu Yue Zhou Zi Lu* menceritakan tentang sikap Raja Bo Ni (Brunei) terhadap utusan Maharaja China yang datang ke Brunei pada tahun 1370 yang dianggap sebagai sombong dan tidak menghormati rombongan China itu. Ini menggambarkan sikap Awang Alak Betatar yang terkenal dalam tradisi lisan Brunei sebagai seorang yang tidak mau kalah dengan saudara-saudaranya. Lihat Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 321.

Betatar (Sultan Muhammad Shah) seperti mana yang diceritakan dalam tradisi lisan Brunei.

University Of Malaya

BAB 5: SUMBER LISAN PERIBUMI PEDALAMAN BORNEO MENGENAI BRUNEI

Pengenalan

Sumber pedalaman dalam kajian ini adalah sumber tradisi lisan mengenai sejarah awal Kerajaan Brunei yang datangnya daripada kaum peribumi Borneo yang mendiami kawasan pedalaman. Tradisi lisan yang dimaksudkan ialah mengenai sejarah kedatangan tokoh-tokoh legenda yang terlibat dalam pembentukan Kerajaan Brunei khususnya Awang Alak Betatar, I-pai Semaring, Awang Semaun dan Sang Aji yang banyak terdapat dalam tradisi lisan kaum peribumi Borneo. Oleh itu dalam kajian ini tumpuan hanya diberikan ke atas etnik peribumi yang berasal dari Kalimantan Timur yang sekarang mendiami kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Mereka terdiri daripada etnik daripada kaum Kelabit yang mendiami Daerah Krayan, Kalimantan Timur dan Banjaran Kelabit iaitu etnik Lun Bawang dan Lundayeh, kaum Kayan-Melanau-Kajang yang mendiami Lembah Balui, hulu Rejang dan kaum Baram Hilir di Sungai Baram, Sarawak yang kaya dengan cerita mengenai tokoh-tokoh legenda tersebut.

Latar Belakang Kajian

Jerome Rousseau membahagikan etnik peribumi yang mendiami Tengah Borneo kepada tiga kumpulan utama. Pertama kumpulan Kayanik dan Kenyah yang mendiami Apau Kayan yang terletak di Kalimantan Timur iaitu sebelum mereka berhijrah ke hulu Rejang, Baram, Mendalam dan Mahakam. Mereka mengerjakan pertanian padi bukit dan menggunakan sungai sebagai alat perhubungan utama mereka. Kedua ialah

kumpulan kaum Kajang dan etnik-etnik yang mempunyai hubungan dengannya dari segi bahasa dan budaya yang mendiami sungai-sungai yang terletak di antara Sungai Rejang dan Sungai Baram. Mereka terdiri daripada etnik Kejaman, Sekapan, La'anan dan Punan bah, dan termasuk juga Melanau, Berawan, Kiput, Narom, Lelak, Dali, Meting, Miri, Belait dan Tutong. Kumpulan ini juga berasal dari Apau Kayan dan berhijrah ke Lembah Balui yang terletak di hulu Rejang dan tersebar sehingga ke hilir Sungai Baram dan Rejang. Kumpulan ini memakan sago sebagai makanan utama dan selain padi yang mula mengusahakannya setelah bergaul dengan kaum Kayan.

Kumpulan ketiga ialah etnik Kelabitik yang awalnya mendiami dataran tanah tinggi Krayan-Kelabit yang terletak di sempadan di antara Kalimantan Timur dan Daerah Lawas, Sarawak.¹ Hudson menamakan kawasan ini sebagai Apo Duat. Kumpulan ini terdiri daripada etnik Lun Dayeh, Lun Bawang, Merau (Berau atau Sa'ban), Milau, Nyibun, Patuk dan Tring. Mereka berhijrah ke bahagian kelima Sarawak seperti Daerah Lawas dan Pandaruan, dan Daerah Temburong (daerah Brunei Darussalam), hulu Padas dan Mengalang yang terletak di Sabah. Ciri khusus kumpulan ini ialah mereka menggunakan jalan darat sebagai alat perhubungan kerana mereka bukanlah masyarakat yang mendiami kawasan-kawasan tebing sungai seperti kaum Kayan dan Kenyah. Di samping itu mereka mengusahakan pertanian padi sawah dengan mengamalkan sistem pengairan dan mempunyai tradisi membuat tugu-tugu batu sebagai bahan warisan mereka yang dapat dilihat hingga sekarang.² Berdasarkan pembahagian Rousseau itu menunjukkan bahawa kawasan Tengah Borneo di Kalimantan Timur iaitu Apau Kayan dan Apau Duat adalah penempatan awal penduduk peribumi Sarawak yang mendiami sungai-sungai di antara Rejang hingga ke Lawas yang didiami oleh etnik-etnik Kayan, Kenyah, Melanau, Kajang dan Kelabit.

¹ Jerome Rousseau, "Central Borneo: A Bibliography", *Sarawak Museum Journal (SMJ)*, Vol. XXXVIII, No. 59, 1988, hlm. 2-9.

² Ibid.

Dalam kajian ini penulis menggunakan kajian linguistik untuk melihat sejarah awal etnik-etnik peribumi Borneo seperti sejarah penempatan awal, penghijrahan dan hubungan antara etnik di sesebuah penempatan baru mereka. Kajian ini dianggap dapat mengelak kekeliruan di antara hubungan budaya dan hubungan bahasa yang menjadikan sesebuah kumpulan etnik itu berada dalam kumpulan yang sama sedangkan dari segi sejarah mereka adalah dari kumpulan yang berlainan. Kaedah kajian ini juga dapat menjelaskan hubungan sesebuah etnik peribumi itu walaupun mereka sudah lama terpisah akibat penghijrahan yang berlaku sehingga membentuk etnik-etnik yang menggunakan nama-nama baru, seperti kaum Kayan yang juga dikenali sebagai Busang atau Bahau dan Segai di Kalimantan Timur.

Dengan menggunakan kajian linguistik ini menampakkan ciri-ciri persamaan kekerabatan keluarga bahasa dan juga ciri-ciri persamaan kerana pertembungan budaya. Ini dapat dilihat pada kaum Melanau di Sarawak yang paling banyak mengalami pertembungan dan asimilasi sosiobudaya dengan etnik-etnik yang tinggal di kawasan pesisiran seperti orang Melayu dan etnik-etnik yang tinggal di pedalaman seperti kaum Kayan dan Kajang. Begitu juga etnik Punan Bah di hulu Rejang yang telah diletakkan dalam kumpulan etnik kaum Kajang bersama-sama etnik Kejaman, Sekapan dan Lelahan yang tinggal di tempat yang sama kerana etnik tersebut mengamalkan budaya yang hampir sama dengan tiga etnik berkenaan sedangkan dari segi bahasa mereka begitu berbeza. Etnik Punan Bah mempunyai persamaan bahasa dengan etnik Punan Tubu di Kalimantan Timur yang hidup secara nomad. Sementara itu terdapat juga etnik-etnik yang berbahasa Baram Hilir (seperti Berawan) di Baram telah meletakkan diri mereka sebagai etnik Kenyah walaupun pada hakikatnya mereka berlainan asal-usul dan bahasa dengan etnik tersebut.

Selain daripada itu istilah sesebuah puak atau etnik itu sering berubah mengikut siapa yang memanggilnya. Ini dapat dilihat pada istilah Murut yang mula digunakan oleh Spencer St. John pada tahun 1862 bagi merujuk kepada etnik peribumi di kawasan lembah Sungai Adang, sebuah anak Sungai Limbang di bahagian utara Sarawak.³ Oleh itu para pengkaji zaman beliau cenderung menggunakan klasifikasi ‘Murut’ ini secara umumnya untuk merujuk beberapa kumpulan etnik peribumi di Borneo. Sekarang etnik Murut di Lawas menggunakan gelaran Lun Bawang dan di Daerah Sipitang, Sabah menggunakan Lundayeh. Sementara etnik Tengara, Paluan, Baukan, Gana, Tidung, Sulangai, Sembakung, Kalabakan, Okolod, Serudung, Tagal, Timogun, Murut Beaufort dan Murut Keningau Nabai yang mendiami kawasan pedalaman utara Sabah masih menggunakan gelaran Murut.⁴ Ini disebabkan dari segi bahasa etnik Lun Bawang dan Lundayeh berbeza dengan etnik-etnik Murut di utara Sabah itu.

Dalam kajian Hudson telah membahagikan kumpulan-kumpulan etnik peribumi Borneo kepada 10 kumpulan bahasa yang terdiri daripada kumpulan etnik Kayan-Kenyah (Kayan, Busung, Bahau, Kenyah, Mahakam-Kayan, Long-Glat, Seputan dan Penihing) yang dominan di Tengah Borneo, kumpulan etnik Kelabit yang terdiri daripada Lun Bawang, Lun Dayeh, Merau (Berau atau Saban), Milau, Nyibun, Patuk dan Tring dan kumpulan Rejang-Baram yang termasuk etnik Kajang dan etnik Melanau. Sementara di Sabah, Miller menyenaraikan kepada empat kumpulan iaitu Dusunik yang terdiri daripada kaum Kadazandusun dan Bisaya; kumpulan Paitanik yang ditutur oleh etnik Labo, Tombonuo, Lingkabau, Sugpan dan etnik di hulu Kinabatangan; kumpulan Ida'an yang ditutur oleh etnik Idaan, Begahaak, Segama Sungai dan Buludupi; dan kumpulan Murutik yang ditutur oleh etnik Tengara, Paluan, Baukan, Gana, Tidung,

³ Spencer St. John, *Life in the Forest of the Far East*, London: Smith, Elder, 1862, hlm.126

⁴ Jane Wong Kon Ling, Blicher Bala & Baszley Bee Basrah Bee, “Masyarakat Lundayeh di Sabah: Satu Kajian Asal-Usul, Migarasi dan Klasifikasi Etnik”, dalam *Pemuliharaan Sejarah dan Tamadun Borneo: Ke arah Pengukuhan Negara Bangsa*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2007, hlm. 644.

Sulangai, Sembakung, Kalabakan, Okolod, Serudung, Tagal, Timogun, Murut Beaufort dan Murut Keningau Nabai.

Sebenarnya dalam kumpulan Rejang-Baram itu terdapat satu kumpulan etnik yang tidak jelas kedudukannya dalam kajian mereka, iaitu kumpulan etnik yang dinamakan oleh Blush sebagai etnik berbahasa Baram Hilir. Etnik ini mendiami kawasan hilir Baram dan pesisiran daerah Belait dan Tutong, Brunei Darussalam. Adalah tidak jelas asal-usul etnik tersebut dan kewujudan mereka tidak pernah disebut di Apau Kayan dan di Lembah Balui. Etnik ini terdiri daripada etnik Lelak, Dali, Narom, Miri, Belait, Lemiting, Kiput, Tutong dan Berawan. Dari segi sejarahnya etnik-etnik tersebut pernah mendiami Asun Apo di hulu Baram bersama dengan kaum Kenyah yang datang dari Apo Kayan, Kalimantan Timur. Oleh itu dari segi budaya etnik ini lebih rapat dengan etnik Kenyah.

Berdasarkan kepada kajian tersebut menunjukkan bahawa semua penduduk peribumi yang mendiami daerah pedalaman Sarawak adalah berasal daripada Kalimantan Timur dan Kalimantan Barat bagi etnik Iban dan Bidayuh. Di Kalimantan Timur terdapat dua laluan utama penduduk peribumi ini berpindah ke Sarawak iaitu melalui Sungai Rejang dan Sungai Baram yang digunakan oleh kaum Kajang-Melanau dan Kayan-Kenyah yang berada di Apau Kayan untuk berhijrah ke daerah-daerah di antara Rejang dan Baram. Kedua melalui Sungai Trusan, Limbang dan Tauran bagi kaum Kelabit-Saban yang berada di Sungai Krayan untuk berhijrah ke daerah-daerah Lawas dan Temburong. Oleh itu penduduk peribumi di Sarawak adalah pendatang baru dari Kalimantan yang berpindah atas sebab-sebab keperluan mencari penempatan baru untuk pertanian khususnya penanaman padi (padi bukit yang memerlukan kawasan-

kawasan tanaman baru) dan juga disebabkan oleh aktiviti ayau (peperangan antara etnik).

Dalam tradisi lisan etnik-etnik peribumi tersebut kisah perpindahan ini telah menjadi subjek utama yang diceritakan dengan unsur-unsur mitos yang menggambarkan mengapa mereka perlu mencari penempatan baru. Oleh itu pengaruh tempat awal mereka di Kalimantan Timur masih terdapat dalam tradisi lisan mereka. Namun dalam tradisi lisan tersebut kewujudan penempatan awal mereka sebelum mendiami Kalimantan Timur telah dilenyapkan dan digantikan dengan unsur-unsur mitos yang dihubungkan dengan alam kayangan yang dijelmakan dengan unsur-unsur kosmos seperti telur, buah durian dan buluh seperti mana yang terdapat dalam tradisi lisan kaum Kayan dan kaum Kelabit (Lun Bawang dan etnik Lundayeh).

Bagi kaum Kayan kehidupan mereka di Apau Kayan dilihat sebagai permulaan kepada kehidupan di dunia setelah turun dari kayangan bagi memimpin manusia yang hidup tanpa tamadun di Apau Kayan. Dari Apau Kayan mereka mengembara ke Baram dan Rejang, Sarawak dengan mencipta mitos-mitos tersebut kepada masyarakat awal yang mendiami sungai-sungai tersebut. Semakin jauh perjalanan mereka semakin besarlah mitos tersebut sehingga melenyapkan kewujudan di Apau Kayan sebagai sebuah penempatan awal mereka. Mereka juga membawa budaya hierarki dalam sistem sosial mereka yang menggambarkan kewujudan sebuah kelas pemerintah dan bangsawan dalam kaum tersebut. Kewujudan hierarki sosial ini adalah warisan yang mereka bawa daripada kehidupan awal mereka di Kalimantan.⁵

⁵ Dalam masyarakat Kayan tradisi wujudnya empat peringkat kelas sosial iaitu *Kelunan Maren* (Raja-raja Kayan), *Panyin Ayu* (pembesar), *Payin Ok* (orang biasa) dan *Dipen* (ulun atau hamba). Lihat, Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman, *Keruntuan Empayar Brunei KM 19: Satu Kajian Dari Sudut Ekonomi*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2008, hlm. 21.

Etnik Lun Bawang dan Lundayeh

Dua kumpulan etnik Kelabit yang mempunyai hubungan awal dengan Brunei ialah etnik Lun Bawang dan Lundayeh yang sekarang mendiami kawasan-kawasan pedalaman Negeri Sarawak, Sabah dan Brunei Darussalam. Etnik Lun Bawang mendiami bahagian kelima Sarawak iaitu Daerah Lawas dan Daerah Pandaruan khususnya di kampung-kampung Bahkalan, Long Semadu, Beduk Nor dan Long Loping, serta di Daerah Kerayan, Kalimantan Timur khususnya di Long Bawan dan Long Semadu. Di Negara Brunei mereka mendiami Daerah Temburong.

Sementara etnik Lundayeh mendiami hulu Padas Daerah Sipitang dan Daerah Mengalong, Sabah serta di Sungai-sungai Sesayap, Raya, Krayan, Bahau dan Menteran yang terletak di Kalimantan Timur.⁶ Dua etnik tersebut mempunyai hubungan dengan sejarah pembentukan Kerajaan Brunei yang diasaskan oleh Awang Alak Betatar pada pertengahan abad ke-14. Dalam tradisi lisan dua etnik itu mempunyai persamaan dengan tradisi lisan masyarakat Brunei di Kampong Ayer khususnya di Kampong Saba dan Kampong Peramu yang menonjolkan watak seorang wira yang akhirnya menjadi Raja Brunei. Persamaan ini menggambarkan tentang rapatnya hubungan di antara Awang Alak Betatar dan etnik Lun Bawang dan Lundayeh di Kalimantan Timur yang juga boleh dijadikan rujukan untuk mengkaji asal-usul Raja Brunei itu.⁷

⁶ Istilah Lundayeh dan Lun Bawang adalah diwujudkan semata-mata berdasarkan sempadan politik di antara Sabah dan Sarawak sedangkan dari segi sejarah asal-usul, fizikal, budaya dan linguistik mereka adalah sama iaitu yang dipanggil sebagai kumpulan etnik kaum Kelabit. Etnik Lundayeh merujuk kepada mereka tinggal di Negeri Sabah sementara gelaran Lun Bawang merujuk kepada mereka yang tinggal di Negeri Sarawak. Lihat, Jane Wong Kon Ling, Blacher Bala & Baszley Bee Basrah Bee, "Masyarakat Lundayeh di Sabah: Satu Kajian Asal-Usul, Migarasi dan Klasifikasi Etnik", hlm. 644-647.

⁷ Dalam tradisi lisan masyarakat Brunei di Kampong Ayer tidak pernah disebut nama I-pai Semaring seperti mana juga tidak pernah disebut nama Semaun dalam tradisi lisan etnik Lun Bawang dan Lundayeh yang tinggal di hulu Lawas dan daerah Krayan di Kalimantan Timur. Ini menunjukkan bahawa dua kumpulan masyarakat itu (Brunei dan Lun Bawang) tidak saling mempengaruhi dalam tradisi lisan mereka.

I-pai Semaring

Dalam tradisi lisan di wilayah Bolongan, Kalimantan Timur dan Daerah Lawas, Sarawak, Daerah Sepitang Sabah dan Daerah Temburong, Brunei Darussalam ditemui sebuah kisah tentang seorang tokoh legenda bagi kaum peribumi yang tinggal di kawasan tersebut yang bernama I-Pai Semaring yang menghubungkan mereka dengan Brunei. Sehingga kini mereka masih menyimpan cerita tentang I-pai Semaring atau dikenali juga Yupai Semaring dan Upai Semaring menjadi kebanggaan masyarakat peribumi etnik Lun Bawang dan Lundayeh yang mendiami kawasan tersebut. Dalam tradisi lisan tersebut I-pai Semaring pada mulanya adalah seorang lelaki biasa yang hidup berkeluarga di sebuah kampung bernama Long Sepayang, Kalimantan Timur, Indonesia. Disebabkan oleh suatu peristiwa yang menimpa keluarganya membuatkan ia mengembara hingga ke Brunei.

Kedatangannya di Brunei telah diterima baik oleh Raja Brunei dan akhirnya berkahwin dengan puteri Raja Brunei.⁸ Disebabkan cerita tersebut dimiliki oleh semua etnik yang tinggal di daerah Krayan, Kalimantan Timur dan daerah Lawas, Sarawak, daerah Sipitang, Sabah dan daerah Temburong, Brunei dengan sendirinya melahirkan berbagai versi cerita yang dituturkan oleh puak tersebut mengikut daerah atau kawasan kediaman mereka. Tradisi lisan ini juga secara tidak langsung menceritakan tentang sejarah penghijrahan masyarakat kaum Lun Bawang dan Lundayeh itu sendiri dari Kalimantan Timur ke kawasan pesisir barat laut Borneo termasuk ke Brunei, Sabah dan Sarawak. Cerita pertama diperolehi daripada tradisi lisan etnik Lun Bawang suku Putut di wilayah Bolongan, Kalimantan Timur dan etnik Lundayeh di Long Pasia, Sabah.⁹

⁸ Kisah mengenai I-pai Semaring terdapat dalam tradisi lisan etnik Lundayeh di Long Pa'Sia dan Long Mio, Sabah yang juga mempunyai persamaan dengan tradisi lisan etnik Lun Bawang di daerah Lawas, Sarawak. Lihat, Lene Topp, *The Lundayeh of Long Pasia and Long Mio, Their History and Legends*, Denmark: WWF, 2006, hlm. 14-40.

⁹ Kisah yang dipaparkan ini adalah pengubahsuai dari dua sumber iaitu pertama yang diterbitkan dalam buku *The Lundayeh of Long Pasia and Long Mio, Their History and Legends* dan dari sebuah manuskrip yang dipunyai oleh etnik Lun Bawang suku Putut di

Kandungan kedua sumber tersebut tidak jauh berbeza yang menunjukkan ianya berasal dari sumber yang sama. Kandungannya adalah seperti berikut:

“Dimulai dengan kehidupan dalam sebuah keluarga kecil iaitu Yupai Semaring bersama isteri dan anak perempuannya yang bermukim dekat air terjun Krayan di Long Sempayang, Kalimantan Timur. Keluarga ini hidupnya berburu dan menangkap ikan (menggunakan bubu) di sungai dekat air terjun itu. Pada suatu hari sebagaimana biasanya ketika Yupai Semaring mengangkat bubunya dari sungai, dilihatnya tidak ada seekor ikan pun dalam bubunya itu, sehingga timbulah kehairanan dalam hatinya. Setelah keadaan ini terjadi tiga hari berturut-turut, Yupai Semaring pun semakin curiga dan timbulah niat dalam hatinya menyelidik kejadian itu. Dia mengintip dari jauh beberapa puluh meter dari tempat bubu yang dipasangnya. Dari sinar bulan yang menembusi pepohonan di hutan di pinggir sungai itu jelas kelihatan oleh Yupai Semaring ada seekor ular besar sedang menangkap dan memakan satu demi satu ikan yang sudah terperangkap dalam bubu itu. Melihat keadaan ini, Yupai Semaring pun menjadi marah sekali, segera mengambil parang mendekati binatang itu dan terjadilah pertarungan sengit antara Yupai Semaring dan ular raksasa tersebut. Akhirnya dengan kehandalannya menggunakan senjata dan kekuatan yang luar biasa Yupai Semaring berhasil membunuh ular raksasa itu.

Selang beberapa tahun kemudian kehidupan Yupai Semaring telah ditimpa musibah kerana isteri dan puterinya yang tercinta telah meninggal dunia (tidak jauh jarak antara waktunya). Tinggallah Yupai Semaring menduda dan sebatang kara. Akhirnya untuk melupakan kesan-kesan yang memilukan dan sangat menyedihkan itu Yupai Semaring pun memutuskan untuk meninggalkan tempat itu dan menggambara mengikut kemahuan dan arah kakinya. Akhirnya sampailah Yupai Semaring di Gunung Gundul (Gunung Long Bawan) dekat Sungai Bawan, Kalimantan Timur. Di sanalah Yupai Semaring menetap secara ghaib (misterius) kerana para penduduk tidak mengenal dan berhubung dengannya secara fizik (susuknya sebagai manusia tidak kelihatan). Kalau penduduk ingin berdialog untuk sesuai keperluan dengan Yupai Semaring, pergilah mereka ke Gunung Gundul (Gunung Bawan) itu dan di sanalah mereka menyampaikan keinginan dan permintaan mereka. Untuk berbicara dengan Yupai Semaring mereka haruslah berbicara secara terbalik, misalnya kalau mereka minta buatkan mandau (parang) yang baik, jangan dikatakan yang baik tetapi harus dikatakan minta dibuatkan mandau yang buruk saja. Beberapa hari kemudian yang meminta tadi kembali ke tempat itu biasanya parangnya sudah tersedia di sana. Kononnya menerut cerita orang tua-tua, dituturkan turun-temurun pada bulan malam purnama (14 dan 15 malam bulan di langit), kalau cuaca baik Yupai Semaring bersenandung merdu dengan sulingnya, menggema ke seluruh desa-desa di wilayah Krayan. Melanjutkan kebiasaan hidupnya didekat air terjun Krayan (di Long Payang), di samping berburu Yupai Semaring juga menangkap ikan (memasang bubu) di Sungai Bawan (secara ghaib). Ceritanya di tepi Sungai Bawan itu masih ada bekas-bekas seperti

wilayah Bulungan, Kalimantan Timur. Lihat, Haji Abd. Karim Haji Abd. Rahman, “Yupai Semaring Manusia Misteri Dalam Sejarah Brunei”, *Aktif*, Newsletter Pusat Sejarah Brunei, Bil. 50, Januari 2003, hlm. 6-9.

tangga tempat Yupai Semaring turun ke sungai. Setelah sekian lama menetap di puncak Gunung Bawan (gunung Gundul) itu, pada suatu hari ketika Yupai Semaring turun ke Sungai Bawan, dilihatnya lingkaran rotan yang menjadi pengikat bubu hanyut di sungai itu. Melihat benda ini, dengan tidak berfikir panjang dan tanpa memeriksa secara teliti, Yupai Semaring menyangka benda itu adalah ikat (gelang) betis (di bawah lutut) orang laki-laki, suku pedalamanan yang pada umumnya kalau sudah dewasa memakai ikat atau gelang betis yang terbuat dari rotan yang dianyam, dipasang di buah betis di bawah lutut. Yupai Semaring pun mulai berfikir menduga-duga dan berbicara dalam hatinya, kalau ikat atau gelang orang itu sudah begitu luar biasa besarnya, tentulah orangnya juga luar biasa besarnya.

Peristiwa itu sepanjang hari dan semalam terus sahaja mempengaruhi dan menghantui fikiran dan perasaan Yupai Semaring, sehingga beberapa hari kemudian Yupai Semaring memutuskan untuk meninggalkan tempat itu dan melanjutkan penggembalaannya, mengikut hati dan langkahnya, menuju arah barat melalui beberapa desa. Di antaranya ialah Pa' Api (ceritanya di Pa' Api ada bekas-bekas persinggahan, istirehat Yupai Semaring), dan akhirnya sampailah ia di suatu pantai dekat Brunei (Brunei Darussalam sekarang), desa nelayan.

Di sanalah dia menetap sementara tetapi hidup sebagaimana manusia biasa, tidak lagi menyembunyikan dirinya dari masyarakat. Namun dalam kehidupan dan pekerjaannya sehari-hari Yupai Semaring masih mempunyai keistimewaan yang tidak dimiliki oleh orang biasa. Misalnya dalam pekerjaan menangkap ikan, para nelayan biasanya mempergunakan kilong yang dibuat dari buluh atau rotan yang dianyam, tetapi Yupai Semaring cukup mempergunakan ranting-ranting dan daun-daun kayu, dipancangnya di tepi-tepi pantai. Hairannya hasil yang diperoleh oleh Yupai Semaring melebihi hasil nelayan yang menggunakan kilong-kilong yang baik itu.

Setelah lama menetap ditempat itu, keistimewaan Yupai Semaring ini sampai juga kepada Raja Brunei yang terkenal dengan nama Bang Padian. Akhirnya Raja Brunei pun tertarik kepada peribadi Yupai Semaring, lalu dipanggilnya ke istana dan akhirnya dinikahkan dengan seorang puteri raja. Dari pernikahan Yupai Semaring inilah konon ceritanya menurunkan raja-raja Brunei Darussalam hingga sekarang. Menurut cerita orang tua-tua di Krayan, dahulu pada waktu-waktu tertentu keluarga Kerajaan Brunei ini datang ke Long Bawan, ibukota Kecamatan Krayan, menziarahi tanah leluhurnya di Gunung Bawan (Gunung Gundul) dekat Sungai Bawan.”

Terdapat sedikit perbezaan cerita tersebut dengan tradisi lisan etnik Lundayeh di Long Pasia. Pertama ialah mengenai anak perempuan I-pai Semaring yang dikatakan meninggal dunia di kampung asalnya di Daerah Krayan, Kalimantan Timur bersama isterinya tetapi dalam sumber Lundayeh mengatakan bahawa anak perempuannya itu masih hidup bersamanya di Long Bawan dan Long Midang dan hanya meninggal dunia

di Ba kalalan. Kedua dalam sumber Lundayeh mengatakan semasa I-pai Semaring tinggal di Long Bawan ia telah menjadikan gua tempat tinggalnya sebagai kubu pertahannan semasa berlaku perperangan dengan musuh-musuhnya. Ini bererti kehidupannya di Long Bawan juga terdedah kepada serangan musuhnya (ayau), dan ketiga I-pai Semaring sentiasa diburu oleh musuhnya sepanjang perjalanannya ke Brunei.¹⁰

Dalam cerita tersebut (sumber suku Putut dan sumber Lundayeh) I-pai Semaring telah ditonjolkan dengan dua watak yang berbeza iaitu sebagai seorang yang gagah berani tetapi pada masa yang sama ia juga mempunyai masalah psikologi sehingga sentiasa diburu rasa takut hanya disebabkan oleh bingkai bubu yang dijumpainya. Akibat rasa takutnya inilah ia mengembara dari satu tempat ke satu tempat sehingga ke Brunei. Adalah suatu yang ganjal bagaimana I-pai Semaring keliru dengan bingkai bubu yang dijumpainya itu sedangkan ia sendiri adalah pembuat bubu untuk pekerjaannya sebagai nelayan. Namun disebalik kelemahan mentalnya itu I-pai Semaring sebenarnya seorang yang unik dan mempunyai berbagai keistimewaan seperti mahir dalam pertukangan kayu dan besi (membuat parang dan sarungnya) dan juga mempunyai daya kreatif apabila menggunakan ranting-ranting kayu untuk menangkap ikan di sungai (di Sungai Brunei). Kebolehannya ini sama dengan yang dimiliki oleh Awang Semaun yang diceritakan dalam tradisi lisan Brunei di Kampong Ayer dan SAS iaitu semasa Awang Semaun menangkap ikan sumbit-sumbit di Sungai Brunei. Persamaan ini telah membawa kepada andaian bahawa dua watak tersebut adalah orang yang sama.¹¹

¹⁰ Lene Topp, *The Lundayeh of Long Pasia and Long Mio, Their History and Legends*, hlm. 21-22.

¹¹ Ini akan dibincangkan dalam bahagian tajuk “Awang Semaun”.

Dalam penyelidikan Pusat Sejarah Brunei pada tahun 1990 ke atas etnik Lun Bawang di Long Bawan dan Long Midang, Kalimantan Timur dan di kampung-kampung di hulu Lawas, Sarawak iaitu Ba kalalan, Buduk Nur, Long Langai, Long Lemutut, Long Samadu, Long Baluyu, Long Kebarangan, Long Rabungan, Long Lopeng, Long Berayong dan pekan Lawas mendapati bahawa cerita tentang I-Pai Semaring ini masih subur dalam ingatan generasi tua di tempat-tempat tersebut. I-Pai Semaring telah menjadi tokoh legenda yang menjadi kebanggaan etnik tersebut kerana sifat-sifat luar biasanya dan akhirnya menjadi Raja Brunei. Melalui legenda I-pai Semaring ini mereka menghubungkan diri mereka dengan Brunei.¹²

Hasil penyelidikan ke atas etnik Lun Bawang di kawasan tersebut telah menemui cerita-cerita yang lebih menarik tentang I-pai Semaring yang menjadi pelengkap kepada tradisi lisan etnik Lundayeh di Long Pasia dan Long Mio, hulu Padas, Sabah.¹³ Seramai 20 orang pengisah telah berjaya diwawancara di tempat-tempat yang dikatakan pernah didiami oleh I-pai Semaring di kampung-kampung yang berada di wilayah Bulungan, Kalimantan Timur dan Daerah Lawas, Sarawak. Daripada jumlah tersebut hanya enam orang pengisah dikemukakan dalam kajian ini iaitu berdasarkan kepada perbezaan maklumat yang mereka berikan. Hasil penyelidikan yang dilakukan ke atas etnik Lun Bawang di Long Bawan, Long Midang dan Ba kalalan telah berjaya membina suatu cerita yang lebih lengkap tentang I-pai Semaring termasuklah salasilah keturunannya yang menghubungkan ia dengan Awang Alak Betatar dan Awang Semaun.¹⁴

¹² Hasil dari penyelidikan tersebut dibincangkan dalam Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei bertajuk “Kesultanan Brunei: Warisan Seriwijaya?” yang diadakan pada tahun 1990. Di antara maklumat yang terkandung dalam Kertas Kerja tersebut ialah peta perjalanan I-pai Semaring dari Long Bawan di Kalimantan Timur hingga ke Daerah Temburong, Brunei, dan data-data salasilah I-pai Semaring yang menghubungkannya dengan Awang Alak Betatar dan Awang Semaun. Lihat, Abd. Karim Hj Abd. Rahman, “Kesultanan Brunei: Warisan Seriwijaya?”, *Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Anjuran Persatuan Sejarah Brunei dan Universiti Brunei Darussalam, 1990.

¹³ Tradisi lisan etnik Lundayeh khusus menceritakan tentang kisah I-pai Semaring di hulu Padas, Sabah hingga ke Long Bawan dan Bekalalan, manakala etnik Lun Bawang menceritakan tentang kisah I-pai Semaring di Daerah Lawas termasuk di Long Bawan dan Long Midang di Kalimantan Timur. Lihat, Lene Topp, *The Lundayeh of Long Pasia and Long Mio, Their History and Legends*, hlm. 14-40.

¹⁴ Abd. Karim Hj Abd. Rahman, “Kesultanan Brunei: Warisan Seriwijaya?” hlm. 3-7.

Maklumat yang diperolehi di Ba kalalan memberi cerita yang berbeza dengan tradisi lisan etnik Lundayeh di Long Pasia tentang sejarah awal I-pai Semaring sebelum ia berpindah ke Long Bawan. Di awal cerita tersebut mengisahkan tentang perlumbaan di antara I-pai Semaring dan dua orang saudaranya yang bernama Cadu dan Cagan dari kuala Sungai Lutut hingga ke hulunya di Long Bawan. Dalam perlumbaan itu I-pai Semaring menggunakan perahu sementara Cadu dan Cagan menggunakan rakit. Disebabkan dua orang saudaranya itu menggunakan rakit mereka terlebih dahulu sampai ke hulu Sungai Lutut dan ini telah menimbulkan kemarahan kepada I-pai Semaring lantas ia mengambil keputusan untuk tinggal di gua Bukit Tegal di Long Bawan bersama pengikut-pengikutnya.

Cerita ini juga ditemui dalam kalangan etnik Lun Bawang di Buduk Nur, hulu Lawas, tetapi dalam perlumbaan itu I-pai Semaring dikatakan menggunakan jalan sungai dan Cadu dan Cagan menggunakan jalan darat.¹⁵ Kisah perlumbaan ini merupakan suatu penemuan yang menarik kerana ianya mempunyai persamaan dengan kisah perlumbaan perahu Awang Alak Betatar dengan saudara-saudaranya yang terdapat dalam tradisi lisan kaum Bisaya di Daerah Limbang, Sarawak. Dalam cerita tersebut mengisahkan tentang perebutan menduduki takhta kerajaan Jawa apabila putera sulung Raja Jawa bernama Pateh Berbai dicalonkan sebagai Raja Jawa (Raja Jawa di Brunei) tetapi pada masa yang sama saudara-saudaranya yang lain juga mahu merebut jawatan tersebut. Oleh itu ayahanda mereka mengadakan satu perlumbaan perahu dari Jawa ke Brunei untuk memilih bakal Raja Brunei iaitu siapa yang terlebih dahulu datang ke Brunei akan diangkat menjadi Raja Brunei. Akhirnya salah seorang putera Jawa itu bernama Awang Alak Betatar telah memenangi perlumbaan tersebut dan diangkat menjadi Raja Brunei.¹⁶

¹⁵ Ibid., hlm. 5.

¹⁶ Ibid., hlm. 6.

Disebabkan tradisi lisan Brunei itu mempunyai pengaruh yang kuat dari Kerajaan Majapahit Jawa sudah tentu penggunaan nama Raja Jawa itu hanyalah satu simbolik. Berdasarkan sumber lisan di Bah Kalalan itu menunjukkan bahawa memang berlakunya perlumbaan tersebut yang diceritakan tanpa pengaruh Jawa. Perlumbaan tersebut sudah tentunya bermula dari sebuah tempat di Kalimantan Timur kerana dalam perlumbaan itu mereka melintasi hulu Sungai Limbang iaitu sempadan daerah Sarawak dan Kalimantan Timur. Kemungkinan kuala Sungai Lutut yang disebut dalam tradisi lisan Lun Bawang di Long Midang itu adalah bermaksud kuala Sungai Tarakan kerana dalam tradisi lisan di Tarakan disebut bahawa I-pai Semaring juga adalah seorang anak raja Kerajaan Tarakan.¹⁷

Di Long Bawan I-Pai Semaring menetap di gua Beduk Tegal yang terletak di atas bukit yang akhirnya dikenali sebagai Bukit I-pai Semaring. Kisah yang ditemui di Long Bawan ini merupakan sambungan dari kehidupan awal I-pai Semaring di Sempayang seperti yang diceritakan dalam tradisi lisan etnik Lundayeh di Long Pasia, Sabah. Kisah I-pai Semaring yang ditemui di Long Bawan ini hanya berkisar mengenai kehidupannya di Long Bawan iaitu sebelum ia berpindah ke Brunei. Dalam kisah tersebut I-pai Semaring digambarkan sebagai seorang yang aneh dan bukan sebagai manusia biasa. Jasad I-pai Semaring hanya boleh dilihat dari jauh tetapi apabila didekati ianya akan menghilang.

Perwatakannya juga agak ganjil apabila seseorang (penduduk kampung di Long Bawan) meminta ia membuat sesuatu (parang) haruslah menyatakan secara terbalik iaitu dengan mengatakan “buatkanlah barang ini dengan tidak baik” barulah ia membuatnya dengan sebaik mungkin. Perwatakannya ini mungkin mempunyai hubungan dengan cara

¹⁷ Dalam salasilah yang diberikan oleh Datu Norbeck bin Datu Bayal, ahli sejarah di Tarakan menyebut bahawa I-Pai Semaring adalah anak raja Tidung iaitu I-Pai Semaring bin I Keranda bin I Kiding bin I Bengawan (Raja Tarakan). Sementara maklumat yang diperolehi dari etnik Lun Bawang di Daerah Temburong menyebut I-Pai Semaring adalah anak Megat bin Meyong. Lihat, Ibid.

hidupnya yang sudah tidak seperti manusia biasa iaitu hidup secara ghaib. Oleh itu kehidupan harian I-pai Semaring selalu menyendiri dan tidak mahu bergaul dengan orang ramai. Bagi menghiburkan hatinya yang keseorangan itu ia punuh dengan menyanyi bagi menenteramkan hatinya. Salah satu nyanyiannya yang masih diwarisi oleh generasi tua di Long Midang ialah yang mengisahkan tentang keadaan orangnya yang ramai yang diumpamakan seperti semut jika dibuang biji sawi nescaya biji sawi itu tidak jatuh ke tanah.¹⁸

Keganjilan watak I-pai Semaring lebih jelas apabila ia terjumpa bingkai bubu yang hanyut di Sungai Lutut sewaktu ia mandi di sungai itu. Bingkai tersebut disangkanya gelang kaki manusia dan dalam fikirannya jika sebesar itu gelang kaki manusia sudah tentu orang itu berbadan besar dan lebih kuat daripadanya. Didorong oleh rasa takut itu ia mengambil keputusan untuk meninggalkan Long Bawan dan menuju ke Long Midang.¹⁹ Perubahan watak I-pai Semaring dari seorang yang gagah kepada seorang yang mudah diselubungi rasa takut itu mungkin disebabkan oleh pengalaman hidupnya sepanjang perjalanan dari kuala Sungai Lutut hingga ke Long Bawan yang diburu oleh rasa ketakutan dari musuh-musuhnya sehingga membawa ia berpindah ke hulu sungai.

Namun cerita yang berlainan tentang kehidupan I-pai Semaring di Long Midang telah diperolehi daripada Miton Tilo yang mengatakan bahawa I-pai Semaring masih hidup bersama isteri dan anaknya di Long Midang.²⁰ Ini bertentangan dengan cerita yang diperolehi dari etnik Lun Bawang suku Putut yang mengatakan I-pai Semaring hidup bersendirian di Long Bawan setelah kematian isteri dan anak perempuannya di Long Sempayang. Dalam tradisi lisan etnik Lundayeh di Long Pasia pula mengatakan

¹⁸ Ibid., hlm. 4.

¹⁹ Ibid.

²⁰ Miton Tilo adalah salah seorang pengkisah dalam penyelidikan di Long Midang. Lihat, Rakaman Wawancara, PS/PY/SL/00/90, simpanan Pusat Sejarah Brunei.

hanya isteri I-pai Semaring mati di Long Sempayang sementara anak perempuannya mati di Ba kalalan. Namun adalah tidak mustahil untuk I-pai Semaring berkahwin lagi di Long Bawan dan Long Midang dan di tempat-tempat lain yang disinggahinya seperti mana yang lazim dilakukan oleh ketua-ketua kaum yang lain yang berkahwin di tempat-tempat yang mereka singgahi.²¹ Selain daripada itu kedatangan I-pai Semaring di Long Midang dikatakan membawa bersama sebiji batu yang berasal dari Long Pasia yang sekarang dikenali sebagai Batu Narit. Di batu itu tertera ukirannya dan kesan tapak kaki I-pai Semaring.²² Pada awalnya I-pai Semaring adalah orang biasa tetapi sebab ia mempunyai ilmu (semayau) dan kegagahannya maka ia dilantik sebagai ketua dalam kalangan kaumnya.

Mengikut Miton Telo, I-pai Semaring berasal di Gunong Murut dan pembawa tamadun ke atas masyarakat Lun Bawang di Long Midang. Ini dihubungkan dengan keupayaan I-pai Semaring membawa air dari gunung (Gunong Murut) untuk dijadikan sungai iaitu Sungai Betong. Kisah ini mempunyai persamaan dengan legenda dua etnik Murut (Lundayeh) bernama Yassai dan Berene (suami isteri) yang tinggal di Pa Rayah, hulu Pa Bruan (Beroewen) yang telah berjaya mendapatkan air dari Gunong Bangkuar dengan cara membuat lubang untuk mengalirkan air di gunung itu ke Sungai Sesayap. Dari keturunan merekaalah menurunkan etnik Lun Bawang dan Lundayeh di Daerah Krayan, Sarawak dan Sabah.²³ Kemungkinan kisah Yassai dan Berene ini telah mempengaruhi legenda I-pai Semaring itu kerana Yassai dan Berene dianggap oleh etnik Lundayeh sebagai pengasas kepada penyebaran etnik tersebut di Kalimantan Timur, Sabah dan Sarawak.²⁴ Sementara dalam tradisi lisan etnik Murut di Long Nuat mengaku berketurunan daripada seorang yang bernama Mering, di mana keturunan dari

²¹ Dalam salasilah yang disusun oleh Pehin Dato Hj. Mohd Jamil Al-Sufri menyatakan bahawa I-pai Semaring berkahwin dengan puteri Aji Baruwing yang akhirnya melahirkan Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah). Lihat, Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Rampai Sejarah: Meniti Sejarah Silam*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2005, hlm. 30.

²² Hj Abd. Karim Hj Abd. Rahman, “Kesultanan Brunei: Warisan Seriwijaya?”, hlm. 4.

²³ Frank M. LeBar, “Legend, Culture History and Geomorphology in the Kelabit-Kerayan Highland of North Central Borneo”, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, Vol. XLIII, Pt.1, 1970, hlm. 183-185.

²⁴ Ibid.

Mering ini berpecah ke Sarawak (Kalabit) dan sebahagiannya ke Sabah menetap di kamalu berdekatan dengan Pensiangan.²⁵ Berdasarkan arah penghijrahan keturunan Mering ini menggambarkan bahawa Mering yang disebutkan itu adalah Semaring atau I-pai Semaring.

Hubungan di antara etnik Lun Bawang dan Brunei bukan saja dilihat dari konteks tradisi lisan itu tetapi juga berlaku dalam kehidupan harian mereka sejak zaman dahulu lagi. Mengikut beberapa pengkisah yang ditemui di Long Midang mengakui bahawa orang dahulu di Long Midang selalu berjalan kaki ke Brunei untuk berdagang dan mendapatkan barang keperluan harian. Mereka berjalan kaki dengan merentasi hutan dan kampung yang memakan masa selama dua minggu perjalanan. Mengikut Lapo Surang, penduduk di Long Midang telah menjadikan hubungan tersebut sebagai bukti wujudnya penghijrahan Upai Semaring ke Brunei seperti yang diceritakan dalam tradisi lisan mereka. Orang Lun Bawang yang tinggal di Long Bawan dan Long Midang, Kalimantan Timur sejak dari zaman dahulu memang menjadikan Brunei sebagai tempat mereka berdagang dan membeli barang-barang keperluan, kerana Brunei dianggap sebagai bandar atau pelabuhan yang mereka panggilan dengan nama Abai Padian dan Lubang Padian. Pada zaman dahulu mereka membawa getah, damar dan beras untuk didagangkan ke Brunei, dan membeli barang-barang seperti kain (yang dinamakan baju perintah untuk lelaki dan pusak labu iaitu sarung), baju sekuda iaitu yang diperbuat daripada buluh berkilat untuk perempuan dan manik.²⁶

Mengikut beliau (Lapo Surang) di antara mereka yang pernah berdagang ke Brunei ialah Lasung Abad, Sial dan Tapung Ngepoh. Mereka berjalan selama 15 hari dari Long Bawan ke Brunei. Penduduk di Long Midang juga menganggap bahawa

²⁵ Tom Harrisson, "Ethnological Notes on the Muruts of the Sapulut River, Sabah", *JMBRAS*, Vol. 40, No. 1 (211), July 1967, hlm. 128-129.

²⁶ Rakaman Wawancara, PS/PY/SL/01/90, simpanan Pusat Sejarah Brunei.

kemajuan mereka ada hubungan dengan I-pai Semaring yang menghubungkan dengan keturunan daripada Sultan Brunei. Mereka merasa lebih dekat dengan Brunei disebabkan oleh I-pai Semaring menjadi kerabat Sultan Brunei. Sementara mengikut Miton Telo gelaran Abai yang digunakan oleh masyarakat pedalaman di Long Midang khuususnya etnik Lun Bawang adalah ditujukan kepada orang Melayu iaitu orang yang tinggal di bandar. Gelaran ini masih digunakan sampai sekarang tidak kira sama ada ianya berasal dari Brunei atau dari tempat lain asalkan mereka berbahasa Melayu. Selain daripada itu terdapat satu tafsiran mengenai Abai itu, iaitu untuk orang yang tidak makan babi (Islam).²⁷

Di Kampong Budok Nor, Lawas telah ditemui beberapa cerita tentang I-pai Semaring (diceritakan oleh Sigar Tawi) yang mempunyai persamaan dengan cerita yang terdapat di Long Bawan dan Long Midang. Antaranya mengikut cerita Sigar Tawi ialah tentang kegemaran I-pai Semaring bernyanyi di masa lapangnya dan kehidupannya yang sentiasa diburu rasa takut apabila ia terjumpa tangkai (bingkai) bubu yang disangkanya gelang kaki manusia sewaktu ia mandi di Sungai Lutut. Peristiwa tersebut telah menimbulkan perasaan takut ke atas dirinya sehingga memaksa ia melarikan diri ke Ba kalalan (di hulu Lawas) dan Long Semadu dan terus melarikan diri tanpa arah tujuannya. I-pai Semaring juga dikatakan menjadi pengasas kewujudan etnik Lun Bawang di Long Bawan di mana sebelum itu belum ada penghuni di sana. Selain daripada itu dinyatakan juga ukuran dada I-pai Semaring selebar tiga kaki, yang mengambarkan ia mempunyai badan yang besar seperti Awang Semaun.

²⁷ Mengikut Miton Tilo orang Lun Bawang di Long Midang adalah berasal dari Gunong Murut di hulu Limbang iaitu yang terletak di sempadan di antara Sarawak dan daerah Krayan, Kalimantan Timur. Oleh itu datuk nenek mereka (pengkisah) diberi nama Si Murut kerana ia terkenal di tempat tersebut. Pengkisah juga memberi salasilah keturunannya dari Si Murut iaitu Miton bin Tilo bin Radung bin Baran bin Si Radung bin Si Murut. Bagi menguatkan ceritanya pengkisah mengatakan bahawa orang dahulu di Long Midang selalu berjalan kaki ke Brunei yang memakan masa selama dua minggu perjalanan. Mereka menganggap Padian (Brunei) sebagai tempat mendapatkan barang keperluan dan tempat perdagangan, sementara Orang Padian tidak pernah datang ke Long Midang. Mengikut pengkisah gelaran Abai yang digunakan oleh masyarakat pedalaman di Long Midang khuususnya etnik Lun Bawang adalah ditujukan kepada orang Melayu iaitu orang yang tinggal di bandar. Gelaran ini masih digunakan sampai sekarang tidak kira sama ada ianya berasal dari Brunei atau dari tempat lain asalkan mereka berbahasa Melayu. Penduduk di Long Midang juga menganggap bahawa kemajuan mereka ada hubungan dengan I-pai Semaring yang menghubungkan dengan keturunan daripada Sultan Brunei. Mereka merasa lebih dekat dengan Brunei disebabkan oleh I-pai Semaring menjadi kerabat Sultan Brunei. (Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/00/90, simpanan Pusat Sejarah Brunei).

Berdasarkan ini pengkisah (Sigar Tawi) mengandaikan bahawa I-pai Semaring adalah orang yang sama dengan Awang Semaun. Dia digelar sebagai I-pai Semaring di ulu Lawas dan di Kalimatan Timur tetapi di Brunei dia digelar Awang Semaun. Kemungkinan I-pai adalah nama sebenarnya dan Semaring adalah nama bapanya. Dalam perjalanan I-pai Semaring ke Brunei dia tinggal lama di satu-satu tempat sehingga ia berkahwin dan menurunkan keturunan ditempat tersebut. Bukti persinggahan I-pai Semaring dalam perjalanannya ke Brunei terdapat pada sebiji batu di Long Langai yang tertera bekas manik-manik tali pinggangnya (dikatakan juga tali pinggang isterinya). Awang Lubong (Ketua Kampong Budok Nur) mengakui masih menyimpan manik I-pai Semaring yang diwarisinya.²⁸

Selain daripada itu di Long Midang juga ditemui maklumat tentang salasilah I-pai Semaring yang mengatakan nama I-pai Semaring itu adalah cantuman dua nama iaitu Upai (I-pai) dan Semaring. Upai adalah anak kepada Semaring dan Upai berkahwin dengan Ten Berenih. Sebelum itu mereka sudah mempunyai anak masing-masing iaitu Upai mempunyai anak bernama Acai dan Ten Berenih mempunyai anak bernama Baru.²⁹ Adalah tidak pasti sejauh mana nama Ten Berenih mempunyai hubungan dengan Berene yang menjadi isteri Yassai iaitu pengasas perkembangan kaum Kelabit (Lundayeh) di Kalimantan Timur.³⁰ Di Punang Berayong mitos I-pai Semaring mula dibina dalam tradisi lisan etnik Lun Bawang apabila dikatakan ia berasal daripada kayangan. Ini mungkin disebabkan oleh hubungan mereka yang sudah jauh daripada cerita asalnya di Long Bawan sehingga dimasukkan unsur-unsur mitos dalam kisahnya. Di Punang Berayong juga ditemui salasilah I-pai Semaring yang menghubungkannya dengan Awang Alak Betatar dan Awang Semaun apabila dikatakan Semaring adalah ayah kepada Semaun, Upai, Temuing dan Lak Tatar. Salasilah ini

²⁸ Haji Abd. Karim Hj Abd. Rahman, “Kesultanan Brunei: Warisan Seriwijaya?”, hlm. 4-5.

²⁹ Ibid.

³⁰ Frank M. LeBar, “Legend, Culture History, and Geomorphology in the Kalabit-Kerayan Highland of North Central Borneo” hlm. 183-185.

mempunyai persamaan dengan salasilah Sang Aji Baruwing yang diberikan oleh Datu Norbeck bin Datu Bayal bahawa Awang Alak Betatar dan 13 orang saudaranya adalah putera I-pai Semaring yang berkahwin dengan puteri Sang Aji Buruwing.³¹

Selain daripada itu nama Awang Alak Betatar dan Semaun mula muncul dalam tradisi lisan etnik Lun Bawang di Punang Berayong bersama masuknya unsur-unsur mitos alam kayangan.³² Ini menunjukkan kemasukan pengaruh tradisi lisan Brunei ke dalam masyarakat etnik Lun Bawang di Punang Berayong. Suatu yang menarik mengenai dengan Punang Berayong ini ialah apabila nama tempat ini disebut dalam SAS sebagai tempat tinggal Awang Jerambak iaitu sepupu Awang Alak Betatar. Dalam SAS Awang Jerambak telah mengaku tunduk kepada pemerintahan Awang Alak Betatar di Brunei setelah ia berjaya dikalahkan oleh Awang Semaun dalam satu pertarungan.³³ Oleh itu boleh dikatakan bahawa Punang Berayong adalah tempat pertemuan pengaruh tradisi lisan antara tradisi lisan Brunei dan tradisi lisan Lun Bawang.

Awang Semaun

Dalam kalangan penduduk peribumi Borneo cerita tentang Awang Semaun hanya terdapat pada mereka yang tinggal berdekatan dengan orang Brunei di Kampong Ayer seperti di daerah Lawas, Limbang dan Temburong. Sementara penduduk yang tinggal jauh ke pedalaman seperti di hulu Lawas dan Kalimantan Timur tidak mempunyai cerita tentang Awang Semaun. Ini menunjukkan bahawa cerita Awang Semaun adalah berasal daripada tradisi lisan masyarakat pesisir di Kampong Ayer yang dipunyai oleh orang Brunei dan tersebar ke kawasan pedalaman sehingga ke Punang Berayong, Lawas.

³¹ Salasilah ini diguna pakai oleh Pusat Sejarah Brunei, di mana ‘Anak Muda’ yang keluar dari telor dari kayangan yang diceritakan dalam tradisi lisan etnik Brunei, mengikut Pehin Dato Hj Mohd Jamil Al-Sufri adalah I-pai Semaring iaitu ayah Awang Alak Betatar dan 13 orang saudaranya. Lihat, Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Rampai Sejarah Meniti Sejarah Silam*, hlm. 21-25.

³² Ibid., hlm. 6.

³³ *Syair Awang Semaun*, versi Muzium Brunei.

Walau bagaimanapun pengaruh cerita Awang Semaun ini juga tersebar ke tempat-tempat di luar kawasan perjalanan Awang Semaun di Daerah Lawas dan Kalimantan Timur. Misalnya etnik Kiput di Sungai Baram juga mempunyai cerita tentang Awang Semaun sama dengan cerita yang terdapat dalam kalangan orang Brunei. Ini sudah tentunya disebabkan oleh hubungan rapat mereka dengan orang Brunei di Kampong Ayer. Oleh itu tidak hairanlah cerita-cerita sejarah yang terdapat dalam kalangan orang Brunei juga dibawa pulang dan dimiliki oleh kaum peribumi yang tinggal berdekatan dengan bandar Brunei seperti etnik Kiput dan kaum Kayan.³⁴

Penyebaran pengaruh cerita Awang Semaun dalam kalangan penduduk peribumi etnik Lun Bawang di Daerah Lawas, Sarawak dan di Kalimantan Timur telah menimbulkan kekeliruan tentang dua nama tokoh legenda mereka iaitu I-Pai Semaring dan Awang Semaun. Di Daerah Lawas kedua-dua tokoh ini wujud sebagai orang yang berbeza tetapi di Daerah Temburong dua tokoh tersebut dianggap sebagai orang yang sama. Adalah menghairankan mengapa legenda Awang Semaun tidak terdapat dalam kalangan penduduk peribumi etnik Lun Bawang di hulu Lawas dan Kalimantan Timur sedangkan mengikut tradisi lisan Awang Semaun dan saudara-saudaranya adalah berasal dari hulu Limbang iaitu yang berada sekitar Gunong Murut dan juga dikenali sebagai Banjaran Kelabit-Krayan. Ini menunjukkan bahawa nama atau gelaran Awang Semaun hanya timbul di Brunei iaitu suatu nama baru yang lahir atau digunakan bila mereka datang ke Brunei.

Dalam penyelidikan yang dilakukan ke atas kaum etnik Lun Bawang di daerah Temburong, Lawas dan Kalimantan Timur mendapati bahawa mereka yang tinggal di daerah-daerah Kalimantan Timur seperti Sesayap hingga ke Long Bawan dan Long

³⁴ Penduduk-penduduk peribumi yang tinggal di Sungai Baram mempunyai hubungan yang istimewa dengan Sultan Brunei sejak abad ke-16 lagi. Mereka juga telah dijadikan oleh Sultan sebagai tentera Brunei yang disebut sebagai *Lipan Baram*. Lihat, Hj. Abd. Karim Hj Abd. Rahman, *Lipan Baram: Hubungan Brunei dengan ‘Orang Ulu’ di Sungai Baram, Belaga dan Bintulu pada abad ke-19*, Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei, 2013, hlm. 1-6.

Midang, dan kampung-kampung di hulu Lawas seperti Ba Kalalan, Bendur Nur, Long Langai, Long Lemutut dan Long Semadu lebih mengenali (mewarisi) legenda I-Pai Semaring ini. Sementara mereka yang tinggal di Punang Berayong, pekan Lawas dan daerah Temburong, menggunakan kedua-dua nama iaitu I-Pai Semaring dan Awang Semaun. Etnik Lun Bawang di Daerah Temburong dapat mengingati keturunan Awang Semaun sehingga ke moyangnya iaitu Awang Semaun bin Lak bin Mana bin Megat bin Meyong. Dalam salasilah tersebut juga disebut bahawa Awang Semaun mempunyai dua orang saudara iaitu Betatar dan Sikin.³⁵ Berdasarkan salasilah itu menunjukkan bahawa Awang Semaun bukannya anak I-Pai Semaring tetapi cucu saudaranya iaitu apabila disebut bahawa Mana (nenek Semaun) bersaudara dengan I-pai Semaring. Salasilah ini bertentangan dengan salasilah yang diperolehi di hulu Punang Berayong yang mengatakan I-pai Semaring itu adalah ayah Alak Betatar dan Semaun, iaitu salasilah yang diterima setakat ini.

Sementara berdasarkan tradisi lisan di Lawas yang diperolehi daripada Awang Labar bin Lasong menyebut bahawa Awang Semaun (disebut sebagai Semaun) mempunyai dua orang saudara iaitu Echo (Cho) dan Alak Tatar. Mereka berasal dari Long Bawan, Kalimantan Timur.³⁶ Semaun dan Alak Tatar telah pergi ke Brunei sementara Echo tinggal di Long Bawan. Ini bertentangan dengan keterangan dalam tradisi lisan Brunei dan SAS yang mengatakan bahawa semua 13 orang saudara Awang Alak Betatar berpindah ke Brunei. Nama Echo juga tidak pernah disebut dalam sumber Brunei dan SAS menjadi di antara saudara Awang Alak Betatar. Kemungkinan Awang Alak Betatar mempunyai lebih daripada 13 orang saudara, dan yang dinyatakan dalam tradisi lisan Brunei dan SAS itu hanyalah mereka yang turut berpindah ke Brunei. Maklumat yang diperolehi di Lawas ini juga tidak menjelaskan tentang latar belakang

³⁵ Hj Abd. Karim, "Kesultanan Brunei: Warisan Seriwijaya?", hlm. 6.

³⁶ Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/00/90, simpanan Pusat Sejarah Brunei.

Alak Tatar dengan lebih sempurna walaupun ianya akhirnya menjadi Raja Brunei. Selain daripada itu adalah tidak dijelaskan sama ada Semaun, Alak Tatar dan Echo bersaudara seibu sebapa dan bukannya berlain ibu seperti mana yang diceritakan dalam tradisi lisan Brunei.

Dalam tradisi lisan yang ditemui di Lawas itu menjelaskan dengan lebih terperinci latar belakang keluarga Semaun seperti nama ibu bapa, isteri dan anaknya. Maklumat yang diperolehi di Lawas menceritakan bahawa bapa Semaun bernama Si Asai dan ibunya Si Renei, sementara isterinya bernama Si Yarut yang dijumpainya semasa ia membuat jambatan pada waktu air bah di Long Bawan dan mereka juga mempunyai seorang anak perempuan bernama Yabar.³⁷ Nama-nama ini tidak pernah disebut dalam tradisi lisan Brunei dan SAS. Namun kisah kehidupan awal Semaun di Long Bawan mempunyai persamaan dengan kisah I-Ipai Semaring iaitu cerita tentang penemuan bingkai bubu yang hanyut di sungai sewaktu mereka mandi. Penemuan ini membuat Semaun merasa takut dan melarikan diri ke Brunei kerana disangkakannya bingkai bubu itu adalah gelang kaki manusia. Semaun telah memulakan perjalanan ke Brunei melalui hulu Limbang dan memilih Brunei kerana tempat tersebut adalah amat sesuai untuk memulakan penghidupan baru.

Kisah kehidupan Awang Semaun di Brunei juga tidak kurang hebatnya. Dalam tradisi lisan kaum Lun Bawang di Daerah Lawas menceritakan tentang kisah Awang Semaun memakan kepala ikan sumpit-sumpit yang menjadi sumber kekuatan luar biasanya kepadanya. Kisahnya bermula apabila ikan sumpit-sumpit menyumpit Awang Semaun yang sedang berada di pentaran rumahnya sambil mengayun ayunan anaknya sehingga ia terjatuh akibat kuatnya sumpit itu. Disebabkan tidak tahan dengan perbuatan ikan tersebut Semaun berusaha untuk menangkap ikan itu dengan cara

³⁷ Ibid.

membuat babang (hadangan) di Sungai Brunei yang menjadi laluan ikan tersebut menggunakan kayu-kayu nibong dan kayu daru. Namun babang tersebut berjaya dirobohkan oleh ikan sumpir-sumpit itu. Akhirnya Semaun menggunakan tulang daun lidi sebagai babangnya dan disebabkan kelembutan tulang daun lidi itu telah menyukarkan ikan tersebut merobohnya hingga air sungai itu surut ikan itu masih berada terperangkap dalam sungai tersebut. Ikan tersebut dimakan oleh Awang Semaun dan akibat daripada itu telah memberi kekuatan pada dirinya. Bagi mencuba kekuatan yang dimilikinya itu Semaun telah mengadakan perlumbaan perahu dengan orang Abai awat-awat iaitu orang Brunei di Kampong Awat-Awat. Dalam perlumbaan tersebut perahu Semaun telah memenanginya sehingga habis pulau-pulau di Sungai Brunei terputus dua akibat dilanggarnya.³⁸ Kisah ini mempunyai persamaan dengan SAS cuma penceritaan dalam SAS lebih panjang dan terperinci.³⁹ Berdasarkan cerita itu juga menunjukkan bahawa Semaun belum mendapat kekuatan luar biasanya sebelum datang ke Brunei dan oleh sebab itulah ia sentiasa merasa takut apabila menjumpai bingkai bubu di Sungai Lutut, Kalimantan Timur.

Pengkisah cerita ini (Labar bin Lasong) juga mengakui berketurunan daripada Echo iaitu saudara Awang Semaun dan dapat mengingati salasilahnya iaitu Labar bin Lasong bin Serat bin Pukong bin Bengeng bin Lalang bin Muna bin Rang bin Dunguk bin Terur bin Echo.⁴⁰ Nama-nama yang diberikan oleh pengkisah itu sama dengan nama pengasas etnik Lun Bawang dan Lundayeh iaitu Rang Dungo yang dikatakan sebagai manusia yang pertama menurunkan etnik tersebut setelah berkahwin dengan seorang perempuan yang keluar dari telur yang diberi nama Telur Eco.⁴¹ Rang Dungo dan Telur Eco adalah sepasang suami isteri dan bukannya seperti yang dinyatakan oleh salasilah

³⁸ Ibid.

³⁹ *Syair Awang Semaun*.

⁴⁰ Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/00/90, simpanan Pusat Sejarah Brunei.

⁴¹ Bigar Anak Deboi B.E.M., "Rang Rungo: A Murut Story of Creation", *Sarawak Museum Journal (SMJ)*, Vol. VII, No. 7, 1956, hlm. 205-207.

Labar itu. Mengikut Labar, I-Pai Semaring dan Semaun adalah orang yang berlainan di mana I-Pai Semaring dikatakan tidak datang ke Brunei. Sementara keturunan dari Echo yang berpindah ke Brunei adalah dimulai oleh Si Bengeng apabila kehidupan di Long Bawan bertambah susah dan Brunei pada masa itu dilihat menjanjikan kehidupan yang senang kerana kedudukan Brunei menjadi pusat perdagangan. Di Brunei mereka tinggal di hulu Temburong dan sekarang menurunkan etnik Lun Bawang di daerah tersebut.⁴²

Awang Alak Betatar

Nama Awang Alak Betatar jarang disebut dalam tradisi lisan kaum peribumi Borneo kecuali di daerah-daerah yang berdekatan dengan Brunei seperti Temburong, Limbang dan Pekan Lawas. Tradisi lisan etnik Lun Bawang di Daerah Temburong menyebut nama Awang Alak Betatar sebagai Betatar dan ayahnya bernama Lak. Ini bererti panggilan Awang Alak Betatar itu adalah gabungan dua nama iaitu Betatar dan Lak. Di Kampong Punang Berayong, Lawas adalah tempat yang paling jauh nama Awang Alak Betatar disebut dalam tradisi lisan etnik Lun Bawang di luar dari Brunei. Dalam tradisi lisan tersebut menyebut nama Awang Alak Betatar dengan panggilan Lak Tatar iaitu anak Semaring (I-Pai Semaring) bersama-sama dengan Awang Semaun, Temuing dan Upai. Maklumat dalam tradisi lisan di Punang Berayong ini sama dengan apa yang terdapat dalam tradisi lisan etnik Brunei di Kampong Air yang mengatakan Awang Alak Betatar bersama 13 orang saudaranya adalah anak kepada ‘Anak Muda’ yang turun dari kayangan melalui sebiji telur yang digugurkan di hulu Limbang.

⁴² Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/00/90.

Temueng

Dalam tradisi lisan yang diperolehi di Punang Berayong, Lawas disebut bahawa Temueng adalah anak Semaring dan bersaudara dengan Semaun, Upai dan Lak Tatar. Selain daripada itu bagi masyarakat Lun Bawang di Trusan, Sarawak nama Temueng juga wujud dalam tradisi lisan mereka sebagai seorang tokoh legenda yang mempunyai jalan cerita yang sama dengan I-Pai Semaring dan Semaun. Temueng diceritakan sebagai seorang yang gagah dan bertubuh besar menyerupai gergasi yang berasal daripada Sungai Kemaloh, Kalimantan Timur dan berpindah ke hulu Trusan setelah kalah dalam pertempuran dengan musuhnya bernama Yada. Sungai Kemaloh terletak di hulu Sungai Sesayap, Kalimantan Timur. Etnik yang mendiami kawasan tersebut disebut sebagai Lun Kemaluh atau orang Kemaluh iaitu kumpulan etnik yang suka berperang dan berjaya membina penempatan di lembah-lembah Sungai Lawas, Sungai Trusan, Sungai Limbang dan Sungai Temburong, Brunei. Etnik ini juga dikenali sebagai Lun Bawang atau Lundayeh apabila berada di Sarawak dan Sabah.⁴³

Keterangan ini memberi maklumat tentang penempatan awal Temueng itu iaitu sama dengan I-pai Semaring yang dikatakan berasal dari Sasayap. Dari Sungai Kemaloh Temueng berpindah ke Long Semado dan ke Nesab yang terletak di Punang Trusan dan di Long Lopeng. Walaupun Temueng seorang yang gagah tetapi ia sentiasa diburu oleh perasaan takut kepada orang yang lebih gagah daripadanya. Suatu hari semasa ia berburu binatang di hutan ia telah menemui segulung rotan besar yang disangkanya sebagai gelang kaki manusia. Apabila dicubanya gulungan rotan itu pada kakinya ternyata ianya lebih besar daripada kakinya. Keadaan ini menimbulkan perasaan takut kepadanya kerana pada fikirannya orang tersebut sudah tentunya lebih besar

⁴³ Jane Wong Kon Ling, Bilcher Bala & Baszley Bee Basrah Bee, "Masyarakat Lundayeh di Sabah: Satu Kajian Asal-Usul Migrasi dan Klasifikasi Etnik", hlm. 642-643.

daripadanya. Disebabkan perasaan takutnya itu dia pun berpindah daripada Long Lopeng menyusur Sungai Trusan ke sebuah tempat bernama Long Merarap.

Dalam masyarakat Lun Bawang terdapat tiga tokoh utama yang mempunyai ciri-ciri yang sama iaitu I-Pai Semaring, Semaun dan Temueng. Ketiga-tiga tokoh ini dikaitkan dengan cerita penemuan gelang kaki manusia yang menyebabkan mereka melarikan diri ke Brunei. Bagi etnik Lun Bawang yang tinggal di Kalimantan Timur seperti Lun Bawan dan Lun Midang dan kampung-kampung di hulu Lawas seperti Ba Kalalan dan Long Semadu lebih mengenali I-Pai Semaring, sementara nama Semaun hanya wujud pada mereka yang tinggal di Punang Berayong, pekan Lawas dan Temburong, dan Temueng bagi mereka yang tinggal di Trusan. Kemungkinan ketigatiga tokoh ini adalah merujuk kepada orang yang sama tetapi disebut dengan nama yang berlainan, atau mereka adalah orang yang berlainan tetapi meminjam cerita yang sama.

Upai Kasan

Selain daripada itu terdapat sebuah lagi cerita yang menyerupai dengan kisah I-pai Semaring yang diceritakan oleh etnik Lun Bawang di Long Tuma, Lawas yang diberi nama Ipai Kasan. Cerita ini diperolehi hasil daripada penyelidikan James Deegan dan Robin Usad di Long Tuma, Lawas.⁴⁴ Kisah tersebut dimulakan dengan kehidupan sepasang suami isteri dari etnik Lun Bawang pada zaman dahulu yang tinggal di Kalimantan Timur bernama Tan Kasan dan isterinya Tin Kasan. Pada suatu hari ketika Tan Kasan memancing ikan dia telah mendapat seekor ikan yang mempunyai bentuk yang tidak lengkap (separuh) lalu dibawanya ke rumah untuk dimasak oleh isterinya. Apabila ikan itu dimakan oleh isterinya dengan tidak diduga isterinya itu mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki yang diberikan nama Upai Kasan. Pada suatu hari

⁴⁴ James Deegan and Robin Usad, "Upai Kasan: a Lun Bawang Folktale", *SMJ*, Vol. XX, No. 40-41, 1972, hlm. 107-144.

Tan Kasan pergi mengembara untuk berburu binatang bagi menyara keluarganya yang sudah bertambah itu. Namun Tan Kasan akhirnya tersesat di dalam hutan dan terus menghilang tanpa diketahui nasibnya.

Keadaan ini menyediakan isterinya sehingga membawa kepada kematian isterinya itu. Tinggallah Upai Kasan seorang diri dengan kehidupan yang susah tanpa orang tua. Bagi meneruskan kehidupannya itu dia telah mengembara mencari ayahnya dengan mengikut jejak ayahnya itu tetapi malangnya dia tidak berjumpa. Akhirnya dia pergi ke Brunei iaitu tempat negeri Orang Abai untuk berjumpa Raja Bang Padian (Raja Brunei). Di sana dia mula menunjukkan kebolehan luar biasanya iaitu kebolehannya memahami percakapan binatang seperti ular dan ayam sehingga berjaya menemui kembali emas Raja Bang Padian yang hilang yang telah ditelan oleh ayam. Dengan kejayaannya itu dia telah diberi peluang untuk meminta hadiah dari Raja Bang Padian. Dia telah meminta sebilah pedang, seekor tikus kecil dan diberi kebenaran untuk mengembara. Dalam pengembaraannya Upai Kasan berjumpa sebuah tempat air terjun yang sangat cantik dan boleh berkata-kata. Air terjun itu telah mengarahkannya mendapatkan sebatang buluh tempat penyimpan air yang ditanam di bawah tanah dekat rumah penunggu hutan (jin) bernama Tan Ada' Rayeh. Setelah berjalan selama sepuluh hari dan sepuluh malam akhirnya dia berjumpa rumah jin tersebut dan bertemu dengan jin itu yang boleh menjelma dengan berbagai rupa seperti manusia, harimau dan lain-lain.

Dengan menggunakan pedangnya Upai Kasan akhirnya berjaya membunuh jin itu untuk mendapatkan buluh yang dimaksudkan dan membawanya ke tempat air terjun untuk memasukkan air ke dalamnya. Buluh itu ditanam kembali di tempat ianya ditemui di rumah penunggu tersebut seperti yang diarahkan oleh suara dalam air itu. Akhirnya

dari air itu menjelma seorang lelaki yang mengatakan bahawa ia adalah seorang anak raja yang bernama Padan Raja Buda yang disumpah oleh jin tersebut bersama-sama dengan seorang anak raja yang bernama Pengiran Raja Buda yang disumpah menjadi seekor ular. Kedua anak raja itu telah berjaya dikeluarkan dari sumpahan tersebut oleh Upai Kasan untuk menjadi manusia semula. Dengan kejayaan tersebut Upai Kasan telah dijadikan saudara anak raja tersebut dan diberi gelaran sebagai Awang Raja Buda. Mereka membawa Upai Kasan kembali ke negeri mereka untuk menjalani kehidupan yang lebih baik.⁴⁵

Pada dasarnya kisah Ipai Kasan mempunyai jalan cerita yang sama dengan Ipai Semaring dan Awang Semaun iaitu tentang pengembaraan. Pengembaraan Ipai Kasan adalah disebabkan oleh mencari ayahnya yang menghilang sejak meninggalkan mereka untuk berburu binatang. Dalam mencari ayahnya itu Ipai Kasan telah mengikut jejak ayahnya tetapi gagal menjumpainya sehingga membawa ia ke Brunei. Seperti juga Ipai Semaring yang digambarkan sebagai manusia yang mempunyai kebolehan luar biasa, begitu juga Ipan Kasan mempunyai kebolehan memahami bahasa binatang sehingga ia berjaya menyelamatkan nyawa Raja Brunei daripada sumpahan jin. Perkara yang menarik dalam kisah tersebut ialah peranan Brunei sebagai destinasi pengembaraan tersebut dan menjadi penyudah cerita dalam tradisi lisan etnik Lun Bawang dan Lundayeh.

Melanau-Kajang

Sebuah lagi penduduk peribumi Sarawak yang mempunyai hubungan awal dengan Brunei ialah kaum Melanau yang mendiami kawasan di sepanjang pantai dari muara Sungai Rejang di selatan hingga ke Bintulu di utara dan mencakupi juga kawasan di

⁴⁵ Ibid.

sepanjang Sungai Rejang hingga ke Kanawit.⁴⁶ Clayre telah membahagikan kaum ini berdasarkan kepada kelompok bahasa Melanau iaitu kelompok tengah yang merangkumi Sungai Igan, Oya dan Mukah; kelompok Selatan iaitu dari Rejang dan Mutu di kawasan delta memanjang ke hulu Sungai Rejang hingga ke Kenawit; dan kelompok utara iaitu dari Balingian ke Bintulu termasuk Sekapan di Belaga. Sementara Yasir memecahkan kelompok dialek Melanau kepada empat kelompok penempatan utama iaitu kawasan Rejang; kawasan Mukah-Dalat; kawasan Balingian-Tatau; dan kawasan Bintulu.⁴⁷

Disebabkan kawasan taburan penutur bahasa Melanau ini begitu luas meliputi kawasan pesisiran dan pedalaman di antara daerah-daerah delta Sungai Rejang hingga ke Bintulu di utara jelas menggambarkan bahawa kaum ini paling banyak mengalami pertembungan dan asimilasi sosiobudaya sama ada dengan penduduk pedalaman atau penduduk pesisir. Jackson misalnya mengatakan bahawa orang Melanau merupakan orang perantaraan di antara orang Melayu dan penduduk pedalaman dan MacDonald pula mengatakan orang Melanau membentuk hubungan di antara kaum primitif di hulu sungai dan penduduk yang lebih moden di pesisiran Sarawak. Oleh itu tidak hairan dari segi sejarah asal-usul kaum ini dikaitkan dengan berbagai kaum dan etnik di sepanjang Daerah Rejang hingga ke Bintulu khususnya dengan kaum Kajang dan Kayan yang tinggal di lembah Balui, hulu Rejang.

⁴⁶ Zaini Ozea, "Bahasa Melanau: Suatu Tanggapan Awal", *SMJ*, Vol. XL No. 61, Special Issue No. 4 Part 11, December 1989, hlm. 234.

⁴⁷ Ibid., hlm. 233.

Tugau


A.L. Lawrence telah berjaya mengumpul cerita tentang Kerajaan Melanau yang didirikan di Sungai Igan, Sarawak oleh seorang legenda Melanau bernama Tugau iaitu sebelum Kerajaan Brunei didirikan oleh Awang Alak Betatar di Sungai Brunei.⁴⁸ Sumber ini begitu penting kepada sejarah awal Brunei sebagai sumber tambahan kepada tradisi lisan etnik Lun Bawang dan Lundyeh tentang Ipai Semaring dan sumber Brunei tentang Awang Semaun dan Awang Alak Betatar dalam tradisi lisan orang Brunei di Kampong Ayer dan dalam SAS. Tradisi lisan tersebut tertumpu pada Kerajaan Melanau yang didirikan di Sungai Igan dan empayarnya sehingga ke hulu Sungai Brunei di Limau Manis yang mengandungi sungai Tutong, Belait, Rejang, Matu, Bintulu, Igan, Mukah, Oya dan Retus. Tugau mempunyai seorang panglima yang gagah bernama Besiong (menantu Tugau) dan ketua-ketua kaum yang memerintah di daerah-daerah jajahannya. Di antaranya ialah Kedahat ketua di Sungai Oya, Busui ketua di Sungai Mukah, Beniban ketua di Sungai Tutong dan Jam ketua di Sungai Belait.⁴⁹

Disebabkan Tugau merasakan dirinya cukup kuat telah mendorong ia menghantar satu utusan ke Brunei bertemu dengan Awang Alak Betatar yang baru mendirikan kerajaannya di Sungai Brunei. Tugau telah meminta Awang Alak Betatar tunduk dan membayar ufti tahunan kepadanya. Permintaan Tugau itu telah ditolak oleh Awang Alak Betatar dan sebaliknya meminta perkara yang sama kepada Tugau dengan ancaman akan melanggar Kerajaan Tugau. Mendengar ancaman tersebut Tugau telah bertindak awal menyerang Brunei dengan menghantar Besiong untuk melanggar wilayah Brunei. Kedatangan Besiong dan tenteranya menerima tentangan daripada

⁴⁸ A. E. Lawrence, “Stories of the first Brunei conquests on the Sarawak coast”, *SMJ*, Vol. 1, No. 1, 1911, hlm.120-122.

⁴⁹ Ibid.

panglima-panglima Awang Alak Betatar iaitu Patih Berbai dan Semaun yang akhirnya berjaya memaksa Besiong berundur ke daerah Tutong dan Belait.



Peta 5.1: Perjalanan I-pai Semaring dari Kalimantan Timur ke Brunei melalui Sungai Trusan, Lawas. Sumber: Shirley Lees, *Drunk Before Dawn*, Kent: OMF Books, 1979, hlm. 22.

Di daerah tersebut panglima-panglima Brunei telah berjaya mengalahkan tentera Besiong dan memaksa mereka melarikan diri ke Rutus untuk melaporkan kekalahannya kepada Tugau. Sementara tentera Patih Berbai dan Semaun terus mara menggunakan jalan laut hingga ke Retus dan berjaya mengalahkan Tugau seterusnya memaksanya tunduk dan membayar ufti kepada Brunei. Seterusnya Patih Berbai dan Semaun mara ke Mukah dan daerah-daerah lain yang sebelumnya dibawah jajahan Melanau. Semua daerah tersebut mengaku tunduk dan membayar ufti kepada Brunei.⁵⁰

Kisah yang terdapat dalam tradisi lisan tersebut merupakan pelengkap kepada cerita yang terdapat dalam *Syair Awang Semaun (SAS)* dan juga tradisi lisan mengenai Ipai Semaring dalam kalangan etnik Lun Bawang dan Lundayeh. Namun dalam tradisi lisan Brunei (Kampong Ayer) yang diperolehi daripada penduduk-penduduk di Rejang mengatakan bahawa bekas tiang-tiang rumah yang terdapat di Rejang adalah kepunyaan Awang Jerambak. Ini menunjukkan bahawa terdapatnya kekeliruan tentang dua tokoh legenda tersebut dalam tradisi lisan di Borneo. Sementara dalam tradisi lisan kaum Iban mengatakan bahawa Tugau adalah anak Semaun.⁵¹ Mungkin kemasukan Awang Jerambak dan Semaun ke dalam legenda Tugau itu berlaku akibat daripada pengaruh Brunei yang telah berjaya menguasai etnik tersebut apabila Brunei menguasai wilayah-wilayah jajahan Melanau.

Selain daripada itu orang Melanau juga mengakui bahawa apabila Brunei berjaya menakluki Empayar Melanau, ketua-ketua Melanau yang mentadbir di daerah-daerah jajahan Brunei itu telah digantikan dengan Pengiran-pengiran dari Brunei. Pengiran-pengiran ini selalunya berkahwin dengan anak-anak ketua kaum Melanau. Misalnya anak Busui yang menjadi ketua di Mukah telah berkahwin dengan Pengiran

⁵⁰ Ibid.

⁵¹ Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, 1990, hlm. 40.

Brunei yang dilantik menggantikan kedudukan Busui sebagai ketua yang baru. Keturunan daripada Pengiran tersebut ialah Pengiran Ursat yang menjadi ketua di Mukah pada pertengahan abad ke-19. Sementara Pengiran Mathusan yang juga menjadi ketua di daerah tersebut dikatakan beristerikan keturunan dari Busui melalui gundiknya bernama Lim. Dengan kemasukan pengaruh Brunei ke dalam masyarakat Melanau itu sudah tentu tokoh-tokoh legenda Brunei seperti Awang Semaun dan Awang Jerambak diselitkan dalam tradisi lisan mereka malah diletakkan sebagai tokoh yang lebih dominan daripada Tugau yang berada di bawah jajahan Brunei.⁵²

Kemasukan pengaruh Brunei juga telah berjaya mengubah stratifikasi sosial masyarakat Melanau yang berdasarkan kepada keturunan yang dikenali adat bangsa (adat basa). Akibat daripada perkahwinan campur di antara Pengiran-pengiran dari Brunei dan perempuan tempatan telah membentuk satu golongan kelas atasan yang dipanggil sebagai Bangsa Pengiran. Kemasukan Bangsa Pengiran ke dalam hierarki sosial masyarakat Melanau tradisional telah mempengaruhi pandangan masyarakat Melanau terhadap Brunei. Oleh itu kehebatan tokoh legenda mereka, Tugau telah ditenggelamkan oleh kehebatan legenda Awang Semaun milik masyarakat Brunei. Tugau bukan milik Bangsa Pengiran yang mendominasi masyarakat kelas atasan kaum Melanau dan secara tidak langsung pengaruh Tugau dalam masyarakat Melanau beransur ditenggelamkan.⁵³

Sementara cerita tentang Tugau yang dikumpul oleh Stephen Morris dalam artikelnya *The Oya Melanau* menceritakan bahawa Tugau adalah anak Raja Kiangan (Keyangan), pemerintah negeri langit dan nenek perempuannya adalah anak Raja Yang, pemerintahan negeri di bawah dunia. Tugau dilahirkan ke dunia melalui sebiji telur yang gugur di dunia dan dijumpai oleh sepasang suami isteri di dalam sebuah hutan.

⁵² A.E. Lawrence, “Stories of the First Brunei Conquests on the Sarawak Coast” *SMJ*, Vol. 1, No. 1, 1911, hlm. 120-122.

⁵³ Dzulfawati Haji Hassan, *Upacara Kematian Melanau Likow di Sarawak*, Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, 2006, hlm. 26.

Dari telur tersebut keluar seorang anak lelaki (Tugau) bersama seekor ayam jantan (ayam sabung) yang mempunyai ekor berbulu hitam dan seekor ular senduk. Dengan ayam tersebut Tugau tidak pernah kalah bersabung ayam. Akhirnya Tugau berhasrat untuk berkahwin dengan anak Raja Kau di Sungai Kabeng tetapi untuk meminangnya dia telah disyaratkan untuk menyediakan hantarannya berupa sebelah pedang emas, mangkuk emas dan sembilan buah jerat (perangkap) ikan yang dibuat daripada emas. Tugau diberi tempoh selama tujuh hari untuk menyediakan permintaan tersebut jika gagal dia akan dibunuh. Tugau telah berjaya mengadakan semua permintaan Raja Kau itu dalam tempoh yang ditetapkan dan akhirnya berjaya mengahwini anak raja tersebut.⁵⁴

Sebuah lagi kisah tentang Tugau dalam tradisi lisan kaum Melanau telah dikumpul oleh Morris di Daerah Dalat yang menceritakan tentang kezaliman Tugau ke atas hambanya sehingga dia dibunuh oleh hambanya sendiri. Mengikut cerita tersebut Tugau yang berhasrat untuk membina sebuah rumah panjang baru di Retus dan Igan telah mengarahkan orangnya untuk memotong pokok bulian besar untuk dibuat tiang rumah, tetapi disebabkan tiang bulian itu terlalu berat mereka gagal mendirikannya. Oleh itu Tugau mengarahkan hambanya bernama Tegiok yang mempunyai dua orang anak perempuan dikorbankan dengan cara dimasukkan ke dalam lubang tiang yang digali untuk mendirikan tiang rumah itu. Apabila kedua anak hamba itu dimasukkan ke dalam lubang tersebut barulah tiang kayu itu berjaya didirikan tetapi Tegiok yang merasa marah dengan keadaan ini segera membunuh Tugau menggunakan pedangnya (songkoh) sendiri. Dengan kematian Tugau itu ayam dan ularnya juga turut lenyap

⁵⁴ Stephen Morris, “The Oya Melanau”, *Malaysia Historical Society* (Sarawak Branch), 1991, hlm. 10.

(ghaib). Sebagai hukuman ke atas perbuatan Tegiok itu, Besiong telah mengarahkan semua ular datang untuk membunuh Tegiok, isteri dan keluarganya.⁵⁵

Berdasarkan kepada kisah tersebut menunjukkan bahawa sebagai seorang tokoh legenda yang menjadi raja kaum Melanau, Tugau juga digambarkan sebagai seorang raja yang mempunyai kelemahan. Ini juga berlaku ke atas Ipais Semaring dalam tradisi lisan etnik Lum Bawang dan Lundayeh yang sentiasa dalam ketakutan apabila terjumpa bingkai bubu yang disangkanya gelang kaki manusia. Kelemahan Tugau juga terdapat dalam sebuah lagi kisah dalam tradisi lisan mengenai perlumbaan perahu yang melibatkan panglimanya Basiong dan ketua-ketua etnik-etnik di bawah pemerintahannya. Dalam perlumbaan tersebut seorang ketua etnik Melanau di Sungai Oya bernama Balan bersama orangnya telah berjaya mengalahkan perahu Basiong dan dengan kemenangan itu mereka terus mlarikan diri bagi menyelamatkan diri daripada dihukum oleh Tugau akibat kekalahan mereka itu.⁵⁶ Dibandingkan dengan tradisi lisan Brunei dan SAS, Awang Semaun tidak pernah dikalahkan dalam perlumbaan perahu dengan saudara-saudaranya semasa pertandingan di Sungai Brunei. Malah kehebatan Awang Semaun bukan saja memenangi perlumbaan itu tetapi juga mampu memecahkan pulau-pulau yang dilanggar oleh perahunya.⁵⁷

Kewujudan Kerajaan Melanau pimpinan Tugau ini disebut dalam *Maragtas* iaitu sebuah manuskrip kuno kaum Bisaya di Pulau Panay, Filipina yang mengisahkan tentang kezaliman seorang raja bernama Macatunao ke atas kaum Bisaya yang tinggal di antara Sungai Rejang dan Tutong. Ramai pengkaji manuskrip ini percaya bahawa Raja Macatunao itu adalah merujuk kepada Tugau iaitu Raja Kerajaan Melanau di

⁵⁵ Kisah ini diperolehi oleh Morris daripada seorang perempuan bernama Teiyah di Kampong Medang, Daerah Dalat pada tahun 1950. Ibid.

⁵⁶ Iain Clayre, "A Melanau Regatta", Sarawak Gazette, Vol. XCVII, No. 1360, 1971, hlm. 89-90.

⁵⁷ *Syair Awang Semaun*.

Igan.⁵⁸ Ini bermakna Kerajaan Melanau sudah berdiri selewat-lewat pada abad ke-13 dan menjadi sebuah kuasa besar di barat laut Borneo khususnya di Sungai Rejang hingga ke Sungai Tutong. Kewujudan Negeri Melanau sudah tercatat dalam laporan Cina pada tahun 1304 sebagai sebuah kerajaan yang berada di bawah jajahan Puni (Brunei tua) bersama negeri-negeri lain di pantai barat laut Borneo seperti Bintulu, Igan dan Marudu.⁵⁹ Dalam peta Borneo pada awal abad ke-16 nama Melanau tercatat pada kedudukannya sekarang.⁶⁰ Berdasarkan sokongan daripada sumber-sumber tersebut menunjukkan bahawa tradisi lisan kaum Melanau mengenai Kerajaan Melanau yang didirikan oleh Tugau itu mempunyai asas kebenarannya. Malah mengikut Moens Kerajaan Melanau sudah wujud pada abad ke-7 iaitu merujuk kepada catatan dalam laporan Cina yang menyebut sebuah kerajaan di kuala Sungai Rejang yang bernama Kin-fo iaitu singkatan kepada nama Kin-li-fo-che yang pernah berkuasa di pantai barat laut Borneo.

Mengikut Yi-Tsin nama Kin-li-fo-che berkemungkinan bermaksud Vijayapura yang menjadi ibu kota Kerajaan Melanau di Sungai Rejang.⁶¹ Dalam peta Portugis pada abad ke-16 nama Vijayapura ini disebut Puchavarao.⁶² Namun kewujudan Kerajaan Melanau pada abad ke-7 masih diragui jika ianya dimaksudkan kepada kerajaan yang didirikan oleh Tugau yang wujud sekitar abad ke-13. Mungkin andaian Moens ini berdasarkan kepada Kerajaan Melanau yang pernah didirikan di Sungai Rejang itu tanpa mengambil kira kerajaan-kerajaan lain sebelum Kerajaan Melanau yang didirikan di kuala Rejang seperti Kerajaan Bisaya yang disebut dalam *Magratas* pernah didirikan di Rejang sebelum dimusnahkan oleh Tugau. Nama Sungai Bisaya memang terdapat di Sungai Rejang yang menguatkan lagi keterangan dalam *Magratas* tentang kewujudan

⁵⁸ Kenyataan ini boleh dirujuk dalam rencana Demy P. Sonza, "The Bisaya of Borneo and the Philippines: A new look at the Maragtas", *SMJ*, Vol. XX, No. 40-41, 1972 hlm. 36-37.

⁵⁹ C.C. Brown, "The Eastern Ocean in the Yung-Lo Ta-Tien", *Brunei Museum Journal (BMJ)*, Vol. 4, No. 2, 1978, hlm. 50

⁶⁰ Jac. Corn. Van Neck, *en Wybrant Wawijck DETWEED SCHIPV NAAR OINDIE 1598-1600*, Lanschoten Vereeniging: Linschoten-Vereeniging Deel L, 1940. (Simpanan Pusat Sejarah Brunei).

⁶¹ J.L. Moens, "Srivijaya, Yava and Kataha", *JMBRAS*, Vol. XVII, Pt. 11, 1939, hlm. 38.

⁶² Ibid.

Kerajaan Bisaya di sungai tersebut.⁶³ Adalah lebih bertepatan nama Vijayapura itu dirujukkan kepada Kerajaan Bisaya iaitu Visaya atau Vijaya-pura.⁶⁴

Selain daripada itu etnik kaum Kajang yang juga berasal daripada lembah Balui, hulu Rejang turut mewarisi legenda Tugau dalam tradisi lisan mereka dan mereka menganggap Tagau adalah berasal daripada kaum Kajang. Kaum Kajang merupakan kaum yang terawal mendiami hilir lembah Balui yang juga dikenali sebagai Belaga, setelah berpindah dari tempat awal mereka di Sungai Linau yang terletak di bahagian tengah lembah Balui. Kawasan ini mempunyai keluasan 7,400 batu persegi yang juga menempatkan berbagai etnik peribumi seperti etnik Penan, Melanau, Kayan dan Kenyah.⁶⁵ Istilah Kajang hanya digunakan untuk penduduk peribumi yang tinggal di Rejang dan Bintulu yang diambil daripada nama Sungai Kajang iaitu cabang daripada Sungai Linau.⁶⁶

Etnik yang termasuk dalam kumpulan ini ialah etnik Kejaman, Sekapan, La'anan dan Punan Bah. Dalam kajian Iain Clayre ke atas etnik Sekapan di Belaga menganggap bahawa kaum Melanau juga berasal daripada kumpulan etnik Kajang yang terawal berpindah ke pesisir dan seterusnya membentuk Kerajaan Melanau lanjutan daripada Kerajaan Kajang yang didirikan di Sungai Linau. Kewujudan Kerajaan Kajang pernah disebut oleh para sarjana barat dalam kajian mereka mengenai etnik-etnik Kajaman, Sekapan dan Lelahan yang tinggal di lembah Balui.⁶⁷ Kewujudan legenda Tugau dalam tradisi lisan etnik Sekapan ini juga mungkin dipengaruhi oleh hubungan rapat mereka dengan etnik Bintulu yang juga termasuk dalam kumpulan etnik kaum

⁶³ R. Nicholl, *European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century*, Bandar Seri Begawan: Brunei Muzium, 1975, hlm. 64.

⁶⁴ Dr. H. Otley Beyer, Dr Hester dan Tom Harrisson berpendapat nama Bisaya itu datang dari nama kerajaan Sri Vijaya, tetapi pendapat ini ditentang oleh Eugene Verstraelen dan John Carroll, Demy P. Sonza, "The Bisaya of Borneo and the Philippines: A New Look at the Maragtas", hlm. 32.

⁶⁵ Ian Clayre, "The Kajang Kingdom: All the Melanau People Where Do They All Come from?", *Sarawak Gazette*, Vol. XCVII, No. 1362, 1971, hlm 121.

⁶⁶ Ibid.

⁶⁷ Ian Clayre, "Punan Ba": Melanau link with Ulu Rejang", *Sarawak Gazette*, Vol. XCVIII, No. 1368, 1972, hlm. 24.

Melanau. Hudson dan Iain Clayre telah menghubungkan etnik tersebut dengan etnik Bintulu (berdasarkan bahasanya) yang memungkinkan etnik Bintulu juga berasal daripada Kerajaan Kajang.⁶⁸ Dalam tradisi lisan kaum Kajang tidak ditemui cerita tentang kerajaan mereka yang didirikan di Sungai Lunas itu walaupun dalam stratifikasi sosial mereka masih mewarisi sistem hierarki dalam masyarakat mereka yang mengandungi kelas bangsawan (laja), rakyat (panin) dan hamba (dipen) seperti mana yang terdapat dalam etnik kaum Melanau, Kayan dan Kenyah.⁶⁹

Ini menunjukkan wujudnya suatu sistem berkerajaan yang teratur bagi etnik tersebut pada zaman awal mereka di Sungai Lunas. Namun disebabkan oleh tekanan daripada kaum Kayan di Kalimantan Timur telah memaksa kaum ini berpindah dari Sungai Lunas di hulu Balui ke Belaga yang terletak di hilir Balui, dan secara tidak langsung telah melenyapkan kerajaan tersebut tanpa meninggalkan kesan-kesan dan maklumat yang lengkap tentang empayarnya. Di samping itu dominasi kaum Kayan ke atas kaum Kajang ini juga secara tidak langsung telah mengakibatkan berlakunya pertindihan budaya sehingga terdapatnya warisan dua kaum tersebut sebagai milik mereka. Iain Clayre telah mendapatkan sebuah cerita daripada etnik Sekapan di Belaga tentang kisah Tugau membawa etnik Sekapan melarikan diri ke hilir Sungai Rejang akibat merasa takut daripada musuhnya (mahluk ghaib).⁷⁰ Ini menunjukkan bahawa Tugau adalah raja terakhir kaum Kajang yang turut berpindah ke kawasan pesisir akibat rasa takut kepada kuasa yang lebih kuat daripadanya di hulu Rejang. Mengikut sumber tersebut mereka telah membuat penempatan baru di Sungai Igan dan Tugau tinggal di Sungai Pasai, Retus. Dalam penempatan tersebut mereka bertemu dengan penduduk-penduduk pesisiran yang sudah awal mendiami kawasan pesisiran dan akhirnya

⁶⁸ Ibid.

⁶⁹ S.S. Strickland, "Materials for the Study of Kejaman-Sekapan Oral Tradition", *Special Monograph No. 8, SMJ*, Vol. XLIX, No. 70 (Pt. 1 & 11), Dec. 1995, hlm. 1.

⁷⁰ Iain Clayre, "The Kajang Kingdom: All the Melanau Peoples Where Do They All Come from?", hlm. 121.

mewujudkan asimilasi budaya dan bahasa sesama mereka.⁷¹ Inilah yang berlaku ke atas etnik-etnik Sekapan, Kajaman, Lahanan dan Melanau. Oleh itu tradisi lisan mereka itu sebenarnya mempunyai hubungan dengan tekanan yang mereka hadapi daripada kaum Kayan yang memaksa mereka berpindah ke hilir Balui (Belaga) dan seterusnya ke kuala Rejang.⁷²

Perpindahan etnik Kajang-Melanau dari Balui ke kawasan pesisiran Sungai Rejang mempunyai persamaan dengan perpindahan etnik Lun Bawang di Kalimantan Timur (Krayan) ke Brunei. Kisah Tugau dalam tradisi lisan kaum Kajang mempunyai persamaan dengan kisah perpindahaan I-pai Semaring dalam tradisi lisan etnik Lundayeh dan Lun Bawang di Kalimantan Timur, serta di Sipitang Sabah dan Lawas Sarawak. Ini menunjukkan bahawa legenda Tugau bukan sahaja menjadi milik kaum Melanau tetapi juga bagi kaum Kajang khususnya etnik Sekapan yang berasal daripada lembah Balui. Teori perpindahan masyarakat hulu ke kawasan pesisiran bagi mendapatkan penghidupan baru atau membuka negeri baru telah berlaku dalam kaum Kajang ini sehingga membawa terbentuknya Kerajaan Melanau. Teori ini sebenarnya memerlukan kajian lanjut tentang sejauh mana Kerajaan Kajang yang didirikan di Sungai Linau, lembah Balui itu mempunyai hubungan dengan Kerajaan Melanau di kuala Igan. Seperti mana juga Ipai Semaring yang telah menjadi milik etnik-etnik yang berasal dari daerah Krayan, Kalimantan Timur seperti etnik Lundayeh dan Lun Bawang begitu juga legenda Tugau menjadi milik etnik-etnik yang berasal daripada lembah Balui, di hulu Rejang. Berdasarkan kepada tradisi lisan etnik Sekapan itu menunjukkan bahawa Kerajaan Melanau yang diasaskan Tugau adalah lanjutan daripada Kerajaan Kajang di Sungai Linau.⁷³

⁷¹ Ibid.

⁷² Ian Clayre, “Punan Ba”: Melanau link with Ulu Rejang”, hlm. 24.

⁷³ Ibid.

Persamaan kedua dalam perpindahan ini ialah sebab berlakunya perpindahan tersebut yang berpunca daripada perasaan takut terhadap musuh yang lebih kuat yang digambarkan sebagai mahluk ghaib. Dalam tradisi lisan kaum Lun Bawang sebab-sebab yang serupa juga berlaku ke atas I-pai Semaring sehingga ia melarikan diri ke Brunei. Namun dalam tradisi lisan kaum Kajang ini tidak disebutkan hubungan mereka dengan Brunei melainkan setelah mereka menetap di Belaga apabila Sultan Brunei melantik ketua-ketua setiap etnik Kajang menjadi pembesar-pembesar Brunei sekitar abad ke-19. Dalam penyelidikan Pusat Sejarah Brunei di Daerah Belaga, Sarawak telah menemui sebuah cerita yang sangat terkenal dalam kalangan generasi tua kaum tersebut yang mempunyai hubungan dengan Brunei ialah kisah Bo' Tului.

Bo' Tului

Bo' Tului atau dikenali juga dengan nama Tama Tipung Tului adalah keturunan campuran dari kaum Kayan dan Kajang (ibunya Kayan dan bapanya Kajang) yang hidup sekitar abad ke-18 hingga 19. Kisah ini datangnya dari tradisi lisan Kaum Kajang di Long Sagaham, Belaga yang menceritakan tentang kedatangan Bo' Tului ke Brunei atas jemputan daripada Sultan Brunei untuk dilantiknya sebagai wakil Sultan memerintah Sungai Balui, Belaga. Sumber cerita ini datangnya daripada Belarek Adam yang juga ditulis pada sekeping papan dalam tahun 1993, yang kini disimpan di sebuah Rumah Panjang Kajaman Lasa di Long Sagaham, Sungai Baloi. Cerita ini penulis kategorikan sebagai versi Kajang memandangkan kisah yang sama terdapat juga pada kaum Kayan di Belaga yang penulis kategorikan sebagai versi Kayan. Kandungan cerita dalam versi Kajang ini ditulis dalam bahasa Inggeris dengan tajuk “IN MEMORY OF TULUI KEBING”,⁷⁴ yang penulis terjemahkan ke dalam bahasa Melayu seperti berikut:

⁷⁴ Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman, *Lipan Baram: Hubungan Brunei dengan ‘Orang Ulu’ di Sungai Baram, Belaga dan Bintulu pada abad ke-19*, hlm. 60-70.

“Tului Kebing atau lebih dikenali dengan nama Tama Tipung Tului di kalangan penduduk Batang Balui pada masa dahulu merupakan ketua yang gagah bagi puak Kejaman pada abad ke-18. Ayahnya Kebing Lalang, dengan pertolongan Tului Kebing (pada masa itu masih muda), telah membuat persediaan untuk membina keliring dan salong pada tahun 1850 dan didirikan pada tahun 1852. Niat Kebing Lalang membina rumah keliring adalah untuk keluarganya apabila mati nanti telah musnah disebabkan kematiannya di Urung Bulau dalam tahun 1863 semasa melarikan diri dari Askar Rajah Puteh. Keliring tersebut (tiang bulian yang berhias) diukir dari dua batang pokok bulian yang besar oleh puak Kejaman dari Long Segaham, puak Berawan dari Tinjar dan puak Turi dari kawasan Kalimantan. Keliring itu ditutup dengan sebiji batu besar berbentuk empat segi yang diukir dari batu yang terdapat di Sungai Selengau kira-kira dua jam perjalanan menggunakan motor sangkut dengan kelajuan 25 kuasa kuda dari Long Segaham. Mereka mengambil masa selama tiga tahun untuk menyiapkan kerja tersebut dan tiga bulan membawanya dengan menggunakan rakit ke Long Segaham, Belaga. Daripada keseluruhan struktur binaan tersebut hanya kepingan batu menjadi tinggalan sebagai tanda kenangan moyang mereka Tama Tipung Tului yang dapat dilihat oleh Puak Kejaman selebihnya telah dibawa ke Kuching oleh Muzium Sarawak di akhir tahun 1972.

Orang pertama yang disimpan dalam salong itu ialah seorang perempuan Kayan bernama Levan Avun, ibu saudara kepada Tului Kebing. Dia berpindah ke Long Segaham dengan anak saudaranya, emak Tului Kebing kerana dia enggan dikuburkan oleh puak Kayan di hari kematiannya nanti. Selepas itu Tului Kebing, anak lelakinya Tubun Tului, dan anak-anak perempuannya Tipung Tului, Diri Malan dan Lepan disimpan dalam Salong tersebut. Malangnya, Salong tersebut telah diturunkan dan dibawa ke Kuching oleh pihak berkuasa Muzium Sarawak di akhir tahun 1972. Semasa proses pemindahan salong dan keliring, mahkota yang dihadiahkan kepada Tului Kebing oleh Sultan Omar Ali, dari Brunei bersama dengan lima buah tajau lama yang menempatkan tulang-tulang 5 manusia adalah antara yang hilang atau dibawa oleh pihak berkuasa Muzium Sarawak.

Pada zaman pemerintahan Sultan Brunei, Sultan Omar Ali, di pertengahan abad ke-18, sewaktu Tipung Tului masih muda semua ketua kaum dari berbagai etnik di Sarawak telah dipanggil oleh Sultan Omar Ali. Tama Tipung Tului dan pengikutnya membuat perahu besar dan mula berkayuh dari Batang Balui, Sungai Rejang dan di sepanjang pesisiran pantai menuju Brunei. Sewaktu kedatangan mereka di Brunei, Sultan telah memberitahu bahawa etnik-etnik yang dipanggil untuk berjumpa baginda sudah kembali ke tempat masing-masing. Apabila Tului Kebing ditanya sebab kelewattannya, dia menjelaskan bahawa kumpulan etnik tersebut memakai kapal sedangkan Tului Kebing dan pengikutnya cuma berkayuh. Sultan Omar Ali berpuas hati dengan penjelasan tersebut dan menghadiahkan mahkota dan bendera kepada beliau sebagai lambang kuasa memerintah di Batang Balui. Cukai pula telah dibayar kepada Tului Kebing.”

Sementara dalam versi Kayan iaitu yang datangnya dari orang Kayan di Sungai Asap dan Long Menjawa, Belaga yang diceritakan oleh Dato Sri Bo' Tajang Laing dan Kebing Aran mengenai kedatangan Bo' Tului ke Brunei itu dikatakan bertujuan untuk mencari keturunannya yang berasal daripada Bo' Dian iaitu Raja Kayan yang berkahwin dengan seorang puteri kerabat diraja Brunei. Bo' Dian ialah seorang Raja Kayan di Kalimantan Timur yang menjadi pengasas kepada kewujudan kaum Kayan di Borneo. Oleh itu keturunan daripada anak Bo' Dian bersama dengan isterinya itulah yang hendak dicari oleh Bo' Tului di Brunei.⁷⁵

Disebabkan peristiwa perkahwinan itu sudah lama berlaku, usaha Bo' Tului untuk mencari keturunannya itu telah menemui kegagalan, malah dia telah dijatuhi hukuman oleh Sultan Brunei kerana dianggap sengaja mereka-rekakan cerita tersebut. Di pihak Brunei sendiri memang tidak ditemui kisah perkahwinan di antara Raja Kayan dan puteri dari kerabat diraja Brunei. Sebagai membuktikan kebenaran dakwaan Bo' Tului itu dia telah diuji dengan meletakkannya di depan selaras meriam (bedil) untuk membuktikan kebenaran ceritanya itu. Mengikut adatnya meriam tersebut tidak akan meletup jika Bo' Tului betul berketurunan daripada keluarga diraja Brunei. Berdasarkan kepada keyakinannya itu dia tetap berdiri di depan meriam tersebut tanpa memperdulikan bahaya yang akan menimpanya. Melihat akan keberaniannya itu Sultan Brunei telah membatalkan niatnya untuk meletupkan meriam tersebut kerana percaya Bo' Tului bercakap benar. Dari peristiwa itu Bo' Tului telah dianggap oleh Sultan Brunei sebagai keluarga baginda dan melantiknya sebagai wakil baginda memerintah di Sungai Balui, Belaga. Pada waktu Bo' Tului kembali ke tempatnya dia telah membawa bersamanya orang Brunei yang tinggal di Kampong Burung Pinggai Ayer. Dikatakan

⁷⁵ Haji Abd. Karim Haji Abd. Rahman, "Penyelidikan 'Orang Ulu' di Sarawak", *Aktif*, Newsletter Pusat Sejarah Brunei, Bil. 55, Jun 2003, hlm. 3.

orang Melayu Brunei yang berada di Belaga sekarang adalah keturunan daripada generasi pertama yang dibawa oleh Bo' Tului.⁷⁶

Kedua-dua cerita tersebut (versi Kajang dan versi Kayan) mempunyai perbezaan mengenai latar belakang kedatangan Bo' Tului ke Brunei. ‘Versi Kayan’ yang bersifat sebuah cerita mitos mengenai hubungan awal kaum Kayan dengan Brunei itu tidak terdapat dalam ‘versi Kajang’ yang lebih berunsur sebuah cerita sejarah. Namun begitu ‘versi Kajang’ ini juga mengandungi beberapa kekeliruan khususnya mengenai jangka masa hayat Bo' Tului itu sendiri yang dikatakan hidup pada abad ke-18. Ini bertentangan dengan tarikh-tarikh yang diberikan dalam cerita tersebut, yang semuanya berlaku pada abad ke-19. Oleh itu siapakah Sultan Brunei yang bernama Sultan Omar Ali yang disebut dalam ‘versi Kajang’ itu. Adakah Sultan Omar Ali Saifuddin I yang memerintah pada tahun 1740 hingga 1795 atau Sultan Omar Ali Saifuddin II yang memerintah pada tahun 1828 hingga 1852.⁷⁷

Kedua-dua versi mengenai Tama Tipung Tului itu mempunyai persamaan dari segi hubungannya dengan Brunei. Kemungkinan pelantikan Tama Tipung Tului sebagai penguasa di Batang Balui oleh Sultan Brunei telah menjadi asas kepada kewujudan peristiwa perkahwinan Bo' Dian dengan puteri Raja Brunei memandangkan Brunei pada masa itu adalah sebuah kuasa besar. Sebagai sebuah kuasa besar di Borneo sudah tentu kaum-kaum peribumi yang berada di bawah penguasaan Brunei cuba untuk menghubungkan sejarah awal mereka dengan Brunei semata-mata untuk mendapatkan legitimasi politik.

⁷⁶ Hj Abd. Karim bin Hj Abd. Rahman, *Lipan Baram: Hubungan Brunei dengan ‘Orang Ulu’ di Sungai Baram, Belaga dan Bintulu pada abad ke-19*, hlm. 68.

⁷⁷ Nama Tama Tipung Tului juga disebut dalam laporan-laporan barat di antara tahun 1870-1880 seperti laporan Anom 1878:72-73, Cox 1870: 196, Gueritz 1878: 72, Falconier 1887: 195, Crespgny 1881c: 5, Bampfylde 1888a:67, dan Somerville 1890:81-82. Lihat, Allen R. Maxwell, “Balui Reconnaissances: Notes on the Oral History of the Belaga Malay Community and Early Belaga”, *SMJ*, Vol. LIV, No. 75, 1999, hlm. 153.

Kisah Tama Tepong Tului dalam tradisi lisan kaum Kajang dan Kayan itu telah ditulis dalam *Sarawak Gazette* oleh pegawai-pegawai Inggeris di antara tahun 1870-an hingga 1880-an yang disebut sebagai seorang ketua etnik Kejaman di Belaga yang dilantik oleh Sultan Brunei menjadi pembesar baginda di Belaga pada pertengahan abad ke-19. Dalam sumber tersebut dimuatkan kisah perjalanan Tama Tepong Tului dari Belaga ke Brunei yang terpaksa menempuh perjalanan yang sukar iaitu dengan merentasi jalan darat di lembah Tubau sebelum berkayuh melalui Sungai Bintulu untuk datang ke Brunei. Di Brunei Tama Tepong Tului telah bersahabat dengan Nakuda Rahman bin Jawatan Gador yang membawanya menghadap dengan Sultan. Sebagai penghargaan di atas kesukaran yang dilaluinya untuk datang ke Brunei itu Sultan telah menghadihkan alat-alat kebesaran diraja iaitu sebuah mahkota, bendera, gendang dan dacing kepada Tama Tepong Tului. Sultan juga melantik Tama Tepong Tului menjadi wakil baginda memerintah Belaga. Sewaktu pulang ke Belaga Tama Tepong Tului telah membawa bersama Nakuda Rahman.⁷⁸ Di sinilah bermulanya kedatangan orang Brunei ke Belaga sehingga berjaya membentuk suatu komuniti orang Brunei di sana. Peristiwa ini dikatakan berlaku sewaktu Brunei masih memerintah daerah-daerah Sabah dari Batu Gajah hingga ke Tanjung Datu Sarawak. Mengikut laporan Hugh Low peristiwa ini berlaku sebelum beliau membina benteng (*fort*) di Belaga pada tahun 1883.⁷⁹

Selain daripada Tama Tipong Tului, seorang lagi pemimpin kaum Kajang dari etnik Sekapan yang bernama Matu juga dilantik oleh Sultan Brunei menjadi wakil baginda memerintah di Long Dungun, dekat Belaga. Matu dikatakan datang ke Brunei atas jemputan Sultan bersama-sama dengan Tama Tipong Tului dan ketua etnik peribumi yang lain di Rejang untuk melantik mereka sebagai wakil baginda memerintah

⁷⁸ Ibid, hlm. 153

⁷⁹ Ibid.

Belaga dan Tubau.⁸⁰ Etnik Punan Bah yang termasuk dalam kumpulan kaum Kajang dan tinggal di lembah Balui juga tidak ketinggalan dilantik oleh Sultan Brunei menjadi wakil baginda memerintah di hulu Rejang sezaman dengan etnik Kajang yang lain. Ida Nicolaisen dalam kajiannya ke atas etnik Punan Bah di hulu Rejang berjaya mendapatkan cerita tentang kisah Sagiang yang menjadi wakil Sultan Brunei mentadbir daerah Tubau yang terletak di hulu Bintulu pada pertengahan abad ke-19. Sagiang pernah tinggal di Brunei selama 10 tahun.

Di Brunei dia telah diangkat menjadi pembesar Sultan apabila memeluk agama Islam dan berkahwin dengan seorang perempuan Melayu. Selain daripada itu dia juga berkahwin dengan seorang perempuan Melanau (Islam) bernama Njaladei iaitu anak aristokrat etnik Bintulu. Salasilah Sagiang yang dikumpul oleh Ida Nicolaisen dari Punan Bah menunjukkan bahawa Sagiang datang daripada keluarga aristokrat Punan Bah. Datuknya yang bernama Kavu Oko adalah ketua etnik Punan Bah, diikuti oleh ayahnya Salaui dan bapa saudaranya Tigeang dan Bejeang. Ketiga mereka ini menurunkan pemimpin-pemimpin etnik Punan Bah di hulu Rejang, Tatau dan Bintulu. Kisah hidup Sagiang cukup menarik sekali kerana di samping dilantik menjadi wakil Sultan di Tubau dan mempunyai dua orang isteri beragama Islam dia juga mempunyai seorang menantu bangsa Melayu Brunei dan seorang bangsa Eropah. Anak peremuannya bersama isteri Melayu yang bernama Bulan telah berkahwin dengan orang Eropah bernama Paul, sementara anak peremuannya bersama isteri Melanau bernama Duloa berkahwin dengan orang Brunei bernama Haji Latif. Berdasarkan salasilah yang diperolehi daripada etnik Punan itu menunjukkan kemasukan pengaruh Islam dalam sebahagian keluarga etnik Punan Bah itu apabila anak cucu Sagiang juga

⁸⁰ Ida Nicolaisen, "From and Function of Punan Bah Ethno-historical Tradition", *SMJ*, Vol. XXIV, No. 45, 1976, hlm. 85.

berkahwin dengan orang Islam khususnya dengan etnik Bintulu.⁸¹ Hubungan Brunei yang rapat dengan penduduk-penduduk peribumi ini secara tidak langsung mempengaruhi tradisi lisan mereka mengenai sejarah asal-usul yang cuba menghubungkan dengan Brunei.

Kaum Kayan

Kaum Kayan majoritinya mendiami bahagian pedalaman Sungai Baram, Sungai Rejang dan Sungai Bintulu, Sarawak. Hubungan Brunei dengan kaum ini begitu rapat khususnya pada abad ke-19 sehingga mereka dianggap sebagai tentera Brunei dengan panggilan yang lebih khusus iaitu *Lipan Baram*. Panggilan ini merujuk kepada etnik peribumi yang tinggal di Sungai Baram yang didominasi oleh kaum Kayan.⁸² Sifat-sifat mereka yang agresif telah membantu Brunei menguatkan cengkamannya ke atas penduduk-penduduk di wilayah jajahannya yang berada berdekatan dengan Baram seperti Miri, Belait, Tutong dan Limbang. Seorang ketua etnik Kayan di Baram bernama Tamal dalam suratnya kepada Inggeris di Labuan pada tahun 1846 telah mengakui membantu Brunei menghadapi tentangan-tentangan yang berlaku daripada etnik Miri, Belait, Tutong dan Bisaya.⁸³

Mengikut Tradescant Lay, seorang bangsa Inggeris yang menyertai rombongan lawatan ke Brunei pada tahun 1837 telah menyebut tentang orang Dayak dari Baram di Brunei pada ketika itu, “tiga buah perahu kaum Dayak yang mengandungi 70 orang

⁸¹ Sejarah awal etnik Punan Bah sama dengan kaum Kayan dan Kenyah iaitu berasal dari Kalimantan Timur dan berhijrah ke lembah Balui sekitar abad ke-17. Etnik ini bukan saja masih menyimpan kisah perpindahan mereka ke lembah Balui malah mereka juga mempunyai salasilah keturunan yang mereka warisi hingga ke hari ini. Melalui salasilah itu mereka bercerita tentang sejarah penghijrah mereka hinggalah kemerata tempat di sepanjang sungai Tatau dan Bintulu. Di lembah Balui mereka menetap di Sungai Bah yang terletak di persimpangan Sungai Bah-Rejang yang diketuai oleh ketua mereka bernama Salaui yang dikatakan pertama kali memperkenalkan penggunaan perahu dalam kalangan kaumnya. Seterusnya dari Sungai Bah dua orang anak lelaki Salaui bernama Tigeang dan Sagiang berpindah ke bahagian hilir Sungai Tatau dan Bintulu sekitar awal abad ke-19. Tigeang menetap di Kukus yang terletak di Sungai Tatau dan Sagiang menetap di Pandan yang terletak di Sungai Bintulu. Lihat, Ibid., hlm. 84-85.

⁸² Istilah ‘Lipan Baram’ merujuk kepada etnik peribumi di Sungai Baram seperti Kayan, Kiput, Berawan dan lain-lain. Perkhidmatan orang Kayan ini juga digunakan oleh Kerajaan Bulungan apabila mereka dijadikan tentera Sultan Bulungan untuk mengawal penduduk peribumi yang berada di wilayah jajahannya. Lihat, ibid., hlm. 1-2.

⁸³ Ibid.

telah datang dari kawasan pedalaman Baram.”⁸⁴ Gelaran ‘Lipan Baram’ itu mungkin mempunyai kaitannya dengan pengakuan Sultan kepada rombongan Inggeris itu apabila baginda mempamerkan kekuatan kaum Dayak dari Baram itu untuk menakut-nakutkan rombongan Inggeris itu, “beta mempunyai ... 30,000 orang seperti ini sedia menurut perintah ...”⁸⁵ Mengikut Tradescant Lay kaum Dayak yang dimaksudkan itu terdiri daripada 21 kumpulan etnik dan di antara mereka yang berasal dari Sungai Baram ialah Kayan, Punan, Kenawit, Siting, Bukatan, Sundaya, Dali, Baung, Tring, Kajaman, Agis, Tagar dan Narum.⁸⁶

Mereka mempunyai hubungan budaya dan sejarah yang rapat dengan kaum yang berasal daripada Sungai Kayan yang dikenali Apau Kayan, Kalimantan Timur. Dari Apau Kayan kaum Kayan berhijrah ke hulu Rejang, hulu Baram, hulu Mendalam (cawangan Sungai Kapuas) dan hulu Mahakam. Penghijrahan ini menyebabkan kaum ini dikenali dengan berbagai nama seperti puak Busang dan Bahau di Mahakam dan puak Segai di Bulungan dan Berau.⁸⁷ Penghijrahan kaum ini ke hulu Rejang bermula pada pertengahan abad ke-19 iaitu apabila lembah Balui yang terletak di hulu Rejang sudah didiami oleh kaum Kajang, Penan dan Kenyah yang juga berasal dari Apau Kayan.⁸⁸ Kedatangan kaum ini ke hulu Rejang telah menjadikan mereka lebih berpengaruh ke atas penduduk peribumi di sungai-sungai tersebut. Banyak budaya Kayan telah digunakan oleh kaum Kajang dan etnik Baram Hilir di sepanjang sungai Rejang dan Baram.⁸⁹

⁸⁴ J.T. Dickenson, “Notices of the City of Borneo and its Inhabitants, Made During the Voyage of the American Brig Himmaleh in the Indian Archipelago, in 1887”, hlm. 178.

⁸⁵ Ibid., hlm. 181.

⁸⁶ Ibid., hlm. 132-133.

⁸⁷ J. Rousseau, “Central Borneo: A Bibliography”, hlm. 2.

⁸⁸ J. Rousseau, “The Baluy Area”, *SMJ*, Vol. XXII, No. 3, 1974, hlm. 18.

⁸⁹ Ibid., hlm. 20-21.

Bo' Dian

Kisah perkahwinan di antara Raja Kayan dan kerabat diraja Brunei juga wujud dalam tradisi lisan kaum Kayan di Belaga, hulu Rejang, Sarawak. Kisah tersebut terdapat dalam sebuah cerita rakyat mengenai asal usul ‘Orang Ulu’ di Borneo yang dihubungkan dengan Brunei pada zaman awal tamadun manusia di Borneo. Cerita tersebut diperolehi daripada Dato Sri Bo' Tajang Laing dan Kebing Aran di Kampong Sungai Asap dan Long Menjawa, Belaga, Sarawak.⁹⁰ Ianya merupakan sebuah kisah yang panjang dan penuh dengan unsur-unsur mitos yang dikaitkan dengan kehidupan di alam kayangan (bulan). Dalam cerita tersebut mengisahkan tentang asal-usul kejadian manusia di Borneo dan kelahiran seorang raja yang berasal dari bulan. Kedatangan raja itu ke bumi telah menyelamatkan kehidupan manusia ‘Orang Ulu’ yang sebelumnya hidup tanpa adat dan hukum.

Dalam cerita ini raja yang dimaksudkan telah turun ke dunia dengan cara dilahirkan melalui sebiji buah durian yang tumbuh pada sepohon pokok di Batang Kayan (Sungai Kayan) Kalimantan Timur. Raja tersebut diberi nama Bo' Dian yang menjadi raja pertama bagi ‘Orang Ulu’ di Sungai Kayan. Apa yang menarik dalam cerita tersebut ialah Bo' Dian telah pergi ke Brunei dan berkahwin dengan seorang puteri Raja Brunei. Namun begitu tidak beberapa lama selepas itu dia terpaksa meninggalkan isterinya di Brunei yang sedang mengandung. Sejak pemergiannya itu dia tidak pernah kembali lagi ke Brunei untuk bertemu isterinya.⁹¹ Kandungan cerita tersebut adalah seperti berikut:

⁹⁰ Dato Sri Tajang Laing ialah bekas Yang Berhormat dan juga Menteri Perhutanan Sarawak. Pada wawancara dilakukan beliau adalah seorang pemimpin kaum Kayan di Belaga dan menjadi ketua Rumah Panjang Nyaving, Sungai Asap, Belaga. Sementara Kebing Aran adalah seorang ahli dalam cerita rakyat kaum Kayan. Beliau telah menceritakan kisah Bo' Dian berkahwin dengan puteri raja Brunei melalui nyanyian tradisi kaum Kayan yang dinamakan ‘Parap’. Lihat, Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman, “Penyelidikan ‘Orang Ulu’ di Sarawak”, hlm. 3.

⁹¹ Rakaman kisah tersebut dibuat di Rumah Panjang Nyaving, Sungai Asap, Belaga dan di Rumah Panjang Uma Badong, Long Menjawa, Belaga. Lihat, Hj Abd. Karim bin Hj Abd. Rahman, *Lipan Baram: Hubungan Brunei dengan ‘Orang Ulu’ di Sungai Baram, Belaga dan Bintulu pada abad ke-19*, hlm. 48-50.

“Pada zaman dahulu sebelum adanya manusia di Pulau Borneo telah berlaku satu banjir besar sehingga menenggelamkan seluruh pulau tersebut kecuali bukit-bukit dan hulu-hulu sungai. Pada masa itu mahluk yang mendiami bahagian pedalaman Borneo hanyalah manusia-manusia halus (kadang-kadang nampak dan tidak). Di antara mereka ialah dua orang adik-beradik bernama Lau Do dan Eh Ang yang tinggal di hulu Sungai Balui (hulu Rejang). Setelah pulau ini pulih daripada banjir mereka bebas pergi ke merata tempat di sepanjang sungai tersebut dan akhirnya mereka pergi ke hulu Sungai Kayan, yang terletak di Kalimantan Timur. Di sana mereka telah menukarkan nama, Eh Ang menjadi Belarik Belalang Long dan Lau Do menjadi Belarik Ubong Do. Di Sungai Kayan mereka mula berpisah, Belarik Ubong Do naik ke bulan dan berkahwin dengan penduduk di sana bernama Majat Do Bulan. Hidup mereka suami isteri begitu bahagia sehingga Belarik Ubong Do tinggal lama di samping isterinya di bulan. Pada suatu hari sedang Belarik Ubong Do asik mengukir kayu untuk membuat bunga tiba-tiba pisau yang digunakannya terjatuh ke bumi, iaitu di Sungai Kayan. Belarik Ubong Do terpaksa turun ke dunia untuk mencari pisaunya itu, tetapi tidak menjumpainya. Setelah puas dicari barulah disedarinya bahawa pisaunya itu telah menjadi sepohon kayu. Dengan kejadian ini Belarik Ubong Do sering turun ke dunia untuk melawat dan membersihkan pokok tersebut sehingga ia membesar. Pada waktu yang sama adiknya yang tinggal di dunia bernama Belarik Belalang Long juga menjumpai pokok itu dan menganggapnya sebagai miliknya. Apabila kedua-duanya bertemu dan tidak mengenali di antara satu sama lain, terjadi pergaduhan untuk merebut pokok tersebut. Masing-masing mengakui pokok itu milik mereka. Pergaduhan itu berlarutan untuk beberapa lama sehingga tiada kesudahannya. Dalam pergaduhan tersebut datang seorang (mahluk halus) yang bernama Lakitan untuk bertanyakan sebab mereka bergaduh. Apabila diketahui puncanya dia pun mencadangkan agar mereka berhenti bergaduh dan berjanji akan mencari penyelesaiannya. Sementara itu Lakitan berusaha mendapatkan bulu ekor ayam jantan dari penduduk kampung untuk dijadikan cara mendamaikan mereka. Setelah dia mendapat bulu ayam yang dimaksudkan, lantas dibawanya ke tempat Belarik Ubong Do dan Belarik Belalang Long dan dimintanya mereka menyucuk bulu ayam itu ke tangan masing-masing sehingga mengeluarkan darah. Apabila kedua-dua selesai berbuat demikian mereka diminta memegang tangan lawan masing-masing yang berdarah itu. Setelah selesai berbuat demikian lantas Lakitan pun berkata bahawa mereka sekarang tidak boleh bergaduh lagi kerana mereka sudah bertukar darah. Barang siapa yang memulakan pergaduhan dia akan mati dahulu. Mereka bersetuju untuk berdamai dan Lakitan pun menerangkan bahawa pokok kayu itu sebenarnya milik Belarik Ubong Do. Dengan penjelasan itu juga barulah diketahui bahawa mereka adalah adik-beradik yang sudah lama berpisah.

Sebelum Belarik Ubong Do pulang ke bulan, dia telah menandakan pohon kayu itu dengan bulu ayam dan memacakkan gigi harimau dibatangnya. Sepeninggalan Belarik Ubong Do ke bulan bulu ayam tadi menjadi buluh dan batang pokok itu yang dipacak dengan gigi harimau menjadi kembang, iaitu seperti mengandung. Lama-kelamaan pohon yang mengembang itu melahirkan sepasang manusia. Melihat keadaan ini Belarik Ubong Do merasa hairan lantas menamakan anak lelaki itu sebagai Kulaga Ae dan anak perempuan sebagai Kulaga Ange. Mereka adalah manusia yang pertama dilahirkan di Borneo yang menjadi keturunan ‘OrangUlu’ Borneo

sekarang. Sementara pokok tersebut pula dianggap sebagai nenek kepada 'Orang Ulu' di Borneo. Pokok tersebut memang ganjil kerana setiap dahannya tumbuh berbagai jenis buah seperti durian, rambutan, langsat dan juga buah-buah yang terdapat di Borneo sekarang. Akar pokok itu juga dikatakan menjalar keempat-empat distinasi yang berlainan. Ada yang ke bulan, ke laut, ke Batang Kayan dan ke Brunei. Apabila dua anak tadi dewasa mereka pun berkahwin dan daripada merekalah menurunkan keturunan Orang Ulu sekarang.

Lama kelamaan iaitu generasi kelapan daripada Kulaga Ae dan Kulaga Ange timbul kembali kisah perhubungan mereka dengan Majat Do Bulan iaitu isteri Belarik Ubong Do yang berada di bulan apabila salah seorang anak penduduk di Sungai Kayan yang bernama Ulu Sului jatuh sakit. Setelah berusaha mengubati penyakit tersebut para Dayong (Dukun) yang seramai sembilan orang terpaksa membawa anak tersebut ke bulan berjumpa Majat Do Bulan. Majat Do Bulan sanggup mengubati Ulu Sului tetapi menahan anak itu dan tidak membenarkan mereka membawanya pulang ke dunia kecuali mereka membawa barang permintaannya. Setelah berulang-alik dari bulan ke bumi untuk memastikan barang kemahuan Majat Do Bulan itu mereka akhirnya berjaya membawa apa yang dikehendaki oleh Majat Do Bulan iaitu seekor ayam untuk dipersembahkan kepadanya bagi membawa pulang Ulu Sului. Daripada peristiwa inilah lahirnya kepercayaan mempersembahkan ayam atau telornya untuk tujuan perubatan atau apa juga permintaan yang dipersembahkan kepada mahluk yang dianggap boleh menolong mereka.

Disebabkan jumlah penduduk yang tinggal di Sungai Kayan semakin ramai lama kelamaan mereka terpaksa mencari tempat-tempat baru sekitar Sungai Kayan. Di sinilah mereka mula berpecah kepada beberapa kumpulan dan menggunakan berbagai nama berdasarkan nama sungai tempat mereka tinggal. Sebelum itu mereka hanya dikenali sebagai 'Orang Ulu' tetapi setelah mereka hidup secara berasingan barulah lahir nama-nama puak seperti yang kita kenali sekarang. Salah sebuah puak yang berasal dari 'Orang Ulu' di Sungai Kayan ialah kaum Melanau yang tinggal di Mukah sekarang. Kaum Kayan sekarang masih memanggil kaum tersebut sebagai Kayan Lalu, kerana sejarah awal mereka sebelum sampai ketempat tinggal mereka sekarang ialah dengan cara melalui kampung-kampung Kayan dan tidak mahu tinggal bersama dengan kaum tersebut. Oleh itu mereka dipanggil sebagai Kayan Lalu.

Kehidupan awal 'Orang Ulu' pada zaman awal itu sentiasa dalam pergaduhan disebabkan oleh perkara-perkara kecil. Disebabkan belum wujudnya undang-undang maka setiap keputusan itu ditentukan dengan cara sendiri, iaitu siapa kuat dia yang berkuasa. Oleh itu keadaan ini dilihat oleh datuk nenek mereka, Belarik Ubong Do yang tinggal di bulan. Setelah berpaktat dengan isterinya mereka bersetuju menghantar salah seorang anak mereka yang bernama Wan Lakut Koho ke dunia untuk memimpin manusia 'Orang Ulu' yang tinggal di Sungai Kayan. Anak tersebut dihantar ke dunia dengan cara dilahirkan semula melalui sebiji buah durian yang tumbuh pada pokok yang menjadi nenek Orang Ulu itu. Setelah buah durian itu besar lalu jatuh di hulu Sungai Kayan dan hanyut ke sebuah kampung yang didiami

oleh sepasang suami isteri yang bernama Salang Lahi dan isterinya bernama Asung Way. Buah durian itu masuk ke dalam pujun mereka yang terdapat di sungai tempat mereka tinggal. Apabila buah itu dibuka didapati seorang anak yang sangat cantik berada di dalamnya. Anak tersebut mereka namakan sebagai Dian mengambil sempena buah durian.

Apabila anak itu dewasa dia telah mengatur kehidupan masyarakat ‘Orang Ulu’ dengan memperkenalkan adat atau hukum-hukum yang harus mereka ikuti. Sejak itu mereka mula hidup dengan lebih baik berdasarkan adat yang telah ditetapkan. Dian akhirnya dilantik oleh ‘Orang Ulu’ sebagai raja mereka dengan gelaran Bo' yang bermaksud raja. Sebagai seorang raja, Bo' Dian telah membuat hubungan persahabatan dengan raja-raja lain di Borneo. Dia telah bertemu dengan Raja Brunei dan raja-raja di Kalimantan Barat, Selatan dan Utara. Semasa kunjungannya ke Brunei, Bo' Dian telah berkahwin dengan Puteri Raja Brunei, tetapi meninggalkan isterinya itu (yang sedang hamil) untuk kembali ke Sungai Kayan. Perkahwinannya dengan Puteri Raja Brunei telah menghasilkan seorang putera, tetapi sejak perkahwinannya itu dia tidak pernah kembali ke Brunei. Setelah kehidupan ‘Orang Ulu’ di Sungai Kayan berjaya diaturnya dengan adat-adat kehidupan, dia akhirnya kembali ke tempat asalnya di bulan. Sejak hari itu masyarakat ‘Orang Ulu’ di Sungai Kayan, Kalimantan Timur diperintah oleh keturunannya daripada anaknya dengan isterinya di Sungai Kayan.”

Legenda Bo' Dian ini sudah tentunya dicipta di Belaga yang berasaskan kepada cerita yang mereka warisi dari Kalimantan Timur. Ini jelas apabila pengaruh Brunei telah dimasukkan dalam sejarah awal kaum Kayan yang menunjukkan ketika cerita ini dibuat mereka sudah berada di bawah pengaruh Brunei. Kewujudan pengaruh ini jelas dalam kisah perkahwinan Bo' Dian dengan puteri Raja Brunei. Secara simboliknya ianya menggambarkan bahawa kedudukan Raja Kayan itu sama taraf dengan Raja Brunei. Kisah perkahwinan itu juga mempunyai jalan cerita yang sama dengan kisah perkahwinan ayah Awang Alak Betatar di 14 buah negeri (daerah) di Borneo sewaktu perjalananannya memburu tembadau. Persamaan cerita tersebut ialah pada cara perkahwinan yang dilakukannya, iaitu dengan mengahwini puteri raja dan meninggalkannya dalam keadaan isterinya sedang hamil. Dalam kisah Awang Alak Betatar ayahnya (I-Pai Semaring?) yang berkahwin dengan puteri Sang Aji telah meninggalkan isterinya yang sedang mengandung tiga bulan untuk memburu tembadau yang melarikan lembing kepunyaan ayah mertuanya ketika cuba membunuh binatang

tersebut bagi memenuhi keinginan isterinya yang mengidam memakan daging tembadau.⁹² Walaupun kisah perkahwinan Bo' Dian dengan puteri Raja Brunei ini tidak diceritakan dengan jelas tetapi kewujudan nama Raja Brunei dalam tradisi lisan kaum Kayan di Belaga itu secara tidak langsung menggambarkan betapa rapatnya hubungan mereka dengan Brunei yang pada ketika itu sudah berpengaruh di Belaga yang menjadi wilayah feudal Brunei.

Dalam legenda Bo' Dian itu pokok kayu yang dianggap sebagai ‘datuk nenek’ mereka mempunyai akar yang menjalar ke Brunei selain ke Batang Kayan. Ini adalah satu lambang persaudaraan di antara kaum Kayan di Batang Kayan (Apo Kayan) dan Raja-raja Brunei di masa lampau. Kisah pokok kayu tersebut juga terdapat dalam tradisi lisan Brunei yang disebut pokok ambangan yang tumbuh di hulu Tauran. Walaubagaimanapun dalam sejarah Brunei sama ada yang berbentuk tradisi lisan orang Brunei di Kampong Ayer atau yang ditulis dalam *Syair Awang Semaun* tidak pernah menyebut adanya hubungan keluarga di antara Raja-raja Brunei dan kaum Kayan di Kalimantan Timur. Kisah yang terdapat dalam legenda Bo' Dian itu merupakan suatu penemuan baru yang sehingga kini belum ditemui dalam sumber-sumber Brunei dan juga dalam sumber tradisi lisan kaum Kayan sendiri.

Dalam tradisi lisan yang dikumpul oleh Benedict Sandin yang diperolehnya dari Jok Bato tidak menyebut adanya hubungan kaum Kayan dengan Raja Brunei semasa mereka di Kalimantan Timur. Kandungan cerita yang diberikan juga dimulai dengan unsur-unsur mitos yang melibatkan alam kayangan. Tradisi lisan tersebut menceritakan tentang seorang bernama Tulang (orang halus) yang tinggal di kayangan dan mempunyai dua orang anak lelaki bernama Age Lulang dan Anyang Tulang. Dia telah

⁹² Dalam tradisi lisan di Kampong Ayer Brunei terdapat kisah Ipai Semaring yang berkahwin dengan puteri Sang Aji Brunei, apabila isterinya itu mengandung Ipai semaring terpaksa meninggalkannya untuk mencari tembadau dan sejak itu dia tidak bertemu lagi dengan isterinya itu. Lihat, Haji Awg Mohd Jamil Al-Sufri, “Sang Aji Brunei”, *Jurnal Darussalam*, Bil. 7, Pusat Sejarah Brunei, 2007, hlm. 6-7.

menurunkan anaknya itu ke dunia untuk menjadi ketua bagi orang Kayan. Age Lulang diturunkan di Maloh di hulu Kapuas, Kalimantan Barat.⁹³ Sementara Anyang Tulang diturunkan di Sungai Kayan, Kalimantan Timur melalui sebiji buah durian. Buah itu dikutip oleh sepasang suami isteri yang bernama Lake Bang (suami). Dari durian itu keluar Anyang dan diberi nama sebagai Dian oleh sepasang suami isteri itu. Setelah besar Dian berkahwin dengan Asong Wei yang ditemui oleh keluarganya di timbunan rotan. Mereka mendapat anak yang diberi nama Avun. Orang Kayan dan Sekapan di Belaga mengakui berketurunan daripada Age Tulang dan Anyang Tulang.⁹⁴

Sumber ketiga datangnya daripada tradisi lisan yang dikumpul oleh Hang Nyipa mengisahkan tentang penghijrahan kaum Kayan di Kalimantan Timur ke Belaga. Cerita tersebut mengisahkan tentang orang ketua Kayan di Sungai Kayan bernama Mah Juman berjumpa sebiji buah durian di dalam hutan dan apabila dibukanya ditemui seorang anak lelaki berada di dalamnya. Anak itu diberikan nama Dian Lulo mengambil sempena nama buah durian itu. Apabila Dian Lulo dewasa dia telah mengumpul ketua-ketua Kayan di Sungai Kayan untuk menerangkan tujuannya diutus ke dunia sebagai utusan Tuhan. Mereka dihendaki taat kepadanya dan dilarang berbunuuh-bunuhan sesama sendiri. Akhirnya Dian Lulo diakui sebagai ketua kaum Kayan di Sungai Kayan. Apabila dia mencapai usia lebih kurang 70 tahun ia telah berkahwin dengan anak seorang ketua Kayan bernama Bulan Leju. Anaknya yang bernama Dian Ugu telah berkahwin dengan Usun Lejau mendapat empat orang anak iaitu Abun Dian, Bit Dian, Dian Lulo dan Goh Garing.

⁹³Apabila Age Lulang turun ke tempat tersebut didapatinya ramai orang lalu ia terus mengembara. Sewaktu ia tidur di bawah pokok seorang ketua Maloh telah menemuinya dan dijadinya anak angkat. Akhirnya ia berkahwin dengan anak ketua Maloh tersebut. Setelah tujuh tahun di sana dia dipanggil kembali ke kayangan oleh ayahnya dan meninggalkan isteri dan anaknya yang bernama Nuri di dunia. Dia telah mengarahkan isterinya tidak mengawinkan anaknya dengan lelaki di tempat tersebut dan menasihatkan menunggu seorang lelaki yang turun dari kayangan. Akhirnya anaknya berkahwin dengan lelaki yang turun dari bintang yang bernama Saran Lelan. Hasil daripada perkahwinan itu mereka mendapat empat orang anak lelaki. Lihat, Benedict Sandin, "The Traditional Folklores of the Kayan of Upper Rejang", *SMJ*, Vol. XXIII, No. 44, Julai-Dec. 1975, hlm. 63-65.

⁹⁴ Ibid., hlm. 65-66.

Anak sulungnya Dian Ugu telah dilantik sebagai penggantinya memerintah kaum Kayan sebelum ia pulang ke Kayangan. Selain dari itu ia juga mengarahkan kaumnya berhijrah untuk mencari penempatan-penempatan baru bagi mengatasi kekurangan tanah untuk mereka tinggal. Oleh itu Deng Leju diarahkan mengetuai sebahagian orang Kayan berpindah ke Makam di Rejang, Ju Lohong mengetuai berpindah ke kuala Sungai Kayan, dan Dian Ugu mengetuai berpindah ke Sungai Balui, cawangan Sungai Rejang.⁹⁵

Kedatangan Dian Ugu ke Balui berlaku pada zaman awal kedatangan James Brooke ke Sarawak. Mengikut sumber ini mengatakan bahawa anak Dian Ugu yang bernama Dian Abun telah mengalami perperangan dengan kerajaan Brooke di Sarawak apabila Dian Abun melindungi dua orang kaum Kayan bernama Sekalai dan Sawing yang telah membunuh orang Inggeris bernama Messrs Fox dan Steele di Kanowit. Akibat daripada perbuatan Dian Abun itu pihak Inggeris telah melancarkan serangan ke atasnya. Perperangan antara Kayan dan pihak Brooke yang dilancarkan oleh kaum Iban telah mendapat bantuan senjata dari Brunei. Ini diceritakan oleh orang Kayan di Long Amu, Belaga.⁹⁶ Namun dalam sumber ini Dian Abun mati dibunuh akibat diracun oleh Inggeris dan menandakan berakhirnya tentangan dari orang Kayan terhadap Inggeris.

Jika mengikut sumber tersebut orang Kayan baru berpindah ke Balui pertengahan abad ke-19, tetapi berdasarkan laporan J.H. Moor pada tahun 1824 mengatakan bahawa orang Kayan di Baram sudah berada di Brunei pada waktu itu.⁹⁷ Ini menunjukkan mereka sudah membuat hubungan dengan Brunei lebih awal daripada perpindahaan Dian Ugu ke Balui. Nama Baram sudah tercatat dalam peta-peta Borneo

⁹⁵ Hang Nyipa, “Migration of the Kayan People”, *SMJ*, VII, No. 7, 1956, hlm. 82-88.

⁹⁶ Mengikut Lato Junam, Ketua Rumah Panjang Long Amu semasa kaum Kayan tinggal Long Pilah mereka telah diserang oleh orang Iban yang dibantu oleh Raja Brooke untuk meluaskan pengaruhnya di Sarawak. Sementara orang Kayan dibantu oleh Sultan Brunei dengan membekalkan senjata berupa bedil, tetapi akhirnya orang Kayan dapat ditewaskan oleh orang Iban. Lihat, Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman, “Penyelidikan ‘Orang Ulu’ di Sarawak”, hlm. 11.

⁹⁷ J.H. Moor (ed.), “Borneo Proper”, *Notices of the Indian Archipelago and Adjacent Countries*, Singapore, 1873, hlm. 2.

pada abad ke-16 sebagai sebuah negeri yang penting bagi Brunei.⁹⁸ Ini terbukti apabila Sepanyol di Manila menduduki Brunei (Kota Batu) pada tahun 1578, Sultan Abd. Kahar telah berlindung di Baram sehingga baginda mangkat di sana.⁹⁹ Namun adalah tidak pasti penduduk yang tinggal di Baram pada ketika itu kerana kaum Kayan dari Apo Kayan hanya berpindah ke Baram pada akhir abad ke-19 iaitu setelah berlakunya perperangan dengan kaum Iban di Rejang. Jika mengikut sumber Hang Nyipa itu Dian Abun yang hidup zaman Brooke memerintah Sarawak adalah cucu Dian Lulo iaitu pengasas kaum Kayan di Kalimantan Timur. Ini bererti kedatangan Dian Lulo turun ke dunia sekitar pertengahan abad ke-18 kerana kaum Kayan sudah berada di Balui, hulu Rejang pada awal abad ke-19. Sudah tentunya berlakunya beberapa siri perpindahan kaum Kayan dari Apo Kayan ke Balui atau dari Apo Kayan terus ke hulu Baram. Perpindahan kaum Kayan yang diketuai oleh Dian Abun ke Balui adalah kumpulan yang berlainan dengan kumpulan Bo' Dian yang terdapat dalam tradisi lisan Datu Tajang Laing.

Sejauh ini maklumat tentang penduduk yang mendiami Sungai Baram pada abad ke-16 itu belum ditemui, kerana kaum Kayan yang ada sekarang belum berpindah ke Baram. Kemungkinan mereka adalah kaum Melanau atau Kajang kerana kaum tersebut sudah mendiami Sungai Rejang dan Bintulu selewat-lewatnya pada abad ke-15.¹⁰⁰ Nama Igan dan Bintulu juga sudah disebut dalam sumber Cina pada awal abad ke-14 sebagai negeri yang berada di bawah jajahan Brunei, iaitu kerajaan awal sebelum berdirinya kerajaan Brunei yang diasaskan oleh Awang Alak Betatar.¹⁰¹ Dalam sejarah

⁹⁸ Dalam peta yang dibuat oleh Belanda pada tahun 1598 nama Baram disebut sebagai Tanjung Baram, lihat peta Jac. Corn. Van Neck, *en Wybrant Wavijck DETWEDE SCHIPV NAAR OINDIE 1598-1600*.

⁹⁹ R. Nicholl, *European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century*, hlm. 63.

¹⁰⁰ Berdasarkan *Maragtas* dan *Syair Awang Semaun*, menunjukkan bahawa kaum Melanau sudah mendiami Sungai Rejang sekitar abad ke-14 dan 15. Lihat, M.L. Carreon, "Maragtas: The Datus from Borneo (The Earliest Known Visayan Text)", hlm. 52-99, dan *Syair Awang Semaun*.

¹⁰¹ Dalam *Da De Nan Hi Zhi*, Jilid 7 menyebutkan nama Igan dan Bintulu sebagai menjadi negeri jajahan Pu-ni (Kerajaan Brunei lama) pada abad ke-14. Lihat, Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 2010, hlm. 116.

Brunei Sungai Baram mempunyai kedudukan yang istimewa dalam politik Brunei sebelum kedatangan kaum Kayan dari Kalimantan Timur ke Belaga lagi.¹⁰²

Sudah tentu orang Kayan yang dilaporkan berada di Brunei pada tahun 1824, 1837 dan 1846 adalah kaum Kayan yang berlainan dari mereka yang berada di Belaga. Mungkin mereka berpindah terus ke Baram melalui Usun Apo lebih awal dari perpindahan yang dilakukan kumpulan ke lembah Balui. Jalan ini adalah laluan yang digunakan oleh kaum Kenyah dan kaum Baram Hilir ketika mereka berpindah dari Kalimantan Timur.¹⁰³ Di Sungai Baram sendiri lebih awal di diam oleh etnik Lun Labu atau Orang Labu dan etnik Kemaloh iaitu cabang daripada kaum Kelabit-Krayan,¹⁰⁴ dan juga etnik Ga'ay yang akhirnya melahirkan kaum Kayan di Kalimantan Timur.¹⁰⁵ Kedatangan etnik tersebut sudah tentu mempunyai hubungan dengan kedudukan Brunei sebagai sebuah kuasa politik dan ekonomi di barat laut Borneo sejak abad ke-10 lagi. Kemungkinan kedua etnik ini mempunyai hubungan dengan Kerajaan Brunei awal sebelum kedatangan kaum Bisaya di Brunei.¹⁰⁶ Perbincangan mengenai etnik-etnik tersebut melibatkan kerajaan awal Brunei sebelum Awang Alak Betatar.

Persamaan dalam tiga tradisi lisan yang diperolehi itu ialah pertama sumber tersebut datangnya dari Belaga; kedua kandungannya mempunyai unsur-unsur mitos iaitu alam kayangan dan buah durian; ketiga turun di Sunyai Kayan, Kalimantan Timur

¹⁰² Semasa bandar Brunei diduduki oleh tentera Sepanyol pada tahun 1578, Sultan Abdul Kahar telah melaikkan diri ke Sungai Baram dan mangkat di sana akibat demam, dan jenazah baginda telah dibawa ke Brunei oleh penduduk-penduduk yang tinggal di sana untuk dimakamkan di Brunei. Lihat, R. Nicholl, *European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century*, hlm. 63.

¹⁰³ J.R. Logan, "The River Barram", *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* (JIAEA), Vol. V, 1851, hlm. 687.

¹⁰⁴ Jane Wong Kon Ling, Bilcher Bala & Baszley Bee Basrah Bee, "Masyarakat Lundayeh di Sabah: Satu Kajian Asal-Usul, Migarasi dan Klasifikasi Etnik", hlm. 643.

¹⁰⁵ "Wet rice cultivation and the Kayanic people of East Kalimantan: some possible factors explaining their preference for dry rice cultivation (1): (Research Notes)", <http://www.thefreelibrary.com/Wet-rice-cultivation-and-the-Kayanic-peoples-of-East> (Tarikh diakses 20 Jun 2011, 5.00 p.m.), hlm. 3.

¹⁰⁶ Berdasarkan *Maragtas* kaum Bisaya pernah mendirikan kerajaannya di Sungai Brunei yang mempunyai wilayah jajahan sehingga ke Sungai Rejang sehinggalah kerajaan tersebut runtuh pada abad ke-14 oleh Raja Tugau dari kaum Melanau. Namun sebelum itu berdasarkan tradisi lisan kaum Kenyah di Bolongan mengatakan bahawa mereka (kaum Kenyah dan Kayan ketika masih menggunakan gelaran kaum Ga'ay) adalah berasal dari Selatan China yang datang ke Boneo melalui Brunei. Kaum ini menetap lama di Brunei sebelum berpindah ke Baram dan seterusnya ke Kalimantan Timur. Ini menunjukkan bahawa kaum tersebut pernah berkuasa di Brunei sebelum Kerajaan Bisaya. Lihat, "Wet rice cultivation and the Kayanic people of East Kalimantan: some possible factors explaining their preference for dry rice cultivation (1): (Research Notes)", hlm. 10.

yang menjadi penempatan awal kaum Kayan yang dikenali sebagai Apo Kayan; dan keempat mereka berpindah ke lembah Balui, Belaga dan membuat hubungan dengan Brunei. Namun cerita yang diberikan oleh Tajang Laing mempunyai perbezaan dengan dua sumber itu iaitu penonjolan Belaga sebagai tempat awal manusia sebelum wujudnya kaum Kayan. Dengan kata lain raja-raja Kayan yang turun dari Kayangan itu adalah berasal dari Belaga. Ini menunjukkan bahawa Belaga atau lembah Balui sudah awal didiami oleh kaum Kayan (sebelum mereka dikenali dengan nama Kayan) yang datang dari Baram.

Perpindahan pertama dari Baram ke Belaga dan ke Apo Kayan ini dipercayai mengandungi cerita tentang Brunei kerana mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan Brunei. Kisah ini terdapat dalam tradisi lisan yang dikemukakan oleh Tajang Laing itu. Sementara perpindahan kedua dari Apo Kayan ke Belaga dan seterusnya ke Baram dan Bintulu sudah menghilangkan pengaruh Brunei dalam tradisi lisan mereka. Oleh itu mereka telah memasukkan unsur-unsur mitos tentang asal-usul kaum Kayan itu seperti alam Kayangan dan buah durian sebagai penyataan bahawa mereka berasal dari luar Borneo iaitu sebuah kerajaan yang mempunyai tamadun yang lebih tinggi dibandingkan dengan penduduk di Borneo. Di sinilah hubungannya dengan tradisi lisan kaum Kenyah yang mengatakan asal-usul mereka adalah dari Negeri China dan mendarat di Brunei dan tinggal di Baram sebelum berpindah ke Belaga dan seterusnya ke Apo Kayan, Kalimantan Timur.¹⁰⁷

Mereka yang menggunakan nama Kayan sudah tentunya berasal daripada Apau Kayan, Kalimantan Timur kerana nama tersebut diambil dari nama Sungai Kayan di Kalimantan Timur. Oleh itu sebelum mereka berhijrah atau mendiami Apau Kayan

¹⁰⁷ "Ethnohistory of the Kayanic people in northeast Borneo (part 1): evidence from their languages, old ethnonyms, and social organization (1)", <http://www.thefreelibrary.com/Ethnohistory-of-the-Kayanic-people-in-northeast-Borneo4/15/2010>, (Tarikh diakses 20 Jun 2011, 3.15 p.m), hlm. 8.

mereka sudah tentunya menggunakan nama yang lain. Disebabkan pada tahun 1824 itu mereka menggunakan gelaran Kayan sudah tentulah mereka itu berasal dari Apau Kayan. Tetapi penduduk Baram yang mendiami sungai tersebut pada abad ke-16 tidak pernah dicatatkan dalam laporan Sepanyol adanya kaum yang dinamakan Kayan. Ini menunjukkan bahawa penduduk di Sungai Baram pada waktu itu bukanlah berasal dari Apo Kayan di Kalimantan Timur.

Hubungan Brunei dengan kaum Kayan di Belaga hanyalah bermula pada abad ke-19 kerana mereka adalah kumpulan etnik terakhir berpindah dari Apo Kayan ke hulu Rejang. Oleh itu tradisi lisan mereka mengenai Brunei banyak berkisar kepada hubungan mereka dengan Brunei pada abad ke-19. Ini berbeza dengan kaum Kayan di Sungai Baram yang sudah lama berhubung dengan Brunei.¹⁰⁸ Orang Kayan di Sungai Baram mempunyai panggilan yang khusus ke atas orang Brunei iaitu Orang Alo'. Tidak jauh dari Kampong Long Laput yang terletak di hulu Sungai Baram, terdapat sebuah bukit yang dikenali sebagai Bukit Alo' yang bermaksud Bukit Brunei kerana di bukit tersebut terdapat sebuah kubur orang Brunei yang sudah wujud sejak etnik Kiput mendiami Long Bam. Orang Kayan memanggil kubur tersebut sebagai liang Alo' dan sungai yang berhampiran dengan kawasan perkuburan itu juga dipanggil sebagai Sungai Liang Alo'. Kubur berkenaan terletak di atas sebuah bukit di tebing sungai yang bertentangan dengan Long Bam iaitu perkampungan lama etnik Kiput sebelum diduduki oleh kaum Kayan.¹⁰⁹

¹⁰⁸ Berdasarkan laporan Sepanyol pada abad ke-16 Sultan Abdul Kahar telah melarikan diri (berundur) ke Sungai Baram apabila Brunei (Kota Batu) diduduki oleh Sepanyol pada tahun 1578. Lihat, R. Nicholl, *European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century*, hlm. 63.

¹⁰⁹ Hj Abd. Karim Hj Abd. Rahman, *Lipan Baram: Hubungan Brunei dengan 'Orang Ulu' di Sungai Baram, Belaga dan Bintulu pada abad ke-19*, hlm. 38-41.

Kemangkatan Pengiran Muda Tengah Ismail di Baram

Penyelidikan ke atas kaum Kayan di Long Laput, Baram telah banyak menemui cerita mengenai hubungan Brunei dengan kaum Kayan di Long Laput, Long Lama dan Long Bam. Hubungan tersebut dibuktikan melalui kisah kemangkatan seorang kerabat diraja Brunei bernama Pengiran Muda Tengah Ismail ibnu Pengiran Muda Hashim di Long Palai, hulu Baram pada pertangahan abad ke-19 yang masih diingati oleh generasi tua di Long Laput. Dalam tradisi lisan tersebut mereka menceritakan bahawa orang Kayan di Long Palai telah menyediakan sebuah perahu besar untuk menghantar jenazah Pengiran Muda Tengah Ismail ke Brunei dengan disertai oleh seramai 30 orang Kayan yang lengkap dengan pakaian tradisi mereka. Rombongan tersebut diketuai oleh Wan Lejau dan Baya Leju iaitu ketua Kaum Kayan yang mempunyai darah keturunan daripada Raja-raja Brunei. Ibu mereka yang bernama Paya Ding berkahwin dengan kerabat diraja Brunei. Mereka juga dikatakan cucu-cicit Ding Ibau iaitu ketua kaum Kayan yang mula-mula berpindah dari Kalimantan Timur ke hulu Baram.

Kedatangan rombongan menghantar jenazah itu ke Brunei telah disambut dengan penuh adat istiadat diraja.¹¹⁰ Cerita yang ditemui di Long Laput ini menjadi pelengkap kepada tradisi lisan yang terdapat di Brunei. Dalam tradisi lisan di Brunei mengisahkan bahawa semasa kemangkatan Pengiran Muda Tengah Ismail yang juga dikenali sebagai Pengiran Muda Tumbang di Baram orang Kayan di Baram telah mengusung jenazahnya secara bergilir-gilir dari Baram hingga ke Limau Manis yang terletak di hulu Sungai Brunei tanpa meletakkan jenazahnya ke tanah sehinggalah diserahkan kepada pihak diraja Brunei yang menunggu di Limau Manis.¹¹¹

¹¹⁰ Kisah ini diceritakan oleh Jok Deng, Ketua Kampong Long Laput, Baram dalam penyelidikan Pusat Sejarah Brunei ke Long Laput pada 22-24 April 2003. Lihat, *ibid.* hlm. 32.

¹¹¹ Hj Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, hlm. 43.

Perkahwinan Raja Kayan dengan Puteri Brunei

Di Bintulu telah ditemui cerita tentang perkahwinan di antara Raja Kayan di Bintulu yang bernama Datu Pasu bin Datu Saga dengan puteri kerabat diraja Brunei bernama Pengiran Anak Siti Khatijah binti Pengiran Sura Negara Pengiran Anak Badaruddin. Kisah perkahwinan ini tidak terdapat di Brunei dan cerita mengenainya hanyalah berdasarkan tradisi lisan etnik Kayan-Brunei di Bintulu yang menjadi cucu cicit Datu Pasu dan Pengiran Anak Siti Khatijah. Salah seorang daripadanya ialah Abang Haji Bolhassan yang mendapatkan cerita tersebut daripada ‘datuk neneknya’ yang mengatakan bahawa, “di Bintulu Pengiran Anak Siti Khatijah terkenal dengan nama Uzong Tijah”. Dia telah dijadikan isteri kedua oleh Datu Pasu Anak Datu Saga, ketua kaum Kayan di Bintulu waktu itu”.¹¹² Abang Haji Bolhassan juga mendapat cerita mengenai perkahwianan itu di hulu Baram yang menyebut bahawa Pengiran Anak Siti Khatijah telah dilarikan oleh Datu Pasu dengan paksa untuk dijadikan isterinya yang kedua. Walaupun Uzong Tijah tidak suka dengan perkahwinan itu tetapi disebabkan ia telah berada di tangan Datu Pasu akhirnya ia setuju untuk berkahwin dengan syarat Datu Pasu memeluk agama Islam.¹¹³

Kisah perkahwinan ini begitu terkenal dalam kalangan keturunan Datu Pasu bersama isterinya itu di Bintulu sehingga maklumat mengenainya banyak diperolehi di Bintulu. Cerita yang lebih lengkap diperolehi daripada Awang Sulaiman bin Sitam di Bintulu yang mengatakan bahawa Datu Pasu telah berjaya menangkap Pengiran Anak Siti Khatijah ketika ia mandi di sungai sewaktu berlakunya pergaduhan di antara Sultan Omar Ali Saifuddin II dengan Pengiran Muda Hassim pada tahun 1845. Menyedari peristiwa itu Sultan Omar Ali Saifuddin II telah memanggil Datu Pasu ke Brunei untuk

¹¹² Hj Awang Muhd. Jamil Al-Sufri, “Pengiran Anak Siti Khatijah (Uzong Tijah)”, *Pusaka*, Pusat Sejarah Brunei, Bil. 9, 1999, hlm. 28.

¹¹³ Ibid.

mengurniakan gelaran Datu dan dikhatarkan. Pada mulanya orang Kayan di Rejang menyangka Datu Pasu akan dihukum pancung oleh Sultan akibat daripada perbuatannya itu. Oleh itu mereka telah datang ke Brunei untuk melakukan serangan, tetapi akhirnya membatalkan rancangan tersebut apabila mengetahui perkara yang sebenarnya berlaku.¹¹⁴ Cerita mengenai perkahwinan ini juga dimuatkan dalam *The Sarawak Gazette* keluaran tahun 1877 dengan menyebut bahawa:

“Paso ... mempunyai hidung yang sangat panjang ... dia telah meningkatkan kuasa dan pengaruh di sekitar kawasannya (rumah panjang) ... Isterinya yang kedua Tijah waris kuasa di Labang, dan melalui isterinya itu Paso telah dapat menguasai puak/suku kaum isterinya itu”.¹¹⁵

Sudah tentu perkahwinan tersebut menguatkan lagi pengaruh Datu Pasu di Bintulu kerana Daerah Bintulu bersama Daerah Belangian dan Bayan adalah milik Pengiran Anak Siti Khatijah yang diwariskan oleh ayahandanya. Melalui perkahwinan itu menguatkan lagi hubungan Brunei dengan kaum Kayan di Bintulu dan Baram.

Etnik Baram Hilir

Sebuah lagi kaum peribumi yang mempunyai hubungan yang rapat dengan Brunei ialah etnik yang mendiami hilir Sungai Baram dan pesisir Daerah Belait dan Tutong, Brunei Darussalam yang disebut sebagai penutur dialek Baram Hilir. Mereka terdiri daripada etnik Narum, Kiput, Meting, Lelak, Miri, Dali, Berawan, Belait dan Tutong.¹¹⁶ Tidak banyak maklumat tentang sejarah awal etnik ini dan hubungannya dengan etnik-etnik lain seperti Kayan, Melanau dan Kajang yang tinggal di Sungai Rejang. Roberts Blust dalam kajian linguistiknya telah memasukkan etnik tersebut ke dalam keluarga besar

¹¹⁴ Hj Abd. Karim Hj Abd. Rahman, *Lipan Baram: Hubungan Brunei dengan ‘Orang Ulu’ di Sungai Baram, Belaga dan Bintulu pada abad ke-19*, hlm. 76.

¹¹⁵ Hj Awang Muhd. Jamil Al-Sufri, “Pengiran Anak Siti Khatijah (Uzong Tijah)”, hlm. 28-29.

¹¹⁶ Paul R. Kroeger, “Language Classification in Sarawak: A Status Report”, *SMJ*, Vol. LIII, No. 74, Dec. 1998, hlm. 162.

etnik Kelabit, Lun Bawang, Saban, Kenyah dan Bintulu.¹¹⁷ Teori Blust ini adalah berdasarkan kepada kajian linguistiknya tanpa mengambil kira sejarah awal etnik-etnik tersebut. Etnik Kelabit, Lun Bawang dan Saban adalah berasal daripada banjaran Kerayan-Kelabit sedangkan etnik Kenyah dan Bintulu berasal daripada Apo Kayan.¹¹⁸

Selain daripada itu etnik Baram Hilir juga diklasifikasi sebagai etnik Kenyah Lepo' Pu'un (Lepo' Pohon) iaitu bagi membezakan dengan etnik Kenyah Lepo' Bua (Lepo' Buah) yang berasal dari Apau Kayan dan dianggap sebagai etnik Kenyah asli.¹¹⁹ Gelaran Kenyah Lepo'Pu'un ini menunjukkan betapa kuatnya pengaruh budaya etnik Kenyah ke atas etnik tersebut di Baram. Pertembungan budaya ini sudah tentu sudah berlaku di Usun Apau kerana etnik Kenyah juga pernah mendiami kawasan tersebut bersama etnik Baram Hilir. Di samping itu dominasi etnik Kayan ke atas etnik-etnik yang tinggal di Baram pada abad ke-19 juga banyak mempengaruhi budaya dan bahasa etnik Baram Hilir apabila berlakunya perkahwinan campur di antara mereka. Akibat daripada asimilasi budaya ini secara tidak langsung telah menghilangkan identiti sebenar etnik Baram Hilir itu sendiri. Misalnya generasi tua etnik Kiput di Kuala Tutuh yang mempunyai keturunan Kiput-Kayan telah mengambil sejarah asal-usul etnik Kayan sebagai sejarah awal mereka.

Dalam laporan Inggeris pada tahun 1851 mengenai penduduk peribumi di Sungai Baram tidak menyebut kewujudan etnik-etnik Baram Hilir itu. Apa yang dilaporkan ialah etnik Kenyah, Murut dan sebuah etnik yang tidak dikenali ialah etnik Subub. Etnik Subub mendiami cawangan sungai Tinjar, yang mempunyai perbezaan

¹¹⁷ Rober A. Blust, ‘The Proto-North Sarawak Vowel Deletion Hypothesis’, (Ph. D. Dissertation), University of Hawai, 1976.

¹¹⁸ Berdasarkan kajian bahasa Blust mendapati bahasa Kiput, Meting, Narum, Lelak, Miri dan Dali mempunyai persamaan melebihi 70%, tetapi bahasa Tutong hanya sekitar 53%. Ini disebabkan Blust telah menggunakan etnik Dusun yang mendiami pedalaman Tutong sebagai kajiannya sedangkan penutur bahasa Tutong yang sebanarnya adalah berada di kawasan pesisiran Daerah Tutong seperti di Kampong Penanjung, Panchor Papan, Panchor Dulit, Keriam, Bakiau dan Birau Liat, Paul R Kroeger, ‘Language Classification in Sarawak: A Status Report’, *The Sarawak Museum Journal*, Vol. LIII, No. 74, Dec. 1998, hlm. 163-165.

¹¹⁹ Jerome Rousseau, “Central Borneo: A Bibliography”, hlm. 7.

bahasa dan budaya dengan etnik Kayan dan Kenyah.¹²⁰ Adalah tidak pasti sama ada etnik tersebut merujuk kepada etnik Baram Hilir kerana istilah Baram Hilir itu hanyalah merujuk kepada kawasan kediaman mereka di Baram hilir. Sejauh ini mereka diklasifikasi sebagai kumpulan etnik Kenyah dan Murut sebelum di pecahkan menjadi etnik Baram Hilir.¹²¹

Pengaruh Brunei di Long Bam

Namun penyelidikan yang dibuat oleh Belawing Tingang ke atas etnik Kiput di Kuala Tutuh boleh dijadikan asas kepada kajian sejarah awal etnik tersebut. Dalam penyelidikan beliau telah menyebut tentang penempatan etnik Kiput di Long Bora (Batu Bora) yang terletak di banjaran Usun Apau, hulu Baram. Beliau juga membuat salasilah ketua-ketua etnik Kiput sejak mereka tinggal di Long Bora yang dijawat secara turun temurun oleh satu keluarga yang diasaskan oleh La'ang. Pengganti-pengantinya dijawat oleh anak cucunya iaitu Sakan, Melai Buring, Sakan Dapa dan Jua Tuah. Pada zaman Sakan Dapa etnik ini mula berpindah ke Sungai Silat, Long Mujan dan akhirnya ke Long Bam. Hubungan etnik ini dengan Brunei bermula apabila mereka berada di Long Bam kerana disanalah Sakan Dapa dilantik oleh Sultan Brunei menjadi wakil baginda memerintah Long Bam dengan dikurniakan gelaran Orang Kaya Pemancha Sakan.¹²²

Perpindahan etnik ini ke Long Bam dianggarkan berlaku sekitar akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19 iaitu berdasarkan kepada salasilah yang dibuat oleh Belawing Tingang yang menunjukkan bahawa beliau adalah generasi kelapan Orang Kaya Pemancha Sakan. Orang Kaya Pemancha Sakan meninggal dunia di Long Bam dan

¹²⁰ J.R. Logan, (ed.) "The River Baram", *JAAEA*, Vol. V, Singapore, 1851, hlm. 687.

¹²¹ Ibid.

¹²² Belawing Tingang, "Story of the Long Kiput Kenyah", *SMJ*, January and Dec. 1974, hlm. 349-352.

jawatan tersebut diturunkan kepada anaknya dengan gelaran Orang Kaya Jau Tuah. Etnik Kiput di Kuala Tutoh hingga ke hari ini masih menyimpan keris yang dikurniakan oleh Sultan Brunei kepada Orang Kaya Jua Tuah sebagai tanda kuasa memerintah Long Bam.¹²³

Dengan hubungan tersebut telah membuka peluang kepada pedagang-pedagang Brunei datang ke Long Bam untuk mendapatkan hasil-hasil hutan seperti sarang burung, kapur barus dan getah. Dalam perdagangan tersebut mereka membawa barang-barang tembaga dan kain untuk dijadikan barang pertukaran dalam perdagangan tersebut.¹²⁴ Sebenarnya keberanian orang Brunei meneroka lebih jauh ke pedalaman Sungai Baram telah menimbulkan berbagai cerita yang menunjukkan betapa rakusnya mereka mendapatkan hasil mahsul yang terdapat di pedalaman Borneo itu. Salah satu cerita yang terdapat dalam kalangan etnik Kiput di Kuala Tutoh ialah kisah tentang orang Brunei berbunuhan sesama sendiri apabila mereka tersesat dalam perjalanan di Sungai Baram iaitu setelah sampai di sebuah tempat bernama Balulu Batu Pila yang mereka sangkakan sebagai jalan mati dan akhirnya mereka menyalahkan sesama sendiri sehingga berlakunya pergaduhan tersebut.¹²⁵ Salah satu bukti kedatangan orang Brunei di Long Bam ialah terdapatnya sebuah kubur milik seorang Islam di Bukit Alo' yang terletak di seberang sungai Long Bam. Etnik Kayan yang tinggal di Long Laput masih mewarisi cerita tentang kubur tersebut dan mengakui bahawa kubur itu sudah ada sejak mereka mendiami Long Bam.¹²⁶ Berdasarkan kepada hubungan tersebut

¹²³ Hj Abd. Karim Hj Abd. Rahman, *Lipan Baram: Hubungan Brunei dengan 'Orang Ulu' di Sungai Baram, Belaga dan Bintulu pada abad ke-19*, hlm. 86.

¹²⁴ Belawing Tingang, "Story of the Long Kiput Kenyah", hlm. 350.

¹²⁵ Cerita ini diperolehi dari Lejau Malang di Kuala Tutoh, lihat, Haji Abd. Karim Haji Abd. Rahman, "Penyelidikan Orang Ulu di Sarawak", hlm. 3.

¹²⁶ Cerita ini diperolehi daripada Jok Deng, Ketua Kampong Long Laput, Baram. Berdasarkan penyelidikan Pusat Sejarah Brunei mendapati bahawa perkuburan tersebut mempunyai ciri-ciri perkuburan Islam iaitu bernisan dan bertambak serta diasangkan dengan perkuburan orang Kayan yang tinggal di kawasan berdekatan. Beliau dikatakan meninggal dunia akibat sakit dan segala urusan pengurusan jenazahnya dikendalikan oleh orang Islam Brunei yang berada di Long Bam memandang kepada cara pengkebumiannya mempunyai ciri-ciri kubur orang Islam, iaitu bernisan batu dan diasangkan dengan perkuburan Kaum Kayan. Sementara itu masyarakat Kayan begitu menghormati perkuburan tersebut sehingga mereka melarang penduduk di sini mengganggu dan bercucuk tanam di kawasan tersebut. Barang siapa yang melanggar larangan ini akan dikenakan hukuman. Ini menunjukkan bahawa mereka begitu menghormati orang Brunei sehingga perkuburan orang Brunei di sini dijaga dan dijadikan sebagai kawasan larangan. Lihat,

menunjukkan bahawa Long Bam pernah dijadikan sebagai pusat pentadbiran feudal Brunei di hulu Baram apabila Sakan Dapa dan anaknya dilantik menjadi wakil Sultan di tempat tersebut. Ini dengan sendirinya memperlihatkan tentang keluasan pengaruh Brunei di kawasan pedalaman Baram pada abad ke-18 dan 19 sepetimana kedudukan Belaga sebagai pusat pentadbiran feudal Brunei di hulu Rejang dan Tabau di hulu Bintulu.

Dari Long Bam etnik ini berpindah ke bahagian kuala Baram iaitu bermula dari Piki Atip, Tanjong Tahap, Bawang Maring, Long Linai, Long Kalejan dan Long Tutoh. Akhirnya di Long Tutoh mereka berpecah kepada tiga kumpulan iaitu satu kumpulan menetap di Long Tutoh dan yang lainnya pindah ke Banawa dan Lubok Nibong. Selain daripada itu Belawing Tingang juga mengumpul beberapa nama pemimpin etnik Kiput yang dilantik oleh Sultan Brunei menjadi wakilnya memerintah di Baram Hilir pada abad ke-19. Mereka ialah Orang Kaya Mana, Orang Kaya Talajan, Orang Kaya Ludan, Orang Kaya Talasat, Orang Kaya Lidam, Orang Kaya Penglima Lu dan Orang Kaya Penglima Baling (etnik Narom).¹²⁷

Di Kuala Tutuh ditemui cerita tentang bantuan etnik-etnik Kiput, Lelak, Narum dan Meting kepada Sultan Brunei ketika baginda menghadapi pencerobohan daripada Brooke ke atas Daerah Limbang pada akhir abad ke-19. Dalam peristiwa tersebut salah seorang ketua etnik Kiput yang bernama Orang Kaya Temenggong Lawai telah berjaya membunuh seorang Inggeris semasa perperangan di Long Melalap, Limbang pada tahun 1895. Dalam pertempuran itu Temenggong Lawai telah mendapat bantuan daripada Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin dengan membekalkan empat laras bedil dan ubatnya bagi menghadapi tentera Brooke. Temenggong Lawai hanya dapat ditewaskan

Hj Abd. Karim Hj Abd. Rahman, *Lipan Baram: Hubungan Brunei dengan ‘Orang Ulu’ di Sungai Baram, Belaga dan Bintulu pada abad ke-19*, hlm. 39-41.

¹²⁷ B. Tingang, “Story of the Long Kiput Kenyah”, hlm. 351

oleh Brooke setelah menghantar tiga orang utusannya iaitu Tuan Lao, Abang Galau dan Pengiran Panggai untuk memujuknya menyerah diri. Mengikut Lejau Malang, Penghulu Kuala Tutuh disebabkan rapatnya hubungan Brunei dengan penduduk di Baram itu timbulnya gelaran ‘Lipan Baram’ ke atas mereka yang bermaksud Tentera Baram.¹²⁸ Mungkin gelaran ini melibatkan semua penduduk di Baram termasuklah etnik Kayan yang dominan di Sungai Baram pada abad ke-19 itu.

Peristiwa Ayau Babi

Selain daripada itu penyelidikan yang dilakukan ke atas etnik Lelak suku Berawan di Luagan Bunun mendapati bahawa mereka juga mempunyai tradisi lisan tentang hubungan awal mereka dengan Brunei. Kisah tersebut berkisar tentang perpindahan penduduk yang mendiami Sungai Bunut iaitu cabang Sungai Tinjar ke kawasan pesisiran Baram dan daerah-daerah Belait dan Tutong, Brunei. Kisah tersebut dikaitkan dengan peristiwa Ayau Babi (serangan babi) yang terkenal dalam kalangan etnik Lelak suku Berawan di Sungai Bunut. Akibat daripada serangan babi itu telah memecahkan etnik ini kepada beberapa kumpulan yang mendiami hilir Baram dan daerah Belait dan Tutong.

Adalah tidak pasti sama ada peristiwa ini lanjutan daripada perpindahan etnik Baram Hilir dari tempat asal mereka di Usun Apau. Penduduk awal Baram Hilir di Sungai Bunut dikenali sebagai puak Lelak, Meting dan Bakun, tetapi sekarang hanya puak Lelak suku Berawan sahaja yang kekal, sementara puak Meting dan Bakun sudah

¹²⁸ Mengikut Lejau Malang, Penghulu Kuala Tutuh orang Baram pada zaman dahulu selalu berkunjung ke Brunei untuk berdagang. Di samping itu orang Brunei dari Kampong Burong Pinggai, Kampong Ayer ramai yang menetap di hilir Baram khususnya di Merudi. Oleh itu tradisi lisan Brunei seperti kisah Awang Semaun, Awang Alak Betatar dan Ong Sum Ping banyak yang diwarisi oleh etnik Kiput di Kuala Tutoh dan sekitarnya. Lihat, Hj Abd Karim Hj Abd Rahman, *Lipan Baram: Hubungan Brunei dengan ‘Orang Ulu’ di Sungai Baram, Belaga dan Bintulu pada abad ke-19*, hlm.83.

berpindah akibat serangan babi itu.¹²⁹ Perpecahan etnik tersebut telah melahirkan etnik-etnik baru yang menggelar nama mereka berdasarkan tempat tinggal mereka. Misalnya akibat perpecahan etnik Meting telah melahirkan etnik Belait, Dali dan Baung yang mendiami Daerah Belait dan Tutong. Dari segi bahasa mereka tetap menggunakan bahasa yang sama yang disebut bahasa Meting walaupun mereka dikenali dengan nama yang berlainan.¹³⁰

Sebenarnya cerita disebalik peristiwa ayau babi itu mempunyai hubungan dengan sejarah awal Brunei dengan penduduk peribumi di Baram. Cerita mengenai ayau babi ini diperolehi daripada Kumbang Lawai dan Teleng Ajang, di Taman Negara Luagan Bunut. Seterusnya cerita yang lebih lengkap diberikan oleh pasangan suami isteri yang tinggal di tebing Luagan Bunut, iaitu Lajau Tian dan Unyok Yalong. Peristiwa ayau babi atau serangan babi adalah berpuncak daripada perbuatan penduduk kampung di Luagan Bunut memberi kepala anak babi kepada Sultan Brunei sebagai persembahan mereka. Akibat daripada perbuatan itu mereka akhirnya disumpah oleh Sultan yang membawa kepada berlakunya serangan babi ke atas penduduk kampung di Sungai Bunut. Sebelum itu penduduk kampung di Sungai Bunut mempersembahkan ikan-ikan kering kepada Sultan Brunei tetapi apabila mereka kehabisan ikan-ikan kering untuk dijadikan persembahan mereka telah mengantikannya dengan kepala anak babi yang telah dikeringkan kepada Sultan. Perbuatan ini telah menimbulkan kemurkaan Sultan dan sebagai balasannya baginda telah 'menyeru' semua binatang di kampung tersebut untuk menyerang penduduk kampung tersebut. Peristiwa ini hingga sekarang dikenang oleh penduduk kampung yang tinggal di Luagan Bunut sebagai Ayau Babi.¹³¹

¹²⁹ Ibid., hlm. 14.

¹³⁰ Ibid., hlm. 15.

¹³¹ Dalam peristiwa tersebut hanya dua orang penduduk kampung di Sungai Bunut yang bernama Anaktaf Manyam dan Anaktaf Beleh berjaya menyelamatkan diri dengan cara memanjat pokok ambangan sewaktu serangan itu berlaku. Selain daripada itu mereka juga dibantu oleh ular-ular tedung yang membunuh babi-babi dan binatang yang menyerang kampung mereka. Mereka akhirnya berjaya melarikan diri ke Bukit Salikin yang terletak di Sungai Tinjar untuk meneruskan penghidupan baru di sana. Daripada mereka kalah dikatakan menurunkan keturunan puak Lelak sekarang. Bekas tiang-tiang rumah penduduk yang pernah tinggal

Peristiwa ayau babi juga terdapat dalam tradisi lisan puak Belait di Kuala Balai dan Mukim Labi, Daerah Belait, Brunei Darussalam. Dalam tradisi lisan mereka mengatakan bahawa daripada serangan babi itu telah menyebabkan mereka berpindah ke Sungai Belait. Peristiwa yang menimpa ke atas penduduk di Sungai Bunut itu telah diwarisi oleh puak Belait yang menetap di Brunei dan secara tidak langsung membuktikan bahawa mereka adalah berasal daripada Sungai Bunut, Baram. Perpindahan etnik Belait ke Sungai Belait sudah tentunya berlaku pada akhir abad ke-19 kerana mengikut laporan Inggeris yang berkunjung ke Sungai Baram pada tahun 1851 mendapat bahawa Sungai Belait pada waktu itu masih didiami oleh kaum Murut.¹³² Walaupun cerita ayau babi itu hanyalah sebuah legenda tentang sejarah awal hubungan Brunei dengan penduduk di Baram Hilir khususnya yang tinggal di Sungai Bunut tetapi berdasarkan kepada bukti-bukti sejarah menunjukkan adanya hubungan tersebut apabila seorang ketua kaum etnik Lelak suku Berawan yang bernama Orang Kaya Paduka Raja Supon dilantik menjadi wakil Sultan Brunei memerintah Sungai Bunut pada pertengahan abad ke-19.

Ini dibuktikan dengan alat-alat kebesaran Brunei yang masih disimpan oleh Lejau Tian yang berupa sebuah gangsa dan kain alasnya yang bersulamkan emas yang dikurniakan oleh Sultan Brunei sebagai tanda pelantikannya sebagai wakil baginda memerintah Sungai Bunut. Selain daripada itu beberapa pecahan tembikar yang dippunyai oleh Orang Kaya Paduka Raja Supon telah tertulis nama beliau dan tahun ianya ditulis pada 1837. Secara tidak langsung tahun itu menandakan beliau memegang

di kampung asal mereka di Sungai Bunut masih boleh dilihat di sepanjang tebing sungai tersebut jika air sungai surut. Lihat, Ibid., hlm. 14-15.

¹³² Mengikut laporan tersebut kaum Murut di Sungai Belait bermusuhan dengan Kayan, dan pada tahun 1851 orang Kayan telah membunuh dan menjadikan hamba sekitar 100 orang Murut sewaktu mereka melanggar Sungai Belait. Lihat, J.H. Logan (ed.), "The River Baram", hlm. 678.

jawatan tersebut dan ianya berlanjutan sehingga kedatangan James Brooke ke Sarawak pada tahun 1840-an.¹³³

Berdasarkan kepada penemuan tersebut menunjukkan bahawa perpecahan etnik Baram Hilir dari Usun Apau telah mewujudkan dua kumpulan yang bergerak dilaluan yang berbeza. Kumpulan pertama menyusuri sungai Baram sehingga mereka mendiami Long Bam dan kumpulan kedua memasuki sungai Tinjar iaitu cabang sungai Baram dan mendiami Sungai Bunut. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam tradisi lisan mereka menunjukkan bahawa di tempat tersebutlah mereka mula berhubung dengan Brunei. Disebabkan sebahagian besar daripada mereka sekarang sudah berpindah ke kawasan hilir Baram seperti ke Kuala Tutuh secara tidak langsung turut mempengaruhi tradisi lisan mengenai sejarah awal mereka di Usun Apau dan Long Bam atau Sungai Bunut.

Kesimpulan

Latar belakang sumber tradisi lisan peribumi Borneo ialah berpusat di tengah Borneo yang terletak di Kalimantan Timur dan tersebar hingga ke Sarawak, Sabah dan Brunei melalui perpindahan penduduk-penduduknya yang terdiri daripada kaum Kayan, Kenyah, Melanau, Kajang dan Kelabit yang kini mendiami Sungai Rejang, Sungai Baram, Sungai Lawas, Sungai Pandaruan dan daerah Temburong. Oleh itu ciri khusus

¹³³ Perkara yang menarik mengenai persembahan kepala babi ini ialah terdapatnya dua tafsiran yang berbeza di antara Brunei dan penduduk di hulu Baram itu sehingga membawa kepada berlakunya peristiwa ayau babi di Sungai Bunut. Dari kacamata Brunei persembahan salai kepala babi itu adalah sesuatu perbuatan yang menghina kewibawaan seorang raja Islam. Namun begitu amalan ini mempunyai hubungan dengan budaya ‘Orang Ulu’ yang memandang tinggi binatang tersebut. Berdasarkan kepada kajian ke atas masyarakat ‘Orang Ulu’ (kaum Kayan) di Baram mendapati bahawa masih terdapatnya amalan kaum tersebut menggunakan kepala babi sebagai hantaran perkahwinan mereka. Pihak keluarga perempuan biasanya meminta keluarga lelaki menyediakan kepala babi sebagai mas kahwin. Ini menunjukkan bahawa babi itu adalah binatang yang dipandang tinggi oleh kaum-kaum ‘Orang Ulu’ di Sarawak. Oleh itu tidak hairanlah jika ‘Orang Ulu’ di Baram menjadikan amalan ini sebagai barang persembahan kepada Raja Brunei, lebih-lebih lagi mereka baru berhubung dengan Brunei. Selain daripada itu masyarakat kaum Kayan juga menganggap bahawa kepala babi adalah bahagian yang paling berharga dan tidak boleh dimakan oleh orang biasa. Dalam amalan masyarakat kaum tersebut zaman dahulu apabila mereka berjaya mendapatkan babi dalam pemburuan mereka kepala babi akan diserahkan kepada ketua mereka sebagai tanda penghormatan ke atas kedudukannya itu. Sementara itu orang biasa tidak berhak memakan kepala babi dan hanya dikhususkan kepada ketua-ketua kaum itu saja. Demikianlah betapa berharganya kepala babi itu dalam kehidupan kaum ‘Orang Ulu’ pada zaman dahulu hingga sekarang. Lihat, Hj Abd. Karim Hj Abd. Rahman, *Lipan Baram: Hubungan Brunei dengan ‘Orang Ulu’ di Sungai Baram, Belaga dan Bintulu pada abad ke-19*, hlm.15.

dalam tradisi lisan penduduk peribumi itu adalah tentang sejarah penghijrahan penduduknya, iaitu dari Kalimantan Timur ke kawasan pesisir Borneo. Bagi etnik Lun Bawang dan Lundayeh di Kalimantan Timur telah menjadikan Brunei sebagai destinasi penghijrahan tersebut kerana nama Brunei sudah wujud dalam tradisi lisan mereka sebelum mereka datang ke Brunei. Sementara bagi kaum Kayan dan Melanau-Kajang hanya mengenali Brunei setelah mereka berada di lembah Balui di hulu Rejang, khususnya apabila ketua-ketua etnik peribumi tersebut dilantik oleh Brunei sebagai wakil Sultan mentadbir sungai-sungai feudalnya di kawasan tersebut.

Hubungan yang rapat antara ketua-ketua etnik peribumi ini dengan Brunei secara tidak langsung telah menjadikan Brunei sebagai fokus utama dalam sejarah awal mereka. Dalam tradisi lisan penduduk peribumi Borneo elemen penting yang menghubungkan mereka dengan Brunei ialah dari aspek sejarah asal-usul pengasas Kerajaan Brunei itu sendiri yang mempunyai hubungan dengan etnik Lun Bawang dan Lundayeh di Kalimantan Timur dan daerah Lawas, Sarawak. Begitu juga dalam tradisi lisan kaum Kajang dan Kayan di Baram dan Belaga, Sarawak yang mempunyai kandungan cerita yang sama walaupun hubungan tersebut dalam bentuk hubungan politik sebagai wilayah feudal Brunei. Dalam penyelidikan ke atas etnik Lun Bawang di daerah Lawas dan kaum Kayan dan Kajang di daerah Baram dan Rejang mendapati bahawa mereka adalah berasal daripada Kalimantan Timur, yang disifatkan sebagai asal-usul kaum peribumi Borneo. Oleh itu Kalimantan Timur telah dijadikan sebagai titik tolak kepada sejarah awal mereka sebelum berhijrah ke Sarawak dan ke Brunei. Sementara itu bagi kaum Iban dan Bedayuh di Semarahan dan Sadong, Sarawak yang berasal daripada Kalimantan Barat tidak ditemui hubungan sebagaimana yang berlaku ke atas penduduk peribumi di Kalimantan Timur itu.

Sumber tradisi lisan penduduk peribumi yang berasal dari Kalimantan Timur itu dianggap sebagai pelengkap kepada sumber Brunei (tradisi lisan etnik Brunei di Kampong Ayer) dalam cerita tentang asal-usul Awang Alak Betatar yang menjadi pengasas Kerajaan Brunei. Bagi pengkaji sejarah awal Kerajaan Brunei haruslah mengetahui sumber-sumber penduduk peribumi itu bagi memahami sumber Brunei termasuklah yang terkandung dalam naskhah-naskhah lama seperti *Syair Awang Semaun* dan *Salasilah Raja-Raja Brunei*. Tanpa pengetahuan tersebut menjadikan sumber tradisi lisan Brunei dilihat sebagai cerita mitos semata-mata. Oleh itu sumber peribumi ini begitu penting dalam kajian sejarah Kerajaan Brunei kerana kandungannya disifatkan sebagai asas kepada sumber Brunei itu sendiri.

Selain daripada itu tradisi lisan peribumi Borneo adalah juga gambaran tentang budaya hidup mereka yang suka berperang sesama sendiri (budaya ayau) disebabkan oleh tuntutan adat dan juga untuk mendapatkan sesebuah kawasan tempat tinggal dan keperluan terhadap kawasan untuk pertanian. Ini diceritakan dalam sejarah perpindahan kaum Kayan di Kalimantan Timur ke Sungai Rejang dan Sungai Baram apabila di Apun Kayan sudah tidak mencukupi untuk didiami dan bercucuk tanam. Tidak hairanlah sejarah penduduk peribumi di Kalimantan Timur itu lebih bersifat sejarah penghijrahan penduduknya. Atas keadaan inilah terbentuknya Kerajaan Brunei yang didirikan oleh Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya yang berasal dari Kalimantan Timur.


Sementara kewujudan mahluk ghaib atau orang halus (bunian) dalam tradisi lisan penduduk peribumi Borneo bukan saja dilihat dari unsur mitosnya tetapi juga sejauh mana hubungan mitos itu dengan sejarah kewujudan mahluk jin di dunia sebelum diturunkan Nabi Adam ke dunia oleh Allah seperti yang diceritakan dalam sejarah

Islam. Dalam sejarah Islam jin adalah mahluk terawal mendiami bumi sebelum Nabi Adam diturunkan dari syurga. Oleh itu mitos tentang asal-usul manusia yang diceritakan dalam tradisi lisan penduduk peribumi Borneo itu sebenarnya mempunyai asas sejarah manusia itu sendiri. Alam kayangan yang terdapat dalam mitos tersebut adalah sama dengan alam syurga tempat asal Nabi Adam sebelum diturunkan ke dunia sebagai khalifah di muka bumi ini.

Pengaruh Islam dalam tradisi lisan peribumi Borneo ini juga terdapat dalam peristiwa banjir pada zaman Nabi Nuh yang diceritakan berlatar belakangkan kehidupan awal mereka. Dalam tradisi lisan kaum Bisaya di daerah Limbang mempercayai bahawa peristiwa banjir itu berlaku disebabkan kemurkaan Allah Talak (Allah Suhannahu Wata Ala) kepada manusia yang hidup tanpa panduan dan bebas melakukan dosa. Banjir yang diturunkan oleh Allah Talak itu telah menenggelamkan bumi kecuali sebuah keluarga yang diberikan mimpi untuk membuat rakit buluh di bawah rumah mereka. Apabila banjir berlaku rakit tersebut telah menyelamatkan mereka daripada banjir yang menenggelamkan semua gunung. Apabila banjir tersebut surut seorang budak lelaki dan saudara perempuannya daripada keluarga tersebut telah naik ke syurga untuk bertemu Tuhan untuk meminta api dan saudara perempuannya telah melihat penduduk di syurga memakan nasi sedangkan mereka memakan arang.

Sebelum mereka pulang ke dunia dia diberikan empat biji benih padi untuk ditanam di dunia. Sejak daripada itu manusia dari kaum ini bertanam padi menggantikan arang yang menjadi makanan utama mereka sebelum itu. Kisah tentang banjir ini juga terdapat dalam tradisi lisan kaum Kayan di Sarawak yang dikaitkan dengan sejarah asal-usul manusia di Borneo. Mengikut mereka pada zaman dahulu sebelum adanya manusia di Pulau Borneo telah berlaku satu banjir besar sehingga

menenggelamkan seluruh pulau tersebut kecuali bukit-bukit dan hulu-hulu sungai. Di sinilah uniknya sumber tradisi lisan itu yang bukan saja menyediakan fakta-fakta sejarah mengikut pengertian ahli sejarah moden tetapi lebih bersifat kepada sejarah manusia itu sendiri yang sarat dengan nilai-nilai budaya, kepercayaan dan pemikiran masyarakat zaman lampau.



Peta 5.2: Hubungan Kalimantan Timur dengan Sungai Rejang, Baram dan Trusan-Padas. Sumber: J. Rousseau “Central Borneo: A Bibliography”, Special Monograph No. 5, *SMJ*, Vol. XXXVIII, No. 59, 1988, hlm. 4.

BAB 6: SUMBER LISAN PESISIR BORNEO MENGENAI BRUNEI

Pengenalan

Sumber pesisir dalam kajian ini ialah sumber tradisi lisan yang datang dari kawasan pesisiran Pulau Borneo iaitu sebagai sambungan kepada sumber peribumi yang datang dari kawasan pedalaman. Pada umumnya penduduk yang mendiami kawasan pesisiran dikenali sebagai orang Melayu atau Orang Laut yang datang daripada Johor dan Minangkabau, Sumatra. Di samping itu terdapat juga kaum-kaum lain seperti kaum Bugis dan Jawa di Kalimantan Indonesia, kaum Bajau dan Sulu di Sabah serta kaum-kaum peribumi iaitu Iban (Dayak Laut) dan Melanau di Sarawak. Tradisi lisan yang terdapat pada penduduk pesisir berbeza dengan tradisi lisan penduduk di kawasan pedalaman khususnya mengenai sejarah Brunei dan Borneo.

Perbezaan tersebut ialah dari segi latar belakang dan kandungan ceritanya. Ciri khusus sumber pesisir ialah berpusat kepada istana, iaitu menceritakan mengenai dengan raja dan kerajaannya, serta aktiviti-aktiviti yang melibatkan raja seperti perkembangan agama, budaya, perdagangan dan sebagainya yang bertunjang kepada institusi istana. Selain daripada itu sumber ini juga mempunyai pengaruh luar yang dominan yang berada di sekeliling Pulau Borneo seperti Kerajaan Sriwijaya, Majapahit, Demak dan Johor (Singapura). Kerajaan-kerajaan tersebut secara jelas telah mempengaruhi perkembangan sejarah di kawasan pesisir apabila kuasa-kuasa besar itu khususnya Sriwijaya dan Majapahit mengembangkan pengaruh mereka di pesisiran Borneo sejak abad ke-7 Masihi sehingga ke datangan pengaruh Islam pada abad ke-14. Oleh itu sumber pesisir berperanan sebagai penambah kepada sumber pedalaman yang bersifat bebas dari pengaruh luar khususnya pengaruh Hindu Jawa dan Islam.

Bidang Kajian

Fokus utama kajian ialah mengenai dengan sejarah kerajaan-kerajaan yang didirikan di kawasan pesisir khususnya kerajaan-kerajaan Islam yang dikenali sebagai Kesultanan di Kalimantan Borneo yang bersumberkan kepada penduduk-penduduk yang mendiami kawasan pesisir. Suatu yang menarik dalam kajian ini ialah kerajaan-kerajaan tersebut merupakan lanjutan daripada kerajaan-kerajaan peribumi yang didirikan di kawasan pedalaman. Oleh itu perbincangan mengenai sejarah awal kerajaan-kerajaan pesisir itu mempunyai hubungan langsung dengan penduduk peribumi seperti kaum Kayan dan Iban di Kalimantan Indonesia yang telah mengasaskan Kerajaan-kerajaan Sanggau, Mempawah, Sukadana, Banjar, Kutai, Berau dan Bolongan sebelum kerajaan tersebut bertukar menjadi sebuah Kesultanan. Oleh itu sumber pesisir dilihat sebagai penerus kepada sumber pedalaman apabila Raja-raja Jawa dan Melayu menggantikan kerajaan peribumi itu menjadi sebuah Kerajaan Melayu atau Kesultanan.

Di samping itu melalui kajian ini dapat membantu memahami sejarah pembentukan Kesultanan Brunei yang terputus hubungannya dengan kerajaan sebelumnya di Brunei yang banyak disebut dalam sumber-sumber Cina.¹ Dalam tradisi lisan Brunei dan etnik peribumi seperti etnik Lun Bawang dan Lundayeh tidak ditemui cerita tentang kerajaan awal Brunei iaitu kerajaan sebelum Kerajaan Brunei yang didirikan oleh Awang Alak Betatar. Berdasarkan tradisi lisan di Brunei menunjukkan bahawa Kerajaan Brunei tidak mempunyai hubungan langsung dengan kerajaan yang wujud sebelum itu di Teluk Brunei. Melalui kajian ini dapat membantu meluaskan hipotesis tentang asal-usul Awang Alak Betatar yang disebut dalam tradisi lisan Brunei berasal dari hulu Limbang atau hulu Tarakan (Kalimantan Timur). Selain daripada itu

¹ Berdasarkan sumber China seperti *Zhu Fan Zhi* dan *Da De Nan Hai Zhi* menyebut bahawa di Sungai Brunei sudah berdirinya sebuah kerajaan yang diberi nama Po Ni atau juga disebut Bo Ni yang wujud sejak abad ke-10 Masihi. Lihat, Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 2010, hlm. 95-99 dan hlm. 116.

kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana hubungan Awang Alak Betatar dengan kerajaan-kerajaan peribumi yang diwujudkannya di Kalimantan Timur seperti Kerajaan Kutai, Kerajaan Bulungan dan Kerajaan Tidung.

Kajian dalam bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu berdasarkan kepada latar belakang penduduk dan kerajaan yang wujud di kawasan tersebut. Bahagian pertama ialah di Sarawak dan Sabah (barat laut Borneo), kedua di Kalimantan Barat dan Selatan, dan ketiga di Kalimantan Timur. Berdasarkan kajian mendapati bahawa setiap bahagian atau kawasan mempunyai hubungan sejarah yang berlainan dengan Brunei. Di barat laut Borneo hubungan tersebut adalah berdasarkan kepada hubungan di antara kerajaan pusat dengan wilayah jajahannya yang juga dikenali sebagai wilayah feudal Brunei.² Sementara di Kalimantan Barat dan Selatan hubungan tersebut terbentuk melalui hubungan di antara sebuah kuasa besar (Brunei) dengan wilayah-wilayah naungannya yang terdiri daripada kerajaan-kerajaan (Kesultanan) Tanjungpura di Sukadana, kerajaan-kerajaan di Sungai Kapuas dan Kerajaan Banjarmasin.³ Di Kalimantan Timur hubungan tersebut berlaku lebih awal daripada hubungan di barat laut Borneo dan di Kalimantan Barat kerana ianya melibatkan sejarah awal Awang Alak Betatar dan kerajaannya yang disebut dalam tradisi lisan Brunei dan penduduk peribumi di Sarawak dan Kalimantan Timur sebagai tempat asal-usul Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya.⁴ Oleh itu berdasarkan perbezaan hubungan tersebut menunjukkan bahawa sumber pesisir mempunyai sumbangan yang besar kepada sejarah awal Kerajaan Brunei.

² Dalam sistem pentadbiran wilayah feudal di barat laut Borneo (Sabah dan Sarawak) dibahagikan kepada tiga kategori wilayah feudal yang disebut sebagai Sungai Feudal, iaitu Sungai Kerajaan, Sungai Kuripan dan Sungai Tulin. Penguasaan Brunei ke atas Sungai-sungai Feudalnya itu berlaku antara abad ke-14 hingga abad ke-19. Lihat, Haji Abd Karim bin Haji Abd. Rahman, *Keruntuhan Empayar Brunei KM-19: Satu Kajian Dari Sudut Ekonomi*, Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei, 2008, hlm. 55-60.

³ Dalam sistem pentadbiran wilayah jajahan Brunei di negeri-negeri di Kalimantan Barat dan negeri-negeri di Kepulauan Filipina dikehendaki menghantar ufti (pesembah) kepada Brunei, dan kekuasaan Brunei ke atas negeri-negeri tersebut adalah melalui pengakuan unduk kepada Brunei dibandingkan dengan negeri feudal yang ditadbir oleh pengiran-pengiran Brunei. Lihat, ibid., hlm. 61.

⁴ Perkara ini telah dibincangkan dalam Bab 5 iaitu mengenai hubungan Raja-raja Brunei dengan etnik Lun Bawang dan Lundayeh di Lawas, daerah-daerah di Wilayah Bulungan Kalimantan Timur. Oleh itu Kalimantan Timur dilihat sebagai tempat awal lahirnya kerajaan-kerajaan peribumi yang menurunkan Raja-raja Brunei iaitu Awang Alak Betatar.

Penduduk Pesisir Pantai Barat Laut Borneo

Berdasarkan sumber Cina *Da De Nan Hai Zhi*⁵ dan Jawa *Nagarakretagama*⁶ membuktikan bahawa pada abad ke-14 sudah wujud kerajaan-kerajaan tempatan di pantai barat laut Borneo selain daripada Brunei. Di antara yang disebut dalam sumber itu ialah Kerajaan Kalaka dan Melanau. Namun begitu hanya Kerajaan Melanau saja (selain Brunei) yang meninggalkan sejarahnya dalam bentuk tradisi lisan yang masih terdapat dalam kalangan kaum Melanau dan Kajang di Sungai Rejang. Sementara kaum Dayak (Iban) yang mendiami pesisir Sungai Sarawak, Sadong dan Kalaka bukanlah penduduk asli di tempat tersebut kerana mereka adalah berasal dari Kalimantan Barat yang berpindah sekitar abad ke-16 dan 17.⁷ Sementara orang Melayu yang berasal dari Johor (Singapura) dan Minangkabau, Sumatra mula mendiaminya Sarawak (Kuching) dan Seribas pada abad ke-15.⁸ Oleh itu, kewujudan kerajaan-kerajaan di pantai barat laut Borneo yang dilaporkan dalam sumber Cina dan Jawa itu merupakan suatu perkara yang belum jelas sejarahnya khususnya tentang penduduk dan kerajaannya.

Berdasarkan sumber Cina dan Jawa itu menunjukkan bahawa terdapatnya penduduk awal yang mendiami pesisir barat laut Borneo sebelum kedatangan orang Melayu dari Johor dan Sumatra dan etnik Iban (Dayak Laut) dari Kalimantan Barat. Dalam laporan James Brooke pada tahun 1844 telah menyebut tentang kewujudan orang Pegu di Sadong dan Samarahan sebelum kedatangan kaum Dayak (Iban) dari

⁵ Dalam *Da De Nan Hai Zhi* disebut Negeri-negeri Melanau, Igan dan Bintulu berada dalam wilayah jajahan Brunei (Pu Li) bersama dengan negeri-negeri di Kepulauan Filipina. Lihat, Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 116.

⁶ Prapanca menyatakan dalam *Nagarakretagama* kemunculan Negeri-negeri Kalaka, Melanau dan Brunei sebagai negeri jajahan Jawa bersama 22 negeri yang lain di Borneo pada pertengahan abad ke-14. Lihat, Satyawati Suleiman, *The Ancient History of Indonesia*, Jakarta: Archaeological Foundation, Indonesia, 1960, hlm. 47.

⁷ Benedict Sandin, "Sources of Iban Traditional History", *Sarawak Museum Journal (SMJ)*, Special Monograph No. 7, Vol. XLVI, No. 67, 1994, hlm. 7.

⁸ Kedatangan orang Melayu ke Borneo khususnya Sarawak dihubungkan dengan kedatangan Datu Merpati Jepang yang berasal dari Jawa dan Johor yang datang ke Sarawak pada abad ke-15. Sementara orang Melayu di Saribas berasal dari keturunan Datu Godam yang berasal dari Minangkabau, Sumatera yang beristerikan anak Pengiran Temengong Abdul Kadir yang datang dari Brunei. Lihat, Benedict Sandin, "Sources of Iban Traditional History", 1994. hlm. 155-160.

Kalimantan Barat.⁹ Kewujudan orang Pegu di Sadong dan Samarahan tidak banyak meninggalkan warisan sejarah berbentuk tradisi lisan tentang sejarah awal kedatangan mereka ke Borneo. Ini disebabkan masyarakat penuturnya (orang Pegu asli) sudah beransur hilang akibat percampuran dengan masyarakat etnik Bidayuh (Dayak Darat) yang datang kemudian dari Kalimantan Barat. Sedikit maklumat mengenai orang Pegu di Samarahan dan Sadong terdapat dalam laporan E. Banks berdasarkan kajiannya ke atas orang Dayak Bukar di Samarahan yang mengakui keturunan daripada orang Pegu.¹⁰

Sementara bukti-bukti arkeologi yang ditemui di Bukit Berhala, Sungai Samarahan yang mempunyai pengaruh Pallava menguatkan kewujudan penempatan orang Pegu di Sadong dan Samarahan.¹¹ Penemuan pengaruh Pallava di Bukit Berhala itu adalah berupa tinggalan-tinggalan kuil Siva seperti *Yoni* iaitu yang berupa batu empat segi yang berlubang di tengahnya, *Lingum* iaitu tiang batu yang dijadikan tempat penyembahan, *Ganesa* iaitu kepala gajah yang dianggap sebagai tuhan bagi agama Siva, *Nandi* iaitu batu lembu jantan yang berkedudukan membongkok sebagai penjaga tempat suci agama Siva. Objek-objek ini mempunyai hubungan dengan kepercayaan lama orang India zaman dinasti Pallava di selatan India.¹² Disebabkan pengaruh Pallava ini juga ditemui di Palembang, Sumatra pada zaman Kerajaan Sriwijaya berkemungkinan pengaruh agama ini datang ke Sarawak melalui Sumatra yang dibawa oleh orang Pegu. Mengikut E. Banks etnik Bidayuh suku Singghi, Slakau dan Lara dari dulu lagi masih mengamalkan pembakaran mayat ke atas kaum keluarga mereka iaitu sesuatu yang unik bagi kaum Dayak di Borneo.¹³ Ini menunjukkan beberapa suku dari etnik Bidayuh itu adalah saki baki keturunan orang Pegu yang telah mengamalkan perkahwinan campur dengan etnik Bidayuh.

⁹ Dalam Appendix James Brooke menyebut “Orang Laut dari Johor di Brunei, orang Jawa di Sarawak (Kuching), orang Pegu di Sadong dan Samarahan, orang Lingin di Linga dan orang Minangkabau di Seribas ...”, lihat, A.H. Hill, “Manggeng and Datu Merpati”, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, Vol. XXVIII, Pt. 1, 1955, hlm. 154.

¹⁰ E. Banks, “Ancient Time in Borneo”, *JMBRAS*, Vol. XX, Pt. II, December 1947, hlm. 32.

¹¹ Ibid.

¹² Tom Harrisson, “Gold & Indian Influences in West Borneo”, *JMBRAS*, Vol. XXII, Pt. IV, 1949, hlm. 84-88.

¹³ E. Bank, “The Natives of Sarawak”, *JMBRAS*, Vol. XVIII, Pt. 11, 1940, hlm. 51.

Penemuan arkeologi pengaruh agama Siva di Samarahan itu adalah yang paling banyak dan lengkap di bandingkan dengan di tempat-tempat lain di barat laut Borneo termasuklah di tapak arkeologi Brunei seperti di Kota Batu, Sungai Kupang dan Limau Manis. Selain daripada itu, di Sungai Sadong di kawasan Gadong telah ditemui artifak-artifak purba seperti tembikar Cina zaman Dinasti Tang dan Sung (618-1279 Masihi) dan barang-barang diperbuat daripada emas.¹⁴ Ini menunjukkan bahawa di Sungai Sadong pernah menjadi kawasan perdagangan disebabkan kekayaan sumber emasnya itu. Kewujudan orang Pegu ini sudah tentu berlaku sebelum kedatangan kaum Dayak (Iban dan Bidayuh) dari Kalimantan Barat dan orang Melayu dari Johor. Keruntuhan Kerajaan Pegu di Samarahan mempunyai hubungan dengan keruntuhan pengaruh Majapahit di Borneo pada ke-15 dan kebangkitan pengaruh Brunei di barat laut Borneo. Dalam sejarah Datu Merpati iaitu putera Raja Jawa yang datang ke Santubong sekitar abad ke-15 menyebut tentang orang Pegu di Santubong yang menculik isteri dan anak perempuannya.¹⁵ Ini menunjukkan bahawa pada waktu kedatangan Datu Merpati ke Santubong, orang Pegu masih berada di Sarawak dan cuba menunjukkan penentangannya terhadap kedatangan Datu Merpati itu.

Disebabkan Negeri Kalaka, Melanau dan Marudu disebut dalam *Nagarakretagama* sebagai negeri uftian Jawa yang merdeka dari Brunei (kerajaan Brunei lama) adalah suatu yang menarik untuk dibuat kajian tentang masyarakat yang membentuk kerajaan-kerajaan tersebut. Di pantai barat laut Borneo hanya Kerajaan Brunei dan Kerajaan Melanau yang masih mempunyai sejarahnya sama ada dalam sumber-sumber arkeologi, kontemporari dan tradisi lisan. Sementara Kerajaan Bisaya yang pernah didirikan di kuala Rejang pada abad ke-13 hanya boleh ditemui dalam *Maragtas* iaitu sebuah manuskrip kuno yang mengandungi cerita tradisi lisan orang

¹⁴ R. Nyandoh and Lucas Chin, “A Progress Report on Archaeological Work at Gadong (1967-1969)”, *SMJ*, Vol. XVII, No. 34-35, 1969, hlm. 83-87.

¹⁵ T. Harrisson, *The Malay of South-West Sarawak Before Malaysia A Socio-Ecological Survey*, Glasgow: Robert Maclehose and Co. Ltd., The University Press, 1970, hlm. 129.

Bisaya di Pulau Panay, Filipina mengenai Kerajaan Bisaya di Borneo yang dikumpul oleh Sepanyol pada abad ke-16.¹⁶ Namun kewujudan nama Kerajaan Kalaka dan Marudu dalam *Nagarakretagama* tidak meninggalkan sebarang maklumat tradisi lisan tentang kerajaan tersebut seperti yang berlaku ke atas Kerajaan Melanau dan Bisaya. Ini mempunyai hubungan dengan kehilangan masyarakat penutur yang pernah mendirikan kerajaan-kerajaan tersebut ada abad ke-14 itu.

Keadaan yang sama juga berlaku ke atas Kerajaan Bisaya yang pernah didirikan di kuala Rejang yang telah lenyap akibat berpindahnya masyarakat penuturnya ke Pulau Panay, Filipina. Kewujudan kerajaan tersebut hanya ditemui dalam tradisi lisan orang Bisaya di Pulau Panay yang berjaya dikumpul oleh penjajah Sepanyol di Manila pada abad ke-16.¹⁷ Nama Bisaya tidak disebut dalam *Da De Nan Hai Zhi* sebagai kerajaan yang berada di bawah jajahan Brunei. Namun nama Igan iaitu yang pernah menjadi pusat Kerajaan Bisaya di Borneo dan nama Pulau Panay terdapat dalam sumber Cina itu sebagai antara jajahan Brunei.¹⁸ Kemungkinan kaum ini menguasai Kerajaan Brunei (Pu-Ni) yang disebut dalam sumber Cina itu, sebelum ianya jatuh di tangan kaum Melanau seperti yang diceritakan dalam *Maragtas*.¹⁹

¹⁶ Kandungan *Maragtas* telah dibincangkan dalam Bab 2 dibawah tajuk “Maragtas”.

¹⁷ P. Sonza Demy, “The Bisaya of Borneo and the Philippines: A New Look at the Maragtas”, *SMJ*, Vol. XX, No. 40-41, 1972, hlm. 32-33.

¹⁸ Dalam *Da De Nan Hai Zhi* Negeri Igan di sebut Ya Chen dan Panay disebut Pu Daun. Lihat Wo Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 116.

¹⁹ P. Sonza Demy, “The Bisaya of Borneo and the Philippines: A New Look at the Maragtas”, hlm. 37.



Peta 6.1: Alam Melayu Abad ke-15-16. Sumber: Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Latar Belakang Sejarah Brunei*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2000, hlm. 26.

Kaum Dayak di Sarawak

Kaum Dayak Laut atau dikenali sebagai Iban merupakan penduduk terbesar mendiami pesisir Negeri Sarawak selain daripada kaum Melayu. Mereka mendiami bahagian kedua Sarawak khususnya di Batang Lupar dan Saribas.²⁰ Dalam sejarah kaum Iban di Sarawak Sera Gunting adalah pengasas kepada penghijrahan kaum Iban di Merakai, Kalimantan Barat ke Sarawak. Dalam tradisi lisan kaum Iban di Saribas terdapat kisah seorang hero mereka bernama Sera Gunting Anak Menggin yang berkahwin dengan anak Singalang Burong iaitu dewa atau tuhan bagi kepercayaan mereka. Secara fiziknya Sera Gunting dilahirkan sebahagian menyerupai manusia dan sebagiannya bersifat ghaib yang diutuskan ke dunia sebagai perantaraan antara Tuhan dan manusia (kaum Iban). Peranan ini menyerupai dengan tokoh legenda kaum Kayan di hulu Baram yang bernama Bo' Dian yang telah membawa kaumnya berhijrah dari Kalimantan Timur ke hulu Rejang, Sarawak. Sera Gunting adalah tokoh baru yang lahir dalam era kaum Iban di Merakai berpindah ke Sarawak. Dalam tradisi lisan kaum Iban menceritakan kisah Sera Gunting membawa utusan dari neneknya yang ditemuinya di kayangan untuk membina masyarakat Iban sebagai sebuah identiti yang dikenali sebagai Iban.²¹

Kaum Iban etnik Remun adalah yang pertama berpindah ke Sarawak dari hulu Sungai Kapuas, Kalimantan Barat pada pertengahan abad ke-16. Mereka mula memasuki Sungai Undup Kupang iaitu cawangan Sungai Batang Lupar dan bergerak ke kuala Batang Lupar, kuala Sadong, Lundu dan Samaranan. Etnik Iban Balau dan etnik Sebuyau di daerah Merakai, Kalimantan Barat berpindah ke Sarawak melalui Sungai Undup iaitu laluan utama yang digunakan oleh berbagai etnik Iban memasuki Sarawak. Iban Balau akhirnya menetap di sepanjang hulu sungai Batang Lupar terutamanya di

²⁰ Benedict Sandin, "Sources of Iban Traditional History", hlm. 4.

²¹ Ibid., hlm. 5-6.

Sungai Strap dan cawangannya, Sungai Banting dan Sungai Lingga. Sementara Iban Sebuyau menetap dipanjang hilir Sungai Lundu, Sadong dan Samarahan iaitu sekarang bahagian pertama Sarawak.²²

Sebelum kaum ini berhijrah ke Sarawak pada abad ke-16 mereka juga mengamalkan suatu sistem politik beraja yang dinamakan sebagai Raja Hulu Aik. Oleh itu dalam tradisi lisan kaum Dayak ini mengakui bahawa mereka berasal daripada Raja Dayak bernama Singa Bansia iaitu raja ke-6 memerintah di Hulu Aik, di Kria Dayak, Menyumbung daerah Sandal, Ketapang, Kalimantan Barat.²³ Penghijrahan kaum Dayak di Kalimantan Barat ke Sarawak telah membawa bersama tradisi lisan mengenai Raja Hulu Aik tersebut. Namun perpisahan mereka yang begitu lama dengan tempat asal mereka di Kalimantan Barat telah melahirkan berbagai versi cerita yang berlainan daripada yang terdapat di Kalimantan Barat. Mereka tidak lagi menonjolkan kisah Raja Hulu Aik tetapi sudah mengambil cerita-cerita yang terdapat di pesisiran. Misalnya orang Bidayuh (Dayak Darat) yang tinggal di Emperoh Goreng berdekatan dengan Pengkalan Ampat mendakwa mereka berketurunan daripada Raja Manggeng iaitu Raja Jawa pada abad ke-15. Bukti-bukti hubungan mereka dengan Raja Jawa itu terdapat pada alat-alat perhiasan seperti manik emas, kancing emas dan beberapa periuk belanga yang mereka dakwa dibawa oleh Raja Manggeng dari Jawa. Berdasarkan cerita tersebut Raja Jawa yang dimaksudkan berasal daripada Sarawak iaitu kaum Dayak yang tinggal di Emperoh Goreng.²⁴

Kaum Dayak di Senah yang terletak berdekatan dengan Pengkalan Ampat mendakwa keturunan ke-13 dari Raja Manggeng itu dengan mengatakan bahawa Manggeng telah pergi ke Jawa untuk melantik dirinya sebagai Raja Jawa. Setelah sekian

²² Ibid., hlm. 7.

²³ Yudo Sudarto, "Sukadana Kerajaan Terkenal di Nusantara", *Pesona Wisata Ketapang*, 2005, hlm 22.

²⁴ Tom Harrisson, "Gold & Indian Influences in West Borneo", hlm. 95.

lama meninggalkan kampungnya akhirnya anaknya di Sarawak pergi ke Jawa untuk berjumpa dengannya. Mangeng terus tinggal di Jawa dan sebagai gantinya dia menghadiahkan barang-barang seperti rantai emas yang dibentuk menyerupai ular kepada anaknya.²⁵ Sementara kaum Dayak di Kampong Terbut, Serian mengatakan bahawa Mangeng bersama tiga orang saudaranya telah pergi ke Jawa. Saudara yang tua telah mati di Jawa dan sebagai gantinya dirinya telah dibuat sebuah replika berbentuk seekor katak untuk menjaga orangnya di Serian.²⁶

Pengaruh Datu Merpati Ke Atas Kaum Dayak

Selain daripada mempunyai hubungan dengan pengaruh Jawa, kaum Dayak di Sarawak juga mempunyai hubungan yang rapat dengan orang Melayu yang mendiami kawasan pesisiran Sarawak. Secara tidak langsung telah mempengaruhi tradisi lisan mereka mengenai asal-usul mereka iaitu dengan menghubungkan salasilah mereka dengan Datu Merpati iaitu putera raja Jawa yang menetap di Sentubong pada abad ke-15. Misalnya orang Bidayuh di daerah Sadong mengatakan Datuk Pati (Datu Merpati) adalah nenek moyang mereka yang juga dipanggil sebagai Padat.²⁷ Dalam kajian J. Staal ke atas etnik Bidayuh (Dayak Darat) di hulu Sadong mendapati bahawa mereka masih mengingati salasilah hubungan tersebut. Kajian tersebut dilakukan ke atas dua puak etnik Bidayuh iaitu puak Taup yang tinggal di sepanjang Sungai Ruben dan puak Semabang yang mendiami kawasan pedalaman dan hulu sungai.

Disebabkan dua puak ini berasal daripada keluarga yang sama tidak hairanlah sejarah awal mereka juga dihubungkan dengan Padat. Misalnya Penglima Pichin dari etnik Bidayuh Taup memberi salasilah mereka 19 generasi dari Padat, sementara Nawi

²⁵ Ibid.

²⁶ Ibid.

²⁷ Ibid., hlm. 97.

dari Lobang Batoh memberi 23 generasi dan Ngunduk di Gahat memberi 37 generasi dari Padat. Mengikut mereka Padat mempunyai dua orang isteri, seorang bernama Tunduni yang menjadi keturunan puak Taup dan yang kedua bernama Ramui yang menurunkan puak Semabang. Walaupun dua etnik ini berasal daripada Padat tetapi mereka memberi nama yang berlainan tentang ayah Padat, iaitu Kunyit dan Tirisang. Sementara nama saudara-saudara Padat diberikan dengan nama yang sama, iaitu Simingang yang tinggal bersama orangnya di Sibuyau, Radi'inpua yang berpindah ke Kalaka dan Radin-Papar berpindah ke Lumar. Sibaka menuju ke Semadang akhirnya melahirkan Dayak etnik Sennah. Sijau pergi ke Samarahan menurunkan etnik Sirin dan Temaga menurunkan enik Bukar. Seorang lagi saudara Padat ialah Sanatiri yang berkahwin dengan Datu Mangeng dan ikut pulang ke Jawa. Sementara Padat tinggal di Ruben dan mati di Kujang yang terletak di hulu Ruben.²⁸

Berdasarkan cerita-cerita tersebut menunjukkan bahawa orang Dayak sudah mendiami Sungai Sadong sebelum kedatangan Datu Merpati. Adalah tidak pasti sama ada orang Dayak yang dimaksudkan itu datang dari Kalimantan Barat yang sekarang dikenali sebagai Dayak Laut atau kaum Iban atau saki baki orang Pegu yang menurunkan orang Bidayuh etnik Bukar di Sadong. Daripada perkahwinan ini telah mewujudkan legenda Datu Merpati dalam kalangan kaum Dayak di Sarawak. Misalnya dalam tradisi lisan etnik Bidayuh di daerah Grogo dekat Bau mengatakan salah seorang daripada keturunan mereka bernama Bondi telah berkahwin dengan Merpati iaitu anak perempuan Sultan Brunei.²⁹ Walaupun cerita ini tersasar daripada identiti Datu Merpati itu sendiri apabila dikatakan seorang perempuan tetapi ini menunjukkan orang Bidayuh juga menghubungkan asal-usul mereka dengan Raja-raja Brunei selain daripada Datu Merpati yang berasal dari Raja-raja Jawa. Selain daripada membawa pengaruh asal-usul

²⁸ J. Staal, "Folklore of Sadong Dayaks", *JMBRAS*, Vol. XVIII, Pt. II, 1940, hlm. 58.

²⁹ T. Harrisson, "Gold & Indian Influences in West Borneo", hlm. 97.

mereka di Kalimantan Barat mereka juga menambah dengan unsur-unsur baru yang terdapat di pesisir barat laut Borneo yang berada di bawah pengaruh Brunei dan juga orang Melayu seperti Datu Merpati. Walaupun puak ini tinggal di kawasan pedalaman dan tidak terdedah secara langsung dengan pengaruh pesisir tetapi mereka juga tidak terlepas daripada menghubungkan tradisi lisan mereka dengan Brunei yang menjadi kuasa besar pada abad ke-15 hingga abad ke-19 di pantai barat laut Borneo.³⁰ Ini berbeza dengan kaum Iban yang tinggal di kawasan pesisiran di mana sejarah awal mereka jelas berlatar belakangkan kepada pengaruh pesisiran seperti orang Melayu dan agama Islam. Orang Iban Sebuyau mengatakan bahawa Datuk Merpati yang disebut Datuk Pati adalah turun dalam generasi ke-15 dan ke-16 dalam salasilah mereka. Datuk Pati juga dikatakan telah berkahwin dengan seorang dewa keturunan orang Dayak, cucu Allah Taala.³¹

Awang Semaun Dalam Tradisi Lisan Kaum Dayak

Selain daripada itu orang Iban juga mengakui mempunyai hubungan dengan Awang Semaun. Legenda Awang Semaun juga wujud dalam tradisi lisan kaum Iban di Sarawak. Menurut sumber tersebut Awang Semaun adalah anak kepada Darom Anak Sabatin. Darom bersama ayahnya Sabatin telah di Tanjung Datu (sempadan Sarawak dan Sambas) datang dari gigi ombak. Sabatin dan Darom mati pada masa umur mereka sudah tua. Sesudah itu, Semaun bersama adiknya Serabungkok pindah ke Naga Rajang. Serabungkok berkahwin dengan Lemina beranakkan Dayang Ilam yang berkahwin dengan Raja Semalanjut. Dari anak cucu Serabungkok inilah yang menurunkan kaum Iban dan kaum Melanau di Sarawak. Menurut tradisi lisan Iban juga Semaun telah

³⁰ Pengaruh Brunei di pantai barat laut Borneo (Sarawak sekarang) sudah wujud sejak zaman Awang Alak Betatar mendirikan kerajaannya di Brunei pada pertengahan abad ke-14. Orang Bidayuh menggelar orang Islam dari Brunei sebagai Orang Melayu apabila mereka pertama kali berjumpa dengan orang Brunei di Saribas. Lihat, Benedict Sandin, "Sources of Iban Traditional History", hlm. 155-156.

³¹ Ibid., hlm. 7.

berpindah ke Brunei mencari tempat yang sesuai bagi penghidupan barunya. Oleh itu Semaun yang terdapat dalam kalangan tradisi lisan orang Iban itu mungkin ada kaitannya dengan Awang Semaun di Brunei, kerana tradisi lisan Iban itu ada menyebut bahawa Serabungkok itu ialah adik Semaun yang bererti Awang Semaun itu adalah anak tiri Derom Anak Sabatin.³² Sudah tentu kemasukan legenda Awang Semaun ini adalah berpunca daripada hubungan mereka yang rapat dengan Brunei. Awang Semaun adalah tokoh penting di pesisir barat laut Borneo sehingga dalam *Hikayat Datu Merpati* ketokohan Semaun juga digunakan sebagai seorang yang gagah berani.³³

Sementara itu Awang Semaun juga dikatakan sebagai ayah kepada Tugau yang datang dari Tanjung Datu berpindah ke kuala Rajang.³⁴ Mengikut Benedict Sandin peristiwa ini berlaku pada zaman awal penghijrahan kaum Iban dari Kalimantan Barat pada abad ke-16. Mungkin kemasukan legenda Awang Semaun dalam tradisi lisan kaum Iban diperolehi semasa mereka menetap di Rajang kerana di sana mereka bertemu dengan kaum Melanau yang sudah menerima pengaruh Brunei.³⁵ Di samping itu orang Dayak iaitu kaum Bidayuh di Saribas sudah berhubung dengan orang Melayu sejak kedatangan seorang kerabat diraja Brunei yang bernama Pengiran Temenggong Abdul Kadir pada abad ke-16. Pada zaman Manggi menjadi ketua kaum Bidayuh di Saribas Pengiran Temenggong Abdul Kadir telah berjaya mengislamkan orang Dayak Saru, Bukitan dan Belium.³⁶ Ini menunjukkan pengaruh Brunei sudah lama bertapak di Saribas sehingga berjaya mengislamkan ramai kaum Dayak di sana.

³² Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, Brunei Darussalam, Jabatan Pusat Sejarah, 1990, hlm. 15.

³³ Mohammad Tahir bin Abdul Ghani, Haji, *Hikayat Datuk Merpati*, Kuala Lumpur: DBP, 1989, hlm. 88-90.

³⁴ Benedict Sandin, “Sources of Iban Traditional History”, hlm. 151.

³⁵ Ibid.

³⁶ Benedict Sandin, “Sources of Iban Traditional History”, hlm. 155-159.

Orang Melayu di Sarawak dan Brunei

Sejarah awal kedatangan orang Melayu di barat laut Borneo mempunyai hubungan dengan kerajaan Sriwijaya yang berdiri pada abad ke-7 di Palembang, Sumatra. Dalam laporan Cina mengenai Pu-ni (Brunei) pada tahun 977 menyebut bahawa Raja Pu-ni pada waktu itu bernama (bergelar) Xiang Da³⁷ atau juga disebut Hiang tha iaitu gelaran yang hampir sama dengan Dapunta Hyang yang digunakan oleh Raja-raja Sriwijaya. Gelaran Dapunta Hyang adalah berasal dari bahasa Melayu kuno yang terdapat pada prasasti-prasasti yang ditemui di Sumatra seperti Prasasti Kedukan Bukit bertarikh tahun 682 Masihi.³⁸ Dalam laporan Cina itu hanya dua perkara yang boleh dihubungkan Brunei dengan Kerajaan Sriwijaya iaitu gelaran Hiang tha yang digunakan oleh Raja Puni dan agama Buddha yang dianuti oleh penduduk Pu-ni iaitu agama yang sama dianuti oleh Raja-raja Sriwijaya di Sumatra. Disebabkan kerajaan ini menguasai perdagangan laut dan penduduk pesisir yang didiami oleh orang Melayu maka penyebaran pengaruh kerajaan ini juga secara tidak langsung telah menyebabkan perpindahan orang Melayu ke merata tempat di Nusantara khususnya ke Borneo.

Pada awalnya orang Melayu digelar sebagai Orang Laut iaitu merujuk kepada budaya hidup mereka yang tinggal di pesisir dan menguasai kehidupan sebagai nelayan dan pedagang. Sejarah awal kedatangan kaum ini ke Borneo dihubungkan dengan kerajaan-kerajaan yang didirikan di pesisiran Borneo. Misalnya James Brooke dalam laporannya telah menempatkan Orang Laut itu di Brunei iaitu merujuk kepada adanya Kerajaan Melayu didirikan di Brunei. Di samping itu beliau juga menempatkan orang Jawa di Sarawak (Kuching) dan orang Minangkabau di Saribas.³⁹ Kedatangan orang Jawa ke Sarawak mempunyai hubungan dengan Datu Merpati, putera Raja Jawa yang

³⁷ Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 83.

³⁸ Slametmulyana, Kuntala, *Sriwijaya dan Suwarnabhumi*, Jakarta: Yayasan Idayu, 1987, hlm. 74.

³⁹ A.H. Hill, "Manggeng and Datu Merpati", *JMBRAS*, Vol. XXVIII, Oct. 1, 1955, hlm. 154.

berkahwin dengan Datu Permaisuri yang berasal dari Minangkabau. Datu Permaisuri bersama lima saudara dianggap sebagai pengasas kedatangan orang Melayu Minangkabau ke Sarawak. Ini dinyatakan dalam *Hikayat Sarawak*:

“Daripada Datu Undi asal Minangkabau menurun di dalam Sarawak. Adapun Datu Undi bakal Raja Jarum, dia mempunyai anak tujuh orang dan anak yang tua sekali Datu Permaisuri diperisteri anak raja Jawa yang bergelar Datu Merpati atau Adipati duduk di dalam yang ada tersebut kita dapati lima (5) orang duduk di Sarawak Datu Permaisuri dan anak yang kedua iaitu yang tua laki-laki Datu Kambali duduk di Saribas anaknya ketiga laki-laki Datu Terauh di Sungai Semarahan, anaknya yang keempat Datu Sabtu di Rajang, dan anaknya yang kelima Datu Makam di Hulu Sungai Sarawak iaitu Amparuh masing-masing dengan orang-orangnya yang mengikut dia. Demikianlah asal kedatangan Melayu Sarawak keturunan daripada Datu Permaisuri yang turun menurun menerusi kepada Datu Petinggi Ali sudah lima belas keturunan dan daripada Datu Petinggi Ali kepada Datu Sahbandar yang ada sekarang ini. Dan anak Raja Jarum yang dua laki-laki itu seorang ke Sambas iaitu Datu Lenggang dan Datu Penghulu pindah ke Jawa adanya.”⁴⁰

Mengenai hubungan Brunei dengan Minangkabau dan Palembang terdapat dalam laporan Crawford dalam tulisannya mengenai orang Melayu di Brunei pada tahun 1824 (hasil maklumat dari orang Brunei). Laporan itu menyebut bahawa orang Brunei sendiri mengakui berasal dari Sumatra, yang datang ke Brunei melalui Negeri-negeri Palembang, Deli, Melaka dan Kemboja. Kedatangan mereka ke Brunei dianggarkan berlaku pada pertengahan abad ke-13 Masihi iaitu berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh orang Brunei bahawa Brunei yang pada waktu itu sudah diperintah oleh 29 orang raja, dan mengikut Crawford jika seorang raja memerintah selama 20 tahun bermakna Kerajaan Melayu di Brunei sudah didirikan pada tahun 1244 (580 tahun dahulu). Mengikut beliau lagi iaitu berdasarkan maklumat yang diberikan oleh orang Brunei bahawa kedatangan generasi pertama orang Melayu ke Brunei berlaku sebelum mereka memeluk agama Islam.⁴¹ Berdasarkan pentarikhkan tersebut menunjukkan bahawa orang Brunei yang berasal daripada Sumatra sudah berada di Brunei sebelum

⁴⁰ Sophian bin Rambli dan Tuan Haji Musa bin Haji Bohari, “Sejarah Orang Melayu di Sarawak Mengenai Orang-Orang Pegu (Masyarakat Burma) di Samarahan”, *Prosiding Seminar Sejarah Borneo ke-3*, Anjuran Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, 2013, hlm. 343.

⁴¹ J. H. Moor (ed.), “Borneo Proper”, *Notice of the Indian Archipelago and Adjacent Countries*, Pt.1, Singapore, 1837, hlm. 2.

berdirinya Kesultanan Brunei yang diasaskan oleh Awang Alak Betatar pada abad ke-14. Kemungkinan mereka adalah orang Melayu yang berhijrah lebih awal daripada orang Brunei yang ada sekarang.

Maklumat mengenai sejarah kedatangan orang Melayu di Brunei terdapat juga dalam laporan Tradescant Lay pada tahun 1837. Kedatangan orang Melayu yang dimaksudkan dalam laporan tersebut mempunyai hubungan dengan penubuhan Kesultanan Brunei pada pertengahan abad ke-14. Tradescant Lay telah berjaya mendapatkan maklumat tersebut daripada orang Brunei (yang terdiri daripada kerabat diraja Brunei yang bergelar Pengeran) yang mengatakan bahawa orang Melayu di Brunei berasal daripada Johor iaitu yang berketurunan daripada Raja-raja Pagaruyong di Minangkabau. Oleh itu mereka menentukan kedatangan orang Melayu itu berdasarkan kepada sejarah awal penubuhan Kerajaan Brunei. Mereka telah memberi jumlah yang berbeza tentang jumlah raja-raja yang memerintah Brunei sehingga tahun 1837 iaitu ketika maklumat itu diberikan. Daripada 29 atau 30 orang Raja Brunei yang memerintah sehingga tahun 1837, Tradescant Lay telah menganggarkan perhijrahan itu berlaku sekitar tahun 1400.⁴² Perkiraan ini sebenarnya tidak mengambil kira keterangan dalam sumber Jawa *Nagarakretagama* pada tahun 1365 dan laporan Cina *Ming-shi* pada tahun 1370 yang mengatakan sudah berdirinya Kerajaan Brunei sebelum tahun 1400 itu. Mengambil kira laporan Jawa dan Cina itu menunjukkan bahawa orang Melayu Johor sudah berpindah ke Brunei pada pertengahan abad ke-14. Kerajaan Johor yang dimaksudkan dalam laporan tersebut ialah Kerajaan Singapura warisan Sriwijaya. Dalam *Salasilah Raja-Raja Brunei* dan *Syair Awang Semaun* menceritakan tentang

⁴² J.T. Dickenson, "Notices of the City of Borneo and its Inhabitants, Made During the Voyage of the American Brig Himmaleh in the Indian Archipelago, in 1887", *The Chinese Repository*, Vol. VII, August, 1838, No. 4, 1838, hlm. 186.

perkahwinan Awang Alak Betatar dengan Puteri Johor yang dijadikan asas kepada penghijrahan orang Melayu (Orang Laut) dari Johor (Singapura) ke Brunei.⁴³

Sementara kedatangan orang Melayu ke Sarawak terdapat dalam sebuah hikayat yang bernama *Hikayat Datuk Merpati*⁴⁴ yang mengisahkan tentang perkahwinan di antara putera Raja Jawa bernama Datu Merpati dengan Datu Permaisuri yang berasal dari Johor. Negeri Johor yang dimaksudkan itu sudah tentulah Minangkabau jika berdasarkan *Hikayat Sarawak*. Datu Permaisuri bersama lima orang saudaranya yang datang ke Seribas, Sarawak dianggap sebagai pengasas kedatangan orang Melayu ke Sarawak. Selain daripada itu kedatangan orang Melayu dari Minangkabau dihubungkan dengan kedatangan Datuk Godam iaitu yang berketurunan daripada Raja-raja Pagaruyung, Minangkabau yang datang ke Sarawak pada abad ke-16. Kedatangannya ke Sarawak adalah untuk membawa diri setelah diketepikan dari mengantikan ayahnya menjadi Bendahara di Kerajaan Pagaruyung. Di Seribas ia telah bertemu dengan seorang pembesar Brunei, Pengiran Temenggung Pengiran Abdul Kadir. Akhirnya Datuk Godam dikahwinkan dengan anak Pengiran Temenggung Pengiran Abdul Kadir yang benama Tandang Sari, yang pada ketika itu menjadi isteri ketiga Sultan Brunei, Sultan Abdul Kahar. Hasil perkahwinan tersebut mendapat dua orang anak iaitu Menteri Uban dan Menteri Puteh. Dari dua orang anaknya inilah menurunkan keturunan bangsawan di Brunei dan Sarawak. Menteri Putih yang menetap di Brunei menurunkan gelaran Awang-Awang Damit manakala Menteri Uban menurunkan gelaran Abang di Saribas, Sarawak.⁴⁵

⁴³ Haji Abd Karim Haji Abd Rahman, *Keruntuhan Empayar Brunei KM-19: Satu Kajian Dari Sudut Ekonomi*, hlm. 5.

⁴⁴ Haji Mohammad Tahir bin Abd Ghani, *Hikayat Datuk Merpati*, hlm. xii.

⁴⁵ Zusneli Zubir, "Hubungan Kerajaan Melayu Minangkabau Dengan Burnei: Satu Tinjauan Sejarah dan Budaya", *Prosiding Seminar Sejarah Borneo ke-3*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2013, hlm. 174-175.

Legenda Puteri Johor

Perpindahan orang Melayu dari Johor ini dikaitkan dengan perkahwinan di antara Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah) dengan Puteri Johor. Kewujudan masyarakat Orang Laut dari Johor ini telah ditempatkan di sebuah kampung di Kampong Ayer Brunei bernama Kampong Burung Pinggai. Sehingga kini mereka masih mewarisi cerita tentang Puteri Johor yang berkahwin dengan Awang Alak Betatar itu. Legenda Puteri Johor itu terus tersebar di luar Brunei khususnya dalam kalangan Orang Laut yang kini dikenali sebagai kaum Bajau atau Samal di Borneo utara (Sabah) dan Sulu. Penghijrahan kaum tersebut membawa bersama legenda Puteri Johor itu. Dalam laporan Rutter mengenai asal-usul kaum Bajau telah menemui sebuah kisah mengenai Puteri Johor yang telah diculik oleh seorang putera Raja Brunei dalam perjalannya ke istana Sultan Sulu.

Dalam kisah tersebut Sultan Johor mempunyai seorang puteri yang cantik bernama Dayang Ayesha telah menjadi rebutan di antara Sultan Brunei dan Sultan Sulu. Walaupun puteri tersebut lebih suka kepada Sultan Brunei tetapi ayahandanya menganggap puterinya lebih setaraf kedudukannya dengan Sultan Sulu. Satu rombongan untuk menghantar puteri tersebut ke Sulu telah dilakukan dengan diiringi oleh pegawai-pegawai dan kapal-kapal perang. Dalam perjalanan ke Sulu, putera Sultan Brunei telah memerangi rombongan tersebut dan berjaya melarikan puteri itu ke Brunei. Rombongan penghantar yang kehilangan puteri itu merasa takut untuk meneruskan perlajaran ke Sulu atau pulang ke Johor dan oleh itu mereka telah memilih untuk menetap di sepanjang pantai Borneo utara (Sabah). Salah satu tempat kediaman mereka

ialah di Tauran dan Tempasuk. Mengikut Rutter dari sinilah kaum Bajau mula mengamalkan budaya melanun.⁴⁶

Kisah tersebut begitu berbeza dengan apa yang diceritakan dalam SAS khususnya mengenai penglibatan kaum Bajau dan Sultan Sulu dalam kisah Puteri Johor itu. Dalam SAS Awang Alak Betatar telah mengarahkan Awang Semaun ke Negeri Johor untuk melarikan Puteri Johor ke Brunei. Sementara dalam tradisi lisan kaum Bajau di Sabah mengisahkan putera Sultan Brunei menculik Puteri Johor yang bernama Puteri Ayesha sewaktu perjalanan rombongan menghantar puteri tersebut ke Sulu. Namun persamaan kisah tersebut dengan SAS ialah tentang cara mendapatkan Puteri Johor itu yang dilakukan dengan cara menculik. Selain daripada itu berdasarkan kisah tersebut ditunjukkan pandangan rendah Johor terhadap Raja-raja Brunei apabila Sultan Johor memilih Sultan Sulu sebagai menantunya daripada putera Raja Brunei. Ini mempunyai persamaan dengan kisah Datu Merpati yang terpaksa menjodohkan puterinya dengan putera Raja Selangor apabila tiada seorang pun yang setaraf berkahwin dengannya di Brunei.⁴⁷

Selain daripada itu Ivor H.N. Evans telah berjaya mendapatkan sebuah cerita yang berlainan mengenai Puteri Johor dari kaum Bajau. Cerita ini diperolehi daripada Datu Tari, Datu Dallah (Dollah?) dan Datu Ali Basah di Pulau Labuan yang mengisahkan tentang sejarah awal kedatangan orang Bajau ke Sabah.⁴⁸ Dalam cerita tersebut mengisahkan seorang puteri dari Johor bernama Dayang Bulan bersama dua orang saudara lelakinya iaitu Datu Amid Bahar dan Datu Amiril Mukminin mengadakan pelayaran (bersama tujuh buah ajong) ke Kudat, Sabah setelah berlakunya rampasan kuasa di Johor oleh saudara mereka. Dalam pelayar tersebut Dayang Bulan

⁴⁶ O. Rutter, *The Pagans of North Borneo*, London: Hutchinson & Co., Ltd., 1929, hlm. 51.

⁴⁷ Haji Muhammad Tahir bin Abdul Ghani, *Hikayat Datuk Merpati*, hlm. 82-108.

⁴⁸ Ivor H.N. Evans, "Notes on the Bajau and Other Coastal Tribes of North Borneo", *JMBRAS*, Vol. 24, Pt. 1, No. 158, 1952, hlm. 51-52.

merasakan ia akan datang bulan (haid) dan oleh itu ia berhenti di sebuah pulau bernama Tindakan Dayang, akhirnya pulau tersebut dinamakan Batu Mandi. Setelah itu mereka meneruskan pelayaran tanpa arah haluan dan berhenti lagi disebuah tempat (batu) di tengah lautan untuk mandi selepas datang bulan, lalu batu itu dinamakan Mandi Darah mengambil sempena peristiwa ia mandi selepas datang bulan. Setelah itu mereka tiba di Kudat dan menetap di sana. Tidak lama kemudian datang seorang Pengiran dari Brunei yang menjadi nakhoda sebuah kapal melintasi kawasan tersebut. Apabila nakhoda itu ternampak adanya pondok tempat tinggal Dayang Bulan itu ia pun berlabuh untuk tinggal bersama dengan mereka. Akhirnya nakhoda dari Brunei itu terpikat dengan Dayang Bulan lalu melamar sebagai isterinya.⁴⁹

Setelah mereka berkahwin saudara tua Dayang Bulan, Datu Amid Bahar meneruskan perlayarannya ke Sulu dan akhirnya dilantik menjadi Sultan Sulu. Setelah beberapa lama tinggal di Kudat, nakhoda dari Brunei itu pun pulang ke Brunei membawa isterinya Dayang Bulan. Di Brunei ia diangkat menjadi Sultan Brunei dan dikatakan Sultan-sultan Brunei adalah berketurunan daripadanya. Datu Amiril Mukminin juga akhirnya berpindah ke Kuala Temburulan.⁵⁰ Dalam sejarah Sulu diceritakan mengenai seorang putera Raja Minangkabau bernama Raja Baginda berhijrah ke Sulu untuk mendirikan Kerajaan Islam di Sulu pada abad ke-14 (tahun 1390).⁵¹

⁴⁹ Ibid.

⁵⁰ Ibid.

⁵¹ Najeeb M. Saleeby, *The History of Sulu*, Manila, Filipina Book Guild Inc., 1963, hlm. 43.

Perkahwinan Nakhoda Ragam dengan Puteri Milau

Kisah perkahwinan Pengiran dari Brunei dengan puteri dari Kudat ini juga ditemui dalam kalangan masyarakat Brunei di Kampong Brunei dan Kampong Ranau, Kota Marudu, Daerah Kudat yang mempunyai visi cerita yang agak berbeza dengan sumber dari Bajau itu. Cerita tersebut mengisahkan tentang Nakhoda Ragam iaitu Sultan Bolkiah, Sultan Brunei yang kelima yang terkenal dalam sejarah Brunei sebagai seorang Sultan yang suka mengembara sambil meluaskan jajahan Brunei. Cerita ini diperolehi daripada Haji Majid bin Mohd. Noor yang mendengar daripada cerita neneknya bernama Siti Hajar yang mendapatkan cerita tersebut daripada suaminya Awang Tamin. Mereka adalah orang Brunei yang menetap di Daerah Kudat, Sabah. Kandungan cerita tersebut adalah seperti berikut:

“Sewaktu Nakhoda Ragam hendak memasuki Teluk Marudu untuk mengutip hasil dari penduduk setempat, orang-orang Belagini (Sulu) telah menunggu di suatu tempat yang sekarang dikenali sebagai Tanjung Simpang Mengayau (terletak di Daerah Kudat) untuk merompak kapal baginda yang akan melintasi kawasan tersebut. Namun Nakhoda Ragam berjaya melintasi kawasan tersebut tanpa gangguan daripada orang-orang Sulu itu. Sebagai mengingati kejadian tersebut tempat itu terus dikenang hingga sekarang dengan panggilan Tanjung Simpang Mengayau yang diberikan oleh etnik Rongus di Kudat. Sewaktu Nakhoda Ragam berlabuh di laut Milau, baginda telah meniup seruling buluh perindu sehingga mempersonakan Puteri Milau (puteri yang tinggal di Milau). Puteri itu bersama dayang-dayangnya (dikatakan sekumpulan wanita) turun ke laut menghampiri kapal Nakhoda Ragam. Salah seorang daripada mereka (puteri bungsu) menaiki kapal Nakhoda Ragam untuk berjumpa dengan baginda. Disebabkan puteri itu mempunyai rupa yang cantik Nakhoda Ragam jatuh hati dan terus membawanya belayar. Wanita itu dinamakan sebagai Puteri Milau mengambil nama tempat tersebut. Dalam perlayaran kapal Nakhoda Ragam berhenti dibeberapa buah tempat yang mana tempat-tempat tersebut terus dikenang hingga sekarang dengan nama yang diberikan oleh Nakhoda Ragam berdasarkan peristiwa yang dilakukan oleh baginda dan isterinya. Perhentian yang pertama ialah disebuah tempat yang diberi nama Mandi Darah iaitu nama yang diambil sempena peristiwa air sungai bertukar berwarna merah disebabkan oleh darah haid Puteri Milau ketika ia mandi di sungai tersebut.

Perhentian kedua ialah di Tangga Apil iaitu nama yang diambil sempena anak tangga yang dibuat oleh Nakhoda Ragam menggunakan kayu apil ketika berehat di tempat tersebut. Perhentian ketiga ialah di Pulau Pengesahan iaitu nama yang diambil dari peristiwa Nakhoda Ragam mengasah parangnya. Perhentian keempat ialah di Pulau Penanunan iaitu nama yang diambil dari pekerjaan isterinya menenun kain untuk baju Nakhoda Ragam. Setelah kapal Nakhoda Ragam tiba disebuah tempat yang mempunyai angin yang bertiup ke Brunei maka kapal mereka pun mulai balik ke Brunei lalu tempat tersebut dinamakan Mulai Angin. Dalam pelayaran tersebut isteri Nakhoda Ragam asyik menenun kain sehingga jarum yang digunakannya tercucuk jari Nakhoda Ragam sehingga membawa maut dan Nakhoda Ragam meninggal dunia di Pulau Tiga. Kematian Nakhoda Ragam disembunyikan oleh isterinya sehingga kapal mereka mendarat di Brunei (Kota Batu) barulah Puteri Milau memberi tahu kemangkatan suaminya dan pada masa yang sama dia sendiri menikam dirinya sehingga mati.”⁵²

Sementara mengikut tradisi lisan di Kampong Ranau, Kota Marudu mengatakan bahawa Nakhoda Ragam juga menamakan Pulau Banggi, Pulau Barut, Pulau Suci Piring yang terletak di utara Borneo. Mengikut beliau puteri yang dikahwini oleh Nakhoda Ragam itu ialah Puteri Kayangan di Bandau, Kota Marudu.⁵³ Berdasarkan sebahagian nama tempat yang disinggahi oleh Nakhoda Ragam itu terdapat di Pulau Banggi (terletak di utara Borneo) menunjukkan bahawa pelayaran tersebut khusus untuk ke Pulau Banggi dengan melintasi Teluk Marudu dan balik semula ke Brunei menggunakan jalan yang sama. Di Pulau Banggi terdapat nama-nama pulau kecil di sekitar pulau tersebut yang dikatakan mengambil sempena persinggahan kapal Nakhoda Ragam, iaitu Pulau Patunanan (Petenunan), Pulau Pagasaan (Pengesahan) dan Pulau Tiga. Berdasarkan kedudukan nama pulau-pulau tersebut menunjukkan kapal Nakhoda Ragam telah mengelilingi Pulau Banggi sebelum balik ke Brunei tetapi mangkat di Pulau Tiga yang terletak di hujung di antara Pulau Banggi dan Pulau Balambangan.

⁵² Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman, “Legenda Nakhoda Ragam dan Puteri Milau Dalam Tradisi Lisan Masyarakat Brunei di Kudat, Sabah”, Seminar Sejarah Borneo Ke-2, Pusat Sejarah Brunei, 2012, hlm. 231-232.

⁵³ Ibid. hlm. 232-233.

Adalah dipercayai bahawa kisah Puteri Malau itu asalnya milik kaum Bajau di Kudat yang menjadi penduduk terawal mendiami kawasan tersebut sebelum kedatangan orang Brunei sekitar abad ke-19. Ini disebabkan tradisi lisan tersebut bukan warisan yang dibawa oleh orang Brunei dari Kampong Ayer, Brunei tetapi hanya mendapatkannya setelah mereka berada di Kudat dan Kota Marudu.⁵⁴ Akibat daripada perkahwinan campur di antara dua kaum ini secara tidak langsung telah memperkayakan lagi warisan tradisi lisan orang Brunei mengenai Sultan Bolkiah yang begitu terkenal di Borneo. Ini merupakan suatu contoh bagaimana sesuatu tradisi lisan itu dikembangkan oleh satu komuniti masyarakat atau kaum berdasarkan kepada tradisi lisan penduduk setempat.

Berdasarkan kepada tradisi lisan orang Brunei itu menunjukkan bahawa Pengiran dari Brunei yang disebutkan dalam tradisi lisan kaum Bajau itu adalah Nakhoda Ragam iaitu Sultan Bolkiah. Gabungan dua tradisi lisan itu telah berjaya mengembangkan lagi kisah Nakhoda Ragam. Tradisi lisan Bajau mengisahkan tentang perjalanan Puteri Bulan dari Johor ke Kudat, Sabah sehinggalah kedatangan Nakhoda Ragam dari Brunei di Kudat. Sementara tradisi lisan Brunei menyambung kisah tersebut bermula daripada kedatangan Nakhoda Ragam di Kudat hingga perjalanan pulang ke Brunei bersama isterinya itu. Kedua-dua sumber itu tidak menceritakan perkara yang berada di luar daripada pengetahuan mereka dan di sinilah peranannya dua tradisi lisan tersebut dalam membentuk suatu cerita yang saling melengkapi. Dalam *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin (1938) menyebut bahawa:

⁵⁴ Dalam penyelidikan penulis mendapati bahawa tradisi lisan orang-orang Brunei di Kampong Ayer umumnya tidak terkeluar dari kandungan *Syair Awang Semaun* dan *Salasilah Raja-Raja Brunei*. Cerita tentang perkahwinan Nakhoda Ragam dengan Dayang Bulan sememangnya tidak pernah disebut dalam dua sumber tersebut. Dalam *Salasilah Raja-Raja Brunei* hanya disebut tentang perkahwinan Sultan Bolkiah (Nakhoda Ragam) dengan puteri Raja Sulu bernama Puteri Lela Manjani (Menchanai). Lihat, P.L.A., Sweeney (ed.), "Silsilah Raja-Raja Berunai", *JMBRAS*, Vol. XLI, Pt. 2, 1968, hlm. 54.

“Sultan Bolkiah mengambil puteri dari sebelah Makasar jadi isterinya dinamainya Puteri Lela Menchanai kerana terlalu elok parasnya yang didapatinya di kuala negeri Makasar dalam buih di rumpun Kampai”.⁵⁵

Persamaan di antara Puteri Lela Menchanai dan Puteri Milau ialah mengenai kematian Sultan Bolkiah di tangan isterinya itu apabila tercucuk jarum ketika mereka menyulam. Akhirnya mereka membunuh diri apabila datang ke Brunei. Namun dalam tradisi lisan Bajau tidak menyatakan peristiwa yang berlaku setelah Pengiran Brunei itu berkahwin dengan Dayang Bulan itu.

Dalam sejarah Kerajahan Berau, Kalimantan Timur terdapat kisah legenda mengenai seorang bangsawan dari Brunei bernama Langkuda Tarawih yang boleh dihubungkan dengan kisah Sultan Bolkiah (Nakhoda Ragam). Dalam tradisi lisan yang ditemui di Kebupaten Berau menyebut bahawa Langkuda Tarawih telah berkahwin dengan puteri Kenik Berau Senifah iaitu puteri Raja Rangga Batara yang memerintah Negeri Pantai, di Kalimantan Timur sekitar abad yang ke-14 dan 15 Masihi. Puteri tersebut termasyhur dengan kepintarannya sehingga berjaya mengalahkan kaum lelaki. Disebabkan rasa cemburu dengan kepintarannya itu ia telah dibuang daripada kerajaannya dengan cara menghanyutkannya ke laut. Pada waktu itulah Langkuda Tarawih yang sedang dalam pelayaran berjumpa dengan puteri tersebut yang hanyut terapung di tengah lautan dan akhirnya dijadikan sebagai isterinya.⁵⁶ Walaupun nama Nakhoda Ragam tidak disebut dalam cerita itu tetapi kisah tersebut mempunyai persamaan dengan kisah Nakhoda Ragam dan Puteri Lela Menchanai. Sementara dalam tradisi lisan di Sulu mengatakan bahawa Puteri Lela Menchanai adalah puteri raja di

⁵⁵ *Alamat Zaman Ketakhtaan Di Negeri Brunei*, karangan Pengiran Sabtu Kamaluddin ibni Pengiran Bendahara Muhammad pada 2 September 1938, simpanan Pusat Sejarah Brunei.

⁵⁶ Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman, “Sejarah Brunei dari Perspektif Borneo: Penyelidikan Dalam Jejak Kesultanan di Borneo”, dalam *Pemuliharaan Sejarah dan Tamadun Borneo: Ke Arah Pengukuhan Negara Bangsa*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2007, hlm. 592.

Maimpong Sulu yang bernama Pengiran Lanai. Di Sulu juga terdapat sebuah perigi yang dikatakan dipunyai oleh Pengiran Lanai itu.⁵⁷

Walaupun cerita tersebut hanyalah sebuah legenda yang wujud dalam tradisi lisan tetapi berdasarkan laporan seorang pengembara Inggeris bernama Kapten Cowley yang pernah melintasi utara Borneo pada tahun 1685 telah memberi suatu asas kepada kebenaran kisah tersebut. Dalam laporan Kapten Cowley menyebut tentang sekumpulan wanita sedang berperahu di suatu tempat di Utara Borneo (Sabah) dengan mengatakan:

“... kami menghampiri sebuah daripada perahu mereka di mana dipenuhi oleh wanita, di antara mereka ialah permaisuri bagi negeri tersebut dan pengiring-pengiringnya. Apabila mereka melihat wajah kami, mereka melompat ke dalam air, tetapi kami dapat menyuruh mereka kembali keluar dan menjadikan mereka lebih mesra. Sebelum kami berpisah kami berbaik-baik dengan mereka dan mereka akhirnya berminat dengan kami.”⁵⁸

Kewujudan sekumpulan wanita berperahu ini menyamai dengan legenda puteri Milau yang menghampiri kapal Nakhoda Ragam. Mengapa wujudnya seorang permaisuri di Utara Borneo sedangkan tidak pernah wujud sebuah kerajaan di Sabah. Adakah ianya mempunyai hubungan Puteri Cina di Kinabatangan iaitu saudara Ong Sum Ping. Puteri tersebut dikahwini oleh Sultan Ahmad (Pateh Berbai), Sultan Brunei ke-2. Dalam *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin, Sultan Bokliah (Nakhoda Ragam) juga berkahwin dengan Puteri Kinabatangan.⁵⁹

Selain daripada itu dalam tradisi lisan di Kudat itu juga mengisahkan tentang peranan Nakhoda Ragam menamai pulau-pulau di utara Sabah dan Pulau Banggi. Kisah ini juga diceritakan dalam *SRB* versi Pengiran Sabtu Kamaluddin yang mengatakan:

⁵⁷ Haji Abd. Karim Haji Abd. Rahman, “Legenda Nakhoda Ragam dan Puteri Milau Dalam Tradisi Lisan Masyarakat Brunei di Kudat, Sabah”, hlm. 235.

⁵⁸ Capt. W. Hacke, *A Collection of Original Voyage*, London: The Grows, 1876, hlm. 24.

⁵⁹ *Alamat Zaman Ketakhtaan Di Negeri Brunei*.

“... pada masa baginda belayar baginda menamai segala pulau-pulau dan tanjung dan lubuk, baginda belayar berkeliling di Pulau Brunei serta membawa segantang lada hitam, tiap-tiap berjumpa pulau diambil sebiji sampai habir segantang lada itu.”⁶⁰

Sementara dalam tradisi lisan Brunei (diceritakan oleh Awang Haji Othman bin Yaakub, Kampong Pekan Lama) mempunyai sedikit perbezaan tentang fungsi lada hitam yang dibawa oleh Sultan Bolkiah itu:

“sewaktu dalam penggambaran itu baginda membawa bersama lada hitam untuk dijadikan penyangat (lebah) kerana apabila lada hitam itu dibuang ke tanah ia akan bertukar menjadi lebah. Dengan cara ini baginda berjaya menakutkan penduduk yang dilawatinya. Pulau Segantang Lada adalah pulau terakhir yang disinggahi oleh Sultan Bolkiah kerana di pulau itulah baginda kehabisan lada.”⁶¹

Kisah Sultan Bolkiah membawa lada hitam dalam misi penaklukannya di Borneo dan pulau-pulau Filipina menyerupai dengan apa yang dilakukan oleh Pateh Gajah Mada dalam ‘sumpah palapa’ ketika menakluki negeri-negeri di kepulauan Nusantara. Dalam sumpah tersebut Pateh Gajah Mada bersumpah tidak akan menikmati kenikmatan dunia selagi tidak berjaya menakluki negeri-negeri di Nusantara.⁶² Berdasarkan kepada sumpah tersebut Majapahit berjaya menakluki sebahagian besar negeri di Nusantara termasuk Borneo. Perkara yang sama telah dilakukan oleh Sultan Bolkiah di mana baginda berjanji tidak akan berhenti menakluk negeri-negeri di Borneo dan kepulauan Filipina selagi lada hitam yang dibawanya belum habis. Dikatakan Pulau Segantang Lada adalah pulau terakhir yang ditakluki oleh Sultan Bolkiah.

Penemuan di daerah Kudat Sabah tentang Puteri Milau itu secara tidak langsung telah membantu membentuk suatu peta perjalanan (pelayaran) Sultan Bolkiah di Borneo dan Kepulauan Filipina. Melalui legenda Puteri Milau ini menunjukkan bahawa Sultan

⁶⁰ Ibid.

⁶¹ Haji Abd. Karim Haji Abd. Rahman, “Legenda Nakhoda Ragam da Puteri Milau Dalam Tradisi Lisan Masyarakat Brunei di Kudat, Sabah”, hlm. 235.

⁶² Ibid., hlm. 235-236.

Bolkiah menggunakan jalan utara Borneo untuk ke Kepulauan Sulu dan Manila (dalam *SRB* diceritakan baginda telah menakluki negeri Sulu dan Manila).⁶³ Laluan inilah yang digunakan oleh kapal-kapal dagang Portugis di Melaka pada abad ke-16 untuk ke Kepulauan Maluku yang dipandu oleh orang Brunei.⁶⁴ Oleh itu kewujudan legenda Pengiran Lanai di Sulu dan Puteri Milau di utara Borneo menggambarkan betapa kerapnya Sultan Bolkiah menggunakan laluan tersebut sehingga melahirkan legenda-legenda mengenai Sultan Bolkiah di kawasan tersebut.

Selain daripada itu legenda Nakhoda Ragam juga wujud dalam tradisi lisan kaum Bidayuh di kampong Tembawang Sauh, Sarawak. Kisah ini telah dikumpul oleh Alexander Bolang pada tahun 1951 dari ketua Kampung Tembawang Sauh bernama Noyen. Dalam cerita tersebut mengisahkan tentang seorang budak miskin bernama Ismail yang tinggal bersama ibunya di Sambas. Keluarga ini berasal dari Brunei tetapi menetap di Sambas. Pada suatu hari anak Raja Sambas yang merasa marah dengan Ismail kerana menganggunya semasa ia bermain sepak raga telah mengadu kepada ayahnya tentang perbuatan Ismail itu. Ayahnya mengarahkan anaknya itu untuk meminjamkan sejumlah wang kepada keluarga Ismail dengan harapan mereka akan berhutang kepadanya. Apabila ibu Ismail menerima wang tersebut ia segera membayar balik hutangnya itu dengan sebakul pasir emas yang diperolehnya di kuala Sambas. Melihat keadaan ini Raja Sambas merasakan malu kerana mereka lah sebenarnya yang berhutang dengan keluarga Ismail itu disebabkan tidak mampu membayar balik pemberian tersebut. Akhirnya keluarga Ismail bercadang untuk pulang ke Brunei melalui laut menggunakan kapal yang mereka bina. Sebelum pulang mereka singgah di kuala Sambas untuk mendapatkan pasir emas itu untuk dibawa pulang ke Brunei. Melihat keadaan ini Raja Sambas menggelar Ismail sebagai Nakhoda Ragam. Nakhoda

⁶³ P.L.A., Sweneey (ed), :Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 54.

⁶⁴ Manuel Teixeira, *The Portuguese Missions in Malacca and Singapore (1511-1958)*, Vol. II-Malacca, Macau: Instituto Cultural De Macau, 1986, hlm. 158.

bermaksud ketua kapal dan Ragam berasal dari nama bola raga anak Raja Sambas. Dalam perlayaran tersebut kapal mereka terkandas di laut Bau (dekat Kuching) apabila dilanda ribut taufan. Oleh itu, mereka terpaksa menggunakan jalan darat untuk pulang ke Brunei dan terpaksa mengharungi beberapa siri peperangan dengan puak-puak yang tinggal di sepanjang perjalanan itu. Akhirnya mereka berjaya datang ke Brunei dan Ismail menjadi orang yang terkenal di Brunei. Sehingga kini Ismail diingati dalam tradisi lisan kaum Bidayuh di Tembawang Sauh sebagai orang yang gagah.⁶⁵

Kerajaan-Kerajaan di Kalimantan, Indonesia

Dalam melihat pengaruh Brunei di Kalimantan Indonesia pada abad ke-15-16 haruslah juga dilihat latar belakang kerajaan-kerajaan yang wujud di kawasan tersebut yang pada umumnya dipengaruhi oleh kerajaan-kerajaan besar seperti Sriwijaya, Majapahit, kerajaan Islam Demak dan Johor. Pada abad ke-14 Kerajaan Majapahit telah mempunyai pengaruh yang lebih besar ke atas kerajaan-kerajaan tempatan di Kalimantan, Indonesia yang menjadi bahagian kepada Kerajaan Majapahit, Jawa. Pengasas kerajaan-kerajaan tersebut juga adalah datangnya dari putera-putera raja Kerajaan Majapahit walaupun pada ketika itu sudah ada kerajaan-kerajaan tempatan yang didirikan oleh ketua-ketua Dayak. Dalam *Nagarakretagama* menyatakan nama negeri-negeri di Borneo yang dikuasai oleh Jawa pada pertengahan abad ke-14 yang terdiri daripada Tanjung Pura, Kapuas, Katingan, Sampit, Kota Lingga, Kota Waringin, Sambas, Lawai, Kandangan, Singkawang, Tirem, Landa, Sedu, Barunei, Sukadana, Seludang, Solot, Pasir, Barito, Sawaku, Tabalung, Tanjung Kutei dan Malano.⁶⁶

⁶⁵ Alexander Bolang & Tom Harrisson, "Nokoda Ragam: from Sambas to Brunei", *SMJ*, Vol. VI, No. 4, December 1954, hlm. 57-60.

⁶⁶ Slametmulyana, *Nagarakretagama dan Tafsir Sejarahnya*, Jakarta: Bhratara Karya Aksara, 1979, hlm. 148.

Pengaruh Majapahit dalam sejarah awal kerajaan-kerajaan di Kalimantan telah menjadi asas kepada perkembangan sejarah kerajaan di kawasan tersebut. Ini dapat dilihat melalui salasilah raja-raja yang memerintah di kerajaan tersebut yang mempunyai hubungan langsung dengan Raja-raja Jawa dan hubungan tersebut terus bersambung dengan kerajaan Islam yang dibentuk kemudian. Salasilah yang bersambung di antara raja-raja tempatan (kaum Dayak), putera-putera Jawa dan raja-raja Islam itu telah menjadikan sejarah kerajaan-kerajaan di Kalimantan Indonesia lebih jelas dibandingkan dengan sejarah Kerajaan Brunei yang terputus di antara kerajaan Islam dan kerajaan sebelum Islam.⁶⁷ Ini disebabkan oleh perkembangan pengaruh Jawa seperti Singhasari, Sriwijaya dan Majapahit di Kalimantan Indonesia telah memperkayakan sumber rujukan mengenai kerajaan-kerajaan di kawasan tersebut apabila Raja-raja Jawa itu sendiri terlibat dalam pembentukan kerajaan-kerajaan tersebut. Ini dapat dilihat dalam sejarah Kerajaan Tanjungpura di Sukadana-Matan dan kerajaan-kerajaan di Sungai Kapuas, serta Kerajaan Daha di Banjarmasin.⁶⁸

Penguasaan Majapahit ke atas negeri-negeri di Nusantara dibahagikan kepada dua kategori iaitu pertama penguasaan sebagai negeri jajahan yang diperintah secara langsung oleh Kerajaan Majapahit dengan menghantar putera-putera Raja Jawa ke negeri-negeri berkenaan. Kedua sebagai negeri naungan iaitu yang hanya dikehendaki membayar ufti tahunan kepada Majapahit tanpa mencampuri hal ehwal politik kerajaan tersebut di mana raja-raja tempatan masih terus memerintah negeri berkenaan. Dalam prasasti Waringin Pitu (bertarikh tahun 1447) tercatat nama 14 buah daerah bawah Majapahit (negeri jajahan) yang dipimpin oleh seorang yang bergelar Bhre. Di antara negeri jajahan itu ialah Tanjungpura dan Singapura. Sementara negeri-negeri lain di

⁶⁷ Ini disebabkan Kerajaan Brunei yang didirikan oleh Awang Alak Betatar pada tahun 1363 tidak mempunyai hubungan dengan Kerajaan Brunei awal yang didirikan oleh kaum Bisaya. Namun pengaruh Jawa ke atas Brunei tidak lama bertahan apabila Brunei mengalihkan ketuanannya kepada Kerajaan China, Dinasti Ming pada tahun 1370. Lihat, Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, hlm. 33-49.

⁶⁸ Gusti Kamboja, "Sejarah Tanjungpura, Merungkai Negeri yang Hilang", dalam *Kertas Kerja Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu VII; Kepulauan Borneo dan Persekutuarannya*, 23-24 Agustus 2006, Bahagian Kesusastraan Tradisional, Jabatan Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Kuching, hlm. 1-10.

Borneo termasuk Brunei adalah sebagai negeri naungan (uftian) yang tidak diperintah oleh Jawa tetapi oleh raja tempatan yang hanya mengaku tunduk kepada Majapahit.⁶⁹

Maklumat yang terdapat pada prasasti Wingun Pitu itu adalah kandungan dalam Sumpah Palapa Pateh Gajah Mada iaitu seorang Menteri Majapahit pada tahun 1334 yang bersumpah tidak akan berehat sehingga berjaya menakluki negeri-negeri Gurun, Seram, Tanjungpura, Haru, Pahang, Dompo, Bali, Sunda, Palembang dan Tumasik (Singapura).⁷⁰ Negeri-negeri yang terkandung dalam sumpah itu adalah kerajaan-kerajaan besar yang sudah menerima pengaruh Singhasari dan Sriwijaya. Misalnya Kerajaan Tanjungpura sebelum kedatangan pengaruh Majapahit sudah berada di bawah pengaruh Sriwijaya di mana putera Raja Sang Sapurba yang bernama Sang Manaika dilantik menjadi raja dalam kerajaan tersebut.⁷¹

Oleh itu Sumpah Palapa yang dibuat oleh Pateh Gajah Mada itu ditujukan kepada kerajaan-kerajaan di Nusantara yang masih berdiri sebagai kuasa besar sebelum sumpah itu dilakukan. Di Borneo hanya Tanjungpura disebut dalam sumpah itu, sementara Brunei hanyalah diletakkan sebagai negeri uftian Majapahit, sedangkan dalam laporan *De De Nan Hai Zhi*⁷² dan *Nan-hai chih*⁷³ pada awal abad ke-14 (sekitar tahun 1304) Brunei dan Tanjungapura adalah dua kuasa besar di Borneo. Ini menunjukkan bahawa pada zaman kebangkitan Majapahit, Empayar Kerajaan Brunei lama sudah musnah dan negeri-negeri yang sebelumnya berada di dalam kuasa Brunei di barat laut Borneo sudah bebas dari penguasaan Brunei. Oleh sebab itu dalam *Nagarakretegama*, Negeri-negeri Kalaka, Melanau dan Marudu disebut sebagai di antara negeri uftian Majapahit bersama dengan Brunei. Kerajaan Brunei yang disebut

⁶⁹ Ibid., hlm. 8.

⁷⁰ Ibid.

⁷¹ Pabali H. Musa, *Sejarah Kesultanan Sambas Kalimantan Barat, Kajian Naskah Asal Raja-Raja dan Salsilah Raja Sambas*, Pontianak: Stain Pontianak Press, 2003, hlm. 15.

⁷² Wu Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, hlm. 77.

⁷³ C.C. Brown, "The Eastern Ocean in the Yung-Lo Ta-Tien", *BMJ*, Vol. 4, No. 2, 1978, hlm. 49-53.

dalam *Nagarakretegama* itu adalah Kerajaan Brunei yang baru didirikan oleh Awang Alak Betatar. Ini berdasarkan kepada keterangan dalam *SRB* yang mengatakan bahawa zaman awal Awang Alak Betatar menjadi Raja Brunei telah ditakluk oleh Betara Majapahit dan Pateh Gajah Mada dengan menghantar ufti tahunan berupa satu tempayan air pinang muda.⁷⁴

Kerajaan Tanjungpura di Sukadana

Sebelum kedatangan pengaruh Majapahit dalam Kerajaan Tanjungpura pada pertengahan abad ke-14 Kerajaan Tanjungpura sudah menerima pengaruh Kerajaan Singhasari dan Kerajaan Sriwijaya. Dalam *Chu-fan Chi* menyebut bahawa Tan-jung-wu-lo (Tanjungpura) pada sekitar tahun 1200 adalah jajahan Kerajaan Singhasari, Jawa.⁷⁵ Ini mungkin mempunyai hubungan dengan laporan dalam *Nan-hai chih* yang mengatakan bahawa Kerajaan Tanjungpura pada waktu itu (tahun 1304) mempunyai 25 buah negeri jajahan di Kalimantan dan pulau-pulau sekitarnya.⁷⁶ Adalah tidak pasti sama ada kerajaan tersebut masih berada di bawah pengaruh Singhasari atau sudah menjadi bahagian daripada Kerajaan Sriwijaya, kerana dalam *Sulalatus Salatin* menyebut bahawa Tanjungpura adalah di antara negeri yang menjadi pusat pemerintahan Kerajaan Sriwijaya di samping Minangkabau dan Singapura apabila putera Sang Sapurba yang bernama Sang Maniaka telah dilantik menjadi Raja Tanjungpura.⁷⁷ Oleh itu tidak hairanlah negeri tersebut termasuk di dalam Sumpah Palapa Pateh Gajah Mada apabila ia dilantik menjadi Menteri Kerajaan Majapahit pada tahun 1334.

⁷⁴ P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, hlm. 51-52.

⁷⁵ Gusti Kamboja, “Sejarah Tanjungpura, Merungkai Negeri yang Hilang”, hlm. 2.

⁷⁶ C.C. Brown, “The Eastern Ocean in the Yung-Lo Ta-Tien”, hlm. 50-53.

⁷⁷ A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. 22-23.

Kerajaan Tanjungpura zaman Sriwijaya terletak di hulu Sungai Pawan, Kebupaten Ketapang, Kalimantan Barat. Berdasarkan *Sulalatus Salatin* dan tradisi lisan bahawa raja terakhir Kerajaan Tanjungpura pada zaman Sriwijaya ialah Rangga Santap. Walaupun tidak disebut sejarah pemerintahan Rangga Santap tetapi suatu yang menarik mengenai raja ini ialah hubungannya dengan Raja Hulu Aik yang telah menghanyutkan puterinya ke Sungai Pawan dan dijumpai oleh Rangga Santap untuk dijadikan anak angkatnya. Puteri tersebut diberi nama Puteri Junjung Buih atau Dayang Potong.⁷⁸ Kemasukan pengaruh Majapahit ke dalam Kerajaan Tanjungpura bermula apabila putera Raja Majapahit bernama Prabu Jaya berkahwin dengan Puteri Junjung Buih.⁷⁹ Kedatangan Prabu Jaya ke hulu Sungai Pawan adalah untuk mengubati penyakit kulit yang dihadapinya dengan cara disembuhkan oleh ikan-ikan patin dan tumbuhan Batang Ulin yang hidup di sungai tersebut. Melalui perkahwinan itu Prabu Jaya diangkat menjadi Raja Kerajaan Tanjungpura menggantikan Rangga Santap dan seterusnya memindahkan kerajaannya ke Muara Sungai Pawan yang dikenali sebagai Benoa Melayu.⁸⁰

Pelantikan Prabu Jaya sebagai Raja Tanjungpura ini menandakan bermulanya penjajahan Kerajaan Majapahit ke atas Tanjungpura seperti yang disebut dalam Sumpah Palapa oleh Patih Gajah Mada. Kerajaan ini berkembang apabila tiga orang putera Prabu Jaya iaitu Raja Baparung mendirikan Kerajaan Tanjungpura di Benoa Lama (sekarang Desa Negeri Baru di Kabupaten Ketapang) dan di Sukadana, Gusti Lekar mendirikan Kerajaan Tayan dan Pengeren Mancar mendirikan Kerajaan Meliau, yang semuanya berada di Kalimantan Barat.⁸¹

⁷⁸ Yudo Sudarto, “Sukadana Kerajaan Terkenal di Nusantara”, hlm. 22, lihat juga, Sarifuddin, “Legenda Soekadana Tempo Doeloe”, (belum diterbitkan), Kalimantan Barat, 2006, hlm. 9.

⁷⁹ Pabali H. Musa, *Sejarah Kesultanan Sambas Kalimantan Barat, Kajian Naskah Asal Raja-Raja dan Salsilah Raja Sambas*, hlm. 1.

⁸⁰ Ibid., hlm. 12.

⁸¹ Yudo Sudarto, “Sukadana Kerajaan Terkenal Di Nusantara”, hlm. 22. Lihat juga Sarifuddin, “Legenda Soekadana Tempo Doeloe”, hlm. 9.

Pengaruh Kerajaan Tanjungpura di Sukadana mula berkembang pada zaman pemerintahan Penembahan Kalahirang yang memerintah pada tahun 1502 hingga 1538, di mana empayar kerajaannya telah diluaskan meliputi daerah-daerah dari Tanjung Datu (sempadan daerah Sambas dan Sarawak) di sebelah utara hingga ke Tanjung Puting di sebelah Selatan dan Sintang di sebelah timur. Sementara di sebelah barat meliputi kepulauan Karimata, hingga ke gugusan Pulau Tujuh yang meliputi kepulauan Natuna, Pulau Anambas, Pulau Saintan, Pulau Serasan dan Pulau Tambelan. Mungkin laporan Cina dalam *Nan-hai Chih* yang menyebut keluasan empayar Tanjungpura adalah merujuk kepada zaman pemerintahan Penembahan Kalahirang ini.⁸²

Dalam laporan Tome Pires abad ke-16 menyebut bahawa Kerajaan Tanjungpura telah mengadakan hubungan dagang dengan Portugis di Melaka bersama-sama dengan Brunei dan Labai (Lawai). Kemunculan nama Kerajaan Tanjungpura dalam sumber-sumber tersebut menunjukkan bahawa kerajaan tersebut masih mampu mengekalkan kuasanya di barat Borneo (Kalimantan barat) iaitu sezaman dengan kebangkitan Brunei sebagai kuasa besar di Borneo pada zaman pemerintahan Sultan Bolkiah yang memerintah pada tahun 1485 hingga 1524.⁸³ Namun pengaruh Brunei yang dikatakan pernah meluas hingga ke seluruh Pulau Borneo pada zaman pemerintahan Sultan Bolkiah (abad yang ke-15) begitu sukar untuk ditentukan bilakah tempoh tersebut berlaku memandangkan kewujudan pengaruh Jawa di kawasan tersebut berlaku pada tempoh yang sama. Oleh itu kajian ini perlu melihat tempoh di antara zaman

⁸² Walaupun Kerajaan Tanjungpura sering berpindah randah dari Benoa Lama ke Sukadana dan seterusnya ke Sandai, tetapi diakhir riwayat kerajaan ini telah berbalik semula ke tempat asalnya di Benoa Lama, Ketapang pada zaman pemerintahan Penambahan Gusti Muhammad Sabran, Raja ke-15 Tanjungpura (memerintah tahun 1845-1924). Di Desa Mulia Kerta, Ketapang itu juga telah dibina sebuah istana yang bernama Keraton Penambahan Kerajaan Matan pada tahun 1922. Keraton ini menjadi tempat bersemayam Penambahan Gusti Muhammad Saunan, raja yang ke-16 dan terakhir Kerajaan Matan (memerintah tahun 1924-1943). Di dalam keraton tersebut masih terdapat barang-barang lama peninggalan kerajaan Matan yang berusia ratusan tahun. Di antaranya ialah meriam yang bernama Padam Pelita. Meriam ini dikatakan sebagai sepasang suami isteri dan menurut legendanya meriam ini dibuat oleh orang halus. Pada zaman dahulu apabila meriam ini berbunyi seluruh pelita di daerah Ketapang akan padam. Oleh sebab itulah meriam ini dinamakan sebagai Meriam Padam Pelita. Segala perhiasan dan peralatan yang pernah digunakan oleh Penambahan Gusti Muhammad Saunan semasa menjadi raja di Kerajaan Matan masih dipelihara dengan baik di keraton tersebut. Di antaranya ialah singgahsana yang masih berkeadaan cantik, bilik peraduan yang lengkap dan tersusun seperti keadaan asalnya. Lihat, "Kerajaan Matan/Tanjungpura dan Situs Peninggalan", *Sekilas Pesona Wisata Pesisir Selatan Ketapang*, Tanjungpura: Pemerintah Kabupaten Ketapang dan Solidaritas Insan Penulis Wartawan Tanjungpura, 2002, hlm. 8-9.

⁸³ P.L.A. Sweeney , "Silsilah Raja-Raja Berunai", hlm. 54.

kemerosotan pengaruh Majapahit Jawa dengan kebangkitan kerajaan-kerajaan pengaruh Jawa di Kalimantan.

Kemungkinan kekosongan di antara tempoh tersebut memberi kesempatan kepada Brunei untuk mengembangkan pengaruhnya. Oleh itu kajian ini perlulah bertolak dalam tempoh di antara tahun 1465 dan 1521. Pada tahun 1512 hanya Tanjungpura dan Labai yang mampu mengadakan hubungan dagang dengan Melaka, yang bererti bahawa hanya dua kerajaan tersebut yang berdiri sebagai kerajaan yang berpengaruh di Kalimantan. Pada tahun 1521, Brunei telah menakluki semula Kerajaan Labai disebabkan oleh kerajaan tersebut mengalihkan ketuanannya kepada Jawa, iaitu Kerajaan Tanjungpura yang diperintah oleh raja-raja keturunan Jawa.⁸⁴ Haruslah dibuat kajian tentang sejarah Kerajaan Tanjungpura dan Labai itu kerana hanya dua kerajaan tersebut yang mampu bersaing dengan Brunei pada awal abad ke-16 itu.

Perkahwinan Sultan Tengah dengan Puteri Surya Kesuma

Hubungan Kesultanan Brunei dengan Kerajaan Tanjungpura di Sukadana bermula apabila seorang kerabat diraja Brunei bernama Sultan Tengah ibni Sultan Muhammad Hasan berkahwin dengan Puteri Surya Kesuma iaitu puteri kepada Penambahan Giri Kusuma (Sultan Muhammad Tajuddin), Sultan Sukadana yang kelima memerintah pada tahun 1550 hingga 1604. Hubungan ini berlaku secara kebetulan apabila kapal Raja Tengah terdampar ke Sukadana oleh ribut dalam perjalanan pulang dari Johor ke Sarawak. Baginda menetap di Sukadana untuk beberapa tahun sehingga memperolehi

⁸⁴ Dalam laporan Pigafetta pada tahun 1521 tentang serangan Brunei ke atas negeri Labai itu mengatakan, “*the son of the king of the island of Luzzon, who was captain-general of the king of Burne (Brunei)... he had destroyed and sacked that town called Laoe (Labai) for refusing to abbey that king but [instead] the king of Java Major*”. Lihat, A. Pigafetta, *Magellan’s Voyage*, New Haven: Yale University Press, 1969, hlm. 102.

tiga orang putera dan dua orang puteri.⁸⁵ Oleh itu negeri Sukadana merupakan tapak awal perkembangan pengaruh Sultan Tengah di Kalimantan Barat sebelum baginda berhijrah ke Sambas untuk mendirikan kerajaan Islam yang diasaskan oleh putera baginda Radin Sulaiman. Walaupun hubungan di antara Brunei dan Sukadana sudah terputus sejak perpindahan Sultan Tengah ke Sambas dan mangkat di Sarawak tetapi makam isteri baginda Puteri Surya Kesuma yang berada di Sukadana telah menjadi tali penghubung antara dua buah kerajaan untuk selama-lamanya.

Puteri Surya Kesuma dimakamkan di Bukit Lalang iaitu sebuah bukit tinggi yang menghadap ke arah laut. Ahli sejarah dan penduduk di Sukadana percaya bahawa nisan tersebut adalah kepunyaan Puteri Surya Kesuma. Adalah dipercayai di atas bukit itu juga pernah dijadikan istana kerana telah dijumpai bekas-bekas taman permainan di samping pecahan-pecahan tembikar di merata tempat di bukit tersebut. Ini menunjukkan bahawa di sekitar bukit berkenaan pernah dijadikan tempat tinggal ataupun kawasan istana Kerajaan Tanjungpura.⁸⁶

Kerajaan Tanjungpura di Ketapang (Matan)

Kabupaten Ketapang mempunyai sejarah yang sama dengan Sukadana kerana Kerajaan Tanjungpura pada awalnya didirikan di Matan (Benoa Lama) sebelum berpindah ke Sukadana. Oleh itu kedua kerajaan ini adalah berasal dari satu keturunan yang disebut Kerajaan Tanjungpura yang sering berpindah pusat kerajaannya.⁸⁷ Dalam sejarah Brunei (*Salasilah Raja-Raja Brunei*) menyatakan bahawa Sultan Tengah juga berkahwin dengan puteri Sultan Matan. Di sini mungkin timbul kekeliruan di antara Kerajaan

⁸⁵ Pabali H. Musa, *Sejarah Kesultanan Sambas Kalimantan Barat, Kajian Naskah Asal Raja-Raja dan Salsilah Raja Sambas*, hlm. 53-54.

⁸⁶ Maklumat diperolehi semasa mengadakan penyelidikan Jejak Kesultanan ke atas nisan Puteri Surya Kesuma di Buikit Lalang, Sukadana pada 8 Jun 2006. Rakaman Kaset: PS/PY/SL/0981/06, simpanan Pusat Sejarah, Brunei Darussalam.

⁸⁷ Sejarah awal lahirnya nama Tanjungpura adalah diambil daripada nama bunga tanjung, kerana Raja kedua Tanjungpura iaitu Karang Tanjung dikatakan mempunyai kesaktian sehingga dapat tidur di atas kembangan bunga tanjung. Sejak itu kerajaan tersebut dinamakan sebagai Tanjungpura. Lihat, Sarifuddin, "Legenda Soekadana Tempo Doeloe", hlm. 9.

Tanjungpura di Sukadana dan di Matan, kerana kerajaan itu sering berpindah pusat pemerintahannya sedangkan ianya adalah merujuk kepada kerajaan yang sama.

Walaupun Kerajaan Tanjungpura sering berpindah rendah dari Benoa Lama ke Sukadana dan seterusnya ke Sandai, tetapi di akhir riwayat kerajaan ini telah berbalik semula ketempat asalnya di Benoa Lama, Ketapang pada zaman pemerintahan Penambahan Gusti Muhammad Sabran, Raja ke-15 Tanjungpura (memerintah tahun 1845-1924). Di Desa Mulia Kerta, Ketapang itu juga telah dibina sebuah istana yang bernama Keraton Penambahan Kerajaan Matan pada tahun 1922. Keraton ini menjadi tempat bersemayam Penambahan Gusti Muhammad Saunan, raja yang ke-16 dan terakhir Kerajaan Matan (memerintah tahun 1924-1943). Di dalam keraton tersebut masih terdapat barang-barang lama peninggalan Kerajaan Matan yang berusia ratusan tahun. Di antaranya ialah meriam yang bernama Padam Pelita. Meriam ini dikatakan sebagai sepasang suami isteri dan menurut legendanya meriam ini dibuat oleh orang halus. Pada zaman dahulu apabila meriam ini berbunyi seluruh pelita di daerah Ketapang akan padam. Oleh sebab itulah meriam ini dinamakan sebagai meriam Padam Pelita. Segala perhiasan dan peralatan yang pernah digunakan oleh Penambahan Gusti Muhammad Saunan semasa menjadi raja di Kerajaan Matan masih dipelihara dengan baik di keraton tersebut. Di antaranya ialah singgahsana yang masih berkeadaan cantik, bilik peraduan yang lengkap dan tersusun seperti keadaan asalnya.⁸⁸

Perkampungan Orang Brunei

Selain daripada itu di Ketapang juga terdapat sebuah perkampungan bernama Kampong Kaum yang didiami oleh masyarakat keturunan Brunei. Berdasarkan sebuah kitab (belum diterbitkan) salinan Datu Kaya Muda Amar Diraja Haji Abd. Hamid pada tahun

⁸⁸ "Kerajaan Matan/Tanjungpura dan Situs Peninggalan", hlm. 8-9.

1931 menyebut bahawa beliau adalah keturunan kelima daripada Orang Kaya Digadung Mohd. Said yang mula berhijrah ke Ketapang. Salasilah beliau ialah Datu Kaya Muda Amar Diraja Haji Abd. Hamid bin Datu Kaya Laksmana Setia Raja Haji Mohd. Ali bin Orang Kaya Laksamana Mohd Daud bin Mas Temenggung Hamzah bin Orang Kaya Digadung Mohd. Said. Berdasarkan salasilah tersebut menunjukkan bahawa generasi pertama yang datang ke Ketapang bersama Orang Kaya Digadung Mohd. Said adalah sezaman dengan generasi kedua Sultan Tengah (putera Sultan Tengah). Dalam SRS mengatakan bahawa:

“... dengan kemangkatan itu (Sultan Tengah) isteri Sultan Tengah bersama empat orang anaknya pulang ke Sukadana (dari Sarawak). Raden Badaruddin digelar oleh Sultan Sukadana menjadi Pengiran Mangkunegara dan akhirnya menjadi penembahan Sukadana. Pada waktu itulah Raden Badaruddin ke Brunei mengadap Sultan Muhyiddin.⁸⁹

Kemungkinan setelah Raden Badaruddin mengadap Sultan Muhyiddin di Brunei ia membawa bersama Orang Kaya Digadung Mohd. Said ke Sukadana. Dalam kitab tersebut juga menceritakan tentang Datu Kaya Laksamana Setia Raja Haji Mohd. Ali yang mendapat kepercayaan daripada Panembahan Ketapang, Gusti Haji Mohd. Sabran menjadi Penggawa (Penghulu di Pelabuhan) di atas jasanya menenteramkan Tanjung Bolandang, Ketapang dari gangguan lanun-lanun (bajak laut).

Pada tahun 1876 beliau dikurniakan gelaran Datu Kaya Laksamana Setia Raja dan di atas gelaran itu beliau diberi Desa Daya Tulak, Ketapang sebagai kawasan nafkahnya dan juga diberi satu persepuuh dari hasil Kerajaan Ketapang. Setelah beliau meninggal dunia anaknya Datu Kaya Muda Amar Diraja Haji Abdul Hamid dilantik mengantikan jawatan Pengawa dan diberi desa yang sama sebagai kawasan nafkahnya. Di antara warisan sejarah di Kampong Kaum yang masih ada hingga sekarang ialah

⁸⁹ Pabali H. Musa, *Sejarah Kesultanan Sambas Kalimantan Barat: Kajian Naskah Asal Raja-Raja dan Salsilah Raja Sambas*, hlm. 75-103.

sebuah rumah kediaman Datu Kaya Muda Amar Diraja Haji Abdul Hamid yang begitu indah sekali seni binanya. Di samping itu sebuah kitab karangan beliau yang mengandungi susur galur keturunan beliau masih disimpan oleh kaum keluarganya.⁹⁰

Labai

Dalam sejarah kerajaan-kerajaan di Kalimantan Barat kewujudan Kerajaan Labai telah lenyap dalam tradisi lisan masyarakat di Kalimantan. Kerajaan ini tidak banyak meninggalkan cerita-cerita lisan mengenai kewujudannya seperti mana dengan kerajaan-kerajaan lain di Sungai Kapuas. Adalah menghairankan bagaimana sebuah kerajaan besar seperti Labai ini terus hilang dari ingatan (tradisi lisan) penduduk di Kalimantan Barat sedangkan berdasarkan kepada sumber-sumber sejarah yang berupa laporan-laporan Cina, sumber Jawa dan Barat kerajaan tersebut dikatakan sebagai sebuah kerajaan yang wujud sejak abad ke-14 hingga abad ke-16. Dalam sumber Cina *Nan-hai chih* yang menyenaraikan nama-nama negeri yang berada di bawah jajahan Kerajaan Tanjungpura yang pada awal abad ke-14 (1304) telah menyebut nama Kerajaan Lawai menjadi salah sebuah negeri jajahan tersebut.⁹¹ Begitu juga dalam *Nagarakretagama* menyebut bahawa Negeri Lawai adalah termasuk dalam naungan Majapahit. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Labai atau Lawai sudah berdiri sejak awal abad yang ke-14.

⁹⁰ Maklumat yang diberikan oleh penduduk Kampong Kaum Ketapang dalam penyelidikan Jejak Kesultanan di Kelurahan Kauman, Ketapang pada 8 Jun 2006, Rakaman Kaset: PS/PY/SL/0986/06, simpanan Pusat Sejarah, Brunei Darussalam. Di samping itu maklumat tersebut tercatat dalam *Kitab Pemahaman Ajaran Islam yang Hakiki untuk Kemaslehatan Umat Islam Baik di Dunia maupun di Khairat*, karangan Datu Kaya Muda Amar Diraja Haji Abdul Hamid tahun 1931 (salinan dari kitab asal dari Datu Kaya Laksamana Setia Raja Haji Ali dan tambahan pengarang), simpanan Pusat Sejarah Brunei.

⁹¹ C.C. Brown, "The Eastern Ocean in the Yung-Lo Ta'tien" hlm. 51.

Sementara dalam laporan Tome Pires pada tahun 1512 melaporkan bahawa Negeri Laue (Labai atau Lawai) pernah mengadakan hubungan dagang dengan Portugis di Melaka bersama-sama dengan Brunei dan Tanjungpura.⁹² Pedro Teixeira dalam laporan pada tahun 1610 mengenai Borneo menyebut bahawa Lave (Labai atau Lawai) adalah negeri yang kaya dengan hasil buminya.⁹³ Ini bererti bahawa Kerajaan Labai masih berdiri pada awal abad ke-17 walaupun dalam sumber tempatan kerajaan ini sudah lenyap dengan kebangkitan kerajaan-kerajaan baru di Sungai Kapuas seperti kerajaan Landak, Sanggau, Tayan, Sakadau dan Meliau.

Kemungkinan juga laporan Pedro Teixeira yang menyebut kerajaan tersebut adalah merujuk kepada sebuah kerajaan di Sungai Kapuas pada abad ke-17 iaitu lanjutan kepada Kerajaan Labai yang sudah runtuh pada waktu itu. Maklumat yang masih tersimpan dalam tradisi lisan penduduk di Kalimantan Barat begitu terhad sekali tidak setanding dengan kegemilangan kerajaannya pada masa lampau. Di antara maklumat tersebut ialah tentang sejarah awal kerajaan tersebut yang dikatakan sebagai sebuah kerajaan dari Kerajaan Matan lama di Ketapang dan selain dikatakan juga daripada Kerajaan Simpang lama. Mengikut sumber lisan tersebut pada awalnya Kerajaan Labai bertempat di Labai tetapi setelah berlakunya huru-hara ianya berpindah ke daerah Lawai sekitar empat kilometer dari Labai. Pada waktu kerajaan tersebut berpindah ke Lawai berlaku serangan dari Raja Cacing (cacing-cacing tanah) sehingga kerajaan tersebut terpaksa berpindah ke hulu Kapuas, iaitu ke daerah Sanggau dan Sukadau.⁹⁴ Oleh itu Kerajaan Labai yang terdapat dalam laporan Pedro Teixeira itu sudah tentu merujuk kepada Kerajaan Sanggau atau Sukadau yang sudah berdiri pada abad ke-16.

⁹² A. Cortesao (ed.), *The Suma Oriental of Tome Pires and the Book of Francisco Rodrigues*, Vol. 1/11, Nendeh Leichtenstein: Kraus Reprint Ltd., 1956, hlm. 268.

⁹³ F.L. Donald and Edwin J.Van Kley, *Asia in the Making of Europe*, Vol. III, Chicago: University of Chicago Press, 1981, hlm. 1385-1386.

⁹⁴ Abang Adi Subrata, "Catatan Sejarah Labai Lawai", dalam *Laporan Penyelidikan Sejarah Kerajaan Labai*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2007, hlm. 2.

Serangan Brunei ke atas Labai

Sementara dalam sumber lisan yang lain mengisahkan tentang putera kedua Prabu Jaya (raja pertama Kerajaan Tanjungpura di Matan) bernama Gusti Lekar melakukan serangan ke atas Kerajaan Labai pada awal abad yang ke-15 apabila raja kerajaan tersebut sering menganggu penghantaran ufti Kerajaan Tayan kepada Kerajaan Tanjungpura di Matan (Benoa Lama). Dalam serangan tersebut Gusti Lekar mendapat bantuan dari Kia Jaga seorang suku Dayak dari daerah Tebang. Setelah keadaan kembali aman barulah Gusti Lekar mendirikan Kerajaan Tayan dan berkahwin dengan anak Kia Jaga bernama Enci' Periuk.⁹⁵ Berdasarkan maklumat tersebut menunjukkan bahawa Kerajaan Tanjungpura di Matan dan di Sukadana pernah melakukan serangan ke atas Negeri Labai sebelum serangan daripada Brunei pada tahun 1521.

Persoalannya mengapa negeri tersebut masih kuat sehingga abad ke-16 sehingga Brunei terpaksa menghantar armada lautnya untuk menundukkan negeri itu yang mengalihkan pertuanannya kepada Jawa (Tanjungpura). Mungkin serangan Gusti Lekar pada abad yang ke-15 itu adalah menggambarkan tentang penyebaran pengaruh Tanjungpura Matan ke atas negeri-negeri ke Kalimantan Barat khususnya yang berada di Sungai Kapuas yang masih berada di bawah pengaruh Brunei. Sementara serangan Brunei ke atas negeri tersebut pada tahun 1521 menandakan bahawa negeri itu sudah berjaya ditakluki oleh Kerajaan Tanjungpura.

Perluasan pengaruh Brunei di Kalimantan Borneo adalah berpandukan kepada laporan Antonio Pigafetta pada tahun 1521 yang menyebut tentang serangan armada laut Brunei ke atas negeri Laoe (Labai atau Lawai) apabila kerajaan tersebut

⁹⁵ Sejarah & Silsilah Kerajaan Tayan, (manuskrip tidak diterbitkan), hlm. 1.

mengalihkan pertuanannya kepada Jawa.⁹⁶ Berdasarkan laporan itu menunjukkan bahawa pada awal abad ke-16 itu Kerajaan Labai yang terletak di kuala Sungai Kapuas, Kalimantan Barat pernah berada di bawah naungan Brunei sebelum beralih kepada Jawa. Ini bermakna bahawa sebelum berkembangnya pengaruh Kerajaan Tanjungpura di Kalimantan Barat, Brunei telah menguasai negeri-negeri di Sungai Kapuas. Laporan Pigafetta itu menyokong sumber lisan Brunei tentang peluasan Empayar Brunei di Borneo pada zaman Sultan Bolkiah, Sultan Brunei ke-5 sekitar abad ke-15-16.

Sanggau

Dalam sejarah Sanggau, Dara Nante telah diangkat menjadi Raja Sanggau yang pertama yang menandakan bermulanya pengaruh Jawa Tanjungpura di Sanggau.⁹⁷ Berdasarkan tradisi lisan di Sanggau, kerajaan ini adalah lanjutan daripada Kerajaan Labai yang didirikan di Kuala Kapuas sejak awal abad ke-14. Di daerah Labai dan Lawai telah ditemui tinggalan-tinggalan sejarah yang disebut oleh masyarakat setempat sebagai batu keramat iaitu sebuah batu keramat Dara Nante dan batu Badai Cingak. Sementara di Bukit Mungguk Tunggai di kuala Lawai terdapat sebuah makam yang dipercayai kepunyaan Puteri Dara Nante yang terkenal sebagai pendiri Kota Sanggau.⁹⁸ Berdasarkan kepada wujudnya hubungan sejarah antara batu-batu keramat dan makam yang ditemui di Labai dan Lawai itu dengan Puteri Dara Nante yang menjadi pendiri Kerajaan Sanggau membuktikan bahawa wujudnya hubungan Kerajaan Labai dengan Sanggau. Kemungkinan Kerajaan Sanggau yang didirikan oleh Puteri Dara Nante itu

⁹⁶ A. Pigafetta, *First Voyage Around the World*, Manila: Filipiniana Book Guild, 1969, hlm. 11.

⁹⁷ Disebabkan kerajaan itu diasaskan oleh seorang perempuan maka penganti-pengantinya yang menjadi Raja Kerajaan Sanggau terdiri daripada keturunan Dara Nante sebelah perempuan iaitu puterinya Dayang Mas dan cucunya Dayang Puasa (Nyai Sura). Walau bagaimanapun keturunan keempat Dara Nante iaitu putera Dayang Puasa bernama Abang Nurul Kamal adalah penerus kerajaan Sanggau melalui keturunan lelaki yang bergelar Abang. Pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Djamaruddin (Abang Uju), Raja Sanggau yang ke-6 Kerajaan Sanggau dibahagikan kepada dua bahagian iaitu putera sulung baginda yang bernama Abang Saka (Sultan Muhammad Kamaruddin) diberi kuasa memerintah di kawasan darat, sementara putera keduanya Penembahan Ratu Suria Negara berkuasa di sebelah laut. Sejak itu pemerintahan di Sanggau diperintah secara bergilir oleh kedua keturunan raja-raja tersebut dengan menggunakan gelaran Gusti bagi raja di sebelah darat dan Ade bagi di sebelah laut. Lihat, Yus Suhardi, M. Husni, M. Afiat Mekah, M. Natsir (eds.), *Sanggau Dari Masa ke Masa*, Sanggau: Dinas Pariwasata, 2004, hlm. 5-8

⁹⁸ Abang Adi Subrata, "Catatan Sejarah Labai Lawai", hlm. 2.

adalah lanjutan daripada Kerajaan Labai yang lenyap pada abad ke-17. Serangan Brunei ke atas Labai pada tahun 1521 menandakan kejatuhan kerajaan tersebut dan lanjutannya ialah Kerajaan Sanggau yang didirikan oleh Puteri Dara Nante yang menjadi raja di Labai pada waktu serangan Brunei itu.

Surat Wasiat Tanah Watas dari Brunei

Kabupaten Sanggau terletak di Kalimantan Barat iaitu bersempadan dengan Daerah Serian, Sarawak di sebelah utara. Kerajaan Sanggau diasaskan pada abad yang ke-15 oleh seorang puteri Raja Jawa di Sukadana bernama Dara Nante yang berkahwin dengan lelaki dari suku Dayak di ulu Sekayam bernama Babai Cinga. Hubungan Brunei dengan Kerajaan Sanggau bermula apabila wujudnya perkahwinan di antara Sultan Muhd Jamaluddin, Sultan Sanggau yang ke-7 dengan kerabat diraja Brunei di Sambas iaitu cicit Sultan Tengah bernama Radin Rasmi ibni Sultan Muhd Tajuddin (Sultan Sambas ke-2) ibni Sultan Safuddin I (Radin Sulaiman, Sultan Sambas pertama) ibni Sultan Tengah (Sultan Brunei ke-8).⁹⁹

Melalui hubungan ini pengaruh Kerajaan Brunei mula berkembang dalam politik Kerajaan Sanggau. Hubungan ini terbukti dalam sebuah dokumen lama yang disimpan di Keraton Surya Negara Sanggau yang berupa sebuah surat wasiat tanda watas (sempadan) antara wilayah Brunei dan Sanggau yang diberikan oleh Raja Brunei bernama Tuanku Syarif Syahbudin kepada Pengiran Seri Maharaja yang dibuat pada 8 haribulan Jamadil Awal 1256 H bersamaan pada tahun 1840 M. Antara kandungan surat tersebut menyatakan:

⁹⁹ Haji Abd. Karim Haji Abd. Rahman, "Sejarah Brunei Dari Perspektif Borneo: Penyelidikan dalam Jejak Kesultanan di Borneo", hlm. 578.

“... itulah Raja Brunei Tuanku Syarif Syahbudin mengaku anak dunia akhirat kepada Pengiran Sri Maharaja, surat menyatakan dari ulu Sekayam yang dulu betul Sanggau yang punya watas yang ini hari tidak boleh kuasa lagi kerana kita dapat ubat pilor di hilirnya singgan Kembayan ulunya singgan Sekajang adanya, ini sekarang kita berikan kepada anak cucu kita Pengiran Seri Maharaja kepada anak cucunya turun temurun itulah adanya.”¹⁰⁰

Mengikut sejarah Sanggau bahawa Pengiran Seri Maharaja adalah gelaran yang dikurniakan oleh Sultan Brunei kepada Gusti Muhammad Tahir II iaitu sebelum baginda ditabalkan menjadi Penembahan Kerajaan Sanggau. Sultan Brunei juga mengurniakan alat-alat perhiasan diraja iaitu Bendera Perhiasan dan Bedil Naga kepada Gusti Muhammad Tahir II yang masih disimpan di Keraton Surya Negara Sanggau.¹⁰¹ Adalah tidak jelas sama ada surat wasiat tersebut dibuat bersama-sama dengan pengurniaan gelaran dan alat-alat perhiasan diraja itu, kerana surat wasiat itu bukan dilakukan oleh Sultan Brunei. Nama Tuanku Syarif Syahbudin tidak pernah disebut dalam sejarah Brunei, tetapi dalam sejarah Kerajaan Sintang nama Syarif Syahbudin memang terkenal sebagai seorang pendakwah Islam di kerajaan tersebut pada tahun 1870-an.

Disebut dalam sejarah Sintang Tuanku Syarif Syahbudin adalah seorang pendakwah yang telah berjaya mengembalikan syiar Islam di Sintang setelah mengalami zaman kemalapannya akibat dasar pentadbiran Belanda yang sengaja memesongkan rakyat negeri tersebut daripada ajaran Islam yang sebenar. Dalam sumber tersebut juga mengatakan bahawa Syarif Syahbudin juga dikenali sebagai Syarif Sahab iaitu seorang pembesar Brunei yang memerintah daerah Sadong, Sarawak.¹⁰² Nama Syarif Sahab memang terkenal dalam sejarah Brunei dan banyak dicatatkan oleh sumber Inggeris dan Belanda sebagai ketua lanun pada zaman James Brooke menduduki daerah Sarawak pada tahun 1840-an. Dalam laporan Gregorij F.A.A., seorang Leftenan Laut

¹⁰⁰ Dokumen ini disimpan oleh kaum keluarga diraja Sanggau. Lihat, ibid.

¹⁰¹ Ibid.

¹⁰² Hermansyah, “Pemurnian Islam di Pedalaman Kalimantan (Biografi H. Ahmad H. Abu Bakar)”, *Khatulistiwa Journal of Islamic Studies*, Jun 2005, hlm. 9-10.

Belanda mengatakan bahawa Syarif Sahab (dan juga Syarif Mulah) adalah ketua bagi kaum Dayak di Sungai Skrang dan Sungai Saribas yang aktif melakukan aktiviti perlanunan di perairan Sarawak.¹⁰³ Oleh itu laporan Belanda mengenai Syarif Sahab begitu berbeza dengan latar belakang kehidupan beliau dalam sumber tempatan yang ditemui di daerah Sintang, Kalimantan Barat. Apa yang terdapat dalam sumber Sintang itu merupakan suatu penemuan baru yang tidak terdapat dalam sumber Brunei dan Inggeris. Malah berdasarkan kepada dokumen Sanggau itu juga menunjukkan bahawa beliau juga mempunyai kuasa politik ke atas Sungai Sadong yang diperintahnya sehingga mampu memberi jaminan perlindungan ke atas Sultan Sanggau.

Dalam Surat Wasiat Tanah Watas tersebut dinyatakan tentang penggunaan ubat pilor (peluru) sebagai penentuan batas wilayah Brunei dan Sanggau yang terletak di ulu Sungai Sekayam itu. Selain daripada itu sebuah batu tanda batas telah ditemui di Sungai Kembayan yang mencatatkan tarikh tahun 1854.¹⁰⁴ Batu ini adalah bukti tentang kewujudan pengaruh Brunei sehingga ke Sungai Kembayan yang dibuat setelah wilayah-wilayah Brunei di pantai barat laut Borneo sudah terlepas ke tangan James Brooke. Penentuan batas sempadan itu juga sudah tentunya mempunyai hubungan dengan Belanda kerana pengaruh Belanda sudah mulai masuk dalam Kerajaan Sanggau pada pertengahan abad yang ke-19 itu. Malah Gusti Muhammad Tahir II adalah orang yang diangkat oleh Belanda untuk menjadi Raja Sanggau pada tahun 1860 menggantikan Panembahan Muhammad Kesuma Negara. Sebagai seorang raja baru yang dilantik oleh Belanda sudah tentunya Gusti Muhammad Tahir II berusaha untuk memenuhi kehendak Belanda yang sudah mula bertapak di Sanggau. Ini terbukti apabila pada tahun 1877 pihak Belanda telah berjaya mendapatkan kontrak penyewaan tanah di

¹⁰³ Hj Abd. Karim bin Hj Abd. Rahman, *Keruntuhan Empayar Brunei KM-19: Satu Kajian Dari Sudut Ekonomi*, hlm. 109-110.

¹⁰⁴ Abang Adi Subrata, "Sanggau dan Brunei Meniti Sejarah Merajut Hubungan Persahabatan", dalam *Pemuliharaan Sejarah dan Tamadun Borneo ke Arah Pengukuhan Negara Bangsa*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2007, hlm. 463.

Tanjung Sekayam untuk menempatkan pejabat mereka.¹⁰⁵ Kemungkinan surat wasiat tersebut adalah suatu tanda sokongan dari Brunei ke atas Gusti Muhammad Tahir II yang bakal menjadi Penambahhan Sanggau.

Cerita kedatangan rombongan Abang Unang menghadap Sultan Brunei itu agak mengelirukan jika dibandingkan dengan kandungan surat wasiat Sultan Tuanku Syarif Syahbudin kepada Abang Unang (Gusti Muhammad Tahir II) yang menunjukkan bahawa Abang Unang dan rombongannya tidak datang ke Brunei tetapi hanya berjumpa Syarif Sahab di Sadong, Sarawak. Kemungkinan daerah jajahan Brunei di Sungai Sekayam ini berada di bawah penguasaan Syarif Sahab kerana ianya sememangnya bersempadan dengan daerah Sadong. Sumber Sanggau dan Sintang ini telah memberi maklumat penting kepada sejarah Brunei khususnya tentang keluasan wilayah jajahannya yang melampaui ke daerah-daerah Sanggau pada abad ke-19.

Kemerdekaan Sanggau dari Brunei

Selain daripada itu, dalam tradisi lisan di Sanggau juga terdapat cerita tentang penyebaran pengaruh Brunei di daerah-daerah Sanggau pada awal abad ke-19 (1820-an) iaitu yang terletak di antara Tolok Ujong sebelah hilir Kembayan hingga ke hulu Sekayam (Tolok Kekajang).¹⁰⁶ Sungai tersebut dikatakan berada di bawah kuasa Datu Bandar Sarawak (Pengiran Indera Mahkota) dan mempunyai hak melakukan pengutipan cukai atau ufti ke atas penduduk di kawasan tersebut. Namun pada pertengahan abad ke-19 Kerajaan Sanggau mula menanam pengaruhnya di jajahan Brunei itu apabila kerabat-kerabat diraja Sanggau yang diketuai oleh Abang Unang (Haji Muhammad Tahir II) iaitu pewaris Kerajaan Sanggau dan dua orang sahabatnya iaitu Haji Abas dan

¹⁰⁵ Yus Suhardi, M. Husni, M. Afiat Mekah, M. Natsir (eds.), *Sanggau Dari Masa ke Masa*, hlm. 10-11.

¹⁰⁶ *Sejarah Balai Karangan Ibu Kota Keg. Sekayam*, manuskrip karangan Mustafa Yusuf pada 15 Mac 1984 di Balai Karangan, Kacamatan Sekayam, Kalimantan Barat. (Tidak diterbitkan).

seorang panglima suku Dayak di Lubang Kijing bernama Gergaji mula mempengaruhi penduduk di sana untuk menentang kuasa Brunei itu. Akibat daripada tindakan ini Datu Bandar Sarawak telah menghantar orangnya ke sebuah perkampungan bernama Entinuh (terletak di seberang Sungai Entinuh) untuk melakukan pembunuhan beramai-ramai ke atas penduduk di sana sebagai membala dendam di atas tindakan mereka menderhaka kepada Brunei.

Sebelum tindakan itu dilakukan Datu Bandar Sarawak melakukan tipu helah ke atas penduduk yang menderhaka itu dengan menghantar utusannya ke daerah jajahannya itu untuk menjemput semua lelaki dewasa berkumpul di Muara Rowan untuk menerima hadiah berupa garam dari Datu Bandar. Berita gembira ini telah diterima oleh penduduk di Kampong Entinuh dengan menghantar semua lelaki dewasa pergi ke tempat yang dijanjikan dan meninggalkan orang tua, perempuan dan anak-anak di kampung mereka. Ternyata janji tersebut hanyalah tipu helah orang Datu Bandar untuk memberi kesempatan kepada mereka melanggar Kampong Entinuh dan membunuh penduduk kampung yang tinggal sebagai membala dendam penderhakaan mereka kepada Raja Brunei.¹⁰⁷

Peristiwa ini telah menimbulkan perasaan dendam kepada seorang panglima suku Dayak di daerah tersebut yang bernama Gergaji. Penglima Gergaji telah mendapat bantuan daripada Abang Unang, Abang Tobo dan Haji Abas iaitu kerabat diraja Sanggau untuk berjumpa dengan Datu Bandar Sarawak dan menghadap Sultan Brunei untuk menuntut supaya dilepaskan daerah jajahannya itu dan dikembalikan kepada Kerajaan Sanggau. Dengan perjumpaan tersebut Sultan Brunei telah mengangkat Abang

¹⁰⁷ Raja Brunei bermaksud pemilik kawasan tersebut yang termasuk dalam ‘Sungai Kuripan’. Umpamanya Sungai Sarawak yang ditadbir oleh Pengiran Indra Mahkota selaku Gabenor Sarawak adalah menjadi Sungai Kuripan Pengiran Muda Hassim. Kemungkinan Kampong Entinuh termasuk dalam wilayah Kuripan Pengiran Muda Hassim memandangkan kampong tersebut di dalam jagaan Pengiran Indra Mahkota. Lihat, Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman, *Keruntuhan Empayar Brunei KM-19: Satu Kajian Dari Sudut Ekonomi*, hlm. 51-53.

Unang sebagai anak angkat baginda dengan gelaran Pengiran Seri Maharaja, dan seterusnya menyerahkan daerah Sakayam kepada Abang Unang yang meliputi dari Tolok Sekajang hingga ke Tolok Ujong. Selain daripada itu ditentukan juga sempadan wilayah Sanggau iaitu mana-mana anak sungai yang mengalir ke Sungai Sekayam akan menjadi milik Kerajaan Sanggau.¹⁰⁸

Sambas

Sejarah awal Kerajaan Sambas tidak banyak yang diketahui kerana data-data mengenainya masih belum lengkap khususnya mengenai pengasas kerajaan awal Sambas sebelum berdirinya kerajaan kesultanan pada abad ke-17. Tradisi lisan mengenai penubuhan kerajaan ini sebelum kedatangan pengaruh Majapahit juga tidak banyak diketahui. Berdasarkan sumber China *Nan-hai chih* (1304) Negeri Sambas sudah wujud selewat-lewatnya pada awal abad ke-14 kerana dalam sumber tersebut Negeri Sambas telah disebut sebagai salah sebuah negeri jajahan Kerajaan Tanjungpura.¹⁰⁹ Begitu juga dalam sumber Jawa *Nagarakretagama* (1365) Negeri Sambas sekali lagi disebut sebagai negeri jajahan Majapahit Jawa.¹¹⁰ Ini menunjukkan bahawa pada awal abad ke-14 itu Sambas sudah berdiri sebagai sebuah kerajaan di utara Kalimantan Barat, Borneo. Namun begitu tidak adanya maklumat tentang sejarah awal dan pengasas kerajaan tersebut.

Dalam sejarah Sambas dikatakan bahawa sebelum berdirinya Kesultanan Sambas sudah ada sebuah kerajaan Hindu warisan Majapahit yang diperintah oleh Ratu Sepudak. Sementara dalam tradisi lisan di Sambas terdapat nama Raja-raja Sambas sebelum Ratu Sepudak iaitu Tan Unggal, Ratu Gipang dan Timbang Paseban (ayah atau

¹⁰⁸ *Sejarah Balai Karangan Ibu Kota Keg. Sekayam.*

¹⁰⁹ C.C. Brown, "The Eastern Ocean in the Yung-Lo Ta-Tien", hlm. 51.

¹¹⁰ Slametmulyana, *Nagarakretagama dan Tafsir Sejarahnya*, hlm. 146.

abang Ratu Sepudak). Mereka dikatakan berasal daripada Jawa Timur yang melarikan diri setelah Kerajaan Hindu Jawa Timur dikalahkan oleh Kerajaan Islam Demak. Kemudian Kerajaan Sambas berada di bawah naungan Kerajaan Johor iaitu setelah pengaruh Majapahit mengalami kejatuhan di Nusantara abad yang ke-15. Sebagai negeri naungan, Sambas membayar ufti tahunan kepada Johor yang berupa emas urai.¹¹¹

Namun sebelum itu dalam *Boxer Codex* menyebut bahawa sebelum negeri tersebut berada di bawah Jawa ianya adalah kepunyaan Brunei.¹¹² Walaupun negeri tersebut pernah berada di bawah jajahan Brunei pada abad ke-16 tetapi maklumat mengenainya tidak ditemui khususnya yang berbentuk tradisi lisan. Dalam sumber-sumber Brunei seperti *SRB* dan *SAS* tidak pernah dinyatakan tentang kedudukan Sambas sebagai sebuah negeri jajahannya. Oleh itu kedudukan Negeri Sambas adalah sama dengan negeri-negeri lain di Kalimantan Barat sebagai negeri-negeri naungan Brunei. Berdasarkan laporan Pigafetta kerajaan ini masih berada di bawah jajahan Brunei pada tahun 1521 memandangkan pada waktu itu Brunei masih mampu menghantar armadanya untuk melanggar Negeri Labai yang berada di kuala Sungai Kapuas.¹¹³ Ini bererti Kerajaan Sambas masih berada di dalam jajahan Brunei pada awal abad ke-16 itu.

Radin Sulaiman Ibni Sultan Tengah Pengasas Kesultanan Sambas

Pengaruh Brunei ke atas Sambas dibina kembali apabila Sultan Tengah ibni Sultan Muhammad Hasan datang ke Sambas pada abad ke-17. Di sanalah berkembangnya zuriat Sultan Tengah apabila putera baginda Radin Sulaiman ditabalkan menjadi Sultan

¹¹¹ Sebuah dokumen mengenai sejarah Sambas yang ditulis oleh Pengiran Tumenggung Djaja Kusuma, Pemerintah Swapradja Sambas ketua Majlis Kerajaan bertarikh 5 Januari 1950, hlm. 3. Lihat, "Himpunan Naskah Tentang Sambas Dikala Doeloe" oleh Fahadi BZ, (tidak diterbitkan).

¹¹² J.S. Caroll, "Brunei in the Boxer Codex", *JMBRAS*, Vol. LV, Pt. 2, 1982, hlm. 3.

¹¹³ A. Pigafetta, *First Voyage Around the World*, hlm. 11.

Sambas yang pertama pada tahun 1612-1668 dengan gelaran Sultan Muhd. Safuddin I. Oleh itu kedatangan Sultan Tengah bersama putera baginda ke Sambas pada abad yang ke-17 itu telah berjaya mendirikan sebuah kerajaan kesultanan di Sambas sehingga terbentuk dua kerajaan di negeri itu iaitu kerajaan asal yang beragama Hindu bertempat di Kota Lama (sekarang berada di Kecataman Teluk Keramat) dan kerajaan Islam yang diasaskan oleh puteranya Radin Sulaiman. Dalam sejarah Sambas diceritakan dengan jelas kisah Sultan Tengah di Sambas sehingga lahirnya *Salasilah Raja-Raja Sambas* (SRS) dan *Tersilah Sambas* (TS) yang menghubungkan Kerajaan Sambas dengan Brunei.

Kedatangan Sultan Tengah ke Sambas telah membuka lembaran baru sejarah Sambas yang sebelumnya begitu kabur. Dalam SRS diceritakan tentang sejarah awal kedatangan Sultan Tengah ke Sambas yang mendapat sambutan baik daripada Ratu Sepudak yang memerintah Sambas pada masa itu. Layanan baik Ratu Sambas ini mungkin disebabkan oleh adanya hubungan keluarga Sultan Tengah dengan Kesultanan Johor selain Sambas juga pernah berada di bawah jajahan Brunei. Kesempatan Sultan Tengah untuk bertapak di Sambas terbuka luas apabila putera baginda Radin Sulaiman berkahwin dengan puteri Ratu Sepudak bernama Puteri Ayu Bungu. Radin Sulaiman akhirnya dilantik menjadi Wazir kedua bersama-sama Pengiran Mangkurat selaku Wazir pertama dalam Kerajaan Sambas yang diperintah oleh Pengiran Prabu Kancana iaitu menantunya Ratu Sepudak yang dilantik menjadi Raja Sambas yang baru dengan gelaran Ratu Anum Kesukma Yudha.

Kehadiran Radin Sulaiman dalam Kerajaan Sambas ini tidak disenangi oleh Pengiran Mangkurat sehingga memaksa Radin Sulaiman meninggalkan Kota Lama untuk membuka bandar baru di Kota Bandir. Di Kota Bandir inilah Radin Sulaiman

mengasaskan kerajaan Islam setelah mendapat restu dari Ratu Anum Kesukma Yudha yang juga turut memindahkan kerajaannya ke Selakau dengan menubuhkan kerajaan baru bernama Balai Pinang. Dari Kota Bandir Radin Sulaiman memindahkan pusat kerajaannya ke Lubuk Madang dan mula menggunakan gelaran Sultan Muhammad. Safuddin. Pusat Kerajaan Islam Sambas seterusnya dipindahkan lagi ke Muara Ulakkan apabila Radin Bima ditabalkan menjadi Sultan Sambas kedua yang bergelar Sultan Muhammad Tajuddin. Pada zaman Sultan Muhammad Tajuddin inilah berakhirnya kerajaan Hindu di Sambas apabila baginda membawa pindah kaum keluarga diraja tersebut ke Muara Ulakkan.¹¹⁴

Dalam sejarah Sambas masih nampak bagaimana berlakunya perubahan kerajaan lama yang beragama Hindu kepada kerajaan baru yang beragama Islam. Dalam sejarah Sambas diceritakan dengan jelas bagaimana Raden Sulaiman menyerap masuk ke dalam Kerajaan Hindu Sambas sehingga akhirnya baginda berjaya menubuhkan sebuah kerajaan Islam di Kota Bandir dengan mendapat restu dari Ratu Sambas sendiri. Pada awalnya Raden Sulaiman berkahwin dengan puteri Ratu Sepudak iaitu Raja Sambas pada ketika itu kemudian baginda dilantik menjadi Wazir kedua semasa pemerintahan Ratu Anum Kesukma Yudha, dan setelah itu barulah baginda mengasingkan dirinya dari Kerajaan Sambas dengan menubuhkan kerajaan Islam. Dengan penubuhan kerajaan Islam ini telah mewujudkan dua kerajaan di Sambas iaitu kerajaan Islam di Kota Bandir dan kerajaan Hindu di Balai Pinang. Namun begitu kerajaan Hindu ini tidak dapat bertahan lama dan menempuh zaman kejatuhanya apabila Ratu Anum Kesukma Yudha membawa pindah kaum keluarganya ke Muara Ulakkan.¹¹⁵

¹¹⁴ Pabali H. Musa, *Sejarah Kesultanan Sambas Kalimantan Barat, Kajian Naskah Asal Raja-Raja dan Salsilah Raja Sambas*, hlm. 66-68.

¹¹⁵ Di Istana Sambas masih banyak menyimpan harta warisan Kesultanan Sambas yang dikurniakan oleh Sultan Brunei kepada Sultan Sambas yang kedua iaitu Sultan Muhd. Tajuddin (Radin Bima) sewaktu baginda berangkat ke Brunei (sewaktu masih menjadi Putera Mahkota Sambas). Di antara alat kebesaran diraja itu ialah Payung Keemasan, Payung Ubur-Ubur, Tombak Tengah,

Hubungan keluarga di antara Kerajaan Brunei dan Kerajaan Sambas masih berterusan sehingga zaman Sultan Muhammad Syafiuddin II, Sultan Sambas yang ke-13 yang memerintah di antara tahun 1866 hingga 1922. Baginda masih berutusan surat dengan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin, Sultan Brunei yang ke-20, memerintah di antara tahun 1885 hingga 1906. Sejak itu hubungan keluarga antara kerabat diraja Brunei dan Sambas terputus begitu saja.¹¹⁶

Mempawah

Kerajaan awal Mempawah dikenali sebagai Kerajaan Bangkule Rajakang yang didirikan pada abad ke-14 di Bahana yang terletak di pergunungan Sidiniang, Mempawah Hulu. Kerajaan ini didirikan oleh seorang Raja Dayak bernama NeRumega.¹¹⁷ Selepas kematian NeRumega digantikan oleh puteranya bernama Patih Gumantar sebagai raja kedua. Mengikut sumber yang lain setelah Patih Gumantar mati dibunuuh (diayau) oleh Bedayuh (suku Dayak) Kerajaan Bangkule Rajakang telah musnah selama 200 tahun sebelum didirikan kembali oleh cucu patih Gumantar yang bernama Raja Kudung pada tahun 1610. Walaupun dalam sumber yang lain menyebut bahawa setelah kematian Patih Gumantar Kerajaan Bangkule Rajakang diteruskan anak Patih Gumantar bernama Patih Nyabukang, tetapi nama raja ini tidak disebut sebagai salah seorang Raja-raja Dayak yang pernah memerintah kerajaan tersebut.¹¹⁸

Keris, tempat Dian, Getar dan Puan serta alat-alat bunyi-bunyian seperti gong, genderang dan serunai nafiri. Selain daripada itu masyarakat Brunei yang dibawa oleh Sultan Tengah semasa baginda ke Sambas dikatakan masih berada di sana dan hingga kini masih mengekalkan ciri-ciri kebruneian mereka terutamanya dari segi loghat pertuturan dan budaya. Malah Muara Ulakan yang terletak berhampiran dengan Istana Sambas menerima julukan ‘Kampong Brunei’. Selain daripada itu Kampong Kembayat Sri Negara adalah menjadi penempatan awal orang Brunei di Sambas yang dibawa oleh Sultan Tengah sewaktu membuka negeri tersebut.

¹¹⁶ Pabali H. Musa, *Sejarah Kesultanan Sambas Kalimantan Barat, Kajian Naskah Asal Raja-Raja dan Salsilah Raja Sambas*, hlm. 66-68.

¹¹⁷ Maklumat daripada Pengiran Ratu Dr. Mardan Adiyata dan Mufti Kerajaan Mempawah semasa penyelidikan Jejak Kesultanan ke Mempawah pada 4 Jun 2006, Rakaman Kaset: PS/PY/SL/0974/06, simpanan Pusat Sejarah, Brunei Darussalam.

¹¹⁸ Mohd. Yusuf Sahar, *Sejarah/Hari Jadi Kota Mempawah*, Pontianak: Percetakan Tabah, 1983, hlm. 10-12

Apabila Raja Kudung meninggal dunia pada tahun 1680, takhta kerajaan diserahkan kepada anaknya bernama Sengkawok.¹¹⁹ Pada zaman pemerintah Sengkawok kerajaannya mula menerima pengaruh luar apabila ia berkahwin dengan puteri Raja Kahar dari negeri Indragiri Sumatra bernama Puteri Chermin. Kedudukan Raja Sengawok bertambah kuat apabila puterinya bernama Mas Indrawati berkahwin dengan Sultan Muhammad Zainuddin, Raja Tanjungpura di Sukadana. Seterusnya cucu Raja Sengawok (puteri Sultan Muhammad Zainuddin) bernama Puteri Kesuma berkahwin dengan Daeng Manambun.¹²⁰ Di sinilah mulanya pengaruh Daeng-Daeng dari Kerajaan Luwuk Sulawesi masuk di dalam Kerajaan Mempawah apabila Daeng Manambun diangkat menjadi Raja Mempawah setelah Raja Sengkawok meninggal dunia pada tahun 1740.¹²¹

Namun begitu para ahli sejarah di Kalimantan Barat berpendapat bahawa Upu Daeng Menambun bukanlah pendiri Kerajaan Mempawah sekarang kerana mengikut mereka pendiri sebenar kerajaan tersebut ialah putera baginda bernama Gusti Jambril atau digelar Penembahan Adi Jaya Kesuma. Ini disebabkan bahawa bagindalah yang memindahkan pusat pemerintahan ke Mempawah sekarang dan seterusnya menamakan kerajaannya sebagai Kerajaan Mempawah yang diambil dari nama sebatang pohon ‘mempauh’.¹²²

¹¹⁹ Ellyas Suryani Soren, *Sejarah Mempawah Tempo Doeoe*, Pontianak: Kantor Informasi, Arsip dan Perpustakaan Daerah Kabupaten Pontianak, 2001, hlm. 9.

¹²⁰ Mohd. Yusuf Sahar, *Sejarah/Hari Jadi Kota Mempawah*, hlm. 12-13.

¹²¹ Ibid., hlm. 30.

¹²² Maklumat daripada Pengiran Ratu Dr. Mardan Adiyata dan Mufti Kerajaan Mempawah semasa penyelidikan Jejak Kesultanan ke Mempawah pada 4 Jun 2006. Rakaman Kaset: PS/PY/SL/0974/06, simpanan Pusat Sejarah, Brunei Darussalam.

Pengiran Abdul Ghapur dari Brunei

Dalam salasilah Kesultanan Mempawah dinyatakan tentang seorang kerabat diraja Brunei bernama Pengiran Abdul Ghapur berkahwin dengan puteri Daing Menambun bernama Utin Tawang. Perkahwinan ini berlaku pada zaman awal berdirinya Kerajaan Mempawah pada abad yang ke-18.¹²³ Adalah tidak diketahui siapakah Pengiran Abdul Ghapur yang dimaksudkan itu kerana sejarah Brunei tidak pernah menyatakan tentang hubungan dua kerajaan tersebut. Cuma terdapat sedikit maklumat dalam laporan Inggeris yang menyebut bahawa pada tahun 1760-an Sultan Brunei telah mengirim seramai 20 orang pekerja lombong Cina untuk membantu Penambahan Mempawah mengusahakan lombong emas di Lembah Daeri Mempawah.¹²⁴ Sebenarnya mungkin banyak lagi hubungan antara dua kerajaan tersebut yang tidak dicatatkan dalam sejarah, kerana berdasarkan sejarah Mempawah jelas menunjukkan bahawa berlakunya hubungan kekeluargaan apabila adanya perkahwinan antara Pengiran Abdul Ghapur dengan puteri Daeng Menambun itu.

Banjarmasin

Sejarah awal kerajaan di Banjarmasin bermula di pinggir kota Amuntai, di Kabupaten Hulu Sungai Utara Banjarmasin di mana terletaknya sebuah Taman Purbakala Candi Agong iaitu tapak kerajaan Hindu yang terawal di Banjarmasin yang dikenali sebagai Kerajaan Negaradipa. Kerajaan ini diasaskan oleh seorang saudagar dari Negeri Keling bernama Empu Jatmika. Walaupun Empu Jatmika memerintah kerajaan tersebut tetapi disebabkan ianya bukan berketurunan bangsawan maka ia mewasiatkan kepada putera-

¹²³ Ibid.

¹²⁴ Daniel Chaw, *Chinese Pioneers on the Sarawak Frontier 1841-1941*, Singapore: Oxford University Press, 1990, hlm. 19.

puteranya untuk mencari seorang raja keturunan bangsawan memimpin kerajaan tersebut.

Puteri Junjung Buih

Dalam hikayat *Lembu Mangkurat* iaitu sebuah cerita legenda mengenai ‘Candi Agung’ yang mengisah tentang Lembu Mangkurat, Puteri Junjung Buih dan Pengeraan Suryanata telah menonjolkan peranan Majapahit dalam merajai Kerajaan Negaradipa di Banjar pada abad ke-15.¹²⁵ Sejarah Candi Agong dikaitkan dengan legenda Puteri Junjung Buih, iaitu seorang puteri dari kayangan yang menjelma di permukaan laut sebagai seorang perempuan cantik sewaktu putera raja Kerajaan Negaradipa di Amuntai bernama Lembu Mengkurat dalam perjalanan pulang dari pertapaannya. Putera raja ini telah mendapat mimpi dari ayahandanya untuk mendapatkan puteri tersebut setelah ia gagal menghabiskan pertapaannya itu. Akhirnya Puteri Junjung Buih dikahwinkan dengan putera Raja Majapahit bernama Raden Putera yang juga digelar Raden Suryanata. Oleh itu Raden Suryanata merupakan raja pertama Kerajaan Negaradipa yang berasal dari Kerajaan Majapahit berpusat di Amuntai. Pelantikan Raden Suryanata sebagai Raja Kerajaan Negaradipa itu menandakan bermulanya penjajahan Majapahit ke atas Banjarmasin seperti mana juga yang berlaku ke atas Kerajaan Tanjungpura di Sukadana sebelum itu.

Hasil daripada perkahwinan Raden Suryanata dengan Puteri Junjung Buih itu telah melahirkan dua orang putera yang bergelar Raden Surya Ganggawangsa dan Raden Surya Wangsa. Dua orang puteranya inilah yang meneruskan pemerintahan

¹²⁵ Mahlan Umar, “Taman Purbakala Candi Agung, Aumtai Kalimantan Selatan”, Booklet Mengenai Projek Pmugaran dan Pemeliharaan Peninggalan Sejarah dan Purbakala Kalimantan Selatan 1980/1981: Banjarmasin, 1981.

Kerajaan Negaradipa di bawah bimbingan Lembu Mangkurat selaku Mangkubumi.¹²⁶

Dari keturunan Pengiran Suryanata ini juga menurunkan raja-raja Islam Banjar yang diasaskan oleh Raden Samudra iaitu keturunan ke-7 dari Pengiran Suryanata. Raden Samudra atau nama Islamnya Sultan Suriansyah membentuk kerajaan Islam pada tahun 1512 dengan mendapat bantuan daripada Raja Demak (Kerajaan Islam Demak). Dengan tertubuhnya Kerajaan Islam itu Raden Samudra telah memindahkan kerajaannya di Kota Kuin (Banjarmasin sekarang). Di antara tinggalan-tinggalan sejarah kesultanan ini yang masih kekal hingga sekarang ialah sebuah masjid yang diberi nama Masjid Sultan Suriansyah dan juga makam Sultan-sultan Bajarmasin termasuk ulama dari Demak.¹²⁷

Kutai

Penyelidikan di Kalimantan Timur khususnya ke atas kerajaan-kerajaan tua seperti Kutai yang wujud sejak abad ke-4 Masihi adalah untuk mencari hubungan penghijrahan I-pai Semaring ke Brunei yang dikatakan dalam tradisi lisan etnik Lun Bawang dan Lundayeh berasal dari Kalimantan Timur. Begitu juga mengenai sejarah Awang Alak Betatar dalam tradisi lisan Brunei mengatakan bahawa Awang Alak Betatar (dan saudara-saudaranya) berasal dari ulu Limbang, yang mempunyai hubungan dengan Kalimantan Timur.¹²⁸ Di sini wujud suatu andaian bahawa penghijrahan tersebut kemungkinan mempunyai hubungan dengan pergolakan yang berlaku dalam Kerajaan Kutai pada abad yang ke-14 iaitu apabila Kerajaan Kutai tua bernama Kerajaan Kutai Martadipura yang berpusat di Sungai hulu Mahakam mengalami kehancurannya dan digantikan dengan kerajaan baru yang bernama Kerajaan Kutai Kartanegara.

¹²⁶ Ibid.

¹²⁷ Maklumat diperolehi di Muzium Lembu Mengkurat dalam penyelidikan Jejak Kesultanan di Banjarmasin pada 13 Jun 2006. Rakaman Kaset: PS/PY/SL/0988/06, simpanan Pusat Sejarah, Brunei Darussalam.

¹²⁸ Abd. Karim Hj Abd. Rahman, "Kesultanan Brunei: Warisan Seriwijaya?", *Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Bandar Seri Begawan: Persatuan Sejarah Brunei dan Universiti Brunei Darussalam, 1989, hlm. 3-8.

Awang Temputu

Dalam sejarah Kutai terdapat cerita mengenai kisah seorang panglima Kutai bernama Awang Temputu yang diaturkan untuk menyerang wilayah-wilayah di utara Kutai yang enggan tunduk kepada pemerintahan Kerajaan Kutai Kartanegara yang baru didirikan.¹²⁹ Oleh itu serangan tersebut kemungkinan mempunyai hubungan dengan penghijrahan Awang Alak Betatar dan Upai Semaring ke Brunei seperti yang disebut dalam tradisi lisan tersebut. Dalam tradisi lisan etnik Lun Bawang di Kalimantan Timur dan hulu Lawas menceritakan tentang ketakutan yang sentiasa memburu perasaan I-pai Semaaring semasa tinggal di Long Bawan, Kalimantan Timur sehingga bingkai bubu yang ditemuinya di Sungai Lutut disangkanya gelang kaki manusia.

Dalam tradisi lisan Brunei memang terdapat cerita mengenai perjalanan (pengembaraan) I-pai Semaring sewaktu memburu seekor tembadau iaitu sejenis kerbau liar (seladang) bagi memenuhi keinginan isterinya yang sedang mengandung untuk memakan daging binatang tersebut. Dalam perjalanan itu I-pai Semaring gagal mengesan tembadau tersebut yang mlarikan diri bersama leming yang terpacak di badannya dan akibat daripada kegagalan itu ia terus menghilangkan diri. Kehilangan I-pai Semaring ini membuatkan berlakunya perjalanan kali kedua oleh puteranya Awang Alak Betatar untuk mencari ayahnya itu.¹³⁰ Dalam tradisi lisan etnik Lun Bawang di Kalimantan Timur dan ulu Lawas pula menceritakan bahawa perjalanan I-pai Semaring itu adalah bagi mencari negeri baru setelah kematian isteri dan anak perempuannya. Dalam cerita tersebut I-pai Semaring pada awalnya menetap bersama keluarganya di sebuah tempat dekat dengan air terjun Krayan di Long Sempayang Kalimantan Timur. Apabila isteri dan anak perempuannya meninggal dunia ia membawa diri ke Long

¹²⁹ Maklumat daripada Bapak Aji Ridwan Syahrani dalam penyelidikan Jejak Kesultanan di Tengarong pada 16 Jun 2006. Rakaman Kaset: PS/PY/SL/0996/06, simpanan Pusat Sejarah, Brunei Darussalam.

¹³⁰ Ibid.

Bawan dan menetap di Gunong Gundol. Mulai saat itu I-pai Semarin menjalani kehidupan secara ghaib iaitu manusia biasa tidak mengenal dan berhubung dengannya secara fizik (susuknya sebagai manusia tidak kelihatan). Walaupun I-pai Semaring mempunyai kekuatan dan kebolehan yang luar biasa tetapi ia sentiasa diburu rasa takut akan kemunculan manusia yang lebih gagah daripadanya.¹³¹

Asal-Usul Gelaran Awang dan Aji

Penyelidikan yang dilakukan di Kutai telah memberi beberapa maklumat awal tentang hubungan kerajaan tersebut dengan sejarah awal Kerajaan Brunei. Di antaranya ialah mengenai sejarah asal-usul gelaran Awang dan Aji di Kutai yang mula lahir pada abad yang ke-4 Masihi. Mengikut sejarah Kutai bahawa gelaran-gelaran tersebut diwujudkan oleh dua orang putera raja Kutai bernama Maharaja Sakti yang menggunakan gelaran Awang dan Dayang dan Maharaja Sultan yang menggunakan gelaran Aji. Keturunan Maharaja Sakti yang menggunakan gelaran Awang dan Dayang itu ditugaskan menjadi panglima dan oleh itu ramai daripada mereka suka berhijrah ke merata tempat sehingga ke Sambas dan Pontianak. Sementara gelaran Aji adalah digunakan oleh mereka yang memegang tampuk pemerintahan, dan mereka yang menggunakan gelaran ini jarang keluar dari istana.¹³² Apa yang menarik ialah sejauh mana hubungan sejarah awal Awang-Awang di Kutai itu dengan penghijrahan Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya ke Brunei. Adakah gelaran Awang yang digunakan oleh Awang Alak Betatar itu datangnya dari Kutai?, kerana penghijrahannya ke Brunei itu bersesuaian dengan sejarah kewujudan gelaran tersebut di Kutai.¹³³

¹³¹ Haji Abd. Karim Haji Abd. Rahman, "Yupai Semaring Manusia Misteri Dalam Sejarah Brunei", *Aktif*, Newsletter Pusat Sejarah Brunei, Bil. 50, Januari 2003, hlm. 6-9.

¹³² Ibid.

¹³³ Selain daripada itu suatu perkara yang menarik mengenai gelaran-gelaran yang digunakan oleh kaum keluarga diraja Kutai hingga ke hari ini ialah tentang penggunaan gelaran Pengiran dan Aji. Gelaran Pengiran bukanlah suatu yang melambangkan keturunan seperti mana di Brunei, tetapi ianya adalah suatu gelaran yang dianugerahkan seperti mana gelaran-gelaran Dato dan Pehin di Brunei. Sementara gelaran Aji sama dengan gelaran Pengiran di Brunei yang menunjukkan keturunan seseorang itu. Oleh

Dari segi sejarahnya gelaran Awang dan Dayang sudah digunakan oleh kerabat diraja Jawa pada zaman Kerajaan Taruma, Jawa kira-kira 200 tahun Sebelum Masihi. Di dalam buku Jawa purba bernama *Babad Taruma* yang ditulis oleh Raden Ganda Saputra mengisahkan tentang peristiwa yang berlaku pada zaman Kerajaan Taruma mengenai perjalanan hidup seorang puteri raja bernama Dayang Sumbi dengan anaknya yang bernama Awang Sangkuriang dari keturunan Kerajaan Taruma Negara yang sama-sama jatuh cinta setelah terpisah sekian lama akibat suatu tragedi.¹³⁴ Berdasarkan cerita tersebut menunjukkan bahawa panggilan Awang dan Dayang itu pernah digunakan di Jawa pada zaman awal berkerajaan di pulau tersebut. Persoalan dalam kajian ini ialah sama ada gelaran Awang yang digunakan oleh Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya itu mempunyai hubungan dengan pengaruh Jawa yang sudah lama bertapak di Kutai atau mereka adalah terdiri daripada keturunan Maharaja Sakti yang mula-mula menggunakan gelaran tersebut di Kutai dan melakukan penghijrahan ke Brunei untuk mencari negeri baru.

Perkahwinan Ratu Bunga Seruja dengan Sultan Kutai

Selain daripada itu maklumat mengenai hubungan kekeluargaan di antara Kesultanan Brunei dan Kerajaan Kutai terdapat dalam sebuah dokumen bertarikh pada tahun 1940 yang menyatakan bahawa seorang puteri dari Brunei bernama Ratu Bunga Seruja binti Sultan Dato Seri Begawan telah berkahwin dengan Sultan Mohammad Sulaiman, iaitu Sultan Kutai ke-18 yang memerintah di antara tahun 1855 hingga 1899. Hasil daripada perkahwinan ini telah menurunkan Sultan Mohammad Alimoeddin, Sultan Kutai yang ke-19. Maklumat dalam dokumen tersebut adalah seperti berikut, “A. Ratoe Boenga Soredja (A. Ratoe Roebajah) binti Sultant Datoek Srie Begawan (Broenei Daressalam)

itu dalam kalangan kerabat diraja Kutai terdapatnya penggunaan kedua-dua gelaran tersebut seperti Aji Pengiran, iaitu sama dengan gelaran Pengiran Dato di Brunei. Ibid.

¹³⁴ Hudari, “Dayang Sumbi Puteri Kerajaan Jawa Awal”, *Aktif*, Bil. 55, Jun 2003, hlm. 6-7.

menoeroenkan Sultant Mohamad Alimoeddin (AdjiMohamad).¹³⁵ Ratu Bunga Seruja meninggal dunia pada tahun 1860 dan dimakamkan di Makam Diraja Kutai.

Penemuan ini merupakan sesuatu yang baru dan di Brunei sendiri memang tidak terdapat cerita yang mengatakan berlakunya perkahwinan di antara Puteri Sultan Brunei dengan Sultan Sulaiman, Kutai. Jika berdasarkan kepada dokumen Kutai itu jelas bahawa Sultan Brunei yang disebut sebagai Seri Begawan itu sudah tentulah Sultan Omar Ali Saifuddin II yang telah turun dari tahta kerajaan pada tahun 1852 dan ini sesuai dengan tahun perkahwinan tersebut pada tahun 1855 apabila baginda digelar sebagai Sultan Dato Seri Begawan. Penemuan ini merupakan maklumat penting dalam sejarah Brunei khususnya tentang pertalian kekeluargaan di antara Kesultanan Brunei dan kesultanan-kesultanan lain di Borneo.

Berau

Kabupaten Berau terletak di Kalimantan Timur dan pernah menjadi sebuah kerajaan besar di Kalimantan Timur pada abad yang ke-16. Sejarah awal berdirinya Kerajaan Berau adalah hasil persepakatan tujuh buah Banua (mukim) di Berau untuk menyatukan diri mereka ke dalam satu kesatuan yang akhirnya terbentuk sebuah kerajaan yang diperintah oleh seorang ketua yang digelar raja.¹³⁶ Raja pertama Kerajaan Berau ialah Baddit Dipattung dengan gelaran Aji Surya Natakusuma yang memerintah dari tahun 1400-1432. Raja-raja Kerajaan Berau seterusnya adalah diperintah cara turun temurun dari keturunan Aji Surya Natakusuma itu sehingga kerajaan tersebut berpecah

¹³⁵ Dokumen tersebut berupa suatu surat bagi menyatakan isteri-isteri Sultan Mohammad Sulaiman yang ditandatangani pada tahun 1940. Maklumat daripada Aji Misbachoedein dalam penyelidikan Jejak Kesultanan di Tengarong pada 16 Jun 2006. Rakaman Kaset: PS/PY/SL/0998/06, simpanan Pusat Sejarah, Brunei Darussalam.

¹³⁶ H. Muhammad Noor, "Sejarah Perjuangan Raja Alam (Sultan Alimuddin)", *Makalah mengenai Calon Pahlawan Nasional Dari Kabupaten Berau Kalimantan Timur*, 2003, hlm. 2-3.

kepada dua kesultanan pada awal abad yang ke-19.¹³⁷ Salah sebuah negeri kesatuan Kerajaan Berau yang bernama Negeri Marancang mempunyai wilayah kekuasaan ke atas daerah-daerah di wilayah Bulungan sekarang dan sehingga ke daerah Kinabatangan yang terletak di Timur Sabah.

Dalam sejarah Berau terdapat maklumat yang menyatakan bahawa pada abad yang ke-14 seorang Syarif bernama Syarif Ahmad yang berasal dari Brunei telah datang ke Berau untuk mengembangkan agama Islam.¹³⁸ Selain daripada itu adalah juga dipercayai bahawa sudah terbentuknya hubungan politik di antara Brunei dan Berau pada masa pemerintahan Sultan Aji Tumanggung Negara iaitu Raja Berau ke-6 yang memerintah pada tahun 1557-1587. Ini disebabkan bahawa pada masa pemerintahan baginda wilayah pengaruh Kerajaan Berau telah diluaskan meliputi wilayah Bulungan hingga ke daerah Kinabatangan, Sabah.¹³⁹ Keadaan ini menunjukkan bahawa di timur laut Borneo itu merupakan suatu kawasan yang banyak menerima pengaruh daripada kerajaan-kerajaan yang berhampiran dengannya iaitu Berau, Bulungan, Sulu dan Brunei. Sudah tentu terdapatnya bertindihan kuasa atau pengaruh di antara Brunei dan Berau di kawasan tersebut memandangkan Sultan Muhammad Hasan, Sultan Brunei yang ke-9 (memerintah antara tahun 1582-1598) telah berjaya menakluki daerah-daerah di Sabah sehingga ke daerah yang bersempadan dengan wilayah Bulungan seperti Tawau, Sibuku, Tanjung Kinungan dan Batu Chinaganta.¹⁴⁰

Hubungan ekonomi di antara Brunei dan Berau dicatatkan dalam sejarah Berau berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin pada pertengahan abad yang ke-18, kerana baginda telah mengamalkan hubungan luar yang terbuka untuk menggalakkan perdagangan di negerinya. Pada pada waktu inilah ramai pedagang luar

¹³⁷ H. Achmad Maulana, *Sejarah Daerah Berau*, Tanjung Redeb: Berau, 2001, hlm. 5-9.

¹³⁸ Ibid.

¹³⁹ Ibid., hlm. 6.

¹⁴⁰ *Alamat Zaman Ketakhtaan di Negeri Brunei*.

termasuk dari Brunei berkunjung ke Berau.¹⁴¹ Maklumat yang diberikan oleh sejarah Berau mengenai penglibatan pedagang-pedagang Brunei pada waktu itu menggambarkan betapa besarnya peranan Brunei dalam perkembangan perdagangan di Borneo. Perkembangan ini sudah tentunya mempunyai hubungan dengan penglibatan pedagang-pedagang Brunei di negeri-negeri lain di Borneo seperti Sambas, Pontianak, Sukadana, Banjarmasin dan Bulungan seperti mana yang dilaporkan begitu berkembang sekitar abad yang ke-16 hingga 18.

Langkuda Tarawih Bangsawan Brunei

Selain daripada itu terdapat sebuah cerita legenda mengenai seorang bangsawan Brunei bernama Langkuda Tarawih yang dikatakan berkahwin dengan puteri Kenik Berau Senifah iaitu puteri Raja Rangga Batara yang memerintah Negeri Pantai sekitar abad yang ke-14 dan 15 Masihi. Puteri tersebut termasyur dengan kepintaran dan kegagahannya sehingga mengalahkan kaum lelaki. Kepintarannya terbukti apabila ia berjaya membantu mengalahkan serangan ikan julong-julong yang menyerang penduduk negeri tersebut. Namun begitu disebabkan oleh kepintarannya itu dia telah dibuang daripada kerajaan dengan cara menghanyutkannya ke laut. Pada waktu itulah Langkuda Tarawih yang sedang dalam pelayaran berjumpa dengan puteri tersebut yang hanyut terapung di tengah lautan dan akhirnya dijadikan sebagai isterinya.¹⁴²

Kisah ini serupa dengan cerita Sultan Bolkiah, Sultan Brunei yang kelima yang bertemu dengan isterinya Puteri Lela Menchanai di tengah lautan sewaktu baginda dalam pelayaran. Walaupun terlalu awal untuk mengaitkan cerita Langkuda Tarawih itu dengan Sultan Bolkiah tetapi peristiwa tersebut sekurang-kurangnya menggambarkan

¹⁴¹ H. Achmad Maulana, *Sejarah Daerah Berau*, hlm. 8.

¹⁴² Maklumat daripada Drs. H. Achmad Maulana semasa lawatan ke Muzium Batiwakkal, Gunung Tabur dalam penyelidikan Jejak Kesultanan di Berau pada 18 Jun 2006. Rakaman Kaset: PS/PY/SL/1000/06, simpanan Pusat Sejarah, Brunei Darussalam.

wujudnya kisah yang serupa dengan cerita Sultan Bolkiah itu. Selain daripada itu kisah yang dialami oleh Puteri Kenik Berau Senifah itu mempunyai persamaan dengan cerita Singapura dilanggar ikan todak di mana seorang budak pintar yang berjaya mengalahkan ikan tersebut telah dihukum bunuh oleh pembesar raja yang takut dengan kepintarannya itu. Cerita yang sama juga ditemui dalam tradisi lisan di Sarawak mengenai seorang budak pintar yang berjaya mengalahkan serangan ikan awar dengan cara menggunakan batang pisang untuk memerangkap ikan tersebut cara yang sama digunakan oleh Singapura semasa diserang ikan todak.¹⁴³

Bulungan

Di Kabupaten Bulungan, Kalimantan Timur terdapat tiga kumpulan etnik peribumi terbesar dan mempunyai tradisi berkerajaan iaitu kaum Kayan etnik Bahau, etnik Bulungan (campuran Brunei dan Kayan) dan etnik Tidung. Seperti juga di tempat-tempat lain di Borneo kerajaan-kerajaan tersebut awalnya didirikan oleh penduduk peribumi yang mengamalkan sistem pemerintahan kesukuan iaitu dipimpin oleh seorang ketua suku kaum sebelum bertukar menjadi sebuah kesultanan yang diperintah oleh raja-raja Islam. Tiga kumpulan etnik tersebut telah melahirkan dua kerajaan tempatan iaitu Kerajaan Bulungan yang diasaskan oleh Ku Anyi seorang ketua suku kaum Kayan di kawasan Long Sungai Payan. Kerajaan ini dianggarkan wujud pada tahun 1400 yang diperintah secara turun temurun oleh keturunan Jau Iru (Jauwiru) iaitu anak angkat Ku Anyi.¹⁴⁴ (Jau Iru iaitu anak angkat Ku Anyi yang ditemuinya dalam buluh betong).

¹⁴³ Tom Harrisson, *The Malay of South-West Sarawak Before Malaysia A Socio-Ecological Survey*, Glasgow: Robert Maclehose and Co. Ltd., The University Press, 1970, hlm. 129.

¹⁴⁴ *Sekilas Sejarah Kesultanan Bulungan Dari Masa Ke Masa Serta Sinopsis Perkahwinan Adat Keraton Kesultanan Bulungan*, Bulungan: Yayasan Musium Kesultanan Bulungan & Pemuda Kabupaten Bulungan, 2004, hlm. 7.

Oleh itu Raja-raja Bulungan seterusnya adalah diwarisi oleh anak cucu Jau Iru ini. Mereka ialah Jau Anyi, Paren Jau, Paren Anyi, Lahai Bara, Wan Parfen, Simun Lawan, Sadang dan Asung Luwan. Sistem pemerintahan yang diketuai oleh ketua suku Kayan ini berakhir pada abad yang ke-16 apabila kerajaan tersebut bertukar menjadi sebuah kesultanan setelah menerima pengaruh Brunei. Kerajaan yang kedua ialah Kerajaan Tidung yang diperintah ketua-ketua suku etnik Tidung di pesisir Tarakan yang wujud sejak abad ke-12. Namun adalah tidak pasti bagaimanakah hubungan dua kerajaan tersebut sebelum kedatangan pengaruh Brunei pada abad ke-16 yang dibawa oleh Datu Munchong. Pada abad ke-16 Kerajaan Tidung di Tarakan menjadi sebuah kesultanan yang dikenali sebagai Kerajaan Tengara apabila menerima pengaruh Islam dari Brunei yang dibawa oleh Datu Munchong dan menantunya Syeikh Abdul Rashid bin Syeikh Abdurrahman al-Magribi.

Datu Munchong Pengasas Kesultanan Bulungan

Pengaruh Brunei ke atas kerajaan Bulungan dan Tarakan mempunyai hubungan dengan Datu Munchong yang berasal dari keluarga diraja Brunei yang mempunyai darah keturunan etnik Tidung di Tarakan. Kedatangan Datu Munchong ke Bulungan telah membuka ruang kajian yang lebih luas dan menarik tentang hubungan Raja-raja Brunei dengan Kerajaan Bulungan dan Tarakan yang sebelum ini tidak pernah dibincangkan. Dalam sejarah Bulungan Datu Munchong adalah pengasas Kesultanan Bulungan apabila berkahwin dengan puteri Raja Bulungan etnik Kayan bernama Asung Luan pada abad ke-16. Sementara dalam sejarah etnik Tidung, Datu Munchong dikatakan berasal dari Raja-raja Tidung yang memerintah Tarakan sejak abad ke-12. Oleh itu Datu Munchong juga terlibat menu buhkan Kesultanan Tarakan apabila Kerajaan Tidung menerima pengaruh Islam daripada Datu Munchong dan menantunya Syeikh Abdurrahid. Dalam

sejarah Brunei nama Datu Munchong hanya terdapat dalam sumber lisan sebagai kerabat jauh diraja Brunei yang tidak mendapat tempat dalam pemerintahan Kerajaan Brunei.

Mengikut Pehin Dato Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri walaupun keluarga Datu Munchong berdarah raja tetapi kedudukan mereka dipandang rendah oleh kaum keluarga diraja Brunei yang memegang tumpuk pemerintahan Brunei. Datu Munchong adalah keturunan keenam daripada Sang Aji Brunei melalui putera sulung baginda Aji Suria Sakti yang terlepas daripada mewarisi takhta Kerajaan Brunei setelah Sang Aji Brunei menyerahkan tumpuk kerajaan kepada cucunya Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah). Oleh itu perasaan tersisih masih dirasai oleh keturunan Aji Suria Sakti sehingga membawa kepada beberapa perselisihan keluarga dengan keturunan Awang Alak Betatar.¹⁴⁵ Keadaan inilah yang membawa Datu Munchong dan kaum kerabatnya berpindah ke Bulungan.

Dalam sejarah Bulungan kisah Datu Munchong (dikenali sebagai Datu Mancang di Bulungan) telah diceritakan dengan lebih panjang dan menjawab beberapa persoalan mengenai kedatangannya ke Bulungan. Kedatangan Datu Munchong ke Bulungan pada awalnya untuk mendapatkan bekalan air tawar di Sungai Kayan tetapi disebabkan terpikat dengan puteri Raja Bulungan bernama Asung Luwan mendorong ia mengahwini puteri raja tersebut dan terus menetap di Bulungan. Dengan perkahwinan itu Datu Munchong telah diberi kepercayaan untuk memerintah Bulungan bersama isterinya itu.¹⁴⁶

¹⁴⁵ Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Rampai Sejarah: Meniti Sejarah Silam*, Brunei Darussalam: Jabatan Pusat Sejarah, 2005, hlm. 99-100.

¹⁴⁶ Ibid., hlm. 101.

Oleh itu Raja-raja Bulungan yang memerintah Kesultanan Bulungan selanjutnya adalah mempunyai darah keturunan daripada Datu Munchong. Kisah perkahwinan Datu Munchong dengan puteri Raja Bulungan itu mempunyai cerita yang menggambarkan kegagahan Datu Munchong itu sendiri. Pada waktu Bulungan diperintah oleh saudara lelaki Ahung Luwan bernama Sadang pada tahun 1548-1555 terjadi satu serangan daripada kaum Kenyah dari Serawak yang diketuai oleh Sumbang Lawing. Dalam serangan tersebut mereka telah berjaya membunuh Sadang manakala Asung Luwan berjaya melarikan diri bersama pengikutnya ke pesisir daerah Baratan. Di daerah inilah Asung Luwan bertemu dengan Datu Munchong dan dalam pertemuan itu Datu Munchong telah menyampaikan hasratnya untuk melamar Asung Luwan. Lamaran tersebut diterima oleh Asung Luwan dengan syarat Datu Munchong mesti mempersesembahkan mas kahwin berupa kepala Sumbang Lawing yang telah membunuh abangnya. Sebagai memenuhi permintaan tersebut Datu Munchong sanggup berperang dengan Sumbang Lawing dan akhirnya Datu Munchong berjaya menewaskan Sumbang Lawing.¹⁴⁷

Perkahwinan Datu Munchong dengan Asung Luwan itu telah membawa lembaran baru dalam sejarah Bulungan apabila Datu Munchong diberi kepercayaan memerintah Kerajaan Bulungan bersama isterinya. Mereka telah menjadikan kawasan Baratan dan Busang Arau sebagai pusat Kerajaan Bulungan yang baru pada tahun 1555. Perkahwinan Datu Munchong juga diikuti oleh perkahwinan para pengikutnya dengan gadis Baratan dan seterusnya berkembang menjadi masyarakat suku Bulungan. Dengan perkahwinan itu juga secara tidak langsung telah turut berkembangnya agama Islam dalam kalangan penduduk pedalaman Kalimantan Timur khususnya kaum Kayan.¹⁴⁸ Setelah Datu Munchong meninggal dunia tampuk pemerintahan Kerajaan Bulungan

¹⁴⁷ *Sekilas Sejarah Kesultanan Bulungan Dari Masa Ke Masa Serta Sinopsis Perkahwinan Adat Keraton Kesultanan Bulungan*, hlm. 10-11.

¹⁴⁸ Ibid., hlm. 11-12.

telah diserahkan kepada puteranya Abang Lemanak dan seterusnya digantikan oleh puterinya I-Kenaway. Setelah itu tampuk pemerintahan diserahkan kepada menantu Datu Munchong bernama Syeikh Abdurrasid bin Syeikh Abdurrahman Al-Magrabi iaitu suami I-Kenaway.¹⁴⁹

Tarakan

Kerajaan Tarakan adalah lanjutan daripada penubuhan Kesultanan Bulungan oleh Datu Munchung. Dalam salasilah Kesultanan Tarakan dinyatakan bahawa pengasas kerajaan ini ialah Syeikh Abdul Rashid bin Syeikh Abdurrahman Al-Magrabi iaitu menantu Datu Munchung. Dua orang anak Syeikh Abdul Rashid yang bernama Wira Kelana diangkat menjadi Raja Bulungan dan Amiril Pengiran Dipati I diangkat menjadi Raja Tarakan. Daripada keturunan Syeikh Abdul Rashid inilah yang menurunkan Raja-raja Bulungan dan Tarakan.¹⁵⁰ Walaupun Raja-raja Kesultanan Tarakan lahir daripada Kesultanan Bulungan tetapi sejarah awal kerajaan ini dikaitkan dengan Kerajaan Tidung yang wujud pada abad ke-12 di pesisir timur Pulau Tarakan. Kewujudan Kerajaan Tidung yang diceritakan dalam tradisi lisan etnik Tidung telah menimbulkan persoalan tentang hubungan kerajaan ini dengan Brunei kerana raja-raja yang memerintah kerajaan tersebut adalah termasuk Datu Munchung sendiri sebagai raja yang ke-16.

Ini menunjukkan bahawa kerajaan Tidung yang dikatakan pernah berdiri di utara Kalimantan Timur sejak abad ke-12 itu adalah kerajaan awal Tarakan yang didirikan oleh etnik Tidung sebelum tertubuhnya Kerajaan Islam Tarakan pada abad ke-16. Kerajaan ini juga dikatakan sebagai lanjutan daripada Kerajaan Tidung kuno yang

¹⁴⁹ Syeikh Abdurrahman Al-Magrabi berasal dari Melaka yang berpindah ke Sulu pada abad ke-16 apabila Melaka ditawan oleh Portugis. Dari Sulu ia berpindah ke Bulungan pada pertengahan abad ke-16 untuk bersekutu dengan Kerajaan Bulungan dengan mengahwinkan anaknya Syeikh Abdurashid dengan anak Datu Munchung yang bernama I-Kenaway. Lihat, Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Rampai Sejarah: Meniti Sejarah Silam*, hlm. 103.

¹⁵⁰ Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, "Sang Aji Brunei", *Jurnal Darussalam*, Pusat Sejarah Brunei, Bil. 7, 2007, hlm. 16. (Lampiran C).

dinamakan sebagai Kerajaan Menjelutung yang didirikan di pesisir timur Pulau Tarakan di kawasan Binalatung yang runtuh pada abad ke-12 akibat bencana alam yang menimpa kerajaan terebut. Raja terakhir kerajaan tersebut ialah Beneyuk dan keturunan daripada Beneyuk bernama Yamus telah menghidupkan semula kerajaan ini pada abad ke-12 dengan pusat kerajaannya di kawasan Tanjung Batu di pesisir barat Pulau Tarakan. Sejak itu pusat kerajaannya sering berpindah randah sehingga akhirnya berpindah ke kawasan pedalaman pada akhir abad ke-14. Seramai 16 raja telah disenaraikan sebagai pemerintah kerajaan ini sejak abad ke-12 hingga abad ke-16 termasuklah Datu Munchung dan dua orang anaknya iaitu Abang Lemnak dan Ikanawai sebagai raja yang terakhir.¹⁵¹

Raja-raja Tidung yang pernah memerintah kerajaan ini selepas keruntuhan Kerajaan Menjelutung pada abad ke-12 ialah keturunan Benayuk yang terdiri daripada Yamus, Ibugang, Itara, Ikurung, Karangan, Bengawan, Itambu, Aji Beruwing Sakti, Aji Surya Sakti, Aji Pengiran Kugan, Pengiran Tempuad, Aji Iram Sakti, Aji Daran Sakti, Datu Macang (Datu Munchung), Abang Lemanak dan Ikanaway (puteri Datu Munchung yang menjadi isteri Syeikh Abdurrashid).¹⁵² Dalam salasilah Datu Munchung yang diberikan oleh Datu Norbeck telah menyenaraikan dengan lebih lengkap lagi keturunan Datu Munchung sehingga Akida iaitu Raja Tidung zaman Kerajaan Menjelutung.¹⁵³

Persoalannya ialah bagaimakah menghubungkan Datu Munchung dengan kerajaan tersebut kerana berdasarkan sumber Brunei Datu Munchung adalah berasal dari keluarga diraja Brunei (rakyat jati Brunei) yang rendah kedudukannya dalam

¹⁵¹ http://id.wikipedia.org/wiki/Kerajaan_Tidung (Tarikh diakses, 10 Februari 2012, 9.00 a.m). Lihat juga, Awang Faisal Ishak Gelar Awang Damit Maspati, "Sejarah Berdirinya Kerajaan-Kerajaan Di-Provinsi Kalimantan Timur" dalam *Pemuliharaan Sejarah dan Tamadun Borneo Ke Arah Pengukuhan Negara Bangsa*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2007, hlm. 627.

¹⁵² Ibid.

¹⁵³ Haji Awang Mohd Jamil al-Sufri, "Sang Aji Brunei", hlm. 15.

kalangan diraja Brunei yang lain (didudukkan di Bawah Peningkah) tetapi di Bulungan ia diangkat menjadi Raja Bulungan.¹⁵⁴ Sementara senarai Raja-raja Kerajaan Tidung yang terdapat dalam sumber Tarakan adalah terdiri daripada keturunan Datu Munchung. Ini bererti Datu Munchung adalah penerus Kerajaan Tidung lama apabila ia berjaya mengambil tampuk pemerintahan Kerajaan Bulungan dan melantik dua orang anaknya sebagai Raja Bulungan seterusnya. Oleh itu adakah kedatangan Datu Munchung ke Bulungan dilihat sebagai satu kebetulan (semata-mata untuk mengambil air di Sungai Payan) atau memang dirancang untuk menghidupkan kembali Kerajaan Tidung yang sudah lenyap pada waktu itu.

Sang Aji Brunei

Berdasarkan kepada salasilah Raja-raja Tidung yang diperolehi di Tarakan wujudnya hubungan Raja-raja Tidung dengan Raja-raja Brunei melalui Sang Aji. Mengikut Pehin Dato Hj. Mohd. Jamil Al-Sufri kemungkinan Sang Aji Brunei yang dimaksudkan itu adalah Sang Aji Baruwing yang didapati dalam salasilah Raja-raja Tarakan kepunyaan Datu Norbeck bin Datu Bayal.¹⁵⁵ Mengikut sumber lisan di Tarakan putera Sang Aji Baruwing bernama Aji Suria Sakti telah terlepas peluang menjadi Raja Brunei kepada Awang Alak Betatar iaitu putera I-Pai Semaring.¹⁵⁶ Salasilah Sang Aji Baruwing yang diberi oleh Datu Norbeck adalah seperti berikut; Sang Aji Baruwing bin I-Tambu bin I-Bengawan bin I-Bidang bin I-Kerangan bin I-Karang bin I-Karungan bin I-Kurung bin I-Tara bin I-Lawang bin I-Sari bin Yamus bin Binayuk bin Akidu bin Akisam bin Akibu bin Akidu.¹⁵⁷

¹⁵⁴ Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Rampai Sejarah: Meniti Sejarah Silam*, hlm. 100.

¹⁵⁵ Teori ini berdasarkan kepada nama Brunei yang dicatat dalam *Negarakretagama* disebut sebagai Buruneng iaitu mengikut sebutan Jawa, dan oleh itu nama Aji Beruwing yang dicatat dalam salasilah Tarakan dianggap sebagai sebutan untuk Barunei (Brunei) iaitu Aji Brunei, lihat Hj. Mohd Jamil Al-Sufri, "Sang Aji Brunei", hlm. 6-7.

¹⁵⁶ Ibid., hlm. 12.

¹⁵⁷ Ibid., hlm. 15.

Nama Sang Aji tidak pernah disebut dalam *SRB* dan *SAS*, dan kewujudan nama Sang Aji hanya terdapat dalam tradisi lisan Brunei di Kampung Ayer, tetapi tidak ditemui dalam tradisi lisan etnik peribumi seperti Lun Bawang dan Lundayeh. Dalam tradisi lisan Brunei Sang Aji atau disebut juga sebagai Sang Aji Brunei adalah seorang raja yang menurunkan Raja-raja Brunei, iaitu Awang Alak Bertatar (Sultan Muhammad Shah). Salah satu tradisi lisan yang menceritakan tentang kisah Sang Aji ini mengatakan bahawa Sang Aji memang tinggal di Brunei,¹⁵⁸ sementara dalam maklumat yang lain menyebut bahawa ayah Awang Alak Betatar tinggal di hulu Temburong.¹⁵⁹ Walaupun tidak dinyatakan nama Sang Aji dalam sumber tersebut tetapi yang dimaksudkan dengan ayah Awang Alak Betatar itu sudah tentulah Sang Aji. Cerita yang lebih jelas tentang Sang Aji datang dari Haji Amad bin Pengarah Abdul Latif dari Kampong Peramu, Brunei yang mengisahkan bahawa ketika Sang Aji (Sang Aji Brunei) berjalan-jalan di kawasan istananya ia terjumpa sebiji telur luar biasa besarnya dan lalu dibawanya ke istana. Pada malamnya telur itu menetas dan keluar seorang anak laki-laki yang akhirnya termasyhur dengan nama I-Pai Samaring (Samar Yang). Sejak Sang Aji mendapat putera daripada telur itu isterinya yang belum pernah mengandung pun hamil dan kemudian melahirkan seorang puteri. Setelah I-Pai Semaring dan puteri itu dewasa mereka pun dikahwinkan. Hasil daripada perkahwinan itu melahirkan seorang putera yang bernama Awang Alak Betatar, iaitu pengasas Kerajaan Brunei.¹⁶⁰

Sebenarnya nama I-pai Semaring jarang ditemui dalam tradisi lisan Brunei di Kampong Ayer. Hasil dari penyelidikan tradisi lisan di Kampong Ayer pada tahun 1986 mendapati bahawa panggilan Anak Muda telah digunakan oleh para pengkisah bagi tokoh yang serupa dengan I-pai Semaring itu. Misalnya dikisahkan tentang seorang

¹⁵⁸ Maklumat dari Haji Ahmad bin Manaf, Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0005/86, Pusat Sejarah Brunei.

¹⁵⁹ Maklumat dari Haji Duraman bin Sudin, Rakaman Kaset Wawancara, PS/PY/SL/0018/86, Pusat Sejarah Brunei.

¹⁶⁰ Hj. Awang Mohd Jamil A-Sufri, *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam* (Edisi Pembaharuan), Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2001, hlm. 34-36.

“Anak Muda yang berasal dari kayangan turun ke hulu Limbang”,¹⁶¹ dan, “sebiji telur yang digugurkan oleh burong gagang di Pasu Gadung (Temburong) mengeluarkan seorang anak lelaki yang diberi nama Si Muda.”¹⁶² Persoalannya ialah adakah Anak Muda yang dimaksudkaan dalam tradisi lisan tersebut ialah I-pai Semaring yang datang dari keluarga Raja-raja Tidung. Di sinilah hubungannya Sang Aji Baruwing dan I-pai Semaring dalam tradisi lisan etnik Tidung di Tarakan itu dengan tradisi lisan Brunei di Kampong Ayer.

I-pai Semaring

Di samping itu legenda I-pai Semaring juga terdapat dalam kalangan etnik Tidung di Tarakan yang hanya dikenali sebagai Upai. Upai (I-pai Semaring) dikatakan pernah tinggal di Gunung Naga Peratu di hulu Melinau, Kalimantan Timur dan setelah itu tidak diketahui perjalanan I-pai Semaring seterusnya.¹⁶³ Mengikut Datu Norbeck, I-Pai Semaring juga adalah berasal dari etnik Tidung di Tarakan dengan memberi jurai keturunannya; Ipai Semaring bin I Keranda bin I Kiding bin I Bengawan.¹⁶⁴ Ini menunjukkan bahawa I-pai Semaring juga adalah mempunyai hubungan keluarga dengan Aji Beruwing. Dalam penyelidikan ke atas etnik Lun Bawang atau Lundayeh di Kalimantan Timur dan hulu Lawas, Sarawak asal-usul I-pai Semaring tidak pernah dinyatakan dengan jelas dan penemuan ini telah membuka ruang kajian dan perbincangan dengan lebih luas lagi mengenai hubungan etnik Tidung dalam sejarah awal Kerajaan Brunei.

¹⁶¹ Maklumat dari Awang Haji Metali bin Sabtu, PS/PY/SL/0014/86, Pusat Sejarah Brunei.

¹⁶² Maklumat dari Awang Mohd Ali Nordin bin Mohd. Zain, PS/PY/SL/0018/86, Pusat Sejarah Brunei.

¹⁶³ Maklumat dari Datu Norbeck bin Datu Bayal, wawancara tanpa rakaman di Tarakan pada tahun 2008.

¹⁶⁴ Ibid.

Aji Suria Sakti

Di samping itu dalam sejarah Tarakan Sang Aji Baruwing disebut sebagai Raja Tidung yang ke-10 dan puteranya Aji Suria Sakti sebagai raja yang ke-11. Ini bermakna Aji Suria Sakti yang dikatakan terlepas peluang menggantikan ayahandanya sebagai Raja Brunei kepada Awang Alak Betatar yang diceritakan dalam tradisi lisan Brunei bertentangan dengan keterangan dalam sejarah Tarakan yang menyebut bahawa Aji Suria Sakti telah menggantikan ayahandanya sebagai Raja Tidung ke-11. Berdasarkan kepada sumber itu sudah tentu peristiwa pelantikan Awang Alak Betatar sebagai Raja Brunei oleh Sang Aji Baruwing berlaku di luar Brunei. Dalam SAS dan tradisi lisan Brunei menyebut bahawa Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya (termasuk I-pai Semaring) adalah berasal dari hulu Limbang atau hulu Lawas, yang bermaksud dari sebuah tempat di Kalimantan Timur dan dijadikan Raja Brunei oleh saudara-saudaranya setelah mereka berada di Brunei (Sungai Brunei).

Peranan Sang Aji Brunei (Sang Aji Baruwing) dalam pelantikan itu tidak pernah disebutkan dalam dua sumber tersebut, dan penghijrahan Awang Alak Betatar bersama saudara-saudaranya ke Brunei dilihat sebagai suatu pelarian dari masalah dalam kerajaan awal mereka di Kalimantan Timur. Perebutan kuasa untuk menggantikan takhta kerajaan ayahanda mereka telah diceritakan dalam tradisi lisan Brunei apabila semua saudaranya itu berkeinginan untuk menjadi raja (yang disebut dalam SAS sebagai Raja Jawa). Pergolakan ini telah menyebabkan berlakunya penghijrahan ke Brunei bagi mengelakkan perebutan kuasa dalam Kerajaan Jawa (Kerajaan Tidung?).¹⁶⁵ Berdasarkan kepada sumber lisan Brunei itu telah menggambarkan peristiwa yang sebaliknya berlaku di mana Awang Alak Betatar terpaksa berpindah ke Brunei setelah

¹⁶⁵ Dalam *Syair Awang Semaun* disebut bahawa Awang Alak Betatar adalah keturunan dari Raja-raja Jawa iaitu putera Jin Seri Betara. Namun dalam tradisi lisan Brunei Awang Alak Betatar dikatakan putera Sultan Ahmad Amas Keyangan. Bagi keterangan lanjut sila rujuk Bab 3.

terlepas dari menduduki takhta kerajaan ayahandanya (Aji Baruwing) yang diberikan kepada Aji Suria Sakti untuk menjadi Raja Tidung ke-11.

Hipotesis ini merupakan suatu yang menarik untuk diketengahkan dan memerlukan sokongan sumber-sumber yang lain selain daripada salasilah Raja-raja Tidung itu. Dalam tradisi lisan Brunei dan etnik Lun Bawang di Lawas dan Kalimantan Timur jelas boleh membantu menguatkan hipotesis ini kerana Awang Alak Betatar dan saudara-saudaranya (termasuk I-pai Semaring) disebut datang dari luar Brunei. Dalam tradisi lisan Brunei di Kampong Ayer ada disebut nama hulu Tarakan sebagai tempat pertapaan I-pai Semaring setelah gagal mendapatkan kembali lembing yang dilarikan oleh tembadau.¹⁶⁶ Ini membuktikan bahawa adanya hubungan kerajaan awal Tarakan dengan Kerajaan Brunei yang diasaskan oleh Awang Alak Betatar pada pertengahan abad ke-14 melalui Sang Aji dan I-pai Semaring sebelum Kerajaan Brunei didirikan.

Kesimpulan

Hasil daripada penyelidikan ke atas sejarah kesultanan-kesultanan di Kalimantan Indonesia mendapati bahawa wujudnya suatu kesinambungan di antara kerajaan awal sebelum Islam dengan kerajaan Islam (kesultanan). Hubungan susur galur di antara raja-raja Islam dengan raja-raja sebelum Islam dapat dicantumkan secara jelas walaupun berlakunya perubahan kerajaan. Sebagai contoh pengasas kerajaan Islam di Banjarmasin Sultan Suriansyah adalah mempunyai hubungan salasilah dengan raja-raja Hindu zaman Kerajaan Negaradipa di Amuntai. Begitu juga kerajaan-kerajaan di Bulungan, Berau dan Kutai. Fenomena ini tidak berlaku ke atas Kesultanan Brunei yang diasaskan oleh Awang Alak Betatar pada abad yang ke-14 Masihi.

¹⁶⁶ Kisah lembing dan tembadau (kerbau liar) ini dibincangkan dalam Bab 3 dalam tajuk kecil “Ulasan Hasil Penyelidikan”.

Dalam sejarah Brunei wujudnya suatu tempoh ‘kesamaran sejarah’ seolah-olah sejarah kerajaan-kerajaan di Brunei itu hanyalah bermula apabila Kesultanan Brunei didirikan pada abad ke-14. Brunei telah kehilangan warisan sejarahnya zaman sebelum Islam khususnya melalui sumber-sumber tradisi lisan. Sementara sumber-sumber arkeologi dan laporan-laporan China yang banyak menceritakan tentang Brunei dalam tempoh tersebut masih belum mampu membentuk suatu sejarah yang lengkap mengenai rupa bentuk kerajaan awal di Brunei sebelum abad ke-14. Ini disebabkan oleh sumber-sumber tersebut tidak disokong oleh sumber-sumber tradisi seperti mana yang berlaku di Kalimantan. *Syair Awang Semaun* dan *Salsilah Raja-Raja Brunei* yang ditulis sekitar abad yang ke-17 dan 18 seakan-akan cuba melenyapkan kewujudan sejarah awal kerajaan Brunei sebelum Awang Alak Betatar itu. Adakah ini menggambarkan bahawa pengasas Kesultanan Brunei itu tidak mempunyai hubungan dengan mana-mana kerajaan awal yang pernah wujud di Sungai Brunei atau kerajaan-kerajaan di Borneo. Sementara Pehin Jawatan Dalam Dato Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri dalam penyelidikannya mengenai keturunan Sang Aji Brunei di Terakan, Kalimantan Timur telah berjaya menemukan susur galur Sang Aji Brunei sehingga mencapai 16 generasi ke belakang yang mempunyai hubungan dengan Kerajaan Tidung.¹⁶⁷

Kewujudan nama Sang Aji Baruwing (Sang Aji Brunei) dan Datu Mancang (Munchung) dalam tradisi lisan etnik Tidung sebagai Raja-raja Tidung (kerajaan awal Tarakan) menunjukkan bahawa raja-raja awal Brunei (Kesultanan Brunei) adalah berketurunan dari etnik Tidung. Oleh itu sumber pesisir telah memberi maklumat tambahan kepada sumber pedalaman yang tidak menyebut tentang nama-nama Sang Aji dan Datu Munchong dalam tradisi lisan mereka. Sementara sumber Brunei di Kampong Ayer memiliki kedua-dua maklumat yang ada di dalam sumber pesisir dan sumber pedalaman. Ini menunjukkan bahawa sumber Brunei di Kampong Ayer telah menerima

¹⁶⁷ Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, *Rampai Sejarah: Meniti Sejarah Silam*, hlm. 28-30.

pengaruh dari kedua-dua sumber tersebut sesuai dengan kedudukannya sebagai destinasi terakhir penghijrahan tokoh-tokoh yang disebut dalam sumber pesisir dan sumber pedalaman. Persoalan yang seterusnya ialah bagaimana membentuk sebuah hipotesis tentang asal-usul Awang Alak Betatar berdasarkan sumber pesisir dan sumber pedalaman itu.



Peta 6.2: Kedudukan Negeri-negeri di Borneo-Kalimantan. Sumber: Jerome Rousseau, "Central Borneo: A Bibliography", Special Monograph No. 5, *SMJ*, Vol. XXXVIII, No. 59, 1988. hlm. 3.

BAB 7: KESIMPULAN

Isu utama yang diceritakan dalam tradisi lisan etnik Brunei dan etnik Lun Bawang dalam kajian ini ialah mengenai penghijrahan Raja-raja Brunei yang berasal dari Kerajaan Tidung di Kalimantan Timur ke Brunei. Penghijrahan ini menjadi asas kepada tertubuhnya Kerajaan Brunei pada pertengahan abad ke-14 oleh Awang Alak Betatar. Secara tidak langsung hasil kajian ini telah berjaya mengisi ruang kosong dalam sejarah awal Kerajaan Brunei yang selama ini terbiar dalam bentuk lisan dan tidak pernah dijadikan sebagai sebahagian daripada sejarah Brunei. Kepentingan terhadap sejarah seharusnya bukan sahaja melibatkan sesebuah kerajaan atau raja-raja tetapi juga mengenai kebudayaan masyarakat peribumi yang berada di dalamnya. Sejarah tidak akan bermakna tanpa kebudayaan dan begitu juga kebudayaan tidak mungkin diketahui tanpa sejarah.¹ Tradisi lisan masyarakat peribumi Borneo misalnya hanya cerita biasa yang mereka warisi sejak sekian lama yang dijadikan sebagai bahan hiburan semata-mata, tetapi sejarahlah yang menjadikan ia penting dan terkenal kerana ianya penting bagi sejarah sesebuah bangsa. Perjalanan I-pai Semaring ke Brunei merupakan perjalanan biasa bukan dilakukan atas niat untuk mencipta sejarah, tetapi dari sudut sejarah ianya penting kerana di dalamnya mempunyai nilai-nilai sejarah yang terpancar daripada kebudayaan masyarakat peribumi. Apa yang dilakukan oleh I-pai Semaring adalah mempunyai persamaan dengan perjalanan Awang Alak Betatar bersama tiga belas saudaranya dari hulu Limbang ke Brunei. Peristiwa ini mendorong kepada berbagai pemikiran seperti mengapa perjalanan itu dilaku, apakah faktor yang mendorongkan perjalanan itu, dan mengapa Brunei dijadikan destinasi perjalannya.² Apabila memikirkan tentang pergerakan (manusia) secara tidak langsung mempunyai

¹ Sartono Kartodirdjo, *Ungkapan-Ungkapan Filsafah Sejarah Barat dan Timur, Penjelasan Berdasarkan Kesedaran Sejarah*, Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama, 1990, hlm. 9.

² Dalam teori *Pemikiran Sejarah* Collingwood telah memberi analogi apabila Julius Ceaser dan tenteranya menyeberangi Sungai Rubicon dari tebing Selatan dengan angkatan berkuda menyebabkan sungai yang sempit itu menjadi terkenal. Lihat, R.G. Collingwood, *The Idea of History*, New York: Oxford University Press, 1980, hlm. 213.

hubungan dengan faktor dalaman yang mendorong perjalanan itu berlaku.³ Kajian tradisi lisan yang dilakukan ini sebenarnya adalah kajian mengenai perjalanan Raja-raja Brunei yang disifatkan sebagai suatu penghijrahan (perpindahan) ke tempat yang lebih selamat dan kekal.⁴

Penghijrahan itu adalah suatu peristiwa yang bersejarah kerana di dalamnya menggambarkan unsur-unsur falsafah dan budaya hidup masyarakat peribumi khususnya di Kalimantan Timur dan di Kampong Ayer, Brunei. Antaranya ialah mengenai falsafah kepimpinan raja dan ketua-ketua kaum, kehidupan berpindah rendah, daripada kawasan pedalaman ke kawasan pesisiran, peperangan antara kaum dan etnik (ayau), perekonomian dan perdagangan tradisi, kesenian, adat-istiadat dan kepercayaan. Johann Gottfried Herder (1744-1803) salah seorang pelopor falsafah sejarah Zaman Romantik Barat mengatakan bahawa tidak ada satu tahap atau zaman dalam sejarah itu yang harus diketepikan atau dianggap tidak penting. Apabila suatu tahap itu diketepikan atau ditinggalkan, akan mencacatkan atau merosakkan pengertian serta kedudukannya dalam proses keseluruhan kesinambungannya, kerana setiap tahap itu mempunyai fungsi, pengertian serta kedudukannya yang tersendiri dalam proses kesenimbungan itu.⁵ Dalam falsafah sejarah itu sendiri yang mengatakan bahawa perjalanan manusia juga dianggap sebagai perjalanan sejarah.⁶

Dengan kata lain sejarah Brunei seharusnya ditulis bermula dari akar umbinya yang melibatkan masyarakat peribumi Borneo kerana Sejarah Brunei itu sendiri adalah sejarah Borneo. Perjalanan I-pai Semaring ke Brunei dalam tradisi lisan

³ Ibid.

⁴ Hipotesis ini sesuai dengan teori periodisasi masyarakat kuno yang dipoparkan oleh Troeltsch (1865-1923) yang membahagikan kepada tiga tahap atau waktu tamadun sesebuah masyarakat itu. Pertama masa bilamana penduduk memilih tempat tinggal menetap; kedua masa pembentukan dan perkembangan kota; ketiga masa kerajaan dunia dan monarki militer. Sartono Kartodirdjo, *Ungkapan-Ungkapan Filsafah Sejarah Barat dan Timur, Penjelasan Berdasarkan Kesedaran Sejarah*, hlm. 8.

⁵ Muhd Yusof Ibrahim, *Aspek dan Perkembangan Falsafah Sejarah Dunia Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991, hlm. 129-130.

⁶ Ibid., hlm. xiv-xv.

etnik Lun Bawang dan perjalanan Awang Alak Betatar dan Awang Semaun mencari ayah mereka sehingga membawa mereka ke Brunei merupakan suatu proses penciptaan sejarah. Sejarah tidak akan tercipta tanpa perjalanan tersebut. Mas'udi seorang ahli sejarah Islam pada abad ke-10 berkata sebelum dia menulis sejarah kedatangan Islam dan kebangkitan empayar Islam beliau terlebih dahulu meneliti latar belakang masyarakat Arab sebelum datangnya Islam di Tanah Arab. Beliau mengkaji salasilah suku Arab iaitu Arab Yamani, Arab Nazari dan Arab yang hampir luput yang semua mereka berketurunan dari Sam, anak Nabi Noh.⁷ Ini adalah atas kesedaran bahawa bangsa Arab zaman Islam adalah lahir daripada bangsa Arab zaman jahiliah.

Selain daripada itu tradisi lisan etnik Brunei dan Lun Bawang dilihat sebagai pelengkap kepada *Syair Awang Semaun (SAS)*, iaitu sebuah karya historiografi Melayu tradisional yang menceritakan tentang pembukaan negeri Brunei oleh Awang Alak Betatar bersama tiga belas orang saudaranya.⁸ Wujudnya hubungan antara unsur-unsur mitos yang terdapat dalam *SAS* dengan kandungan tradisi lisan tersebut. Umpamanya mitos mengenai asal-usul Raja-raja Brunei yang diceritakan dalam *SAS* berasal dari kayangan yang diturunkan ke dunia untuk memerintah Brunei. Sementara dalam tradisi lisan Brunei di Kampong Ayer menyebut bahawa ayah Awang Alak Betatar (disebut Anak Muda) adalah keluar dari “sebutir telur yang digugurkan di hulu Sungai Limbang”. Mitos kedatangan Awang Alak Betatar bersama 13 orang saudaranya telah dihubungkan dengan peristiwa penghijrahan I-pai Semaring dari Daerah Sasayap di Kalimantan Timur ke Brunei melalui hulu Lawas (hulu Sungai Terusan). Peristiwa penghijrahan tersebut merupakan tahap awal dalam sejarah Kerajaan Brunei pada abad ke-14 yang diceritakan dalam bentuk mitos dalam *SAS* dan tradisi lisan Brunei.

⁷ Charles Issawi, *Filsafah Islam Tentang Sejarah*, Djakarta: Tinta Mas, 1962, hlm. 37.

⁸ Pendapat ini pernah diutarakan oleh Prof Dr. Hjh Siti Hawa Hj.Salleh dengan mengatakan, “syair ini memulakan ceritanya seolah-olah menyambung daripada mitos-mitos asal-usul Raja-Raja Brunei yang wujud dalam cerita rakyat”. Lihat, Hajah Siti Hawa Haji Salleh, “Karya Historiografi Melayu Tradisional Dalam Bentuk Puisi: Sorotan Khas Syair Awang Semaun”, *Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Brunei Darussalam, 1994, hlm. 59.

Dalam tradisi lisan sesuatu fakta itu terselindung di dalam mitos yang dicipta khusus untuk memberi nilai yang ideal kepada seseorang tokoh yang menjadi subjek dalam cerita tersebut. Menurut Bertens fakta ialah sesuatu yang boleh dijelaskan dan dapat diterima oleh semua orang. Sementara nilai adalah sesuatu yang sesuai dengan norma ideal menurut masyarakat pada masa.⁹ Sesuatu fakta itu tidak berubah sampai bila-bila, tetapi dengan apa yang berlaku, yang berubah itu adalah penilaian ke atasnya oleh masyarakat yang berbeza. Di bawah ini diasingkan tiga unsur tersebut bagi mendapatkan fakta-fakta sejarah dalam tradisi lisan etnik Brunei dan etnik Lun Bawang dengan formula analisis fakta + mitos = nilai (Rujuk Jadual 1).

Jadual 7.1: Formula Analisis Fakta + Mitos = Nilai

Fakta	Mitos	Nilai
Raja-raja Brunei berasal dari Kalimatan Timur	Dari alam kayangan turun ke dunia	Kemuliaan/Status
Lembing adalah lambang kuasa bagi sebuah kerajaan peribumi	Penyerahan lembing Sang Aji kepada I-pai Semaring (Anak Muda)	Kerajaan
Hulu Limbang atau Hulu Lawas adalah laluan penghijrahan ke Brunei	Telur jatuh di Hulu Limbang	Kelahiran/Status

⁹ Penulis menggunakan kaedah Bertens dalam kajian ke atas unsur-unsur fakta dan nilai yang terdapat dalam tradisi lisan. Lihat, B.H. Hoed "Komunikasi Lisan Sebagai Dasar Tradisi Lisan", dalam Pudentia M.P.S.S.(ed.), *Metodologi Kajian Tradisi Lisan*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia dan Yayasan Asosiasi Tradisi Lisan, 1998, hlm. 338.

Jadual 7.1, sambungan

Fakta	Mitos	Nilai
Raja-raja Brunei berasal dari Kalimatan Timur	Dari alam kayangan turun ke dunia	Kemuliaan/Status
Lembing adalah lambang kuasa bagi sebuah kerajaan peribumi	Penyerahan lembing Sang Aji kepada I-pai Semaring (Anak Muda)	Kerajaan
Hulu Limbang atau Hulu Lawas adalah laluan penghijrahan ke Brunei	Telur jatuh di Hulu Limbang	Kelahiran/Status
Perluasan wilayah jajahan Brunei	Tembadau melarikan lembing Sang Aji	Kuasa
Brunei mempunyai 14 buah wilayah jajahan	Perkahwinan ‘Anak Muda’ dengan 14 orang isteri di 14 buah tempat	Pengaruh
I-pai Semaring dan Anak Muda adalah orang yang sama	Mengembara mendapatkan semula lembing yang dibawa lari oleh tembadau	Kecekalan
Awang Semaun tokoh penting dalam sejarah awal Kerajaan Brunei	Mampu memecahkan pulau-pulau di Sungai Brunei dan mengalahkan ikan Sumpit-Sumpit	Kegagahan
I-pai Semaring adalah anak raja dari Kerajaan Tidung	Seorang yang mempunyai kesaktian dan hidup bukan seperti manusia biasa	Kemuliaan/Status

Fakta-fakta yang ditunjukkan dari analisis tersebut adalah tentang sejarah asal-usul Raja-raja Brunei dan pembentukan kerajaan baru di Brunei. Dalam teori ‘kitaran’ yang dikemukakan oleh para sarjana Barat sejak zaman klasik menyebut secara amnya sejarah sesuatu bangsa atau kerajaan itu terdiri daripada beberapa tahap iaitu tahap kebangkitan, kemajuan, kedewasaan, kemunduran dan kejatuhan. Ini boleh diterjemahkan dalam sejarah Kerajaan Brunei sejak ianya didirikan hingga masa kini. Mengikut Vico (1688-1744) setiap peringkat pergerakan sejarah (sesbuah kerajaan) seharusnya menampakkan kemajuan daripada yang sebelumnya, umpamanya bermula daripada corak pemerintahan suku kaum kepada sistem pemerintahan beraja.¹⁰ Dalam sejarah Brunei teori ini boleh dimulakan dengan melihat sejarah kerajaan-kerajaan di Brunei sejak abad ke-6 yang didirikan oleh kaum-kaum peribumi yang berbeza, iaitu kaum Kayan, Bisaya dan Lun Bawang-Melayu.¹¹ Oleh itu peristiwa penghijrahan etnik Lun Bawang ke Brunei sehingga berjaya mendirikan kerajaan yang baru di Sungai Brunei menggantikan kerajaan lama dianggap sebagai zaman kebangkitan dalam teori kitaran itu.

Tahap ini berakhir dengan terbentuk sistem pemerintahan beraja dalam Kerajaan Brunei dan berlakunya penukaran identiti Kerajaan Brunei menjadi kerajaan Melayu apabila Awang Alak Betatar memeluk agama Islam dan berkahwin dengan Puteri Johor. Pengislaman Awang Alak Betatar ini secara tidak langsung telah menghilangkan identiti peribumi pada diri dan kerajaannya. SAS dan SRB adalah sumber sejarah Brunei yang menceritakan tentang tahap kedua ini, kerana kedua sumber tersebut lebih menumpukan penulisannya mengenai hubungan Brunei dengan kerajaan-kerajaan Melayu terutamanya Kerajaan Johor (Singapura) dan Kerajaan Minangkabau.¹²


¹⁰ Muhd. Yusof Ibrahim, *Aspek dan Perkembangan Falsafah Sejarah Dunia Barat*, hlm. 81.

¹¹ Kerajaan-kerajaan yang pernah didirikan di Brunei terdapat dalam laporan-laporan Cina yang dibincangkan dalam Bab 1 dalam tajuk kecil “Brunei Dalam Sumber Cina”.

¹² P.L.A. Sweeney (ed.), “Silsilah Raja-Raja Berunai”, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)* , Vol. XLI, Pt. 2, 1968, hlm. 11.

Kemasukan pengaruh Melayu dalam Kerajaan Brunei juga berlaku disebabkan oleh perkahwinan Awang Alak Betatar dengan Puteri Johor yang berasal dari Kerajaan Melayu di Singapura. Dengan perkahwinan ini menandakan bermulanya pengaruh Melayu memasuki darah keturunan Raja-raja Brunei. Perkahwinan campur dalam keluarga diraja Brunei dilanjutkan lagi oleh puteri Awang Alak Betatar yang bernama Puteri Ratna Dewa berkahwin dengan seorang pembesar Cina bernama Ong Sum Ping. Sementara saudara Awang Alak Betatar bernama Pateh Berbai (Sultan Ahmad) iaitu Sultan Brunei kedua berkahwin dengan saudara perempuan Ong Sum Ping bernama Puteri Kinabatangan. Seterusnya puteri Sultan Ahmad bernama Puteri Ratna Kesuma berkahwin dengan Sharif Ali yang berasal dari Taif, Timur Tengah keturunan daripada Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi wa Salam menerusi Sayidina Hasan.¹³ Keturunan daripada Sharif Ali inilah yang menjadi Raja-raja Brunei seterusnya apabila baginda diangkat menjadi Sultan Brunei yang ketiga. Dengan perkahwinan campur dari tiga bangsa ini menjadikan hubungan Raja-raja Brunei dengan kaum peribumi Borneo semakin dilupakan dalam sejarah Brunei. Pengumpulan dan pengkajian tradisi lisan etnik Brunei dan etnik Lun Bawang serta Lundayeh merupakan suatu cara untuk menempatkan semula sejarah yang diabaikan itu di tempat yang sewajarnya.

¹³ Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, 1990, hlm. 93-94.



Salasilah 7.1: Salasilah Hubungan Raja-raja Tidung Dengan Raja-raja Brunei. Sumber: Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Rampai Sejarah: Meniti Sejarah Silam*, Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, 2005, hlm. 30.

RUJUKAN

SUMBER YANG TIDAK DITERBITKAN

Alamat Zaman Ketakhtaan Di Negeri Brunei, karangan Pengiran Sabtu Kamaluddin pada tahun 1938, simpanan Pusat Sejarah Brunei.

Fahadi BZ (ed.), “Himpunan Naskah Tentang Sambas Dikala Doeloe”.

Kitab Pemahaman Ajaran Islam yang Hakiki untuk Kemaslehatan Umat Islam Baik di Dunia maupun di Khairat, karangan Datu Kaya Muda Amar Diraja Haji Abdul Hamid pada tahun 1931 (salinan dari kitab asal dari Datu Kaya Laksamana Setia Raja Haji Ali dan tambahan pengarang), simpanan Pusat Sejarah Brunei.

Salsilah Raja-Raja Brunei, Karangan Datu Imam Aminuddin bin Orang Kaya DiGadong Lewadin yang disalin oleh Haji Abd. Al-Ghapar bin Abd. Momin pada tahun 1936, simpanan Pusat Sejarah Brunei.

Salsilah Segala Raja-Raja, karangan Pengiran Johor bin Pengiran Israel pada tahun 1072 Hijrah, simpanan Pusat Sejarah Brunei.

Sarifuddin, “Legenda Soekadana Tempo Doeloe”, Kalimantan Barat, 2006.

Sejarah Balai Karangan Ibu Kota Keg. Sekayam, manuskrip karangan Mustafa Yusuf pada 15 Mac 1984 di Balai Karangan, Kacamatan Sekayam, Kalimantan Barat.

Sejarah dan Silsilah Kerajaan Tayan, simpanan Pusat Sejarah Brunei.

Syair Awang Semaun, versi Muzium Brunei, simpanan Pusat Sejarah Brunei.

Syair Tarsilah Saribas, (tidak diterbitkan), simpanan Pusat Sejarah Brunei.

WAWANCARA

Aji Misbachoedein, *Sejarah Kesultanan Kutai di Tengarong*, Pusat Sejarah Brunei, 2006, (PS/PY/SL/0998/06).

Awang Damit bin Merali, *Sejarah Kampong Pekilong Muara dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0006/86).

Awang Haji Ahmad bin Munaf, *Sejarah Islam di Brunei dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0063/86).

Awang Haji Ahmad bin Munaf, *Sejarah Sang Aji Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0005/86).

Awang Haji Besar bin Osman, *Sejarah Kampong Tamoi Tengah dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0035/86).

Awang Haji Chuchu bin Mudim Haji Yahya, *Sejarah Kampong Saba Tengah dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0003/86).

Awang Haji Duraman bin Sudin, *Sejarah Awang Alak Betatar*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0018/86).

Awang Haji Ibrahim bin Khatib Muhammad, *Sejarah Kampong Lurong Sekuna, Sejarah Islam di Brunei dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0062/86).

Awang Haji Jeluddin bin Nayan, *Sejarah Kampong Pengiran Tejuddin Hitam dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0036).

Awang Haji Kalong bin Arshad, *Sejarah Kampong Ujong Tanjong dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0047/86).

Awang Haji Latif bin Kassim, *Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0015/86).

Awang Haji Matassan bin Kassim, *Sejarah Kampong Peramu dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0008/86).

Awang Haji Metali bin Sabtu, *Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0014/86).

Awang Haji Mohd Noor bin Khatib Abdul Razak, *Sejarah Kampong Limbongan dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0032/86).

Awang Haji Muhammad bin Haji Halim, *Sejarah Kampong Sungai Siamas dan Sejarah Islam di Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0016/86).

Awang Haji Naim bin Durahim, *Sejarah Kampong Sultan Lama dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0051/86).

Awang Haji Othman bin Yaakub, *Sejarah Kampong Pekan Lama dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0030/86).

Awang Haji Salleh Mohammad bin Pateh Jalil, *Sejarah MukimSaba, Sejarah Kampong Setia ‘A’ dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0011/86).

Awang Haji Tengah bin Zainal, *Sejarah Kampong Kuala Peminyak dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0068/86).

Awang Ismail bin Othman, *Sejarah Kampong Saba Darat B, Islam di Brunei dan , Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0004/86).

Awang Metassan bin Bakar, *Sejarah Kampong Tamoi Ujong dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0033/86).

Awang Mohd Ali Nordin bin Mohd. Zain, *Kisah Si Muda*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0047/86).

Awang Salleh bin Bakar, *Sejarah Kampong Ujong Klinik dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0017/87).

Bapak Aji Ridwan Syahrani, *Sejarah Kesultanan Kutai di Tengarong*, Pusat Sejarah Brunei, 2006, (PS/PY/SL/0996/06).

Damong Awang Haji Maidin bin Abdul Latif, *Sejarah Am Brunei dan Sejarah Islam di Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0002/86).

Drs H. Ahmad Maulana, *Sejarah Kesultanan Gunung Tabur*, Pusat Sejarah Brunei, 2006, (PS/PY/SL/1000/06).

Labar Lasong, *Kisah Awang Samaun di Lawas, Sarawak*, Pusat Sejarah Brunei, 1990, (PS/PY/SL.0002/90).

Mengenai *Datu Kaya Laksamana Setia Raya Hj Mohd. Ali di Kampong Kaum, Ketapang*, Pusat Sejarah Brunei, 2006, (PS/PY/SL/0986/06).

Mengenai *Puteri Surya Kesuma di Bukit Lalang, Sukadana*, Pusat Sejarah Brunei, 2006, (PS/PY/SL/0981/06).

Mengenai *Sejarah Kesultanan Banjar*, Pusat Sejarah Brunei, 2006, (PS/PY/SL/0988/06).

Miton Telo, *Kisah I-pai Semaring di Long Midang, Kalimantan Timur*, Pusat Sejarah Brunei, 1990, (PS/PY/SL/0001/90).

Pengarah Awang Haji Basi bin Pateh Jalil, *Sejarah Kampong Setia ‘A’ dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0010/86).

Pengarah Awang Haji Jair bin Jaafar, *Sejarah Kampong Setia ‘B’ dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0013/86).

Pengarah Haji Naim bin Jaafar, *Sejarah Kampong Peramu dan Sejarah Islam di Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 21-23 Disember 1986, (PS/PY/SL/0005/86).

Pengiran Dr. Mardab Adiyata dan Mufti Kerajaan Mempawah, *Sejarah Kerajaan Mempawah*, Pusat Sejarah Brunei, 2006, (PS/PY/SL/0974/06).

Pengiran Jaya Perkasa Pengiran Anak Md. Hassan bin Pengiran Sabtu Kamaluddin, *Sejarah Kampong Pengiran Bendahara Lama dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0031/86).

Penglima Raja Awang Haji Mohiddin bin Pengarah Perseh, *Sejarah Kampong Saba dan Sejarah Am Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1986, (PS/PY/SL/0001/86).

BUKU

A Catalogue of Selected Artefacts from the Brunei Shipwreck, Brunei: Brunei Museum, 2000.

A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.

Awang Haji Mohamad bin Salim, *Ragam Hias Batu Nisan dan Makam Satu Pengenalan*, Kota Batu, Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium-Muzium Brunei, 2003.

Barnes, H.E., *A History of Historical Writing*, 2nd ed., New York: Dover Publication, Inc., 1963.

Beccari, O., *Wandering in the Great Forest of Borneo*, Singapore: Oxford University Press, 1986.

Beeckman, D., *A Voyage to and from the Island of Borneo in the East Indies*, London: Dawsons of Pall Mall, 1718.

Benedetto, Croce, *History: Its Theory and Practice*, New York: Harcourt, Brace and Co. Inc. 1923.

Bengkel Pengumpulan Sejarah Lisan, 6hb hingga 12hb September 1986, Brunei: Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, 1986.

Blair, E.H. & Robertson, J.A. (ed). *The Philippine Islands*, Vol. I, IV, VII, & XXXII, Manila: Chachos Hermanos Ins., 1973.

Booklet Mengenai Projek Pmugaran dan Pemeliharaan Peninggalan Sejarah dan Purbakala Kalimantan Selatan 1980/1981: Banjarmasin, 1981.

Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei,
Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Kementerian Kebudayaan Belia
dan Sukan, 1994.

Buckingham, Will, Burnham, Douglas, King, Peter J. & Hill, Clive, *The Philosophy Book*, New York: Dorling Kindersley Limited, 2011.

Bury, J.B., *The Ancient Greek Historian*, New York: Dover Publication Inc., 1958.

Butterfield, Herbert, *Men on His Past*, London: Cambridge University Press, 1966.

Chaw, Danie, *Chinese Pioneers on the Sarawak Frontier 1841-1941*, Singapore: Oxford University Press, 1990.

Collingwood, R.G., *The Idea of History*, New York: Oxford University Press, 1980.

Cortesao, A., (ed.), *The Suma Oriental of Tome Pires and the Book of Francisco Rodrigues.*, Vol. 1/11, Nendeh Leichtenstein: Kraus Reprint Ltd., 1956.

Crawfurd, J., *A Descriptive Dictionary of the Indian Island and Adjacent Countries*, London: Bradbury & Evans, 1856.

Dalrymple, A., *Oriental Repertory*, Vol. 1, London: George Bigg, 1793.

Danandjaja, James, *Pendekatan Folklor Dalam Penelitian Bahan-bahan Tradisi Lisan*, Jakarta: Asosiasi Tradisi Lisan (ATL), 2008.

Danny, Wong Tze-ken & Fernando, Joseph M. (eds.), *Sejarah Sumber dan Pendekatan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.

Dijk, L.C.D., Van, *Nederland Vroegste Betrekkingen Met Borneo, Solo-Archipel, Comboldja: Siam en Cochinchina*, Amsterdam: J.H. Scheltema, 1862.

Donald, F.L. & Van Kley, Edwin, J., *Asia in the Making of Europe*, Vol. III, Chicago: University of Chicago Press, 1981.

Dzulfawati Haji Hassan, *Upacara Kematian Melanau Likow Di Sarawak*, Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, 2006.

Ellyas Suryani Soren, *Sejarah Mempawah Tempo Doeoe*, Pontianak: Kantor Informasi, Arsip dan Perpustakaan Daerah Kabupaten Pontianak, 2001.

Forrest, T., *A Voyage to New Guinea and the Moluccas 1774-1776*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969.

Green, J. N. & Kimura, J., Preliminary Report on Maritime Archaeological Survey in Brunei Darussalam, Perth :Western Australian Museum, 2013.

Groeneveldt, W.P., *Notes on the Malay Archipelago and Malacca, Compiled from Chinese Sources*, Batavia: 1876.

H. Achmad Maulana, *Sejarah Daerah Berau*, Tanjung Redeb: Berau, 2001.

Hacke, W., *A Collection of Original Voyage*, London: The Grows, 1876.

Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman, *Keruntuhan Empayar Brunei KM-19: Satu Kajian Dari Sudut Ekonomi*, Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei, 2008.

_____, *Lipan Baram: Hubungan Brunei dengan 'Orang Ulu' di Sungai Baram, Belaga dan Bintulu pada abad ke-19*, Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei, 2013.

Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, 1990.

_____, *Brunei Darussalam Negara Melayu Islam Beraja*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2007.

_____, *History of Brunei in Brief*, Bandar Seri Begawan: Brunei History Centre, 2000.

_____, *Latar Belakang Sejarah Brunei*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2000.

_____, *Rampai Sejarah: Meniti Sejarah Silam*, Brunei Darussalam: Jabatan Pusat Sejarah, 2005.

_____, *Sultan Tengah, Sultan Sarawak Pertama dan Terakhir*, Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei, 1995.

Haji Kassim Haji Omar, *Unsur-Unsur Dakwah dalam Syair Awang Semaun*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.

Haji Mohamad bin Salim, *Ragam Hias Batu Nisan dan Makam Satu Pengenalan*, Brunei Darussalam: Jabatan Muzium-Muzium Brunei, 2003.

Haji Mohammad Tahir bin Abdul Ghani, *Hikayat Datuk Merpati*, Kuala Lumpur: DBP, 1989.

Haji Muhammad bin Awang Abdul Latif , Haji Hashim bin Haji Mohd. Noor, Haji Rosli bin Haji Ampal (eds.) *Brunei di Tengah-Tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*”, Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Brunei Darussalam, 1994.

Harrisson, Tom, *The Malay of South-West Sarawak Before Malaysia A Socio-Ecological Survey*, Glasgow: Robert Maclehose and Co. Ltd., The University Press, 1970.

Heyward, Nigel, *Sarawak, Brunei & North Borneo*, Singapore: Eastern Universities Press LTD., 1963.

Hirth, F., & Rockhill, W.W., *Chua Ju-kua: His Work on the Chinese and Arab Trade in the Twelfth and Thirteenth Centuries*, New York: Paragon Book Reprint Corp., 1966.

Hj. Awang Mohd Jamil A-Sufri, *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam* (Edisi Pembaharuan), Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2001.

Horton, A.V.M., *Report on Brunei by M.S.H. McArthur in 1904*, (Monographs in International Studies, Southeast Asia Series), Athen: Ohio University, 1987.

Hubert, Th. M. Jacobs, *A Treaties on the Moluccas (c1544)*, Vol. III, Rome: Jesuit Historical Institute Via de Peni Tenzei, 1971.

Irwin, G., *Borneo Abad kesembilan Belas: Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik*, (ter.) Mohd. Nor Ghani & Noraini Ismail), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1986.

Issawi, Charles, *Filsafah Islam Tentang Sejarah*, Djakarta: Tinta Mas, 1962.

Kappel, H., *The Expedition to Borneo of HMS Dido for the Suppression of Piracy with Extracts from the Journal Sir James Brooke Esq of Sarawak*, Vol. 1 & 2, Singapore: Oxford University Presss, 1991.

Keppel, R.H.N., *A Visit to the Indian Archipelago in H.M. Ship Meander with Portions of the Private Journal of Sir James Brooke, K.C.B.*, Vol. II, London: R. Bentley, 1848.

Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan: Persatuan Sejarah Brunei dan Universiti Brunei Darussalam, 1989.

L'Hour, Michel (ed.), *The Sunken Treasures of Brunei Darussalam*, Paris: Éditions Textuel, 2001.

Laporan Penyelidikan Sejarah Kerajaan Labai, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2007.

M. Chin, John, *The Sarawak Chinese*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1981.

Masa Silam Sarana Masa Depan: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei II, Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan 1999.

Mohd. Yusuf Sahar, *Sejarah/Hari Jadi Kota Mempawah*, Pontianak: Percetakan Tabah, 1983.

Moor, J.H., *Notices of the Indian Archipelago and Adjacent Countries*, Singapore, 1837.

Muhd Yusof Ibrahim, *Aspek dan Perkembangan Falsafah Sejarah Dunia Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991.

Najeeb M. Saleeby, *Studies in Moro History Law and Religion*, Manila: The Philippine Book Guild, 1976.

_____, *The History of Sulu*, Manila: Filipina Book Guild Inc., 1963.

- Nicholl, R. (ed.), *European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century*, Bandar Seri Begawan: Brunei Muzium, 1975.
- P.S. Hary Susanto, *Mitos Menurut Pemikiran Mircea Eliade*, Yogyakarta, Penerbit Kanisius, 1987.
- Pabali H. Musa, *Sejarah Kesultanan Sambas Kalimantan Barat, Kajian Naskah Asal Raja-Raja dan Salsilah Raja Sambas*, Pontianak: Stain Pontianak Press, 2003.
- Pemulihuan Sejarah dan Tamadun Borneo Ke Arah Pengukuhan Negara Bangsa*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2007.
- Perrin, Sharon, *The Brunei Shipwreck*, Brunei: Elf Petroleum Asia B.V., 2000.
- Pg. Karim Pg. Haji Osman (ed.), *Sungai Limau Manis Tapak Arkeologi Abad ke-10 Masihi*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium-Muzium Brunei, 2004.
- Pigafetta, A., *First Voyage Around the World*, Manila: Filipiniana Book Guild, 1969.
- _____, *Magellan's Voyage*, New Haven: Yale University Press, 1969.
- Prosiding Seminar Sejarah Borneo ke-2*, Anjuran Pusat Sejarah Brunei, Brunei Darussalam, 2011.
- Prosiding Seminar Sejarah Borneo ke-3*, Anjuran Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, 2013.
- Pudentia M.P.S.S.(ed.), *Metodologi Kajian Tradisi Lisan*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia dan Yayasan Asosiasi Tradisi Lisan, 1998.
- _____, *Metodologi Kajian Tradisi Lisan*, Jakarta: Asosiasi Tradisi Lisan (ATL), 2008.
- Rahim Dulani, *Hikayat Awang Kamaruddin*, Brunei Darussalam: DBP, 2002.
- Rahsia Dari Sungai: Buku Panduan Pameran Tapak Arkeologi Sungai Limau Manis*, Brunei Darussalam: Jabatan Muzium-Muzium Brunei, 2004.
- Rutter, O., *The Pagans of North Borneo*, London: Hutchinson & Co. Ltd., 1929.
- Kartodirdjo, Sartono, *Ungkapan-Ungkapan Filsafah Sejarah Barat dan Timur, Penjelasan Berdasarkan Kesedaran Sejarah*, Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama, 1990.
- Satyawati Suleiman, *The Ancient History of Indonesia*, Jakarta :Archaeological Foundation, Indonesia, 1960.
- Sekilas Pesona Wisata Pesisir Pantai Selatan Ketapang*, Tanjungpura: Pemerintah Kabupaten Ketapang dan Solidaritas Insan Penulis Wartawan Tanjungpura, 2002.

Sekilas Sejarah Kesultanan Bulungan Dari Masa Ke Masa Serta Sinopsis Perkahwinan Adat Keraton Kesultanan Bulungan, Bulungan: Yayasan Musium Kesultanan Bulungan & Pemda Kabupaten Bulungan, 2004.

Shim, P.S., *Inland People of Sabah Before, During and After Nunuk Ragang*, Kota Kinabalu: Borneo Cultural Heritage Publisher, 2007.

Simat bin Angas, Suhaili bin Haji Hassan dan Haji Ismail bin Ibrahim (eds.), *Tokoh-Tokoh Agama di Brunei Darussalam: Pengenalan Ringkas*, Brunei Darussalam: Penerbitan Khas Jabatan Muzium-Muzium Brunei, 1992.

Slametmulyana, *Kuntala, Sriwijaya dan Suwarnabhumi*, Jakarta: Yayasan Idayu, 1987.

_____, *Nagarakretagama dan Tafsir Sejarahnya*, Jakarta: Bhratara Karya Aksara, 1979.

St. John, Spencer, *Life in the Forest of the Far East*, London: Smith, Elder, 1862.

Syaukani HR., *Kerajaan Kutai Kartanegara*, Kutai Kartanegara: Lembaga Kepustakaan & Penerbitan Pustaka Pulau Kumala, 2002.

Tarif Khalidi, *Islamic Historiography, the Histories of Mas'udi*, Albany: State University of New York Press, 1975.

Teixeire, M.M., *The Portuguese Missions in Malacca and Singapore (1511-1958)*, Vol. 11, Macau: Instituto Cultural de Macau, 1986.

The Chinese Repository, Vol. VII, August, 1838, No. 4.

Thomson, J.W., *A History of Historical Writing*, New York: The McMillan Co., 1945.

Topp, Lene, *The Lundayeh of Long Pasia and Long Mio, Their History and Legends*, Denmark: WWF, 2006.

Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei 1961, London: Macmillan & Government of Brunei, 1961.

Van Neck, Jac. Corn, *en Wybrant Wawijck DETWEDE SCHIPV NAAR OINDIE 1598-1600*, Lanschoten Vereeniging: Linschoten-Vereeniging Deel L, 1940, (Simpanan Pusat Sejarah Brunei).

Wu, Zong Yu, *Brunei Dalam Sejarah China*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 2010.

Yus Suhardi, M. Husni, M. Afiat Mekah, M. Natsir (eds.), *Sanggau Dari Masa ke Masa*, Sanggau: Dinas Pariwasata, 2004.

Zaide, Gregario F., *Sejarah Poitik dan Kebudayaan Filipina*, Kuala Lumpur: DBP, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1972.

ARTIKEL

- Awang Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim, "Peranan Pusat Sejarah Brunei Dalam Penyelidikan dan Penulisan Sejarah", *Pustaka, Berita Jabatan Pusat Sejarah, Brunei*, Bil. 1, 1988.
- Banks, E., "Ancient Times in Borneo", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, Vol. XX, Pt. 11, 1947.
- _____, "The Natives of Sarawak", *JMBRAS*, Vol. XVIII, Pt. 11, 1940.
- Belawing Tingang, "Story of the Long Kiput Kenyah", *Sarawak Museum Journal (SMJ)*, January and Dec. 1974.
- Bellwood, Peter & Matussin Omar, "Trade Patterns and Political Developments in Brunei and Adjacent Arean, A.D. 700-1500", *Brunei Museum Journal (BMJ)*, Vol. 4, No. 4, 1980.
- Bellwood, Peter, "The Prehistory of Borneo", *Borneo Research Bulletin*, Vol. 24, 1992.
- Bewsher, R.A., "Bisayan Accounts of Early Bornean Settlements in the Philippines Recorded by Father Santaren", *SMJ*, Vol. VII, No. 7, 1956.
- Bigar Anak Deboi B.E.M., "Rang Dungo: A Murut Story of Creation", *SMJ*, Vol. VII, No. 7, 1956.
- Bluemenfritt, F., "Spain and the Island of Borneo", *BMJ*, Vol. 4, No. 1, 1977.
- Blust, R., "The Tring Dialect of Long Terawan", *SMJ*, Vol. XXXIII, No. 54, 1984.
- Bolang, Alexander & Harrisson, T., "Nakoda Ragam: from Sambas to Brunei", *SMJ*, Vol. VI, No. 4, 1954.
- Braddel, R., "A Notes on Sambas and Borneo", *JMBRAS*, Vol. XXII, Pt. 4, 1949.
- Brown, C.C., "An Early Account of Brunei by Sung Lien", *BMJ*, Vol. 2, No. 4, 1972.
- _____, "The Eastern Ocean in the Yung-Lo Ta-Tien", *BMJ*, Vol. 4, No. 2, 1978.
- _____, "Two Ming Texts Concerning King Ma-na-je-chia-na of Po-ni", *BMJ*, Vol. 3, No. 2, 1974.
- Brown, D.E., "Hiranyagarbha-The Hindu Cosmic Egg-And Brunei's Royal Line", *BMJ*, Vol. 4, No. 4, 1980.
- _____. "Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate", *Monograph of the Brunei Museum Journal*, Vol. 11, No. 2, 1970.
- Caroll, J.S., "Brunei in the Boxer Codex", *JMBRAS*, Vol. LV, Pt. 2, 1982.
- Clayre, Iain, "A Melanau Redatta", *Sarawak Gazette*, Vol. XCVII, No. 1360, 1971.

- _____, “A Milano is a Melannau by any Other Name”, *Sarawak Gazette*, Vol. XCVII, No. 1358, 1971.
- _____, “Punan Ba’: Melanau Link with the Ulu Rejang”, *Sarawak Gazette*, Vol. XCIVIII, No. 1368, 1972.
- _____, “The Kajang Kingdom: All the Melanau Peoples Where Do They All Come from?”, *Sarawak Gazette*, Vol. XCVII, No. 1362, 1971.
- Deegan, J. and Usad, Robin, “Upai Kasan: a Lun Bawang Folktale”, *SMJ*, Vol. XX, No. 40-41, 1972.
- Demy, P. Sonza, “The Bisaya of Borneo and the Philippines: A New Look at the Maragtas”, *SMJ*, Vol. XX, No. 40-41, 1972.
- Dickenson, J.T., “Notices of the City of Borneo and its Inhabitants, Made During the Voyage of the American Brig Himmaleh in the Indian Archipelago, in 1887”, *The*
- Druce, Austin, “Early History of the Kut Canal”, *Sarawak Gazette*, Vol. CIV, No. 144, 1978.
- Evans, Ivor H.N., “Notes on the Bajaus and other Coastal Tribes of North Borneo”, *JMBRAS*, Vol. 25, Pt. 1, No. 158, 1952.
- Gomes, Edwin H., “Another Sea-Dyak Legend”, *JMBRAS*, No. 45, 1965.
- Greoneveldt, W.P., “Notes on the Malay Archipelago and Malacca Compiled from Chinese Sources”, *Verhandelingen van het Bataviaasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen*, Vol. 39, 1876.
- Guerreiro, A.J and Sellato, B.J.L., “More on Kenyah Migrations”, *Borneo Research Bulletin*, Vol. 16, No. 2, 1984.
- H. Muhammad Noor, “Sejarah Perjuangan Raja Alam (Sultan Alimuddin)”, *Makalah Mengenai Calon Pahlawan Nasional Dari Kabupaten Berau Kalimantan Timur*, 2003.
- Haji Abd. Karim Haji Abd. Rahman, “Batu Nisan Orang Islam di China dan Pengaruhnya ke atas Nisan Maharaja Brunei”, *PUSAKA*, Berita Jabatan Pusat Sejarah Brunei, Bil. 9, 1999.
- _____, “P’u-Kung Chih-Mu”, *PUSAKA*, Berita Jabatan Pusat Sejarah Brunei, Bil. 2, 1988.
- _____, “Penyelidikan ‘Orang Ulu’ di Sarawak”, *Aktif*, Newsletter Pusat Sejarah Brunei Bil. 55, Jun 2003.
- _____, “Penyelidikan Kesultanan di Selatan Filipina”, *Aktif*, Newsletter Pusat Sejarah Brunei, Bil. 6, Nov 1997.

_____, “Yupai Semaring Manusia Misteri Dalam Sejarah Brunei”, *Aktif*, Newsletter Pusat Sejarah Brunei, Bil. 50, Januari 2003.

Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim, “Peranan Pusat Sejarah Brunei Dalam Penyelidikan dan Penulisan Sejarah”, *PUSAKA*, Berita Jabatan Pusat Sejarah, Brunei, Bil. 1, 1988.

Haji Awg Mohd Jamil Al-Sufri, “Sang Aji Brunei”, *Jurnal Darussalam*, Bil. 7, 2007.

Haji Mohamad Amin bin Hassan, “Boxer Codex: Rakaman Sejarah Brunei di Akhir Abad ke-XVI”, *Jurnal Darussalam*, Bil. 5, 2004.

Hang Nyipa, “Migrations of the Kayan People”, *SMJ*, VII, No. 7, 1956.

Harrison, T. and Harrisson, Barbara, “Kota Batu in Brunei (Introductory Report)”, *SMJ*, Vol. 7, No. 8, 1956.

Harrison, T., “Ethnological Notes on the Muruts of the Sepulut River, Sabah”, *JMBRAS*, Vol. 40, Pt. 1, 1967.

_____, “Gold and the Indian Influences in West Borneo”, *JMBRAS*, Vol. XXII, Pt. 4, 1949.

_____, “Newly Discovered Prehistoric Rock Carvings-Ulu Tomani, Sabah”, *JMBRAS*, Vol. 46, Pt. 1, No. 223, 1973.

_____, “Radio-Carbon (C-14) Dates from Kota Batu, Brunei back to 12,500 B.C”, *JMBRAS*, Vol. 45, Pt.1, No. 221, 1972.

HasHa, “Perkampungan Sejarah di Mukim Labi”, *Aktif*, Newsletter Pusat Sejarah Brunei, Bil. 33, Ogos 2001.

Hermansyah, “Pemurnian Islam di Pedalaman Kalimantan (Biografi H. Ahmad H. Abu Bakar)”, *Khatulistiwa Journal of Islamic Studies*, Jun 2005.

Hill, A.H., “Manggeng and Datu Merpati”, *JMBRAS*, Vol. XXVIII, Okt. 1, 1955.

Hj Awang Muhd. Jamil Al-Sufri, “Pengiran Anak Siti Khatijah (Uzong Tijah)”, *PUSAKA*, Bil. 9, 1999.

Holly, S., “The Origin of the Idaan People”, *SMJ*, Vol. VI, No. 5, 1955.

Howes, Petter, “Rajah Manggeng”, *JMBRAS*, Vol. XXVIII, Pt. 1, 1955.

Hudari, “Dayang Sumbi Puteri Kerajaan Jawa Awal”, *Aktif*, Bil. 55, Jun 2003.

Kroeger, Paul R., “Language Classification in Sarawak: A Status Report”, *SMJ*, Vol. LIII, No. 74, 1998.

Lawrence, A.E., “Stories of the First Brunei Conquests on the Sarawak Coast”, *SMJ*, Vol. 1, No. 1, 1911.

- Linehan, W., "The Kings of 14th Century Singapore", *JMBRAS*, Vol. 42, Pt. 1, No. 215, 1969.
- Logan, J.R., (ed.), "The River Baram", *The Journal of the Indian Archipelago Eastern Asia (JIAEA)*, Vol. V, 1851.
- _____, "Traces of the Origin of Malay Kingdom of Borneo Proper", *JIAEA*, 1-2, 1848.
- _____, "Notices of European Intercourse with Borneo Proper Prior to the Establishment of Singapore in 1819", *JIAEA*, Vol. 11, Pt. XXIII, 1848.
- Low, H., "Selesilah (Book of the Descent) of the Rajas of Bruni", *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society (JSBRAS)*, Vol. 5, June 1880.
- M. LeBar, Frank, "Legend, Culture History, and Geomorphology in the Kalabit-Kerayan Highland of North Central Borneo", *JMBRAS*, Vol. XLIII, Pt. 1, 1970.
- Mahlan Umar, "Taman Purbakala Candi Agung, Aumtai Kalimantan Selatan", *Booklet Mengenai Pojek Pmugaran dan Pemeliharaan Peninggalan Sejarah dan Purbakala Kalimantan Selatan 1980/1981*, Banjarmasin, 1981.
- Manuel, L. C., "Maragtas: The Datus From Borneo (The Earliest Known Visayan Text)", *SMJ*, Vol. VIII, No. 10, 1957.
- Maxwell, Allen R., "A Survey of the Oral Traditions of Sarawak", *SMJ*, Vol. XL, No. 61, 1989.
- _____, "Balui Reconnaissances: Notes on the Oral History of the Belaga Malay Community and Early Belaga", *SMJ*, Vol. LIV, No. 75, 1999.
- Moens, J.L., "Srivijaya, Yava and Kataha", *JMBRAS*, Vol. XVII, Pt. 11, 1939.
- Moor, J.H., (ed.), "Borneo Proper", *Notices of the Indian Archipelago and Adjacent Countries, Singapore*, 1873.
- Morris, S.H., "The Oya Melanau", *Malaysia Historical Society* (Sarawak Branch), 1991.
- Nicholl, R., "Myth and Legend in Brunei History", *BMJ*, Vol. VI, No. 1, 1985.
- _____, "Brunei Rediscovered a Survey of Early Times", *BMJ*, Vol. 4, No. 4, 1980.
- _____, "Trade with the East Coast of Borneo", *Notices of the Indian Archipelago and Adjacent Countries*, 1837.
- Nicolaisen, Ida, "From and Function of Panan Bah Ethno-historical Tradition", *SMJ*, Vol. XXIV, No. 45, 1976.
- Nyandoh and Lucas Chin, R., "A Progress Report on Archaeological Work at Gadong (1967-1969)", *SMJ*, Vol. XVII, No. 34-35, 1969.

- Othman bin Haji Mohd. Don, "Laporan Bengkel Pengumpulan Sejarah Lisan Negara Brunei Darussalam", *PUSAKA*, Brunei, Bil.1, 1988.
- Penghulu Gau Jau, "The Relation of Kenyah and Kayan (and Noted on Kenyah Marriage)", *SMJ*, Vol.VIII, No. 10, 1957.
- Rousseau, Jerome, "Central Borneo: A Bibliography", *SMJ*, Vol. XXXVIII, No. 59, 1988.
- _____, "The Baluy Area", *SMJ*, Vol. XXII, No. 43, 1974.
- Sandin, Benedict, "Origin of the Saribas Malay", *SMJ*, Vol. XVII, No. 34-35, 1969.
- _____, "Sources of Iban Traditional History", *SMJ*, No.7, Vol. XLVI, No. 67, 1994.
- _____, "The Bisayah and Indigenous People of Limbang", *SMJ*, Vol. XX, No. 40-41, 1972.
- _____, "The Traditional Folklores of the Kayan of Upper Rejang", *SMJ*, Vol. XXIII, No. 44, 1975.
- Santaren, Father, "Bisayan Accounts of Early Bornean Settlements in the Philippines", *SMJ*, Vol. VII, No. 7, 1956.
- Sather, Clifford, "Recent Studies of the Orang Miri", *Borneo Research Bulletin*, Vol. 11, No. 2, 1979.
- Shariffuddin P.M. and Abdul Hj. Latif Ibrahim, "The Royal Nobat of Brunei", *BMJ*, Vol. 4, No. 1, 1977.
- Skinner, C.F., "Mt. Kina Balu (A Dusun Legend of its Name)", *JMBRAS*, Vol. VI, Pt. IV, 1928.
- Stall, J., "Folklore of Sadong Dayaks", *JMBRAS*, Vol. XVIII, Pt. 11, 1940.
- Strickland, S.S., "Materials for the Study of Kejaman-Sekapan Oral Tradition", *SMJ*, Vol. XLIX, Pt. 1 & 11, No. 70. Pt. 1 & 11, Dec 1995.
- Sudarto, Yudo, "Sukadana Kerajaan Terkenal di Nusantara", *Pesona Wisata Ketapang*, 2005.
- Sweeney, P.L.A., (ed.), "Silsilah Raja-Raja Berunai", *JMBRAS*, Vol. XLI, Pt. 2, 1968.
- Yeap, Keng Leng, "Kajian Kualitatif: Satu Pengenalan", *Jurnal Keningau*, Bil. 3, 2000.
- Zaini Ozea, "Bahasa Melanau: Suatu Tanggapan Awal", *SMJ*, Vol. XL, No. 16, 1989.

TESIS DAN DISERTASI

Awang Haji Abdul Hamid bin Jaluddin, ‘*Syair Awang Semaun: Sebagai Epik Bangsa Melayu Brunei*’, (Dissertasi M.A.), Universiti Malaya, 1995/1996.

Rober A. Blust, ‘The Proto-North Sarawak Vowel Deletion Hypothesis’, (Ph. D. Dissertation), University of Hawai, 1976.

KERTAS KERJA PERSIDANGAN DAN SEMINAR

Abd. Karim Hj Abd. Rahman, “Kesultanan Brunei: Warisan Seriwijaya?”, *Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Anjuran Persatuan Sejarah Brunei dan Universiti Brunei Darussalam, 1989.

Gusti Kamboja, “Sejarah Tanjungpura, Merungkai Negeri yang Hilang”, *Kertas Kerja Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu VII; Kepulauan Borneo dan Persekutuarannya*, 23-24 Agustus 2006, Bahagian Kesusastraan Tradisional, Jabatan Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Kuching.

SUMBER INTERNET

http://id.wikipedia.org/wiki/Kerajaan_Tidung (Tarikh diakses, 10 Februari 2012, 9.00 a.m).

<http://software-comput.blogspot.com/2013/04> (Tarikh diakses, 15 September 2013, 8.00 a.m).

http://www.thefreelibrary.com/Ethnohistory-of-the-Kayanic-peoples-in-northeast-Borneo_4/15/2010 (Tarikh diakses 20 Jun 2011, 3.15 p.m).

<http://www.thefreelibrary.com/Wet-rice-cultivation-and-the-Kayanic-peoples-of-East> (Tarikh diakses 20 Jun 2011, 5.00 p.m).